

AKHIBAR
DAN
KUASA

AKHBAR

DAN

KUASA

Perkembangan
Sistem Akhbar
di Malaysia
Sejak 1806

MOHD. SAFAR HASIM



Penerbit Universiti Malaya

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Lembah Pantai
50603 Kuala Lumpur
Malaysia.

© Mohd. Safar Hasim 1996

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit.

Pengatur huruf: Zaini bt Ahmad Arif & AMA
Muka taip teks: Galliard
Saiz taip teks: 10/13.2 poin

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Safar Hasim

Akhbar dan kuasa: perkembangan sistem akhbar di Malaysia
sejak 1806 / Mohd. Safar Hasim.

Bibliografi: ms. 385-412

Mengandungi indeks

ISBN 967-9940-77-2

1. Press—Malaysia. 2. Press—Malaysia—History. 3. Press law—Malaysia.
4. Freedom of the press—Malaysia. 5. Press and politics—Malaysia.
6. Government and the press—Malaysia. I. Judul.
323.44509595

Dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur.

M
323.44509595
MSH

M 873925

14 JUL 1991

**Perpustakaan Negara
Malaysia**

Kandungan

Senarai Kes Yang Dirujuk	vii
Senarai Statut Yang Dirujuk	ix
Penghargaan	xiii
Sekapur Sirih	xvii
Bahagian 1	
⊗ Pendahuluan - <i>sej akhbar dunia</i>	1-36
Bahagian 2	
⊗ Permulaan Sistem Akhbar 1806-1867	37-114
Bahagian 3	
⊗ Kuasa Melalui Undang-undang 1867-1941	115-195
Bahagian 4	
Zaman Peralihan 1942-1957	197-238
Bahagian 5	
Zaman Merdeka 1957-1990	239-354
Bahagian 6	
Ikhtisan	355-383

Bibliografi
Indeks

385
413

Senarai Kes Yang Dirujuk

Datuk Dzulkifli bin Datuk Abdul Hamid v. Public Prosecutor (1981) 1 <i>MLJ</i>	112
J. P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors. (1987) 1 <i>MLJ</i>	134
Lim Kit Siang v. Public Prosecutor (1980) 1 <i>MLJ</i>	293
Minister of Home Affairs v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara (1990) 1 <i>MLJ</i>	351
Persatuan Aliran Kesedaran Negara v. Minister of Home Affairs (1988) 1 <i>MLJ</i>	440
Public Prosecutor v. Lim Kit Siang (1979) 2 <i>MLJ</i>	37

Senarai Statut Yang Dirujuk

- Akta No. XXX 1867
Akta XXVII 1856; Seksyen VIII
Akta Hak Cipta Antarabangsa 1886
Akta Hasutan 1948 (Akta 15)
Akta India No. XI 1835
Akta India No. XV 1857
Akta Kawalan Pengimportan Penerbitan 1958
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82)
Akta Mesin Cetak 1948 (Akta 58)
Akta Mesin Cetak 1948 (Disemak 1971)
Akta Mesin Cetak (Pindaan) 1974 (Akta A223)
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 (Akta A684)
Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 (Akta A30)
Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704), Perkara 121 Fasal 1
Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 (Akta A660)
Akta Rahsia Rasmi (Akta 88), Seksyen 8, 8(2), 11(1)
Akta Tugas Kehakiman 1967 (Akta No. 3 1867)
Enakmen Buku dan Percetakan 1915 (Bil)
Enakmen Buku dan Percetakan 1915 (No. 17 1915)

AKHBAR DAN KUASA

- Enakmen Buku dan Percetakan 1924 (No. 13 1924)
Enakmen Darurat Awam 1917
Enakmen Hasutan 1939 (Enakmen No. 13 1939)
Enakmen Mesin Cetak (Bab 89)
Enakmen Mesin Cetak 1924 (Enakmen No. 14 1924)
Enakmen Mesin Cetak (Pindaan) 1930 (No. 26 1930)
Enakmen Mesin Cetak No. 85 Kedah
Enakmen Mesin Cetak No. 100 Johor
Enakmen Mesin Cetak Kelantan
Enakmen Mesin Cetak 1351 Perlis
Enakmen Mesin Cetak dan Hasutan 1352 Terengganu
Enakmen Pendaftaran Buku 1898 (Enakmen No. 6 1898) [Selangor]
Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) 1919
Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) 1920
Enakmen Penerbitan Hasutan (Pindaan) 1930 (No. 28 1930)
Enakmen Penerbitan Hasutan (Pindaan) 1932 (No. 4 1932)
Enakmen Penerbitan Hasutan (Pindaan) 1932 (No. 5 1932)
Enakmen Penerbitan Hasutan Pindaan (Larangan) 1930 (Enakmen No. 28 1930)
Enakmen Penerbitan Hasutan Pindaan (Larangan) 1932 (Enakmen No. 5 1932)
Enakmen Tentera Laut dan Berita Ketenteraan (Darurat) 1914
Ordinan Akhbar Tempatan Sarawak (Bab 139)
Ordinan Hasutan 1948
Ordinan Hasutan No. 18 1938
(Ordinan) Malai Kan Rei No. 17
Ordinan Mesin Cetak (Bab 208)
Ordinan Mesin Cetak 1948 (No. 12 1948)
Ordinan Mesin Cetak (Pindaan) 1939 (No. 38 1939)
Ordinan Mesin Cetak 1920 (Ordinan No. 1 1920)
Ordinan Mesin Cetak 1920 (Ordinan No. 5 1920)
Ordinan Mesin Cetak 1948 (Pindaan) 1957 (Bil)
Ordinan Mesin Cetak (Pindaan) 1957 (No. 32 1957)
Ordinan Mesin Cetak Sabah (Bab 107)
Ordinan Mesin Cetak Sarawak 1962
Ordinan Mesin Cetak Sarawak 1962 Seksyen 8(5)(a)
(Ordinan) Nan So Kan Rei No. 13
(Ordinan) Nan So Kan Rei No. 16

- Ordinan No. 19 1938
- Ordinan No. 5 1867
- Ordinan No. 2 (Pencetak dan Penerbit)
- Ordinan Pencetak dan Penerbit 1921 (Ordinan No. 26 1921)
- Ordinan No. 151 (Penerbitan Hasutan)
- Ordinan Penerbitan Buku 1886 (No. XV 1886)
- Ordinan Penerbitan Buku 1886 (Bil)
- Ordinan Penerbitan Hasutan 1915 (Larangan) (Ordinan No. XI 1915)
- Ordinan Penerbitan Yang Tidak Diingini 1938
- Ordinan Penerbitan Yang Tidak Diingini (Bab 151) Sabah
- Ordinan Penerbitan Yang Tidak Diingini (Enakmen No. 12 1939)
- Ordinan Peruntukan Peraturan 1948
- Ordinan Peruntukan Peraturan (Tapisan) 1948
- Ordinan Tentara Laut dan Berita Ketenteraan (Darurat) 1914
- Peraturan Bengal 1818
- Peraturan Bengal III 1823
- Peraturan Bombay 1825
- Peraturan Bombay XXIV 1827
- Peruntukan Peraturan (Darurat Khas) 1948
- Peruntukan Pindaan Peraturan (Darurat Khas) (No. 2) 1948
- Perintah Dalam Majlis Mesyuarat Malayan Union 1946
- Perintah Dalam Majlis Mesyuarat Pendaftaran Buku 1895 (No. 17 1895 [Perak])
- Perlembagaan Malaysia Artikel 4(2)(b), Artikel 10(1), 19(2)
- The Maintenance of Public Peace and Order Law (Undang-undang Jepun)

Penghargaan

KAJIAN TERHADAP MEDIA MASSA DI NEGARA INI MASIH BARU. Masih banyak yang belum diterokai. Kajian yang dibuat terhadap perkembangan sistem akhbar menunjukkan bahawa ia juga satu bidang yang masih belum banyak disentuh. Penulis merasa bersyukur kepada Ilahi kerana dapat meyempurnakan buku ini memberi satu pandangan seluruh perkembangan sistem akhbar di Malaysia untuk hampir 200 tahun. Buku ini melihat dari sudut kebebasan dan kawalan, khususnya yang berkaitan dengan perundangan akhbar. Buku ini cuba menggambarkan sama ada wujud kebebasan atau kawalan dalam sesuatu tempoh tertentu. Ia tidak cuba menilai sama ada kebebasan atau kawalan itu baik atau sebaliknya. Ini kerana kebebasan itu sendiri tidak semestinya baik dalam keadaan-keadaan tertentu, sebaliknya kawalan juga tidak semestinya tidak baik dalam keadaan-keadaan yang lain.

Penulis berharap pengkajian begini akan diteruskan lagi oleh pengkaji lain pada masa depan. Apa yang dibentangkan di dalam buku ini hanyalah berdasarkan maklumat yang diperoleh. Mungkin ada lagi bahan yang tertinggal, atau tidak dapat digunakan atas sesuatu sebab tertentu. Gambaran mungkin berubah dengan ada maklumat baru. Dalam buku ini penulis mencuba seberapa boleh untuk memberi maklumat yang lengkap, dan mengasaskan kesimpulan berdasarkan maklumat tersebut. Mungkin terdapat kekurangan di sini. Ini bukanlah disengajakan. Hanya Allah yang unggul dari

AKHBAR DAN KUASA

segala segi. Sebarang kekurangan adalah kelemahan penulis sendiri dan mohon dimaafi.

Buku ini adalah hasil kajian Doktor Falsafah dalam bidang komunikasi. Pengkaji telah mendapat bantuan dan kerja sama daripada banyak pihak. Terima kasih istimewa ditujukan kepada Prof. Dr. Syed Arabi Idid, Pensyarah di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, sebagai penyelia yang telah banyak menolong, dan membimbing pengkaji hingga selesainya kajian ini.

Pengkaji juga menghargai sumbangan idea dan komen daripada Prof. Cheah Boon Kheng dari Universiti Sains Malaysia, Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim dari Universiti Islam Antarabangsa dan Prof. Madya Mohd. Sarim Mustajab ketika buku ini di peringkat tesis.

Saya amat menghargai kesudian Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim menulis kata-kata aluan kepada buku ini dan ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah membolehkan pengkaji menjalankan kajian ini dengan memberi cuti belajar dan menanggung sebahagian besar daripada biaya untuk kajian ini.

Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan BERNAMA, Perpustakaan Nasional Singapura dan Arkib Negara Singapura. Begitu juga para pegawai di Oriental and India Office Records, Colindale Newspaper Library, British Museum, dan Public Record Office. Para pegawai ini telah memberi pertolongan yang besar artinya kepada pengkaji kerana tanpa bantuan mereka mungkin bahan-bahan yang diperlukan tidak akan diketahui kewujudannya.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang individu yang banyak memberi dorongan kepada pengkaji. Mereka termasuk Ketua Jabatan Komunikasi Prof. Madya Dr. Samsudin Abdul Rahim yang mengambil berat di atas kemajuan penyelidikan dan menolong kelancaran dari segi pentadbiran, Puan Asiah Sarji sebagai rakan berbincang, begitu juga beberapa rakan lain di Jabatan Komunikasi yang bersedia menjadi tempat penguji idea.

Akhir sekali, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri tersayang, Fatimah Yusoff, yang banyak memberi pertolongan termasuk

dari segi intelektual, walaupun beliau sendiri terpaksa menguruskan pengajian kedoktorannya. Anak-anak juga menjadi dorongan kepada penulis.

Mohd. Safar Hasim
Jabatan Komunikasi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Sekapur Sirih

SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA PENULIS KERANA BERJAYA MENULIS buku yang pertama seumpamanya dalam bidang ini di negara ini.

Buku ini cukup menarik. Ia menyorot perkembangan perundangan akhbar di Malaysia sejak awal-awal lagi. Walaupun perbincangannya berkisar kepada perundangan yang berkaitan dengan akhbar, ia telah menggabungkan perbincangannya dari segi politik dan sejarah. Ia bukan sekadar melihat penggubalan undang-undang tertentu, serta pindaan-pindaan yang dilaluinya, tetapi juga menceritakan kenapa sesuatu undang-undang dan pindannya itu dibuat. Buku ini hanya boleh lahir hasil daripada penyelidikan dan pemerhatian yang berat yang diberikan oleh penulis. Hasilnya mudah diikuti walaupun tempoh yang diliputinya agak panjang iaitu kira-kira 200 tahun.

Saya dapati penulis telah menggunakan konsep kuasa dalam buku ini untuk melihat keseluruhan perkembangan itu. Konsep kuasa ini dipecahkan kepada lima dimensi iaitu eksekutif, legislatif, kehakiman, akhbar dan rakyat. Berdasarkan lima dimensi kuasa itu penulis memperkenalkan satu pendekatan yang dipanggilnya sebagai Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa atau ringkasnya Perspektif Kuasa, dalam usaha untuk melihat perkembangan sistem akhbar dari dahulu hingga sekarang. Semoga pengenalan Perspektif Kuasa dapat memudahkan mengenalpasti, menjelas dan meramal sistem akhbar bukan saja di negara ini tetapi juga di negara-negara lain di dunia.

AKHBAR DAN KUASA

Sebagai seorang yang berminat dalam bidang undang-undang dan juga komunikasi, saya mengalu-alukan kelahiran buku ini. Saya harap buku ini dapat merangsang banyak lagi penulisan dalam bidang ini dan menolong memperkembangkan pengetahuan dalam bidang undang-undang yang berkaitan dengan akhbar khususnya, dan komunikasi amnya.

Selamat membaca kepada pembaca sekalian.

Terima kasih.

Profesor Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim
Dekan
Kulliyah Undang-undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

BAHAGIAN 1

Pendahuluan

Pengenalan	3
Perspektif Kuasa	11

BAB 1

Pengenalan

BUKU INI MEMBINCANGKAN TENTANG KEBEBASAN DAN KAWALAN dalam sistem akhbar di Malaysia. Penekanan diberikan kepada aspek undang-undang yang berkaitan dengan akhbar; penghuraian dibuat terhadap kenapa ia digubal dan kejadian-kejadian yang berkaitan dengan penggubalan undang-undang itu. Perkembangan undang-undang akhbar ini dilihat selama kira-kira 200 tahun bermula dari zaman penjajahan British sehingga zaman kemerdekaan. Secara rasminya perkembangan peraturan dan undang-undang akhbar bermula daripada terbitnya akhbar pertama di negara ini, iaitu *The Prince of Wales Island Gazette* dalam tahun 1806 di Pulau Pinang. Bagaimanapun, oleh kerana perkaitan Pulau Pinang amat rapat dengan perkembangan Tanah Jajahan British di India, perkembangan peraturan dan undang-undang India dari sekitar tahun 1790 juga diberi perhatian. Kajian ini dibuat sehingga tahun 1990 apabila pilihan raya umum yang paling mencabar diadakan, yang dikira sebagai mercu tanda yang sesuai untuk menamatkan kajian ini. Tempoh yang panjang ini dipecahkan kepada empat tahap.

Teras kajian ini ialah kuasa, iaitu kedudukan dan hubungan kuasa antara kerajaan, rakyat, dan akhbar yang menolong mencorakkan sistem akhbar itu. Pada peringkat awal, sistem akhbar berbentuk mudah dan pihak yang terlibat tidak begitu banyak. Bagaimanapun, dengan perjalanan masa, banyak pihak terlibat dan banyak kejadian berlaku yang melibatkan akhbar dan ini menjadikan

sistem akhbar lebih kompleks. Dalam tempoh kajian undang-undang digunakan oleh kerajaan untuk mengawal akhbar. Politik juga memainkan peranan penting dalam pembentukan sistem akhbar terutamanya selepas merdeka apabila parti pemerintah dapat menguasai beberapa akhbar utama di negara ini. Sistem akhbar dilihat wujud sebagai sebahagian daripada sistem negara yang lebih besar, yang memenuhi matlamat negara yang lebih besar.

Setiap negara mempunyai sistem akhbarnya sendiri.¹ Sistem ini merupakan peraturan atau cara bagaimana media massa di negara tersebut berjalan. Sistem akhbar mungkin sama atau berbeza-beza antara negara. Menurut Syed Arabi Idid, sistem akhbar menerima kesan atau dipengaruhi oleh beberapa faktor, misalnya sejarah negara berkenaan, bentuk penduduknya, dasar kerajaan, pembangunan ekonomi, politik, dan sistem perundangan.² Ini ditegaskan oleh Rivers dan Schramm yang komunikasi massa dibentuk, diwarnai dan dicita rasai daripada awal lagi oleh masyarakat.³

Berbagai-bagai teori telah dikemukakan dalam usaha untuk mengenal pasti dan memahami sesuatu sistem akhbar. Usaha paling awal dilakukan ke arah ini ialah dalam tahun 1956 oleh Siebert, Peterson, dan Schramm yang memperkenalkan Tanggungjawab Sosial.⁴ Empat teori itu, iaitu Autoritarian (atau Adikara), Kebebasan (atau *Libertarian*), Tanggungjawab Sosial, dan Komunis Soviet (atau Totalitarian Soviet) diasaskan kepada kepercayaan asas tertentu dan andaian yang dipegang oleh masyarakat, iaitu keadaan manusia, keadaan masyarakat dan negara, hubungan manusia dengan negara, dan keadaan ilmu dan kebenaran.⁵ Empat teori ini telah digunakan sekian lama, malah dianggap sebagai klasik. Bagaimanapun, oleh kerana perkembangan masa dan juga pemikiran baru, empat teori itu didapati tidak dapat mencakupi semua sistem akhbar di semua negara di dunia. Malah teori Komunis Soviet turut menjadi usang apabila negara Soviet Union berkubur. Beberapa teori lain dicadangkan. Dalam tahun 1981, Hachten mencadangkan lima konsep akhbar yang berasaskan kepada empat teori asal tetapi menamakannya Konsep Autoritarian, Konsep Barat, (menggabungkan Kebebasan dan Tanggungjawab Sosial), Konsep Komunis, dan menambah dua konsep lain, iaitu Konsep Revolusioner dan Konsep Pembangunan.⁶ Ini diikuti dalam tahun 1983 oleh McQuail yang merumuskan enam teori norma media, empat daripadanya teori yang dikemukakan oleh Siebert et al., dengan menukarkan nama Kebebasan kepada Teori Kebebasan Akhbar dan Komunis Soviet menjadi Teori Media Soviet, manakala Autoritarian dan Tanggungjawab Sosial kekal dengan nama asal. McQuail menambah dua teori lain, iaitu Teori Pembangunan Media dan Teori Penyertaan Demokratik Media (*Democratic-participant Media Theory*).⁷ McQuail

tidak menyebut tentang sumbangan Hachten walaupun terdapat sedikit persamaan dari segi label Konsep Pembangunan oleh Hachten dengan Teori Pembangunan Media oleh McQuail kerana McQuail mengasaskan teori itu kepada laporan Suruhanjaya McBride yang ditubuhkan oleh UNESCO.⁸

Pertambahan teori ini menunjukkan empat teori asal tidak dapat mencakupi sistem akhbar di sesetengah negara, dan tidak dapat mengambil kira perkembangan sistem akhbar di negara-negara lain. Pemakaian empat teori akhbar secara total untuk mengkaji sistem akhbar di Malaysia agak sukar dilakukan. Ini kerana sukar untuk menentukan teori apakah yang sesuai digunakan? Jika diteliti betul-betul, dengan menggunakan pencirian empat teori akhbar, Malaysia mempunyai unsur daripada berbagai-bagai teori yang disebutkan, malah ia juga menerima ciri-ciri daripada teori lain seperti yang dicadangkan oleh Hachten ataupun McQuail. Bagaimanapun, Siebert et al., menggolongkan negara-negara bukan komunis, selain daripada yang betul-betul mengamalkan teori Kebebasan seperti Amerika Syarikat dan Great Britain adalah di bawah teori Tanggungjawab Sosial.⁹

Sistem Akhbar di Malaysia

Malaysia mewarisi sistem akhbar yang ditinggalkan oleh British apabila ia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, termasuk mewarisi undang-undang akhbar yang dibentuk pada waktu penjajahan British. Kini setelah lebih 30 tahun merdeka perubahan jelas dapat dilihat dalam perjalanan dan pengendalian akhbar di negara ini. Pada peringkat awal kemerdekaan, undang-undang merupakan ciri penting dalam sistem akhbar negara ini, tetapi kini pemilikan syarikat akhbar oleh ahli-ahli atau kumpulan yang rapat dengan parti politik yang menganggotai kerajaan merupakan satu ciri yang menarik dalam perkembangan sistem akhbar di negara ini. Akhbar-akhbar utama negara ini, seperti *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, dan *The Star* dikuasai modalnya oleh ahli-ahli parti atau oleh syarikat yang dikuasai oleh ahli-ahli atau kumpulan yang rapat dengan parti politik yang menganggotai kerajaan. Bagaimanapun, langkah parti-parti politik menguasai akhbar bukanlah sesuatu yang baru. Malah, permulaannya sudah dibuat oleh parti Kuomintang apabila ia bergerak di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 20-an lagi.

Langkah pertama penglibatan ahli-ahli atau kumpulan yang rapat dengan parti pemerintah dalam menguasai akhbar di negara ini ialah pengambilalihan syarikat akhbar *Utusan Melayu* melalui pembelian saham oleh UMNO dalam

tahun 1961. Langkah kedua berlaku selepas peristiwa 13 Mei 1969. Suatu rombakan besar telah dilakukan terhadap sistem politik dan ekonomi negara ini yang menghasilkan dasar besar, iaitu untuk mengurangkan berpolitik (yang membawa kepada terbentuknya Barisan Nasional) dan penyusunan semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Berikutan dengan itu usaha dilakukan dengan mengehendkan pemilikan saham akhbar di negara ini kepada 20% oleh rakyat asing. Melalui proses ini, ahli-ahli atau kumpulan yang rapat dengan UMNO melalui Fleet Group berjaya memiliki saham The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan di negara ini bagi menggantikan The Straits Times. Apabila The New Straits Times dijadikan syarikat awam, sebahagian besar sahamnya masih dipegang oleh Fleet Group.

Pertukaran milik syarikat The Straits Times, yang kemudiannya membentuk The New Straits Times telah membuka jalan ke arah pemilikan saham oleh UMNO melalui Fleet Group Sdn. Berhad yang menguasai syarikat The New Straits Times Press Berhad. Sementara itu beberapa parti politik lain juga menguasai syarikat akhbar lain. Penguasaan milik akhbar utama oleh UMNO, khususnya, memperlihatkan satu ciri baru dalam pengendalian dan perjalanan akhbar di negara ini. Akhbar-akhbar utama ini kini dikendalikan oleh lembaga pengarah dan para pengarangnya adalah juga ahli parti atau yang bersimpati dengan parti. Ini bermakna pengawalan berlaku dari dua jurusan, iaitu kerajaan, melalui undang-undang yang ada dan politik, melalui pemimpin parti.

Peristiwa penjualan sebahagian saham akhbar *The Star* dalam tahun 1989 jelas memperlihatkan keperluan parti politik untuk terus menguasai akhbar. Sebelum penjualan yang berlangsung dalam bulan September 1989, 78 peratus saham akhbar *The Star* dipegang oleh Huaren Holdings Berhad, sebuah syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan Parti MCA, 12 peratus oleh Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB) sebuah lagi syarikat yang mempunyai pertalian rapat dengan MCA, dan 10 peratus dipegang oleh pelabur lain termasuk pelabur Bumiputera. Suatu usaha telah dibuat untuk membeli MPHB oleh Hume Malaysia, sebuah anak syarikat Hong Leong Berhad, bagaimanapun pembelian ini ditentang oleh MCA kerana ada ura-ura untuk menjadikan Hume sebuah syarikat milik United Engineering Malaysia (UEM), sebuah syarikat yang separuh sahamnya dipegang oleh UMNO. Akhirnya Kamunting Corporation Berhad berjaya membeli MPHB dan sekaligus memiliki saham *The Star* sebanyak 12 peratus.¹⁰ Berikutan dengan itu, Kamunting Corporation Berhad, melalui anak syarikatnya Malaysian Plantation bercadang membeli 39 peratus saham *The Star* dari Huaren Holdings Berhad. Jika ini berlaku Kamunting Corporation akan memiliki 51 peratus saham dalam *The Star*. Pegangan terus

MCA dalam syarikat akhbar itu akan menjadi 38 peratus sahaja. Bagaimanapun, Presiden MCA, Dr. Ling Liong Sik menyatakan bahawa parti itu mahu mempunyai kawalan sama banyak dalam lembaga pengarah Star Publications. Beliau dilaporkan berkata bahawa sebuah perjanjian pemegang saham akan dimeterai yang memberikan wakil parti dalam Huaren Holdings jumlah pengarah yang sama dalam lembaga *The Star*.¹¹ Mungkin kerana sebab ini, iaitu kawalan yang sama banyak walaupun pegangan yang tidak sama, telah menyebabkan cadangan pembelian saham *The Star* oleh Kamunting Corporation tidak terlaksana. Akhirnya, sebuah syarikat lain, IGB Corporation, membeli sebanyak 20 peratus saham daripada Huaren Holdings Berhad, menjadikan bakinya sebanyak 58 peratus masih di tangan Huaren.¹² Dengan pegangan ini soal siapa lebih berkuasa ke atas *The Star* tidak timbul lagi.

Walaupun terdapat beberapa buah syarikat akhbar di negara ini dimiliki sebahagian besar sahamnya oleh parti-parti politik yang menerajui kerajaan, namun corak pemilikan akhbar di negara ini adalah dikuasai oleh pihak swasta. Tidak ada akhbar yang dimiliki oleh kerajaan secara terus. Selain pemilikan akhbar-akhbar besar oleh parti-parti politik kerajaan, ada juga akhbar yang dimiliki oleh parti-parti politik pembangkang, yang merupakan organ parti seperti *Harakah* oleh PAS, dan *The Rocket* oleh DAP. *The Rocket* dicetak juga dalam Bahasa Malaysia dan Mandarin. Selain itu terdapat banyak akhbar milik bebas, yang tidak terikat dengan parti-parti politik, yang diterbitkan secara mingguan atau dua kali seminggu seperti *Watan*, *Nusantara*, *Mingguan Perdana*, dan sebagainya. *Watan*, misalnya, menyiarkan berita daripada parti-parti kerajaan dan juga pembangkang.

Ada tiga peristiwa yang berlaku dalam tahun 1986 dan 1987 yang memberi kesan kepada pengawalan terhadap akhbar. Peristiwa pertama ialah pengusiran keluar dua orang wartawan *The Asian Wall Street Journal*, iaitu John Berthelsen dan Rafael Pura dalam bulan September 1986 kerana dikatakan menulis berita yang memburukkan Malaysia. Mahkamah Agung telah membatalkan perintah pengusiran mereka.¹³ Peristiwa kedua ialah soal permohonan Persatuan Aliran Kesedaran Negara (Aliran) untuk menerbitkan sebuah majalah dalam Bahasa Malaysia. Aliran telah membawa soal penolakan permohonannya ke Mahkamah Tinggi dalam tahun 1987, yang memutuskan bahawa kerajaan harus memberi permit yang diminta sebagai satu perkara biasa.¹⁴ Bagaimanapun, Mahkamah Agung kemudiannya mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi.¹⁵ Peristiwa yang ketiga ialah penangkapan 106 orang dan penarikan balik permit penerbitan empat buah akhbar, iaitu *The Star*, *The Sunday Star*, *Watan*, dan *Sin Chew Jit Poh*, pada bulan Oktober–November 1987, juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan sistem akhbar di Malaysia. Ketiga-tiga peristiwa itu menyebabkan

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 diperketatkan lagi.¹⁶ Menurut kerajaan, langkah yang diambil adalah untuk mengekalkan ketenteraman negara, suatu perkara yang sering ditekankan oleh pihak pemerintah.

Sistem akhbar mula wujud di negara ini dalam tahun 1806 apabila akhbar pertama, iaitu *The Prince of Wales Island Gazette* diterbitkan di Pulau Pinang. Akhbar ini banyak bergantung kepada ihsan kerajaan dari segi kewangan dan urus niaga untuk hidup. Hubungan ini memberi kuasa yang lebih kepada kerajaan untuk mengawal akhbar itu melalui penapisan terus. Undang-undang akhbar belum ada ketika itu tetapi kuat kuasanya dijalankan melalui kuasa pentadbiran. Kemudian penapisan akhbar dihapuskan di Negeri-negeri Selat dalam tahun 1833.

Dalam tahun 1835 kerajaan Syarikat Hindia Timur di India memperkenalkan undang-undang berkaitan dengan percetakan, iaitu Akta India No. 11 1835 yang memerlukan mesin cetak didaftarkan pemilikannya dengan kerajaan.¹⁷ Pendaftaran ini bukanlah lesen atau permit, ia hanya sekadar memastikan siapa yang memiliki mesin cetak. Undang-undang ini sebenarnya memberi kebebasan kepada akhbar kerana ia menghapuskan Akta Sumbat Mulut (*Gagging Act*) yang diluluskan dalam tahun 1823. Undang-undang 1835 itu dilanjutkan ke Negeri-negeri Selat. Undang-undang 1835 itu hanya dimansuhkan dalam tahun 1920 apabila pelesenan mesin cetak diwajibkan mulai tahun 1920 di Negeri-negeri Selat berikutan langkah kerajaan untuk membendung kegiatan Kuomintang.¹⁸ Undang-undang yang serupa diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1924.¹⁹ Pengenalan pelesenan mesin cetak ini merupakan satu mercu tanda penting di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Satu lagi mercu tanda ialah pengenalan permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar.²⁰ Dalam tahun 1939 apabila kerajaan Negeri-negeri Selat berhadapan dengan propaganda Jepun, kerajaan itu memperkenalkan permit penerbitan. Ini bermakna sesiapa yang ingin menerbitkan akhbar perlulah mendapatkan permit. Selain itu kerajaan boleh mengenakan syarat dalam bahasa apa sesebuah akhbar itu harus diterbitkan.²¹ Apabila Persekutuan Tanah Melayu menghadapi ancaman komunis, dan undang-undang darurat diisytiharkan, satu daripada langkah pertama ialah memperkenalkan Ordinan Mesin Cetak 1948 (*Printing Presses Ordinance 1948*). Undang-undang ini diasaskan kepada undang-undang terdahulu dan dua peruntukan penting, iaitu lesen untuk mesin cetak dan permit untuk penerbitan dimaktubkan di dalamnya.²² Apabila negara ini mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Ordinan Mesin Cetak itu terus digunakan. Walaupun beberapa pindaan dibuat terhadap undang-undang itu, tetapi peruntukan lesen mesin cetak dan permit penerbitan tetap dikekalkan.²³

Salah satu perkara penting yang dikaitkan dengan sistem akhbar ialah sejauh mana kebebasan ada di bawah sesuatu sistem. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan cara demokrasi, yang antaranya memerlukan kerajaan dipilih setiap lima tahun sekali, kebebasan bersuara adalah satu daripada asas penting dalam amalan sistem pemerintahan tersebut. Kebebasan bersuara membolehkan berbagai-bagai parti politik yang bertanding untuk mendapat undi rakyat menyatakan pendapat mereka. Lanjutan daripada kebebasan bersuara ialah kebebasan akhbar yang membolehkan akhbar menyiarkan pelbagai pendapat yang bercanggah supaya rakyat mengetahui pendirian berbagai-bagai parti politik yang ada di negara berkenaan. Apa yang perlu diingati ialah demokrasi juga ada berbagai-bagai warnanya, atau berbagai-bagai model demokrasi.²⁴ Apa yang ada di Malaysia ialah satu daripada model demokrasi tersebut. Model demokrasi itu telah membolehkan parti pemerintah memperoleh kuasa yang besar di Parlimen dan dengan demikian menguasai kuasa-kuasa lain. Ini juga memberi kesan ke atas kebebasan akhbar di Malaysia.

Kebebasan sebagaimana yang difahami kini di Malaysia adalah satu Konsep Barat. Di Barat, pada amnya, hubungannya adalah berbentuk persetujuan antara kerajaan dan akhbar. Di Malaysia, amalan yang ketara ialah satu perkongsian. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra menyatakan Tanah Melayu adalah sebuah negara demokrasi yang berdaulat dan merdeka yang diasaskan pada prinsip kebebasan (*liberty*) dan keadilan dan sentiasa berusaha untuk kebajikan dan kesentosaan rakyat.²⁵

Konsep asas di sini ialah kebebasan. Kebebasan, sebagaimana yang difahami oleh penggubal Perlembagaan Merdeka, dilihat dari segi apa yang difahami oleh Barat. Kebebasan didapati sesuai dengan perkembangan sosial dan politik di negara ini. Artikel perlembagaan dan undang-undang yang berkaitan dengan kebebasan, kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar telah digubal atau dipinda. Sesetengah pihak berpendapat ia adalah bercanggah dengan konsep kebebasan yang asal.²⁶ Sekarang ini terdapat beberapa undang-undang di negara ini yang berkaitan dengan soal kebebasan itu. Beberapa akta tertentu digubal atau dipinda berikutan dengan perkembangan politik dan sosial. Misalnya, Peristiwa 13 Mei 1969, telah menyebabkan pindaan kepada Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi. Pindaan-pindaan ini menjejaskan kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar, tetapi dianggap perlu oleh kerajaan.²⁷

Seluruh proses ini menyumbang ke arah pembentukan satu sistem akhbar bagi Malaysia, selaras dengan latar budaya, politik, dan ekonominya. Keadaan ini agak dinamik dan besar kemungkinan perubahan akan terus berlaku sehingga ia mencapai ke suatu tahap yang mantap.

Catatan

1. Syed Arabi Idid, dlm. A. Mehra (ed.), *Press Systems in ASEAN States* (Singapura: Asian Mass Communication Research and Information Centre, 1989).
2. Ibid.
3. W. L. Rivers, & W. Schramm, *Responsibility in Mass Communication*, edisi semak (New York: Harper and Row, 1969), 29.
4. F. S. Siebert, T. Peterson, & W. Schramm, *Four Theories of the Press* (University of Illinois, 1956).
5. Ibid., 2.
6. W. A. Hachten, *The World News Prism* (Ames, Iowa: The Iowa State University Press, 1981).
7. D. McQuail, *Mass Communication Theory* (London: Sage Publications, 1983), 84-98.
8. Ibid., 94.
9. F. S. Siebert et al., 4.
10. "Kamunting to help upgrade and expand *The Star*," *The Star*, 10 Okt. 1989.
11. MCA to retain equal control of *Star*. Ling, *The Star*, 11 Okt. 1989, 3.
12. *New Straits Times*, 13 Julai 1990.
13. *J. P. Berthelsen v. Director General of Immigration, Malaysia & Ors.*, [1987] 1 MLJ 134.
14. *Persatuan Aliran Kesedaran Negara v. Menteri Dalam Negeri*, [1988] 1 MLJ 440.
15. *Menteri Dalam Negeri v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara*, [1990] 1 MLJ 351.
16. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 (Akta A684).
17. Akta India No XI 1835, Seksyen 8.
18. Printing Presses Ordinance, 1920 (Ordinan No. 1 1920), Seksyen 3.
19. Printing Presses Enactment, 1924 (Enakmen No. 14 1924), Seksyen 3.
20. Printing Presses (Pindaan) Ordinan 1939, Seksyen 6A(1).
21. Ibid.
22. Printing Presses Ordinance, 1948 (No. 12 of 1948), Seksyen 3 dan 7.
23. Printing Presses Ordinance, 1948 (No. 12 of 1948) Seksyen 3 dan 7; Printing Presses Act 1948 (Act 58), Seksyen 3 dan 7; Printing Presses and Publications Act 1984 (Akta 301).
24. D. Held, *Models of Democracy* (Oxford: Polity Press, 1987).
25. "Proclamation of Independence," Kuala Lumpur, 31 Ogos, 1957.
26. Gurmit Singh, K. S., "Fundamental Liberties: Some Reflections," 212-230; dan Lee Min Choon, "Fundamental Liberties," 231-244, dlm. Aliran, *Reflections on the Malaysian Constitution* (P. Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1987).
27. Akta Hasutan 1948 (Act 15), Seksyen 3(1)(e); Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 (Akta A660), memperuntukkan hukuman minimum satu tahun penjara.

BAB 2

Perspektif Kuasa

BAB INI MENGHURAIKAN KUASA SEBAGAI KERANGKA TEORITIKAL. Dengan meminjam konsep Locke dan Montesquieu mengenai pemisahan kuasa, buku ini mencadangkan pendekatan Integrasi dan Pemisahan Kuasa untuk mengkaji sesuatu sistem akhbar. Kuasa dilihat sebagai satu dimensi yang meliputi eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar, dan rakyat. Ia menekankan ciri kuasa dalam sesuatu sistem pemerintahan bukan label ideologi sistem pemerintahan itu.

Perhatian utama diberikan kepada hubungan kuasa eksekutif dengan ciri-ciri kuasa yang lain, iaitu sama ada kuasa eksekutif menguasai kesemua ciri kuasa yang lain, atau kuasa eksekutif merupakan kuasa dominan dibandingkan dengan empat ciri kuasa yang lain itu, atau kuasa eksekutif seimbang secara relatif dengan kuasa-kuasa yang lain. Kajian juga melihat petanda-petanda kuasa, yang merupakan kawalan terhadap kuasa lain, khususnya undang-undang yang berkaitan dengan akhbar.

Empat Teori Akhbar yang dikemukakan oleh tiga orang sarjana dalam tahun 1956 telah dikaji dan didapati mempunyai beberapa kelemahan tertentu, seperti terlalu statik, terlalu khusus kepada sesuatu negara dan tidak memberi ruang untuk perkembangan lain. Bagaimanapun, empat teori ini menjadi titik tolak yang membolehkan dikemukakan pendekatan dimensi kuasa ini.

Takrif Teori dan Sistem Akhbar

Para sarjana mempunyai berbagai-bagai cara untuk mentakrifkan sistem akhbar. Misalnya, Syed Arabi Idid melihat sistem akhbar di Malaysia dalam beberapa dimensi seperti teknologi, pemilikan (kerajaan atau swasta), dan perspektif fungsional.¹ Selain itu, sistem akhbar juga ditakrifkan sebagai konfigurasi keseluruhan perkakasan, personel, dan cara media massa beroperasi di sesebuah negara, yang juga mencerminkan keadaan ekonomi, sosial, politik, dan juga geografi.² Dalam kajian ini sistem akhbar bermaksud hubungan antara kerajaan, rakyat, dan akhbar. Para sarjana juga cuba melihat di bawah teori apa sesuatu sistem akhbar beroperasi. Oleh yang demikian bab ini akan cuba menghuraikan sedikit mengenai teori dan teori akhbar.

Teori, menurut Kerlinger, ialah satu rangkaian konsep, takrifan, dan perkadaran yang saling berkait, yang mengemukakan satu pandangan secara sistematik mengenai fenomena dengan memperincikan hubungan di kalangan pembolehubah, dengan tujuan untuk menjelas dan meramalkan fenomena itu.³ Kerlinger merumuskan dengan cara ini seseorang ahli sains dapat memahami, menjelas, dan meramal sesuatu fenomena.⁴

Berdasarkan penjelasan Kerlinger ini bolehlah dicari satu set cadangan yang mengandungi konsep yang jelas dan saling berkaitan dalam mana-mana negara yang mempunyai akhbar. Apa yang perlu diingat ialah setiap negara mempunyai sistem pemerintahannya sendiri; ada pemerintahan tentera, pemerintahan diktator (seorang atau ramai), pemerintahan beraja mutlak, pemerintahan raja berperlembagaan, dan pemerintahan secara demokrasi. Pemerintahan secara demokrasi ada berbagai-bagai jenis dan model.

Tahap kawalan oleh pemerintah juga ada berbagai-bagai berdasarkan sistem pemerintahan yang diamalkan oleh negara-negara berkenaan. Tahap kawalan ini boleh dilihat sama ada media di negara-negara berkenaan dikawal oleh undang-undang tertentu atau sebaliknya. Lebih banyak undang-undang yang mengawalinya, secara amnya, lebih terkawallah media di negara-negara berkenaan. Walaupun demikian perlu dilihat apakah yang dikawal oleh undang-undang itu dan tujuan kawalan itu dibuat. Perbezaan kasar boleh diberi berdasarkan sama ada terdapat kawalan oleh media sendiri atau oleh kerajaan.

Oleh itu teori akhbar boleh dibentuk berdasarkan perjalanan sistem akhbar di sesebuah negara, yang pengendaliannya adalah berasaskan kepada sistem politik negara berkenaan. Sebagaimana yang diketahui setiap negara mempunyai corak atau sistem pemerintahannya sendiri, dan teori akhbar boleh digemblengkan untuk menjelaskan sistem akhbar sesuatu negara berkenaan.

Sistem akhbar sesebuah negara adalah berbeza-beza. Ia mungkin berbentuk bebas, seperti di beberapa negara Barat; atau dikawal oleh negara, seperti di negara-negara komunis; atau dikawal oleh kerajaan, seperti di sesetengah negara membangun. Martin and Chaudhary menggalurkan media di dunia ini menurut tiga sistem dunia, iaitu sistem media dunia pertama, kedua, dan ketiga.⁵ Jelas sekali penggaluran begini dibuat secara umum sahaja. Perubahan-perubahan yang berlaku di beberapa negara komunis, seperti Soviet Union dan negara-negara yang dahulunya dikenali sebagai blok Timur memerlukan satu penilaian baru terhadap pandangan atau teori yang dikaitkan dengan negara-negara berkenaan.

Perbezaan paling ketara ialah di Dunia Ketiga di mana terdapat sistem politik yang berbagai-bagai, iaitu yang terdiri daripada sistem pemerintahan demokrasi, komunis, diktator, sosialis, dan sebagainya. Sistem pemerintahan demokrasi sendiri juga ada berbagai-bagai, mengikut model tertentu. Britain, Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Jepun, Malaysia, India, Australia, dan banyak negara lain mengamalkan pemerintahan demokrasi. Walaupun terdapat persamaan dari segi amalan pilihan raya untuk memilih kerajaan dalam semua negara ini, namun terdapat perbezaan dalam amalan-amalan lain yang selaras dengan kehendak sesuatu negara itu.

Siebert et al., menggolongkan sistem akhbar negara bukan komunis sebagai terletak di bawah teori Tanggungjawab Sosial.⁶ Walaupun negara bukan komunis banyak dan berbeza-beza tetapi ia termasuk dalam golongan ini seperti Malaysia. Walau apa pun label yang digunakan untuk memanggil sistem akhbar di Malaysia, namun ia tidak dapat lari daripada Perlembagaan, dan sistem pemerintahan negara ini yang dirumuskan dalam Rukun Negara, yang ditonjolkan sebagai falsafah negara. Kandungan Rukun Negara menyebut mengenai kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, dan Menjunjung Kedaulatan Perlembagaan.

Sebagai usaha untuk memahami, menjelas dan juga meramal tentang sesuatu sistem media di dunia, lahirlah teori akhbar ataupun teori media. Teori sistem, menurut Katz dan Kahn, pada asasnya berperihatin terhadap permasalahan hubungan, struktur, dan saling bergantung.⁷ Beberapa pendekatan yang berlainan telah dibuat tentang hubungan antara media massa dan masyarakat. Antaranya ialah sebagai satu aspek sejarah pertumbuhan media massa; dengan menggambarkan media massa sebagai institusi perantaraan dalam masyarakat; dan melalui idea tentang fungsi media massa dalam masyarakat.⁸ McQuail menyebut tentang teori normatif, yang terutamanya menyatakan idea bagaimana media "sepatutnya", atau boleh "dijangkakan", bergerak di bawah satu set

keadaan dan nilai semasa. Sebahagian besarnya setiap teori adalah berkaitan dengan suatu bentuk teori politik atau set keadaan politik-ekonomi dan nampaknya seolah-olah setiap satu sistem politik dan sekalipun setiap masyarakat mempunyai teori akhbar yang berasingan, sekalipun jika ia tidak jauh menyimpang daripada suatu jenis umum.⁹

Kritikan Terhadap Empat Teori Akhbar

Empat Teori Akhbar dilihat sebagai terikat kepada label sistem pemerintahan negara tertentu. Misalnya, Teori Komunis Soviet dikaitkan dengan Soviet Union, dan Teori Kebebasan dengan Amerika Syarikat. Bagaimana halnya dengan negara lain di dunia yang tidak betul-betul termasuk ke dalam tipologi teori yang dikemukakan itu? Beberapa orang sarjana Amerika melihat Empat Teori Akhbar lahir ketika Amerika dan Soviet Union sedang menghadapi perang dingin dalam tahun 50-an.¹⁰ Jelas sekali ia adalah hasil kajian menurut sudut pandangan orang Amerika.¹¹ Dengan demikian tidak dapat dipastikan teori mana yang "baik" dan yang "tidak baik". Kebanyakan para sarjana komunikasi menerima gagasan Empat Teori Akhbar yang dikemukakan oleh Siebert et al., itu. Bagaimanapun, ada beberapa sarjana dan pengkaji lain menerima sebahagian daripada gagasan itu, antaranya Lowenstein,¹² Merrill,¹³ Nixon,¹⁴ Hachten,¹⁵ Shaw dan Stevenson,¹⁶ dan McQuail.¹⁷

Menurut Merrill walaupun keempat-empat teori yang dikemukakan oleh Siebert et al., itu mempunyai impak yang besar, beliau merasa ada kelemahan signifikan dalam teori berkenaan.¹⁸ Merrill merasa cukup ganjil yang penganjur keempat-empat teori itu berpuas hati dengan tipologi mereka, khasnya dengan konsep tanggungjawab sosial yang diletakkan kepentingannya sejajar dengan Autoritarian, Kebebasan, dan Komunis. Sebenarnya, menurut Merrill, keempat-empat teori itu adalah tidak sejajar; kesejajaran secara logik sesuai sekali untuk Autoritarian, Kebebasan, dan Komunis, tetapi bagi Teori Tanggungjawab Sosial ada sedikit masalah. Beliau menghujah bahawa dengan mempunyai Teori Tanggungjawab Sosial, memberi implikasi yang kuat terhadap ketiga-tiga teori lain "tidak bertanggungjawab", dan sistem akhbar Autoritarian, Kebebasan, dan Komunis tidak boleh bertanggungjawab terhadap masyarakat mereka.¹⁹

Hachten, seorang sarjana komunikasi, walaupun menerima terus dua daripada teori yang dikemukakan oleh Siebert et al., iaitu mengenai Autoritarian dan Komunis, tetapi mencantumkan teori Kebebasan dengan Tanggungjawab Sosial dan menamakannya Konsep Barat. Sambil itu Hachten memperkenalkan

dua konsep lain, iaitu Revolusioner dan Pembangunan. Hachten menjelaskan bahawa rukun asas analisisnya ialah semua sistem akhbar mencerminkan sistem politik dan ekonomi negara-negara di mana ia beroperasi.²⁰ Pada asasnya Hachten menerima landasan sistem politik, tetapi terpaksa menambah dua lagi konsep untuk merangkumi sistem yang terkeluar daripada konsep yang diterimanya, iaitu Autoritarian dan Komunis.

Bagi Shaw dan Stevenson, tipologi empat teori oleh Siebert et al., memberi satu permulaan yang sesuai untuk membandingkan sistem kerajaan-akhbar iaitu majmuk dan stabil. Menurut mereka sistem-sistem ini tidak terbina dalam vakum sejarah.²¹ Shaw dan Stevenson tidak menambah teori lain cuma mengelaskan sistem kerajaan-akhbar yang bercorak majmuk dan stabil yang digunakan untuk mengkaji berita luar negara. Antara hasil kajian ialah dalam sistem stabil jumlah konflik dalam berita hal-ehwal antarabangsa nampak dikawal dan memberi tumpuan kepada eksekutif sebagai seorang pemimpin. Shaw dan Stevenson menegaskan bahawa perbezaan yang terdapat adalah relatif: semua sistem memberikan perhatian yang besar kepada pemimpin eksekutif. Tetapi dalam satu dunia berita ia kelihatan lebih stabil dan dalam dunia yang lain ia kelihatan lebih konflik.²²

McQuail menganggap usaha pertama dalam memberi kenyataan perbandingan teori-teori akhbar yang utama oleh Siebert et al., masih menjadi sumber utama dan titik rujukan bagi kerja-kerja seperti ini. Selain empat teori itu, McQuail menyebut dua jenis yang lain, iaitu Teori Media Pembangunan dan Teori Penyertaan Demokratik Media sebagai menghayati perkembangan pemikiran yang lebih mutakhir.²³ McQuail berpendapat ada kemungkinan "empat teori" asal masih mencukupi untuk mengelaskan sistem media, tetapi sebagaimana yang disedari oleh pengarang-pengarang asal, biasanya sistem media sebenar dicirikan oleh prinsip falsafah yang beralternatif, meskipun tidak tekal. Oleh yang demikian, menurut McQuail, adalah tidak salah untuk menambah teori kepada set yang asal, sekalipun jika teori-teori ini tidak betul-betul selaras kepada sistem media yang lengkap, kerana teori-teori ini kini menjadi sebahagian daripada prinsip dasar media dan amalan semasa.²⁴

Pada amnya, kritikan terhadap empat teori akhbar ini adalah statik. Apa yang cuba diperkatakan oleh Siebert et al., ialah jika label sistem politiknya begini, sistem akhbarnya begini. Keempat-empat teori ini tidak memberi ruang kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat, dan ini perlu ditambah dengan teori lain sebagaimana yang dilakukan oleh Hachten, Rugh, dan McQuail. Ia juga berbentuk khusus kepada sesuatu negara. Satu kelemahan empat teori akhbar ialah berhubung dengan label yang digunakannya. Para

penganjurnya mungkin tidak menduga bahawa teori mereka akan menjadi usang pada suatu ketika apabila berlaku perubahan dalam sistem yang dikemukakannya, contohnya teori Komunis Soviet. Berikutan daripada reformasi politik yang berlaku di Soviet Union, bekas negara Soviet Union kini mengikut sistem demokrasi dari segi pemilihan kerajaannya, dan sedang berusaha melaksanakan dasar ekonomi bebas. Ia juga telah menarik balik kawalan negara terhadap akhbar dan membolehkannya untuk melapor berita dengan bebas. Ini adalah satu perkembangan yang mungkin tidak diduga oleh para sarjana yang mengemukakan teori Komunis Soviet itu.

Peristiwa ini menjadikan teori Komunis Soviet tanpa landasannya lagi. Maksudnya, teori Komunis Soviet kini tidak dapat lagi menjelaskan sistem yang berfungsi di Soviet Union mulai tahun 1989. Cadangan-cadangan teori lain, selain daripada empat teori, yang dikemukakan oleh para sarjana adalah berkaitan dengan negara-negara membangun atau Dunia Ketiga. Ini bermakna negara-negara membangun memerlukan perhatian yang lebih teliti. Oleh yang demikian apa yang diperlukan ialah sesuatu teori baru yang dicadangkan haruslah lebih fleksibel supaya dapat menerima perubahan yang berlaku dalam sesebuah negara.

Sebagaimana yang dapat difahami daripada perbincangan di atas, adalah sukar untuk memastikan teori yang mana yang betul-betul sesuai daripada empat teori itu untuk melihat sistem media bagi sesebuah negara di dunia ini. Kritikan terhadap empat teori yang paling utama mungkin boleh diasaskan kepada pandangan Stuart Hall apabila beliau membincangkan mengenai paradigma dominan.²⁵ Menurut beliau paradigma dominan sejak mulanya dipremiskan kepada suatu teori sosial, iaitu sains sosial Amerika. Teori budayanya pula ialah demokrasi liberal kapitalis. Kata Hall, model hubungan antara kes sejarah paradigma ini dan kes-kes lain di seluruh dunia diterapkan dalam teori modenisasi . . . yang menuju ke arah model peribumi—Amerika.²⁶ Inilah yang berlaku kepada Empat Teori Akhbar sebagaimana yang dikatakan oleh Shaw dan Stevenson yang menyebut bahawa ia dibentuk berdasarkan pandangan Amerika.²⁷

Berlawanan dengan empat teori ini, McQuail melihat teori komunikasi akan berubah mengikut keadaan masyarakat.²⁸ Katanya satu daripada tugas cawangan normatif dalam sains komunikasi ialah untuk merumuskan cadangan yang jelas mengenai teknologi baru dan memberikan kerangka untuk meletakkan teori demikian untuk ujian, di bawah keadaan masyarakat bermaklumat yang benar-benar muncul.²⁹ Bagaimanapun, teori normatif adalah berbentuk preskriptif, iaitu ia sepatutnya berlaku sebegini.

Kajian Media Dari Perspektif Kuasa

Persoalan kuasa bukanlah sesuatu yang baru. McQuail pernah membincangkan mengenainya dengan melihat sekaligus kuasa, integrasi dan perubahan.³⁰ Beliau melihat kuasa berasaskan tiga teori, iaitu Teori Masyarakat Massa, Teori Marx, dan teori fungsional berstruktur. Menurut Teori Masyarakat Massa, media dikawal atau dikendalikan dengan cara yang monopolistik dan merupakan cara utama atau berkesan mengatur orang dalam massa, sebagai khalayak, pengguna, pasaran, dan pengundi.³¹ Potensi yang dicipta oleh media ialah satu bentuk kawalan bukan demokratik dari atas. Teori ini menekankan potensinya lebih daripada kemungkinan sekatan kepada kuasa media.³² Soal kuasa juga utama kepada Marxisme dan tafsiran Marxist mengenai media massa, yang sentiasa menekankan hakikat bahawa media adalah pada akhirnya menjadi alat kawalan oleh kelas kapitalis yang berkuasa.³³ Menurut McQuail, dalam Teori Fungsional Berstruktur, kuasa tidak begitu dibincang dengan mendalam, meskipun pelaksanaannya dikenal pasti dengan menekankan perlunya arahan, kawalan dan penyatuan dalaman sistem sosial.³⁴

Downing pula melihat kuasa sebagai suatu faktor penting, lebih penting daripada faktor-faktor lain (dalam kaitan media komunikasi), kerana kuasa menentukan apa yang berlaku.³⁵ Menurutnya soal bagaimana kuasa sebenarnya berlaku, apakah bahan-bahannya dalam sesuatu hubungan kuasa pernah dibahaskan dengan hebatnya. Downing mengakui bahawa pentakrifan kuasa tidaklah mudah dibuat. Kajian yang melihat bagaimana pusat kuasa dalam kerajaan dan ekonomi berinteraksi antara satu sama lain, lazimnya dikenali sebagai ekonomi politik.³⁶

Kajian Media Dari Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa

Kajian ini menggunakan kuasa sebagai asas kajian. Bagaimanapun, berbeza dengan cara kuasa dilihat dalam perbincangan di atas, ia menekankan ciri sistem pemerintahan itu, yang merupakan dimensi kuasa, sama ada kuasa eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar, atau rakyat. Jika kelima-lima unsur ini berdiri sendiri, maksudnya tidak ada kuasa lain, khususnya kuasa eksekutif, menguasainya, keadaan yang wujud ialah pemisahan kuasa sebenar. Bagaimanapun, jika dalam negara berkenaan unsur-unsur kuasa yang lain tidak berkuasa, yang ada cuma kuasa eksekutif, keadaan ini bolehlah disifatkan sebagai kuasa di bawah kuasa eksekutif. Misalnya, jika dalam negara berkenaan rakyatnya

tidak ada hak mengundi, mereka tidak berkuasa. Tetapi jika mereka merasa kuat, mereka boleh bertindak terhadap kerajaan dan menumbangkan kerajaan yang tidak disukai, atau sekurang-kurangnya memberi tentangan yang kuat terhadap undang-undang yang tidak disukai. Jika eksekutif mendengar atau menghindari tentangan atau tuntutan mereka, mereka boleh dianggap sebagai mempunyai kuasa. Dalam pemisahan kuasa sebenar, kawalan tidak wujud dan dalam integrasi kuasa, kawalan wujud sepenuhnya. Bagaimanapun, di antara kedua-duanya terdapat kawalan oleh eksekutif ke atas unsur-unsur kuasa yang lain. Ini bermakna di negara yang tidak memberi hak kepada rakyatnya untuk bersuara, seperti mengundi dalam pilihan raya, negara itu tidak ada badan perundangan yang dipilih oleh rakyat. Dalam keadaan ini eksekutif mempunyai kuasa penuh. Ataupun eksekutif membentuk badan perundangan sendiri berdasarkan pilihannya. Ini bermakna eksekutif mempunyai kuasa ke atas badan perundangan, dan berlaku integrasi kuasa. Sejauh mana darjah integrasi atau darjah pemisahan kuasa bergantung kepada sejauh mana berbagai-bagai dimensi kuasa ini berasingan atau berintegrasi. Jika terdapat pemisahan kuasa sepenuhnya negara berkenaan bolehlah disifatkan sebagai bebas sepenuhnya, dan selaras dengan pengasingan kuasa itu, akhbarnya juga bebas. Bagaimanapun, jika sistem pemerintahan negara berkenaan berupa integrasi kuasa, sistem akhbar negara itu tidak bebas malah ia terkawal. Merrill ada menyebut bahawa kebebasan kewartawanan boleh hilang sama ada dalam masyarakat sosialis atau masyarakat kapitalis.³⁷

Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa dibina atas asas konsep sekatan dan imbangan. John Locke (1632–1704), seorang ahli falsafah liberalisme kurun ke-17 merumuskan pemisahan antara badan perundangan dan pentadbiran untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa.³⁸ Bagaimanapun, dalam rumusannya Locke tidak menyebut langsung tentang kehakiman.³⁹ Seorang pengikut Locke, iaitu Charles-Louis de Secondat, Baron de Montesquieu (1689–1755) telah membezakan antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman.⁴⁰ Montesquieu berpandangan tegas bahawa tiada gunanya kebebasan jika orang yang sama atau badan yang sama, tidak kira bangsawan atau rakyat, melaksanakan ketiga-tiga kuasa, iaitu menggubal undang-undang, melaksanakan resolusi awam, dan menghakimkan individu.⁴¹ Hasil daripada rumusan Locke dan Montesquieu ini lahirlah doktrin pemisahan kuasa antara perundangan, eksekutif, dan kehakiman yang merupakan satu ciri liberalisme. Pemisahan tiga kuasa kerajaan ini mewujudkan satu sistem sekatan dan imbangan antara satu sama lain. Bagaimanapun pada hakikatnya, ada kalanya perundangan lebih berkuasa dari eksekutif, dan ada kalanya eksekutif lebih berkuasa dari perundangan ataupun

kehakiman lebih berkuasa daripada kedua-dua kuasa itu. Ada kalanya eksekutif dan perundangan memadu kuasa.

Kepada tiga kuasa ini kemudiannya dimasukkan kuasa akhbar untuk melaksanakan peranan sekatan dan imbalan dengan mengangap akhbar sebagai kuasa keempat. Menurut Merrill, konsep kuasa keempat bermula daripada rujukan kepada galeri wartawan dalam Parlimen British oleh Edmund Burke atau Thomas B. Macauley (tidak dipastikan siapa sebenarnya) sebagai kuasa keempat.⁴² Konsep ini telah menyeberangi Atlantik dan digunakan dengan meluas di Amerika Syarikat.⁴³

Dalam dimensi empat kuasa ini, eksekutif, perundangan, dan kehakiman adalah tiga kuasa yang terakru kepada sesuatu kerajaan. Cuma akhbar saja di luar daripada kerajaan. Walaupun akhbar pada lazimnya tidak terakru kepada kerajaan, namun ada kalanya, dalam pemerintahan tertentu ia menjadi sebahagian daripada kerajaan. Doktrin pemisahan kuasa ini boleh diluaskan untuk menjadi satu dimensi kuasa.

Rakyat sebagai satu entiti perlu diambil kira sebagai satu unsur kuasa. Malah para pengundi dianggap sebagai suatu unsur penting dalam proses demokrasi.⁴⁴ Rakyat, sebagai satu kuasa, boleh bertindak melalui pilihan raya, menunjuk perasaan, dan memberontak. Penentangan oleh rakyat di Bangkok telah menjatuhkan seorang pemimpin tentera yang tidak dipilih dalam pilihan raya daripada menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1992. Di Filipina, kuasa rakyat telah menumpaskan Presiden Marcos dan menaikkan Cory Aquino, seorang suri rumah menjadi Presiden Filipina. Di Eropah Timur, melalui kuasa rakyat juga pemerintahan komunis telah ditumpaskan di negara-negara di situ. Sebelum itu, pemerintahan Shah Iran juga tumpas kepada kuasa rakyat yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini. Ini bermakna rakyat sebagai satu kuasa tidak boleh diabaikan. Tindakan demikian mungkin berlaku dalam keadaan yang paling tertekan. Dalam keadaan lain kuasa rakyat mungkin tidak begitu jitu. Namun demikian di sesetengah negara pendapat awam diambil kira oleh pemerintah. Di luar daripada pilihan raya, kajian-kajian pendapat awam boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pihak pemerintah dan sebagainya. Ini bermakna rakyat boleh dijadikan satu lagi unsur dalam dimensi kuasa. Downing et al., pernah menyebut rakyat sebagai satu kuasa, walaupun mereka melihatnya sebagai gerakan sosial besar . . . juga mempunyai kuasa, iaitu kuasa untuk menekankan perubahan.⁴⁵

Berdasarkan huraian di atas dapatlah dicadangkan satu dimensi kuasa yang mengandungi lima perkara iaitu eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar, dan rakyat, yang dinamakan Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa (atau

ringkasnya Perspektif Kuasa). Setiap kerajaan mempunyai ataupun melaksanakan fungsi eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Jika ketiga-tiga kuasa ini berpadu terdapatlah integrasi kuasa, dan jika ia terpisah dan seimbang terdapatlah kuasa berpisah, tetapi jika dalam keadaan yang lain eksekutif lebih berkuasa dari yang lain terdapatlah kuasa dominan. Kuasa yang ada pada tiap-tiap unsur dalam dimensi kuasa ini adalah relatif antara satu sama lain. Berdasarkan dimensi kuasa ini, di sini dicadangkan agar tiga bentuk umum sistem akhbar berasaskan perspektif kuasa. Bentuk-bentuk ini dihasilkan dengan meletakkan dimensi kuasa dalam satu kontinum. Pada satu hujung kontinum ialah kuasa terpisah iaitu kelima-lima kuasa ini adalah sama seimbang; dan pada satu hujung kontinum lagi ialah kuasa berpadu iaitu semua kuasa terkandung di bawah satu kuasa yang paling berkuasa. Di tengah-tengah kontinum ini terdapat satu bentuk di mana kuasa eksekutif merupakan kuasa dominan di antara kuasa-kuasa yang lain. Pengkaji menamakan bentuk-bentuk umum ini sebagai Kuasa Berpadu, Kuasa Dominan, dan Kuasa Terpisah. Ketiga-tiga ini adalah dalam bentuk umum.

Bentuk kuasa berpadu mempunyai persamaan dalam sistem Autoritarian, bentuk kuasa berpisah hampir kepada sistem Kebebasan, tetapi lebih bebas kerana dalam Kebebasan sendiri masih terdapat kawalan, dan kuasa dominan terdapat dalam sistem pemerintahan negara-negara membangun. Cadangan Perspektif Kuasa ini mungkin dapat menyelesaikan masalah mengenal pasti sistem akhbar di negara-negara Dunia Ketiga atau negara membangun, iaitu negara-negara yang mengamalkan sistem yang agak berbeza daripada Dunia Pertama dan Dunia Kedua. Macpherson, seorang pengkaji sistem pemerintahan demokrasi, melihat perkembangan di Dunia Ketiga atau negara membangun (yang menurutnya meliputi sebahagian besar Afrika dan hampir seluruh Asia Selatan dan Asia Timur, tetapi tidak termasuk China, Korea Utara, dan Vietnam Utara) sebagai berbeza dari segi konsep liberal-demokrasi Barat dan demokrasi yang dirumuskan oleh Marx dan Lenin.⁴⁶ Menurut Macpherson, bentuk demokrasi di Dunia Ketiga adalah lebih baru, tetapi dalam satu segi ia lebih tua daripada kedua-duanya, kerana ia nampaknya pergi terus kepada tanggapan demokrasi yang lama, yang lebih awal daripada Marx dan negara liberal, tanggapan demokrasi yang diperintah oleh dan untuk rakyat yang tertindas.⁴⁷ Di negara-negara membangun keperluan untuk memperjuangkan kemerdekaan pada amnya memberi peluang yang baik bagi mewujudkan sebuah parti dominan atau pergerakan massa.⁴⁸ Selepas mencapai kemerdekaan kedudukan ini berterusan sebagai sebuah sistem satu parti, atau sekurang-kurangnya apa yang dipanggil satu sistem satu parti dominan, di mana sebuah parti mempunyai

majoriti yang besar di dewan perundangan dan menggunakan kuasa politik dan polis untuk menyekat persaingan parti-parti lain.⁴⁹

Dengan memahami keadaan Dunia Ketiga atau negara membangun sedemikian, perbezaan antara satu kuasa dominan dalam sebuah negara dengan sebuah negara yang lain dapat dikenal pasti. Misalnya, jika kuasa dominan itu dikuasai oleh parti politik, ia bolehlah dilihat sebagai kuasa dominan-politik, tetapi jika dalam keadaan lain pihak tentera yang berkuasa ke atas politik, ia mungkin melahirkan kuasa dominan-militari-politik. Raja juga boleh menjadi satu kuasa dominan, dalam keadaan ini ia menjadi kuasa dominan politik diraja. Contoh kuasa dominan politik ialah Malaysia dan Singapura, manakala contoh kuasa dominan militer-politik ialah Indonesia dan pada satu ketika dahulu Thailand. Di Indonesia, militer dilihat sebagai satu bahagian penting dalam demokrasi negara itu yang bergantung kepada perbincangan dan musyawarah dan bukan konfrontasi.⁵⁰

Pemerihalan ini menunjukkan bahawa bentuk kuasa dominan, sebagaimana bentuk berintegrasi dan berpisah adalah dinamik. Ia boleh disesuaikan dengan corak pemerintahan di sesebuah negara. Bentuk dominan ini mungkin boleh berubah menjadi bentuk kuasa terpisah jika kuasa dominan militer-politik tidak lagi menjadi dominan kerana mendapat tentangan kuat daripada rakyat, sebagaimana yang berlaku di Thailand. Kuasa terpisah mungkin wujud di Thailand jika eksekutif tidak dominan dan ini bermakna pihak pembangkang dan kerajaan hampir sama kuat di Parlimen. Tetapi perubahan mungkin akan mengambil masa sedikit kerana militer sudah begitu diinstitusikan dalam pemerintahan di Thailand. Malah jika diteliti dalam bentuk kuasa dominan, pihak yang menguasai eksekutif lazimnya menguasai juga alat-alat komunikasi seperti stesen televisyen, akhbar, dan sebagainya.

Kuasa terpisah wujud apabila eksekutif tidak dapat menguasai perundangan, mungkin kerana penyokong kerajaan tidak sebanyak anggota pembangkang dalam badan perundangan itu. Keadaan ini berlaku di bawah sistem pemerintahan seperti di Amerika Syarikat, di mana presidennya dari parti Republik, tetapi Kongres dikuasai oleh parti Demokrat. Tetapi ini tidak bermakna presiden dari parti Republikan tidak berkuasa kerana sudah dikuasai oleh badan perundangan. Presiden dibekalkan dengan kuasa veto, yang membolehkan beliau membatalkan sebarang rang undang-undang yang diluluskan oleh badan perundangan. Dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, eksekutif sentiasa menguasai badan perundangan, kerana syaratnya ialah ketua eksekutif yang dilantik menerajui kerajaan mestilah mendapat kepercayaan terbanyak daripada anggota Parlimen. Bagaimanapun, dalam keadaan kerajaan minoriti,

kedudukan eksekutif adalah tidak stabil, dan pada bila-bila masa boleh ditumbangkan dengan undi tidak percaya.

Penghuraian Konsep Kuasa

Kajian ini mencadangkan perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa untuk melihat sistem akhbar, dengan mengambil kira kuasa, kawalan, dan kebebasan, tiga daripada lima persoalan asas yang dinyatakan oleh McQuail iaitu kuasa, kebebasan, kawalan, kesamaan, dan perpaduan.⁵¹ Dalam buku ini penulis akan cuba mengembangkan konsep kuasa, kawalan, dan kebebasan ini. Pada hakikatnya, empat teori yang dikemukakan oleh Siebert et al., juga adalah berkaitan dengan kuasa tetapi para sarjana itu tidak cuba mencerakinkan berbagai-bagai kuasa yang terlibat. Dalam bahagian ini huraian lebih diberikan kepada kuasa.

Kuasa atau *power* menurut Weber merujuk kepada setiap kemungkinan dalam satu hubungan sosial untuk mengenakan kehendak seseorang, walaupun mendapat tentangan, tanpa mengendahkan kepada asas kemungkinan ini.⁵² Etzioni telah memetik Weber mengenai penggunaan kuasa untuk merujuk kepada keupayaan untuk menggalakkan penerimaan perintah.⁵³ Sementara itu Goldhamer dan Shils, mengatakan bahawa seseorang itu boleh dikatakan mempunyai "kuasa" setakat yang ia mempengaruhi kelakuan orang lain selaras dengan kehendaknya.⁵⁴ Tiga bentuk utama kuasa dikenal pasti, iaitu paksaan, dominasi, dan manipulasi.⁵⁵ Menurut Goldhamer dan Shils lagi, kebanyakan pemegang kuasa mendakwa mereka "berhak memerintah" sebagaimana yang mereka lakukan.⁵⁶

Kuasa, sebagaimana yang ditakrifkan di atas lebih bermaksud kuasa dari atas. Tetapi dalam satu dimensi kuasa yang mengandungi lima ciri, iaitu kuasa eksekutif, kuasa perundangan, kuasa kehakiman, kuasa rakyat, dan kuasa akhbar, kuasa yang dimaksudkan adalah lebih daripada kuasa dari atas. Di bawah sistem pemerintahan yang mengamalkan konsep pemisahan kuasa, eksekutif, perundangan, dan kehakiman diperuntukkan kuasa tertentu. Bagaimanapun, eksekutif lebih senang memerintah jika ia disokong oleh perundangan dan tidak menentanginya, dengan demikian (dalam sistem demokrasi berparlimen) eksekutif yang mewakili parti yang memerintah akan berusaha memperoleh kemenangan besar kerusi di Parlimen. Dengan kemenangan besar bererti eksekutif disokong oleh rakyat dalam segala tindakannya. Ini bererti eksekutif mewakili pemerintahan yang popular. Bagaimanapun, jika eksekutif mewakili

pemerintahan yang tidak popular, rakyat mungkin bangun menentang tindakannya, sekalipun Parlimen menyetujui langkah eksekutif, sebagaimana yang berlaku di Thailand apabila rakyat menumbangkan kerajaan pimpinan Suchinda Kraprayon.

Eksekutif merupakan badan pelaksana kerajaan. Dalam konteks Malaysia, misalnya, eksekutif dimaksudkan sebagai mengandungi kabinet, perkhidmatan awam, pasukan polis, dan pasukan tentera.⁵⁷

Perundangan ialah badan perundangan yang menggubal undang-undang untuk dilaksanakan oleh eksekutif. Dalam konteks Malaysia badan perundangan yang tertinggi ialah Parlimen. Selain itu di peringkat negeri terdapat Dewan Undangan Negeri.

Di Malaysia, kuasa kehakiman diberi secara eksklusif kepada Mahkamah Agung, kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah yang diwujudkan oleh Undang-undang Persekutuan dan Mahkamah Syariah.

Dalam sistem demokrasi rakyat yang berkuasa, terutamanya dalam masa pilihan raya. Inilah saja masa yang rakyat boleh menggunakan kuasanya untuk memilih kerajaan yang dikehendakinya. Ia merupakan satu kawalan terhadap tindakan kerajaan. Kuasa politik rakyat pula berpecah sebahagian besarnya mengikut kaum. Tetapi setakat ini rakyat sentiasa memilih kerajaan yang sama. Dalam masa yang lain kuasa rakyat disuarakan melalui badan-badan berminat seperti Aliran, Majlis Peguam, persatuan-persatuan pengguna, dan sebagainya.

Akhbar dikatakan mempunyai kuasa jika ia berupaya mengkritik kerajaan, atau bertindak sebagai seteru kepada pemerintah, iaitu sebagaimana yang dilakukan dalam pemerintahan liberal demokrasi. Kuasa akhbar ini dimaksudkan sebagai keupayaan akhbar untuk mempengaruhi rakyat berseteru dengan kerajaan. Tetapi akhbar juga harus dilihat sebagai mempunyai kuasa jika ia digunakan untuk mempengaruhi rakyat untuk menyokong kerajaan.

Penghuraian Konsep Kawalan

Etzioni mengkelaskan alat-alat kawalan dalam sebuah organisasi kepada tiga kategori iaitu kuasa paksaan, kuasa utiliti, dan kuasa sosial.⁵⁸ Etzioni mentakrif kuasa paksaan sebagai yang menggunakan fizikal atau ancaman untuk menggunakan tindakan fizikal, manakala kuasa utiliti ialah berkaitan kebendaan iaitu pemberian simbol seperti wang yang membolehkan diperolehi barang dan perkhidmatan, dan kuasa sosial dimaksudkan sebagai hubungan fizikal yang digunakan untuk melambangkan cinta atau objek material untuk melambangkan

kemegahan. Secara umumnya petanda-petanda kuasa yang merupakan kawalan boleh digolongkan kepada dua kumpulan, iaitu undang-undang dan bukan undang-undang. Item-item yang menjadi petanda ini mungkin boleh dimasukkan ke dalam kategori yang dikemukakan oleh Etzioni ini, tetapi setelah diteliti didapati lebih sesuai untuk tidak mengikatkan petanda-petanda ini dengan kategori Etzioni ini.

Sementara itu, Lowenstein melihat kawalan sebagai satu kontinum bebas tetapi terkawal. Beliau telah menjalankan satu kajian dalam tahun 1966 tentang kebebasan akhbar sebagai barometer demokrasi politik Untuk kajian tersebut beliau telah mentakrifkan akhbar yang bebas dan terkawal seperti berikut:

A completely free press is one in which newspapers, periodicals, news agencies, books, radio and television have absolute independence and critical ability, except for minimal libel and obscenity laws. The press has no concentrated ownership, marginal economic units or organised self-regulation.

A completely controlled press is one with no independence or critical ability. Under it, newspapers, periodicals, books, news agencies, radio and television are completely controlled directly and indirectly by government, self-regulatory bodies or concentrated ownership.⁵⁹

Lowenstein menggariskan dua puluh tiga faktor untuk mengukur tahap kebebasan akhbar dalam kajian yang dinamakan *Press Independence and Critical Ability* (PICA). Faktor pertama menurut Lowenstein ialah kawalan undang-undang yang termasuk penapisan oleh kerajaan, penghinaan, pembetulan dan penarikan balik berita dengan paksa, penggantungan, keselamatan, dan mengapiakan untuk merusuh. Undang-undang fitnah dan lucah tidak termasuk.

Faktor kedua ialah kawalan luar undang-undang seperti ancaman, keganasan, penjara, perampasan, dan sebagainya. Faktor ketiga ialah undang-undang libel. Faktor-faktor lain yang digunakan ialah kawalan kerajaan terhadap kertas cetak, pelesenan, pemilikan media oleh kerajaan atau parti kerajaan.⁶⁰ Faktor yang digunakan oleh Lowenstein adalah terlalu banyak.

Seorang pengkaji lain Nixon telah membuat satu tipologi tujuh perkara berhubung dengan kawalan akhbar di 61 buah negara. Kategori itu secara ringkasnya ialah melalui tindakan paksaan, kawalan penerbitan, kawalan terhadap berita rasmi, kawalan terhadap kakitangan akhbar, kawalan melalui penapisan, kawalan terhadap kandungan akhbar, dan kawalan terhadap pengedaran.⁶² Kajian Nixon ini menghasilkan satu skala kontinum kebebasan—kawalan dari yang paling bebas kepada yang terkawal.

Sebagaimana yang dapat dilihat, Lowenstein dan Nixon hanya memberi perhatian kepada akhbar, manakala cadangan perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa memerlukan pengertian kawalan yang lebih luas.

Konsep Pemisahan Kuasa diwujudkan dengan tujuan untuk mengawal kuasa eksekutif. Tetapi adakalanya eksekutif lebih berkuasa. Jadi di bawah sistem pemerintahan yang mengamalkan pilihan raya, dari segi teorinya rakyat saja yang boleh mengawal kerajaan dengan menolak kerajaan yang mereka tidak sukai. Bagaimanapun, kawalan begini hanya berkesan jika pengundian dijalankan secara bersih, dan tidak ada penipuan dan ia mengambil masa lima tahun sekali. Di luar daripada pilihan raya rakyat boleh membantah melalui tunjuk perasaan, jika mereka tidak bersetuju dengan sesuatu dasar selepas wakil mereka di Parlimen gagal mempengaruhi pemerintah. Jika pemerintah mengambil berat tentang tunjuk perasaan itu, ia mungkin menerima saranan rakyat. Di bawah sistem pemerintahan yang tidak ada peruntukan pengundian, penggantian kerajaan sukar dijalankan, melainkan melalui pemberontakan. Akhbar boleh menjadi satu sumber untuk menyampaikan perasaan rakyat. Bagaimanapun, ini mungkin hanya berlaku dalam negara yang mempunyai sistem kuasa terpisah. Di bawah kuasa dominan perkara ini adakalanya boleh dilakukan dan adakalanya tidak, tetapi di bawah kuasa berintegrasi penyampaian perasaan melalui akhbar ini tidak berlaku.

Yang lebih ketara ialah eksekutif mengawal ciri-ciri kuasa yang lain. Eksekutif bertindak terhadap anggota badan perundangan melalui parti. Kepatuhan anggotanya diperoleh melalui arahan *whip* yang tidak boleh diingkari. Jika *whip* mengarahkan anggota supaya penyokong kerajaan mengundi menyokong sesuatu rang undang-undang, anggota parti tidak boleh bertindak berlawanan dengan arahan itu. Eksekutif juga merupakan pemimpin parti politik yang menerajui kerajaan. Anggota parti tidak boleh bertindak bercanggah dengan kepentingan parti, jika tidak mereka berkemungkinan tidak dipilih semula untuk menjadi wakil rakyat untuk duduk dalam Parlimen. Badan perundangan juga tidak bertindak sebagai satu badan yang padu, menjadi sekatan dan imbalan terhadap eksekutif. Hanya pembangkang, dalam banyak hal, yang menentang cadangan eksekutif. Tetapi oleh kerana eksekutif mempunyai mandat yang lebih besar dalam Parlimen, pembangkang tidak ada kuasa untuk mengalahkan rang undang-undang yang dibentangkan oleh eksekutif.

Eksekutif juga boleh mengawal mahkamah. Kawalan ini boleh dibuat oleh eksekutif melalui Parlimen, iaitu secara sah. Pindaan boleh dibuat terhadap undang-undang supaya rayuan tidak boleh dibuat ke mahkamah mengenai kes-kes tertentu. Ini bermakna mahkamah tidak ada kuasa dalam perkara ini.

Eksekutif berkuasa terhadap akhbar melalui peraturan, dan undang-undang. Selain itu corak pemilikan akhbar juga memberi kesan terhadap sistem akhbar. Melalui kuasa politik, parti dominan dalam kerajaan boleh memiliki akhbar. Walaupun tujuan utamanya ialah untuk menyampaikan berita yang lebih berpihak kepadanya, tetapi matlamat ekonomi tidak diketepikan. Ini menjadikan ia bukan suara parti tetapi akhbar yang bersimpati dengan parti pemerintah.

Eksekutif berkuasa terhadap rakyat melalui undang-undang berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam. Selain itu eksekutif juga berkuasa ke atas rakyat melalui kuasa ekonomi dan sebagainya.

Pembentukan Model Perspektif Kuasa

Satu cara yang boleh digunakan untuk melihat bagaimana kelima-lima ciri kuasa ini beroperasi bolehlah dilihat dengan menggunakan model. Dalam hal ini bulatan digunakan untuk membina model perspektif kuasa ini. Dua jenis bulatan digunakan untuk sesuatu model, secara relatifnya, iaitu bulatan besar dan bulatan kecil. Dalam semua model, rujukannya ialah kepada kuasa eksekutif. Bulatan yang kecil daripada kuasa eksekutif bermakna eksekutif menguasai atau mengawal bulatan yang kecil itu. Jika ada bulatan lain yang sama besar dengan bulatan kuasa eksekutif ia bermaksud kuasa itu adalah setara dengan kuasa eksekutif.

Yang keduanya ialah letak bulatan relatif kepada bulatan kuasa eksekutif. Jika bulatan kuasa-kuasa lain terdapat di dalam bulatan kuasa eksekutif, ia bermakna eksekutif menguasai kuasa-kuasa itu, dan jika bulatan kuasa yang lain terletak di luar kuasa eksekutif tetapi berbentuk kecil secara bandingan, ia bermakna kuasa-kuasa itu dikawal oleh kuasa eksekutif.

Kedudukan setiap bulatan ditentukan oleh perkara-perkara berikut:

1. Jika sistem pemerintahan mengamalkan konsep pemisahan kuasa, bulatan yang mewakili kuasa, perundangan, dan kehakiman terletak di luar bulatan yang mewakili kuasa eksekutif. Bagaimanapun, jika ada di antara dua kuasa itu dikawal oleh eksekutif, bulatan yang mewakili kuasa berkenaan digambarkan lebih kecil daripada bulatan kuasa eksekutif. Dari segi kehakiman, misalnya, eksekutif boleh mengawal dengan menentukan bidang kuasa kehakiman. Tertakluk kepada bidang kuasa itu kehakiman adalah bebas untuk bertindak mengikut budi bicaranya tanpa gangguan oleh eksekutif. Bidang kuasa ini adalah sah kerana ia dibuat melalui badan perundangan.

Jika eksekutif melaksanakan tugas perundangan dan kehakiman, ciri-ciri ini termasuk dalam bulatan eksekutif, dan eksekutif dianggap menguasai kedua-dua ciri ini. Hal begini berlaku di negara diktator dan sebagainya.

2. Jika akhbar keseluruhannya dimiliki oleh kerajaan, bulatan yang mewakili akhbar terletak di dalam bulatan yang mewakili kuasa eksekutif. Tetapi jika sebahagian atau keseluruhan akhbar dimiliki oleh swasta, bulatan yang mewakili akhbar terletak di luar bulatan yang mewakili kuasa eksekutif. Jika akhbar beroperasi tanpa kawalan, bulatan yang mewakili akhbar digambarkan sama besar dengan saiz bulatan yang mewakili eksekutif. Bagaimanapun, jika akhbar dikawal, bulatan yang mewakilinya digambarkan lebih kecil daripada bulatan kuasa eksekutif.
3. Jika rakyat tidak bebas, misalnya di negara yang dijajah, bulatan yang mewakili rakyat diletakkan di dalam bulatan yang mewakili eksekutif. Bagaimanapun, jika di negara yang dijajah suara rakyatnya didengar dan diambil perhatian mungkin melalui gerakan rakyat, keadaan begini menunjukkan rakyat mempunyai kuasa. Dari segi undang-undang rakyat demikian adalah dijajah tetapi dari segi hakikatnya mereka berkuasa. Apa yang ditekankan ialah kuasa rakyat itu, bukan statusnya sama ada dijajah atau tidak. Jika ada negara yang tidak dijajah, tetapi rakyatnya tidak ada hak memilih kerajaannya, bulatan yang mewakili rakyat juga terletak di dalam bulatan kuasa eksekutif. Di negara merdeka dan rakyatnya diberi kuasa memilih kerajaan, bulatan yang mewakili kuasa terletak di luar bulatan eksekutif. Saiz bulatannya digambarkan sama besar jika rakyat bebas sepenuhnya, tetapi lebih kecil sedikit daripada bulatan eksekutif jika rakyat dikawal dengan pelbagai cara.

Kawalan dan kebebasan boleh dilihat dengan dua cara. Pertama, melihatnya sebagai fungsi cirian. Melalui cara ini kita melihat sesuatu itu sebagai pilihan tepat, misalnya Ya atau Tidak, Benar atau Salah, 0 atau 1, dan sebagainya. Kedua, melihat kawalan dan kebebasan ini sebagai satu kontinum, sebagaimana yang diterangkan lebih awal. Cara yang sama dikenali sebagai set kabur dalam ilmu matematik. Ini bermakna wujud nilai lain antara kedua-dua pilihan, iaitu antara Kawalan dan Kebebasan, Ya dan Tidak, Benar dan Salah, 0 dan 1. Misalnya, antara 0 dan 1 set yang begini boleh dibentuk 0, 0.1, 0.2, 0.3, 0.4, 0.5, 0.6, 0.7, 0.8, 0.9, 1.

Dengan cara ini, tiga bentuk umum dihasilkan dengan meletakkan kelima-lima ciri kuasa ini di atas satu kontinum, iaitu Model Kuasa Berintegrasi, Model Kuasa Dominan, dan Model Kuasa Terpisah (lihat Rajah 1). Bertolak

dari bentuk umum ini, perubahan dalam sistem dapat dikenal pasti jika berlaku perubahan dalam kedudukan bulatan sesuatu kuasa, bagi setiap model yang dibentuk itu, iaitu sama ada di luar atau di dalam bulatan kuasa eksekutif, atau sama ada bulatan itu sama besar atau lebih kecil dari bulatan kuasa eksekutif. Perubahan ini dapat dilihat dalam Rajah 2, iaitu perubahan dari Jenis A (Kuasa Berintegrasi), melalui Jenis I (Kuasa Dominan) hingga ke Jenis M (Kuasa Terpisah). Bagi setiap jenis di antara Jenis A dan Jenis I satu ciri kuasa diubah kedudukannya, iaitu dengan membawa keluar ciri berkenaan dari dalam bulatan kuasa eksekutif.

Di peringkat dua ciri kuasa berada di luar dan dua berada di dalam bulatan eksekutif, satu daripada ciri kuasa yang terletak di luar dibesarkan, kemudian diikuti yang satu lagi (lihat Jenis C, D, dan E). Selanjutnya apabila tiga ciri kuasa terletak di luar dan hanya tinggal satu ciri kuasa di dalam bulatan eksekutif, satu daripadanya dibesarkan (lihat Jenis F, G, dan H). Di antara Jenis I dan Jenis M, satu ciri kuasa dibesarkan saiznya menjadi setara dengan bulatan kuasa eksekutif. Ini digambarkan sebagai Jenis J, K, L, dan M. Pergerakan perubahan ini bukanlah lengkap dan ia boleh ditambah jika diperlukan. Melalui proses ini model yang dapat dibentuk adalah seperti berikut:

- **Jenis A - Kuasa Berintegrasi Mutlak** ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai empat kuasa yang lain (bentuk model—empat ciri kuasa terkandung di dalam bulatan kuasa eksekutif).
- **Jenis B - Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak** ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai tiga kuasa lain dan mengawal ciri kuasa yang keempat (bentuk model—tiga ciri kuasa terkandung di dalam bulatan kuasa eksekutif dan satu sahaja bulatan terletak di luar).
- **Jenis C, D, dan E - Kuasa Integrasi Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai dua ciri kuasa dikuasai oleh eksekutif manakala dua lagi dikawal oleh eksekutif (bentuk model—dua ciri kuasa terletak di dalam bulatan kuasa eksekutif, manakala dua lagi terletak di luar).
- **Jenis F, G, dan H - Kuasa Integrasi Hampir Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai penguasaan eksekutif ke atas satu ciri kuasa (bentuk model—hanya satu ciri kuasa terletak di dalam bulatan kuasa eksekutif).
- **Jenis I - Kuasa Dominan Mutlak** ditakrifkan sebagai pengawalan oleh eksekutif ke atas empat kuasa lain (bentuk model—keempat-empat jenis kuasa terletak di luar kuasa eksekutif, tetapi oleh kerana masing-masing terkawal, bentuknya adalah lebih kecil daripada bulatan kuasa eksekutif).


- **Jenis J – Kuasa Dominan Hampir Mutlak** ditakrifkan sebagai satu daripada ciri kuasa yang mempunyai kuasa setara dengan eksekutif, manakala yang lainnya terkawal (bentuk model—satu daripada tiga kuasa yang di luar bulatan kuasa eksekutif itu dibesarkan menjadi setara dengan bulatan kuasa eksekutif, manakala tiga lagi kekal kecil).
- **Jenis K – Kuasa Dominan Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai dua daripada ciri kuasa adalah setara dengan bulatan kuasa eksekutif, manakala dua lagi kekal kecil (bentuk model—dua daripada ciri kuasa dibesarkan setara dengan bulatan kuasa eksekutif, manakala dua lagi kekal kecil).
- **Jenis L – Kuasa Hampir Terpisah** tiga ciri kuasa bebas dan terasing daripada kuasa eksekutif dan satu ciri kuasa dikawal oleh eksekutif (bentuk model—tiga ciri kuasa setara dengan bulatan kuasa eksekutif, manakala ciri kuasa yang terletak di luar bulatan kuasa eksekutif berbentuk kecil).
- **Jenis M – Kuasa Terpisah** kelima-lima ciri kuasa bebas dan tidak ditakluk oleh satu sama lain (bentuk model—kelima-lima ciri kuasa setara antara satu sama lain).

Kesimpulan

Bidang komunikasi, sebagai suatu cabang ilmu masih boleh dianggap muda. Korpus pengetahuannya masih dibina dan sedang berkembang. Dalam kajian ini beberapa cara telah diberi tentang bagaimana para sarjana melihat komunikasi, khususnya sistem akhbar. Kajian ini harus dilihat sebagai satu sumbangan ke arah pembentukan ilmu komunikasi tersebut.

Pengkaji mencadangkan sistem akhbar dilihat dari Perspektif Kuasa. Lima ciri kuasa digunakan dalam kajian ini, iaitu kuasa eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar dan rakyat. Kelima-lima ciri kuasa ini digemblengkan dan berdasarkan konfigurasinya, iaitu kedudukannya sama ada berintegrasi, dominan atau terpisah, ia akan memberi petunjuk kepada sistem akhbar yang diamalkan. Pengkaji telah mencadangkan sembilan Jenis Model, iaitu Kuasa Berintegrasi Mutlak, Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak, Kuasa Integrasi Tidak Mutlak, Kuasa Integrasi Hampir Tidak Mutlak, Kuasa Dominan Mutlak, Kuasa Dominan Hampir Mutlak, Kuasa Dominan Tidak Mutlak, Kuasa Hampir Terpisah, dan Kuasa Terpisah. Pembentukan model-model ini membolehkan dilihat bahawa ruang yang agak besar wujud antara sistem akhbar yang bebas dan sistem yang terkawal.

RAJAH 1
 BENTUK UMUM SISTEM AKHBAR
 DARI PERSPEKTIF KUASA



PETUNJUK


- Eksekutif
- ▨ Perundangan
- ⊕ Kchakiman
- Rakyat
- ⊞ Akhbar

Rajah 1(a)
Model Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa


KUASA BERINTEGRASI

Kuasa eksekutif menguasai satu hingga empat kuasa lain.

Ini bermakna sekurang-kurangnya satu ciri kuasa terletak dalam bulatan kuasa eksekutif. Kuasa yang paling berintegrasi ialah apabila eksekutif menguasai empat kuasa lain, iaitu Jenis A yang dikenali sebagai Kuasa Berintegrasi Mutlak. Kuasa eksekutif paling kurang berintegrasi ialah apabila eksekutif menguasai hanya satu saja ciri kuasa lain. Antara kedua-dua kedudukan atau kontinum ini terdapat beberapa model lain yang boleh dibentuk. Jika eksekutif menguasai tiga ciri kuasa dan mengawal satu ciri kuasa lain seperti Jenis B, ia dipanggil Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak. Apabila kuasa eksekutif menguasai dua ciri kuasa dan dua lagi ciri kuasa berada di luar ia dikenali sebagai Kuasa Berintegrasi Tidak Mutlak dan bentuk modelnya seperti Jenis C, D, dan E.



Jenis A




Jenis B


Kuasa Berintegrasi Tidak Mutlak

Kuasa eksekutif menguasai dua ciri kuasa.


Dua lagi ciri kuasa terletak di luar. Jika dua ciri kuasa yang di luar ini dikawal oleh eksekutif, ia berbentuk seperti Jenis C, jika satu saja ciri yang dikawal tetapi yang satu lagi setara dengan eksekutif, ia berbentuk seperti D, dan jika kedua-dua ciri kuasa di luar kuasa eksekutif sama taraf dengan kuasa eksekutif, ia berbentuk seperti Jenis E. Dalam keadaan ini Jenis E adalah lebih bebas dari Jenis C. Ciri kuasa di luar bulatan kuasa eksekutif yang terdapat pada Jenis C, D dan E, menggambarkan Jenis E lebih bebas daripada Jenis C.



Jenis C



Jenis D




Jenis E

Rajah 1 (b)

Kuasa Berintegrasi Hampir Tidak Mutlak

Kuasa eksekutif menguasai hanya satu ciri kuasa.

Tiga ciri kuasa berada di luar bulatan kuasa eksekutif. Jika tiga ciri kuasa dikawal oleh eksekutif, ia berbentuk seperti F; jika dua saja dikawal dan satu lagi ciri kuasa setara dengan kuasa eksekutif, ia berbentuk seperti G; dan jika satu saja ciri kuasa dikawal, manakala dua lagi serta dengan kuasa eksekutif, ia berbentuk seperti H. Kemungkinan juga ada bagi ketiga-tiga ciri kuasa di luar kuasa eksekutif setara dengan eksekutif, tetapi kajian ini merasa keadaan ini tipis. Walaupun model-model ini boleh dijeniskan mengikut abjad, tetapi sukar untuk memberi nama khusus kepada setiap satunya.




KUASA DOMINAN

Kuasa Dominan


Eksekutif tidak menguasai mana-mana ciri kuasa.

Bagaimanapun, ia berkemungkinan mengawal antara satu hingga ke empat-empat ciri kuasa. Jika eksekutif mengawal keempat-empat ciri kuasa, ia berbentuk seperti I, jika ia mengawal tiga ciri kuasa dan satu lagi ciri kuasa setara dengan kuasa eksekutif, ia berbentuk seperti Jenis J; jika eksekutif mengawal dua ciri kuasa, ia berbentuk seperti Jenis K.




KUASA TERPISAH**Kuasa Terpisah**

Kelima-lima ciri kuasa berkedudukan setara, dan ini berbentuk seperti Jenis M. Namun demikian ada juga keadaan di mana satu ciri kuasa berbentuk kecil yakni dikawal dan ini berbentuk seperti Jenis L.



Jenis L

Kuasa Hampir Terpisah

Jenis M

Kuasa Terpisah

Catatan

1. Syed Arabi Idid, Malaysia, dlm. A. Mehra, *Press Systems in Asean States*:41-56, (Singapura: Asian Mass Communication Research and Information Centre, 1989), 49.
2. Abdul Razak, "An Overview of Conceptual Framework," dlm. A. Razak (pnyt.) *Press Laws and Systems in Asean States*:1-10, (Confederation of Asean Journalists, Jakarta, 1985), 2.
3. Fred. N. Kerlinger, *Foundations of Behavioral Research* (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1964), 11.[A theory is a set of interrelated constructs (concepts), definitions, and propositions that present a systematic view of phenomena by specifying relations among variables, with the purpose of explaining and predicting the phenomena].
4. Ibid., 11.
5. L. J. Martin, & A. G. Chaudhary, *Comparative Mass Media Systems* (New York: Longman Inc., 1983).
6. F. S. Siebert, T. Peterson, W. Schramm, *Four Theories of the Press* (Urbana: University of Illionois Press, 1956), 4.
7. D. Katz & R. L. Kahn, *The Social Psychology of Organizations* (New York: John Wiley and Sons. Inc. , 1966), 18.
8. D. McQuail, *Mass Communication Theory: An Introduction* (London: Sage Publications, 1983), 84.
9. Ibid., 84.
10. F. S. Siebert, et al., *Four Theories of the Press*..
11. J. C. Merrill, *The Imperative of Freedom: A Philosophy of Journalistic Autonomy* (New York: Hastings House Publishers, 1974).
12. J. C. Merrill. Ibid., 23.
13. Ibid., 23.
14. R. B. Nixon, Factors related to freedom in national press systems, dlm. Fischer, Heinz-Dietrich & J. C. Merrill (pnyt.) *International and Intercultural Communication* (New York: Hastings House Publishers, 1976).
15. W. A. Hachten, *World News Prism* (Ameas, Iowa: The Iowa State University Press, Ameas Iowa, 1981).
16. D. L. Shaw & R. L. Stevenson, "Leaders and Conflict in the News in 'Stable' v 'Pluralistic' Political Systems," dlm. R. L. Stevenson and D. L. Shaw (pnyt.), *Foreign News and The New World Information Order* (Ames, Iowa: The Iowa State University Press, 1984), 134.
17. D. McQuail, *Mass Communication Theory: An Introduction* (London: Sage Publications, London, 1983).
18. J. C. Merrill, 1974, 34.
19. Ibid., 36.
20. W. Hachten, 1981, 62.

21. D. L. Shaw & R. L. Stevenson, "Leaders and Conflict in the News in 'Stable' vs 'Pluralistic' Political Systems," dlm. R. L. Stevenson and D. L. Shaw (pnyt.), *Foreign News and The new world Information Order* (Ames, Iowa: The Iowa State University Press, 1984), 134.
22. Ibid., 147.
23. D. McQuail, *Mass Communication Theory: An introduction*, edisi ke-2 (London, Sage Publications, 1987), 111-122.
24. Ibid., 111-123.
25. S. Hall, "Ideology and Communication Theory," dlm. D. Brenda et. al, *Rethinking Communication*, 40-52, 1 (London: Sage Publications, 1989).
26. Ibid., 44.
27. D.L. Shaw & R.L. Stevenson, Leaders and conflict in the news in 'Stable' vs 'Pluralistic' political systems, dlm. R.L. Stevenson and D.L. Shaw (pnyt.), *Foreign news and the new world information order..*
28. D. McQuail, *Mass Communication Theory: An introduction*, edisi ke-2, (London, Sage Publications, 1987), 315.
29. Ibid., 315.
30. D. McQuail, *Mass Communication Theory: An Introduction*, 81.
31. Ibid., 82.
32. Ibid.
33. Ibid., 83.
34. Ibid.
35. J. Downing, Ali Mohammadi & Annabelle Sreberny-Mohammadi, *Questioning The Media: A Critical Introduction* (London: Sage Publications, 1990), 73.
36. Ibid., 73.
37. J. C. Merrill, *The Imperative of Freedom: A Philosophy of Journalistic Autonomy* (New York: Hastings Publisher, 1974), 43.
38. B. Russell, *A History of Western Philosophy* (Ohio: Clarion Book, 1967), 637.
39. Ibid., 638.
40. D. Held, *Models of Democracy* (Oxford: Polity Press, 1987), 57.
41. Ibid. 57. Petikan itu berbunyi: "... no liberty worth its name 'were the same man or the same body, whether of the nobles or of the peoples, to exercise those three powers, that of enacting laws, that of executing public resolutions, and of trying the cause of individuals".
42. J. C. Merrill, *The Imperative of Freedom: A Philosophy of Journalistic Autonomy*, 116.
43. Ibid., 116.
44. Syed Arabi Idid, "Media and Democratization: A View from Malaysia." Kertas kerja yang dibentangkan di Conference on Media and Democratization in Asia, Racine, Wisconsin, pada 24-26 Jan. 1992. 4.
45. J. Downing et al., 73.
46. C. B. Macpherson, *The Real World of Democracy*, (New York: Oxford University Press, 1966), 23.
47. Ibid., 24.

48. Ibid., 25.
49. Ibid.
50. "Suharto Defends Military Role in Government," *The Star*, 16 Ogos, 1992, 37, 44.
51. D. McQuail, 1987, 315.
52. W. G. Runciman (pnyt.) & E. Matthews (pnrj.), *Max Weber: Selections in Translation*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1978), 38. Petikan asalnya berbunyi: "The term *power* will be used to refer to every possibility within a social relationship of imposing one's own will, even against opposition, without regard to the basis for this possibility".
53. A. Etzioni, *Modern Organizations* (Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1964), 51.
54. H. Goldhamer & E. A. Shils, "Types of Power and Status," *The American Journal of Sociology*, 45(2), September 1939, 171.
55. Ibid., 171-172.
56. Ibid., 172.
57. A. Etzioni, *Modern Organizations*, 58.
58. Ibid.
59. R. L. Lowenstein, "Press Freedom as a Barometer of Political Democracy," dlm. H. D. Fischer & J. C. Merrill (pnyt.), *International and Intercultural Communication* (New York: Hastings House Publishers, 1976), 136-147.
60. Ibid., 138-139.
61. R. B. Nixon, "Factors Related to Freedom in National Press Systems," dlm Fischer, Heinz-Dietrich & J. C. Merrill, (pnyt.) *International and Intercultural Communication* (New York: Hastings House Publishers, 1976), 153-154.

BAHAGIAN 2

Permulaan Sistem Akhbar 1806-1867

Peraturan Dan Undang-undang Akhbar Di Bawah Syarikat Hindia Timur (SHT) Di India	39
Peraturan Dan Undang-undang Akhbar Di Negeri-negeri Selat	57
Pengusaha Akhbar Dan Naungan Kerajaan	79
Negeri-negeri Selat Di Bawah India 1830-1867	101
Rumusan	113

BAB 3

Peraturan Dan Undang-undang Akhbar Di Bawah Syarikat Hindia Timur (SHT) Di India

BAHAGIAN INI MELIHAT HUBUNGAN KERAJAAN DENGAN AKHBAR dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah dari tahun 1806, tahun bermulanya surat khabar pertama di Pulau Pinang, sehingga tahun 1830 apabila autonomi pemerintahan di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka berakhir, dan ketiga-tiga Negeri-negeri Selat itu diletakkan di bawah pemerintahan Bengal di India. Peringkat kedua ialah hubungan antara kerajaan dan akhbar ketika ketiga-tiga negeri ini di bawah pemerintahan di India, iaitu pada tahun-tahun 1830–1867. Oleh kerana penguatkuasaan undang-undang percetakan pada tahun 1835 di seluruh pemerintahan (Syarikat Hindia Timur [SHT]) di India, yang merangkumi Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, mempunyai sejarahnya sendiri, satu tinjauan ringkas mengenai pengenalan peraturan dan undang-undang berkaitan akhbar di India mulai sekitar tahun 1790 dilakukan. Tempoh antara tahun-tahun 1806–1867 boleh dilihat sebagai permulaan bagi sistem akhbar negara ini.

Pulau Pinang diangkat menjadi sebuah presidensi mulai September 1805, sebagai usaha untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran “mengikut aturan” bagi pulau itu.¹ Sebelum itu, pentadbiran di Pulau Pinang dianggap sebagai berbentuk sementara. Philip Dundas telah dilantik menjadi Gabenor pertama, dan dibantu oleh tiga orang ahli Majlis. Kuasa kerajaan terletak kepada Gabenor, yang dikenali juga sebagai presiden kepada sebuah Majlis yang mengandungi

tiga orang ahli yang dilantik. Pelantikan kerajaan ini dibuat oleh SHT. Gabenor dan Majlis inilah yang menjalankan pemerintahan di Pulau Pinang, dan tertakluk kepada kebenaran dan persetujuan Jemaah Pengarah (*Court of Directors*) di London. Satu daripada arahan yang diberi kepada Dundas ialah memastikan hanya mereka yang mendapat lesen untuk tinggal saja dibenarkan tinggal di pulau itu.² Mahkamah juga diperkenalkan, tetapi Gabenor adalah sebahagian daripada kehakiman dan mempunyai kata pemutus; beliau boleh menolak keputusan mahkamah. Di peringkat kerajaan tempatan, jelaslah Pulau Pinang dan seterusnya merangkumi juga Singapura dan Melaka, adalah kerajaan yang mempunyai kuasa hampir mutlak. Di bawah kerajaan beginilah lahir sebuah surat khabar yang pertama di negara ini, iaitu di Pulau Pinang dalam tahun 1806.

A. B. Bone, seorang pengusaha akhbar dari Madras yang tidak berapa berjaya, telah datang ke presidensi terbaru SHT, iaitu Pulau Pinang untuk mencari peluang perniagaan. Beliau mengirim mesin cetak dan alat percetakannya melalui sebuah kapal lain. Pada mulanya Bone memohon kebenaran daripada kerajaan Pulau Pinang untuk menjalankan perusahaan mesin cetak, dan tidak lama kemudian memohon untuk menerbitkan akhbar pula. Apa yang diminta oleh Bone bukan sekadar kebenaran. Sebagaimana yang dapat dilihat kemudian ia melibatkan kerja-kerja percetakan dan bantuan kewangan. Ini merupakan naungan. Sebagai sebuah kerajaan yang berkuasa di Pulau Pinang, ia telah mengeluarkan lesen kepada Bone untuk menerbitkan akhbar yang dikenali sebagai *The Prince of Wales Island Gazette*, walaupun tidak ada peruntukan undang-undang untuk mengeluarkan lesen percetakan. Ia dikeluarkan atas budi bicara Gabenor dan Majlisnya. Walaupun tidak ada peruntukan penapisan, ia menguatkuasakan tapisan sebelum cetak terhadap akhbar yang diterbitkan oleh Bone. Amalan tapisan sebelum cetak adalah sama seperti yang sedang berjalan di India ketika itu. Naungan ini diberi dalam bentuk lesen percetakan untuk akhbarnya, kerja-kerja percetakan, dan pinjaman kewangan untuk meneruskan operasi perusahaannya dan semua ini dengan syarat Bone membenarkan tapisan sebelum cetak. Semua ini berlaku atas kemahuan ataupun persetujuan Bone. Sebagai seorang penerbit yang berpengalaman, yang pernah menerbit dua buah akhbar di Madras, Bone meminta syarat yang sama dikenakan untuk penerbitannya. Permintaan ini memberi jalan kepada kerajaan Pulau Pinang untuk mengikut jejak presidensi lain di India. Khalayak akhbar pada ketika itu terdiri daripada orang Inggeris, sama ada yang berkhidmat dalam kerajaan Pulau Pinang atau peniaga, ejen jualan, pedagang, dan sebagainya. Dengan tertubuhnya *The Prince of Wales Island Gazette*, peraturan dan undang-undang terhadap akhbar mulalah diperkenalkan. Dengan demikian bermulalah hubungan

antara akhbar dan kerajaan dan akhirnya terbentuk satu sistem yang mencorakkan kegiatan akhbar di negara ini.

Ia juga memberi tumpuan kepada bagaimana kerajaan Pulau Pinang (kemudiannya meliputi Singapura dan Melaka) menggunakan kuasanya terhadap akhbar, bertindak terhadap akhbar yang dianggap menyimpang, dan mengeluarkan peraturan terhadap akhbar. Perhatian khusus diberikan untuk tempoh 1806–1830, apabila Presidensi Timur dimansuhkan. Mulai tahun 1830 Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka diletakkan di bawah pentadbiran di India sehingga tahun 1867. Bab ini juga menyusur galur wujudnya peraturan dan undang-undang di negeri-negeri Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, beberapa kejadian atau pergeseran antara akhbar yang menyebabkan tindakan tertentu diambil oleh kerajaan terhadap akhbar.

Pengaruh India, khususnya dari segi memperkenalkan undang-undang akhbar, dan juga teknologi serta kepakaran dapat dilihat sejak awal lagi. Mesin cetak syarikat Bone, yang mencetak akhbarnya, dibawa dari India; gaya penerbitan *The Prince of Wales Island Gazette* menggunakan gaya penerbitan India ketika itu. Sebahagian daripada pegawai yang berkhidmat dalam kerajaan di Pulau Pinang ketika itu, khususnya Setiausaha Kerajaan H. S. Pearson, pernah berkhidmat di India sebelum dipindahkan ke Pulau Pinang, dan beliau bolehlah dianggap mahir dengan cara pemerintahan India. Oleh yang demikian bab ini juga memberi perhatian kepada peraturan dan undang-undang di India.

Bahagian ini mengkaji dan menganalisis kuasa pemerintah dalam tempoh 1806–1867 dan hubungannya terhadap pertumbuhan akhbar serta pembentukan sistem akhbar yang terdapat di negara ini. Juga dilihat sebagai tindak balas para pengusaha akhbar terhadap kuasa. Pertumbuhan akhbar dan pembentukan sistem akhbar di Malaysia mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Singapura, kerana kebanyakan perkembangan awal ini melibatkan pemerintah dan akhbar di Singapura. Oleh yang demikian perkembangan di Singapura juga diambil kira.

Pemerintahan Syarikat Hindia Timur (SHT)

Penjajahan British di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dilakukan melalui SHT, yang ditubuhkan pada 31 Disember 1600 dengan mendapat piagam diraja. Syarikat ini atau nama penuhnya *The Governor and Company of Merchants of London Trading into the East Indies* diberi hak eksklusif oleh Raja Inggeris untuk berdagang di seluruh dunia “melampaui Tanjung Bona,

Esperanza hingga ke Selat Magellan".³ Syarikat ini kemudiannya bergabung dengan sebuah syarikat The New Company, yang ditubuhkan dalam tahun 1698, dan pada tahun 1709 dikenali sebagai The United East India Company menjadi sebuah syarikat yang lebih kuat dari segi sumber, sokongan negara, dan potensi perdagangannya di seberang laut. Piagam asal yang diberikan kepada The New Company pada 5 September 1698 menjadi sumber perundangan dan perlembagaan kuasa-kuasa dan keistimewaan United Company.⁴

Dalam usaha perdagangannya ia telah membuka "kilang" di beberapa tempat di India yang akhirnya dinaikkan taraf pentadbirannya dengan membentuk presidensi di Bengal, Madras, dan Bombay. Pentadbiran di Bengal diketuai oleh Gabenor Jeneral dan Gabenor, masing-masing di Madras dan Bombay.

Kerajaan British, dalam usahanya untuk mengawal perjalanan SHT dengan lebih berkesan dan bertanggungjawab kepada Parlimen telah menubuhkan Lembaga Kawalan (*Board of Control*) dengan seorang Presiden bertaraf menteri. SHT bertanggungjawab kepada Lembaga Kawalan atau dikenali juga sebagai Lembaga India (*India Board*) ini untuk memaklum dan mendapat restu dalam tindakannya. SHT sendiri mempunyai Jemaah Pengarah yang mengawal perjalanan syarikat itu.

Tanggungjawab SHT dan Lembaga Kawalan ke atas kerajaan India ditamatkan di bawah Akta 1858, dan kerajaan India diletakkan sepenuhnya dan terus di bawah Tanah Jajahan British yang bertindak melalui seorang Setiausaha Negara. Badan baru ini yang dikenali sebagai *India Office* bertanggungjawab seluruhnya untuk penyeliaan dan arahan terhadap kerajaan India sehingga tahun 1947.⁵ Oleh kerana SHT sudah berakhir, Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, yang ketika itu diletakkan di bawah Presidensi Bengal dipindahkan dan diletakkan terus di bawah Gabenor Jeneral India mulai tahun 1858.

Pertapakan British di Tanah Melayu bermula dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light dalam tahun 1786. Dalam tahun 1805, SHT menaikkan Pulau itu ke taraf presidensi. Tetapi kedudukannya adalah lebih rendah dari Presidensi Madras, dan Bombay.⁶

Madras dan Bombay mempunyai kuasa perundangan yang luas, tetapi Majlis Presidensi Pulau Pinang tidak diberi kuasa untuk menggubal undang-undangnya sendiri.⁷ Pentadbiran Pulau Pinang diketuai oleh seorang Presiden Majlis, yang dikenali juga sebagai Gabenor. Beliau dibantu oleh tiga orang ahli Majlis, dan seorang Setiausaha Kerajaan dan kakitangan baru juga dihantar ke situ.

Pada tahun 1819, Stamford Raffles membuka Singapura. Pada mulanya Singapura diletakkan di bawah pentadbiran Bangkahulu di pantai barat Sumatera

hingga tahun 1823. Dari tahun 1823–1826 ia diletakkan terus di bawah Kerajaan Agung di Bengal, India. Melaka pula adalah sebuah dependensi Pulau Pinang pada tahun-tahun 1824–1826. Dalam tahun 1826, Melaka dan Singapura digabungkan dengan Pulau Pinang sebagai sebuah presidensi yang tunggal, iaitu Presidensi Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka, atau dikenali juga sebagai Gabungan Negeri-negeri Selat. Presidensi baru ini diketuai seorang Gabenor yang lama berkhidmat di India, iaitu Robert Fullerton yang menjadi Gabenor Presidensi Pulau Pinang sejak tahun tahun 1824. Fullerton berkhidmat di Madras pada tahun 1789–1820, dan menjadi ahli Majlis Madras pada tahun 1813–1820, menjadi gabenor Pulau Pinang mulai tahun 1824, dan terus menjadi Gabenor apabila ketiga-tiga Negeri Selat digabungkan mulai tahun 1826.⁸

Mulai 1 Julai 1830, Presidensi Timur dihapuskan, dan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka menjadi sebuah Residensi di bawah Presidensi Bengal. Jawatan Gabenor dihapuskan dan digantikan dengan Pesuruhjaya bagi Hal-Ehwal Prince of Wales, Singapura, dan Melaka (tetapi dikenali sebagai Ketua Pesuruhjaya).

Ketua pentadbir di Singapura dan Melaka dikenali sebagai Penolong Residen (tetapi kemudiannya dikenali sebagai Residen). Berikutan perkembangan Singapura yang pesat, ibu negeri Residensi Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dialih dari Pulau Pinang ke Singapura dalam tahun 1832. Dalam tahun 1858, pentadbiran Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dipindahkan dari kerajaan Bengal kepada kerajaan India.

Di India, dalam tahun 1833 SHT mengemaskan lagi pentadbirannya di sana, dengan membentuk satu pentadbiran yang menguasai seluruh wilayahnya di India dengan diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral India. Bagaimanapun, kuasa SHT mulai merosot dan akhirnya dalam tahun 1858 tanggungjawab SHT dan Lembaga Kawalan ke atas India ditamatkan. Kerajaan India diletakkan sepenuhnya dan terus di bawah Raja British yang bertindak melalui Setiausaha Kerajaan, yang dibantu oleh sebuah badan penasihat terdiri daripada pentadbiran SHT dan Lembaga Kawalan. Badan yang dibentuk ini dikenali sebagai *India Office* kekal bertanggungjawab menyelia dan mengarah pentadbiran kerajaan India sehingga tahun 1947.

Kerajaan India yang dipindahkan dari SHT kepada Raja British dalam tahun 1858, sudah meluas hampir ke seluruh subbenua India, termasuk juga bahagian bawah Burma dan Negeri-negeri Selat.⁹ Pada 1 April 1867 Negeri-negeri Selat diasingkan dari India dan diletakkan terus di bawah Pejabat Tanah Jajahan, dan menjadi sebuah tanah jajahan British.

Peraturan dan Undang-undang Akhbar di India

Bahagian ini akan menerangkan secara sepintas lalu peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di India, khususnya di tiga presidensi India, iaitu Bengal (yang merupakan tempat Kerajaan Agung), Madras, dan Bombay. Pengetahuan mengenai peraturan dan undang-undang di India ini penting. Pertama, orang yang pertama terlibat dalam memperkenalkan akhbar di Pulau Pinang pernah menjalankan usaha penerbitan akhbar di Madras dan pegawai-pegawai Inggeris di Pulau Pinang juga pernah bertugas di India. Kedua, ada di antara peraturan dan undang-undangnya diarah dilaksanakan di Pulau Pinang, dan kemudiannya di Negeri-negeri Selat. Peraturan dan undang-undang akhbar India ini meliputi tempoh antara tahun-tahun 1790–1830, iaitu sebelum Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah kerajaan Bengal. Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di beberapa presidensi di India, pada mulanya hanya berbentuk *ad hoc* yang dikeluarkan apabila perlu. Undang-undang yang pasti hanya wujud selepas tahun 1820-an.

Penapisan Akhbar di India

Penapisan akhbar mula dikenakan di Bengal, iaitu pusat pemerintahan kerajaan yang ditubuhkan oleh SHT di India, pada 13 Mei 1799 demikian menurut satu perutusan daripada Jemaah Pengarah SHT kepada Presiden Lembaga India bertarikh 17 Januari 1823.¹⁰ Menurut perutusan itu, Bombay sudah pun melaksanakan penapisan akhbar sejak tahun 1791. Penapisan akhbar juga dijalankan di Madras, tetapi tidak dapat dipastikan tarikh ia bermula, mungkin sekitar tarikh ini juga.

Sebelum tahun 1799, tidak terdapat peraturan yang seragam dan konsisten di ketiga-tiga presidensi, iaitu Bengal, Madras, dan Bombay, untuk memandu tingkah laku para editor akhbar, atau untuk menghalang dan menghukum tindakan mereka yang melampau. Tindakan penapisan yang dikuatkuasakan mulai tahun 1799 itu dijalankan kerana kerap berlaku apa yang disebut sebagai penyalahgunaan oleh akhbar pada tahun-tahun 1791–1799. Pihak pemerintah tidak dapat bergantung kepada budi bicara editor untuk mengawal kelakuan mereka. Berikut ialah beberapa kes yang pemerintah anggap sebagai penyalahgunaan yang dilakukan oleh pihak akhbar. Malangnya maklumatnya kurang lengkap.

- 1791 William Duane dari *Bengal Journal* ditangkap oleh kerajaan Bengal, tetapi kesalahannya tidak dinyatakan.

- 1794 William Duane dari *The World*, diperintah usir ke Eropah, tetapi kesalahannya tidak dinyatakan.
- 1796 Artikel yang terbit dalam *The Telegraph* menyebabkan editornya William H. M'kinly hampir dikenakan tindakan oleh pemerintah. Tindakan lanjut tidak diambil selepas M'kinly menafikan beliau penulisnya.
- 1796 Tindakan diambil terhadap *Calcutta Gazette*, tetapi tidak dinyatakan apa kesalahannya, atau jenis tindakannya.
- 1798 Sepucuk surat dalam *The Telegraph* didapati tidak menyenangkan.
- 1798 Sepucuk surat dalam *The Telegraph*, penulisnya diusir ke Eropah.
- 1799 *The Telegraph* —ia menyebut “kelakukan kerani pos yang tidak senonoh”, tetapi tidak dinyatakan apa kesalahannya dan apa tindakan yang diambil.

Berikutan dengan kejadian yang tidak diingini, sebagaimana yang disebutkan di atas, iaitu kerana banyaknya tersiar artikel yang tidak sesuai dalam akhbar, kerajaan Bengal telah mewujudkan peraturan pada 13 Mei 1799 untuk akhbar awam.

Peraturan ini tidak diberi nama khusus, tetapi tujuannya jelas, iaitu untuk memudahkan mengetahui siapa yang bertanggungjawab terhadap akhbar atau siapa pencetaknya; siapa editor dan pemilik akhbar itu dan alamat mereka; akhbar tidak boleh diterbit sebelum disemak oleh Setiausaha Kerajaan dan ini bermakna penapisan sebelum terbitan, akhbar tidak boleh terbit pada hari Ahad, tetapi tidak dinyatakan kenapa tetapi mungkin kerana Setiausaha Kerajaan tidak mahu diganggu pada hari Sabtu untuk menyemak akhbar-akhbar; dan hukuman kerana kesalahan terhadap peraturan itu ialah pengusiran segera ke Eropah. Peraturan itu adalah seperti berikut:

- Setiap pencetak akhbar dikehendaki mencetak namanya di bahagian bawah akhbar berkenaan.
- Setiap editor dan pemilik sesebuah akhbar dikehendaki mengemukakan nama dan tempat tinggalnya kepada Setiausaha Kerajaan.
- Akhbar tidak boleh diterbitkan pada hari Ahad.
- Akhbar tidak boleh diterbitkan sehingga ia telah disemak terlebih dahulu oleh Setiausaha Kerajaan, atau oleh seseorang yang diberi kuasa olehnya untuk tujuan tersebut.
- Hukuman kerana melakukan sebarang pelanggaran peraturan di atas ialah pengusiran segera ke Eropah.

Peraturan ini disampaikan kepada tuannya dan editor akhbar-akhbar di Bengal ketika itu, iaitu *The Hircarrah*, *Morning Post*, *Calcutta Courier*, *Telegraph*, *Oriental Star*, *India Gazette*, dan *Asiatic Mirror*. Menurut laporan itu kesemua mereka menulis kepada kerajaan berjanji untuk mematuhi dengan tegas. Apabila ada akhbar baru ditubuhkan peraturan itu juga dimaklumkan kepada pemiliknya. Jemaah Pengarah sangat bersetuju dengan langkah yang diambil apabila peraturan itu dimaklumkan kepada mereka.

Dalam tahun 1801, kerajaan Bengal telah membuat satu rancangan untuk mengadakan mesin cetak kerajaan untuk mencetak *Gazette*, dan sebuah akhbar mengandungi berita dan iklan. Akhbar yang dicadangkan itu dijangka diterbitkan di bawah seliaan kerajaan, tetapi tidak dianggap sebagai komunikasi rasmi. Akhbar ini tidak jadi diterbitkan kerana masalah kewangan. Tetapi alasan yang diberikan untuk menubuhkan akhbar tersebut menunjukkan sikap kerajaan terhadap akhbar milik swasta, iaitu "kejahatan yang paling utama".

Pada pandangan kerajaan, dari sudut politik, adalah satu motif kuat bagi menubuhkan percetakan itu, bertambahnya percetakan swasta di India, tanpa lesen, bagaimanapun dikawal, adalah suatu kejahatan yang paling utama, dari segi akibatnya; bukti yang cukup dapat dilihat dari *scandalous outrages* pada tahun-tahun 1793–1798.

Kerajaan melihat akhbar-akhbar yang ada tidak berguna sebagai hasil sastera dan juga kepada orang ramai, dan tidak jelas menguntungkan kepada usahawannya, akhbar-akhbar ini menjadi tempat mencari sesuap nasi kepada beberapa orang pengembara Eropah, yang didapati tidak sesuai untuk membuat kerja lain untuk menyara hidup. Penubuhan sebuah percetakan oleh Kerajaan Agung akhirnya akan membisukan akhbar-akhbar yang wujud sekarang, dan tentu sekali akan menghalang penubuhan sebarang akhbar demikian pada masa depan.

Antara tahun 1801–1807 beberapa orang editor akhbar dilarang menyiarkan berita dalam masa perang mengenai tentera seperti senarai tentera, buku atau risalah yang berkaitan dengan jumlah dan kedudukan tentera, tanpa sanksi kerajaan; dan akhbar-akhbar lain dilarang menerbitkan sebarang arahan ketenteraan, kecuali ia telah dikeluarkan dalam *Calcutta Gazette*. Bagaimana arahan ini diberi, sama ada secara lisan atau tulisan, tidak pula dinyatakan.

Mungkin buat pertama kalinya arahan dikeluarkan di India yang melibatkan juga akhbar di Pulau Pinang ialah dalam tahun 1807 berhubung dengan berita armada Raja England. Ini berlaku apabila para editor akhbar Bengal dimarahi kerana menerbitkan tanpa risikan yang berwibawa yang berkaitan dengan armada Raja England di India, kerana ia bercanggah dengan perintah kerajaan.

Para editor sekali lagi diarah jangan memasukkan artikel jenis ini, melainkan ia telah keluar dalam *Government Gazette* ataupun telah dibenarkan oleh ketua komander laut di India. Mereka diberitahu sebarang pelanggaran arahan ini pada masa depan akan menyebabkan kemarahan kerajaan. Kerajaan-kerajaan Kota St. George, Bombay, dan Prince of Wales Island, iaitu Pulau Pinang diminta mengeluarkan arahan yang sama kepada para editor di tempat-tempat tersebut. Bagaimanapun, tidak ditemui rekod yang menunjukkan sama ada kerajaan Pulau Pinang menerima arahan itu atau mengeluarkan arahan itu kepada editor akhbar *Prince of Wales Island Gazette*.

Dalam tahun 1807 editor *India Gazette* diminta menyatakan kenapa beliau menerbitkan suatu bilangan akhbarnya tanpa menyerahkan naskhah proof untuk disemak oleh kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan penapisan tahun 1799. Dalam tahun 1808, editor *Calcutta Gazette* dimarahi kerana gagal menyerahkan naskhah proof selama beberapa minggu untuk disemak sebelum diterbitkan. Ini kerana beberapa artikel yang dimasukkan dalam akhbar-akhbar tersebut dianggap sebagai "tidak sesuai dan tidak menyenangkan" dalam sebuah akhbar yang diterbitkan di bawah autoriti kerajaan.

Pada tahun 1811, semua pemilik akhbar di Calcutta dan wilayah di bawahnya diarah memasukkan nama pencetak kepada semua karya, akhbar, iklan, dan sebagainya, yang dicetak atau dikeluarkan di mesin cetak berkenaan, jika enggan akan menerima kemarahan kerajaan. Ini adalah perluasan daripada peraturan penapisan tahun 1799 yang hanya memerlukan nama pencetak diletakkan di bahagian bawah akhbar.

Dalam tahun 1812, editor *Calcutta Daily Advertiser* dikecam atas permintaan Adjutan Jeneral kerana memasukkan suatu iklan dengan tujuan untuk memalukan seorang pegawai yang dihormati dalam perkhidmatan Kompeni. Kerajaan melarang iklan itu diterbitkan semula begitu juga surat-menyerat yang merujuk kepada iklan itu juga dilarang disiarkan. Berikutan dengan itu arahan dikeluarkan supaya semua iklan dikemukakan untuk semakan kerajaan sebelum diterbitkan.

Pada 16 Oktober 1813, peraturan diwujudkan untuk mengawal mesin cetak di Calcutta, iaitu naskhah proof semua akhbar, termasuk tambahan, dan penerbitan tambahan, mesti dihantar terlebih dahulu kepada Ketua Setiausaha untuk disemak. Semua notis, surat pemberitahuan, dan penerbitan-penerbitan sementara yang lain, juga mesti dihantar kepada Ketua Setiausaha untuk disemak. Tajuk semua karya asal yang dicadang untuk diterbitkan, hendaklah juga dihantar kepada Ketua Setiausaha untuk maklumannya, yang akan sama ada menyanksi penerbitannya, atau memerlukan karya itu diperiksa, jika

berpatutan; dan Peraturan-peraturan yang diwujudkan pada 13 Mei 1799, dan 6 Ogos 1801 akan terus berkuat kuasa, kecuali diubah suai oleh arahan di atas. Kandungan Peraturan Percetakan Akhbar di Calcutta pada tahun 1813 adalah seperti berikut:

- Bahawasanya naskhah pruf semua akhbar, termasuk tambahan, dan lain-lain penerbitan tambahan, dikemukakan terlebih dahulu kepada Ketua Setiausaha untuk disemak.
- Bahawasanya semua notis, surat pemberitahuan, dan penerbitan-penerbitan lain yang bercorak sementara, hendaklah juga dikemukakan untuk semakan Ketua Setiausaha.
- Bahawasanya tajuk semua karya asal yang dicadang diterbitkan, juga dihantar kepada Ketua Setiausaha untuk maklumatnya, yang akan sama ada membenarkan penerbitan demikian, atau memerlukan karya itu sendiri diperiksa, jika ia berpatutan.
- Peraturan-peraturan yang diwujudkan pada 13 Mei 1799, dan pada 6 Ogos 1801, hendaklah berkuat kuasa dan memberi kesan, melainkan peraturan-peraturan itu mungkin diubah suai oleh arahan-arahan sebelum ini.¹¹

Menjelang tahun 1818 sebanyak tiga set peraturan telah dikeluarkan. Yang pertama ialah peraturan penapisan yang dikeluarkan pada 13 Mei 1799, iaitu menguatkuasakan tapisan sebelum cetak di Bengal. Pada 29 Jun 1799, kerajaan memutuskan semua akhbar mesti ditapis terlebih dahulu oleh kerajaan sebelum diterbitkan. Oleh kerana Bengal baru saja dikenakan peraturan penapisan, ini bermakna ia meliputi Bombay dan Madras, dan oleh kerana Bombay sudah pun menguatkuasakan peraturan penapisan sejak tahun 1791, peraturan ini nampaknya hanya mengenai Madras. Set kedua dikatakan diterbitkan pada 6 Ogos 1801, tetapi peraturan ini tidak ditemui, dan set yang ketiga ialah peraturan mengenai mesin cetak dikeluarkan dalam tahun 1813 di Calcutta.

Di Bengal, antara tahun 1791–1799 campur tangan kerajaan terhadap akhbar dihadkan kepada kesalahan yang serius, memaklumkan rasa tidak puas hati kerajaan dan para editor diminta memohon maaf kerana melakukan kesalahan itu. Hanya dalam dua kes yang tersangat serius, dua orang telah diusir ke Eropah, dan dalam satu kes ia menggantung seorang pesalah dari perkhidmatan SHT. Akhbar-akhbar di Calcutta, Bengal dikenakan penapisan akhbar mulai tahun 1799–1818.¹²

Peraturan Bengal 1818 dan Pemansuhan Penapisan Akhbar

Pada 19 Ogos 1818, Kerajaan Agung di Bengal memansuhkan penapisan akhbar kerana dalam masa penapisan akhbar berkuat kuasa, iaitu antara tahun-tahun 1799–1818, tidak terdapat kes yang menyebabkan kemarahan kerajaan. Sebagai gantinya, peraturan yang dikenali sebagai Peraturan Bengal 1818 diwujudkan untuk memandu kelakuan para editor akhbar. Peraturan ini melarang kritikan yang negatif terhadap pentadbiran kerajaan, begitu juga kenyataan yang tidak baik terhadap anggota Majlis, hakim, atau Biskop Calcutta. Perbincangan yang boleh menggemparkan atau menimbulkan syak-wasangka di kalangan penduduk peribumi, atau sebarang tujuan untuk mengganggu mengenai pandangan agama atau fahaman mereka juga dilarang. Sebarang perkara yang boleh menjejaskan kuasa dan nama baik British di India juga dilarang.

Begitu juga skandal peribadi atau kenyataan peribadi yang berkecenderungan untuk menimbulkan kebencian di kalangan masyarakat.¹³ Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kerajaan, J. Adam kepada para editor akhbar, bertarikh 19 Ogos 1818 telah menyertakan Peraturan Bengal 1818. Oleh kerana peraturan ini memberi kesan kepada tindakan-tindakan yang diambil kemudiannya di Negeri-negeri Selat, ia diturunkan sepenuhnya dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Inggeris. Peraturan itu berbunyi seperti berikut:¹⁴

His Excellency the Governor General in Council having been pleased to revise the existing Regulations regarding the control exercised by the Government over the newspapers, I am directed to communicate to you, for your information and guidance, the following resolutions by his Lordship in Council.

The Editors of Newspapers are prohibited from publishing any matter coming under the following heads.

- Animadversion¹⁵ on the measures and proceeding of the Honourable Court of Directors, or other public authorities in England, connected with the Government of India, or disquisitions¹⁶ on political transaction of the local administration, or offensive remarks levelled at the public conduct of the member of the Council, of the Judges of the Supreme Court, or of the Lord Bishop of Calcutta.
- Discussions having a tendency to create alarm or suspicion among the native population, or any intended interference about their religious opinion, or observances.

- The republication from English or other newspaper of passages coming under any of the above heads or otherwise calculated to affect the British power or reputation in India.
- Private scandal and personal remarks on individuals tending to excite dissension in society.

Relying on the prudence and discretion of the Editors for their careful observance of these rules, the Governor General in Council is pleased to dispense with their submitting their papers to an officer of the Government, previous to publication. The Editors, however, will be held personally accountable for whatever they may publish in contravention of the rules now communicated, or which may be otherwise at variance with the general principles of the British law as established in this country, and will be proceeded against in such manner as the Governor in Council may deem applicable to the nature of the offence, for any deviation from them.

The editors are further required to lodge in the Chief Secretary's office one copy of every newspaper, periodical or extra, published by them respectively.

Begitulah bunyi peraturan yang dikeluarkan itu. Ia diperturunkan sepenuhnya di sini kerana peraturan ini kemudiannya menjadi penting dalam konteks Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka apabila ia digunakan oleh Gabenor Robert Fullerton. Peraturan itu diberitahu kepada para editor pada 19 Ogos 1818 bahawa Gabenor Jeneral-dalam-Majlis tidak memerlukan akhbar mereka disemak oleh seorang pegawai kerajaan (arahan sebelumnya ialah Setiausaha Kerajaan atau seorang pegawai yang diarahkan olehnya) sebelum diterbitkan. Bagaimanapun, para editor bertanggungjawab secara peribadi bagi apa saja yang mereka terbitkan yang bercanggah dengan peraturan yang diberikan, atau yang mungkin bercanggah dengan prinsip umum undang-undang British yang diwujudkan di India. Maksud kerajaan itu boleh diselami, iaitu para editor hendaklah bertindak mengawal diri dan ada pihak akan melihat langkah ini sebagai penapisan sendiri.

Jemaah Pengarah tidak bersetuju dengan langkah kerajaan Bengal itu, lalu mendraf sepucuk surat bertarikh 7 April 1820 yang dihantar kepada Lembaga Kawalan untuk mendapat kelulusan. Bagaimanapun, pihak Lembaga Kawalan tidak memulangkan draf itu atau menjawab surat yang dikirim. Draf surat itu antara lainnya menyebut bahawa “. . . tidak siapa pun akan mendapat faedah daripada perubahan itu, sama ada kerajaan, orang awam atau editor.”¹⁷ Draf surat itu seterusnya meminta dikembalikan kepada amalan yang berjalan hampir 20 tahun hingga tahun 1818 sehingga satu peraturan baru dikemukakan dan dipersetujui oleh Jemaah Pengarah yang boleh digunakan di semua presidensi di India.

Dalam bulan Disember 1819, Bombay memansuhkan peraturan penapisan dan memperkenalkan Peraturan Bengal 1818 di situ. Terdapat desakan di Madras supaya penapisan akhbar dimansuhkan juga seperti di Bengal dan Bombay, tetapi kerajaan Madras merasa ia tidak perlu malah ia menulis kepada Jemaah Pengarah tentang bahaya membebaskan akhbar dari kawalan yang paling mutlak. Bagaimanapun, penapisan akhbar di Madras akhirnya dimansuhkan pada 16 Mac 1832.¹⁸

Akta Sumbat Mulut

Selepas peraturan penapisan di Bengal dimansuhkan dalam tahun 1818, kerajaan Presidensi Kota William, Bengal menghadapi banyak masalah dengan akhbar.¹⁹ Banyak perkara ditulis dalam akhbar dan penerbitan-penerbitan lain di Calcutta yang cenderung membawa kebencian dan penghinaan dan mengganggu keamanan, harmoni dan ketenteraman masyarakat.²⁰ Berikutan dengan itu, Gabenor Jeneral-dalam-Majlis telah meluluskan satu peraturan yang dikenali sebagai Akta Sumbat Mulut,²¹ iaitu undang-undang melesen percetakan dan penerbitan di dalam Petempatan Kota William di Bengal. Peraturan itu dikenali sebagai "A Rule, Ordinance, and Regulation for the good Order and Civil Government of the Settlement of Fort William in Bengal, 1823".²² Pelesenan ini meliputi surat khabar, dan majalah, daftar, risalah, dan buku-buku lain dan penerbitan bercetak, dalam sebarang bahasa dan tulisan, diterbit secara berkala, yang mengandungi atau dikatakan mengandungi berita-berita awam dan risikan, atau kritikan tajam terhadap tindakan, langkah-langkah dan prosiding kerajaan, atau sebarang kejadian atau apa-apa urusan. Hanya mereka yang diberi lesen, yang boleh dipohon dengan mengemukakan affidavit, yang dibenar mencetak dan menerbit akhbar dan sebagainya. Lesen ini boleh ditarik balik. Bagaimanapun, penerbitan bercorak perdagangan dikecualikan dari peraturan itu. Peruntukan ini penting diambil perhatian kerana apabila Residen Singapura John Crawford memohon kebenaran dari Kerajaan Agung untuk menerbitkan sebuah akhbar perdagangan, Kerajaan Agung tidak mengenakan apa-apa syarat kerana di bawah "Section IX A Rule, Ordinance, and Regulation for the Good Order and Civil Government of the Settlement of Fort William in Bengal, 1823" akhbar demikian memang dikecualikan daripada peraturan yang berkuat kuasa ketika itu.²³

Peraturan ini diluluskan oleh Gabenor Jeneral-dalam-Majlis Kota William, Bengal pada 14 Mac 1823, dan didaftarkan di Mahkamah Agung, Bengal pada

4 April 1823. Peraturan ini ditentang oleh akhbar, dan seorang editor James Silk Buckingham telah mencabar kerajaan mengenai peraturan ini hingga ke Majlis Privy, tetapi rayuannya ditolak oleh Majlis Privy dan keputusan itu dipersetujui oleh Raja Inggeris.

Sehari selepas peraturan ini didaftarkan di Mahkamah Agung, Gabenor Jeneral-dalam-Majlis meluluskan, pada 5 April 1823, peraturan mengenai mesin cetak. Peraturan ini dinamakan "A Regulation for preventing the establishment of Printing-Presses without Licence, and for restraining, under certain circumstances, the circulation of printed Books, and Papers (A.D. 1823 Regulation III)". Menurut mukadimah peraturan ini untuk menghalang pertumbuhan mesin cetak pada masa depan di kawasan yang terletak di bawah Presidensi Kota William.²⁴ Peraturan itu juga meliputi penggunaan mesin cetak berkenaan, atau taip atau bahan-bahan lain, melainkan dengan mendapat lesen dari kerajaan, dengan syarat-syarat tertentu, untuk mengawal dari penyalahgunaannya. Ia juga meliputi larangan terhadap pengedaran, dalam wilayah yang disebutkan, akhbar-akhbar tertentu, buku bercetak, atau sebarang penerbitan, sama ada ia dicetak di bandar Calcutta atau di tempat lain.

Di Bombay pula satu peraturan diperkenalkan yang dikenali sebagai *A "Rule, Ordinance and Regulation for preventing the mischief arising from the printing and publishing Newspapers, and Periodicals and other Books and Papers by persons unknown"*.²⁵ Ia diluluskan oleh Gabenor-dalam-Majlis Bombay pada 2 Mac 1825 dan didaftarkan di Mahkamah Agung di Bombay pada 11 Mei 1825. Peraturan ini agak longgar berbanding dengan peraturan di Bengal kerana ia hanya memerlukan pemohon untuk mengemukakan satu affidavit yang ditandatangani di hadapan Ketua Setiausaha. Affidavit berkenaan harus mengandungi butir-butir seperti nama, tempat pencetak, penerbit, dan pemilik akhbar berkenaan dan sebagainya. Pengecualian yang diberikan kepada penerbitan berbentuk perdagangan juga digunakan di Bombay. Bagaimanapun ia menambah perkecualian itu dengan mengecualikan juga buku atau penerbitan lain untuk kegunaan kerajaan di ketiga-tiga presidensi di India.

Satu aspek penting ialah peraturan Bombay ini memperkenalkan borang untuk sesiapa yang ingin menyimpan mesin cetak atau taip untuk percetakan, dan borang sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan yang menunjukkan notis berkenaan telah diberikan.²⁶

Dalam tahun 1826 Gabenor Jeneral di Bengal telah meminta undang-undang itu dilaksanakan di Bombay dan Madras. Bagaimanapun, apabila kerajaan Bombay mengemukakan undang-undang itu untuk didaftarkan di Mahkamah Agung Bombay permohonan itu ditolak oleh Mahkamah itu pada 10 Julai

1826, dengan mengatakan bahawa keadaan di Bombay tidak sama dengan di Calcutta.²⁷ Selepas penolakan itu kerajaan Presidensi Madras yang juga diminta oleh Gabenor Jeneral Bengal berbuat demikian memutuskan untuk tidak mengemukakan kepada Mahkamah Agungnya.²⁸

Pada waktu itu penggubalan undang-undang melibatkan Gabenor-dalam-Majlis dan Mahkamah. Mahkamah perlu bersetuju dengan sesuatu undang-undang sebelum ia didaftarkan. Hanya selepas itu boleh dilaksanakan. Masalah ini timbul kerana sebelum tahun 1834 segala peraturan atau undang-undang yang dibuat oleh Gabenor Jeneral-dalam-Majlis atau Gabenor mesti didaftar dan diterbitkan di sebuah Mahkamah Keadilan di Bengal, Madras, atau Bombay. Tetapi berdasarkan Akta Piagam 1833 yang berkuat kuasa dari 22 April 1834 peraturan itu tidak diperlukan lagi.²⁹ Undang-undang baru itu juga memberi kuasa kepada Gabenor Jeneral-dalam-Majlis untuk membuat perundangan bagi India.

Satu lagi peraturan yang diluluskan ialah "A regulation for restricting the establishment of printing presses and the circulation of printed books and papers". Ia diluluskan oleh Gabenor-dalam-Majlis Presidensi Bombay pada 1 Januari 1827.³⁰ Jika peraturan tahun 1825 hanya memerlukan penyerahan affidavit atau notis, tetapi peraturan tahun 1827 ini memerlukan mendapat lesen daripada kerajaan.³¹ Sesiapa yang memerlukan lesen demikian mestilah mengemukakan permohonan bertulis kepada majistret dalam bidang kuasa itu, menyatakan nama, pekerjaan, kasta, atau agama, tempat tinggal pemohon, dan lain-lain orang yang terlibat seperti pemilik atau penerbit dan tempat di mana dan tujuan percetakan itu dibuat, dan butir-butir itu disahkan dengan mengangkat sumpah oleh sesiapa yang terlibat yang dipilih oleh majistret. Majistret itu kemudiannya akan mengemukakan permohonan itu (dengan terjemahannya jika ia bukan dalam bahasa Inggeris) kepada Gabenor-dalam-Majlis untuk keputusannya.³²

Empat peraturan yang dibincangkan di atas kemudiannya dimansuhkan apabila satu undang-undang baru digubal dalam tahun 1835 dan berkuat kuasa di seluruh tanah jajahan di India (termasuk di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka). Ketika Presidensi Bengal dan Presidensi Bombay mengadakan undang-undang melesenkan percetakan dan penerbitan akhbar, Madras yang tidak memansuhkan penapisan akhbar terus melaksanakan penapisan itu, sehinggakan tindakan ini disifatkan sebagai tiada persamaan di tempat lain.³³

Pada 17 Mac 1832, Gabenor-dalam-Majlis Madras menghapuskan penapisan akhbar di presidensi itu, dan tugas yang diberikan kepada Ketua Setiausaha untuk melakukan penapisan itu ditarik balik.³⁴

Walaupun kerajaan Bombay menjangkakan Parlimen England akan meluluskan undang-undang berkenaan, tetapi yang sebenarnya Gabenor Jeneral di Bengal yang meluluskan undang-undang yang seragam untuk semua jajahan takluk British di India dalam tahun 1835, iaitu Akta India No. XI 1835, yang berkuat kuasa juga di Negeri-negeri Selat.

Catatan

1. Straits Settlements Records, IOR G/34/186 (1805–1808), Surat Court of Directors kepada Philip Dundas, bakal Governor (Governor designate), Prince of Wales Island, 18 April 1805.
2. Ibid.
3. M. Moir, *A General Guide to the India Office Records* (London: British Library, 1988), 3.
4. Ibid., 14.
5. Ibid., 60.
6. C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826–67* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), 54.
7. Ibid., 55.
8. Ibid., 54.
9. M. Moir., 61.
10. Parliamentary Branch C Vol. 43 1857–1858 IOR, Surat Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Court of Directors East India Company kepada President of India Board, 17 Jan. 1823.
11. Ibid.
12. Ibid. Kandungan Printing Presses Regulations in Calcutta, 1813:
 1. That the proof sheets of all newspapers, including supplement, and all extra publication, be previously sent to the Chief Secretary for revision.
 2. That all notices, handbills, and other ephemeral publication, be in like manner previously transmitted for the Chief Secretary's revision.
 3. That the titles of all original works proposed to be published, be also sent to the Chief Secretary for his information, who will there upon either sanction the publication of them, or require the work itself for inspection, as may appear proper.
 4. The rules established on the 13th May 1799, and the 6th August 1801, to be in full force and effect, except in so far as the same may be modified by the preceding instructions.
13. Bengal Regulations 1818.
14. Board's Collection IOR F/4/581 (14155), Extract Bengal Public Consultation, 28 Ogos 1818. Circular letter from the Chief Secretary to Government to the Editors of newspapers.
15. *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, 1992, memberi makna Adverse criticism atau kritikan.
16. Ibid., bermaksud huraian yang panjang lebar.
17. Parliamentary Branch C, Vol 43 1857–1858 IOR, Surat Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.
18. *Asiatic Journal*, Vol. 9, Sept. 1832, 44.
19. Parliamentary Branch C, Vol. 43 1857–1858 IOR, Surat Pengerusi dan Timbalan pengerusi.
20. Bengal Regulations, IOR V/8/20, A Rule, Ordinance, and Regulation for the good Order and Civil Government of the Settlement of Fort William in Bengal, 1823, Preamble.
21. C. M. Turnbull, *The Straits Settlement 1826–67*, 130.
22. Bengal Regulations, IOR V/8/20, A Rule, Ordinance, and Regulation.

23. Ibid., Seksyen IX.
24. Bengal Regulations, IOR V/8/20. A Regulation for preventing the establishment of Printing-Presses without Licence; and for restraining, under certain circumstances, the circulation of printed Books, and Paper: Passed by the Governor-General in Council on the 5th April 1823. (A.D. 1823 Regulation III).
25. Bombay Regulations, IOR V/8/23, Rule, Ordinance, and Regulation I of 1825.
26. Ibid., Article XX.
27. Board's Collection, IOR F/4/951 (26961) 9, Extract Bombay Public Consultation 14 Jun 1826.
28. Board's Collection, IOR F/4/931 (26145), Surat Herbert Compton Advocate General kepada D. Hill Chief Secretary to Government, 20 Nov. 1826. dlm Extract Fort St. George Public Consultation, 1st Dec. 1826.
29. Parliamentary Papers, Vol 2, 1833 IOR.
30. Bombay Regulations, IOR V/8/24. A Regulation for restricting the establishment of printing presses and the circulation of printed books and papers (Regulation XXIV A.D. 1827).
31. Ibid., Section I, Clause 1.
32. Ibid., Section I, Clause 3.
33. *Asiatic Journal*. Vol 28 Nov. 1829, 614.
34. *Asiatic Journal*. (Supplement) Sept. 1832, 44.

BAB 4

Peraturan Dan Undang-undang Akhbar Di Negeri-negeri Selat

PERATURAN AKHBAR ATAU *PRESS RULES AND REGULATIONS* wujud secara berasingan di Pulau Pinang dan Singapura berikutan keperluan untuk menubuhkan perusahaan akhbar di kedua-dua tempat tersebut. Peraturan di Pulau Pinang diwujudkan apabila *The Prince of Wales Island Gazette* ditubuhkan dalam tahun 1806, dan di Singapura apabila *Singapore Chronicle* ditubuhkan dalam tahun 1824. Perkara ini berlaku kerana Pulau Pinang dan Singapura pada ketika itu terletak di bawah pentadbiran yang berasingan. Pulau Pinang adalah sebuah presidensi yang tersendiri, manakala Singapura terletak di bawah Kerajaan Agung di Bengal. Apabila Melaka hendak menubuhkan akhbar di bandar itu dalam tahun 1826, ia dan Singapura sudah bercantum dengan Pulau Pinang di bawah satu presidensi. Oleh itu peraturan yang dikenakan di Pulau Pinang dan di Singapura dikuatkuasakan juga di Melaka.

Bab ini memperincikan bagaimana peraturan diwujudkan dan diperkemas-kan mengikut perkembangan masa.

Peraturan Akhbar di Pulau Pinang

Sebagaimana yang diketahui pengusaha yang memulakan perusahaan akhbar di negara ini ialah A. B. Bone. Beliau datang dari Madras dan pernah terlibat mencetak dan menerbitkan dua buah akhbar iaitu *The Hircarrah* dan *Madras*

Gazette. Besar kemungkinan beliau datang ke Pulau Pinang kerana ingin lebih berjaya di pulau yang baru dinaikkan taraf menjadi sebuah presidensi pada bulan September 1805. Pada mulanya Bone memohon untuk menubuhkan sebuah syarikat percetakan untuk mencetak keperluan kerajaan dan menjadi pembekal peralatan menulis dan mencetak berbagai-bagai jenis borang pejabat secara seragam, kemas dan betul.¹ Dalam suratnya bertarikh 23 Januari 1806 kepada Setiausaha Kerajaan Prince of Wales Island, H. S. Pearson, Bone memohon kebenaran daripada Gabenor untuk menubuhkan sebuah syarikat percetakan.²

Dalam surat permohonannya itu, Bone juga menyatakan beliau berpengalaman dalam percetakan. Beliau pernah mencetak akhbar *The Hircarrah*, Madras, yang ditubuhkan oleh seorang yang bernama Boyd dan *Madras Gazette* yang diterbitkan di bawah autoriti kerajaan. Berdasarkan pengalamannya itu beliau menawarkan khidmat yang serupa kepada kerajaan Prince of Wales Island sekiranya mereka bersetuju dengan permohonannya untuk menubuhkan sebuah syarikat percetakan di bawah naungan dan sokongan kerajaan.

Surat itu dibaca dalam mesyuarat Majlis Kota Cornwallis, pada 23 Januari 1806 iaitu hari yang sama surat itu dikirim. Hadir dalam mesyuarat itu ialah Presiden dan Gabenor, Philip Dundas, dan ahli-ahli Majlis John Hope Oliphant, Alex Grey, Kolonel MacLister, seorang lagi ahli Majlis tidak hadir kerana bertugas di Bengal. Mesyuarat Majlis itu tidak membuat apa-apa keputusan.

Apabila surat pertama tidak mendapat jawapan, Bone menulis sepucuk surat lagi pada 29 Januari 1806. Kali ini beliau menyatakan hasratnya untuk menerbitkan sebuah akhbar yang dinamakan *The Prince of Wales Gazette* yang akan dikendalikan mengikut rancangan yang sama seperti akhbar kerajaan di Calcutta, Madras, Bombay, dan Sri Lanka.³ Beliau juga memaklumkan bahawa alat percetakannya yang dikirim dengan kapal Clyde dijangka tiba pada bila-bila masa. Oleh yang demikian beliau sangat-sangat berharap kerajaan dapat memberi kebenaran kepadanya supaya beliau dapat menghebahkan ke seluruh Petempatan tentang tujuannya itu.⁴

Dalam mesyuaratnya pada 30 Januari 1806, kerajaan Pulau Pinang yang dipimpin oleh Gabenor Phillip Dundas memutuskan memberi kebenaran kepada Bone untuk menubuhkan sebuah syarikat percetakan, dan menerbitkan sebuah akhbar di bawah sekatan tertentu. Beliau diberi lesen yang berupa surat kebenaran untuk tujuan tersebut. Mesyuarat itu juga mengarahkan Bone menyatakan kadar bayarannya untuk mencetak iklan kerajaan.⁵ Mesyuarat Majlis, Fort Cornwallis pada 30 Januari 1806 dihadiri oleh Gabenor Philip Dundas, John Hope Oliphant dan Alex Grey, memutuskan demikian:

Resolved, that Mr. Bone be permitted to establish a Press, and publish a newspaper under certain restrictions and that he be accordingly granted a licence for that purpose;

And that Mr. Bone be directed to state his terms for printing the official Advertisements of Government.⁶

(Penegasan pada perkataan yang bergaris oleh pengarang)

Keputusan kerajaan itu tidak menjelaskan apakah sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap Bone apabila beliau diberikan lesen percetakan dan penerbitan akhbar. Bagaimanapun, oleh kerana Bone sudah menawarkan diri untuk mengendalikan perusahaannya "mengikut rancangan yang sama seperti akhbar kerajaan di Calcutta, Madras, Bombay, dan Sri Lanka" ia membuka jalan, jika kerajaan tidak mempunyai hasrat demikian pada mulanya, untuk melaksanakan penapisan akhbar sebagaimana yang berlaku di tempat-tempat tersebut pada ketika itu. Jenis sekatan yang dikenakan terhadap Bone mungkin dijelaskan dalam surat kepadanya, tetapi surat demikian tidak ditemui. Bagaimanapun, surat Bone bertarikh 25 Februari 1806, sebagai menjawab kebenaran yang diberikan kepadanya menyatakan mengenai apa yang boleh dimasukkan ke dalam *Gazette* bahawa beliau "akan menghantar naskhah prof ke pejabat Setiausaha Kerajaan pada pukul 4 petang setiap hari Jumaat, untuk membolehkan dipadam sebarang perkara yang dianggap tidak patut dibaca oleh orang ramai."⁷ Surat A. B. Bone bagi pihak pemilik *The Prince of Wales Island Gazette* kepada Setiausaha Kerajaan, H. S. Pearson, 25 Februari 1806 berbunyi:

I beg leave to acquaint you for the information of the Honourable the Governor and Council that pursuant to the permission granted by Government the 30th ultimo, to establish a Printing Press on the Island that the Press is now erected and I am ready to begin any forms which the Government may be pleased to have printed.

Regarding what may be inserted in the Gazette, I shall send a proof sheet to your office at 4 o'clock on the evening of every Friday, for the purpose of erasing any part which may be deemed improper to appear before the public.⁸

Daripada jawapan Bone itu jelaslah bahawa kerajaan mahu mengenakan penapisan terhadap apa yang dicetak. Dengan keputusan ini bermulalah penapisan akhbar, sama ada atas kehendak kerajaan atau tawaran oleh pengusaha yang ingin mencari jalan selamat tidak menjadi soal sangat. Mungkin kedua-dua pihak mengambil iktibar daripada cara yang dilaksanakan di India dalam mengendalikan soal-soal seperti ini pada waktu itu.

Dalam surat itu juga Bone menyatakan bahawa berikutan dengan kebenaran kerajaan yang diberi pada 30 Januari 1806, beliau sudah pun memasang peralatan cetak dan bersedia untuk mencetak sebarang borang yang ingin dilakukan oleh kerajaan. Selanjutnya beliau memaklumkan bahawa beliau telah menulis ke Calcutta, Madras, dan Bombay untuk menentukan kadar yang dikenakan ke atas kerja-kerja percetakan bagi kerajaan di tempat-tempat tersebut.⁹

Akhbar *The Government Gazette*, nama awal akhbar *The Prince of Wales Island Gazette*, ditubuhkan pada 28 Februari 1806.¹⁰ Tarikh penubuhan syarikat akhbar itu disebut oleh Bone dan rakannya J. W. Court, yang merupakan pemilik percetakan dan akhbar *The Gazette* dalam suratnya kepada Setiausaha Kerajaan, Thomas Raffles pada 13 Oktober 1807, ketika mereka memohon pinjaman sebanyak 2,000 dolar Sepanyol.¹¹

Keluaran pertama, akhbar yang berubah-ubah namanya, diterbitkan pada setiap hari Sabtu mulai 1 Mac 1806.¹² Malangnya tiga keluaran pertama tidak diperolehi. Yang ada hanya bermula pada bilangan keempat bertarikh 22 Mac 1806. Bone memberi gambaran akhbar ini dipunyai oleh beberapa orang pemilik (daripada nota kaki halaman 4 akhbar empat muka itu); orang yang diketahui memiliki akhbar itu selain Bone ialah J. W. Court. Dalam surat bertarikh 13 Oktober 1807, Bone menandatangani surat itu bersama J. W. Court sebagai pemilik *The Government Gazette*. Court dan Bone mempunyai syarikat usaha sama ejen jualan dan pelelong. Court dan Bone kekal sebagai rakan kongsi ejen jualan sehingga hujung tahun 1810, selepas itu ejen itu dikenali sebagai A. B. Bone sahaja. Tidak diketahui sama ada pemilikan *The Government Gazette* terus kekal secara usaha sama atau tidak.

Akhbar ini diterbit berterusan, dan sebagaimana yang dapat dikesan tidak ada masalah dihadapi dengan kerajaan, sehingga keluaran terakhirnya di bawah Bone pada 22 April 1815. Nama akhbar itu ketika itu ialah *The Prince of Wales Island Gazette*. Bone meninggal dunia pada 26 April 1815, dan penerbitan akhbar itu terhenti untuk beberapa minggu sehingga ia diambil alih perjalanannya oleh Benjamin Clifton Henderson.

Akhbar ini disambung semula penerbitannya pada 20 Mei, 1815 di bawah pemilik dan editor baru iaitu Benjamin Clifton Henderson, seorang penyelenggara stor perubatan. Walaupun Henderson mengekalkan nama akhbar itu, iaitu *The Prince of Wales Island Gazette*, tetapi beliau memulakan penomboran baru iaitu Vol. 1 No. 1, dan memperkenalkan seorang pencetak baru iaitu John Brasset. Pengambilan alih akhbar ini berlaku dalam keadaan yang agak sedih kerana Bone tidak meninggalkan harta yang banyak untuk keluarganya binggakan isterinya menghadapi tekanan jiwa.¹³ Usaha untuk memungut wang bagi

membantu balu Bone juga dilancarkan dan diiklankan dalam akhbar itu pada 27 Mei 1815.¹⁴

Berikutan kematian Bone, Henderson telah berbincang beberapa kali dengan William Petrie, Gabenor Pulau Pinang, dan berikutan galakan yang diterimanya, Henderson telah mengemukakan permohonan pada 1 Mei 1815 untuk mendapatkan naungan dan lesen untuk menerbitkan semula akhbar itu. Henderson juga menyatakan hajatnya untuk membeli percetakan dan peralatan kepunyaan Bone dan jika kebenaran di atas diberikan beliau akan berusaha bersungguh-sungguh supaya bantuan dan sokongan terus diberikan.¹⁵ Dalam minitnya bertarikh 3 Mei 1815, Petrie menyokong permohonan Henderson sebagai seorang yang cukup berkelayakan untuk menyelia dan mengurus percetakan bahawa Henderson adalah seorang yang mempunyai integriti dan kebolehan. Bagaimanapun, Petrie dalam minitnya menyatakan bahawa beliau tidak mahu mengganggu hak milik persendirian Bone “yang didengarnya bernilai antara 3,000 hingga 6,000 dolar”. Walau apa pun, jumlah ini hendaklah diletakkan dalam tangan seorang yang boleh dipercayai kerana isteri Bone menghadapi sakit jiwa.¹⁶

Henderson kemudiannya membeli percetakan dan peralatannya dalam satu lelongan awam yang diadakan pada 19 Mei 1815, dan kemudiannya memaklumkan kepada Gabenor Petrie mengenainya. Sebagaimana Bone yang mengharapkan persetujuan dan sokongan kerajaan untuk menjalankan usaha penerbitan akhbarnya, Henderson juga demikian.¹⁷

Apa yang penting kepada Henderson ialah persetujuan dan sokongan kerajaan dalam usahanya itu. Beliau juga berjanji tidak akan melanggar kepercayaan yang diberikan kepadanya. Dalam hal ini perlulah diingat bahawa Henderson adalah seorang kakitangan kerajaan peringkat rendah.

Dalam surat bertarikh 20 Mei 1815, Pemangku Setiausaha Kerajaan James Cousens, memaklumkan kepada Henderson persetujuan kerajaan membenarkannya mencetak dan menerbitkan akhbar yang dinamakan *Prince of Wales Island Gazette*. Surat lesen dan arahan kepada Henderson buat pertama kalinya dengan jelas menyatakan sekatan terhadap akhbar.¹⁸ Surat James Cousens, Pemangku Setiausaha Kerajaan kepada Henderson, 20 Mei 1815 mengandungi peraturan seperti berikut:

The Hon'ble the Governor in Council having sanctioned your establishing a printing press at this Presidency and the publication of a newspaper entitled the Prince of Wales Island Gazette subject however to the following restriction - viz. That you will agree not to insert in your paper or otherwise to print and publish anything in the smallest

degree obnoxious to the Government and that previous to the publication of the paper you submit the copy sheet to the Secretary to Government or to the Secretary for the time being for the purpose of erasing any part which they might conceive to be improper for publication.

Under these restrictions and while you shall continue to merit the support of Government you will receive from them every encouragement in their power . . .

Surat ini dengan jelas memberi dua garis panduan. Pertama, penerbit akhbar tidak dibenarkan memasukkan sebarang perkara yang memburukkan kerajaan walau bagaimana kecil sekalipun. Yang kedua, naskhah pruf akhbar itu hendaklah dihantar untuk disemak oleh Setiausaha Kerajaan (yang bertindak sebagai Pegawai Penapis). Syarat yang pertama mungkin sudah dijalankan sejak Bone lagi tetapi tidak ada bukti jelas. Syarat yang kedua adalah jelas lanjutan daripada zaman Bone. Dari segi kadar bayaran iklan kerajaan yang dimasukkan, kerajaan nampaknya menghormati usaha perniagaan dengan bertanyakan kadar yang dikenakan sebagaimana yang juga dilakukan ke atas Bone.

Henderson menjalankan penerbitan akhbar ini dengan beberapa orang pengusaha lain, iaitu Gaunter dan Coombs, tetapi nama mereka tidak menonjol.¹⁹ Beliau tidak lama menerbit dan mencetak akhbar itu kerana pada tahun 1817 akhbar itu berpindah milik kepada William Cox. Pada 5 Mei 1817, Cox menulis surat kepada Gabenor William Edward Phillip, memaklumkan bahawa beliau telah mencapai persetujuan dengan pemilik percetakan *Prince of Wales Island Gazette* untuk mengedit dan menyelia secara am dan memohon pertimbangan daripada kerajaan untuk mendapat kedengarannya. Beliau berjanji akan melakukannya atas prinsip yang sama seperti yang dilakukan sebelumnya.²⁰

Pada 7 Mei 1817, W. A. Cludley, Setiausaha Kerajaan menjawab surat Cox sambil menyatakan syarat tidak boleh memasukkan perkara yang memburukkan kepada kerajaan dan mesti menyerahkan naskhah pruf untuk disemak sebelum diterbitkan.²¹

Permohonan Cox ini dituluskan dalam mesyuarat Majlis pada 10 Mei 1817 yang dipengerusikan oleh William Edward Phillip. Ia dikenakan sekatan dan syarat yang biasa dikenakan.²² Kebenaran ini bermakna sekatan dan syarat yang dikenakan terhadap penerbit dan editor tertahulu daripada Cox ditersuskan dan tidak ada apa-apa tambahan sekatan atau syarat dikenakan. Petikan mini mesyuarat itu adalah seperti berikut:

Application by Mr. Cox to edit The Prince of Wales Island.

The Secretary reports that permission was granted to Mr. Cox accordingly, subject to the restriction and conditions usually ordered in such cases.

Cox berusaha untuk memajukan akhbarnya dan pada satu peringkat menerbit dua kali seminggu. Bagaimanapun, usaha ini dihentikan dan beliau kembali menerbitkan hanya sekali seminggu. Untuk mengurangkan jumlah penerbitan dari dua kali seminggu ke sekali seminggu beliau telah memaklumkan kepada kerajaan. Beliau juga memaklumkan bahawa bayaran langganan akhbar itu juga dikurangkan dari 9 ke 7 dolar bagi suku tahun. Kerajaan memutuskan bahawa ia tidak mempunyai apa-apa halangan terhadap cadangan Cox itu.²³

Cox mula merasa tertekan apabila kerajaan ketika itu di bawah Gabenor Robert Fullerton memarahinya kerana menyiarkan sepucuk surat yang tidak disukai oleh kerajaan. Berikutan dengan itu kerajaan cuba mengenakan sekatan tambahan yang tidak disetujui oleh Cox. Berikutan surat yang dihantar oleh kerajaan kepadanya, Cox menyatakan beliau tidak mahu menerbitkan akhbar itu atas tanggungjawab dirinya lalu menawarkan untuk menjual percetakannya kepada kerajaan. Surat William Cox kepada W. S. Cracroft, Setiausaha Kerajaan bertarikh 26 April 1826:²⁴

I have the honour to acknowledge the receipt of your letter of the 22nd instant expressing your disapprobation of the insertion of a letter in the Gazette of Saturday last as conveying reflection on the conduct of certain individuals alluded to therein.

In reply I beg leave to state, I have always been anxious to avoid the admission of anything in the Gazette which had the most remote personal tendency, and in instance to which your letter refers the subject was so far from being considered personal that I was assured two of the party concerned had seen it before it came to me and seemed to be much aroused by the pleasantry, for such it was intended, which induced me to give its insertion.

The increased restriction on which the Paper and particularly such as your letter embrace, in reference to its future publication render my duty as editor difficult and embarrassing. Under such circumstances I respectfully hope the honourable the Governor in Council will pardon my declining to publish the Gazette on my responsibility. I beg therefore to tender the use of the Press and Establishment to the Public Service any manner Government may be pleased to employ them." (frasa yang bergaris bawah diberi penekanan oleh pengarang)

Mesyuarat Majlis pada 28 April 1826 yang dipengerusikan oleh Gabenor Robert Fullerton memutuskan menarik balik sekatan yang dicadangkan, sambil itu menolak tawaran penjualan percetakannya. Keputusan Mesyuarat Majlis pada 28 April 1826 yang dipengerusikan oleh Gabenor Robert Fullerton mengenai surat William Cox bertarikh 26 April 1826 adalah seperti berikut:²⁵

The Board remarks that the Gazette is published under the authority and patronage of Government, on the express condition that the proof sheet should be submitted. Nevertheless the Governor in Council trusting in the prudence and discretion of Mr. Cox in abstaining from the publication of any matter tending to question the propriety of the measures of Government or disturbs the peace of the Settlement, is pleased to dispense with the restriction referred to.

Ordered that the above be communicated to Mr. Cox and that he be informed that his tender of the press for sale is declined. (frasa yang bergaris bawah diberi penekanan oleh pengarang)

Apa yang dimaksudkan dengan tanggungjawab penuh itu tidak jelas. Ia mungkin bererti Cox terpaksa menanggung seluruh beban kewangan untuk menjalankan operasi akhbar itu, ataupun naskhah proof akhbarinya tidak payah dikemukakan kepada kerajaan untuk ditapis, jadi tanggungjawab itu terlepas daripada kerajaan, dan diletakkan di bahu Cox. Jika berlaku sebarang kesalahan **Cox**lah yang menanggungnya. Ini hanyalah satu spekulasi saja. Tetapi yang pentingnya ialah kesediaan kerajaan dalam soal ini untuk berundur, iaitu dengan menarik balik sekatan yang dikenakan atau yang bakal dikenakan menunjukkan kerajaan bersedia bertolak ansur, walaupun tindakan ini diambil selepas Cox mengancam menjual percetakannya kepada kerajaan dan enggan meneruskan tugasnya sebagai editor.

Masalah yang dihadapi oleh Cox seterusnya ialah apabila kerajaan berurur hendak mencetak borang rasmi di tempat lain. Berikutan dengan itu Cox enggan meneruskan penerbitan akhbarinya.²⁶ Beliau merasa dukacita yang amat sangat kerana beliau telah mematuhi segala peraturan akhbar yang dikenakan dan beliau tidak pernah dibentahu jika beliau melanggar sebarang peraturan itu, tiba-tiba sumber utama sokongan dan naungan yang dinikmati oleh akhbar itu sejak kira-kira 22 tahun hendak ditamatkan. Beliau menjelaskan pendapatannya yang diperolehi daripada cetakan borang rasmi adalah pendapatan utama perusahaannya dan jika sebahagian besar daripada sumber itu ditarik, bakinya tidaklah cukup untuk menanggung kos mencetak akhbarinya. Oleh itu beliau terpaksa menghentikan penerbitan akhbar yang ditubuhkan di naungan itu dan di bawah naungan kerajaan selama 22 tahun, 10 tahun daripadanya di bawah penyeliaannya.²⁷

Bagaimanapun, dalam suratnya pada 26 Julai 1827, kerajaan memberitahu Cox bahawa pihaknya belum membuat keputusan mengenai perkara yang dirujuknya, iaitu mengenai cetakan borang rasmi di tempat lain. Namun ia memaklumkan kepada Cox bahawa sebarang perubahan pada masa depan adalah bergantung kepada pertimbangan kewangan semata-mata dan tidak bergantung kepada kelakuannya sebagai editor.²⁸

Mesyuarat itu selanjutnya memutuskan untuk meletakkan akhbar *Prince of Wales Island Gazette* di atas dasar yang sama dengan akhbar di Singapura dan Melaka. Dengan demikian Cox perlu menggugurkan frasa "Published under the Sanction and Patronage of Government" di bawah tajuk akhbar itu. Arahan ini sukar diterima oleh Cox. Surat kerajaan bertarikh 26 Julai 1827 diterimanya pada 27 Julai 1827. Cox terus menjawab bahawa oleh kerana beliau tidak dapat membuat pertukaran untuk menerbitkan akhbar sama seperti yang diterbitkan di Singapura dan Melaka (iaitu tanpa menggunakan perkataan-perkataan "Published under the Sanction and Patronage of the Government") beliau memaklumkan bahawa akhbar yang seharusnya terbit pada 28 Julai 1827 tidak dapat diterbitkan.²⁹

Keesokan harinya, beliau mengutus sepucuk lagi surat menyatakan bahawa beliau menolak untuk menerbitkan akhbar *The Gazette* atas syarat-syarat yang dikemukakan dalam surat bertarikh 26 Julai 1827. Oleh yang demikian, katanya, akhbar itu akan berhenti diterbitkan di bawah penyeliaannya.³⁰ Cox menawarkan untuk menjual percetakannya kepada kerajaan dengan harga 5,000 dolar Sepanyol. Tawaran itu ditolak oleh kerajaan dalam Mesyuarat bertarikh 2 Ogos 1827.³¹

Edisi akhir *The Prince of Wales Island Gazette* sebelum Cox menghadapi masalah kemungkinan ditarik balik kerja-kerja cetakan borang rasmi ialah pada 21 Julai 1827. Beliau menyatakan tidak dapat menerbitkan edisi selanjutnya pada 28 Julai 1827. Bagaimanapun, besar kemungkinan Cox menerbitkan bagi kali terakhir buat selama-lamanya pada minggu berikutnya, kerana *Asiatic Journal* dalam laporannya pada bulan Februari 1828 memetik notis dalam *Penang Gazette* (maksudnya *Prince of Wales Island Gazette*) keluaran 4 Ogos 1827, memberitahu pembaca dan orang ramai bahawa akhbar itu akan ditamatkan dan mengucapkan terima kasih kerana sokongan yang diberikan kepada akhbar itu.³²

Berikutan berakhirnya penerbitan akhbar *The Prince of Wales Island Gazette*, Norman MacIntyre McIntyre, yang bekerja sebagai ketua kerani dalam pejabat tanah, memohon pada 9 Ogos 1827 untuk mencetak dan menerbitkan sebuah akhbar mingguan, yang kemudiannya diberitahu sebagai *Penang Register and Miscellany*. McIntyre bersedia menerima peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan untuk mencetak dan menerbitkan akhbar.³³ Selain itu, MacIntyre juga memberi jaminan untuk mengendalikan akhbar berkenaan secara yang dapat diterima oleh kerajaan, sebagaimana pemohon-pemohon sebelum itu.³⁴

John Anderson, yang menerima surat permohonan itu pada pagi 10 Ogos 1827 terus menjawab menyatakan persetujuan kerajaan membenarkan beliau mencetak dan menerbitkan akhbar sebagaimana yang dipohonnya dengan beberapa syarat tertentu: Nama tajuk akhbar itu hendaklah sama seperti akhbar di

Singapura dan Melaka, dan bars yang berbunyi "Published under the Sanction and Patronage of Government" ditiadakan, naskhah proofnya hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan, sebagai Pegawai Penapis.³⁵ Syarat supaya tidak memburukkan kerajaan juga dikenakan, tetapi dinyatakan dengan lebih terperinci.³⁶ Sedutan jawapan kerajaan terhadap McIntyre menyatakan:

It is also expected that you will abstain from making any comment, remark or observation, on any act or resolution of any of the Governments of India.

Anderson mengambil kesempatan memaklumkan kepada McIntyre bahawa elaun bulanan sebanyak 60 dolar yang diberikan kepada Cox dihentikan kerana kerajaan lebih suka bayaran iklan mengikut cara sebelumnya iaitu mengikut kadar tetap pada satu baris. Beliau juga memberitahu bahawa mengenai percetakan kertas-kertas lain yang diperlukan oleh beberapa pejabat kerajaan, "sebahagian besar daripada kerja itu akan jatuh kepada anda, dengan syarat kadar percetakannya adalah berpatutan sebagaimana di Singapura dan Melaka."³⁷

Serentak dengan permohonan yang dibuat oleh McIntyre, William Baihetchet seorang saudagar yang membuka syarikat ejen komisen memohon kebenaran Gabenor Fullerton kerana McIntyre memerlukan bantuannya untuk menaung mengedit akhbar dan juga bantuan kewangannya.³⁸ Baihetchet menjelaskan hajat Norman McIntyre kepada beliau untuk membeli satu-satunya mesin cetak di Pulau Pinang yang pada ketika itu sudah pun menghentikan operasinya, dan McIntyre juga bernasrat untuk memohon lesen untuk menerbitkan sebuah akhbar mingguan, dengan syarat beliau memperoleh bantuan dari Baihetchet dan segi kewangan dan membantu mengedit penerbitan itu. Bagaimanapun, Baihetchet menjelaskan bahawa beliau tidak mahu menyertai secara tidak sah dalam sesuatu peraturan yang mungkin tidak disukai oleh kerajaan atau pemiliknya dimarahi oleh kerajaan; oleh yang demikian beliau menulis kepada Gabenor (Fullerton) dengan tujuan untuk menyatakan jika tiada bantahan, beliau berkecenderungan untuk menerima kemahuan McIntyre dalam soal itu. Sambit itu Baihetchet juga menyatakan bahawa minatnya dengan kejayaan usaha tersebut akan menghaiang akhbar itu dari mengambil sebarang dasar yang bercanggah dengan pandangan kerajaan.

Gabenor Fullerton menjawab melalui Setiausaha Peribadinya, W. E. Fullerton, bahawa beliau tidak ada halangan mengenai peraturan yang dicadangkan dalam surat Baihetchet, dengan syarat beliau mematuhi syarat-syarat yang akan diutuskan kepadanya, di atas permohonan rasmi kepada Setiausaha Kerajaan.³⁹ Bagaimanapun, Baihetchet tidak memohon secara rasmi

kepada Setiausaha Kerajaan sebagaimana yang disebut dalam surat Gabenor Fullerton itu. Dengan demikian beliau tidak diutuskan syarat-syarat yang seharusnya diberikan oleh Setiausaha Kerajaan. Tetapi permohonan itu dibuat oleh McIntyre.

Sejak mula lagi, kerajaan menganggap Balhetchet sebagai orang utama dalam usaha penerbitan akhbar *Penang Register and Miscellany*. Perkara ini diperkukuhkan dengan laporan kepada Jemaah Pengarah bertarikh 6 November 1827 yang menyebut McIntyre sebagai "kelihatan seperti tuan punya" manakala Balhetchet sebagai "peneraju utama akhbar".⁴⁰

Penglibatan Balhetchet dan McIntyre dalam pemilikan dan penerbitan akhbar *Penang Register and Miscellany* adalah jelas. Tetapi siapa yang memilikinya atau siapa yang menjadi editornya tidak dapat dipastikan kerana terdapat kontroversi kemudiannya tentang siapa menjadi editor akhbar itu. Jika McIntyre pemilik akhbar itu dan Balhetchet menjadi editornya, maka ia adalah satu perkembangan kerana sebelum itu Bone, Henderson, dan Cox menjadi pemilik dan editor akhbar pada masa yang sama. Setakat yang diketahui Balhetchet adalah seorang saudagar, juga ejen undang-undang, dan fasih berbahasa (berdasarkan surat-suratnya kepada kerajaan apabila beliau menghadapi masalah berkaitan dengan akhbar *Penang Register and Miscellany*). Sebaliknya McIntyre hanyalah seorang kerani di pejabat tanah dan daripada surat-suratnya kepada kerajaan beliau hanya menulis surat biasa, tidak seperti Balhetchet. Apabila McIntyre disingkir dari jawatannya dengan kerajaan, Balhetchet mengambil beliau bekerja di firmannya. Kerajaan menganggap Balhetchet sebagai editor akhbar *Penang Register and Miscellany*, jadi tidak hairanlah apabila timbul masalah dengan akhbar itu kemudiannya, Balhetchet menerima tekanan yang kuat daripada kerajaan. Besar kemungkinan Balhetchet juga melabur dalam syarikat akhbar itu.

Peraturan Akhbar Di Singapura

Akhbar pertama yang diterbitkan di Singapura ialah *Singapore Chronicle*. Permohonan untuk menubuhkan akhbar perdagangan itu dibuat oleh Residen Singapura John Crawford kepada kerajaan Bengal (Singapura ketika itu terletak di bawah Kerajaan Agung, Bengal) pada 15 Julai 1823, bagi pihak Francis James Bernard seorang pembantu di Jabatan Polis.⁴¹

Apa yang menarik mengenai surat permohonan ini ialah Crawford sendiri meletakkan syaratnya, dan beliau juga menghuraikan prospektus akhbar yang

akan diterbitkan itu dengan begitu jelas sekali. Dalam perenggan akhirnya beliau menyebut mengenai syarat yang biasa dikenakan terhadap akhbar. *Singapore Chronicle* bukanlah sebuah akhbar biasa, ia adalah sebuah "akhbar komersil". Jadi syarat yang biasa mungkin tidak terpakai kepadanya. Lagipun oleh kerana *Singapore Chronicle* adalah akhbar pertama di Singapura, syarat yang disebutkan sebagai "biasa" belum ada. Besar kemungkinan syarat yang disebutkan itu merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang wujud di India ketika itu. Apabila kerajaan Bengal mengesahkan permohonan itu, ia tidak mengenakan apa-apa syarat atau melanjutkan undang-undang akhbar yang baru diluluskan di Bengal ketika itu. Oleh kerana kebenaran yang dipohon oleh Crawford ialah untuk menerbit sebuah akhbar komersil, akhbar demikian mengikut Seksyen IX dikecualikan daripada peraturan pelesenan penerbitan di bawah "A Rule, Ordinance and Regulation for the good Order and Civil Government of the Settlement of Fort William in Bengal, 1823" (Peraturan Bengal 1823).⁴²

Akhbar ini mula diterbitkan pada 1 Januari 1824, dan apabila keluaran pertama dan keduanya dihantar ke Bengal ia diterima baik oleh kerajaan Bengal. Ini dapat dimengerti kerana walaupun Bernard dikatakan sebagai pengendali akhbar itu dan juga editornya, pengendali sebenarnya ialah Crawford sendiri.⁴³ Dalam keadaan ini akhbar jelas kelihatan dikawal penuh oleh kerajaan, walaupun akhbar itu bukan milik kerajaan. Oleh yang demikian secara tidak langsung Bernard menyerahkan naskhah proof kepada Crawford untuk semakan dan wujudlah proses penyerahan naskhah proof kepada Residen seperti dalam penapisan akhbar di tempat lain. Tetapi dalam hal ini soal semakan naskhah proof tidak timbul kerana kata pemutus terakhir adalah Residen. Crawford lebih merupakan seorang editor. Bagaimanapun, kegiatan mengemukakan naskhah proof kepada Residen ini berterusan walaupun selepas Crawford meninggalkan Singapura.

Selepas beberapa keluaran saja, Bernard sudah menghadapi masalah dengan Crawford. Pada 19 Mac 1824, Bernard menulis kepada Crawford menyatakan bahawa beliau tidak dapat menumpukan masa untuk menyelia akhbar tersebut. Katanya di bawah keadaan percetakan sekarang (akhbar itu dicetak di Mission Press) beliau perlu untuk hadir ketika "komposisi atau atur huruf" dijalankan dan akhbar dicetak. Bagaimanapun tugasnya yang lain tidak membenarkan beliau berbuat demikian. Oleh yang demikian beliau berharap Crawford dapat membenarkan akhbar itu dihentikan sehingga suatu percetakan dan para pekerja dapat diperoleh dari Calcutta.⁴⁴ Crawford menganggap permintaan itu sebagai permohonan untuk pemberhentian.

Esoknya, William Campbell, yang menggantikan Bernard di Jabatan Polis pada 1 Mac 1824, menulis kepada Crawford meminta kebenaran “untuk mengedit, mencetak dan menerbitkan akhbar di bawah kawalan kerajaan seperti yang pernah diterbitkan tetapi kini diberhentikan.”⁴⁵ Crawford terus menjawab surat itu pada hari yang sama memaklumkan kepada Campbell bahawa beliau dibenarkan untuk mengedit, mencetak, dan menerbitkan sebuah akhbar, tertakluk kepada kawalan dan penyeliaan autoriti tempatan. Bagaimanapun kelulusan yang diberikan itu adalah tertakluk kepada kebenaran Gabenor Jeneral-dalam-Majlis Bengal.⁴⁶

Bernard mendakwa bahawa Campbell ada hubungan keluarga dengan Crawford.⁴⁷ Pada tahun 1826, Campbell memohon kepada Residen Singapura lesen untuk menerbitkan akhbar mingguan yang dinamakan *Commercial Register and Advertiser*, selain daripada *Singapore Chronicle*. Oleh kerana akhbar itu boleh dianggap sebagai sebahagian daripada *Singapore Chronicle*, Pemangku Residen S. G. Bonham telah memberikan lesen sementara tertakluk kepada kelulusan Gabenor-dalam-Majlis di Pulau Pinang.⁴⁸ Permohonan dibuat ke Pulau Pinang kerana pada ketika itu Singapura sudah disatukan dalam Presidensi Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka sejak 1826. Dalam surat itu Bonham menyertakan dua pucuk surat yang berkaitan dengan “Rules and Regulations under which the Singapore Chronicle is at present printed and published, and which are intended equally to apply to the Commercial Register and Advertiser, should the Hon’ble the Governor in Council be pleased to permit it being published”.⁴⁹ Dua pucuk surat itu ialah surat permohonan untuk membenarkan penerbitan *Singapore Chronicle* yang dikirim oleh Crawford kepada kerajaan Bengal, dan surat kelulusan yang diberikan kepada Campbell apabila beliau mengambil alih daripada Bernard. Campbell, yang menyebut dirinya sebagai pemilik dan editor *Singapore Chronicle*, memohon lesen untuk mencetak dan menerbit *Commercial Register and Advertiser* tertakluk kepada peraturan yang sama seperti yang dikenakan kepada *Singapore Chronicle*.⁵⁰ Kerajaan di Pulau Pinang bersetuju meluluskan permohonan Campbell itu dan memberikan lesen untuk penerbitannya “on the same terms as now exist with regard to the *Singapore Chronicle*”.⁵¹

Campbell mengedit akhbar itu selama kira-kira tiga tahun. Sebelum berangkat meninggalkan Singapura, beliau memohon untuk memindahkan perusahaannya kepada James Loch. S. G. Bonham, Pemangku Residen Singapura menyampaikan permohonan Campbell itu ke Pulau Pinang menyatakan bahawa beliau telah memberi kelulusan sementara tertakluk kepada kelulusan oleh Gabenor di Pulau Pinang.⁵²

Mesyuarat Majlis pada 2 Januari 1827 memutuskan bahawa pemindahan akhbar oleh Campbell kepada Loch adalah dibenarkan.⁵³ John Anderson, Setiausaha Kerajaan memaklumkan bahawa permohonan Campbell untuk menukar hak cipta akhbarnya *Singapore Chronicle and Commercial Register* kepada James Loch dibenarkan oleh Gabenor-dalam-Majlis, Robert Fullerton.⁵⁴ Pada 25 Januari 1827, John Anderson mengutus surat kepada John Prince, Residen Kaunsilor Singapura dengan mengepilkan Peraturan Bengal 1818 yang dikenakan terhadap editor di Bengal yang dikuatkuasakan oleh Gabenor Jeneral Bengal ketika penapisan dimansuhkan. Peraturan ini digunakan oleh editor *Singapore Chronicle* sebagai panduan dalam penerbitan akhbarnya. Peraturan itu ditambah sedikit di Pulau Pinang untuk disesuaikan dengan keadaan tempatan.

Peraturan akhbar yang dikeluarkan oleh kerajaan Pulau Pinang adalah seperti berikut:⁵⁵

- Animadversion on the measures and proceeding of the Honourable Court of Directors, or other public authorities in England, connected with the Government of India, or disquisitions⁴⁹ on political transaction of the local administration; or offensive remarks levelled at the public conduct of the member of the Council, of the Judges of the Supreme Court at any of the Presidencies in India or the Recorder of Prince of Wales Island or of the Lord Bishop of Calcutta.
- Discussion having a tendency to create alarm or suspicion among the native population, or any intended interference about their religious opinion, or observances, also all controversial discussions on points of religion.
- The republication from English or other newspaper of passages coming under any of the above heads or otherwise calculated to affect the British power, or reputation in India.
- Private scandal and personal remarks on individuals having a tendency (asal: tending) to excite dissension in society.

(Tulisan yang bergaris di bawah membezakan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan Pulau Pinang dengan Peraturan Bengal 1818. Sila lihat Peraturan Bengal 1818 sebagai bandingan).

Perubahan dilakukan terhadap Peraturan Bengal 1818 di dua tempat, iaitu kritikan tidak boleh dibuat terhadap para hakim Mahkamah Agung di sebarang presidensi di India atau Recorder di Pulau Pinang, dan peruntukan kedua, ialah perbincangan kontroversi mengenai agama juga tidak dibenarkan. Tambahan ketiga sekadar melunakkan bahasa.

John Prince, Residen Singapura mengirimkan peraturan itu kepada James Loch, Editor *Singapore Chronicle* dengan ingatan bahawa kebenaran kerajaan untuk penerbitan *Singapore Chronicle and Commercial Advertiser* diberikan kepada beliau dengan kefahaman yang jelas bahawa beliau akan mematuhi dengan tegas peraturan tersebut. John Prince memaklumkan yang Loch tidak akan menerbitkan sebarang perkara dalam akhbarnya yang melibatkan pelanggaran kepada peraturan ini. Oleh itu beliau tidaklah perlu lagi mengemukakan naskhah prof untuk kelulusan bagi setiap terbitan akhbarnya sebelum diterbitkan.

Selepas itu satu lagi arahan dikeluarkan melarang akhbar menulis mengenai tindakan kerajaan di India. John Anderson, Setiausaha Kerajaan di Pulau Pinang menulis kepada John Prince, Residen Singapura bahawa beliau telah diarahkan supaya John Prince “menyemak naskhah prof *Singapore Chronicle* sebelum diterbitkan, dan memadam setiap komen, teguran, atau pemerhatian yang mungkin ditulis mengenai sebarang resolusi mengenai sebarang kerajaan India.”⁵⁶ Ini berikutan satu artikel mengenai perjanjian yang ditandatangani dengan Siam, arahan dikeluarkan oleh kerajaan Bengal supaya penapisan yang lebih rapi dibuat tentang artikel berkaitan dengan tindakan kerajaan. Artikel mengenai persetiaan Siam itu terbit dalam *The Prince of Wales Island Gazette* yang ditulis oleh Kapten Lake. Artikel ini diluluskan oleh John Anderson sendiri sebagai Pegawai Penapis di Pulau Pinang. Tetapi yang menariknya ialah cara John Anderson menyampaikan arahan kerajaan Bengal itu kepada John Prince, pada 26 Julai 1827 seolah-olah beliau tidak terlibat langsung.⁵⁷

Perkara ini merupakan satu kontroversi juga di awal pemerintahan Gabenor Fullerton, kerana ia bukan saja melibatkan akhbar tempatan, iaitu *Prince of Wales Island Gazette*, tetapi juga akhbar-akhbar di India, yang menyebabkan Fullerton membuat aduan hingga ke Jemaah Pengarah. Perbincangan peristiwa ini dibuat secara berasingan di bawah.

Berikutan peristiwa itu juga Fullerton mengarahkan satu pekeliling dikeluarkan yang melarang dengan kerasnya semua pegawai SHT dalam sebarang cawangan perkhidmatan di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka daripada membuat sebarang komunikasi dengan akhbar berhubung dengan sebarang tindakan atau resolusi oleh sebarang kerajaan India.⁵⁸

Pada 3 April 1829, Loch memohon untuk memindahkan kepengarangan *Singapore Chronicle* kepada seorang yang bernama George, yang bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan terhadap editor akhbar itu. Kerajaan bersetuju dengan pemindahan itu tertakluk kepada syarat-syarat yang berkuat kuasa.⁵⁹

Satu lagi arahan ialah melarang penulisan mengenai perhambaan. Ini berikutan surat daripada bekas pengarang *Malacca Observer* yang disiarkan dalam *Singapore Chronicle* mengenai soal perhambaan di Melaka. Surat J. Pattulo, Setiausaha Kerajaan kepada K. Murchison, Residen Kaunsilor Singapura pada 30 November 1829 memberitahu bahawa oleh kerana soal liputan perhambaan di Melaka dikemukakan kepada autoriti tertinggi selepas dilaporkan secara berpihak dan bersifat menyerang oleh editor *Malacca Observer* yang berkecenderungan merosakkan keamanan, harmoni, dan ketenteraman awam, adalah perlu soal itu dibiarkan reda. Oleh yang demikian siaran di Petempatan yang berjiran yang boleh menghidupkan soal itu dan datang daripada sumber yang sama patutlah tidak digalakkan. Oleh yang demikian Murchison diarahkan supaya memastikan soal perhambaan di Melaka tidak dibenarkan disiarkan di dalam *Singapore Chronicle* pada masa itu.⁹⁰

Arahan itu juga buat pertama kalinya melibatkan pencetak akhbar *Singapore Chronicle* "... kini dianggap masa yang sesuai untuk memberi perhatian bahawa dalam kes penerbitan yang bersifat *offensive* para pencetak juga sama bertanggungjawab dengan penerbit."⁹¹ Kerajaan mendapati bahawa akhbar *Singapore Chronicle* sebagaimana *Malacca Observer* dicetak di Mission Press yang mempunyai percetakan di Singapura dan Melaka. Surat itu juga memberitahu Murchison supaya jangan menghantar surat itu untuk penerbitan, atau memberi sebarang sebab kenapa beliau menerima atau menolak sesuatu perenggan yang kelihatan *offensive* kepadanya.

Penapisan akhbar dengan rasminya dimansuhkan melalui satu maklumat kerajaan pada 28 Mac 1833. Pada ketika itu hanya *Singapore Chronicle* yang masih terbit. Akhbar kerajaan di Pulau Pinang, *The Prince of Wales Island, Singapore and Malacca Gazette*, yang bermula dalam bulan Disember 1828 menamatkan penerbitannya pada 3 Julai 1830. Penamatan penapisan itu dipersetujui oleh Kerajaan Agung atas cadangan Residen Kaunsilor Singapura, S. G. Bonham.⁹² *Singapore Chronicle* 28 Mac 1833 menyebarkan maklumat mengenai pemansuhan penapisan akhbar yang dikirim oleh Residen Kaunsilor, S. G. Bonham kepada editor *Singapore Chronicle* yang menyatakan bahawa "... saya dengan gembiranya memaklumkan kepada tuan sekarang, bahawa Kerajaan Agung telah bersetuju untuk memberi sanksi kepada langkah itu, oleh itu tuan tidak perlu lagi mengirim nasihat perit *Singapore Chronicle* kepada saya pada masa depan."⁹³

Mengulas tentang langkah itu, editor *Singapore Chronicle* berkata buat masa yang lama pejabat penapis di Petempatan itu telah memberi kelonggaran dalam melaksanakan tugasnya, jadi sangat sedikit yang boleh diperkatakan apabila

kebebasan sebenar daripada tindakan pegawai penapis diperoleh untuk pertama kalinya.⁶⁴ Akhbar itu merasa terhutang budi kepada Residen Kaunsilor kerana mencadangkan penapisan akhbar di Petempatan ini ditamatkan, dan berterima kasih kepada Kerajaan Agung kerana memberi sanksi kepada langkah itu.

Peraturan Akhbar di Melaka

Cara peraturan akhbar yang wujud di Pulau Pinang dan Singapura terdapat sedikit perbezaan. Di Pulau Pinang, pengusaha *Prince of Wales Island Gazette*, adalah pencetak, penerbit, dan editor akhbar itu. Kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Pulau Pinang pada tahun 1806 kepada Bone ialah kebenaran atau lesen untuk menjalankan perusahaan percetakan, termasuk mencetak dan menerbit akhbar. Dua peraturan dikenakan berhubung dengan akhbar iaitu, ia tidak boleh memburuk-burukkan kerajaan, dan naskhah profnya mesti dikemukakan kepada kerajaan sebelum dicetak. Manakala di Singapura peraturan yang diwujudkan oleh Crawford ialah kebenaran penerbitan, oleh kerana percetakan dijalankan oleh syarikat lain. Soal penyerahan naskhah prof tidak timbul ketika pemerintahan Singapura di bawah beliau kerana Crawford yang mengedit akhbar *Singapore Chronicle*, bagaimanapun amalan ini diteruskan selepasnya dan jadilah ia satu peraturan.

Peraturan akhbar di Pulau Pinang dan Singapura terbentuk secara berasingan kerana kedua-duanya di bawah pentadbiran yang berasingan pada peringkat awalnya. Bagaimanapun, oleh kerana perusahaan akhbar di Melaka lahir kemudian daripada Pulau Pinang dan Singapura, pihak pemerintah sudah pun mempunyai asas untuk digunakan di Melaka. Peraturan-peraturan yang digunakan di Pulau Pinang dan Singapura diarah dikuatkuasakan di Melaka.

Akhbar pertama di Melaka ialah *The Malacca Observer*. Ia dimulakan oleh seorang guru di Anglo-Chinese College bernama John Henry Moore. Moore telah mengemukakan permohonannya kepada Samuel Garling, pada ketika itu menjadi Pemangku Residen Kaunsilor Melaka, pada 21 Ogos 1826. Beliau telah mengedar prospektus untuk mencari pelanggan dan memperoleh bakal pembaca seramai lebih 50 orang di Melaka, Singapura, dan Pulau Pinang. Beliau memohon daripada Residen "kebenaran atau lesen untuk mencetak dan menerbit *Malacca Observer*."⁶⁵ Beliau berjanji tidak akan memfitnah atau mencederakan kepentingan kerajaan SHT, Baginda Raja Great Britain dan Ireland.⁶⁶

Garling memberi lesen kepada Moore pada hari yang sama, tertakluk kepada keputusan akhir Gabenor di Pulau Pinang. Garling menambah bahawa sehingga keputusan itu diterima Moore hendaklah mengemukakan naskhah proof setiap penerbitan akhbarinya, sebelum ia diterbitkan, kepada Garling, dan permintaan ini hendaklah sentiasa dipatuhi.⁶⁷ Garling mengemukakan permohonan Moore ini ke Pulau Pinang pada 30 Ogos 1826, untuk keputusan akhir, sambil menambah bahawa satu naskhah akhbar itu akan dihantar secara tetap kepada Gabenor.⁶⁸ Kedua-dua permohonan Moore itu diluluskan oleh kerajaan dalam mesyuarat Majlis di Pulau Pinang pada 14 September 1826. Ia menyebut bahawa penapisan terus diletakkan di bawah pihak berkuasa tempatan (iaitu Garling) dan elaun 50 sicca rupee diluluskan sebagaimana yang ditetapkan oleh Residen Kaunsilor.⁶⁹

Berita mengenai penerbitan akhbar itu disiarkan dalam *Singapore Chronicle* pada 22 Jun 1826. Menurut laporan itu, akhbar yang akan diterbitkan di Melaka, akan dicetak dua minggu sekali dengan nama *The Malacca Observer*.⁷⁰

Pada 25 Januari 1827, Setiausaha Kerajaan mengirinkan satu Pekeliling kepada Residen Kaunsilor (yang diterima pada 12 Februari 1827) atas arahan Gabenor Fullerton untuk memaklumkan kepada editor *Malacca Observer* bahawa kebenaran yang diberikan oleh kerajaan untuk menerbitkan akhbarinya diberi dengan kefahaman bahawa beliau akan mematuhi peraturan yang disertakan, iaitu Peraturan Bengal 1818 yang telah diubah suai. Sebaik saja menerima pekeliling itu, Garling menyampaikannya kepada editor. Beliau tidak bertindak sebagaimana John Prince, Residen Kaunsilor Singapura, yang menarik balik penapisan di sana. Menurut Garling beliau tidak berbuat demikian kerana *Malacca Observer* menerima bantuan kewangan kerajaan maka penapisan ke atasnya adalah wajar.

Setiausaha Kerajaan John Anderson, kemudian mengutuskan surat, atas arahan Gabenor-dalam-Majlis, salinan surat yang dikirim kepada Residen Kaunsilor Singapura meminta supaya penapisan akhbar di Melaka dikuatkuasakan semula berikutan masalah di Singapura. Bagaimanapun, penapisan hanya ditarik balik di Singapura dan tidak ditarik balik oleh Residen Kaunsilor di Melaka. Jadi arahan mengenakan semula penapisan akhbar di Melaka adalah tidak tepat, dan ia menunjukkan bahawa pihak kerajaan di Pulau Pinang tidak mengetahui apa yang berlaku di peringkat bawah.

Catatan

1. Straits Settlements Records, IOR G/34/13, Surat A. B. Bone kepada H. S. Pearson, Secretary to the Government, 23 Jan. 1806.
2. Straits Settlements Records, G/34/13, Prince of Wales Public Consultation 2 Jan to 31 July 1806
3. Straits Settlements Records, IOR G/34/13, Surat Bone kepada H. S. Pearson, Secretary to the Government, 29 Jan. 1806. Walaupun Bone menggunakan nama *The Prince of Wales Gazette* dalam suratnya, ia tidak menggunakannya sebagai nama akhbaranya apabila diterbitkan.
4. Ibid.
5. Straits Settlements Records, IOR G/34/13, Minit Council Meeting, 30 Jan. 1806. Naskah yang terdapat di India Office Library berhubung keputusan ini dapat dibaca dengan jelas; sebaliknya Byrd yang merujuk salinan microfilm membacanya sebagai *certain conditions*. Lihat Byrd, *Early printing in the Straits Settlements 1806-1858*, 3
6. Ibid.
7. Straits Settlements Records, IOR G/34/13 Surat Bone kepada H. S. Pearson, Secretary to the Government, 25 Feb. 1806.
8. Ibid.
9. Ibid.
10. Straits Settlements Records, IOR G/34/18 Surat Bone kepada Thomas Raffles, Secretary to the Government, 13 Okt. 1807.
11. Straits Settlements Records, Vol. 18 1807, 971, Fort Cornwallis Council, 13 Okt. 1807. Sedutan surat itu berbunyi: We beg leave most respectfully to state for the information of the Honorable the Governor and Council, that under the full confidence of the Press on this Island, everting every encouragement and support from Government (under whose auspices *it was established the 28th February 1806*) and with a view of rendering it still more worthy of that encouragement, we wrote to Europe for a further supply of printing materials such as were actually necessary to complete the Establishment, and these are now arrived on the fleet at present in the Harbour.
12. C. K. Byrd, *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858*, (Singapore: Singapore National Library, 1970), 3.
13. Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Minit oleh William Petrie Governor Prince of Wales Island, 3 Mei, 1815.
14. *Prince of Wales Island Gazette*, 27 Mei 1815. Iklan itu berbunyi seperti berikut: In consequence of the unfortunate and totally destitute situation in which Mrs. Bone and her family are left, without possessing the means either of present subsistence, or of precuring a removal to any of her friends, the benevolence of the public to whom these distresser must be well known, is unavoidably appealed to, and any donations which they may be humanely disposed to bestow, will be received by Messrs Forbes and Brown, and Messrs Carnegy and Co.
15. Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat B.C. Henderson kepada William Petrie, Governor Prince of Wales Island, 1 Mei 1815.

16. Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Minit William Petrie, Governor dan President Prince of Wales Island, 3 Mei 1815.
17. Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat Henderson kepada William Petrie, Governor Prince of Wales Island, 19 Mei 1815.
18. Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat James Cousens, Acting Secretary to the Government kepada Henderson tuannya punya *Prince of Wales Island Gazette*, 20 Mei 1815.
19. Straits Settlements Records, IOR G/34/124 1828, Surat Cox kepada John Anderson bertarikh 10 Sept. 1828.
20. Straits Settlements Records, IOR G/34/61. Surat William Cox kepada William Edward Phillip, Governor Pulau Pinang, 5 Mei 1817.
21. Straits Settlements Records, NL 44 120, Surat W.A. Clubley Secretary to Government kepada William Cox, 7 Mei 1817, 150-151.
22. Straits Settlements Records, NL3 A11, 505.
23. Straits Settlements Records, NL3227 A21, Penang Consultations May 1825-Dec 1825. Prince of Wales Island Council Meeting Report Island 20 Mei 1825, 12-13.
24. Straits Settlements Records, Akhbar Negara M48/90 (NL3229). Surat daripada Editor *Prince of Wales Island Gazette* William Cox kepada Secretary to the Government, W. S. Cracroft, 26 April 1829 dalam Council Meeting Report, 28 April 1829, 207-209.
25. *Ibid.*
26. Straits Settlements Records, IOR G/34/117, Surat Cox kepada John Anderson, 25 Julai 1827, 1378.
27. *Ibid.*
28. Straits Settlements Records, IOR G/34/117, Keputusan Council Meeting pada 20 Julai 1827.
29. Straits Settlements Records, IOR G/34/117. Surat Cox kepada John Anderson, Secretary to the Government, 27 Julai 1827.
30. Straits Settlements Records, IOR G/34/117. Surat Cox kepada John Anderson, Secretary to the Government, 28 Julai 1827.
31. Straits Settlements Records, IOR G/34/117, Keputusan Masyuarat bertarikh 2 Ogos 1827.
32. *South Journal*, Vol. 28 Feb. 1828, 278. Tarikh 4 Ogos 1827 mungkin kurang tepat, kerana Cox menyatakan tarikh akhir pemerintah ialah 20 Julai 1827.
33. Board's Collection, IOR E/4/1169 (29204) 1828-1829, Surat McIntyre kepada John Anderson, Secretary to the Government, 9 Ogos 1827.
34. *Ibid.*
35. Board's Collection, IOR E/4/1169 (29204) 1828-1829. Surat John Anderson, Secretary to Government kepada McIntyre, 10 Ogos 1827.
36. *Ibid.*
37. *Ibid.*
38. Board's Collection, IOR E/4/1169 (29204), Surat Baillet-Latour kepada Robert Fullerton, Governor Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, 9 Ogos 1827.

39. Board's Collection, IOR F/4/1069 (29204), Surat Robert Fullerton, Governor Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, kepada Balhetchet bertarikh 9 Ogos, 1827.

40. Board's Collection, IOR F/4/1069 (29204). Extract of A General Letter to the Honorable the Court of Directors, dated 6th Nov. 1827.

41. Straits Settlements Records, NL59 L19:132-133 juga NL9 A26:526-532, Surat John Crawford kepada Governor General in Council, Bengal, 15 Julai 1823. Surat berikutan disalin daripada kepilang surat Bonham. Sila lihat Straits Settlements Records, NL9 A26, 530-531.

1. I have the honor respectfully to represent to Government that I have been requested to solicit the permission of Government, for the establishment at this place of a Commercial Newspaper. The person who wishes to undertake this is Mr. Francis James Bernard, the Assistant in the Police Department, and the following are the conditions, vizt.

2. The paper is to be entirely under the control of the local authority. Its object is to be exclusive commercial, and on this principle each numbers shall contain a price current, An account of arrivals and departures, commercial news from the neighbouring native states, and essays on particular commercial articles or subjects will occasionally be introduced. All personal and party discussions will be excluded. The paper will not be published at any specific period, but will come out occasionally, when ships are about to proceed to the principal Ports of India or of Europe, as its aim will be rather to convey useful intelligence to foreign merchants than to the Settlers of the Colony itself.

3. As it appears to me certain that a paper judiciously conducted on the principles now stated will contribute both to the utility and the respectability of this place, I beg most respectfully to recommend Mr. Bernard's proposal to the favourable consideration of the Honourable the Governor General in Council.

4. The usual application for a license would have been made on the present occasion had Mr. Bernard's Proposal been of the nature of an ordinary News Paper, or had it been thought that the existing regulation were applicable to the remote settlement.

42. Bengal Regulations, IOR V/8/20, Seksyen IX daripada A Rule, Ordinance, and Regulation for the Good Order and Civil Government of the Settlement of Fort William in Bengal, 1823.

Provided always and be it further Ordained by the Authority aforesaid, that nothing in this Rule, Ordinance and Regulation contained shall be deemed or taken to extend to apply to any Book or Paper, containing only Shipping Intelligence, Advertisements of Sales, Current Prices of Commodities, Rates of Exchange, or other intelligence solely of a Commercial nature.

43. C.A. Gibson-Hill, Singapore Chronicle (1824-1837), *JMBRAS* 26 (Pt.I). Kata Gibson-Hill: as it first appeared, (the journal) has much of the stamp of Crawford's mind and interests about it. The regulations of the Hon'ble Company prohibited covenanted servants owning or editing periodical newspapers, but this ban did not, apparently, extend to uncovenanted servants.

44. Straits Settlements Records, NL583 B2:43, Surat Bernard kepada Crawford, Resident Singapore, 19 Mac, 1824.

45. Straits Settlements Records, NL583 BB2:44, Surat Campbell kepada Crawford, Resident Singapore, 20 Mac, 1824.

46. Straits Settlements Records, NL9 A26:256-532, Surat Crawford, Resident Singapore kepada Campbell, 20 Mac 1824.

47. C. A. Gibson-Hill, 177.
48. Straits Settlements Records, NL9 A26:526-532, Surat S. G. Bonham, Acting Resident Singapore kepada W. S. Cracroft, Secretary to Government, 24 Mei 1826.
49. Ibid.
50. Ibid., Surat Campbell kepada S. G. Bonham, Acting Resident, Singapore, 23 Mei 1826.
51. Ibid., Keputusan Mesyuarat Council, pada 12 Jun 1826.
52. Straits Settlements Records, NL13 A32: 94-95, Surat S. G. Bonham, kepada J. Anderson, Secretary to Government, Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, 23 Dis. 1826.
53. Ibid.
54. Straits Settlements Records, NL45 122: 252, Surat John Anderson, Secretary to Government kepada John Prince Resident Councillor Singapore bertarikh 3 Jan. 1827.
55. Board's Collection IOR F/4/952 (27007), Extract Singapore Diary 20th Feb. 1827 vide Book of Letters received from Fort Cornwallis, Surat John Anderson, Secretary to Government kepada John Prince, Resident Councillor Singapore bertarikh 25 Jan., 1827, 35 mengandungi Bengal Regulations 1818 yang diubahsuai oleh Kerajaan Prince of Wales Island.
56. Straits Settlements Records, NL168 Z1: 148, juga NL63 N2: 120-121. Surat John Anderson, Secretary to Government kepada John Prince, Resident Councillor Singapore, 26 Julai 1827.
57. Ibid.
58. Straits Settlements Records, NL168 Z1: 149, juga NL63 N2: 121, Pekeliling Kerajaan Fort Cornwallis bertarikh 26 Julai 1827.
59. Straits Settlements Records, NL168 Z3: 191.
60. Straits Settlements Records, IOR G/34/160, tahun 1829, Surat J. Pattulo, Secretary to Government kepada K. Murchison, Resident Councillor Singapore, 30 Nov., 1828.
61. Ibid.
62. *Singapore Chronicle and Commercial Register* (New Series), 13(3) 28 Mac, 1833.
63. Ibid.
64. Ibid.
65. Straits Settlements Records, NL10 A28: 271-272, surat John Henry Moore kepada Samuel Garling, Provisional Resident Councillor Malacca, 21 Ogos 1826.
66. Ibid.
67. Ibid., Surat Samuel Garling, Provisional Resident Councillor Malacca kepada John Henry Moore, 21 Ogos 1826, 272-273.
68. Ibid., Surat Samuel Garling, Provisional Resident Councillor Malacca kepada W. S. Cracroft Secretary to Government, Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, 30 Ogos 1826, 273.
69. Ibid., minit mesyuarat Council, 14 Sept. 1826, 276.
70. *Asiatic Journal*, Feb. 1827, 278.

BAB 5

Pengusaha Akhbar Dan Naungan Kerajaan

Naungan

Akhbar awal banyak bergantung kepada kerajaan untuk hidup. Jumlah naskhah akhbar yang dicetak dan dijual adalah kecil kerana orang yang boleh membaca dalam bahasa Inggeris tidak ramai kecuali para pegawai dan kakitangan SHT. Oleh itu jumlah naskhah yang boleh dijual adalah terhad. Kerajaan membantu akhbar dengan dua cara, pertama melalui bayaran iklan untuk notis rasmi, mencetak borang dan keperluan pejabat yang lain. Selain itu syarikat akhbar juga mendapat urusan niaga daripada syarikat swasta. Negeri yang lebih maju, iaitu Singapura, terdapat banyak syarikat swasta dan mereka menggunakan khidmat akhbar. Pertumbuhan akhbar di negeri itu adalah lebih pesat dan jumlah akhbar lebih banyak berbanding dengan negeri yang kurang maju, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Bagaimanapun, disebabkan ketiga-tiga Negeri Selat ini adalah baru, pergantungan kepada kerajaan tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi kerajaan memegang kuasa untuk memberi atau menolak kebenaran percetakan dan penerbitan.

Penyelidikan yang dibuat mendapati kuasa kerajaan terdapat dalam beberapa bentuk, seperti sanksi, naungan, sokongan, bantuan, dan penggalakkan. Ini dikaitkan dengan sekatan dan syarat. Apabila sesuatu permohonan untuk mengedit, mencetak, dan menerbitkan sesebuah akhbar diluluskan, ia diberi sanksi oleh kerajaan. Lesen akan dikeluarkan kepada pemohonnya. Para pengusaha

yang diberi naungan akan mendapat perlindungan kerajaan dari segi urus niaga, yang bermakna kerajaan akan menggunakan khidmatnya dan dibayar. Sokongan dan bantuan mungkin boleh disekalikan. Ia biasa dikaitkan dengan sokongan kewangan.

Para pengusaha yang menghadapi masalah kekurangan wang, dan perlu menggunakan wang yang banyak akan memohon bantuan kerajaan. Bayaran balik boleh dibuat secara beransur-ansur atau ditolak dari bayaran khidmat. Perkara ini berlaku mungkin pada ketika itu tiada bank perdagangan seperti hari ini. Galakan biasanya datang dalam bentuk yang tidak ketara. Para pengusaha sentiasa diberi galakan dan tugas mereka tidak diganggu, atau kehidupan mereka tidak sentiasa terancam.

Contoh yang baik boleh dilihat pada akhbar *The Prince of Wales Island Gazette*. A. B. Bone dan para pengusaha selepasnya sering mengharap bantuan daripada kerajaan, dan bantuan yang dipohon sentiasa dipenuhi oleh kerajaan. Mungkin kerana memerlukan bantuan, Bone cuba seberapa boleh memperlihatkan bahawa akhbarnya cukup rapat dengan kerajaan. Dalam beberapa keluaran pertamanya, Bone menggunakan nama *The Government Gazette*, walaupun ia bukan akhbar rasmi kerajaan. Dalam tempoh yang agak singkat, akhbar *The Government Gazette* telah beberapa kali bertukar nama tetapi dalam semua hal ia tidak lari daripada cuba mencerminkan bahawa ia sebuah akhbar yang autoritatif, yang rapat dengan kerajaan. Selain nama *The Government Gazette*, dalam setiap keluarannya, hingga keluaran 149, akhbar ini meletakkan satu kenyataan yang ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan di muka depan, di bawah kepala akhbar, seperti berikut:

The honourable the Governor and Council have been pleased to direct, that all Advertisements, which appear under the Signature of the Secretary to Government or of any other officers of the Government, properly authorised to publish them in the Government Gazette must be deemed to convey official Notification of the Board's Order and Regulations, with same manner as if they were specified to the persons, to whom such Orders and Resolutions bore reference.

Fort Cornwallis,
27 February 1806

H. S. Pearson
Secretary to Government

Apabila nama pada kepala akhbar berubah, nama akhbar dalam kenyataan ini juga turut berubah. Perhatikan juga bahawa tarikh kenyataan itu dibuat iaitu 27 Februari 1806. Ini bermakna akhbar ini tidak diterbitkan lebih awal daripada tarikh itu.

Semasa di bawah Bone, akhbar *Prince of Wales Island Gazette* mengalami beberapa kali perubahan nama pada kepala akhbarnya. Selain itu tajuk kecil yang cuba mengaitkan akhbar itu dengan kerajaan yang dicetak di bawah kepala akhbarnya juga turut berubah. Sehingga Bone meninggal dunia pada 26 April 1815, nama-nama berikut telah digunakan *The Government Gazette*, *Prince of Wales Island Government Gazette*, dan *Prince of Wales Island Gazette*.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dibuat didapati nama akhbar *Prince of Wales Island Gazette* berubah beberapa kali ketika di bawah Bone sehingga beliau meninggal pada 26 April 1815 seperti disenaraikan:

	Nama Akhbar	Dari Jil. Bil. Tarikh	Hingga Jil. Bil. Tarikh
1.	<i>The Government Gazette</i>	1(1) 1 Mac 1806	1(14) 31 Mei 1806
2.	<i>Prince of Wales Island Government Gazette</i>	1(15) 7 Jun 1806	2(85) 10 Okt. 1807
3.	<i>Prince of Wales Island Gazette</i> (digugurkan "Government" tetapi ditambah dengan "Published by Authority")	2(86) 17 Okt. 1807	3(149) 31 Dis. 1808
4.	<i>Prince of Wales Island Gazette</i> (ditambah dengan "of Government" pada "Published Authority" menjadi "Published by Authority of Government")	3(150) 7 Jan. 1809	22 April 1815

Mulai dari keluaran bilangan 150, pada 7 Januari 1809 kenyataan daripada Setiausaha Kerajaan yang digunakan terus-menerus sejak mula diterbitkan, digugurkan daripada tempat biasanya iaitu, di bawah kepala akhbar berkenaan. Nama-nama yang digunakan mempunyai hubungan dengan kerajaan. Nama yang pertama jelas sekali memberi gambaran yang ia ada kaitan dengan kerajaan, sama ada ini benar atau tidak, ia adalah suatu perkara lain. Ia mengalami perubahan nama pada keluaran ke-15 iaitu dengan menambah *Prince of Wales Island* di hadapan nama *Government Gazette*. Ini tidak mengubah apa-apa dari segi penonjolan namanya. Bagaimanapun, mulai keluaran ke-86 ia menggugurkan perkataan "Kerajaan". Tetapi ini diperkukuhkan dengan frasa

“Published by Authority”. Nama itu sekali lagi melalui perubahan apabila kenyataan Setiausaha Kerajaan digugurkan dari tempatnya di bawah kepala akhbar akhbar itu. Bagaimanapun, untuk tidak menghilangkan kepercayaan khalayak terhadap akhbar itu, frasa “Published by Authority” ditambah dengan “of Government” menjadikan “Published by Authority of Government”.

Apa yang menyebabkan Bone berusaha benar supaya akhbarnya dilihat sebagai berwibawa? Pertama sekali Bone mahu mendapatkan “urusan perniagaan daripada kerajaan. Dengan cara menjadikan akhbarnya seperti akhbar rasmi, beliau lebih mudah mendapat urusan perniagaan daripada kerajaan, seperti mencetak pengumuman, iklan, dan kerja-kerja percetakan yang lain. Yang kedua ialah bantuan lain daripada kerajaan—iaitu bantuan kewangan. Apabila menghadapi masalah kewangan yang terdesak, Bone telah meminta bantuan daripada kerajaan untuk meneruskan usaha menerbitkan akhbarnya. Bone banyak bergantung kepada kerajaan untuk mendapat sumber kewangan untuk menjalankan perusahaan akhbarnya. Dalam tahun 1807 beliau memohon pinjaman sebanyak 2,000 wang Sepanyol untuk membayar alat percetakan baru yang dipesannya dari England. Kerajaan memberi pinjaman ini dengan mengambil tanah rumahnya sebagai sandaran.

Selepas beroperasi selama lebih satu tahun, Bone merasa perlu menambah peralatan percetakannya, lalu memesan dari Eropah alat percetakan untuk melengkapkan lagi koleksinya. Apabila pesanan itu tiba di pelabuhan, Bone mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk meminjam 2,000 wang Sepanyol untuk membayar peralatan itu. Jika sebelum ini hanya Bone seorang yang menandatangani surat-menyurat kepada kerajaan Pulau Pinang, dalam surat permohonan pinjaman kali ini, Bone menandatangani bersama seorang lagi pemilik akhbar itu, iaitu J. W. Court. Surat bertarikh 13 Oktober 1807 yang diutus kepada Thomas Raffles, ketika itu Setiausaha Kerajaan, memaklumkan mengenai usaha mereka menambahkan peralatan percetakan. Bagaimanapun mereka mengalami masalah kekurangan wang. Oleh itu mereka memerlukan pinjaman daripada kerajaan untuk membayar peralatan itu yang sudah pun tiba dari Eropah. Kerajaan bersetuju menolong tetapi pinjaman itu boleh diberi dengan cagaran yang mencukupi.¹

Bone kemudian memberitahu bahawa beliau bersedia mencagarkan seluruh mesin percetakannya bernilai 5,000 dolar, termasuk peralatan yang baru tiba bernilai £346, dan jika ini tidak dapat diterima beliau mempunyai rumah dan tanah yang bernilai 2,000 wang Sepanyol. Beliau berharap kerajaan memilih percetakan kerana ia berkaitan dengan pinjamannya, kerana rumah merupakan tanah persendirian.² Bagaimanapun, kerajaan yang bermesyuarat pada 21 Oktober

1807 meluluskan pinjaman itu tetapi memilih tanah sebagai cagaran dan bayaran balik ialah selama 12 bulan.

Dalam tahun 1811, Bone sekali lagi memohon bantuan kerajaan sebanyak 2500 wang Sepanyol untuk menjalankan perusahaan percetakannya. Permohonan beliau telah dipersetujui oleh Pemangku Gabenor-dalam-Majlis. Dalam suratnya kepada Bone bertarikh 1 Ogos, 1811, Pemangku Setiausaha Kerajaan W. A. Clubley memberitahu bahawa permohonannya untuk jumlah tersebut dipersetujui diberikan sebagai suatu pinjaman untuk dibayar balik dalam masa 10 bulan dengan mencagarkan percetakannya.³ Dalam surat berasingan kepada pembantu bendahari James Cousens, Clubley memberitahu beliau supaya mengeluarkan bayaran pinjaman itu dan cagarannya ialah dua pertiga daripada perusahaan percetakan Bone. Potongan 10 bulan itu boleh juga mengambil kira hutang kerajaan kerana kerja-kerja percetakan di syarikat Bone sebagai usaha untuk menolong menjelaskan pinjaman itu.⁴

Pada 17 November 1814, Bone memohon pinjaman daripada kerajaan sebanyak 500 wang Sepanyol. Pinjaman ini diluluskan dengan bayaran dipotong daripada perbelanjaan kerajaan untuk kerja-kerja cetak di syarikat Bone.⁵ Pinjaman ini nampaknya tidak melibatkan cagaran, kerana bayarannya diambil daripada perbelanjaan kerajaan terhadap kerja-kerja cetakan di syarikat Bone.

Pada 21 Februari 1820 William Cox, penerbit dan editor *The Prince of Wales Island Gazette* memohon daripada kerajaan untuk mendapat biaya yang diperlukan bagi membolehkan penerbitan akhbarnya diteruskan. Dalam suratnya itu Cox memberikan pecahan pendapatan dan perbelanjaan berhubung dengan iklan kerajaan selama tujuh tahun, iaitu dari tahun 1813 hingga tahun 1819. Kerajaan bersetuju memberi peruntukan kekal berjumlah 60 dolar sebulan (iaitu purata umum bagi tempoh tujuh tahun lalu) untuk biaya percetakan kerajaan dalam akhbar itu. Kelulusan ini, berkuat kuasa pada 1 Mac 1820, dengan syarat muka pertama akhbar itu dianggap percuma untuk dimasukkan iklan atau kertas yang kerajaan anggap perlu dicetak dalam akhbar itu atau yang mungkin dihantar oleh sebarang autoriti awam di Pulau itu.⁶

Penerbit ketiga akhbar itu iaitu William Cox menerbitkan akhbar itu lebih sedikit 10 tahun—iaitu lebih lama sedikit dari Bone, telah beberapa kali cuba menjual penerbitan akhbar itu. Ini mungkin disebabkan penerbitannya tidak menguntungkan. Cox juga mendapat bantuan kerajaan melalui elaun bulanan. Pada kali pertama yang dapat dikesan, beliau cuba menjualkannya kepada kerajaan dalam bulan April 1826 apabila kerajaan memarahi beliau kerana menyiarkan sepucuk surat dalam akhbarnya yang tidak disukai oleh kerajaan.⁷

Apabila berlaku kekosongan guru lelaki di Penang School, Cox memohon jawatan tersebut untuk ditempatkan sama ada di sekolah itu atau di sekolah berasrama yang dicadangkan pembinaannya. Sambil itu beliau mencadangkan supaya pihak sekolah membeli percetakannya untuk faedah sekolah itu, dengan nilai 5,000 wang Sepanyol. Beliau akan terus menjadi penyelia percetakan itu dengan gaji 100 wang Sepanyol sebulan. Jawatankuasa sekolah berminat dengan cadangan itu kerana ia kelihatan sesuai dengan matlamat sekolah untuk memberi latihan pekerjaan kepada murid-murid miskin. Tetapi pihak sekolah tidak mempunyai wang yang banyak. Oleh kerana sekolah itu di bawah kuasa kerajaan, perkara itu disampaikan kepada kerajaan. Dalam mesyuarat Majlis pada 28 September 1826, kerajaan bersetuju dengan cadangan sekolah untuk melatih murid-murid dalam bidang pekerjaan tetapi tidak bersetuju dengan pembelian percetakan Cox itu kerana ia berpendapat alat percetakan boleh diperoleh dari England dengan harga yang lebih murah.⁸

● Nama *Prince of Wales Island Gazette* ini kekal hingga ke akhir hayat akhbar itu, tetapi kata-kata di bawah akhbar itu kemudiannya bertukar menjadi "Published Under the Sanction and Patronage of Government". Penerbit terakhir akhbar ini telah diminta oleh kerajaan yang dipimpin oleh Gabenor Fullerton supaya membuang kata-kata ini dari akhbar tersebut. Cox, yang memiliki akhbar itu ketika itu, memberitahu oleh kerana tidak sempat berbuat demikian untuk keluaran esoknya, akhbar itu tidak dapat diterbitkan. Akhbar *Penang Register and Miscellany*, yang menggantikan *Prince of Wales Island Gazette*, juga diarah jangan menggunakan "Published Under the Sanction and Patronage of Government".

Apabila Norman Maclister McIntyre memohon lesen percetakan dan penerbitan untuk akhbar mingguannya *Penang Register and Miscellany* pada 9 Ogos 1827, beliau tidak lupa memohon bantuan kewangan yang dulunya diperoleh oleh Cox. Beliau mencadangkan untuk "merizabkan muka depan akhbar itu untuk dimasukkan notis kerajaan dan sebagainya di atas elaun bulanan yang pernah diberikan."⁹

Bagaimanapun, kerajaan tidak bersetuju dengan permohonan bantuan bulanan itu. John Anderson, yang menjawab surat itu pada 10 Ogos 1827 memaklumkan kepada McIntyre bahawa elaun bulanan sebanyak 60 dolar yang diberikan kepada Cox dihentikan kerana kerajaan lebih suka bayaran iklan cara sebelumnya, iaitu mengikut kadar tetap pada satu baris. Beliau juga memberitahu bahawa mengenai percetakan kertas-kertas lain yang diperlukan oleh beberapa pejabat kerajaan, "sebahagian besar daripada kerja itu akan jatuh kepada anda, dengan syarat kadar percetakannya adalah berpatutan sebagaimana di Singapura dan Melaka."¹⁰

Pada 17 Ogos 1827, McIntyre memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan John Anderson, bahawa nama akhbar yang akan diterbitkannya ialah *Penang Register and Miscellany*. Sebagai ganti baris yang diminta dikeluarkan, McIntyre mencadangkan dimasukkan ayat berikut, "Government Notifications inserted in the Penang Register and Miscellany and signed by the proper Authorities are to be considered as Official". Nampaknya kerajaan menerima cadangan ini dan keluaran pertamanya diterbitkan pada hari Rabu 21 Ogos 1827.¹¹

Pada 28 Ogos 1826, Moore mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan sebanyak 50 sicca rupee sebulan dan sebagai balasannya iklan dan notis kerajaan akan dicetak secara percuma dan kerajaan boleh meminta seberapa banyak naskhah yang dikehendaki. Garling meluluskan permohonan ini pada hari yang sama.¹²

Sikap Kerajaan Terhadap Akhbar

Sikap kerajaan atau para pegawai yang berurusan dengan akhbar adalah cukup penting dalam mencorakkan sistem akhbar. Bahagian ini akan menghuraikan mengenai penutupan tiga buah akhbar yang berlaku di bawah seorang pentadbir SHT, iaitu Robert Fullerton. Sebelum kedatangan Fullerton sebagai Gabenor Pulau Pinang dalam tahun 1824 tidak banyak masalah dihadapi oleh akhbar, malah tidak ada akhbar yang ditutup kerana tindakan pentadbir. Robert Fullerton lahir di Scotland pada tahun 1771, telah berkhidmat di Madras antara tahun 1789–820 termasuk menjadi ahli Majlis Madras pada 1813–1820. Mulai tahun 1824, beliau dilantik sebagai Gabenor Pulau Pinang. Apabila Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dicantumkan di bawah satu presidensi dalam tahun 1826, Fullerton dilantik menjadi Gabenornya yang pertama. Pada 1 Julai 1830, presidensi ini dimansuhkan dan digantikan dengan residensi. Fullerton telah dilantik menjadi Ketua Pesuruhjaya bagi Hal-Ehwal Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka, jawatan yang lebih rendah tarafnya daripada Gabenor sebuah presidensi walaupun kawasan itu juga yang ditadbirkannya. Beliau tidak lama memegang jawatan itu kerana selepas itu beliau pulang ke England dalam tahun 1830, dan meninggal dunia dalam tahun 1831.¹³ Selain tindakan diambil terhadap tiga buah akhbar, termasuk memarahi dua orang Residen Kaunsilor iaitu John Prince, Residen Kaunsilor Singapura; dan Robert Garling, Residen Kaunsilor Melaka; Fullerton juga mengadu kepada Kerajaan Agung dan Jemaah Pengarah mengenai akhbar di Calcutta.

Di bawah pentadbiran Fullerton *The Prince of Wales Island Gazette* yang hidup selama 22 tahun ditamatkan penerbitannya oleh pemiliknya pada bulan Ogos 1827 apabila terdapat ura-ura hendak menarik sebahagian besar sumber kewangan yang membantu percetakan itu. Pengganti akhbar itu *Penang Register and Miscellany* ditarik balik lesen percetakan dan penerbitannya pada 20 September 1828 kerana dikatakan melakukan satu perkara serius apabila ia mengedar sebagai surat pemberitahuan dua artikel yang dipotong oleh Pegawai Penapis. Akhbar *Malacca Observer* terpaksa ditutup kerana tindakan Gabenor Fullerton berhubung dengan satu artikel mengenai kemungkinan tindakan kerajaan terhadap Naning, yang dianggap oleh kerajaan sebagai tidak disukai.

Akhbar-akhbar ini adalah akhbar milik persendirian dan bukannya milik kerajaan, walaupun kerajaan membantu dari segi kewangan. Oleh kerana tidak puas hati dengan perjalanan akhbar-akhbar persendirian ini, Fullerton telah berusaha untuk menerbitkan akhbar milik kerajaan dalam tahun 1828. Akhbar yang dinamakan *Government Gazette of the Prince of Wales Island, Singapore and Malacca* ini, walaupun cuba dijalankan seperti sebuah akhbar biasa, tetapi terpaksa ditutup pada tahun 1830.

Fullerton pernah menganggap bahawa peraturan yang diwujudkan setakat itu adalah tidak menurut undang-undang. Oleh itu beliau meminta, sebanyak dua kali supaya beliau diberi kuasa untuk membuat undang-undang sebagaimana di Bengal. Permintaan ini tidak diberi oleh Jemaah Pengarah.

Penutupan *The Prince of Wales Island Gazette*

Penutupan akhbar *The Prince of Wales Island Gazette* berpunca daripada tindakan kerajaan mengurangkan perbelanjaan. Pihak kerajaan sudah memberitahu ke pejabat-pejabatnya supaya memaklumkan perbelanjaan percetakan masing-masing. Namun, tentang pengurangan perbelanjaan oleh kerajaan pihak akhbar yang mencetak barang-barang kerajaan tidak dimaklumi. Apabila penerbit akhbar itu, iaitu Cox mendapat tahu dari sumber lain, dia terus mengambil tindakan memberitahu kerajaan hasratnya untuk menamatkan penerbitan akhbar itu.¹⁴

Cox merasa sungguh dukacita apabila beliau mengetahui bahawa kerajaan bercadang menarik balik sebahagian besar daripada naungan yang diberikan kepada percetakannya, dan perintah sudah pun dikeluarkan kepada semua Jabatan Awam supaya tidak membuat perbelanjaan lanjut berkaitan percetakan, dan meminta salinan semua borang cetak yang diperlukan dengan tujuan untuk mencetaknya di tempat lain. Beliau dukacita kerana selama ini beliau tidak

melanggar peraturan yang dikenakan oleh kerajaan dan tiba-tiba hendak ditarik balik sumber sokongan yang paling besar itu.¹⁵

Menurut Cox, hasil pendapatan daripada percetakan borang rasmi adalah sumber kewangan utama percetakan itu. Jika jumlah pendapatan daripada sumber itu ditarik balik maka mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk menampung perbelanjaan percetakan *The Gazette*. Beliau terpaksa menamatkan penerbitan akhbar yang ditubuhkan di presidensi itu di bawah naungan kerajaan selama 22 tahun yang, 10 tahun daripadanya adalah di bawah penyeliaannya.¹⁶

Kerajaan menyatakan bahawa ia belum membuat keputusan mengenai perkara yang dibangkitkannya (menarik balik sumber kewangannya), dan sebarang perubahan pada masa depan terletak sepenuhnya atas pertimbangan kewangan, dan bukan bergantung kepada kelakuannya sebagai editor. Kerajaan juga memutuskan untuk meletakkan akhbar itu setaraf dengan akhbar lain di Singapura dan Melaka. Dengan demikian beliau diminta supaya membuang "Published under the sanction and Patronage of Government" di bawah tajuk akhbarnya.

Cox menerima jawapan daripada kerajaan pada 26 Julai 1827. Pada 27 Julai, Cox menjawab surat itu dengan memberitahu bahawa beliau tidak dapat membuat persediaan yang perlu untuk menerbitkan akhbar mengikut kehendak kerajaan. Oleh yang demikian akhbar pada keesokan harinya iaitu 28 Julai 1827 tidak dapat diterbitkan. Selanjutnya Cox menulis pada 28 Julai 1827, sebagai menjawab surat kerajaan bertarikh 26 Julai 1827 menyatakan bahawa beliau enggan menerbitkan *The Gazette* berdasarkan syarat-syarat yang diberi. Oleh yang demikian akhbar itu tidak akan diterbitkan pada masa depan di bawah penyeliaannya. Bagaimanapun, untuk mengelakkan gangguan daripada orang ramai beliau menawarkan untuk menjual kepada kerajaan mesin cetaknya dengan harga 5,000 wang Sepanyol. Pada 2 Ogos 1827, kerajaan memutuskan menolak tawaran penjualan percetakan oleh Cox itu.

Jemaah Pengarah juga dimaklumi tentang cadangan kerajaan untuk memindahkan sebahagian daripada kerja percetakan itu ke Singapura atau Melaka kerana kos di sana lebih rendah. Kerajaan di Pulau Pinang telah menggantung percetakan ketika menimbang cadangan kerajaan untuk memindahkan kerja-kerja percetakan itu. Berikutan dengan itu, percetakan yang mencetak *The Prince of Wales Island Gazette* dijual dan akhbar itu menamatkan penerbitannya.¹⁷ Pemilik baru percetakan itu (McIntyre) bersetuju mengurangkan kos percetakan sehingga 25 peratus daripada kos

asal. Penutupan *The Prince of Wales Island Gazette* mungkin disebabkan perbelanjaan yang tidak dapat ditanggung oleh kerajaan. Tindakan kerajaan Pulau Pinang melegakan hati Jemaah Pengarah, yang mengatakan, "We are gratified in learning that you were enabled to effect so considerable a saving in the printing expenses of your Government."¹⁸

Singapore Chronicle melihat penutupan *The Prince of Wales Island Gazette* sebagai akibat tekanan daripada kerajaan, tetapi *Penang Register and Miscellany*, yang menggantikan tempat akhbar itu, menolaknya.

Bilakah akhbar itu terbit kali terakhir? Jika menurut surat Cox, ia mungkin tidak terbit pada 28 Julai 1827 kerana tidak dapat mematuhi kehendak kerajaan supaya jangan meletakkan "Published under sanction and patronage of Government". Mungkin selepas itu akhbar itu diterbitkan untuk mengucapkan selamat tinggal kepada para pembacanya. *Asiatic Journal* menerbitkan berita kematian *The Prince of Wales Island Gazette* dengan tajuk *Suppression of the Gazette* bahawa keluaran terakhir akhbar itu ialah pada 4 Ogos 1827.¹⁹

Singapore Chronicle pada 30 Ogos 1827 telah mengulas tentang penutupan *The Prince of Wales Island Gazette* dengan mengatakan bahawa akhbar itu telah ditekan kerana menyiarkan berita tentang Perjanjian Siam.²⁰ Akhbar itu menyatakan:

It appears that the paper actually has been suppressed in consequence of an article which appeared in it some three months ago relative to the Siamese Treaty, which has given umbrage to the government in Bengal, and at its instance the paper has been crushed. We state a matter of fact; but as the censorship will henceforth press more heavily on us than hitherto, we can add no comment, as many of our readers will be of opinion that no comment is required.

Bagaimanapun, *Penang Register and Miscellany* menolak kesimpulan yang dibuat oleh *Singapore Chronicle* yang *The Prince of Wales Island Gazette* ditekan sebagai tidak betul, ". . . we can assure him that he is in error on this point".²¹

The Penang Register and Miscellany berkata *The Gazette* diberhentikan secara subarela, kerana kerajaan memintanya membuang "Published under the Authority and Patronage of Government" di bawah tajuk akhbar itu, dan kemungkinan kekurangan pendapatan dari iklan kerajaan berikutan saingan dari Singapura dan Melaka. *The Miscellany* juga menyebut bahawa tuan punya *The Prince of Wales Island Gazette* sudah lama berura-ura hendak menjual percetakannya.²²

Seorang pengkaji lain menyatakan bahawa *The Prince of Wales Island Gazette* menamatkan penerbitannya bukan kerana tekanan kerajaan tetapi kerana desakan kewangan.²³

Tindakan Terhadap *Penang Register and Miscellany*

The Penang Register and Miscellany ialah akhbar kedua yang diterbitkan di Pulau Pinang, selepas *The Prince of Wales Island Gazette* memberhentikan penerbitannya. Akhbar itu seperti juga akhbar terdahulu diterbitkan sekali seminggu. Bagaimanapun ia diterbitkan pada hari Rabu dan bukan pada hari Sabtu. Keluaran pertamanya ialah pada 22 Ogos 1827. Dalam rencana pengarang pertamanya, editor akhbar itu mengingatkan para pembacanya tentang sekatan yang dikenakan terhadap akhbar, namun ia cuba untuk memberikan maklumat yang sebaik mungkin.²⁴ Editorial dalam edisi pertama *Penang Register and Miscellany* pada 22 Ogos, 1827 itu menyebut:

The restrictions placed (no doubt wisely) upon the press of this country and the frequent long intervals between arrivals from Europe, render the business of an Indian Editor, at times, very irksome and disheartening . . .

Our discussions on political subjects will, of necessity, be very circumscribed, but as far as we can do so with a due observance of our limitations, we shall endeavour to make our Paper a vehicle of the correctest intelligence that can be obtained of the leading politics of the day. . . .

Sedutan rencana itu menunjukkan editornya menyedari terdapat sekatan dalam penyiaran berita. Bagaimanapun, oleh kerana terdapat perkataan “no doubt wisely” dalam menyifatkan sekatan yang dikenakan terhadap akhbar, *Singapore Chronicle* membidas akhbar itu. Pada 17 Oktober 1827, editor *Penang Register and Miscellany* menyatakan ia enggan terlibat dalam “editorial controversies, especially upon subjects that cannot be freely discussed. . . .”²⁵ Perlu diingat bahawa pada ketika itu naskhah pruf terpaksa diserahkan kepada Pegawai Penapis untuk semakannya, dan keenganan editor *Penang Register and Miscellany* untuk membincangkan perkara itu menunjukkan bahawa besar kemungkinan Pegawai Penapis telah menambah perkataan tersebut.

Keluaran terakhir *The Penang Register and Miscellany* ialah 17 September 1828 (Vol. 2 No. 38). Ruang yang menempatkan dua artikel yang dikeluarkan oleh Pegawai Penapis sepanjang kira-kira satu setengah lajur daripada akhbar empat lajur dipenuhi dengan bintang. Dalam keluaran ini ia melaporkan

mengenai penghapusan penapisan ke atas akhbar Perancis di muka empat, iaitu muka belakang.

Buat pertama kali dalam sejarah penerbitan akhbar yang pendek, kerajaan menarik balik lesen penerbitan yang diberikan kepada pemilik akhbar *The Penang Register and Miscellany* pada 20 September 1828. Penarikan balik lesen percetakan dan penerbitan akhbar ini berlaku apabila dua buah artikel daripada keluaran 17 September 1828 yang dipotong oleh Pegawai Penapis telah diedar sebagai surat pemberitahuan kepada para pelanggan akhbar itu. Menurut Pegawai Penapis, yang juga Setiausaha Kerajaan John Anderson, yang pertama mengandungi "remarks and animadversions on an act of Government" dan yang keduanya mengandungi "a most injurious insinuation against a public officer of Government. . . ." ²⁶

Artikel yang pertama mempersoalkan tentang kenapa seorang kakitangan kerajaan yang sudah lama berkhidmat di Pulau Pinang tidak dilantik ke satu jawatan tertentu, tetapi orang lain yang dilantik; artikel yang kedua ialah suatu tuduhan yang seorang pegawai kanan kerajaan (iaitu John Anderson) cuba mencuri kakitangan percetakan daripada syarikat akhbarnya, kerana kerajaan pada ketika itu sedang mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah percetakan sendiri.

Kedua-dua artikel ini dipotong dan tidak dimasukkan ke dalam akhbar keluaran 17 September 1827, dan ruangan untuknya pada muka 4 dikosongkan. Apa yang membuatkan kerajaan merasa lebih marah ialah kedua-dua artikel itu dicetak semula dan diedar sebagai surat pemberitahuan (sebesar saiz A4).

Dalam surat yang sama Anderson berkata Balhetchet telah diberi peluang untuk menjelaskan bagaimana perkara itu boleh berlaku, tetapi surat yang menyebut beliau sebagai editor *Penang Register and Miscellany* telah dikembalikan, tanpa dibaca. Beliau menafikan bahawa beliau editor akhbar itu. Kerajaan memutuskan bahawa lesennya untuk tinggal di Pulau itu yang diberikan pada 16 November 1821 ditarik balik dengan serta-merta. Jika beliau didapati masih tinggal di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dalam masa dua bulan dari tarikh surat itu, hukuman akan dikenakan terhadap beliau mengikut Akta yang sesuai dengan kes itu.²⁷ Pada masa itu sesiapa yang bukan bekerja dengan SHT, yang ingin datang ke Pulau Pinang atau Singapura diperlukan mendapat lesen daripada SHT. Lesen ini bolehlah disamakan dengan kebenaran tinggal, iaitu seperti visa atau pemastautin tetap. Bagaimanapun ancaman ini ditangguh sehingga mendapat keputusan daripada Jemaah Pengarah. Jemaah Pengarah, dalam surat yang diterima dari London yang diterima kira-kira setahun kemudian,

berpendapat Balhetchet tidak perlu diusir dari Pulau itu kerana beliau sudah pun mengalami kerugian, melainkan beliau melakukan kesalahan lain.²⁸

Berikutan penarikan balik lesen percetakan dan penerbitan akhbar *Penang Register and Miscellany*, McIntyre menulis sepucuk surat pada 21 September 1828 memohon untuk menerbitkan akhbar tanpa sanksi dan naungan kerajaan. John Anderson, Setiausaha Kerajaan dalam jawapannya pada 27 September 1828 berkata: "oleh kerana tidak ada akhbar yang pernah diterbitkan di Petempatan kecuali di bawah sanksi nyata oleh kerajaan dan tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu, Gabenor-dalam-Majlis tidak boleh membenarkan sebarang penyimpangan daripada amalan yang telah wujud."²⁹ Beliau memberi notis jika penerbitan yang dirancang oleh McIntyre dilaksanakan ia adalah bercanggah dengan peraturan yang telah lama diwujudkan oleh kerajaan.

Willaim Cox, yang pernah menerbitkan *Prince of Wales Island Gazette* juga berminat untuk kembali ke arena penerbitan akhbar berikutan penarikan balik lesen penerbitan akhbar *The Penang Register and Miscellany* itu. Cox, muncul semula dan memohon untuk membeli alat percetakan kerajaan yang baru tiba dari Calcutta dan juga alat percetakan *Penang Register and Miscellany* dan beliau menawarkan bayarannya dibuat secara ansuran. Cox menawarkan syarat-syarat yang longgar kepada kerajaan antaranya kerajaan diberi pilihan melantik editor, muka pertama boleh digunakan oleh kerajaan dengan bayaran yang ditetapkan oleh kerajaan, biaya penubuhan ditanggung oleh Cox dan percetakan kerajaan boleh dibayar sama ada secara kontrak atau mengikut harganya.³⁰

Tawaran yang dibuat oleh Cox ini nampak cukup baik, lebih-lebih lagi beliau pernah sanggup memberhentikan perusahaannya hanya kerana kerajaan mengambil langkah untuk mencari jalan mencetak lebih murah di tempat lain. Berbagai-bagai spekulasi boleh dibuat, antaranya mungkin juga selepas pemberhentian akhbar barulah beliau sedar tentang kerugiannya, atau beliau memang tidak tahu hendak membuat kerja lain setelah sekian lama berkecimpung dalam penerbitan akhbar, atau beliau memang berminat dengan penerbitan akhbar.

Bagaimanapun, tawaran ini tidak diterima oleh kerajaan yang sedang berusaha untuk menubuhkan akhbar sendiri.

Tindakan Terhadap *Singapore Chronicle*

Tindakan terhadap *Singapore Chronicle* berpunca daripada sebuah artikel yang dianggap "offensive" oleh kerajaan dalam keluaran 15 Februari 1827. Tanpa

berlengah-lengah lagi John Anderson, Setiausaha Kerajaan telah menulis surat kepada John Prince, Residen Kaunsilor Singapura untuk memaklumkan kepada John Loch editor *Singapore Chronicle* mengenai perkara tersebut. Surat itu antara lain menegaskan artikel itu telah melanggar peraturan yang diberikan pada 25 Januari 1827 yang hampir sama dengan Peraturan Bengal 1818.

Satu salinan surat itu dihantar kepada Loch meminta beliau supaya memberi perhatian yang berat kepada perkara yang dibangkitkan oleh Gabenor-dalam-Majlis itu dan pada masa yang sama memberi amaran supaya perkara itu tidak berulang lagi.

Pada keesokannya, John Anderson menulis sepucuk surat lagi berhubung dengan pelanggaran peraturan oleh John Loch. Kali ini Anderson mengarahkan supaya penapisan dikenakan semula ke atas akhbar *Singapore Chronicle*.³¹ Perkara ini berlaku kerana setelah menerima surat dari John Prince bertarikh 20 Februari 1827, yang memaklumkan bahawa beliau telah menyampaikan Peraturan Bengal 1818 dan memberitahu John Loch bahawa beliau tidak perlu lagi menyerahkan naskhah pruf akhbarnya untuk disemak. Barulah Anderson tahu bahawa penapisan akhbar dikenakan di Singapura sebelumnya. Itulah sebabnya kata John Anderson Peraturan Bengal 1818 diberikan untuk dipatuhi oleh editor *Singapore Chronicle*. Tetapi memandangkan pelanggaran itu John Prince diarahkan menguatkuasakan semula penapisan akhbar dengan memerlukan editor *Singapore Chronicle* menyerahkan naskhah pruf kepada pihak berkuasa.

Satu salinan surat itu disampaikan kepada editor *Singapore Chronicle* dengan arahan bahawa sebagai mematuhi perintah kerajaan beliau hendaklah mengemukakan kepada Residen Kaunsilor naskhah pruf akhbarnya sebelum diterbitkan.

Dalam laporannya kepada Jemaah Pengarah pada 29 Ogos 1827, Gabenor Fullerton memaklumkan bahawa berikutan dengan beberapa artikel yang sangat tidak menyenangkan dalam *The Singapore Chronicle*, beliau merasa perlu untuk mewujudkan peraturan yang sama seperti yang diwujudkan oleh Kerajaan Agung dalam tahun 1818. Arahan ini diberikan di bawah anggapan bahawa akhbar adalah bebas sepenuhnya; tetapi nampaknya penapisan telah dikuat-kuasakan sebelumnya, dan penerbitan pertama selepas saja penapisan dimansuhkan mengandungi perkara yang cukup "offensive" dan beliau merasa perlu menguatkuasakan semula penapisan dan memarahi editornya. Naskhah pruf setiap keluaran akhbar juga diarah dikemukakan pada masa depan kepada Residen Kaunsilor, dan perkara ini dipersetujui oleh Loch.³²

Daripada penjelasan Fullerton dapatlah difahami bahawa pemerintah di Pulau Pinang tidak mengetahui kedudukan sebenar apa yang berlaku mengenai

urusan dengan akhbar di Singapura, kerana Singapura baru saja menyertai Presidensi Pulau Pinang dan Melaka dalam satu gabungan. Fullerton beranggapan akhbar di Singapura adalah bebas sepenuhnya, itulah sebabnya ada beberapa artikel yang sangat tidak menyenangkan didapati keluar dalam akhbar tersebut. Beliau tidak tahu bahawa pada waktu itu penapisan akhbar dilaksanakan di Singapura dan akhbar *Singapore Chronicle* diminta menyerahkan naskhah prof sebelum diterbitkan. Oleh yang demikian Fullerton telah mengarahkan Setiausaha Kerajaan John Anderson menghantar Peraturan Bengal 1818 kepada John Prince, Residen Kaunsilor Singapura untuk disampaikan kepada John Loch. Peraturan Bengal 1818 dikenakan apabila penapisan akhbar di Bengal dimansuhkan pada tahun 1818. Tujuan Anderson ialah supaya Peraturan Bengal menjadi panduan supaya akhbar *Singapore Chronicle* dapat mengelakkan daripada menulis perkara-perkara yang dilarang itu. Kepada Anderson ia merupakan peraturan yang longgar yang boleh diambil. Bagaimanapun, di Singapura penyampaian Peraturan Bengal 1818 diterima berlainan. John Prince, Residen Kaunsilor menganggap pemberian itu bermakna pemansuhan penapisan akhbar, kerana pengenalan Peraturan itu di Bengal ialah sempena pemansuhan akhbar. Keadaan yang serupa wujud di Singapura. John Prince kemudian memaklumkan kepada Gabenor Fullerton bahawa John Loch tidak diperlukan menyerah naskhah prof akhbarnya untuk disemak. John Loch pula mengambil peluang penerimaan Peraturan untuk membidas kerajaan, dan menyiarkan peraturan itu dalam akhbarnya. Bidang inilah yang memarahkan Fullerton.

Tindakan Terhadap *Malacca Observer*

Malacca Observer menghadapi masalah apabila ia menyiarkan sebuah artikel pada 30 Jun 1829 mengenai rancangan kerajaan untuk bertindak terhadap Penghulu Naning kerana enggan membayar cukai pertanian. Artikel ini dianggap sangat tidak menyenangkan oleh kerajaan di Pulau Pinang, dan Samuel Garling, Residen Kaunsilor Melaka, yang meluluskan artikel itu juga menerima padahnya. Garling telah diminta memberi penjelasan mengenai perkara tersebut. Beliau memberi jawapannya pada 22 Julai 1829. Berikutan jawapan itu Gabenor Fullerton mengarahkan peraturan yang lebih keras dikenakan terhadap editor *Malacca Observer*, dan menyertakan surat yang dikirim kepada McIntyre pada 10 Ogos 1827, yang mengandungi syarat-syarat yang dikenakan ke atas *Penang Register dan Miscellany*. Surat yang ditandatangani oleh John Pattulo, Setiausaha Kerajaan antara lainnya meminta Garling mengarahkan editor *Malacca Observer*,

mematuhi peraturan akhbar (Peraturan Bengal 1818 yang diubah suai), dan Garling sendiri mesti menapis berita yang tidak menyenangkan.³³

Residen Kaunsilor juga diminta menyatakan sama ada terdapat faedah kepada kerajaan daripada penerbitan sebuah akhbar di Melaka, yang bersamaan dengan yuran bulanan yang mungkin boleh dijimatkan.³⁴

Gabenor Fullerton berkata *The Malacca Observer* sama seperti akhbar-akhbar lain di Petempatan ini diterbitkan di bawah kelulusan dan kebenaran kerajaan dan tertakluk kepada pemeriksaan oleh autoriti awam di stesen (pentadbiran) berkenaan. Oleh kerana Garling, yang diberi kuasa demikian, membenarkan dimasukkan frasa "perkara yang tidak betul tentang langkah yang akan diambil oleh kerajaan . . ." beliau diminta menjelaskan perkara luar biasa itu.

John Pattulo, Setiausaha Kerajaan yang menulis surat kepada Samuel Garling atas arahan Gabenor Fullerton, mengatakan bahawa kerajaan terperanjat yang Garling membenarkan artikel demikian terbit dalam *Malacca Observer* yang beliau sepatutnya tahu sebagai palsu, iaitu "kerana langkah tersebut sudah pun diketepikan." Pattulo berkata, terbitnya perenggan demikian adalah sangat tidak menyenangkan kerana ia dimasukkan dalam sebuah akhbar yang diketahui diterbitkan di bawah penapisan residen dan terpancar daripada situ seolah-olah ia sah. Pattulo berkata pihak kerajaan bergantung kepada budi bicara Garling dan tidak terfikir perlu untuk mengingatkannya supaya jangan memasukkan artikel demikian.

Pada 19 Oktober 1829, Gabenor Fullerton dan Setiausaha Kerajaan John Pattulo, pergi ke Melaka atas urusan rasmi. Dalam keadaan begini Melaka menjadi pusat pemerintahan ketika kehadiran gabenor itu. Fullerton dan Pattulo, sebelum itu berada di Singapura. Sebaik saja tiba di Melaka dari Singapura, Pattulo sendiri menulis surat kepada editor *Malacca Observer*, pada 19 Oktober 1829 memaklumkan bahawa pemberitahuan oleh residen kaunsilor bahawa penapisan akhbar sudah ditamatkan. "Oleh yang demikian saya ingin memberitahu tuan bahawa penapisan tidak ditarik balik, dan tuan hendaklah mengemukakan naskhah pruf akhbar tuan kepada Residen Kaunsilor, atau Setiausaha Kerajaan apabila Petempatan ini menjadi tempat pemerintahan," kata surat Pattulo itu.³⁵

Satu mesyuarat Majlis telah diadakan pada 3 November 1829 yang hanya dihadiri oleh Gabenor Fullerton dan Residen Kaunsilor Garling. Fullerton membentangkan minitnya mengenai pembatalan penapisan akhbar terhadap *Malacca Observer* oleh Garling. Garling juga mengemukakan satu minit menjawab minit Fullerton itu.

Fullerton menyalahkan Garling kerana tersiarnya artikel berkenaan sambil menyatakan kepercayaan tegasnya bahawa melainkan disokong oleh Garling sendiri, pengamatan demikian tidak akan tersiar, kerana Garling mempunyai kuasa untuk menghalang perkara demikian. Fullerton mengingatkan bahawa Pegawai Penapis bertanggungjawab terhadap apa yang tersiar dalam akhbar kerana mereka berkuasa mengawalinya. Gabenor Fullerton juga menyebut tentang Mission Press yang ditubuhkan untuk mencetak risalah keagamaan dan penerbitan lain untuk menyebarkan pengetahuan berguna dan bukan untuk memburuk-burukkan kerajaan yang memberikan perlindungan, sokongan, dan bantuan kewangan. Beliau juga berkata bahawa Mission Society di England tidak menjangka bahawa Mission Press akan melacurnya untuk tujuan tersebut.³⁶

Fullerton juga merakamkan yang beliau menemui seorang lelaki yang berkaitan dengan Pusat Misi itu, yang memberitahu Fullerton bahawa beliau tidak tahu-menahu mengenai keburukan yang boleh timbul daripada penggunaan percetakannya, dan beliau tidak menjangka perkara yang begitu "offensive" kepada kerajaan yang dikawal oleh seorang pegawai sivil. Fullerton juga tidak sangsi langsung yang percetakan itu tidak akan membenar *Malacca Observer* dicetak di situ, tanpa perlu gangguan darinya.

Mengenai penarikan balik penapisan akhbar terhadap *Malacca Observer*, yang disifatkan oleh Gabenor Fullerton sebagai bukan saja dibuat tanpa sanksi kerajaan, tetapi juga bercanggah dengan syarat-syarat yang memberi kuasa akhbar itu dibenarkan diterbitkan. Garling menyatakan bahawa langkah itu diambil bertitik tolak daripada rasa tanggungjawab. Garling mengaitkan tindakan penapisan akhbar dengan bantuan kewangan kepada pengusaha akhbar. Apabila bantuan kewangan ditarik balik, kuasa kerajaan untuk menapis akhbar juga perlu ditarik balik. Garling menjelaskan bahawa, "beliau bertindak sendiri mengenakan syarat penapisan akhbar apabila memberi kelulusan sementara sebelum kelulusan sebenar diberikan oleh kerajaan di Pulau Pinang. Ini bukanlah bermakna saya berpendapat kerajaan ini boleh menguatkuasakan penapisan akhbar, tetapi sebagai suatu langkah bijaksana, demi tanggungjawab saya, berhubung dengan penerbitan sebuah terbitan berkala di mana sanksi kerajaan dipohon." Berdasarkan minit Fullerton, Garling mengaku kesilapan beliau dalam soal itu.

Garling menjelaskan bahawa naskhah prof akhbar yang mengandungi artikel Naning itu dihantar kepada beliau, dan beliau memberitahu editor dalam satu nota bahawa kes itu merupakan satu salah nyata kerana kerajaan tidak berhasrat pada masa kini untuk mengambil 10 peratus daripada hasil pertanian Naning. Sebelum akhbar itu diterbitkan, Garling memberi peringatan kedua kepada

editor mengenai perkara-perkara lain, dan mengingatkan sekali lagi tentang kes salah nyata itu. Tetapi Garling tidak merasa perlu untuk memotong apa yang dikatakan dalam artikel itu kerana hanya salah nyata yang Garling anggap sebagai sesuatu yang sangat tidak menyenangkan. Prinsip untuk mengenakan cukai 10 peratus pernah dipersetujui oleh kerajaan dan mungkin dijalankan sekali lagi pada masa depan yang sesuai.³⁷

Garling mengatakan bahawa beliau sedar mengenai arahan Jemaah Pengarah bertarikh 23 Julai 1828, tetapi ia berkaitan dengan serangan terhadap kelakuan kerajaan, dan komen yang "offensive" mengenai langkah-langkah kerajaan. Dalam kedua-dua hal ini *Observer* tidak boleh dianggap bersalah.³⁸

Saya mengalami keadaan serba salah dalam menjalankan fungsi yang menggunakan budi bicara sebagai pegawai penapis akhbar. Pertimbangan seorang penapis dalam banyak hal hanya dipandu oleh pendapat semata-mata. Pegawai penapis akhbar mungkin berhadapan dengan sesuatu kes yang mungkin beliau bantah dari segi keseluruhannya, tetapi pertimbangan yang serius diperlukan sebelum sesuatu bahagian dipotong kerana sentimen atau perkataan yang bermaksud sama, lagipun sesuatu perkara itu dilihat berlainan oleh orang yang berlainan. Jika dalam keadaan demikian Pegawai Penapis memotong atau mengubah perkataan atau ayat, terdapat bahaya yang beliau menjadi seorang editor dan bukan seorang Pegawai Penapis.³⁹

Dalam mesyuarat pada 3 November 1829 itu, Fullerton merakamkan satu lagi memorandum yang menyebut bahawa jawapan yang diberikan oleh Garling menunjukkan bahawa langkah yang diambilnya berasaskan satu kesilapan, dan tiada apa-apa lagi langkah diambil melainkan menghantar seluruh persoalan itu kepada Jemaah Pengarah.⁴⁰

Malacca Observer diberhentikan penerbitannya dalam bulan Oktober 1829,⁴¹ iaitu tidak lama selepas ia menghadapi tindakan daripada kerajaan kerana artikelnya mengenai Naning dan tekanan yang dikenakan oleh Fullerton ke atas pencetak akhbar itu.

Kuasa untuk Membentuk Undang-undang Akhbar

Walaupun Pulau Pinang mendapat taraf presidensi sejak tahun 1805, Jemaah Pengarah SHT menganggapnya lebih rendah daripada dua presidensi lain, iaitu Bombay dan Madras.⁴² Madras dan Bombay mempunyai kuasa perundangan yang agak besar, tetapi Majlis presidensi Pulau Pinang tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undangnya sendiri.⁴³ Kekurangan inilah yang nampak

ketara kepada Gabenor Fullerton. Katanya walaupun kerajaan di Pulau Pinang mempunyai kuasa kawalan ke atas akhbar dan nampaknya Jemaah Pengarah berhasrat untuk meneruskan amalan itu, tetapi "kami tidak mempunyai sanksi undang-undang untuk melaksanakan kuasa itu."⁴⁴

Peristiwa penarikan balik lesen percetakan dan penerbitan *Penang Register and Miscellany* menampakkan betapa peraturan dan syarat yang dikenakan oleh kerajaan terhadap akhbar di Pulau Pinang dan kemudiannya di Negeri-negeri Selat dilakukan tanpa kuasa sah terhadap akhbar. Dalam minitnya pada 7 Oktober 1828 kepada Kerajaan Agung di Calcutta mengenai peristiwa itu, Gabenor Fullerton berkata jika editor itu memulangkan lesen penerbitan akhbarnya dan menubuhkan sebuah akhbar lain (tanpa sanksi kerajaan), "saya tidak tahu apa yang boleh kita lakukan untuk menghalang beliau."⁴⁵ Fullerton menyatakan itu dalam minitnya dalam tahun 1828 sambil membangkitkan soal tiada sanksi undang-undang ke atas akhbar. Ia kemudian meminta kuasa demikian diberikan supaya Pulau Pinang dapat membentuk sebuah undang-undang terhadap akhbar sama seperti yang dilakukan di Bengal.⁴⁶

Permohonan Gabenor Fullerton supaya kerajaannya diberi kuasa untuk membuat undang-undang terhadap akhbar tidak tercapai kerana Jemaah Pengarah dalam surat bertarikh 30 September 1829, menyebut bahawa permohonannya sudah diatasi oleh langkah-langkah berikutnya.

Langkah-langkah yang disebut oleh Jemaah Pengarah itu ialah menarik balik taraf presidensi yang diberikan terhadap Negeri-negeri Selat, menurunkannya kepada sebuah residensi dan meletakkannya terus di bawah kerajaan Bengal mulai 1 Julai 1830.⁴⁷

Catatan

1. Straits Settlements Records, Vol. 18 1807, 971, Fort Cornwallis Council, 13 Okt. 1807.
2. Ibid.
3. Straits Settlements Records, NL42 19: 41, Surat W. A. Clubley, Acting Secretary to Government kepada A. B. Bone, 1 Ogos, 1811.
4. Ibid., Surat W. A. Clubley to James Cousens Sub-treasurer, 1 Ogos 1811, 40.
5. Straits Settlements Records, NL43 116: 291-293, Surat W. A. Clubley, Secretary to Government kepada Bone, 30 Nov. 1814.
6. Straits Settlements Records, NL35 H4: 26-27, Surat W. A. Clubley, Secretary to Government kepada William Cox, 4 Mac 1820.
7. Straits Settlements Records, NL3229 Penang Consultations, Surat Editor *Prince of Wales Island Gazette* William Cox kepada Secretary to Government W. S. Cracroft, 26 April 1826.
8. Straits Settlements Records, NL3229 Penang Consultations, Minit Mesyuarat Council Prince of Wales Island, 28 Sept. 1826.
9. Board's Collection, IORF/4/1069 (29204) 1828-1829. Surat McIntyre kepada J. Anderson, Secretary to Government, 9 Ogos, 1827.
10. Ibid.
11. Board's Collection, IORF/4/1069 (29204). Surat McIntyre kepada J. Anderson, 17 Ogos, 1827.
12. Straits Settlements Records, NL10 A28:271-272, Surat John Henry Moore Editor *Malacca Gazette* kepada Samuel Garling, Provisional Resident Councillor Malacca, 21 Ogos, 1826; dan NL10 A28: 272-273, Jawapan Garling kepada John Henry Moore, 21 Ogos 1826.
13. C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67*, 54.
14. Straits Settlements Records, G/34/117, 1827, Surat Cox kepada J. Anderson, 25 Julai 1827, 1389.
15. Ibid.
16. Ibid.
17. Straits Settlements Records, G/34/195, Surat daripada Court of Directors kepada Governor, 30 Sept. 1829, 683-92.
18. Ibid.
19. *Asiatic Journal*, Feb. 1828, 278.
20. *Singapore Chronicle*, 30 Ogos 1827. Editorial yang mengandungi notis penutupan The Prince of Wales Island terkandung dalam editorial *Singapore Chronicle* yang disiarkan semula oleh *Penang Register and Miscellany* pada 26 Sept. 1827 dengan komennya terhadap editorial itu.
21. *Penang Register and Miscellany*, 26 Sept. 1827, 2.
22. Ibid.
23. C. K. Byrd *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858*, (Singapore: Singapore National Library, 1972), 4

24. *The Penang Register and Miscellany*, 22 Ogos, 1827, 2.
25. Ibid.
26. Board's Collection, IOR F/4/1069 (29204), Surat John Anderson, Secretary to Government merangkap Penapis (*Censor*), kepada Balhetchet, 20 Sept. 1828.
27. Ibid.
28. Straits Settlements Records, IOR G/34/195, Surat Court of Directors, London kepada Governor and Council, (Singapore and Malacca: Prince of Wales Island), 30 September 1829 (para 24).
29. Board's Collection, IOR F/4/1069 (29204), Surat John Anderson, Secretary to Government kepada McIntyre, 27 Sept. 1828.
30. Straits Settlements Records, IOR G/34/125, Surat William Cox kepada John Anderson, Secretary to Government bertarikh 4 Nov. 1828.
31. Board's Collection, F/4/952 27007, 34-44, Extract Singapore Diary 20 Mac. 1827, Surat John Anderson, (Singapore: Secretary to Government kepada John Prince, Resident Councillor), 12 Mac. 1827.
32. Ibid.
33. Straits Settlements Records, NL23 A66, Surat John Pattulo, (Malacca: Secretary kepada Government kepada Samuel Garling Resident Councillor), 194-195.
34. Ibid.
35. Straits Settlements Records, NL22 A63, Malacca Council Meeting, 24 Okt. 1829, Surat John. Pattulo, Secretary to Government kepada Editor Malacca Observer, 19 Okt. 1829, 116-117.
36. Straits Settlements Records, NL22 A63, Minit Governor Fullerton bertarikh 22 Okt. 1829 yang dibentangkan dalam Malacca Council Meeting pada 3 Nov. 1829, 124-126.
37. Straits Settlements Records, NL22 A63, Minit Samuel Garling bertarikh 28 Okt. 1829 yang dibentangkan dalam Malacca Council Meeting pada 3 Nov. 1829, 127-138.
38. Ibid.
39. Ibid.
40. Ibid.
41. *Singapore Free Press*, 8 Okt. 1935 1(1), 2.
42. C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, (Singapore: Oxford University Press), 1972, 54.
43. Ibid. 55.
44. Straits Settlements, NL 20, A26: 33-34, Minit Fullerton bertarikh 4 Mei, 1829.
45. Board's Collection, 10R F/4/1069, Minit oleh Robert Fullerton, (Singapore and Malacca: Governor Prince of Wales Island), (Enclosure No. 1 in letter to the Supreme Government, 7 October 1828).
46. Ibid.
47. Straits Settlements Records, 10R G/34/195. Surat Board of Directors kepada Governor and Council Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, 30 Sept. 1829 (para 25).

BAB 6

Negeri-negeri Selat Di Bawah India 1830-1867

PRESIDENSI YANG DIWUJUDKAN DENGAN MENGGABUNGKAN Presidensi Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka dalam tahun 1826 dimansuhkan pada 30 Jun 1830. Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka diletak terus di bawah Presidensi Fort William, Bengal. Mulai 1 Julai 1830, jawatan gabenor dan presiden yang dipegang oleh Robert Fullerton dikenali sebagai residen atau Pesuruhjaya bagi Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka. Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, masing-masing diketuai oleh Penolong Residen. Bagaimanapun, nama jawatan itu beberapa tahun kemudian ditukar menjadi Gabenor dan Residen, tanpa kuasa yang dahulu.

Mulai dari tarikh ini kuasa terhadap akhbar terletak di Bengal. Ini bermakna keputusan terakhir perlu diperoleh dari Bengal. Apabila akhbar kerajaan *Government Gazette of Prince of Wales Island, Singapore, and Malacca* ditutup selepas tiga tahun beroperasi, William Cox, pada 6 Julai 1830 memohon untuk membeli sebahagian alat percetakan untuk menerbitkan sebuah akhbar baru yang dikenali sebagai *Commercial Advertiser*.¹ Robert Fullerton yang turun pangkat berikutan perubahan taraf Presidensi Timur dan menandatangani surat sebagai Ketua Pesuruhjaya bagi Hal-Ehwal Singapura, Prince of Wales Island, dan Melaka. Dalam surat jawapannya kepada Robert Ibbetson, Residen Pulau Pinang, bertarikh 15 Julai 1830, Fullerton memberitahu bahawa kuasa kelulusan demikian kini terletak di Bengal.² Mengenai permohonan Cox untuk membeli

alat-alat cetak itu, Fullerton berkata Cox boleh diberi peluang pertama membuat tawaran yang bergantung kepada syarat-syarat akhir dan persetujuan Kerajaan Agung. Tetapi yang jelas ialah ia mesti dijual keseluruhannya, atau dalam bahagian yang boleh menentukan penjualan keseluruhan, dan bukan secara satu-satu dan dengan pilihan individu.³ Tidak dapat dipastikan sama ada Cox meneruskan pembelian alat-alat cetak itu, kerana pada 24 Julai 1830, beliau diambil bekerja sebagai Timbalan Syerif di Prince of Wales Island.⁴ Tetapi ini sepatutnya tidak menghalangnya untuk menerbitkan akhbar, kerana mengikut amalan lalu kakitangan kerajaan peringkat rendah boleh berbuat demikian.

Pada 20 Julai 1833, William Cox muncul sekali lagi sebagai pencetak dan penerbit *Prince of Wales Island Gazette* siri baru. Jadi rancangan Cox untuk menerbitkan akhbar perdagangan *The Commercial Advertiser* tidak menjadi kenyataan. Walaupun akhbar *Prince of Wales Island Gazette* mempunyai nama yang sama dengan akhbar pertama di Pulau Pinang, terbitan Bone dan diusahakan juga oleh Cox sehingga ia diberhentikan dalam tahun 1827, ia merupakan satu usaha baru menggunakan nama lama.⁵ Sama ada Cox menggunakan alat lama atau baru tidak dapat dipastikan.⁶ Tetapi yang pasti inilah akhbar pertama yang ditubuhkan ketika Pulau Pinang, Singapura dan Melaka terletak terus di bawah Presidensi Bengal, dan akhbar pada ketika itu tertakluk kepada Peraturan Akhbar di sana.⁷

Ketika Negeri-negeri Selat terletak di bawah Bengal, dua undang-undang yang diluluskan di India dilanjutkan penggunaannya di Negeri-negeri Selat. Undang-undang itu ialah Akta India No. XI 1835 dan Akta India No. XV 1857.

Akta India No. XI 1835

Dalam tahun 1833 India mempunyai undang-undang baru yang memberi kuasa kepada Gabenor Jeneral India untuk membuat undang-undang yang berkuat kuasa ke atas semua presidensi dan wilayah takluknya. Sebelum ini tiap-tiap presidensi di benua India mempunyai kuasa autonomi. Satu daripada undang-undang pertama yang dibuat ialah undang-undang baru mengenai akhbar. Undang-undang ini dikenali sebagai Akta India No. XI 1835 atau Ordinan Akhbar 1835. Berikutan dengan pelaksanaan undang-undang baru itu, empat buah undang-undang yang berkuat kuasa di Bengal dan Bombay dimansuhkan.

Jemaah Pengarah marah atas tindakan Gabenor Jeneral India menggubal Ordinan Akhbar itu yang mereka anggap sebagai tentangan kepada semua arahan yang dikeluarkan oleh Jemaah Pengarah sebelumnya.⁸

Ciri utama Ordinan Akhbar 1835 ini ialah kemestian mendapat lesen untuk percetakan dan penerbitan dihapuskan. Ia digantikan dengan beberapa peruntukan tanggungjawab secara undang-undang. Inilah yang tidak dipersetujui oleh Jemaah Pengarah yang mahu sistem pelesenan diteruskan di samping peraturan baru, kerana kepada mereka sistem pelesenan mempunyai kuasa simpanan.⁹

Selain itu pihak Jemaah Pengarah marah kerana langkah yang diambil oleh Gabenor Jeneral tidak merujuk terlebih dahulu kepada pihak Jemaah Pengarah sebelum melaksanakannya. Tetapi surat yang menyatakan kemarahan itu datang beberapa bulan selepas undang-undang itu dikuatkuasakan. Pihak Jemaah Pengarah mengatakan ia terpaksa menanggung keputusan akhir sehingga tiba Lord Auckland, Gabenor Jeneral India yang baru mengambil alih jawatan itu.¹⁰

Walaupun mendapat tentangan daripada Jemaah Pengarah SHT di London, undang-undang itu tidak dimansuhkan. Penguatkuasaan undang-undang ini bermula pada 15 September 1835 selepas ia dilembagakan pada 3 Ogos 1835, dan surat yang dikirim oleh Jemaah Pengarah bertarikh 1 Februari 1836 hanya tiba di Bengal beberapa bulan kemudian.

Oleh kerana Negeri-negeri Selat kini terletak terus di bawah præsidensi Bengal, undang-undang itu terus dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat. Undang-undang yang dikenali sebagai Ordinan Akhbar 1835 itu buat pertama kalinya menyeragamkan undang-undang mengenai akhbar di seluruh tanah jajahan Inggeris di India dan Negeri-Negeri Selat. Bagi Negeri-negeri Selat pula, inilah pertama kali undang-undang mengenai akhbar diumumkan kepada orang ramai.

Undang-undang baru ini dimaklumkan kepada umum di Negeri-negeri Selat melalui perisytiharan bertarikh 25 September 1835 yang ditandatangani oleh Residen Kaunsilor Singapura, Samuel George Bonham. Perisytiharan ini disiarkan dalam *Singapore Chronicle* pada 26 September 1835. Ia diulang sekali lagi pada 10 Oktober 1835.¹¹ Bagaimanapun, akhbar itu tidak menyiarkan sebarang komen mengenai Ordinan baru itu.

Antara lainnya undang-undang itu, yang merupakan undang-undang pasif yang hanya menghendaki pendaftaran, memerlukan selepas 15 September 1835, semua penerbitan berkala bercetak yang mengandungi berita awam atau komen terhadap berita awam hanya boleh diterbitkan dalam wilayah SHT selaras dengan

undang-undang yang ditetapkan. Pencetak dan penerbit setiap penerbitan itu hendaklah hadir di hadapan majistret di kawasan penerbitan itu diterbitkan dan mengangkat sumpah sebagaimana yang ditetapkan.

Di bawah Akta ini ada tiga perisytiharan dalam borang khas yang perlu dibuat oleh pencetak dan penerbit. Pertama, pencetak atau penerbit, atau pencetak, dan penerbit sesuatu karya berkala dikehendaki membuat perisytiharan menyatakan tempat cetakan dan penerbitan karya berkenaan; kedua, jika pencetak dan penerbit itu tidak lagi mencetak atau menerbit karya berkenaan mereka juga dikehendaki membuat perisytiharan demikian; dan yang ketiga ialah pemilik percetakan dikehendaki mengisytiharkan pemilikannya dalam satu borang berasingan.

Seseorang pencetak atau penerbit dianggap melakukan kesalahan jika ia tidak membuat pengakuan. Undang-undang ini mengikut bentuk "A Rule, Ordinance, and Regulation for the preventing of mischief arising from the printing and publishing Newspapers, and periodicals and other Books and Papers by persons unknown" yang diluluskan di Bombay pada tahun 1825. Akhbar yang pertama terbit selepas Akta ini berkuat kuasa ialah *Singapore Free Press* pada 8 Oktober 1835. Tidak dapat dipastikan sama ada nama itu memberi sebarang makna kerana ia diterbitkan di bawah keadaan tanpa pelesenan atau penapisan akhbar.

Akta India No. XV 1857

Berikutan berlakunya peristiwa Dahagi India, kerajaan India telah memperkenalkan sebuah Akta baru, iaitu Akta India No. XV 1857 pada 13 Jun 1857.¹² Akta ini dipanggil Akta Sumbat Mulut kerana ia memerlukan mesin cetak dan penerbitan akhbar dilesen. Ciri-ciri penting Akta India No. XV 1857 ialah:

- Mesin cetak tidak boleh disimpan atau digunakan tanpa mendapat lesen daripada kerajaan.
- Kerajaan mempunyai kuasa untuk menggeledah dan merampas mesin cetak yang tidak berlesen.
- Permohonan untuk mendapatkan lesen dibuat kepada majistret di kawasan berkenaan.
- Kerajaan boleh memberikan lesen tertakluk kepada syarat-syarat dan boleh membatalkannya.
- Kesalahan kerana menggunakan mesin cetak bertentangan dengan syarat atau selepas dibatalkan.

- Buku dan sebagainya mesti mempunyai nama pencetak dan penerbit dicetak di atasnya, dan salinannya dikemukakan kepada majistret.
- Kerajaan boleh mengharamkan pengedaran buku-buku atau akhbar tertentu.
- Akta ini, buat pertama kalinya undang-undang yang berkaitan dengan akhbar, mempunyai interpretasi. Interpretasi yang diberi ialah perkataan "printing" dan "magistrate": Walaupun interpretasi yang diberi ringkas tetapi peruntukan ini diikuti kemudiannya dalam undang-undang yang digubal di Negeri-negeri Selat dan seterusnya.
- Akta itu bukan bertujuan untuk mengecualikan kepatuhan dengan Akta XI 1835.¹³

Manakala syarat-syarat pemberian lesen Akta India No. XV 1857 adalah seperti berikut:

- Sebarang buku, pamflet, akhbar, atau apa-apa karya yang dicetak di percetakan berkenaan tidak boleh mengandungi sebarang pengamatan atau kenyataan yang mempersoalkan motif atau corak kerajaan British sama ada di England atau di India, atau dengan sebarang cara untuk membawa kerajaan-kerajaan itu dibenci atau dihina, membangkitkan ketidakpuasan, atau perbantahan secara haram terhadap pemerintahnya, atau untuk melemahkan autoriti sahnyanya, atau kepada autoriti sah kakitangan awam dan tentera.
- Sebarang buku, pamflet, akhbar, atau sebarang karya tidak boleh mengandungi pengamatan atau kenyataan yang berkecenderungan untuk membangkitkan kegemparan atau kesangsian di kalangan penduduk peribumi mengenai sebarang rancangan gangguan kerajaan dengan pendapat keagamaan dan pengamatan mereka.
- Buku, pamflet, akhbar, dan sebarang karya demikian tidak boleh mengandungi pengamatan yang berkecenderungan untuk membangkitkan kegemparan terhadap kerajaan British dengan putera-putera raja, ketua-ketua atau negeri yang bergantung atau bekerja sama dengannya.¹⁴

Bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang ini hanya selama satu tahun sahaja. Berikutan pelaksanaan Akta ini, polis diperlukan membuat penyiasatan terhadap pemohon lesen dan memberi pengakuan sama ada permohonan itu layak diberi lesen atau sebaliknya.¹⁵

terhadap pemohon lesen dan memberi pengakuan sama ada permohonan itu layak diberi lesen atau sebaliknya.¹⁵

Apabila Akta ini dilanjutkan ke Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, arahan yang sama juga diberikan kepada polis.¹⁶ Undang-undang ini bertujuan menyekat kebebasan akhbar di India untuk selama setahun mulai 13 Jun 1857. Kesan undang-undang itu ialah ia meletakkan akhbar India pada tahun itu sama seperti kedudukan akhbar sebelum Akta India No. XI 1835 yang diluluskan dalam tahun 1835, iaitu dikenakan mengambil lesen.¹⁷ Undang-undang tahun 1835 memberi sepenuh kebebasan kepada akhbar. Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap tiga buah akhbar “peribumi Islam” di Calcutta dan dihadapkan ke Mahkamah Agung kerana Kefitnahan Hasutan.¹⁸ Tiga buah akhbar tersebut ialah *Doorbeen*, *Sultan Ul Akbar*, dan *Sumanchar Soodaburshan*.¹⁹

Kerajaan juga telah membatalkan lesen pemilik sebuah mesin cetak litografi di Calcutta, dan mengarahkan dirampas semua peralatan percetakan yang dimilikinya.²⁰ Tindakan ini diambil kerana mesin cetak itu telah digunakan untuk menerbit akhbar Parsi, di mana dua buah artikel keluar dalam akhbar berkenaan pada 21 Jun 1857 yang cukup menghasut dan bertujuan membangkitkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan dan menggalakkan perbantahan kepada autoriti.²¹ Bantahan sudah pasti datang daripada pihak akhbar.

Bagi menguatkuasakan dan melaksanakan Akta tersebut, kerajaan India menghantar kepada kerajaan Negeri-negeri Selat bahan-bahan seperti, resolusi Gabenor Jeneral-dalam-Majlis yang bertarikh 18 Jun 1857, borang permohonan, borang perisytiharan, borang lesen, dan arahan kepada Pesuruhjaya Polis bagi Bandar Calcutta, dengan arahan langkah-langkah yang sama diambil untuk melaksanakan peruntukan Akta itu di Negeri-negeri Selat.²²

Satu resolusi dibuat tentang pelaksanaan Akta No. XV 1857 pada 18 Jun 1857 oleh Gabenor Jeneral-dalam-Majlis. Antara isi pentingnya ialah permohonan lesen untuk menyimpan atau menggunakan sebarang mesin cetak atau taip atau lain-lain bahan dan artikel untuk cetakan di dalam Bandar Calcutta hendaklah dibuat kepada Pesuruhjaya Polis. Pesuruhjaya Polis kemudiannya akan mengemukakan permohonan itu untuk dikeluarkan lesen.

Pesuruhjaya Polis juga diminta menentukan kepatuhan akta itu oleh para pencetak. Walaupun segala persediaan telah diadakan, Akta itu tidak dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat.²³ Ini mungkin kerana keperluan itu

Kuasa Akhbar

Antara tahun 1830-1867, Negeri-negeri Selat terletak di bawah pemerintahan di India. Tidak ada ruang bagi rakyat menyatakan hasrat mereka, misalnya melalui Majlis Perundangan atau Parlimen. Ketiadaan ruang ini merenggangkan hubungan antara pemerintah dan rakyat, terutama sekali pemerintahan sebenar berada jauh di India. Ruang ini diisi oleh akhbar. Akhbar telah menjadi penyampai hasrat rakyat hingga menyebabkan perubahan dasar dan pelaksanaannya. Ada dua peristiwa yang digunakan untuk menyokong pendapat ini, pertama ialah kejadian rusuhan berikutan pelaksanaan undang-undang polis, dan gerakan menarik keluar Negeri-negeri Selat daripada pemerintahan di India.

Rusuhan dan kekacauan telah berlaku di Singapura dan Pulau Pinang dalam tahun 1857 berkaitan dengan penguatkuasaan dua undang-undang, iaitu Akta Polis (Akta XIII 1856) dan *Conservancy Act* (Akta XIV 1856).²⁵ Kedua-dua undang-undang ini diluluskan oleh Majlis Perundangan India pada 13 Jun 1856 dan dikuatkuasakan di Calcutta, Madras, Bombay, dan Negeri-negeri Selat. Ia sepatutnya berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat pada 1 November 1856 tetapi kerana masalah pentadbiran ia hanya berkuat kuasa pada 1 Januari 1857.²⁶ Walaupun masyarakat pedagang di Singapura dan Melaka tidak mempunyai kuasa politik, kritikan mereka disampaikan melalui tiga buah akhbar mingguan bahasa Inggeris yang ketika itu dikendalikan oleh para editor yang lantang dalam komen mereka mengenai hal-ehwal rasmi.²⁷ Pada ketika itu *Singapore Free Press*, yang ditubuhkan dalam tahun 1835 dan diedit sejak tahun 1846 oleh Abraham Logan; *Penang Gazette*, yang ditubuhkan pada tahun 1838, dan diedit oleh James Richardson Logan; dan *The Straits Times*, yang ditubuhkan dalam tahun 1845 dan diedit oleh Robert Carr Woods. Ketiga-tiga mereka adalah ejen undang-undang dan mempunyai keistimewaan apabila berhujah.²⁸ Kejadian rusuhan dalam tahun 1857 dan ketidaksetujuan rakyat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah itu telah menimbulkan kebencian di Negeri-negeri Selat, dan akhbar memainkan peranan utama melancarkan kempen kritikan ini.²⁹

The Penang Gazette pernah mengatakan bahawa akhbar adalah hak yang terutama, jika tidak satu-satunya hak rakyat yang tidak ada institusi perwakilan.³⁰ Pada ketika para editor akhbar tempatan memantapkan diri mereka sebagai benteng kebebasan popular di Negeri-negeri Selat, undang-undang sumbat mulut iaitu Akta India No. XV 1857 dilanjutkan kekuasaannya ke Negeri-negeri Selat. Undang-undang ini mengehadkan apa yang boleh ditulis. Tujuan sekatan itu ialah untuk menghalang penerbitan yang berunsur hasutan seperti

mengkritik kerajaan, mengapikan pendapat awam, dan menggalakkan timbulnya pemberontakan. Undang-undang ini tidak berguna di Negeri-negeri Selat kerana tidak ada simpati di kalangan penduduknya terhadap dahagi di India itu sekalipun di kalangan penduduk India. Pihak akhbar melancarkan bantahan yang melihat langkah itu sebagai serangan terhadap kebebasan mereka untuk mengkritik. Pada 28 Julai suatu perjumpaan awam telah diadakan di Singapura dan berikutan itu satu permohonan telah dibuat untuk memohon Parlimen British mengecualikan Negeri-negeri Selat dari operasi Akta itu.³¹

Catatan

1. Straits Settlements Records, NL49 I40, Surat William Cox kepada R. Ibbetson, Deputy Resident, Prince of Wales Island, 6 Julai 1830, 55.
2. Straits Settlements Records, NL49 I39, Surat Robert Fullerton, Chief Commissioner for Singapore, Prince of Wales Island and Malacca kepada R. Ibbetson, Deputy Resident, 15 Julai 1830, 48.
3. Ibid., 49.
4. Straits Settlements Records, NL49 I39: 91, Surat R.F. Wingrove, High Sheriff of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, kepada R. Ibbetson, Deputy Resident, 24 Julai 1830, 91.
5. C.K. Byrd, *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858* (Singapore: Singapore National Library, 1972), 7.
6. Ibid., 7.
7. Straits Settlements Records, NL49 I39: 48, Surat Robert Fullerton, Chief Commissioner for Singapore, Prince of Wales Island and Malacca kepada R. Ibbetson, Deputy Resident, 15 Julai 1830.
8. Parliamentary Branch C, Vol 43 1857-58 IOR, Surat Court of Directors EIC (Legislative Dept.) kepada Governor General of India in Council bertarikh 1 Feb. 1836.
9. Ibid.
10. Ibid.
11. *Singapore Chronicle and Commercial Register*, 26 Sept. 1835, 5(37), 10 Okt. 1835 5(3).
12. Parliamentary Papers 29(342), 1857, Session 2 IOR, Surat Government of India kepada Court of Directors, 4 Julai, 1857 (No. 62).
13. Act XV of 1857.
14. Straits Settlements Records, NL92 S25, Resolution
15. Straits Settlements Records, NL114 V23: 88-92, Circular General No 67 of 1857, Circular to Commissioner of Police at Penang, Singapore and Malacca from Officiating Secretary, I. F. A. McNair, 6 Julai 1857. Resolusi di bawah Indian Act No. XV of 1857 itu berbunyi:
Immediately on receiving an application, you will, after having it verified, forward it to this office together with such information as you may possess relative to the character of the applicants and the objects for which the Press is sought to be set up, and your opinion whether the license ought to be granted or not and if granted, whether on the ordinary conditions alone, or on further and special orders.
16. Straits settlements Records, NL114 V23 88-92, Circular General No 67 of 1857. (For Resolution, form of application, and Declaration see enclosures to a letter from the Government of India, dated 18 June 1857, no. 873. Surat Pekeliling Governor Straits Settlements Kepada Commissioners of Police di Singapore, Penang dan Malacca, 6 Julai 1857:
 - (a) I am directed by the Hon'ble the Governor with reference to the Act XV of 1857. and to the accompanying copy of a resolution of the Right Honorable the Governor General of India in Council, to appoint you to receive application for licenses under

the said Act and to forward a form of application to be made and Declaration to be used by persons requiring Licenses to keep a Printing Press.

- (b) Immediately on receiving an application, you will, after having it verified, forward it to this office together with such information as you may possess relative to the character of the applicants and the objects for which the Press is sought to be set up, and your opinion whether the license ought to be granted or not and if granted, whether on the ordinary conditions alone, or on further and special orders.
- (c) You will also be so good as to forward to this office all books and papers furnished to you under section VI of the Act.
- (d) It will be your duty strictly to inform the provisions of the Act on the expiry of the period mentioned in Section X.
- (e) I am directed to take this opportunity of desiring that you will take care that the provisions of Act No. XI of 1835, are fully carried out, and that after due warning all persons infringing them are prosecuted according to Law.
- (f) You will also furnish this Office as soon as possible, and hereafter on the 1st May in every year, with a correct List of all Newspapers and other periodicals (whether registered or not) now published in, showing the names of the Printer and Publisher, the place of printing and publication, and the date of declaration; and also a correct list of the Proprietors of the Presses.

Signed I F A McNair

Officiating Secretary

Singapore

6 July 1857.

With reference to the above Resolution, it is hereby intimated that the Commissioners of Police at the several stations in the Straits Settlements are hereby appointed to receive application for License under Act XV 1857.

By Order

I FA McNair

Officiating Secretary

Singapore 6 July 1857.

- 17. Parliamentary Papers, 29(342), 1857, Session 2 IOR, Surat Government of India kepada Court of Directors, 4 Julai (No. 62)1857, para 1.
- 18. Ibid., para 23.
- 19. Parliamentary Branch C, 43 1857-58 IOR, Extract public letter from India, 18 Jun 1857.
- 20. Parliamentary Papers, 29(342), 1857, Session 2 IOR, Surat Government of India kepada Court of Directors, 4 Julai (No. 62)1857, para 24.
- 21. Ibid., para 24.
- 22. Straits Settlements Records, NL92 S25:150, Surat C. Beadon, Secretary of the Government of India kepada E.A. Blundell, Governor of the Prince of Wales Island, Singapore and Malacca, 18 Jun 1857.

23. C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, (Singapore: Oxford University Press), 130.

24. C. M. Turnbull. Communal Disturbances in the Straits Settlements in 1857, *JMBRAS* 31(pt 1), 1958, 141 (nota 137). Sedutan editorial dalam *Penang Gazette* mengkritik undang-undang Indian Act of XV of 1857, 18 Julai 1857:

... the only presses and publications are European and here there is not and never has been any symptom of revolt. It was ridiculous to imagine that any reliable European paper would encourage sedition or wilful attacks on the British Government. In the Straits the officers of Government have no legal advisers. With an occasional exception they are little versed either in constitutional law or in ordinary legal distinctions. The editors of the local papers have generally been practioners at the Bar. Under those circumstances, it is not surprising that the press and the local authorities should frequently be at variance as to the right execution of Acts, and to take upon themselves powers and modes of actions not given by the law. The Gazette said it had often criticised excesses of authority, but that it did not oppose the lawful authority of Government but merely the abuse of power.

25. C.M. Turnbull, Communal Disturbances in the S.S. in 1857, *JMBRAS* 31(Part 1), 1958:99 (94-144)

26. C. M. Turnbull, nota 1, 95

27. Ibid. 138.

28. Ibid. nota 129 138.

29. Ibid., 140-141.

30. *Penang Gazette*, 18 Julai 1857 dipetik oleh Turnbull sebagai nota 135, 141.

This journal claimed to have constantly urged the need for constructive criticism: "Our aim has been to make the *Penang Gazette* a Government paper in the best sense, to support officials when they are carrying out their duty, to oppose them when they act against the public interest." *Penang Gazette*, 13 Jun 1857.

31. C. M. Turnbull, 141-142.

BAB 7

Rumusan

AKHBAR PERTAMA YANG DITUBUHKAN DI PULAU PINANG PADA tahun 1806 telah membuka jalan kepada pengenalan peraturan dan undang-undang terhadap akhbar. Amalan menghantar naskhah pruf kepada kerajaan untuk disemak sebelum dapat diterbitkan adalah sama seperti yang dilakukan di India pada ketika itu. Persamaan ini mungkin secara kebetulan saja tetapi tidak dapat dinafikan orang yang terlibat dalam membuat peraturan dan pengusaha akhbar mempunyai pengalaman bekerja di India, malah memberitahu kerajaan bagaimana peraturan itu dijalankan di India.

Pada peringkat awalnya para pengusaha akhbar juga bertanggungjawab dalam pembentukan peraturan terhadap akhbar. Lazimnya dalam permohonan mereka untuk menubuhkan akhbar, mereka mengemukakan peraturan-peraturan sendiri yang menunjukkan mereka bersedia untuk dikenakan peraturan asalkan mereka dapat menjalankan perusahaan mereka dan faedah kewangan yang diharapkan dari kerajaan yang berupa "naungan dan bantuan".

Peraturan-peraturan yang diperkenalkan di Pulau Pinang oleh beberapa orang gabenor sebelum Gabenor Fullerton, disebut oleh Fullerton sebagai tidak sah. Ini kerana kerajaannya tidak diberi kuasa untuk menggubal undang-undang terhadap akhbar. Beliau memohon sebanyak dua kali untuk diberi kuasa ini tetapi dinafikan oleh Jemaah Pengarah. Akhirnya apabila Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah kerajaan Bengal (dan kemudiannya kerajaan

India), undang-undang akhbar di sana dilanjutkan ke Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka, khususnya Akta India No. XI 1835 dan Akta India No. XV 1857. Walaupun menyedari peraturan yang ada tidak sah, tetapi di bawah Fullertonlah akhbar *The Prince of Wales Island Gazette* ditutup kerana terdapat kemungkinan sumber kewangan akan ditarik. Akhbar *The Malacca Gazette* terpaksa ditutup kerana bantuan kewangan ditarik balik dan pencetak dipaksa supaya jangan mencetak akhbar, dan akhbar *Penang Register and Miscellany* ditarik balik lesen penerbitannya.

Dilihat dari sudut kuasa, kerajaan Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka sehingga tahun 1830 adalah kerajaan berintegrasi. Ia berkuasa penuh ke atas akhbar. Ia juga mempunyai kuasa penuh terhadap penduduknya, yang dikuasai melalui lesen tempat tinggal. Di bawah pemerintahan India, khususnya dari tahun 1835, kedudukan akhbar adalah lebih bebas, kerana undang-undang tahun 1835 itu menghapuskan kawalan kerajaan terhadap apa yang ditulis. Ini berlaku sehingga Negeri-negeri Selat berpisah dengan India dan menjadi tanah jajahan berasingan yang terletak di bawah Pejabat Tanah Jajahan.

Dua keadaan wujud antara tahun 1806–1830; dan 1835–1867. Dalam tempoh pertama, kawalan akhbar cukup ketat hinggakan tiada kebebasan; dalam tempoh kedua kawalannya tidak begitu ketat dan kebebasan bersuara nampaknya wujud.

BAHAGIAN 3

Kuasa Melalui Undang-undang 1867-1941

Permulaan Undang-undang Percetakan Dan Penerbitan	117
Penerbitan Hasutan Dan Undang-undang Rahsia Rasmi	137
Bendungan Berita	149
Membendung Pengaruh Jepun	169
Undang-undang Membendung Pengaruh Jepun	181
Rumusan	193

BAB 8

Permulaan Undang-undang Percetakan Dan Penerbitan

BAHAGIAN INI BERTUJUAN MELIHAT BAGAIMANA SISTEM akhbar berkembang di bawah sistem pemerintahan Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat yang ditubuhkan pada 1 April 1867. Di bawah sistem pemerintahan ini penetapan dibuat melalui undang-undang mengasingkan kuasa antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Bagaimanapun, legislatif bukanlah mewakili suara rakyat terbanyak, kerana pada mulanya hampir semua ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, kecuali seorang saudagar Inggeris. Undang-undang juga menamatkan Gabenor sebagai seorang hakim. Bagaimanapun, Hakim Besar dilantik duduk di dalam majlis perundangan sebagai anggota *ex officio*. Di bawah sistem pemerintahan baru ini undang-undang berhubung dengan larangan terhadap penerbitan hasutan diperkenalkan dalam tahun 1915 dan pelesenan mesin cetak diwajibkan mulai tahun 1920 di Negeri-negeri Selat dan 1924 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan akhirnya permit penerbitan diwajibkan melalui pindaan undang-undang tahun 1939 di Negeri-negeri Selat.

Perubahan dasar terhadap akhbar dalam tempoh ini khususnya selepas tahun 1911-1941 adalah merupakan tindak balas kerajaan terhadap perkembangan politik dalam negeri akibat daripada perkembangan politik luar negeri. Ada empat kejadian yang berlaku dalam tempoh tersebut yang menyebabkan undang-undang yang berkaitan dengan akhbar diperkenalkan.

Pertama, Perang Dunia Pertama; kedua, pemberontakan atau Dahagi Supai di Singapura dalam tahun 1915; ketiga, gerakan Kuomintang; keempat, kegiatan Jerman dan Jepun untuk meningkatkan propagandanya di Singapura beberapa tahun sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua di Pasifik. Minat Jepun dan Jerman terhadap Singapura ialah, antaranya kerana ia mempunyai pangkalan tentera laut yang dianggap sebagai kubu British di Timur. Mulai tahun 1911 hingga tahun 30-an kerajaan terpaksa menghadapi masalah gerakan politik di kalangan masyarakat Cina, khususnya gerakan Kuomintang. Pelesenan mesin cetak tahun 1920 adalah usaha kerajaan untuk mengawal pergerakan ini. Mulai tahun 1935 dan hingga Perang Dunia Kedua, perhatian kerajaan tertumpu kepada gerakan Jepun untuk mempengaruhi penduduk tempatan, khususnya masyarakat Cina. Pengenalan undang-undang akhbar mewajibkan permit diambil untuk penerbitan akhbar dan majalah adalah tindakan terus kepada masalah itu, termasuk juga syarat bahasa akhbar yang hendak diterbitkan. Selain Jepun, kerajaan juga memberi perhatian kepada Jerman, dan langkah diambil supaya ia tidak diberi kemudahan atau peluang untuk meluaskan pengaruhnya di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu. Kegiatan politik orang Melayu masih belum menonjol, walaupun sudah ada tanda-tanda kemunculannya sekitar tahun 30-an. Dimensi imigran lebih ketara dalam tempoh ini. Undang-undang akhbar dan undang-undang hasutan merupakan dua daripada undang-undang yang digunakan untuk mengawal ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Oleh yang demikian, Bahagian 3 ini akan melihat perkembangan gerakan politik dalam negeri, yang merupakan pantulan perkembangan politik luar negeri, terutamanya di negara China. Perkembangan politik ini menyebabkan kerajaan meminda undang-undang untuk menangani masalah yang dihadapi.

Peluang-peluang ekonomi yang dibawa oleh Inggeris telah menyebabkan ramai penduduk asing terutama dari China dan India datang berhijrah menjadikan Negeri-negeri Selat dan juga negeri Melayu sebagai tempat mastautin mereka. Apabila berlaku pergolakan politik di China dan India, kerajaan Negeri-negeri Selat telah mengambil beberapa tindakan kawalan. Antaranya hal-hal yang berkaitan dengan akhbar.

Ciri utama dalam tempoh yang diliputi ialah pengawalan terhadap kemasukan pengaruh politik dari luar. Yang paling utama ialah pengaruh politik dari China, India, Eropah, dan Soviet Union. Pengaruh yang cuba dibendung ialah pengaruh yang boleh memecah-belahkan rakyat di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu seperti pergerakan Kuomintang, ataupun yang boleh mempengaruhi penduduk tempatan seperti perjuangan kebebasan untuk India, perluasan fahaman sosialis dan komunis.

Dalam tempoh 1867–1941 pemerintahan British merangkumi negeri-negeri Melayu, dan akhbar-akhbar berbahasa Melayu, Cina, dan Tamil mula wujud di samping akhbar-akhbar Inggeris.

Latar Belakang Sejarah

Mulai 1 April 1867, Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dijadikan sebuah tanah jajahan yang dikenali sebagai Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat dan diletakkan terus di bawah kerajaan British melalui Pejabat Tanah Jajahan di London. Negeri-negeri Selat diketuai oleh seorang Gabenor dan pusat pemerintahannya ialah di Singapura. Mulai dari tarikh itu pemerintahan British ke atas ketiga-tiga Negeri Selat itu adalah lebih tersusun dari segi pentadbiran. Ia mempunyai autoriti untuk membuat atau meminda undang-undang. Pengasingan Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka dari India melibatkan pengambilalihan oleh ketiga-tiga Negeri Selat itu oleh kerajaan British atas arahan Raja Inggeris.¹ Kolonel Harry St. George Ord dilantik sebagai Gabenor pertama bagi Negeri-negeri Selat, manakala R. A. Anson menjadi Leftenan Gabenor di Pulau Pinang, dan W. W. Cairns, menjadi Leftenan Gabenor di Melaka. Seramai sembilan orang dilantik menjadi anggota majlis eksekutif, dengan Gabenor sebagai presiden Majlis tersebut. Ia juga mempunyai sebuah Majlis Perundangan, pada mulanya mengandungi 10 orang dan kemudiannya ditambah empat orang lagi. Gabenor juga menjadi presiden Majlis Perundangan ini.

Pembentukan Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat juga mengasingkan tugas eksekutif dengan kehakiman. Di bawah Akta Tugas Kehakiman 1867 (*Judicial Duties Act of 1867*), bertarikh 1 April 1867 (iaitu Akta No. 3 1867) Gabenor tidak lagi menjadi hakim seperti sebelum itu. Di bawah peraturan baru ini, seorang Hakim Besar Negeri-negeri Selat diwujudkan di Singapura yang sebelum ini dikenali sebagai Recorder Singapura, manakala di Pulau Pinang pegawai kehakiman yang sebelum itu dikenali sebagai Recorder Pulau Pinang menjadi Hakim Pulau Pinang. Dalam bulan November 1867 Mahkamah Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka, yang ditubuhkan di bawah Royal Letters Patent dihapuskan dan Royal Letters Patent itu berakhir operasinya di Tanah Jajahan itu dengan berkuat kuasanya akta yang melembagakan sebuah Mahkamah Agung melalui Akta No. XXX 1867 bertarikh 9 November 1867. Akta ini menubuhkan sebuah Mahkamah Agung bagi Negeri-negeri Selat. Ia mengandungi dua orang hakim, iaitu seorang Ketua Hakim yang tinggal di Singapura, dan seorang hakim di Pulau Pinang. Ketua Hakim juga menjalankan

penghakiman di Melaka. Pada tahun 1868, Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat meluluskan Ordinan No. V 1868 yang melembagakan sebuah Mahkamah Agung.² Ordinan ini menggantikan Akta XXX 1867.

Selain itu, hubungan dengan India dalam bidang kewangan dan kerakyatan juga diputuskan. Mulai 1 April 1867 juga dolar perak dan tembaga diisytiharkan sebagai wang yang sah di Negeri-negeri Selat melalui Akta No. IV 1867 bertarikh 1 April 1867 menggantikan mata wang India iaitu "rupee", "anna", dan "pice" yang ketika itu digunakan di Negeri-negeri Selat yang diisytiharkan sebagai tidak lagi menjadi mata wang yang sah. Daripada tarikh itu hanya dolar yang dikeluarkan oleh Mint Diraja di Hong Kong, atau dolar perak Sepanyol, Mexico, Peru, Bolivia, dan sebarang dolar perak yang mempunyai nilai intrinsik yang sama boleh menjadi mata wang yang sah. Perpisahan itu juga mengakibatkan *Act of Legislative Council of India for the Naturalization of Aliens, No. 30 of 1852* dimansuhkan. Permohonan untuk menjadi rakyat Negeri-negeri Selat mesti mengangkat sumpah kesetiaan kepada Ratu Victoria, raja Inggeris yang memerintah pada waktu itu.

Satu permulaan ke arah pilihan raya dimulakan dalam tempoh ini. Pada 28 Oktober 1867, Pesuruhjaya Munisipal telah menerbitkan satu senarai orang yang berkelayakan untuk dipilih dan berkelayakan untuk mengundi untuk memilih Pesuruhjaya Munisipal di Singapura dalam bulan Disember 1867. Ini adalah selaras dengan seksyen VIII Akta XXVII 1856. Senarai ini mengandungi nama orang yang bayaran cukai tahunan di bawah Akta tersebut berjumlah 40 rupee dan lebih, yang melayakkan mereka untuk menjadi calon dan untuk mengundi. Satu senarai lagi mengandungi orang yang bayaran tahunannya berjumlah 25 rupee dan ke atas, yang melayakkan mereka untuk mengundi dalam pilihan raya Pesuruhjaya Munisipal di Singapura. Walaupun permulaan ini terhad kepada mereka yang berada, khususnya yang membayar cukai, tetapi ia adalah satu permulaan ke arah pemerintahan secara demokrasi, yang hanya diperoleh 90 tahun kemudian.

Tidak lama selepas mengukuhkan tapaknya di Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat. Britain mula meluaskan kuasanya ke negeri-negeri Melayu. Secara berperingkat-peringkat, semua Sultan Melayu menerima penasihat Inggeris. Penguasaan British bermula di Perak dan Selangor dalam tahun 1874, di Negeri Sembilan pada 1874–1887, dan di Pahang dalam tahun 1888. Setiap negeri ini ditadbir oleh seorang residen. Kemudian dalam tahun 1895, British telah menggabungkan keempat-empat negeri ini dalam satu gabungan yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay States* [FMS]). Keempat-empat Residen British diletakkan di bawah seorang Residen

Jeneral yang bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi yang juga menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat. Sistem pemerintahannya dimodel mengikut Negeri-negeri Selat, iaitu ia mempunyai sebuah majlis eksekutif yang menjalankan fungsi kementerian dan Majlis Perundangan yang menjalankan fungsi perundangan.

Raja-raja Melayu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang menjadi ahli Majlis Perundangan. FMS ada meluluskan undang-undang yang seragam, yang berkuat kuasa ke atas keempat-empat negeri terbabit. Negeri-negeri berkenaan ada juga meluluskan undang-undang sendiri. Lima buah negeri lain, iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, dan Johor terletak di luar gabungan itu, mendapat naungan British mulai tahun 1909. Johor menerima seorang Penasihat British hanya dalam tahun 1914, walaupun ia terdedah kepada pengaruh British dengan pembukaan Singapura.

Kuasa terhadap empat buah negeri di utara, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu hanya bermula selepas Persetiaan Inggeris-Siam dalam tahun 1909. Kelantan dan Terengganu menerima seorang Penasihat British dalam tahun 1910, Kedah dalam tahun 1923, dan Perlis dalam tahun 1930. Walaupun kelima-lima negeri ini tidak digabungkan di bawah FMS, undang-undang yang diperkenalkan di FMS ada juga diperkenalkan di lima negeri ini secara berasingan. Apabila Inggeris terlibat dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu, Gabenor Negeri-negeri Selat adalah juga pemerintah tertingginya. Penaklukan Jepun telah menggugat buat sementara waktu penjajahan British. Secara rasminya Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat dan FMS hidup sehingga ia dibubarkan pada 1 April 1946 apabila Singapura diasingkan menjadi sebuah Tanah Jajahan Mahkota tersendiri, manakala Pulau Pinang dan Melaka dicantumkan dengan negeri-negeri Melayu yang lain menjadi Malayan Union.

Penyelarasan juga dibuat terhadap penamaan undang-undang di Negeri-negeri Selat. Berdasarkan satu Ordinan yang diluluskan pada 28 Mei 1868, yang meminda Akta XIV 1867, enakmen Perundangan yang diluluskan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat atas nasihat dan persetujuan Majlis Perundangan diberi nama Ordinan bagi menggantikan Akta yang digunakan sebelum itu, bertujuan untuk membezakan kerana Akta diluluskan oleh Parlimen England. Apabila undang-undang diluluskan di FMS kemudiannya, ia dikenali sebagai Enakmen.

Penamaan ini hanya membezakan di mana undang-undang itu diluluskan, kerana undang-undang di England dan di India dikenali sebagai Akta undang-undang di Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Ordinan dan di FMS serta negeri-negeri Melayu yang lain dikenali sebagai Enakmen. Penelitian terhadap

undang-undang akhbar dan hasutan yang dilakukan di Negeri-negeri Selat dan FMS menunjukkan tidak ada perbezaan dari segi kuasanya.

Pembukaan Pulau Pinang dan Singapura telah menarik ramai imigran dari China dan India. Imigran dari China dan India datang berduyun-duyun selepas pembukaan Tanah Melayu oleh British, walaupun sebelum kedatangan British sudah ada imigran China, khususnya, yang meneroka di negeri-negeri Melayu kerana melombong bijih timah dan berniaga. Mereka telah membentuk kehidupan sendiri dari segi ekonomi dan sosial, dengan kumpulan masing-masing. Di kalangan masyarakat imigran inilah British terpaksa memberi perhatian dan mengambil tindakan keras kemudiannya. Pentingnya masyarakat Cina kepada British dapat dilihat dengan penubuhan bahagian khas Cina dalam pentadbirannya di Negeri-negeri Selat dan juga di FMS. Perhatian imigran Cina pada waktu itu ialah perkembangan politik di China. Ada di antara imigran ini yang memihak kepada kerajaan China dan ada yang tidak. Pemberontakan Wuchang di China pada 10 Oktober 1911 dan penurunan takhta oleh Pu Yi, Maharaja Ch'ing yang terakhir pada bulan Februari 1912 menyebabkan kumpulan pro-Ch'ing dan kumpulan penentangannya T'ung Meng Hui di Negeri-negeri Selat dan Malaya telah menggiatkan gerakan politik di kalangan masyarakat Cina hingga menyebabkan meletusnya rusuhan dan pertumpahan darah di Kuala Lumpur.³

Dasar British terhadap imigran Cina mula berubah dari saat ini. Bagaimanapun, sebelum dibincangkan tentang perkara ini dengan lebih lanjut lagi, elok rasanya dibincangkan terlebih dahulu tentang undang-undang percetakan dan penerbitan.

Tempoh antara tahun 1806–1867 ialah tempoh pertumbuhan dan perkembangan akhbar berbahasa Inggeris di Negeri-negeri Selat. Tempoh antara tahun 1867–1941 melihat pula pertumbuhan dan perkembangan akhbar Melayu, Cina, dan Tamil di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu. Singapura menjadi tempat bermulanya penerbitan akhbar Melayu seperti *Jawi Peranakan* dalam tahun 1876, yang diikuti kemudiannya oleh beberapa buah akhbar lain seperti *Nujum Alfajar*, dan *Sekolah Melayu*. Akhbar Tamil yang pertama lahir sekitar kelahiran *Jawi Peranakan*.

Dengan terbitnya *Lat Pau* di Singapura dalam tahun 1881 bermulalah perkembangan persuratkhabaran dalam bahasa Cina. Tempoh antara tahun 1867–1941 merupakan era akhbar Cina, khususnya selepas tahun 1911. Ini kerana perkembangan politik di dalam dan luar negara, telah menjadikan akhbar Cina banyak terlibat. Perkembangan ini menjadi sebab utama beberapa peruntukan diwujudkan dalam undang-undang akhbar.

Permulaan Undang-undang Percetakan dan Penerbitan

Undang-undang Percetakan pada mulanya wujud di Petempatan Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka bermula dengan Akta India No. XI 1835. Terbitan berkala yang dicetak adalah tertakluk kepada akta tersebut. Tujuan utama undang-undang itu ialah untuk mendaftar pencetak dan penerbit. Di bawah akta itu pencetak dan penerbit terbitan berkala demikian mestilah hadir di hadapan seorang majistret di Petempatan di mana terbitan berkala itu hendak diterbitkan dan hendaklah membuat perisytiharan sama ada mereka itu pencetak atau penerbit atau pencetak dan penerbit terbitan berkala berkenaan. Kegagalan berbuat demikian boleh didenda dua ribu lima ratus dolar atau di penjara tidak lebih dua tahun.⁴ Perisytiharan yang serupa dibuat apabila berlaku sebarang perubahan tempat percetakan atau penerbitan. Nama pencetak dan penerbit serta alamat pencetak dan penerbit diwajibkan dimasukkan dalam buku atau penerbitan berkenaan. Manakala orang yang memiliki mesin cetak perlu membuat perisytiharan jika tidak ia dianggap telah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda dua ribu lima ratus dolar dan dipenjarakan tidak lebih dua tahun.⁵ Undang-undang ini terus digunakan apabila ketiga-tiga Negeri Selat itu dipisahkan dari India dan menjadi Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat dalam tahun 1867.

Ordinan Pendaftaran 1886

Dalam tahun 1886, Ordinan Pendaftaran Buku 1886 (atau Ordinan XV 1886) telah diperundangan di Negeri-negeri Selat. Ordinan itu bertujuan memulihara salinan buku yang dicetak di Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat dan untuk mendaftarkan buku-buku berkenaan.⁶ Undang-undang ini digubal selepas lulusnya undang-undang di Parlimen British mengenai Hak Cipta Antarabangsa dan Tanah Jajahan yang dikenali sebagai Akta Hak Cipta Antarabangsa 1886 pada 25 Jun 1886, dan dimaklumkan di Negeri-negeri Selat pada 22 Oktober 1886.⁷

Ordinan XV 1886 melaksanakan Akta Hak Cipta Antarabangsa yang merupakan undang-undang British yang merangkumi Konvensyen Berne mengenai hak cipta.⁸ Ordinan ini mentakrifkan buku meliputi juga surat khabar. Undang-undang ini memperuntukkan tiga naskhah daripada setiap buku hendaklah dikemukakan kepada kerajaan, satu naskhah dihantar kepada Pemegang Amanah Perpustakaan Muzium British, sebuah lagi untuk disimpan di sebuah perpustakaan awam di Tanah Jajahan dan yang ketiga diberi

kepada sesiapa atas arahan Gabenor.⁹ Ini adalah undang-undang pertama yang digubal di Negeri-negeri Selat iaitu 52 tahun selepas Akta India No. XI 1835 dikuatkuasakan di tiga Negeri Selat itu. Dalam undang-undang ini usaha memberi takrif dimulakan, iaitu dengan mentakrifkan “buku” dan “dicetak”.

“Buku” termasuk setiap jilid, sebahagian atau bahagian daripada jilid, risalah, akhbar, nota muzik, peta, carta, atau pelan yang diterbitkan secara berasingan; tetapi tidak termasuk senarai harga, laporan tahunan, pekeliling perdagangan, iklan perdagangan atau dokumen-dokumen lain undang-undang atau perniagaan.

“Dicetak” sebagaimana yang digunakan kepada buku bermaksud diterbitkan dengan percetakan litografi atau proses yang sama dan “pencetak” mempunyai makna yang bersangkutan.¹⁰

Undang-undang ini juga memperuntukkan supaya diadakan sebuah Daftar Memoranda Buku, yang dipanggil *A Catalogue of Books printed in the Straits Settlements* untuk mendaftarkan buku yang meliputi tajuk, bahasa buku itu ditulis, subjeknya, tempat cetakan dan tempat penerbitan, nama pencetak dan penerbit, tarikh diterbitkan, jumlah halaman, saiznya, jumlah edisi, jumlah naskhah, harga buku, dan nama serta alamat pemilik hak cipta.

Denda sebanyak dua puluh lima dolar dikenakan jika pencetak atau penerbit gagal menyerahkan tiga naskhah buku yang diterbitkan seperti yang terkandung dalam ordinan itu. Ordinannya itu tidak meliputi buku yang dicetak oleh Pencetak Kerajaan atau yang dicetak bagi pihak kerajaan. Ordinannya itu mulai berkuat kuasa pada 1 Januari 1887.

Ordinannya ini kemudiannya digabungkan dengan Akta India No. XI 1835 dan menjadi sebuah ordinan baru yang dipanggil Ordinannya No. 2 (Pencetak dan Penerbit).¹¹ Dalam ordinannya yang digabungkan itu perkataan “terbitan berkala” dalam akta asal telah dipecahkan dan ditakrifkan sebagai “akhbar” dan “buku”.¹² Ia boleh dianggap membawa satu perubahan penting kerana ia cuba menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan “akhbar”, sebagai tambahan kepada Ordinannya XV 1886 yang sudah pun mentakrifkan “buku” dan “dicetak”.¹³ Akta India No. XV 1857 memulakan langkah mentakrif ini apabila ia mentakrif “percetakan” sebagai termasuk litografi, dan “majistret” sebagai termasuk juga seorang yang menjalankan kuasa seorang majistret, dan juga seorang jaksa pendamai.¹⁴

Berikutan dengan takrif baru perkataan “terbitan berkala” yang digunakan dalam undang-undang asal telah digugurkan dan digantikan dengan “akhbar”, di mana yang sesuai. Misalnya dalam akta asal Seksyen 2(1) ayat yang berbunyi

“No printed periodical work whatever . . .” digantikan dengan “No newspaper or book shall . . .” dalam Seksyen 3 ordinan baru. Penerbitan buku tidak memerlukan pencetak atau penerbitnya membuat perisytiharan. Yang perlu membuat perisytiharan ialah penerbit atau pencetak akhbar. Oleh yang demikian borang perisytiharan dalam naskhah asal di mana terbitan berkala digunakan hanya digantikan dengan surat khabar.¹⁵

Seperkara lagi yang berbeza ialah, dalam Akta India No. XI 1835 perisytiharan dibuat di hadapan seorang Majistret tetapi dalam Ordinan No. 2 perisytiharan dibuat di hadapan Majistret Polis. Pertama kali Majistret Polis digunakan ialah dalam Akta India No. XV 1857, iaitu akta berikutan dahagi di India.

Apabila Perak mengadakan undang-undang pendaftaran buku dalam tahun 1895, iaitu Perintah Dalam Majlis Pendaftaran Buku 1895, (atau Perintah Dalam Majlis No. 17 1895), ia menggunakan Ordinan XV 1886 sebagai asas. Selangor menurut langkah Perak tiga tahun kemudian apabila ia memperkenalkan Enakmen No. 6 1898 yang dikenali juga sebagai Enakmen Pendaftaran Buku 1898. Undang-undang Perak dan Selangor ini mempunyai kaitan utamanya kepada pendaftaran buku.

Negeri Sembilan dan Pahang tidak mempunyai undang-undang sebagaimana di Perak dan Selangor. Pembentukan undang-undang ini di Perak mungkin ada kaitan dengan terbitnya akhbar *Perak Pioneer and Native States Advertiser* dalam tahun 1894, di Taiping, yang merupakan akhbar pertama terbit di negeri Melayu. Di Selangor pula, akhbar *The Malay Mail* diterbitkan pertama kali dalam tahun 1896 di Kuala Lumpur, yang ketika itu masih dalam negeri Selangor.

Undang-Undang Percetakan dan Penerbitan di Negeri-negeri Selat

Dua mercu tanda berkaitan dengan mesin cetak dan penerbitan diperkenalkan dalam tempoh 1867–1941. Yang pertama ialah pengenalan undang-undang yang mewajibkan diambil lesen untuk menyimpan atau mengguna mesin cetak. Undang-undang ini diperkenalkan dalam tahun 1920 di Negeri-negeri Selat dan tahun 1924 di FMS. Mercu tanda yang kedua ialah pengenalan undang-undang mewajibkan diambil permit untuk menerbit akhbar yang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat dalam tahun 1939. Bagaimanapun, syarat demikian tidak diperkenalkan di FMS, mungkin kerana syarat sedemikian tidak diperlukan di situ.

Pelesenan Mesin Cetak di Negeri-negeri Selat, 1920

Pelesenan mesin cetak dikuatkuasakan semula di Negeri-negeri Selat dalam tahun 1920, iaitu kira-kira 85 tahun selepas pelesenan mesin cetak ditarik balik di India dalam tahun 1835, yang dikuatkuasakan juga di Negeri-negeri Selat, melalui Akta India No. XI 1835. Penguatkuasaan ini dibuat dengan mewujudkan sebuah undang-undang khas bagi mesin cetak. Undang-undang itu diperkenalkan kerana "certain low class Chinese and other vernacular papers are capable of inciting to lawlessness in terms too elusive for a court of law to grapple with."¹⁶ Undang-undang itu ialah Ordinan Mesin Cetak 1920, yang juga dikenali sebagai Ordinan No. 5 1920. Ia diwujudkan dengan mengeluarkan bahagian yang berkaitan dengan mesin cetak daripada Ordinan No. 2 (Pencetak dan Penerbit) dan menambah beberapa fasal lain bagi menjadikan sebuah undang-undang khusus meliputi mesin cetak. Dengan pengenalan Ordinan Mesin Cetak 1920 ini, Akta India No. XI yang berkuat kuasa sejak tahun 1835 juga dimansuhkan.

Ordinan ini mempunyai tiga bahagian penting, iaitu mengenai mesin cetak, dokumen dan surat khabar. Ia berbeza dengan Ordinan XV 1886, atau Ordinan No. 2, ia mengandungi tujuh takrif iaitu mengenai "Dokumen", "Akhbar", "Daftar Akhbar", "Tempat", "Percetakan", "Tuan Punya", dan "Pendaftar".¹⁷

Takrif "akhbar" ini adalah berbeza sedikit daripada yang diberikan dalam Ordinan No. 2, iaitu takrif baru ini merangkumi "any sheet of paper printed or published periodically in the Colony". Takrif ini memenuhi keperluan undang-undang tersebut.¹⁸

Menurut Ordinan ini, pemberian lesen mesin cetak adalah atas budi bicara Setiausaha Tanah Jajahan yang boleh memberinya kepada sesiapa saja dalam Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat untuk menyimpan dan menggunakan mesin cetak untuk tujuan percetakan dokumen. Lesen itu boleh ditarik balik pada bila-bila masa, sama ada secara kekal atau untuk satu tempoh yang difikirkan sesuai.¹⁹ Sesiapa yang permohonan lesennya ditolak atau lesennya ditarik balik bolehlah membuat rayuan kepada Gabenor-dalam-Majlis.²⁰ Sesiapa pun tidak dibenarkan menggunakan atau menyimpan mesin cetak tanpa lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan.²¹ Sesiapa yang tinggal dalam satu premis yang mempunyai mesin cetak, dianggap menyimpannya untuk kegunaan sehingga ia membuktikan sebaliknya.²² Lesen itu sah sehingga 31 Disember setiap tahun.²³

Di bawah Ordinan ini, pencetak dan penerbit setiap akhbar yang dicetak dan diterbitkan di tanah jajahan itu, sebelum mencetak atau menerbitkan akhbar berkenaan, hendaklah membuat satu perisytiharan dan menurunkan tandatangan

di hadapan Pendaftar Mahkamah Agung.²⁴ Setiap kali berlaku sebarang perubahan tempat percetakan atau penerbitan atau pencetak atau penerbit, perisytiharan mestilah dibuat.²⁵ Sesiapa yang tidak lagi menjadi pencetak atau penerbit sesebuah surat khabar hendaklah membuat perisytiharan di hadapan Pendaftar.²⁶ Sayugia diingat, dalam Ordinan No. 2, perisytiharan in dibuat di hadapan Majistret Polis.

Sebarang perubahan bagi pemilik sesebuah surat khabar pencetak atau penerbit surat khabar demikian hendaklah membuat perisytiharan di hadapan Pendaftar untuk dibuat perubahan dalam Daftar Akhbar dalam masa 21 hari. Jika perisytiharan demikian tidak dibuat dalam masa 21 hari pencetak atau penerbit surat khabar itu boleh disabitkan kepada denda tidak melebihi seratus dolar.²⁷

Persetujuan bertulis daripada Peguam Negara atau Peguam Cara Negara diperlukan untuk mengambil tindakan undang-undang di bawah ordinan ini. Ordinan ini memperuntukkan Gabenor-dalam-Majlis boleh melalui makluman dalam *Gazette* mengecualikan sebarang dokumen, atau sebarang mesin cetak, daripada operasi seluruh atau sebahagian daripada Ordinan itu.²⁸

Di bawah Ordinan ini lima borang disediakan, iaitu untuk lesen menggunakan mesin cetak (Seksyen 3), perisytiharan oleh pencetak atau penerbit (Seksyen 8), perisytiharan apabila tidak lagi menjadi pencetak atau penerbit surat khabar (Seksyen 9), perisytiharan mengenai pertukaran hak milik surat khabar (Seksyen 10[1]), dan perisytiharan kerana tidak lagi menjadi pemilik surat khabar (Seksyen 10[3]). Ia juga memperuntukan yang setiap dokumen yang dicetak dalam tanah jajahan mestilah dicetak dengan jelas pada muka pertama atau muka akhir nama pencetak dan di Petempatan mana (Singapura, Melaka, atau Pulau Pinang) ia dicetak.²⁹

Rang undang-undang ini disiarkan dalam *Straits Settlements Government Gazette* pada 24 Oktober 1919. Ia dibentangkan di Majlis Perundangan pada 27 Oktober 1919, dan disiarkan sekali lagi dalam *Government Gazette* pada 31 Oktober 1919. Rang undang-undang itu dibentangkan sekali lagi pada 19 Januari 1919. *The Straits Times* dalam rencana pengarangnya pada 21 Januari 1920, membantah pengenalan undang-undang itu yang menurutnya menghentam akar umbi prinsip kebebasan akhbar.³⁰ Rencana pengarang itu amat hairan kenapa akhbar berbahasa Inggeris digugat disebabkan oleh tindakan liar akhbar Cina dan akhbar vernakular lain.

The Straits Times meminta kerajaan mengecualikan akhbar yang menggunakan bahasa Inggeris kerana ia bahasa kerajaan dan bahasa mahkamah daripada kuat kuasa Seksyen 8. Menurut akhbar itu ia akan membantah dengan

sekeras-kerasnya jika pengecualian itu tidak diberi.³¹ Rang undang-undang ini dibincangkan pada 8 Mac 1920. Ia ditandatangani oleh Gabenor pada 17 Mac 1920, tetapi dikuatkuasakan bermula pada 1 Mac 1920.

Tujuan sebenar undang-undang ini ialah hendak mengawal akhbar-akhbar bukan berbahasa Inggeris, khususnya akhbar berbahasa Cina. Di bawah seksyen 19 Ordinan Mesin Cetak 1920 ini, Gabenor-dalam-Majlis boleh mengecualikan mesin cetak tertentu daripada operasi undang-undang itu. Berikutan dengan penguatkuasaan undang-undang itu, kerajaan mengecualikan akhbar berbahasa Inggeris daripada operasi undang-undang tersebut. Dalam maklumannya dalam *Government Gazette* pada 26 Mac 1920, kerajaan mengecualikan akhbar *The Straits Times*, *The Singapore Free Press*, *The Malaya Tribune*, *The Pinang Gazette*, dan *The Straits Echo* daripada operasi ordinan itu.³² Bagaimanapun, Ordinan yang berkaitan ialah tentang mesin cetak, bukan akhbar.

Apabila kesilapan ini disedari, satu permakluman lain dikeluarkan pada 9 Julai 1920 yang membatalkan makluman awal itu dan menggantikan dengan yang baru. Kali ini permakluman itu menyebut pengecualian diberi kepada mesin cetak yang digunakan oleh dan dokumen (iaitu akhbar) yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang disebutkan, iaitu *The Straits Times Press, Limited*, *The Singapore Free Press, Limited*, *The Straits Albion Press, Limited* (*The Malayan Tribune*), *The Pinang Gazette Press, Limited*, dan *The Criterion Press, Limited* (*The Straits Echo and Penang Sin Poe*).³³ Ini bermakna syarikat mesin cetak, yang mencetak akhbar-akhbar berkenaan tidak diperlukan memohon lesen sebagaimana mesin-mesin cetak yang lain. Ini adalah satu keistimewaan yang diberikan kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris. Kepada kerajaan Negeri-negeri Selat akhbar-akhbar ini tidak perlu dikawal, yang perlu hanya akhbar-akhbar Cina.

Ordinan Pencetak dan Penerbit 1921

Ordinan No. 2 (penerbit dan pencetak) menghadapi perubahan besar dalam tahun 1920 apabila sebahagian daripada peruntukannya dikeluarkan dan dijadikan Ordinan Mesin Cetak 1920. Dalam tahun 1921, Ordinan No. 2 diperkemaskan dan dinamakan Ordinan No. 26 1921 atau Ordinan Pencetak dan Penerbit 1921. Ia bertujuan mengadakan peraturan untuk mencetak dan menerbitkan akhbar serta buku dan memperuntukkan pemuliharaan salinan buku. Selepas itu beberapa pindaan dibuat lagi, iaitu dalam tahun 1922 (Ordinan 32 tahun 1922), dan 1926 (Ordinan 6 tahun 1926).

Undang-Undang Percetakan dan Penerbitan di FMS

Undang-undang pertama yang berkait terus dengan akhbar berkuat kuasa di semua Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang, ialah Enakmen Percetakan dan Buku 1915 atau dikenali juga sebagai Enakmen No. 17 1915. Selain undang-undang ini, FMS juga menggubal undang-undang mengenai mesin cetak sebagaimana yang dilakukan di Negeri-negeri Selat.

Enakmen Percetakan dan Buku 1915

Dalam tahun 1915 apabila FMS mewujudkan satu undang-undang akhbar yang seragam untuk keempat-empat Negeri Melayu Bersekutu, ia memasukkan sebahagian daripada kedua-dua undang-undang Perak dan Selangor ini ke dalam undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Percetakan dan Buku 1915. Undang-undang yang baru ini menggunakan undang-undang India (Akta India No. XI 1835) sebagai asasnya. Menurut Penasihat Undang-undang FMS, F. Belfield, tujuan undang-undang itu ialah:

... to establish some degree of control over printing presses and publication, a matter as to which no special local legislation exists except that contained in Perak Order in Council No. 17 of 1895 and Selangor Enactment No. 6 of 1898, both relating mainly to the registration of books locally published.³⁴

Menurut Belfield lagi Seksyen 3 hingga 10 rang undang-undang itu mengikut secara am peruntukan Akta India No. XI 1835 yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat. Manakala seksyen-seksyen lain menghasilkan kesan undang-undang Perak dan Selangor yang kedua-duanya disesuaikan daripada Ordinan No. XV 1886, iaitu undang-undang Negeri-negeri Selat.³⁵

Undang-undang ini dibincangkan dan diluluskan oleh Majlis Persekutuan FMS pada 27 November 1915 tetapi hanya berkuat kuasa pada 1 Januari 1916 selepas ia diwartakan dalam *FMS Government Gazette*. Tujuan utama rang undang-undang itu digubal ialah untuk mengadakan peraturan bagi mengawal mesin cetak dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan kawalan yang lebih ke atas pencetak dan penerbit akhbar. Pihak kerajaan memaklumkan kepada Majlis Persekutuan ketika membentangkan rang undang-undang itu bahawa "pada waktu ini tidak ada undang-undang untuk mengawal mesin cetak: sesiapa saja boleh memiliki mesin cetak dan

menggunakannya sesuka hatinya. Nampaknya ini bukanlah suatu keadaan yang sangat dikehendaki".³⁶

Rang undang-undang itu juga mencadangkan pengendalian perkara yang sudah pun dikendalikan oleh dua buah negeri iaitu Perak dan Selangor, mengenai soal pemuliharaan rekod dan butir-butir buku yang dicetak dan diterbitkan di FMS. Perak dan Selangor mempunyai undang-undang mengenai perkara itu yang hampir sama dari segi bahasa dan yang disesuaikan dari undang-undang yang berkuat kuasa di Tanah Jajahan tetapi Negeri Sembilan dan Pahang tidak mempunyai undang-undang seperti itu.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini mengendalikan tentang dua perkara, pertama membuat peraturan yang lebih baik bagi mesin cetak dan penerbitan, dan keduanya ialah perekodan yang lebih baik karya yang dicetak dan diterbitkan di FMS.

Peruntukan utama rang undang-undang itu mengenai perkara pertama ialah setiap pencetak dan penerbit membuat pengistiharan di hadapan seorang majistret tentang pekerjaannya (pencetak atau penerbit), bahawa semua karya bercetak mesti dicetak di halamannya butir-butir di mana ia dicetak dan diterbitkan; dan sesiapa yang memiliki sesebuah mesin cetak mesti mengisytiharkan pemilikannya.³⁷ Hukuman berat diperuntukkan bagi sebarang pelanggaran terhadap sebarang peruntukan ini, iaitu bagi setiap kes mungkin didenda sebanyak dua ribu lima ratus dolar dan hukuman penjara selama dua tahun, iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang Akta India XI. Surat khabar diliputi oleh undang-undang ini yang diletak di bawah takrif buku.³⁸

Peraturan mengenai percetakan dan penerbitan surat khabar terkandung dalam Seksyen 3 yang antara lain menyebut bahawa sebarang terbitan berkala yang dicetak yang mengandungi berita awam atau komen ke atas berita awam tidak boleh diterbitkan melainkan peruntukan seksyen itu telah dipatuhi. Ini bermakna pencetak dan penerbit setiap terbitan berkala sedemikian perlulah membuat perisytiharan di hadapan seorang majistret bahawa beliau adalah pencetak atau penerbit atau pencetak dan penerbit karya penerbitan berkenaan dan dicetak atau diterbitkan di tempat tertentu.³⁹ Undang-undang itu juga memerlukan setiap kali tempat percetakan atau penerbitan berubah, suatu perisytiharan baru dibuat dan jika pencetak dan penerbit yang membuat perisytiharan itu meninggalkan FMS suatu perisytiharan baru hendaklah dibuat oleh seorang pencetak atau penerbit yang tinggal di FMS. Pencetak pula dikehendaki mengisytiharkan di hadapan seorang majistret mengenai pemilikan percetakan untuk percetakan buku atau akhbar. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 9 enakmen berkenaan.⁴⁰

Pelesenan Mesin Cetak di FMS 1924

Sebagaimana diterangkan lebih awal Enakmen Percetakan dan Buku 1915 meliputi dua perkara penting, iaitu (1) untuk mengawal percetakan dan penerbitan berkala dan karya-karya lain, dan (2) untuk memulihara dan mendaftarkan buku. Kedua-dua perkara ini jelas berbeza dari segi objektifnya. Oleh yang demikian satu enakmen pindaan telah dilakukan dalam tahun 1924 untuk memisahkan dua objektif ini. Seksyen 3 hingga 10 yang berkaitan dengan pengawalan percetakan dan penerbitan dikeluarkan daripada Enakmen tahun 1915. Enakmen percetakan baru yang dikenali sebagai Enakmen Mesin Cetak No 14 1924 diwujudkan. Baki Enakmen tahun 1915, iaitu yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pendaftaran buku menjadi enakmen baru yang dikenali sebagai Enakmen No. 13 1924.

Beberapa fasal baru diwujudkan dalam Enakmen Mesin Cetak No 14 1924. Misalnya, Seksyen 3, dahulunya hanya perlu membuat perisytiharan di hadapan majistret, selepas itu kawalan tidak ada lagi. Pemangku Penasihat Undang-undang, F. Belfield, menyatakan pindaan yang paling penting yang diperkenalkan terkandung dalam Seksyen 3, iaitu mengenai pelesenan mesin cetak.⁴¹ Seksyen 9 dalam Enakmen Percetakan dan Buku 1915 hanya menyatakan memerlukan pendaftaran, iaitu melalui perisytiharan.

Pada hakikatnya, itulah saja kawalan yang kerajaan ada ke atas pemilik mesin cetak. Sesiapa saja yang mempunyai mesin cetak hanya perlu membuat perisytiharan, dan selepas beliau membuat perisytiharan di hadapan seorang majistret, semua kawalan kerajaan ke atasnya berakhir sama sekali. Di bawah enakmen yang dipinda, sebelum seseorang itu boleh menggunakan mesin cetak beliau hendaklah membuat perisytiharan dalam suatu borang yang disediakan. Seseorang Residen (di FMS) mempunyai budi bicara sama ada untuk menerima atau menolak permohonan itu. Jika ditolak, pencetak berkenaan boleh merayu kepada Ketua Setiausaha FMS. Dengan cara ini kerajaan menjangka akan dapat mengadakan kawalan yang berkesan ke atas semua mesin cetak.

Nama pencetak, alamat, dan negeri di mana sesuatu penerbitan dicetak mesti dicetak dalam sesuatu penerbitan. Satu seksyen baru diperkenalkan bagi membolehkan diketahui tentang penanggungjawab artikel yang berunsur fitnah dapat dibuat dalam masa enam bulan. Di bawah enakmen lama, perisytiharan dibuat di hadapan Majistret, tetapi di bawah undang-undang percetakan 1924, seorang Pendaftar diwujudkan dalam setiap negeri, dan di hadapan beliaulah perisytiharan dilakukan dan perisytiharan itu akan disimpan⁴².

Pihak kerajaan menyatakan bahawa adalah amat perlu untuk mengadakan kawalan yang keras ke atas mesin cetak dan penerbitan secara amnya dalam masa perang (iaitu Perang Dunia Pertama) dan tahun-tahun selepas itu. Rang undang-undang itu (Enakmen No. 14 1924) dirangka dan diperkenalkan atas permintaan Setiausaha bagi Hal-Ehwal Orang Cina.⁴³

Di bawah Enakmen ini, Pelindung dan Penolong Pelindung Orang Cina, mempunyai peranan dan kuasa untuk bertindak, sama seperti majistret dan pegawai polis yang tidak bawah daripada Inspektor, boleh memasuki sebarang tempat pada bila-bila masa dan merampas mesin cetak yang tidak berlesen, dan semua dokumen;⁴⁴ atau merampas dokumen jika sebarang peruntukan undang-undang tidak dipatuhi.⁴⁵ Di Negeri-negeri Selat, kuasa ini hanya diberikan kepada Jaksa Pendamai.

Catatan

1. Straits Settlements, 1867, Government Gazette No. 1, 1867. Government Notification No. 1d by Colonial Secretary's Office dated 1st April 1867 reads: Notice is hereby given that, by the authority of an order of Her Majesty in Council, dated 28th Dec., 1866, of a Charter under the Great Seal of England, dated 4th Feb. 1867, and of a Commission also under the Great Seal, and dated 5th Feb. 1867, addressed to His Excellency Colonel Harry St George Ord. His Excellency has this day assumed the Government of the Straits Settlements.
2. Straits Settlements, Government Gazette No. 25, 19 Jun 1868, 222-228.
3. C. F. Yong & R. B. Mc Kenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya 1912-1949*, (Singapore: Singapore University Press, 1990), 22.
4. Act No. XI of 1835, dlm. Stephen Leicester, *Straits Law Report, 1877*. 1-3.
5. Ibid.
6. Straits Settlements, Government Gazette, 27 Ogos 1886, 1393-1395, *The Book Registration Ordinance 1886 (Bill)*.
7. Straits Settlements, Government Gazette, Notification No. 488, 22 Okt. 1886, 1725.
8. I. Proudfoot, *A Formative Period in Malay Book Publishing*. 101-132, *JMBRAS* 59 part 2, No. 251 1986, 102
9. Straits Settlements, Government Gazette, Nov. 26, 1886, 2026-2029.
10. Straits Settlement Government Gazette, Notification No. 488, 22 Okt. 1886, 1725. Beberapa Takrif di bawah Ordinance XV of 1886:
 "Book" includes every volume, part or division of a volume, pamphlet, newspaper, sheet of music, map, chart or plan separately produced; but does not include price lists, annual report, trade circulars, trade advertisements or other legal or business document;
 "Printed" as applied to books means produced by printing lithography or any other like process and "printer" has a corresponding meaning.
11. Tarikh sebenar ordinan gabungan ini wujud tidak dapat dipastikan, tetapi ia sudah ada dalam Jilid *Straits Settlements Laws 1835-1900*.
12. Ordinance XV of 1886, Seksyen 2. "Newspaper" means any printed periodical work whatever, containing public news or comments there on:
 "Book" includes every volume, part or division of a volume, pamphlet, newspaper, sheet of music, map, chart, or plan separately produced; but does not include price lists, annual report, trade circulars, trade advertisement, or other legal or business documents;
 "Printed" as applied to books mean produced by printing, lithography, or any other like process, and "printer" has a corresponding meaning.
13. Ordinance No. 2 (Printers and Publishers). Beberapa Takrif di bawah Di bawah Ordinance No.2 (Printers and Publishers):
 "Newspaper" means any printed periodical work whatever, containing public news or comments there on;

"Book" includes every volume, part or division of a volume, pamphlet, newspaper, sheet of music, map, chart, or plan separately produced; but does not include price lists, annual report, trade circulars, trade advertisement, or other legal or business documents;

"Printed" as applied to books mean produced by printing, lithography, or any other like process, and "printer" has a corresponding meaning.

14. Indian Act No. XV 1857, Seksyen XI.

15. Ordinance XV of 1886, Seksyen 4.

16. *The Straits Times*, The Printing Presses Bill (editorial), 21 Jan. 1920.

17. Ordinance No. 5 of 1920, Seksyen 2.

18. Beberapa Takrif di bawah Ordinance No. 5 of 1920 (Seksyen 2):

"Document" means any printed newspaper or sheet of paper or other material and any printed pamphlet, leaflet, map, chart and plan, and includes any document bound together;

"Newspaper" means any sheet of paper printed or published periodically in the Colony which contains public news comments on public news;

"Newspaper Register" means the books which are to be kept by the Registrar under section 7;

"Place" in the phrases "place of business" and "place of residence", means the street, square or other place and the number or other designation of the house;

Expressions referring to printing shall be construed as including writing, lithography, photography and other modes of representing or reproducing words or objects in a visible form;

"Proprietor" includes in the case of a divided proprietorship the persons who, as partners or otherwise, represent and are responsible for any share or interest in the newspapers as between themselves and the persons in like manner representing or responsible for the other shares or interests therein, and no other person;

"Register" means the Registrar of the Supreme Court at the Settlement in which the newspaper is printed or published.

19. *Ibid.*, Seksyen 3(1).

20. *Ibid.*, Seksyen 3(3).

21. *Ibid.*, Seksyen 3(4).

22. *Ibid.*, Seksyen 3(5).

23. *Ibid.*, Seksyen 3(6).

24. *Ibid.*, Seksyen 8(1a)

25. *Ibid.*, Seksyen 8(1b)

26. *Ibid.*, Seksyen 9.

27. *Ibid.*, Seksyen 10.

28. *Ibid.*, Seksyen 20.

29. *Ibid.*, Seksyen 5(1).

30. *The Straits Times*, The Printing Presses Bill (Editorial), 21 Jan. 1920.

31. *Ibid.*

32. Straits Settlements, Government Gazette, Notification No. 546, Printing Presses Ordinance, 1920, 26 Mac 1920, 569. Peristiharan itu berbunyi:

The Printing Presses Ordinance 1920. In pursuance of the powers vested in the Governor in Council under Section 19 of the Ordinance it is hereby notified that the following newspapers to wit, *The Straits Times*, *The Singapore Free Press*, *The Malaya Tribune*, *The Pinang Gazette* and *the Straits Echo* are exempted from the operation of the Ordinance.

33. Straits Settlements, Government Gazette, Notification No. 1200, The Printing Presses Ordinance, 1920, 1184." . . . it is notified that the Printing Presses used by and documents published by the (above) companies are excluded from the operation of the Ordinance except in so far as it may be necessary or is permissible to comply with the regulations as to registration contained in sections 6, 7, 8, and 9 of the Ordinance."
34. Federated Malay States, Government Gazette, 1915, 918.
35. Ibid., 918. The Printing and Books Enactment, 1915 (Enactment No. 17 of 1915).
36. Federated Malay States, 1915, Federal Legislative Council Proceedings, The Printing and Books Bill 1915:B48-B49.
37. Perisytiharan pemilikan mesin cetak di bawah Seksyen 9, Printing and Books Enactment of 1915:
No person shall keep in his possession any press for the printing of books or papers who shall not have made and subscribed before a Magistrate of the State wherein such press may be the following declaration:
"I, A.B. declare that I have a press for printing at . . ."
38. The Printing and Books Enactment 1915 (Enactment No. 17 of 1915), Seksyen 2. Takrif di bawah Enactment No. 17 of 1915 (The Printing and Books Enactment), Seksyen 2 "book" include every volume, part or division of a volume, pamphlet, newspaper, sheet of music, chart or plan separately produced, but does not include price lists, trade advertisements or other legal or business documents.
39. Ibid.
40. Ibid., Seksyen 9.
41. Federated Malay States, Legislative Council Proceedings on Printing Presses Enactment 1924: B63-65, 1925.
42. Ibid.
43. Ibid.
44. Printing Presses Enactment (Cap. 89), Seksyen 18.
45. Ibid., Seksyen 19.

BAB 9

Penerbitan Hasutan Dan Undang-undang Rahsia Rasmi

UNDANG-UNDANG PENERBITAN HASUTAN TELAH DIGUBAL DI Negeri-negeri Selat pada bulan Julai 1915 untuk membendung kemasukan penerbitan yang berunsur hasutan ke Negeri-negeri Selat. Manakala di FMS ia diperkenalkan dalam tahun 1919. Kedua-dua undang-undang ini adalah sama kandungannya yang bertujuan untuk melarang penerbitan dan pengimportan akhbar, buku, dan dokumen yang berbentuk hasutan.

Undang-undang Hasutan di Negeri-negeri Selat

Undang-undang penerbitan hasutan di Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Ordinan Penerbitan Hasutan. Ia diperkenalkan sebagai Ordinan No. 11 pada 16 Julai 1915. Peguam Negara Negeri-negeri Selat G. Aubrey Goodman menjelaskan bahawa undang-undang itu diperkenalkan kerana kerajaan mendapati akhbar dan dokumen yang berunsur cukup menghasut dan tidak setia dibawa masuk ke tanah jajahan dan diedarkan di kalangan penduduknya.¹ Kebanyakan penerbitan ini berpunca daripada sumber India. Oleh kerana terdapat ramai penduduk India di tanah jajahan, kemasukan akhbar dan penerbitan sedemikian boleh menimbulkan kekacauan dan perasaan benci di tanah jajahan itu. Oleh itu Undang-undang Penerbitan Hasutan diperkenalkan untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan yang berkesan terhadap kejahatan itu.²

Takrif "akhbar" yang digunakan dalam Ordinan ini adalah sama dengan takrif yang digunakan dalam Ordinan No. 2 (Penerbit dan Pencetak). Oleh kerana undang-undang ini berkenaan dengan hasutan ia juga mentakrifkan kebencian iaitu termasuk tidak setia oleh perasaan permusuhan.³

Di bawah Ordinan ini sesiapa yang mencetak, menerbit, mengimport sama ada melalui darat, laut atau udara, menjual atau menawar untuk menjual, mengedar, atau memiliki sebarang akhbar, buku, atau dokumen, atau mana-mana petikan daripada sebarang akhbar atau buku atau sesiapa yang menulis, menyediakan atau mengeluarkan sebarang buku atau dokumen yang mengandungi sebarang tanda, atau representasi tampak yang berkemungkinan atau mungkin mempunyai kecenderungan, terus atau tidak terus, sama ada secara inferensi, cadangan, *allusion*, kiasan implikasi, atau sebagainya terhadap enam jenis kesalahan yang disenaraikan adalah melanggar Ordinan itu.⁴ Bagaimanapun, peruntukan 3(2) mengecualikan pernyataan pendapat yang tidak bersetuju terhadap tindakan kerajaan dengan tujuan untuk memindanya dengan cara sah, tanpa mengapi atau cuba membangkitkan kebencian, penghinaan, atau ketiadaakpuasan hati.⁵

Ketua Pengarah Pos dan Telegraf atau sebarang pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh menahan sebarang bungkusan melalui kiriman pos yang disyaki mengandungi akhbar, buku, atau dokumen atau petikan berkenaan yang mengandungi kesalahan seperti dalam Seksyen 3 atau yang dilarang pengimportannya, hendaklah menyerahkan bungkusan demikian kepada pegawai yang dilantik oleh kerajaan untuk dihapuskan mengikut arahan kerajaan.⁶ Hukuman bagi kesalahan di bawah Ordinan itu ialah hukum buruh paksa seumur hidup atau dihukum penjara sehingga tujuh tahun, atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu dolar, atau hukuman buruh paksa seumur hidup dan didenda atau dihukum penjara dan didenda.⁷

Undang-Undang Penerbitan Hasutan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Undang-undang terhadap penerbitan yang berunsur hasutan di FMS mempunyai pertalian dengan Ordinan Penerbitan Hasutan 1915 Negeri-negeri Selat. Bagaimanapun, peraturan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi FMS ialah di bawah kuasa Enakmen Darurat Awam 1917. Peraturan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi dalam bulan Ogos 1917 "melarang pengimportan, penjualan, atau pemilikan penerbitan tertentu tertakluk kepada hukuman buruh

paksa seumur hidup atau hukuman yang lebih ringan.”⁸ Majlis Perundangan dimaklumkan bahawa pada bulan Julai 1919 peraturan tambahan yang lebih menyeluruh telah dibuat.

Pada 2 Disember 1930 Majlis Persekutuan FMS meluluskan Enakmen No. 28 1930 iaitu untuk meminda apa yang disebut sebagai Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) 1920.⁹ Pindaan ini memasukkan Seksyen 7A yang membolehkan mahkamah yang membicarakan kesalahan di bawah Enakmen itu memerintah dirampas mesin dan alat percetakan yang digunakan untuk mencetak akhbar, buku, atau dokumen yang mengandungi unsur hasutan.¹⁰ Ini sebenarnya satu kesilapan kerana tidak ada undang-undang yang bernama Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) 1920.

Apabila ini disedari pada 10 Mei 1932, Majlis Persekutuan mengambil langkah pembetulan dengan membuat pindaan kepada Enakmen Penerbitan Hasutan sebenar. Kali ini ia menyebut enakmen itu dengan betul, iaitu Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) 1919. Pindaan kali ini antara lainnya memansuhkan enakmen pindaan yang dibuat dalam tahun 1930, iaitu Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) Pindaan 1930 (Enakmen No. 28 1930).¹¹

Pindaan kepada Seksyen 7 dengan menambah Seksyen 7A dalam pindaan tahun 1932, peruntukan yang sama yang dibuat dalam tahun 1930 tanpa apa-apa perubahan walau satu perkataan pun.¹² Pindaan baru ini dikenali sebagai Enakmen Penerbitan Hasutan (Larangan) Pindaan 1932 (Enakmen No. 5 1932).

Berikut adalah antara penerbitan yang diharamkan diimport ke FMS:

- Sebarang penerbitan yang diterbitkan oleh Indian Mujahidin Association, Chamarkand, yang juga dikenali sebagai Charmakand Colony of the Hindustani Fanatics.¹³
- Semua penerbitan oleh Pacific Coast Industani Association, no. 5, Wood Street, San Francisco, United States of America, dan semua naskhah penerbitan yang bertajuk *The Indian Independence* yang diterbitkan di Berlin.¹⁴
- Sebarang penerbitan yang dikeluarkan oleh Kaviani Press, Berlin, dalam sebarang bahasa ia dicetak.¹⁵
- *Kanailal* (buku) oleh Moti Lal Ray dari Chandernagore, yang diterbitkan oleh Rameswar De dari Prabartak Publishing House, Chandernagore.¹⁶
- *India (The Position Today)*, diterbitkan di London oleh G. S. Dara, dan *Hindustan Ghadr Dhandora*, diterbitkan oleh Hindustan Ghadr Party, Hankow.¹⁷

- *Hwoh Fong Daily News* bersama dengan supplementnya *Hsueh Hui* yang diterbitkan di Peking.¹⁸
- *Guide Weekly* yang diterbitkan dalam bahasa Cina di Hang-Chow, Wilayah Cheking.¹⁹
- *The Canton Gazette*, sebuah buku dalam bahasa Kantonis bertajuk *Sun Chang Shan Sin Shang Yan Shenng Hoi Kwo Pun Chi Yin Lun* (atau ucapan Sun Chung Shan dalam lawatannya ke Jepun dan Shanghai), *Kwon Man Wui Yi Kwok Tsai Man Thai Tso On* (atau Outline of International Questions to be submitted to the National Conference.) *The Union*, sebuah akhbar mingguan yang diterbitkan oleh Shanghai Student Union, *The Chinese Student* sebuah penerbitan mingguan yang dikeluarkan oleh the Federation of School and Colleges, Peking.²⁰

Penyelarasan Ordinan Hasutan di Negeri-negeri Selat dengan Tanah Jajahan British yang lain

Pada awal tahun 1938, W. Ormsby Gore, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan telah mengarahkan semua pentadbiran tanah jajahan supaya mengemaskinikan undang-undang berkaitan hasutan dan pengimportan penerbitan yang tidak diingini. Langkah ini diambil menurut pekeliling Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 17 Februari 1938 kerana timbul berbagai-bagai kesulitan di Tanah Jajahan tertentu.²¹ Dua draf, A dan B, yang mengandungi beberapa fasa yang dicadangkan dikemukakan.

Perkara pertama ialah mengenai kuasa Gabenor-dalam-Majlis untuk melarang diimport bahan bacaan hasutan atau yang tidak dikehendaki. Menurut Ormsby Gore amalannya terlalu berbeza-beza pada masa itu. Di sesetengah tanah jajahan, Gabenor-dalam-Majlis boleh melarang pengimportan sebarang buku, akhbar, dan sebagainya.

Di sesetengah tanah jajahan lain pula beliau hanya boleh berbuat demikian jika buku atau akhbar dianggap mengandungi hasutan; di tempat lain pula terdapat kuasa umum untuk melarang pengimportan sebarang benda tidak kira bentuknya, suatu kuasa yang tentunya boleh digunakan untuk melarang pengimportan sesebuah buku atas alasan yang ia mungkin dianggap mengandungi hasutan. Ormsby Gore berpendapat adalah wajar Gabenor-dalam-Majlis mempunyai suatu kuasa umum untuk melarang pengimportan bahan bacaan yang tidak dikehendaki, dan kuasa ini terkandung dalam draf "A".

Di dalam draf ini, kuasa boleh dilaksanakan apabila Gabenor-dalam-Majlis berpendapat pengimportan adalah "bercanggah dengan kepentingan umum": Sebelum pengimportan sesebuah buku atau akhbar dilarang di sesebuah tanah jajahan adalah menjadi tugas Gabenor-dalam-Majlis untuk menimbangkan apakah ada kemungkinan pengimportan akan berlaku dan sama ada, jika berlaku, pengimportan demikian boleh dianggap sebagai bercanggah dengan kepentingan umum. Dalam kebanyakan kes adalah perlu Gabenor atau pegawai yang ditugaskan oleh beliau, patut mengetahui kandungan buku yang hendak dilarang itu; tetapi dalam kes tertentu, misalnya apabila sesebuah buku telah diharamkan di England, Gabenor mungkin merasa wajar melarang pengimportannya tanpa siasatan lebih lanjut. Sebaliknya, apabila sesebuah buku hanya sekadar dikelaskan sebagai tidak dikehendaki di negara ini, ia patut dikaji terlebih dahulu sebelum pengimportannya dilarang.

Ormsby Gore berkata walaupun terdapat kewajaran penuh untuk memberi Gabenor kuasa umum melarang pengimportan, beliau tidak fikir kuasa yang sama melarang penerbitan bahan bacaan tempatan, atas alasan ia mengandungi hasutan atau tidak dikehendaki, sama wajar. Bagi kes buku atau akhbar yang diterbitkan dalam Tanah Jajahan itu sendiri, soal sama ada kandungannya mengandungi hasutan atau tidak patut dibiarkan kepada mahkamah untuk menentukannya. Draft "B" menghuraikan berbagai-bagai kategori kesalahan hasutan, dan kedua-dua draf memberikan hukuman yang dianggap berpatutan. Beliau menganggap peruntukan dalam undang-undang di sesetengah tanah jajahan misalnya hukuman seumur hidup kerana mengimport buku yang dilarang, dianggap sebagai terlalu berat. Fasa 4 dalam draf "A" adalah berkaitan dengan pemilikan secara tidak disedari bahan bacaan yang dilarang. Ormsby Gore berfikir adalah perlu peruntukan menurut fasa ini dimasukkan ke dalam undang-undang di setiap tanah jajahan. Ormsby Gore menekankan pentingnya persetujuan bertulis Peguam Negara sebagai satu syarat sebelum semua pendakwaan dibuat bagi kes hasutan. Tiada pendakwaan bagi kes hasutan akan dibuat melainkan Peguam Negara telah berpuas hati, setelah mengkaji dengan mendalam seluruh aspek undang-undang terhadap kes itu, yang tindakan mahkamah adalah perlu dan boleh dijalankan.

Pengasingan Penerbitan Yang Tidak Diingini dengan Penerbitan Hasutan di FMS

Selepas undang-undang penerbitan yang tidak diingini dan penerbitan hasutan diasingkan di Negeri-negeri Selat, undang-undang yang sama diwujudkan di

FMS. Di FMS, kedua-dua undang-undang ini diluluskan pada 18 Oktober 1939 dan disiarkan dalam *Government Gazette* FMS serta dalam *Gazette* negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang pada 27 Oktober 1939. Undang-undang yang berkenaan ialah Enakmen Penerbitan Yang Tidak Diingini 1939 (Enakmen No. 12 1939) dan Enakmen 1939 (Enakmen No. 13 1939).

Pengharaman Penerbitan Yang Tidak Diingini

Pada 21 Februari 1940, Gabenor-dalam-Majlis Negeri-negeri Selat telah mengharamkan *Voice of New China* yang diterbitkan di Nanking dan dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan China, dan sebarang terbitan selepas itu. Ini dilakukan di bawah Seksyen 3, Ordinan Penerbitan Yang Tidak Diingini 1938.²² Pada 10 April 1940, di bawah Ordinan yang sama pengharaman import dibuat terhadap *Emancipation* yang diterbitkan di Yen An dan diterbitkan dalam bahasa Cina, dan sebarang terbitan selepas itu.²³ Pada 9 Oktober 1940, pengharaman import dibuat terhadap *Daily Worker* dan *Action* yang diterbitkan di England dan dicetak dalam bahasa Inggeris, dan sebarang terbitan selepas itu.²⁴ Pada 27 November 1940 pula pengharaman import dibuat terhadap *Hindustan* yang diterbitkan di India dan dicetak dalam bahasa Urdu.²⁵

Undang-undang Rahsia Tentera dan Rahsia Rasmi

Ada dua undang-undang yang mengawal penggunaan maklumat di dalam akhbar. Undang-undang ini ialah berkaitan dengan penggunaan maklumat berkaitan dengan tentera pada waktu perang, dan yang keduanya ialah undang-undang yang berkaitan dengan rahsia rasmi. Undang-undang yang berkaitan dengan maklumat ketenteraan bersifat sementara iaitu ia sebuah undang-undang darurat, tetapi undang-undang berkaitan rahsia rasmi ia terus berkuatkuasa dalam masa aman.

Undang-undang Rahsia Tentera

Perang Dunia Pertama telah menyebabkan satu undang-undang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat dan FMS dalam tahun 1914 yang tujuannya untuk mengawal akhbar dalam masa peperangan. Undang-undang ini ialah *The Naval and Military News (Emergency) Ordinance, 1914* yang dikuatkuasakan di Negeri-

negeri Selat dan *The Naval and Military News (Emergency) Enactment, 1914* yang dikuatkuasakan di FMS. Kedua-dua undang-undang ini sama saja dari segi peruntukannya dan hukumannya. Undang-undang di Negeri-negeri Selat diperkenalkan dalam bulan Oktober 1914 dan di FMS pada bulan berikutnya.

Setakat yang dapat dikesan, inilah undang-undang yang pertama yang cuba mengawal akhbar daripada menyiarkan sesuatu berita atau maklumat. Tujuan undang-undang ini adalah jelas iaitu untuk melindungi berita atau maklumat tentera daripada terjatuh ke tangan musuh. Dalam mukadimahnya, undang-undang itu menjelaskan bahawa "suatu keadaan darurat telah timbul yang menjadikan perlu untuk mengawal penerbitan berita atau maklumat berkaitan dengan tentera laut dan militari".²⁶ Undang-undang itu melarang penerbitan sebarang maklumat yang merujuk kepada tentera, kapal perang, kapal terbang atau peralatan perang, atau pelan pihak berkuasa tentera laut atau militari di sebarang tempat dalam Empayar British, atau sebarang langkah yang diambil berkaitan dengan pertahanan Empayar British, ataupun menerbitkan sebarang kenyataan atau cadangan yang bertujuan secara terus atau tidak terus untuk menyampaikan maklumat demikian. Maksud Empayar British termasuk juga semua wilayah di bawah perlindungan kerajaan British.²⁷

Penerbit, pencetak, dan editor sebarang akhbar, majalah, buku, risalah, atau penerbitan lain yang melanggar undang-undang itu boleh diambil tindakan dan jika didapati bersalah boleh dihukum penjara sehingga setahun atau didenda tiga ribu dolar atau kedua-duanya sekali. Mereka yang terlibat menjual sebarang akhbar, majalah, buku, risalah, atau penerbitan lain yang mengetahui kandungan maklumat itu juga boleh diambil tindakan, begitu juga mereka yang bertanggungjawab dalam penerbitan berkenaan. Peri pentingnya undang-undang ini dapat dilihat dari beberapa peruntukannya. Pertama sekali tindakan hanya boleh diambil oleh Ketua Setiausaha Kerajaan atau pegawai yang diberi kuasa olehnya.²⁸ Di Negeri-negeri Selat, kuasa ini terletak kepada Setiausaha Kolonial. Sebarang pegawai polis boleh merampas sebarang akhbar, majalah, buku, risalah, atau penerbitan lain di mana terdapat maklumat yang bercanggah dengan undang-undang itu dan menyerahkannya kepada Mahkamah Majistret Kelas Pertama dan mahkamah berkenaan boleh memerintah penerbitan berkenaan dirampas, sama ada pesalahnya didapati bersalah atau tidak.²⁹ Selain itu, undang-undang itu juga memperuntukkan langkah berjaga-jaga. Ia memberi kuasa kepada Mahkamah Majistret Kelas Pertama untuk mengeluarkan waran menggeledah, merampas, dan menahan sebarang dokumen jika ia berpuashati yang maklumat demikian berkemungkinan diterbitkan melanggar undang-undang itu. Ia juga memperuntukkan bahawa perintah yang dikeluarkan atau

pengeluaran waran atau perampasan sebarang benda tidak boleh dipertikaikan di sebarang mahkamah.³⁰

Undang-undang Rahsia Rasmi

Undang-undang kedua yang mengawal akhbar dari segi maklumat kerajaan ialah Undang-undang Rahsia Rasmi. Dalam hal ini Akta Rahsia Rasmi England tahun 1911 dan tahun 1920 dilanjutkan pengkuatkuasaannya ke Negeri-negeri Selat tidak lama selepas kedua-dua akta itu dikuatkuasakan di England.

Bagaimanapun, Negeri-negeri Selat mempunyai Ordinan Rahsia Rasminya sendiri apabila undang-undang berkenaan diluluskan oleh Majlis Perundangannya pada 2 Julai 1935 dan dikuatkuasakan pada 5 Julai 1935. Gabenor Negeri-negeri Selat T. S. W. Thomas memaklumkan kepada Pejabat Tanah Jajahan pada 16 Julai 1935 mengenai Ordinan tersebut dengan menyertakan laporan Peguam Negara mengenainya. Menurut laporan itu Ordinan Rahsia Rasmi 1935 mengandungi peruntukan-peruntukan utama Akta Rahsia Rasmi England tahun 1911 dan tahun 1920 dengan beberapa pengubahsuaian yang mustahak dan perlu untuk menyesuaikan keadaan tempatan dan prosedur jenayah tempatan.

Ordinan itu memberi kuasa dikenakan penalti berat kerana mengintip, dan penalti yang kurang sedikit kerana penyampaian maklumat secara salah, melindungi pengintip, penggunaan pakaian seragam tanpa kuasa sah, mengganggu orang yang mengawal tempat-tempat larangan dan beberapa kesalahan lain. Tanggungjawab dikenakan terhadap orang awam untuk memberi maklumat apabila diminta mengenai kesalahan atau kesalahan yang disyaki. Sekatan juga dikenakan terhadap pengambilan gambar foto yang mungkin mempunyai nilai ketenteraan kepada suatu kuasa asing. Peruntukan diadakan bagi pengeluaran atau pengubahsuaian gambar foto yang walaupun diambil atau dimiliki secara tidak sengaja mungkin mengandungi maklumat rahsia. Kuasa juga diberi kepada Gabenor untuk memerlukan seseorang menunjukkan telegram. Pendakwaan tidak boleh dilakukan tanpa persetujuan Peguam Negara, tetapi ini tidak berkaitan bagi tangkapan, pengeluaran waran geledah atau penyiasatan lain.

Pada 10 September 1935, Gabenor Thomas memaklumkan kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald bahawa beliau telah dinasihatkan berikutan berkuat kuasanya Ordinan Rahsia Rasmi pada 5 Julai 1935, kuat kuasa Akta Rahsia Rasmi 1911 dan 1920 patut digantung.³⁰ Oleh yang demikian beliau memohon kedua-dua Akta itu digantungkan kuat kuasanya di Negeri-negeri Selat.

Ordinan Rahsia Rasmi 1935 ini tidak mengecualikan akhbar daripada penguatkuasaannya. Senarai yang panjang mengenai tempat larangan dan sekatan terhadap pengambilan gambar foto dan pungutan maklumat mengehadkan tugas seseorang wartawan dalam tugas hariannya.

Catatan

1. Straits Settlements, Government Gazette, Bill intituled Seditious Publications (Prohibition) Ordinance, 1915, 2 Julai 1915, 1072.
2. Ibid.
3. Seditious Publications (Prohibition) Ordinance No. XI of 1915, Seksyen 2.
4. Ibid., Seksyen 3.
5. Sedutan Seksyen 3 daripada The Seditious Publications (Prohibition) Ordinance (1915 (No. XI of 1915):

Seksyen 3 (1) Any person who prints, publishes, imports either by land or sea, sells, offers for sale, distributes, or has in his possession any newspaper, book or document, or any extract from any newspaper or book, or who writes, prepares or produces any book or document, containing any words, signs, or visible representations which are likely or may have a tendency, directly or indirectly, whether by inference, suggestion, allusion, metaphor, implication or otherwise:

 - (a) to incite to murder or to any act of violence; or
 - (b) to seduce any officer, soldier, or sailor in the Army or Navy of His Majesty from his allegiance or his duty; or
 - (c) to bring into hatred or contempt His Majesty or the Government established by law in this Colony or in the United Kingdom, or in British India or any other British possession, or the administration of justice in any of such places, or any class or section of His Majesty's subjects in of such places, or to excite disaffection towards His Majesty or any of the said Government; or
 - (d) to put any person in fear or to cause annoyance to him and thereby induce him to deliver to any person any property or valuable security, or to do any act which he is not legally bound to do, or to omit to do any act which he is legally entitled to do; or
 - (e) to encourage or incite any person to interfere with the administration of the law or with the maintenance of law and order; or
 - (f) to convey any threat of injury to a public servant, or any person in whom that public servant is believed to be interested, with a view to forebear or delay to do any act connected with the exercise of his public functions.

shall be guilty of an offence against this ordinance, and such newspaper, book or document or such extract shall be forfeited and may be destroyed or otherwise disposed of as the Governor directs.
6. Ibid., Seksyen 9.
7. Ibid., Seksyen 10.
8. Federated Malay States, Legislative Council Proceedings 1919.

9. The Seditious Publications (Prohibition) Amendment Enactment, 1930 (Enactment No. 28 of 1930), Seksyen 2.
10. Federated Malay States, Government Gazette 19 Dis. 1930. 22(27), Notification No. 9052. Enactment No. 28 of 1930. Federated Malay States Government Gazette 19 Dis. 1930. 22(27), Notification No. 9052. Enactment No. 28 of 1930. Enactment No. 28 of 1930, Section 7A:
All printing presses or appliances for printing which in the opinion of the Court trying an offence against this Enactment were used or intended to be used for the printing of seditious newspapers, books or documents may in the discretion of the Court be forfeited and may be destroyed or otherwise disposed of as the Chief Secretary to Government directs.
11. The Seditious Publications (Prohibition) Amendment Enactment, 1932 (Enactment No. 5 of 1932, Seksyen 1(ii).
12. The Seditious Publications. (Enactment, No. 5 of 1932), Seksyen 7A.
13. Federated Malay States, Gazette Notification No. 3721, 22 Jun 1928, 20(14).
14. Federated Malay States, Gazette Notification No. 6862, 19 Okt. 1923, 15(12).
15. Federated Malay States, Gazette Notification No. 6862, 19 Okt. 1923, 15(12).
16. Federated Malay States, Gazette Notification No. 6862, 19 Okt. 1923, 15(12).
17. Federated Malay States, Gazette Notification No. 5152, 16 Sept, 1927, 19(19).
18. Federated Malay States, Gazette Notification No. 4689 Julai 1923, 15(15).
19. Federated Malay States, Gazette Notification No. 4457 Julai 10, 1925, 17(14).
20. Federated Malay States, Gazette Notification No. 7439, Nov. 13, 1925, 17(23).
21. Public Record Office, AIR 22/294, Colonial Office Circular to the Officer Administering the Governments of . . . 17 Feb. 1938.
22. Straits Settlements, Government Gazette Notification No. 773. 21 Feb. 1940 [Dlm. Straits Settlements, Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations and By-Laws Published in the Government Gazette during the year 1940, 340].
23. Straits Settlements, Government Gazette Notification No. 1470. 10 April 1940 [Dlm. Straits Settlements, Proclamations and Orders . . . 1940, 340].
24. Straits Settlements, Government Gazette Notification No. 3582. 9 Okt. 1940 [Dlm. Straits Settlements. Proclamations and Orders . . . 1940, 340].
25. Straits Settlements, Government Gazette Notification No. 4123. 27 Nov. 1940 [Dlm. Straits Settlements, Proclamations and Orders . . . 1940, 340].
26. The Naval and Military News (Emergency) Enactment, 1914.
27. Ibid. seksyen 2(ii).
28. Ibid., Seksyen 4.
29. Ibid., Seksyen 5 dan 6.
30. Ibid., Seksyen 9.

BAB 10

Bendungan Berita

Dahagi Supai

Pada 15 Februari 1915, askar India dari *5th Light Infantry Regiment* yang berpangkalan di Singapura telah melancarkan pemberontakan, membunuh beberapa orang pegawai mereka yang berbangsa Inggeris, kemudian melepaskan pegawai dan kelasi kapal laut Jerman, *Emden* yang ditahan di Penjara Tanglin. Anggota tentera ini, kebanyakannya beragama Islam, juga membunuh beberapa orang Inggeris di bandar. Mereka dikatakan telah berbaik-baik dengan kelasi Jerman, termasuk ketua mereka *Oberleutnant* Julius Lauterbach, yang menggesa mereka supaya memberontak. Tentera Jerman ini adalah anak kapal *Emden* yang dikalahkan oleh British di Kepulauan Cocos dalam bulan November 1914, selepas mereka melancarkan serangan di Pulau Pinang dalam bulan Oktober 1914. Perang Dunia Pertama yang bermula pada bulan Ogos 1914 di Eropah, telah meletakkan Jerman dan Britain sebagai musuh. Turki, sebuah negara Islam telah menyebelahi Jerman dalam peperangan ini. Lauterbach telah menggunakan hakikat agama ini untuk memecahkan kesetiaan anggota tentera *5th Light Infantry Regiment* ini.

Askar *5th Light Infantry Regiment* itu juga dikatakan dipengaruhi oleh Kassim Ismail Mansur, seorang saudagar dari Surat, India yang berpangkalan di Singapura. Beliau mengadakan pertemuan dengan askar-askar itu di tempatnya. Kassim sebelum itu, pada 23 Januari, telah ditahan apabila surat yang dikirimkan

kepada anaknya di Rangoon dipintas. Dalam surat itu, Kassim, dikatakan telah memasukkan sepucuk surat untuk Konsul Turki daripada dua orang anggota Malay States Guide (MSG), juga berpangkalan di Singapura, meminta sebuah kapal Turki dihantar ke Singapura untuk membawa rejimen MSG untuk berperang melawan British. Kassim didapati bersalah dan dihukum mati kerana menderhaka. Kassim juga dikatakan cuba menanam perasaan tidak puas hati di kalangan polis Melayu, tetapi tidak berjaya. Bagaimanapun, Jagat Singh, seorang penduduk Singapura, telah berjaya mempengaruhi MSG yang anggotanya terdiri daripada kaum Sikh supaya tidak berangkat menyertai peperangan dalam bulan Disember 1914. Selepas itu kebanyakan mereka dihantar balik ke pangkalan mereka di Taiping.¹ Sebelum hukuman mati terhadap Kassim dijalankan pada 31 Mei 1915, beliau mengaku menulis surat kepada Konsul Turki itu.² Bukti-bukti tentang peranan Singapura sebagai tempat penyebar hasutan diketahui kemudian, terutama yang berkaitan dengan kegiatan penghasut Sikh daripada parti Ghadr, dan rancangan pemberontakan di Punjab.³

Penapisan yang ketat diadakan terhadap penyiaran berita mengenai dahagi itu. Akhbar hanya dibenar menyiarkan berita yang diberi oleh kerajaan mengenai kejadian itu, sama ada di Singapura atau di Kuala Lumpur.

Dalam keadaan biasa kejadian Dahagi ini sepatutnya menjadi berita besar di Singapura kerana ada beberapa orang pegawai tentera dan awam mati dalam kejadian itu. Tetapi akhbar *The Straits Times* keluaran 16 Februari 1915, hanya menyiarkan bahawa ia menerima satu makluman daripada Gabenor Negeri-negeri Selat yang berbunyi:

Serius Emeute. One wing of the Fifth Light Infantry mutinied and killed Europeans on the roads.⁴

Akhbar pada hari itu terbit sebanyak empat halaman sahaja, iaitu kurang daripada biasa. Hampir keseluruhan akhbar itu dimuatkan dengan berita peperangan di Eropah. Ia cuba membenamkan kejadian Dahagi di Singapura dengan mengatakan bahawa perkara yang paling diminati pada ketika itu ialah berita peperangan dari Eropah. Akhbar itu tidak dapat menyiarkan masalah yang dihadapi olehnya, iaitu kakitangannya telah dipanggil berkhidmat berikutan kejadian Dahagi itu.⁵

Dalam keluaran esoknya, *The Straits Times* menyebut mengenai masalah yang dihadapinya, iaitu empat orang daripada enam staf Eropahnya dipanggil untuk menjalankan tugas tambahan dan seorang berada di luar Singapura.⁶ Dalam rencana pengarangnya ia berkata, pengumuman kerajaan yang dapat

dimasukkan ke dalam keluaran khas kelmarin—adalah kecil sahaja kerana empat daripada enam staf Eropahnya dipanggil untuk menjalankan tugas tambahan dan seorang lagi di luar kota—tentulah telah menyediakan pembaca di seluruh Malaya supaya tidak mengharapakan lebih banyak berita yang menyedihkan. Akhbar itu menyatakan bahawa buat masa itu adalah amat bersalahan untuk membincangkan keadaan itu.

“Cukuplah untuk mengatakan bahawa keadaan telah bertambah baik dan dapat dikawal. Bandar pada keseluruhannya cukup tenang. Panggilan untuk tugas kawalan cukup memuaskan, dan tidak lama lagi, kita berharap, adalah mungkin untuk mengatakan bahawa seluruh kejadian itu telah selesai.”⁷ Dalam keluarannya pada 18 Februari 1915, *The Straits Times* menyiarkan berita ringkas juga yang diluluskan oleh pihak berkuasa.⁸

Cara berita disiarkan menunjukkan bahawa berita-berita mengenai Dahagi itu disiarkan hanya dengan kebenaran kerajaan. Akhbar tidak dibenarkan menyiarkan kejadian itu dengan bebas. Hanya maklumat yang diluluskan oleh kerajaan disiarkan, ataupun kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang dibenar disiarkan.

Keadaan yang sama berlaku di Kuala Lumpur, iaitu pusat pemerintahan FMS. Di Kuala Lumpur, akhbar *The Malay Weekly Mail*, sebuah akhbar mingguan keluaran 17 Februari 1915 telah menyiarkan berita yang diterimanya daripada Ketua Setiausaha FMS mengenai kejadian itu, iaitu berita yang sama yang diberikan oleh Gabenor di Singapura.⁹

Sebuah berita lagi, pada hari yang sama, menyatakan semua keadaan terkawal dan memaklumkan juga ketibaan tentera laut.¹⁰ Berita itu tidak menyebut bahawa tentera laut yang dimaksudkan itu termasuk tentera laut Jepun, yang pada ketika itu mempunyai hubungan yang baik dengan Britain berikutan dengan Persetiaan Inggeris-Jepun yang ditandatangani dalam tahun 1911.

The Malay Mail pada 24 Februari 1915 menyebut bahawa akhbar Singapura sudah dibenarkan beredar semula di negeri Melayu. Sama ada di Singapura atau di Kuala Lumpur, kerajaan tidak membenarkan akhbar menulis berita berdasarkan pemerhatian sendiri. Hanya maklumat rasmi mengenai kejadian itu dibenarkan. Pada waktu ini Negeri-negeri Selat dan juga FMS menguatkuasakan penapisan kerana Perang Dunia Pertama.

Di England, soal Dahagi di Singapura diambil berat dan kawalan terhadap maklumat yang dikeluarkan kepada akhbar juga diberi perhatian. Misalnya, dalam satu draf untuk siaran akhbar pada 20 Februari 1915 terdapat kenyataan bahawa “anak kapal skuadron memberi bantuan.” Maklumat itu tidak dipersetujui kerana memberi gambaran seolah-olah masalah itu besar sangat,

jadi ia diganti dengan “bantuan juga diberikan oleh anggota-anggota yang mendarat dari kapal British dan berikat.”¹¹ Selain itu tambahan dibuat menyatakan bahawa “semuanya tenang. Tidak ada kerosakan terhadap harta benda”. Pada satu peringkat terdapat perbincangan antara *India Office* dan Pejabat Tanah Jajahan tentang penapisan surat dan akhbar yang datang ke England dari Negeri-negeri Selat, FMS, Burma, Ceylon, dan India tetapi ini tidak dipersetujui kerana tidak mungkin dapat dilaksanakan.¹² Sebaliknya dicadangkan bahawa *Press Bureau* mungkin boleh diberi ingatan yang surat-surat dari Timur Jauh tidak diterbitkan sebelum membuat rujukan sepatutnya (dengan pihak berkuasa).¹³

Tidak lama selepas kejadian Dahagi itu Ordinan Penerbitan Hasutan (Larangan) 1915 (Ordinan No. XI 1915) telah digubal dan dikuatkuasakan. Kerajaan juga memberi perhatian yang teliti tentang pergerakan orang India, bukan sahaja di Malaya tetapi juga di seluruh dunia. Misalnya, Pejabat Luar telah memaklumkan kepada wakil Britain di Itali, Sir R. Rodd, pada 30 November 1915, mengenai beberapa orang India tertentu sedang berusaha pergi ke Switzerland melalui Itali.

Dahagi Supai dalam tahun 1915 adalah satu manifestasi kecil kepada satu masalah yang lebih besar, yang melibatkan orang India di tempat lain. Sebagai usaha untuk menghalang pengaruh ini berkembang di Tanah Melayu, larangan penerbitan dikenakan terhadap penerbitan dari luar yang ada kaitan dengan pergerakan kemerdekaan India.

Membendung Pengaruh Kuomintang

Revolusi 1911 di China telah memecahkan masyarakat Cina di Singapura kepada dua kumpulan, satu kumpulan yang menyokong Maharaja Ch'ing, yang terdiri daripada para pemimpin Dewan Perniagaan Cina Singapura (SCCC), manakala kumpulan yang menentang terdiri daripada gerakan T'ung Meng Hui (TMH), merupakan penyokong Sun Yat-sen.¹⁴ Pada bulan Januari 1912, TMH cuba mengambil alih SCCC, tetapi tidak berjaya kerana pemimpin SCCC enggan mengadakan mesyuarat. Berikutan dengannya para pemimpin TMH mengadakan mesyuarat sendiri yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang daripada masyarakat Cina, tetapi mesyuarat itu dikatakan berakhir dalam kecelaruan kerana terdapat tentangan terhadap cadangan untuk merayakan Sun Yet-sen yang menjadi presiden sementara Republik Rakyat China.¹⁵ Selepas itu TMH menubuhkan Dewan Perniagaan Saudagar Cina (CMGCC), sebagai saingan kepada SCCC.

Penubuhan itu mendapat restu daripada British pada 22 Mac 1912. CMGCC kemudian mendaftar dengan kerajaan Peking, dan memilih 60 orang anggota Majlis.

TMH berubah menjadi Kuomintang selepas dua orang perwakilan China tiba di Singapura dalam bulan Oktober 1912, yang menubuhkan Rumah Komunikasi Singapura bagi Kuomintang Peking. Pihak British memberi kebenaran pada 23 Disember 1912.¹⁶ Kumpulan pro-Ch'ing pula menubuhkan *Kung Ho Tang* di Republik Rakyat China, atau Parti Republikan pada 10 Mac 1913. Sebahagian besar para pemimpin parti ini datang daripada SCCC. Dalam konfrontasi antara dua pihak ini, KMT melakukannya melalui akhbarnya *Nam Kew Poo*, manakala Parti Republikan melalui *Union Times*.¹⁷ Sambutan kepada pemberontakan 1911 di Kuala Lumpur adalah berbeza kerana rusuhan berlaku antara anggota TMH dan pro-Ch'ing apabila anggota TMH, terdiri daripada *pang Kheh* dan Kantonis memaksa *pang* Hakka memotong tocang mereka pada Tahun Baru Cina, 18–21 Februari 1912.¹⁸ Pembuangan tocang ini dimulakan selepas kerajaan Republikan mengambil alih China. Pergerakan KMT Malaya melalui tiga fasa iaitu fasa afiliasi Peking 1912–1914, fasa Parti Revolusi China (CRP) 1914–1919, dan kebangkitan semula 1920–1925.¹⁹ Kegiatan KMT ini melibatkan hampir seluruh kehidupan masyarakat Cina termasuk sekolah.

Pelesenan Mesin Cetak

Dasar British terhadap KMT pada mulanya, iaitu sejak 1912, adalah liberal. Ia mendaftar cawangan KMT di seluruh negara kecuali di Klang dan Pulau Pinang. Bagaimanapun, dasar British berubah berikutan berlakunya rusuhan di Pulau Pinang dan Singapura sempena Pergerakan 4 Mei 1919 di China yang melibatkan guru-guru KMT dan pelajar yang dipengaruhi oleh KMT.²⁰ Ordinan pendaftaran sekolah dikenakan, Ordinan Hasutan diperketatkan, dan pemilikan dan penyimpanan mesin cetak memerlukan lesen.

Pindaan kepada ordinan penerbitan hasutan dalam tahun 1919 meliputi penerbitan oleh nasionalis China.²¹ Langkah berikutnya ialah melesenkan mesin cetak dalam tahun 1920. Langkah ini ialah untuk menghalang percetakan bahan nasionalis oleh Cina Malaya.²² Di bawah Ordinan mesin cetak ini pihak pengurusan mesin cetak boleh dikenakan hukuman berat termasuk merampas mesin cetak jika melanggar Ordinan itu. Oleh kerana Ordinan mesin cetak ini ditujukan kepada akhbar Cina, mesin cetak yang

mencetak akhbar Inggeris dikecualikan. Kuasa yang memberikan budi bicara kepada Gabenor untuk berbuat demikian terkandung dalam satu peruntukan Ordinan mesin cetak itu.

Langkah seterusnya ialah untuk mengharamkan KMT. Gabenor Sir Laurence Guillemard mencadangkan kepada Pejabat Tanah Jajahan bahawa KMT patut diharamkan. Pengharaman atas kuasa Gabenor, dikuatkuasakan antara tahun 1922 hingga tahun 1925 ketika menunggu keputusan oleh Kabinet British.²³

Alasan untuk pengharaman yang diberikan oleh Guillemard ialah menurut Setiausaha bagi Hal-Ehwal Orang Cina, KMT merupakan ancaman politik, kerana KMT di bawah Sun Yat-sen menunjukkan kecenderungan Bolshevik.²⁴ Secara implikasinya KMT China dan KMT di Malaya adalah sebahagian daripada konspirasi komunis.

Mereka menghujah bahawa kewujudan KMT akan membolehkan KMT China atau kerajaan campur tangan dalam kehidupan sosial, politik, dan ekonomi di kalangan penduduk Cina Malaya.²⁵ Rasional ketiga yang diberikan ialah jika KMT tidak diharamkan ia akan menjadi *imperium in imperio*, melanggar undang-undang British dan melemahkan kuasa politik dan prestij British.²⁶

Kerajaan British akhirnya bersetuju dengan cadangan pengharaman itu dalam bulan Julai 1925, dengan tujuan membubarkannya menjelang Oktober 1925.²⁷ Bagaimanapun, pengharaman itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana masalah penguatkuasaan. Tindakan secara berpilih diambil ke atas beberapa cawangan, di mana pesalahnya dihukum penjara atau dibuang negeri, dan pada ketika lain sesebuah cawangan digeledah dan diberi amaran tetapi dibenar meneruskan kegiatannya.

Bagaimanapun, berdasarkan kesedaran yang KMT berpecah kepada kelompok sederhana dan radikal, pihak British membiarkan kelompok sederhana bergerak tetapi mengambil tindakan terhadap kelompok radikal.²⁸ Pada tahun 1928, KMT China telah membentuk sebuah kerajaan sah di China, dan Britain telah mengiktirafnya.

Gabenor Sir Cecil Clementi yang tiba di Singapura dalam bulan Februari 1930, melihat KMT sebagai melanggar undang-undang British kerana masih bergerak walaupun telah diharamkan. Clementi dalam satu pertemuan dengan 17 ahli jawatankuasa KMT di Government House pada 20 Februari 1930 menegaskan tentang pengharaman KMT.²⁹ Tetapi di bawah perjanjian Wang-Lampson dalam tahun 1931, antara kerajaan British dan China, Cina Malaya dibenar menjadi ahli individu KMT China tetapi mereka tidak dibenar

menubuh cawangan, mengembangkan ideologi KMT atau memungut derma untuk tujuan kegiatan KMT.³⁰ Dasar ini berterusan hingga Perang Dunia Kedua.

Kebebasan Akhbar dan Kuomintang

KMT mempunyai beberapa buah akhbar di peringkat nasional dan di peringkat wilayah untuk menyiarkan kegiatannya. Dalam tahun 30-an, enam buah akhbar parti atau dikawal oleh parti wujud, iaitu *Kwong Wah Yit Poh* di Pulau Pinang, *Yik Khuan Poh* (1919–1934) dan *San Yik Khuan Poh* (1935–1936), *Malayan Chinese Daily News* (1937–1941) di Kuala Lumpur, dan *Min Kuo Jih Poh* (1930–1934) dan *Sin Kuo Min Press* (1919–1941) di Singapura.³¹ Dua buah akhbar, iaitu *Min Kuo Jih Pao* dan *Malayan Chinese Daily News* dilancar dan dijagai oleh seluruh anggota KMT di Malaya, manakala yang lainnya merupakan akhbar setempat. Para pengarah dua akhbar nasional ini terdiri daripada para pemimpin KMT di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu. Propaganda KMT secara terbuka tidak dapat dilakukan kerana penapisan akhbar dan akhbar itu digantung dalam tahun 1930 selama empat bulan (April hingga Julai) kerana menerbitkan artikel anti-Jepun.³² Sebuah akhbar lain di Pulau Pinang, *Nanyang Si Pau*, ditutup terus kerana menyiarkan artikel yang serupa.³³ Pada ketika itu, akhbar KMT bersaing dengan akhbar bukan KMT di Singapura seperti *Union Times*, *Sin Chew Jit Poh*, dan *Nanyang Siang Pau*.³⁴

Selepas pertemuan antara Gabenor Clementi dengan 17 orang ahli jawatankuasa KMT pada 20 Februari 1930 yang mengharamkan kembali KMT, Clementi mengenakan penapisan akhbar terhadap semua item berita mengenai KMT. Para wartawan dan pemilik akhbar vernakular membantah langkah tersebut, dan soalan dibangkitkan di Majlis Perundangan dan Dewan Rakyat mengenai implikasi pengharaman itu.³⁵ *The Straits Times* juga telah mengulas dalam rencana pengarang pada 25 Mac 1930, yang Clementi telah mengkompromikan integriti akhbar itu dengan menyatakan di Majlis Perundangan bahawa akhbar Inggeris pada amnya tidak membuat komen mengenai soal-soal KMT.

Dalam persidangan Majlis Perundangan pada 24 Mac 1930 itu, seorang anggotanya Lim Cheng Ean dari Pulau Pinang membangkitkan soal kebebasan akhbar berikutan pengumuman dasar kerajaan terhadap Kuomintang. Lim, yang mengatakan bahawa beliau bukan bercakap bagi pihak Kuomintang ataupun menjadi ahlinya, mengatakan beliau semata-mata bercakap mengenai kebebasan

akhbar. Menurut beliau tekanan telah dilakukan terhadap akhbar supaya jangan membuat komen berhubung dengan pengumuman dasar itu.³⁶

Beliau berkata jika tidak ada gangguan adalah mungkin untuk melihat pernyataan pendapat yang menarik mengenai baik dan buruk dasar tersebut. Beliau mahu penjelasan daripada Gabenor sama ada khabar angin yang didengarnya itu betul atau palsu. Selepas Lim selesai berucap, Gabenor Clementi bertanya sama ada ahli itu merujuk kepada akhbar vernakular. Lim berkata dasar itu menjejaskan akhbar vernakular dan akhbar berbahasa Inggeris.

Dalam jawapannya, Gabenor Clementi gembira kerana Lim tidak mengkritik dasar kerajaan mengenai Kuomintang di Malaya. Beliau juga gembira mengetahui bahawa dasar kerajaan dalam hal ini telah dipersetujui oleh pendapat Cina di seluruh Malaya. Mengenai kebebasan akhbar, Clementi berkata akhbar berbahasa Inggeris tidak diganggu, bagaimanapun, akhbar vernakular (maksud Clementi ialah akhbar berbahasa Cina) dikenakan penapisan berita.³⁷

Clementi berkata tidak ada orang yang lebih terpesona daripadanya apabila beliau tiba di sini melihat dari satu tempat ke satu tempat yang dilawatinya semua orang dalam semua kelas penduduk dan semua bangsa tinggal secara aman dan sefahaman. Itu adalah suatu keadaan yang cukup bernasib baik dan kerajaan tersangat enggan untuk melihat sebarang propaganda diperkenalkan ke dalam Tanah Jajahan ini yang mungkin mengganggu keadaan hubungan persahabatan dan mesra.³⁸

Soal kebebasan akhbar yang dibangkitkan dalam persidangan Majlis Perundangan pada 24 Mac 1930 itu, telah menarik minat Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Lord Passfield dari Pejabat Tanah Jajahan London yang dalam suratnya pada 8 Ogos 1930, meminta dimaklumkan mengenai kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menapis akhbar vernakular, dan sama ada kerajaan mempunyai kuasa yang betul-betul sama berhubung dengan akhbar berbahasa Inggeris.

Dalam jawapannya pada 9 September 1930, Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Cecil Clementi memberitahu, antara lainya bahawa di bawah ordinan mesin cetak Negeri-negeri Selat sesiapa pun tidak dibenar menyimpan untuk kegunaan atau menggunakan sebarang mesin cetak tanpa lesen. Tidak ada kebenaran diperlukan dalam Tanah Jajahan ini untuk menubuhkan sebuah akhbar, tetapi pencetak dan penerbit dikehendaki membuat perisytiharan. Percetakan sesebuah akhbar dilakukan oleh percetakan yang berlesen. Lesen untuk menggunakan sesebuah mesin cetak untuk percetakan boleh ditarik balik oleh Setiausaha Kolonial atas budi bicaranya, sama ada secara kekal atau bagi sesuatu period yang difikirkannya sesuai.³⁹ Menurut Gabenor Clementi peraturan

ini memberi kuasa yang luas (kepada kerajaan), terhadap akhbar yang kukuh dan juga akhbar kecil, yang biasanya dipanggil "akhbar nyamuk". Dari segi kesannya, pencetak berlesen ialah penapis akhbar terhadap akhbar kecil, dan sebagai kebiasaan, berwaspada yang beliau tidak mencetak sebarang perkara yang mungkin menyebabkan Setiausaha Kolonial akan bertindak menarik balik lesen percetakannya. Akhbar-akhbar di Tanah Jajahan, iaitu akhbar Eropah dan vernakular, tidak diperiksa oleh kerajaan sebelum dicetak, tetapi ia diperiksa dengan teliti oleh pegawai-pegawai kerajaan selepas penerbitan. Sebarang perkara yang tidak diingini yang terkandung di dalamnya diambil perhatian; dan apabila perlu, Setiausaha Kolonial menggunakan kuasanya membatalkan lesen percetakannya yang secara automatik melibatkan penggantungan akhbar. Clementi memberi contoh.

Dalam bulan Mei 1930, tiga akhbar berbahasa Cina di Tanah Jajahan mencetak propaganda anti-Jepun yang dianggap sangat tidak menyenangkan. Lesen percetakan mesin cetak yang mencetak ketiga-tiga akhbar itu telah ditarik balik. Ini bermakna penggantungan kepada ketiga-tiga akhbar itu. Berhubung dengan akhbar nyamuk di Singapura, Ordinan yang ada telah terbukti sebagai memuaskan.⁴⁰

Selanjutnya Clementi berkata di FMS, kedudukan dari segi undang-undang adalah sama. Misalnya, *Perak Weekly* yang dikendalikan oleh sebuah sindiket swasta di Ipoh untuk menerbitkan artikel humor dan sastera telah menghadapi masalah kewangan. Syarikat akhbar itu dibeli oleh Selangor Labour Union, yang menjadi ibu pejabat parti komunis di Selangor, yang bertujuan menjadikan akhbar itu sebuah akhbar komunis.

Isu pertamanya di bawah pemilik barunya mempunyai artikel yang dianggap mengandungi hasutan ringan dan dalam keluarannya yang kedua artikelnnya mengandungi hasutan berat hingga menyebabkan keluaran itu dirampas ketika dalam cetakan dan mereka yang terlibat dengannya didakwa di bawah Enakmen Penerbitan Hasutan. Menurut Clementi, Setiausaha bagi Hal-Ehwal Orang Cina telah mencadangkan bahawa dalam hal ini lesen percetakan patut ditarik balik.⁴¹

Beliau juga memaklumkan kepada Lord Passfield bahawa tidak terdapat dalam undang-undang sebarang perbezaan antara akhbar Inggeris dan vernakular; tetapi dari segi hakikat, masalah yang berbangkit hampir semuanya tertumpu kepada akhbar vernakular. Bagaimanapun, Gabenor Clementi memaklumkan bahawa Konsul Perancis di Singapura telah membantah sebuah artikel yang diterbitkan dalam *Malay Mail* di Kuala Lumpur, yang menyebut secara tidak baik mengenai keadaan di French Riviera.

Beliau menarik perhatian Lord Passfield mengenai jawabannya kepada ucapan Lim Cheng Ean di mesyuarat Majlis Perundangan pada 24 Mac 1930, di mana beliau telah menafikan bahawa tekanan telah digunakan terhadap akhbar Inggeris di Malaya supaya tidak membuat komen terhadap perisytiharan dasar kerajaan pada ketika itu. Berhubung dengan akhbar Cina, beliau menyatakan kepada Setiausaha bagi Hal-Ehwal Orang Cina bahawa beliau berfikir adalah baik, demi kepentingan awam, supaya perbincangan tidak dibuat melalui akhbar berhubung dengan perintah yang diberinya; dan setakat yang diketahuinya arahnya dalam hal ini telah diikuti.⁴²

Jawapan Gabenor Clementi telah dibincangkan oleh beberapa orang pegawai di Pejabat Tanah Jajahan, London. Dalam minit beredar, seorang pegawai berkata: "Ini menunjukkan bahawa kerajaan (Negeri-negeri Selat) mempunyai kuasa autokratik sepenuhnya mengenai penapisan akhbar. Ia boleh menekan penerbitan tanpa menunjukkan sebab dan tanpa proses undang-undang terhadap pihak yang melakukan kesalahan. Kuasa ini bukan saja wujud tetapi digunakan. Saya fikir adalah jelas bahawa dalam keadaan khas di Malaya penapisan akhbar adalah perlu."⁴³

Selanjutnya pegawai itu berkata "bantahan" selanjutnya ialah kesan undang-undang sekarang ialah menjadikan pencetak bertindak sebagai "penapis" satu peranan yang tidak sesuai dengan beliau dan ia tidak adil kepadanya dan juga kepada wartawan.

Pegawai itu menyatakan perlunya penapisan yang ketat dan bantahan terhadap tindakan yang sewenang-wenangnya mungkin boleh dipenuhi jika kerajaan menghadkan dirinya kepada tindakan di bawah Enakmen Penerbitan Hasutan atau Ordinan. Ini akan membolehkan pihak yang melakukan kesalahan untuk membela dirinya secara terbuka di mahkamah, walaupun pencetak masih menjadi penapis.⁴⁴

Seorang pegawai lain berkata adalah jelas penapisan akhbar berlaku secara keras di Malaya. Sebarang akhbar yang menerbitkan sebarang perkara yang Kerajaan fikir sangat tidak memuaskan ditekan begitu saja dengan menarik balik lesen percetakan akhbar.

Menurut pegawai itu yang anehnya, rayuan yang ada hanya boleh dibuat kepada Gabenor-dalam-Majlis. Kerajaan bukan saja membatalkan lesen percetakan dengan begitu bebas sekali, tetapi juga mengeluarkan "arahan" terlebih dahulu kepada akhbar supaya mengelak daripada membuat komen terhadap sesuatu aspek tertentu dasar kerajaan.⁴⁵

Apabila Gabenor Clementi melawat Pejabat Tanah Jajahan pada 14 Disember 1930, soal kebebasan akhbar dan "penapisan" sebagaimana yang

ditimbulkan oleh para pegawai dalam minit beredar itu telah dibincangkan dengannya. Clementi menegaskan bahawa penapisan adalah sangat perlu dan pada hakikatnya disambut baik oleh kebanyakan masyarakat Cina. Beliau menarik perhatian bahawa walaupun amaran awal diberikan, tetapi pada akhirnya ia adalah penapisan selepas hakikat, tidak seperti penapisan di Hong Kong apabila akhbar dikemukakan untuk kelulusan sebelum (digaris sebagaimana dalam minit) diterbitkan.⁴⁶

Membendung Pengaruh Jerman

Pada akhir tahun 30-an pendirian politik beberapa negara diawasi dan dicurigai oleh negara-negara lain. Pada waktu ini negara-negara seperti Jerman, Itali, dan Jepun memperhebatkan gerakan propaganda di negara-negara tertentu. Britain, yang mempunyai tanah jajahan dan kepentingan yang besar di Asia, khususnya di India, Burma, Tanah Melayu, dan Hong Kong, memberi perhatian kepada perang propaganda melalui berita. Salah sebuah daripada tempat yang menjadi tumpuan pelbagai perkhidmatan berita ialah Bangkok. Menjelang tahun 1938, sebanyak tujuh perkhidmatan membekalkan berita kepada akhbar di Bangkok, iaitu British Official News Service (Rugby), Trans-ocean News Service (Jerman), The Rengo Imperial News Service (Jepun), Radio Roma (Itali), Indo-Pacific (Perancis, dari Saigon) Havas Ex-Orient (Perancis), dan Hankow Central News Service (China).⁴⁷ Perkhidmatan-perkhidmatan ini menyalurkan beritanya melalui Jabatan Pos dan Telegraf di Bangkok. Pendirian politik antarabangsa Siam yang bersifat neutral mungkin menyebabkan perkhidmatan berita dari berbagai-bagai negara menggunakan Bangkok sebagai tempat kegiatannya.

Dalam keadaan begini Bangkok sangat sesuai menjadi tempat merisik rahsia oleh negara-negara yang berminat. Antara perwakilan kerajaan asing di Bangkok pada waktu itu termasuklah Britain yang mempunyai Perwakilan British. Ketua Perwakilan itu, Sir Josiah Crosby, beberapa kali memaklumkan kepada Pejabat Luar British di London, mengenai keadaan yang tidak memuaskan mengenai jumlah berita yang diedarkan oleh Jabatan Pos dan Telegraf Siam di Bangkok dan penggunaan berita dalam akhbar. Dalam keadaan ini perkhidmatan agensi berita Jerman, Trans-ocean News Service dan agensi berita Jepun mendapat perhatian. Dalam satu penghantaran kepada Pejabat Luar, London pada 9 Februari 1938, Sir Josiah Crosby memaklumkan mengenai kekuatan saluran maklumat Jerman berbanding dengan British yang dianggapnya lemah.⁴⁸

Kajian yang dibuat oleh Perwakilan British terhadap buletin yang dikeluarkan oleh Jabatan Pos dan Telegraf Bangkok dari 4 Januari 1938, hingga 2 Februari 1938 mendapati jumlah muka surat dalam buletin yang dikeluarkan seperti berikut: Rugby 35, Trans-ocean 107, Rengo 51, Radio Roma 23.5, Indo-Pacific 34, dan Havas Ex-Orient (dari Januari 20) 13. Berdasarkan angka-angka ini Perwakilan British memutuskan bahawa jumlah semua muka surat untuk berita Jerman, Jepun, dan Itali (yang disifatkan oleh Perwakilan British anti-British) sebanyak 181.5, berbanding dengan 82 bagi berita British dan Perancis, iaitu pada nisbah 2:1 yang merugikan British.

Pada ketika itu Trans-ocean News Service, sudahpun mempunyai beberapa cawangan di Timur Jauh termasuk di Hong Kong, Bangkok, dan Batavia (Jakarta). Ia juga ada mengirim berita secara pos kepada kumpulan akhbar Straits Times di Singapura dari Batavia (Jakarta), kumpulan akhbar itu menggunakannya sekali-sekala walaupun berita itu lewat. Trans-ocean News Service pernah membekalkan berita antara tahun 1926–1930 dari Berlin melalui kabel. Bagaimanapun, usaha untuk menubuhkan sebuah cawangan di Singapura dilakukan hanya pada awal tahun 1939.

Cadangan Perkhidmatan Agensi Berita Jerman di Singapura

Kerja-kerja awal ke arah penubuhan cawangan perkhidmatan untuk agensi berita Jerman dibuat melalui Konsul Jeneral Jerman di Singapura, Dr. Windecker. Dr. Windecker telah mengemukakan hasrat Kerajaan Jerman untuk melantik seorang ejen untuk menerima berita dan akhbar dari Jerman untuk pengedaran di Singapura kepada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir T. S. W. Thomas. Dr. Windecker bertanya tentang kemungkinan sebarang bantahan terhadap perlantikan tersebut.⁴⁹ Dalam pertemuan dengan Gabenor Thomas itu Dr. Windecker menunjukkan beberapa isu akhbar Siam yang mengandungi berita-berita, setiap satunya dimulakan dengan kenyataan bahawa berita itu menggunakan punca Jerman. Bagaimanapun, Dr. Windecker menyatakan penggunaan perkhidmatan itu terpulang kepada akhbar Malaya.

Selepas berbincang dengan para pegawainya, iaitu Setiausaha Kolonial dan Peguam Negara, Sir T. S. W. Thomas menulis surat kepada Dr. Windecker menyatakan bahawa beliau tidak dapat memberi sebarang galakan terhadap cadangannya itu. Dalam suratnya kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald, untuk memaklumkan mengenai pertemuan itu serta

jawapan beliau kepada Konsul Jeneral bagi Jerman itu, Sir Thomas menyatakan harapan “bahawa saya telah bertindak sebagaimana yang tuan harapkan.”⁵⁰ Beliau menyatakan kebimbangannya yang cadangan perkhidmatan itu mungkin langkah pertama ke arah keadaan yang wujud di Bangkok sebagaimana yang diulas dengan tegas oleh Sir Josiah Crosby (Ketua Perwakilan British di Bangkok) dalam laporan sulit no. 67 bertarikh 9 Februari 1938 kepada Setiausaha Negara bagi Hal-Ehwal Luar. Selanjutnya Gabenor itu berkata bahawa bolehlah dijangkakan berita yang bakal dibekalkan oleh perkhidmatan itu murah harganya; dan adalah keterlaluan untuk mengharapkan akhbar tempatan untuk menolak daripada berlanggan kepadanya. Beliau juga berkata adalah tidak mungkin untuk mengehadrkannya kepada akhbar yang dicetak dalam bahasa Inggeris sahaja, dan semua berita terpaksa dibaca dengan cukup teliti walaupun sesuatu yang berupa penapisan tidak dikenakan. Beliau nampak berbagai-bagai masalah dalam cadangan itu.⁵¹

Surat Gabenor itu telah diedar di kalangan beberapa orang pegawai tinggi di Pejabat Tanah Jajahan di London. A. N. Galsworthy, pegawai di Pejabat Tanah Jajahan dalam minitnya pada 9 Februari 1939 berkata:

*My personal feeling is that the Governor has acted wisely in this matter. German news is more disseminated even than Japanese in the adjacent territory of Siam; and in view of the tendentious nature of the German Official news service, and the fact that this news would be retailed at the cheapest possible prices, I can only think that it would be a pity to grant it any facilities whatsoever in Singapore.*⁵²

Pejabat Tanah Jajahan telah merujuk kepada Pejabat Luar yang kemudiannya menjawab menyatakan persetujuannya dengan langkah yang diambil itu. Surat Pejabat Luar kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 7 Mac 1939 bersetuju dengan langkah yang dicadangkan oleh MacDonald, iaitu tidak memberi galakan kepada usaha Jerman itu. Surat itu berbunyi:

*With reference to your letter 50601/39 of the 20th February last, I am directed by Viscount Halifax to state that he concurs in Mr. Secretary MacDonald's proposal to inform the Governor of the Straits Settlements that his action in refusing any encouragement to the suggested appointment by the German Government of a distributor of German news in Singapore is approved.*⁵³

Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald kemudian mengutuskan jawapan bertarikh 17 Mac 1939 kepada Gabenor Negeri-negeri Selat memaklumkan persetujuannya mengenai tindakan Gabenor itu.⁵⁴

Jawapan yang diberikan kepada Konsul Jeneral bagi Jerman. Dr. Windecker menolak secara diplomasi cadangan pelantikan seorang ejen di Singapura nampaknya tidak dianggap sebagai penolakan oleh pihak Jerman. Pada bulan Mac 1939, seorang pegawai tinggi agensi berita Trans-ocean News Service telah datang berunding dengan *Straits Times* dalam usaha untuk membuka cawangan di Singapura. Pegawai tersebut ialah Hans H. P. Melchers, Pengurus Besar Trans-ocean News Service bagi Timur Jauh. Beliau telah berbincang dengan seorang pegawai yang bernama Seabridge, seorang pegawai kanan *Straits Times*. Selepas perbincangan tersebut Melchers pergi ke Kuala Lumpur dan berbincang dengan Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf J. V. Cowgill pada 6 Mac 1939 mengenai penerimaan berita melalui wayarles dari Jerman. Pertemuan itu dibuat untuk mendapat kebenaran kerajaan bagi penerimaan itu dan untuk melihat dari segi kemungkinan teknikal serta kosnya.

Dalam pertemuan dengan Cowgill itu, Melchers memaklumkan bahawa beliau telah menemui Seabridge dari *Straits Times*, di mana beliau sedang berunding untuk membekalkan buletin berita kepada akhbar *Straits Times*. Besar kemungkinan ia akan hanya dibekalkan kepada kumpulan *Straits Times* saja.⁵⁵ Beliau ingin tahu daripada Cowgill sama ada Jabatan Pos dan Telegraf dapat menerima berita yang disalurkan terus dari Jerman sehingga kira-kira 7,000 perkataan sehari. Beliau juga memberitahu bahawa perkhidmatan beritanya dibekalkan kepada akhbar-akhbar di Hong Kong dan "that it was so inoffensive a character that no occasion had ever arisen in Hong Kong to censor or expurgate it."⁵⁶ Cowgill telah meminta Melchers mengemukakan cadangannya dalam bentuk bertulis.

Sebaik saja pulang dari pertemuan dengan Cowgill, Melchers menulis surat permohonan yang diminta itu. Beliau memaklumkan bahawa syarikatnya, yang membekalkan perkhidmatan berita yang menyeluruh di seluruh dunia, bercadang menubuhkan sebuah cawangan di Singapura dengan tujuan untuk membekalkan berita kepada akhbar-akhbar di situ. Beliau difahamkan bahawa, sama seperti keadaan di Hong Kong, sebarang perkhidmatan wayarles akhbar mesti diterima melalui Jabatan Pos dan Telegraf kerajaan yang akan mengenakan kos menerima kepada agensi berita yang mengirimnya. Melchers memohon supaya Jabatan itu memaklumkan kepadanya syarat-syarat dan kos yang dikenakan bagi Jabatan itu bersedia untuk menerima perkhidmatan berita itu.⁵⁷

Menurut Melchers selain Hong Kong, perkhidmatan berita itu diterima di beberapa tanah jajahan British dan diedarkan kepada akhbar British di seluruh dunia yang banyak menggunakannya. Selanjutnya beliau cuba mempertahankan perkhidmatan beritanya sebagai berwibawa dan berasaskan itu ia memohon

dibenar untuk diedarkan. Melchers berkata agensinya tidak membekalkan berita propaganda, dan ia sering menggunakan sumber British.⁵⁸

Surat Pengurus Besar Trans-ocean News Service Hans H. P. Melchers Kepada Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf, J. V. Cowgill, bertarikh 6 Mac 1939, antara lainnya menyebut:

It is not propaganda news and our agency always refrain from making any comments of its own on any important political events but prefers to quote either competent personalities or newspapers, the latter often British ones. In our many years of receiving and distributing news in Hong Kong for instance we have never had a single item rejected by the authorities as objectionable. I assume therefore that there will be no objection here to the receiving and distributing of our press service.

Melchers juga menyertakan masa penghantaran dan jarak gelombang untuk memberi peluang kepada Jabatan itu menguji dan mengira kos penerimaan demikian. Beliau memerlukan jawapan yang segera kerana beliau tidak lama di Singapura. Beliau juga memaklumkan berikutan dengan keputusan untuk menubuhkan cawangan di Singapura, seorang ejen akan dilantik yang boleh menguruskan semua perkara semasa. Melchers juga menyebut mengenai item berita yang dikirim ke Singapura secara surat dari Batavia dan akhbar kumpulan *Straits Times* menggunakannya sekali-sekala. Beliau juga menambah bahawa dalam tahun-tahun sebelum 1930, dari tahun 1926 dan seterusnya, berita dari syarikatnya diterima secara terus dari Berlin dan digunakan oleh akhbar-akhbar di sini.⁵⁹

Sebagai alamat untuk jawapan, Melchers memberi Jerman Pejabat Konsul Jeneral, 17 Scotts Road, Singapura. Dalam surat yang berasingan, beliau mengepilkan kadar yang dikenakan oleh kerajaan Hong Kong dan satu salinan *South China Morning Post* yang menunjukkan banyaknya berita Trans-ocean News Service digunakan dan juga bentuk berita yang "tidak bermuslihat".

Cowgill dalam memorandumnya kepada Gabenor Thomas menyebut bahawa perkhidmatan agensi itu antara tahun 1926 hingga 1930, terus dari Berlin ialah dalam bentuk kabel dan bukan wayarles seperti yang hendak dipohon. Cowgill tidak mempunyai maklumat sejauh mana perkhidmatan kabel itu digunakan atau kenapa ia ditamatkan. Mengenai permohonan yang baru itu, Cowgill berkata dari segi teknikal tidak terdapat banyak kesukaran untuk menerima pengiriman itu yang sudah pun diterima oleh Bangkok dan Jawa. Cowgill juga memaklumkan bahawa penerimaan secara percubaan patut diadakan dan satu atau dua orang operator tambahan perlu diambil. Beliau juga berkata bahawa jika tidak ada bantahan dari segi polisi, jabatan tidak ada halangan. Beliau meminta arahan daripada Gabenor mengenai permohonan itu.⁶⁰

Pada 29 Mac 1939 Gabenor Negeri-negeri Selat mengirim kawat rahsia ke Pejabat Tanah Jajahan yang menyertakan salinan memo daripada Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf dan surat permohonan Hans H. P. Melchers untuk memaklumkan mengenai perkembangan terbaru itu. Beliau berkata nampaknya Trans-ocean News Service sedang berusaha hendak menempatkan pertubuhan itu di Malaya.⁶¹ Beliau juga berkata nampaknya pertanyaan yang dibuat oleh Konsul Jeneral Jerman adalah bagi pihak Trans-ocean News Service. Sir Thomas selanjutnya berkata mengambil kira kiriman sulit daripada Setiausaha Negara bertarikh 17 Mac 1939 itu, beliau telah mengarahkan Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf untuk menjawab permohonan Melchers bahawa beliau tidak dapat menerima sebarang perutusan wayarles bagi pihaknya.⁶² A. N. Galsworthy, pegawai di Pejabat Tanah Jajahan, London dalam minitnya pada 26 April 1939 berkata tindakan yang diambil oleh Gabenor itu adalah betul.⁶³

Dengan keputusan kerajaan itu, rancangan Jerman atau secara khususnya rancangan Trans-ocean News Service untuk mengembangkan perkhidmatannya ke Singapura telah dihalang. Jika perkhidmatan itu dibenarkan oleh kerajaan, ia mungkin menambah masalah kepada kerajaan kerana Jepun juga sedang mengorak langkah mengembangkan propagandanya.

Catatan

1. C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1988*, (Singapore: Oxford University Press, 1989), 125.
2. N. Tarling, *The Singapore Mutiny of 1915*: 26-59, 42
3. Ibid. 42.
4. *The Straits Times*, 16 Feb. 1915.
5. Ibid. Makluman oleh Editor *The Straits Times*, 16 Feb. 1915:
To our readers,
Circumstances which we shall have an opportunity of explaining at greater length in due course, have made us decide to restrict our issue today to four pages, containing the whole of the war telegrams to hand since we published on Saturday the 13th instant.
The local situation, which has for the time being created disturbance of normal arrangement, is well in hand, we are glad to say, and we hope that an ordinary issue of the *Straits Times* will be made tomorrow.
Meantime we beg the indulgence of our readers. For the present the matter of supreme interest is news from the seat of war and that means we present here with.
6. *The Straits Times*, 17 Feb. 1915.
7. Ibid.
8. *The Straits Times*, 18 Feb. 1915.
9. *The Malay Mail*, 17 Feb. 1915.
10. Ibid.
11. CO 273/433, Letter from Lucas in India Office to Butler dated 20 Feb. 1915.
12. CO 273/433 Surat daripada Military Secretary, India Office M. Selwyn kepada Undersecretary of State, Colonial Office, bertarikh 5 Mac 1915
13. CO 273/433, Letter dari Colonial Office kepada India Office bertarikh 2 Mac 1915.
14. C. F. Yong & R. B. McKenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya 1912-949*, (Singapore: Singapore University Press 1990), 22-23
15. Ibid., 24.
16. Ibid., 23.
17. Ibid., 24.
18. Ibid., 25.
19. Ibid., 25.
20. Ibid., 228.
21. Ibid., 59.
22. Ibid., 59.
23. Ibid., 228.
24. Ibid., 228.
25. Ibid., 228.

26. Ibid., 228.
27. Ibid., 229.
28. Ibid., 229.
29. Ibid., Appendix B, 247.
30. Ibid., 230.
31. Ibid., 182.
32. Ibid., 182.
33. Ibid., 182.
34. Ibid., 182.
35. Ibid., 138.
36. CO 273/567/72177, enclosure Legislative Council meeting, 25 Mac 1930, 16.
37. Ibid., 18. Jawapan Governor Sir Cecil Clementi di Legislative Council, 25 Mac 1930:
There has been no interference with the freedom of the English press in Malaya in this respect or any other; but I am glad to see that the English press has refrained largely from comment. The matter is a delicate one. It involves the foreign relations of Great Britain and China and, in such a matter, "least said soonest mended." There is, however, and must continue to be in existing circumstances, a censorship of the vernacular press. Such censorship is not peculiar to Malaya. It exists also in Hong Kong; and so long as subversive propaganda is sent into this Colony by anti-British organisations, and so long as there is propaganda with regards Malaya itself as terra irredenta one day to be dominated by China, so long must these hostile manifestations be carefully watched by Government, in order that there may be not disturbances of the friendly relations which, as I have noticed with the utmost pleasure, exist throughout Malaya between race and race.
38. Ibid., 18.
39. Ibid. Letter from Governor Straits Settlements, Sir Cecil Clementi to Secretary of State for the Colonies, 9 September 1930.
40. Ibid.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Ibid. Minit beredar (enclosure). Komen dalam Minit Beredar di Colonial Office:
... there is little danger that in suppressing any section of the "mosquito press" the government may "slay an immortality". At the same time the principle of arbitrary suppression is liable to abuse and is repugnant to notions commonly held in this country.
Komen seorang pegawai lain:
The whole system is so repugnant to our ideas of freedom of the press that it should be permitted to continue only if absolutely necessary.
Seorang pegawai lain pula berkata:
It would be absurd to introduce our English notions into such a community as Malaysians, with its mixed and shifting population of ignorant and excitable Chinese coolies. Also to my mind it is most unfair to these wretched coolies; who are the persons who get shot when disturbances occur, to allow seditious matter to be circulated amongst them, subject only to the uncertain prospect of as criminal prosecution of the writer.

44. Ibid.
45. Ibid.
46. Ibid.
47. CO 273/657/50601, Confidential Despatch dari Ketua British Legation Bangkok, Sir Josiah Crosby kepada Secretary of State for Foreign Office Anthony Eden, 9 Feb. 1938.
48. Ibid.
49. CO 273/657/50601, Surat Pengurus Besar Transocean News Service bagi Timur Jauh Hans H. P. Melchers kepada Pemangku Pengarah Posts and Telegraphs J.V. Cowgill, 6 Mac 1939.
50. CO 273/657/50601, Surat Governor Straits Settlements Sir T. S. W. Thomas kepada Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald, 24 Jan. 1939.
51. CO 273/657/50601, Ibid.
52. CO 273/657/50601, Minit dalam fail beredar.
53. CO 273/657/50601, Surat Foreign Office kepada Colonial Office, 7 Mac 1939.
54. CO 273/657/50601, Draf surat Secretary of State for the Colonies kepada Governor Straits Settlements, yang kemudiannya diberi tarikh 17 Mac 1939. Surat Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald kepada Governor Straits Settlements, Sir T. S. W. Thomas, bertarikh 17 Mac 1939:

I have etc., to acknowledge the receipt of your confidential despatch of 24th Jan., and to inform you that I approve your action in refusing any encouragement to the suggested appointment by the German Government of a distributor of German news in Singapore.
55. CO 273/657/50601, Surat Hans H. P. Melchers kepada (Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Pos dan Telegraf, Malaya, 6 Mac 1939).
56. CO 273/657/50601, Memorandum (Confidential) Pemangku Ketua Pengarah Posts dan Telegraphs kepada Governor Straits Settlements Sir T.S. W. Thomas, 10 Mac 1939.
57. CO 273/657/50601, Surat Pengurus Besar Transocean News Service Hans H. P. Melchers kepada Pemangku Ketua Pengarah Posts dan Telegraph J.V. Cowgill bertarikh 6 Mac 1939.
58. Ibid.
59. Ibid.
60. CO 273/657/50601. Memorandum Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf J.V. Cowgill kepada Gobenor Straits Settlements Sir Shenton Thomas, 10 Mac 1939.

BAB 11

Membendung Pengaruh Jepun

KEHADIRAN RAKYAT JEPUN DI SINGAPURA DAN TANAH MELAYU telah menarik perhatian kerajaan Negeri-negeri Selat. Rekod perisikan oleh Polis Cawangan Khas Negeri-negeri Selat bermula kira-kira tahun 20-an. Penyelidikan yang dibuat di Pejabat Rekod Awam, London mendapati antara rekod-rekod ini ditakrif rahsia dan ditutup untuk selama 50 tahun dan ada yang ditutup untuk selama 100 tahun. Walaupun ada rekod-rekod ini yang sepatutnya sudah boleh dibuka, percubaan untuk membacanya di Pejabat Rekod Awam tidak berhasil kerana bahannya tidak ada dalam fail berkenaan atau telah dipulangkan kepada jabatan asal. Jika maklumat ini diperolehi ia mungkin memberi gambaran yang lebih mendalam tentang penglibatan Jepun. Namun bahan yang dikaji dapat juga menunjukkan kegiatan Jepun di Singapura dan Tanah Melayu dan akibatnya undang-undang diperkenalkan khusus untuk membendung pengaruh Jepun ini.

Propaganda Jepun Melalui Akhbar

Kegiatan penyampaian maklumat yang memberi faedah kepada Jepun, atau ringkasnya propaganda, sudah tersedia menjelang tahun 1938. Jepun sudah mempunyai beberapa buah akhbar dalam bahasa Cina dan Jepun di Singapura. Ia juga memperkenalkan bahasa Inggeris dalam kolum, dan edisi mingguan

sebagai usaha memperkenalkan edisi harian dalam bahasa Inggeris. Dalam tahun 1938, akhbar yang boleh dikaitkan dengan proses propaganda Jepun ialah *Singapore Nippo*, *Nanyo Nichi Nichi*, dan sebuah agensi berita Eastern News Agency atau dalam bahasa Jepunnya Toho Tsushin Sha. *Singapore Nippo*, mulai awal tahun 1938, mengeluarkan berita dalam bahasa Inggeris dalam lajurnya dari semasa ke semasa. Kemudian pada 23 Mac 1938, ia mula menerbitkan edisi mingguan dalam bahasa Inggeris yang diedar secara percuma. Pada 25 Oktober 1938 Eastern News Agency memulakan pengedaran percuma surat berita dalam bahasa Inggeris dan Jepun. Pada 12 Januari 1939, *Nanyo Nichi Nichi* menerbitkan berita ringkas dalam bahasa Cina dalam akhbar biasanya. Pada 21 dan 23 Januari 1939 *Singapore Nippo* dan *Nanyo Nichi Nichi* menerbitkan ucapan seorang pemimpin Jepun (Arita) sepenuhnya dalam bahasa Jepun dan Cina.¹

Pada 5 Julai 1939, Pengarah Polis Cawangan Khas Negeri-negeri Selat, E. E. H. Beck, memaklumkan kepada Setiausaha Kolonial Negeri-negeri Selat mengenai kegiatan propaganda Jepun dengan lebih terperinci dengan menyertakan kajian terhadap kandungan berita akhbar dan agensi berita Jepun di Singapura. Akhbar yang diliputi ialah *The Singapore Nippo*, *Nanyo Nichi Shimbun*, *Nanyo Oyobi Nihonjin* (mingguan) *The Singapore Herald*, *Singapore Nippo* (edisi bahasa Cina—mingguan) *Eastern News Agency Daily Bulletin*. Menurut laporan Cawangan Khas itu, *The Singapore Herald*, *Singapore Nippo* (edisi bahasa Cina) dan *Eastern News Agency Daily Bulletin* dilancarkan dalam masa lapan bulan sebelum itu dengan objek khususnya memberi propaganda Jepun.² The Eastern News Agency dijalankan untuk Konsul Jeneral Jepun oleh pewarta Domei di Singapura dan “merupakan inspirasi bagi akhbar Jepun tempatan yang lain.”³ Walaupun akhbar-akhbar Jepun itu menggunakan *Reuters* untuk berita yang lain tetapi “pada asasnya kewartawanan Jepun ialah Eastern News Agency.”⁴ Kajian yang dibuat setiap hari oleh pihak Cawangan Khas menunjukkan perubahan dalam nada buletin Eastern News Agency dari propaganda biasa kepada propaganda ke tahap histeria.⁵

Laporan itu juga menyertakan koleksi sedutan berita buletin Eastern News Agency yang dianggap sangat tidak memuaskan yang dibahagikan kepada tiga kelas iaitu kenyataan yang bertujuan untuk menjatuhkan air muka Great Britain, bahan yang berkemungkinan digunakan oleh Jepun untuk menghentam Great Britain dan kenyataan yang tidak selaras dengan fakta.⁶

Laporan itu mencadangkan takrif yang berpatutan mengenai “pengucapan yang tidak disukai” sebagai “kenyataan yang orang biasa akan objek”. Selanjutnya

laporan itu menjelaskan bahawa walaupun akhbar tempatan British dan akhbar asing di luar Malaya berhak mengkritik kerajaan British dan politiknya, akhbar asing di tanah British perlulah mengawal kritikkannya.⁷

Laporan itu merumuskan bahawa kajian itu menunjukkan satu keadaan mentaliti dan kurangnya budi bicara yang tidak dapat diketepikan oleh kerajaan tanpa menghilangkanan prestij. Oleh yang demikian Pengarah Cawangan Khas itu mencadangkan lesen percetakan yang dikeluarkan kepada Eastern News Agency ditarik balik dengan segera dan secara kekal.⁸

Tujuan utama propaganda Jepun di Singapura ialah untuk menarik kesetiaan orang Cina daripada Chiang Kai-Shek. Pada waktu itu sikap orang China adalah tersangat anti-Jepun dan pro-British.⁹ Menurut laporan Cawangan Khas, rancangan propaganda diatur di Tokyo oleh Kodam Kenji yang menyebut dalam sepucuk surat bertarikh 5 November 1938 bahawa cara untuk memenangi orang China seberang laut ialah dengan menerbitkan ringkasan yang menunjukkan bahawa orang China seberang laut terhutang budi kepada askar Jepun, yang di bawah kerajaan boneka baru (di China), sedang melindungi kehidupan dan harta benda orang China.¹⁰ Menurut laporan itu arahan ini sedang dijalankan dan berbagai-bagai kenyataan ke arah ini dipercayai seluruhnya palsu dicetak dalam akhbar Jepun tempatan. Juga diputuskan bahawa *Singapore Nippo* akan menukarkan edisi bahasa Inggerisnya menjadi harian, dan untuk tujuan ini ia diberi subsidi (oleh pengatur rancangan di Tokyo) sebanyak 10,000 yen setahun. *Singapore Nippo* menerbitkan edisi mingguan China empat muka di bawah panduan Konsul Jeneral Jepun dan Ohara. Penerbitan bermula dari Tahun Baru Cina—20 Februari 1939. Menurut laporan Cawangan Khas, itu, keadaan ketika ini ialah *Singapore Nippo* menerbitkan edisi mingguan dalam bahasa Inggeris. *Singapore Nippo* juga menerbitkan dari semasa ke semasa item dalam bahasa China dalam edisi hariannya. Eastern News Agency menerbitkan berita dalam Bahasa Inggeris dua kali sehari. Cawangan khas juga menjangkakan menjelang 20 Februari 1939 keadaan ini mungkin berlaku: *Singapore Nippo* dan Eastern News Agency akan menduduki pejabat bersama di Robinson Road. *Singapore Nippo* akan mengeluarkan edisi harian bahasa Inggeris dan edisi mingguan China Eastern News Agency akan mengeluarkan berita dua kali sehari dalam bahasa Inggeris dan mungkin juga dalam bahasa Cina.

Pada ketika itu, Singapura dianggap penting kepada pertahanan Empayar British. Ia menjadi benteng dan ini diperkukuhkan dengan pertahanan tentera, terutama tentera laut yang besar. Bagaimanapun, apa yang lebih mengkhawatirkan kerajaan Negeri-negeri Selat ialah Singapura mempunyai penduduk China yang besar. Penduduk China ini berkerakyatan asing “yang tidak mempunyai obligasi

terhadap Great Britain walaupun mereka mungkin sekarang ini menghayati faedah pemerintahan British".¹¹ Dalam laporan banci tahun 1931 jumlah penduduk Singapura ialah 567,453 dan 421,821 daripadanya adalah China. Perbandingan penduduk China dengan yang lain pada tahun 1939 tidaklah rendah daripada dahulu. Jumlah penduduk di Negeri-negeri Selat ialah 663,518 dan 408,389 adalah China. Gabenor Thomas yang memaklumkan perkara itu kepada Pejabat Tanah Jajahan menyebut dalam suratnya bahawa, "Adalah jelas kita tidak dapat membenarkan orang ini terdedah kepada propaganda anti-British dan pro-Jepun."¹²

Apabila Konsul Penyelia di Shanghai, A. G. N. Ogden, singgah di Singapura dalam perjalanan pulang ke England untuk bercuti, Gabenor Thomas sempat berbincang mengenai masalah propaganda Jepun yang dihadapi di Singapura. Gabenor Thomas diberitahu bahawa peraturan di Shanghai dikenakan kerana Shanghai adalah sebuah Petempatan Antarabangsa dan kekacauan mestilah dielakkan. Thomas menjawab bahawa Singapura adalah sebuah pangkalan tentera laut, keselamatannya adalah menjadi perhatian Maharaja.

Dalam kiriman rahsia bertarikh 29 Mac 1939, Gabenor Thomas memaklumkan kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm Macdonald tentang permohonan Konsul Jeneral Jerman di Singapura untuk kemudahan menerima berita yang dikirim oleh Trans-ocean News Service. Sepuluh hari kemudian, dalam surat bertarikh 8 April 1939, juga kepada McDonald, Gabenor Thomas memaklumkan bahawa permohonan juga diterima dari *Singapore Herald* (akhbar yang dikendalikan oleh kepentingan Jepun) untuk kemudahan mendapatkan berita yang disalurkan oleh Domei Agency. Kedua-dua permohonan tersebut ditolak. Gabenor Thomas menegaskan, "tetapi ia memberi alasan untuk memikirkan sama ada benar laporan yang mengatakan bahawa Jerman, Itali, dan Jepun sedang bersatu, atau berbincang untuk menyatukan bagi tujuan menyebarkan berita dan propaganda yang menguntungkan negara-negara totalitarian itu."¹³

Penubuhan *Singapore Herald*

Penubuhan *The Singapore Herald* bolehlah dianggap sebagai melengkapkan alat propaganda Jepun yang sebelum penubuhannya sudah pun mempunyai akhbar dalam bahasa Jepun dan Cina. Rancangan penubuhan akhbar itu telah diambil perhatian berat bukan saja oleh kerajaan tetapi juga oleh pihak akhbar sendiri. Malah pihak Pejabat Tanah Jajahan di London berusaha

mendapatkan maklumat dari sumber tidak rasmi iaitu daripada mereka yang bertugas dalam akhbar, mungkin untuk digunakan sebagai perbandingan dengan laporan rasmi yang dihantar oleh Gabenor Negeri-negeri Selat.

Pada 26 Mac 1939, *Singapore Nippo*, yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris, memperkenalkan akhbar *The Singapore Herald* yang akan diterbitkan.¹⁴ *The Straits Times* dalam rencana pengarangnya pada 29 Mac 1939 dengan tajuk "Japanese Kultur" merujuk kepada pengumuman tentang *Singapore Herald* itu, sambil menyatakan bahawa pengumuman tersebut tidak menyatakan siapakah di belakangnya yang memberi modal untuk akhbar itu.¹⁵

Rencana pengarang *The Straits Times* itu selanjutnya berkata bahawa sebagai sebuah usaha perniagaan *Singapore Herald* tidak menarik perhatian. Tetapi akhbar itu berfikir tidak dapat disangsikan kerajaan Jepun sangat berminat dengan projek itu. Akhbar itu mengatakan ia mengetahui Konsul Jeneral Jepun merasakan terdapat "kurang fahaman" mengenai polisi Jepun di kalangan akhbar Singapura pada waktu itu. Oleh itu *The Straits Times* mengandaikan bahawa tujuan *Singapore Herald* ialah untuk menunjukkan penghayatan aspirasi Tokio yang tidak terdapat pada akhbar yang wujud ketika itu.¹⁶

Selanjutnya ia berkata editor akhbar baru itu ialah Hosagawa, seorang wartawan Jepun yang mendapat didikan Amerika, dan ia difahamkan bahawa tujuannya ialah untuk menghebahkan ke dunia sebelah sini "cita-cita budaya" Jepun. Beliau akan dibantu oleh seorang penyunting berbangsa Inggeris dan beberapa orang wartawan rakyat Asia tempatan.¹⁷

The Singapore Free Press melaporkan pada 20 Mac 1939 atas tajuk "New Daily Newspaper for Singapore: Tokio Fund Behind Herald", menyebut bahawa akhbar *Singapore Herald* diterbitkan atas kepentingan Jepun dengan tujuan untuk menghebahkan cita-cita budaya Jepun di dunia sebelah sini.¹⁸

The Singapore Free Press juga memaklumkan bahawa staf akhbar itu termasuk seorang editor muda berbangsa Jepun, yang dilatih di Amerika Syarikat, seorang sub-editor berbangsa Inggeris dan beberapa orang wartawan India dan Serani. Akhbar itu akan mengikut gaya Amerika dalam persembahan beritanya. Akhbar itu akan diterbitkan pada sebelah petang. Ia akan dicetak oleh sebuah percetakan rotary yang moden. Menurut akhbar itu pendapat di kalangan wartawan Singapura tentang kemungkinan berjayanya akhbar ini adalah berbelah bagi. Majoriti percaya peluangnya untuk hidup tanpa bantuan kewangan yang besar daripada kerajaan Jepun atau dalam bentuk subsidi yang lain adalah tipis.¹⁹

Pejabat Tanah Jajahan juga mendapat maklumat daripada sumber tidak rasmi iaitu melalui dua orang staf kanan *Straits Times*, G. W. Seabridge dan G. R. Tonkin, mengenai penubuhan *The Singapore Herald* itu. Seabridge yang memberi laporan itu dari Singapura, telah menyampaikannya melalui Tonkin di London. Tonkin telah mengutus surat kepada Seabridge pada 19 April 1939 bertanyakan mengenai penubuhan *The Singapore Herald*. Seabridge dalam jawapannya pada 28 April 1939, memberitahu bahawa orang yang bertanggungjawab mengenai idea menubuhkan akhbar itu ialah Konsul Jeneral Jepun Issaku Okamoto, yang pernah berkhidmat di Amerika Syarikat. Di sana beliau mengenali seorang wartawan bernama Hosagawa, yang mendapat latihan akhbar di Chicago dan dikatakan seorang rakyat Amerika.²⁰ Hosagawa telah dilantik menjadi editor *Singapore Herald*. Penerbit akhbar itu, iaitu Shohei Nagao, yang juga merupakan pemilik "dami" akhbar itu, telah lama tinggal di Singapura dan sebelum ini telah mencetak dan menerbitkan sebuah mingguan kecil dalam bahasa Inggeris dan sebuah akhbar harian dalam bahasa Jepun.

Menurut Seabridge lagi, selain Hosagawa kakitangan *The Singapore Herald* terdiri daripada seorang berbangsa Inggeris bernama Frank Love, yang dilepaskan oleh *The Straits Times* pada akhir Februari 1939. Dia seorang yang baik tetapi kurang cekap. Satu-satunya sebab ia bekerja di akhbar itu ialah untuk mendapatkan wang yang cukup untuk membayar tambang balik ke England melalui Amerika Syarikat. Kakitangan yang lain terdiri daripada bangsa Serani dan India. Pekerja-pekerja kilang terdiri daripada orang India dan Cina, tetapi orang Cina enggan bekerja di situ kerana dua orang daripada mereka dipukul dengan teruk beberapa hari sebelum akhbar itu diterbitkan.

Penubuhan *The Singapore Herald* telah menyebabkan kerajaan mencari jalan untuk mengawal penerbitan akhbar sedemikian. Pandangan awal mengenainya ialah ia perlu dikawal dengan mengenakan syarat bahasa. Menurut Seabridge, kerajaan memberi pertimbangan yang serius mengenai akhbar itu apabila ia pertama kali diumumkan, tetapi oleh kerana ia berlaku tidak lama selepas protes mengenai penggeledahan rumah orang Jepun di Singapura, terdapat sedikit keengganan untuk bertindak menahan lesen di bawah Ordinan Mesin Cetak.

Beberapa orang anggota kerajaan dan sekurang-kurangnya seorang anggota bukan rasmi dalam Majlis Eksekutif tegas berpendapat bahawa sesuatu tindakan perlu diambil. Idea Peguam Negara ialah undang-undang patut dibuat untuk memberi kuasa kepada kerajaan untuk memutuskan dalam bahasa apa propaganda bercetak itu boleh dibenarkan. Jika ini dilakukan *Singapore Herald* boleh

diberitahu bahawa ia hanya boleh dicetak dalam bahasa Jepun, dengan demikian ia boleh mengehadkan kegiatan propaganda kepada rakyat Jepun saja. Seabridge sendiri berpendapat penyelesaian cara itu adalah yang paling baik kepada masalah tersebut kerana di Jepun akhbar yang dimiliki atau dikuasai oleh orang Inggeris hanya boleh diterbitkan dalam bahasa Inggeris.

Seabridge juga berkata bahawa dalam bentuknya sekarang (pada ketika beliau menulis surat itu) akhbar itu tidaklah berbahaya sangat. Bagaimanapun, potensi bahayanya adalah cukup besar dan duluan yang diwujudkan memudahkan kerajaan ini untuk bertindak jika wang Nazi atau Fasis, dihantar ke Singapura untuk memberi subsidi penerbitan dalam bahasa Inggeris, Cina, atau Melayu yang bertujuan melemahkan kesetiaan orang Asia.

Seabridge juga melihat kejanggalan dalam perkhidmatan *Reuter* yang membekalkan berita kepada *Singapore Herald*. Beliau memberitahu bahawa *Singapore Herald* menggunakan perkhidmatan *Reuter*, tetapi perkhidmatan itu diambil selepas akhbar itu cuba mendapat perkhidmatan dari International News Service (INS). Perkhidmatan itu hanya untuk sehari sahaja dan kemudian dihentikan oleh INS. Seabridge berpendapat bahawa ia disebabkan oleh hasil peraturan yang dibuat antara *Reuter* dan INS.

Selepas suratnya yang awal yang dikirim melalui Tonkin, Seabridge mengirimkan surat selanjutnya terus kepada Pegawai Publisiti Pejabat Tanah Jajahan, A Ridgway, pada 20 Jun 1939. Seabridge memberitahu tentang perkembangan terbaru berhubung dengan *Singapore Herald*, akhbar harian bahasa Inggeris yang dikawal dan diedit oleh Jepun dan dilancarkan di Singapura pada bulan April, dan menyatakan kerisauannya tentang bahaya yang boleh berlaku jika projek ini dibenarkan berterusan.²¹ Dari pandangan akhbar lain, akhbar ini tidak memberi masalah langsung. Pengedarannya di Singapura masih dalam lingkungan 800 naskhah dan sejumlah daripadanya diberi percuma. Hasil iklannya diperoleh sepenuhnya daripada firma Jepun. Sebahagian besar daripada firma ini tidak mengiklankan perniagaan mereka dan tidak pernah mengiklan di tempat lain.

Seabridge berkata apabila akhbar itu pertama kali dilancarkan, ia mempunyai seorang editor, seorang Jepun yang dilahirkan di Amerika Syarikat dan memiliki passport Amerika. Seorang lagi orang Jepun yang dilahirkan di Amerika telah menyertai akhbar itu. Beliau juga seorang rakyat Amerika. Oleh yang demikian orang-orang ini tidak akan termasuk dalam sebarang pengharaman yang mungkin dikenakan terhadap rakyat Jepun. Tentunya mereka dengan keras menafikan akhbar itu mempunyai tujuan propaganda dan menafikan sebarang hubungan dengan jabatan kerajaan Jepun.

Namun demikian mereka nampaknya menghabiskan masa di pejabat Konsul Jeneral di Singapura. Lagipun, apabila editor *Singapore Free Press*, D. S. Waite, mengunjungi Konsul Jeneral Jepun I. Okamoto, kelayakan kewartawan satu-satunya orang Inggeris yang menjadi staf akhbar itu telah dibincangkan. Waite berkata orang itu dibayar terlalu rendah, dan Okamoto menyatakan beliau akan memberitahu pihak akhbar itu supaya mereka sepatutnya membayar lebih kepada wartawan berkenaan.

Menurut Seabridge sangat kurang usaha dibuat untuk menambah jualan *Singapore Herald* di Singapura. Perhatian nampaknya diberikan kepada Semenanjung Tanah Melayu dan sokongan terutamanya dicari dari kalangan orang India. Tidak seperti orang Cina, orang India tidak ada sebab khusus untuk membenci Jepun, dan malang sekali, kesetiaan mereka kepada Empire boleh dipertikaikan. Kemungkinan wujudnya bahaya daripada keadaan ini adalah jelas—pewarta separuh celik huruf mungkin boleh teracun fikiran mereka terhadap Great Britain dan mungkin akan terdorong untuk menentang kepentingan British ketika bekerja sebagai pewarta. A. N. Galworthy, pegawai kanan di Pejabat Tanah Jajahan yang menerima maklumat kiriman Seabridge membuat komen berikut dalam minitnya pada 24 Mei 1939 bahawa keadaan mungkin buruk jika kempen Jepun itu berjaya menarik sebahagian besar penduduk hasil daripada kempen yang dibuat secara halus.²²

Dalam minit Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 1 Jun 1939, seorang pegawai bernama M. Grant mengulas mengenai apa yang dihadapi di Singapura. Menurut pegawai ini apa yang ditakuti oleh kerajaan Negeri-negeri Selat ialah perpecahan pendapat politik orang Cina di Tanah Melayu. Manakala tujuan Jepun ialah untuk menagih simpati Cina daripada keadaan ketika itu yang seluruhnya memberi kesetiaan kepada Chiang Kai Shek (dengan memberi bantuan moral dan material kepadanya) dan membawa Cina di China Selatan untuk menyokong rejim boneka di Kwangtung dan bahagian yang dijajah oleh Jepun di China.²³

Tetapi seorang pegawai di Pejabat Tanah Jajahan menyatakan, "Tidak penting sangat untuk menarik perhatian kita."²⁴ Pada ketika yang lain seorang pegawai lain menyatakan bahawa terdapat kecenderungan di kalangan pegawai British di Negeri-negeri Selat untuk mewujudkan "kenakalan Jepun" tanpa apa-apa alasan.²⁵

Inilah antara sikap di Pejabat Tanah Jajahan yang membuatkan Britain tidak bersedia apabila diserang oleh Jepun, walaupun tanda-tanda sudah menunjukkan bahawa Jepun sedang bersiap sedia di bawah hidung British sendiri. Bagaimanapun, Malcolm Macdonald, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, dalam suratnya kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir T. S. W.

Thomas, pada 20 Jun 1939, nampaknya menghayati masalah yang dihadapi di Singapura. Beliau menyatakan bahawa beliau menghayati peri pentingnya Singapura dalam pertahanan seluruh Empayar British amnya dan oleh yang demikian beliau sudah diketahui sebagai ejen talam dua muka.²⁹ Apabila meletus perang antara British dan Jepun, akhbar itu ditutup manakala Ibrahim dan Ishak ditangkap dan dipenjarakan oleh British.

Catatan

1. CO 273/658/50616, Surat Governor Straits Settlements kepada Secretary of State for the Colonies Harold MacDonald bertarih 8 April 1939 lihat Enclosure 1 Japanese Propaganda.
2. CO 273/658/50616, Laporan Rahsia Special Branch S.S. Police bertarih 5 Julai 1939.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Ibid.
7. Ibid.
8. Ibid.
9. CO 273/658/50601, Minit Mesyuarat di Colonial Office, London pada 12 Jun 1939 bertajuk "Note: Japanese Propaganda in Singapore".
10. CO 273/658/50616, Surat Governor Straits Settlements kepada Secretary of State, Enclosure 1.
11. Ibid.
12. Ibid.
13. Ibid.
14. *Singapore Nippo*, 26 Mac 1939
15. *The Straits Times*, Japanese Kultur (Editorial), 29 Mac 1939.
16. Ibid.
17. Ibid.
18. *The Singapore Free Press*, New Daily Newspaper in Singapore: Tokio Fund Behind Herald, 20 Mac 1939.
19. Ibid.
20. CO 273/656/50376, Surat Seabridge kepada Tonkin (untuk Colonial Office), 28 April, 1939.
21. CO 273/656/50376, Surat Seabridge kepada A Ridgway, 20 Jun 1939.
22. CO 273/656/50376. Minit A. N. Galworthy, pegawai kanan di Colonial Office, 24 Mei 1939.
23. CO273/658/50616 Minit Colonial Office oleh seorang bernama pegawai, M. Grant, 1 Jun 1939
24. Ibid.
25. CO273/658/50616, Minit beredar (Catatan N.S. Andrews, 11 September 1939).
26. CO 273/658/50616, Surat Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald kepada Governor Straits Settlements, Sir T. S. W. Thomas, 20 Jun 1939
27. CO 273/656/50376, Surat Governor Straits Settlements Sir T. S. W. Thomas, kepada Secretary of State for the Colonies, Malcolm MacDonald, 31 Julai, 1939.

28. Mazlan Nordin, Perkembangan Persuratkhabaran Melayu dan Peranan Media, dlm. A Karim Haji Abdullah (selenggara) *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 32.
29. Elphick, P. & Smith, M. 1993. *Odd Man Out: The Story of The Singapore Traitor*, London: Hodder and Stoughton Ltd.

BAB 12

Undang-undang Membendung Pengaruh Jepun

Undang-Undang Membendung Kegiatan Propaganda Jepun

Pada 8 April 1939 Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir T. S. W. Thomas menulis sepucuk surat bertanda "rahsia" kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald memaklumkan kegiatan propaganda Jepun dengan berlandaskan laporan Cawangan Khas. Beliau menyebut tentang peraturan pengawalan terhadap penerbitan yang berkuat kuasa di Shanghai, yang mengharamkan melainkan mendapat lesen, penerbitan akhbar, risalah, atau lain-lain penerbitan, oleh rakyat British melainkan dalam bahasa Inggeris. Tujuan utama peraturan itu ialah untuk mengurangkan risiko berlaku kekacauan dan ketegangan berikutnya dengan pihak berkuasa Jepun yang berkemungkinan timbul dengan penerbitan akhbar dalam bahasa Cina oleh rakyat British yang sebenarnya hanyalah orang hadapan bagi kepentingan rakyat China.¹

Menurut Gabenor itu perundangan untuk menguatkuasakan peraturan yang sama di Negeri-negeri Selat berhubung dengan rakyat asing, misalnya akhbar yang dikawal oleh orang Jepun hanya boleh dicetak dalam bahasa Jepun boleh dielakkan dengan melantik penerima namaan dan nampaknya perundangan yang lebih berkesan diperlukan di Singapura untuk mengawal akhbar dan propaganda pada amnya.

Gabenor Thomas merasa bahawa perundangan di Cyprus, Malta, atau Palestin mungkin berguna di Negeri-negeri Selat. Beliau berkata Tanah Melayu tidak menghadapi masalah yang dihadapi oleh negara-negara tersebut. Tetapi jika potensi kekacauan wujud adalah lebih baik untuk menghalangnya daripada menunggu kekacauan itu berlaku.² Cadangan Gabenor Thomas ialah mengenakan syarat bahasa dan memberi kuasa kepada pegawai yang mengeluarkan lesen mempunyai kuasa untuk menolak sebarang permohonan.³

Gabenor Thomas berharap perakuannya diberikan kelulusan dengan segera. Beliau menyebut mengenai dua orang Cina yang dipukul kerana mereka bekerja dengan *Singapore Nippo*. Amat keterlaluan untuk mengharapkan bahawa kejadian ini adalah terpencil atau kerana pejabat akhbar itu, ataupun mereka yang ditugaskan menjual akhbar di jalanan, tidak akan menghadapi kelangsangan. Polis tidak dapat berada di mana-mana pada masa yang sama, dan walaupun serangan seperti ini secara sendirinya besar kepentingannya, bahayanya ialah pada sebarang ketika ia mungkin membawa kepada kekacauan yang amat serius.⁴ Beliau juga menyertakan dua guntingan rencana pengarang *The Straits Times* bertarikh 29 Mac 1939 dan 5 April 1939 mengenai perkara itu yang perlu dipertimbangkan.

Pejabat Tanah Jajahan mendapati di bawah undang-undang pada ketika itu terdapat peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap penerbitan perkara-perkara hasutan, tetapi penggunaannya terbukti sangat sukar dalam soal-soal propaganda halus iaitu sebagaimana yang dijangkakan. Oleh yang demikian, Gabenor memikirkan perundangan yang lebih berkesan diperlukan untuk mengawal akhbar dan propaganda luar. Beliau mencadangkan perundangan di Cyprus, Malta, atau Palestin mungkin berguna dalam hal ini, tetapi A. N. Galsworthy, seorang pegawai tinggi di Pejabat Tanah Jajahan dalam minitnya menyatakan bahawa perundangan akhbar di ketiga-tiga wilayah ini, sekurang-kurangnya dari segi perinciannya, adalah terlalu drastik bagi Tanah Melayu.⁵ Galsworthy dalam minitnya bertarikh 11 Mei 1939 menganalisis ketiga-tiga perundangan itu dan merumuskan secara amnya seperti berikut:

1. Akhbar tidak boleh dicetak atau diterbitkan tanpa permit.
2. Permit ini diberikan selepas memenuhi beberapa syarat tertentu, yang termasuk satu kenyataan mengenai bahasa penerbitan itu dan, dalam kes Palestin, suatu jaminan mengenai subjek yang akan ditulis dalam akhbar itu.
3. Suatu bond mesti dibuat.
4. Peruntukan dibuat untuk memberi amaran, atau bagi menggantung sesebuah akhbar oleh Pesuruhjaya Tinggi atau Gabenor, atau oleh sesebuah Mahkamah.⁶

Manakala perundangan yang digariskan oleh Gabenor adalah seperti berikut:

1. Akhbar tidak boleh dikeluarkan tanpa lesen.
2. Lesen ini akan menentukan syarat-syarat tertentu (termasuk bahasa).
3. Lesen boleh digantung atau dibatalkan jika sebarang syarat dilanggar.⁷

Gabenor tidak menyebut mengenai bond atau sekuriti (walaupun ini wujud di Hong Kong, dan mungkin diperlukan di Seychelles).

Menurut Galsworthy perundangan seperti itu mungkin boleh diterima walaupun penerimaannya mungkin tertakluk kepada syarat yang disertakan bagi pemberian sesuatu lesen. Satu kemungkinan bahayanya ialah akhbar-akhbar sekarang mungkin menganggap perundangan untuk mengawal akhbar yang akhirnya membawa kepada suatu bentuk penapisan dan membantah kemasukan kepada langkah-langkah yang dirangka untuk mengawal propaganda Jepun.⁸

Seorang pegawai lain, N. S. Andrews dalam minitnya pada 20 Mei 1939, antara lainnya berkata beliau ingin mengetahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Gabenor. Dalam perenggan 3 (surat Gabenor Thomas kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald) seseorang akan mengandaikan bahawa hanya penduduk Cina yang beliau takut, terutama China asing, iaitu yang bukan rakyat Singapura, dan beliau ingin melindungi mereka dari propaganda anti-British dan pro-Jepun. Beliau melihat ancaman kepada "kota" (iaitu Singapura) daripada unsur ini jika propaganda demikian tidak dikawal. Tetapi Gabenor juga nampak bahaya kepada orang Jepun dan para pekerja mereka hasil daripada keadaan permusuhan di kalangan orang Cina yang dibangkitkan oleh propaganda mereka. Cadangannya untuk pengawalan tidaklah terhad kepada akhbar dalam bahasa Cina, dan syarat-syarat untuk melesenkan akhbar-akhbar itu atau dalam keadaan apa ia boleh dibatalkan terletak kepada imiginasi.⁹

Negeri-negeri Selat sudah pun mempunyai Ordinan Mesin Cetak (Bab 208). Kelemahannya ialah tidak terdapat di dalamnya sebarang petunjuk mengenai keadaan yang bagaimana sesuatu lesen itu boleh dibatalkan. Rayuan kepada pembatalan ialah kepada Majlis Gabenor dan tidak kepada mahkamah, tetapi tidak jelas yang tindakan boleh dilakukan tanpa menyatakan sebarang sebab khusus untuk pembatalan. Katanya walaupun Setiausaha Tanah Jajahan mempunyai "budi bicara", ia tidaklah boleh dengan sewenang-wenang saja. Andrews juga mengkaji perundangan kawalan Hong Kong, Malta, Cyprus, dan Palestin dan memutuskan bahawa peraturan-peraturan itu tidak sesuai untuk digunakan di Singapura.¹⁰

Beliau berkata sebenarnya terpulang kepada Gabenor dan penasihat undang-undangnya untuk mendraf undang-undang yang mereka mahu, tetapi Pejabat Tanah Jajahan telah diminta untuk memberi pimpinan. Sebelum memutuskan pimpinan apa yang patut diberi dan Ordinan Tanah Jajahan apa, jika ada, atau sebahagian daripadanya dicadangkan sebagai model, nasihat Jabatan Am diperlukan, yang tentunya diminta nasihat mengenai Ordinan Tanah Jajahan, dan juga penasihat undang-undang.¹¹

Seorang lagi pegawai, M. Grant, dalam minitnya pada 1 Jun 1939 berkata kekhuatiran kerajaan Negeri-negeri Selat ialah perpecahan dalam pendapat politik orang Cina di Malaya kerana tujuan Jepun ialah menggoda simpati Cina daripada menyokong Chiang Kai Shek dan mengalihkan sokongan mereka kepada rejim di Kwangtung dan kawasan-kawasan yang terjajah (oleh Jepun) di China.¹²

Pada 9 Jun 1939 satu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Tanah Jajahan untuk membincangkan cadangan Gabenor Negeri-negeri Selat untuk menggubal perundangan untuk mengawal akhbar dengan tujuan melawan propaganda Jepun di Singapura. Hadir dalam mesyuarat itu ialah Sir Henry Moore sebagai pengerusi, A. G. N. Ogden (Konsul Penyelia Shanghai), R. G. Howe dan C. G. Fitzmaurice kedua-duanya dari Pejabat Luar, G. E. J. Gent, H. H. Duncan dan A. N. Galsworthy, ketiga-tiganya dari Pejabat Tanah Jajahan. Ogden memberitahu mesyuarat itu bahawa hasil daripada perbincangannya dengan pihak polis di Singapura objek utama propaganda Jepun di Singapura ialah untuk memenangi orang Cina dari kesetiaan mereka kepada Chiang Kai Shek. Pada masa ini sikap China adalah cukup anti-Jepun dan dengan demikian pro-British. Tetapi ini boleh berubah, dan jika mereka menyokong sepenuhnya rejim boneka (di Negara China) mereka akan menjadi anti-British. Mengenai propaganda Jepun beliau berkata bahawa adalah tidak mencukupi untuk mengeluarkan dikri yang orang Jepun hanya boleh menerbitkan dalam bahasa Jepun, kerana ini boleh dielakkan dengan menerbitkan dalam Bahasa Cina dan Inggeris melalui pemilik boneka.¹³

Pada pendapat Howe, Singapura telah menjadi pusat propaganda Jepun di Laut Selatan, dan adalah berfaedah untuk menghentam pusat organisasi Jepun itu. Sir H. Moore ingin mengetahui sikap Pejabat Luar dari segi prinsip mengenai perundangan yang akan dibentangkan itu yang bertujuan untuk membendung propaganda Jepun, kerana Jepun masih merupakan sebuah kuasa sahabat. Gent menekankan bahawa objek penting langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri-negeri Selat hendaklah untuk mengawal apa yang diterbitkan dalam akhbar, bukan siapa yang menerbitkannya. Fitzmaurice mencadangkan yang penyelesaiannya mungkin terletak kepada kebolehan untuk menggantung

atau membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi sebab. Sir Moore berpendapat kesulitan politik mungkin timbul jika langkah keras diambil. Howe merasa pihak berkuasa Singapura tidak perlu khuatir tentang reaksi Jepun dengan syarat Pejabat Luar diberi peluang untuk memeriksa rang undang-undang berkenaan, dan dengan syarat rang undang-undang itu merupakan undang-undang akhbar secara am dengan mengelakkan diskriminasi terbuka terhadap orang Jepun. Ini bermakna undang-undang itu patut dirangka sebegitu am yang boleh.¹⁴

Mesyuarat itu bersetuju untuk meminta Singapura merangka perundangan dalam bentuk umum yang tidak menunjukkan diskriminasi terbuka. Singapura juga patut diminta menggunakan budibicara mereka dalam hal ini dan tidak mengambil langkah yang lebih drastik dari yang perlu; tetapi dalam masa yang sama patut dijelaskan kepada mereka (Singapura) bahawa mereka patut berbuat apa yang perlu untuk menjamin propaganda Jepun tidak mencapai objektifnya.¹⁵

Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat bertarikh 20 Jun 1939, yang ditandatangani oleh Malcolm MacDonald menerangkan tentang keputusan mesyuarat tersebut. MacDonald berkata beliau bersetuju dengan cadangan Gabenor bahawa penggubalan undang-undang yang lebih komprehensif daripada yang wujud pada ketika itu diperlukan dengan tujuan untuk membendung dengan berkesan propaganda akhbar sedemikian. Beliau kemudian meminta pegawai undang-undang Gabenor merangka sebuah rang undang-undang yang kemudiannya dihantar untuk diperiksa oleh pegawai undang-undang Tanah Jajahan dan Pejabat Luar MacDonald juga menyertakan memorandum yang merumuskan undang-undang akhbar yang pada ketika itu berkuat kuasa dalam Empayar Kolonial seluruhnya yang mungkin boleh menjadi panduan kepada pegawai-pegawai undang-undang Gabenor dalam menyediakan rang undang-undang itu, juga disertakan ialah ordinan yang berkaitan berhubung dengan Gibraltar, Malta, Cyprus, dan Palestin.¹⁶

MacDonald menegaskan betapa pentingnya rang undang-undang berkenaan dirangka dalam bentuk am untuk mengelakkan daripada kelihatan sebagai diskriminasi terbuka terhadap perusahaan Jepun. Bagaimanapun beliau mengingatkan bahawa perhatian Parlimen telah ditarik baru-baru ini mengenai undang-undang akhbar yang terlalu keras di sesetengah tanah jajahan. Gabenor diminta supaya menggunakan budi bicaranya mengenai perkara itu dan kerajaan Tanah Jajahan tidak menjangka langkah yang lebih keras daripada sepatutnya.¹⁷

Pada 25 Julai 1939, Gabenor Thomas mengutuskan surat kepada Malcolm MacDonald, di Pejabat Tanah Jajahan London memaklumkan mengenai "perundangan" untuk mengawal akhbar asing di Singapura.¹⁸ Katanya perundangan yang dicadangkan ialah dalam bentuk pindaan kepada Ordinan Mesin Cetak (Bab 208). Seksyen 7 hingga 12 dalam Ordinan itu berkaitan dengan pendaftaran akhbar dan adalah difikirkan seksyen tambahan 6A tidak akan membangkitkan terlalu banyak komen berbanding dengan penggubalan sebuah undang-undang baru yang khusus berkaitan akhbar. Pertimbangan selanjutnya ialah seksyen baru itu tidak meliputi akhbar yang wujud pada ketika itu yang dicetak dalam bahasa Inggeris yang dimiliki oleh rakyat British kerana akhbar-akhbar ini telah dikecualikan sejak tahun 1920 daripada operasi Ordinan Mesin Cetak kecuali seksyen 6, 7, 8, dan 9 ordinan itu.

Menurut Gabenor Thomas seksyen tambahan itu memberi kuasa kepada Majlis Gabenor untuk membuat peraturan memperincikan butiran yang harus diberikan oleh seseorang pemohon untuk mendapat permit mencetak akhbar. Ini akan dirangka supaya maklumat yang paling lengkap diperoleh sebelum sesuatu permohonan dipertimbangkan. Gabenor Thomas berkata pentingnya perundangan itu menjadi semakin segera dalam minggu-minggu terakhir ini, dan suatu perakuan telah diterima dari Polis Cawangan Khas Negeri-negeri Selat untuk menarik balik lesen percetakan Far Eastern News Agency. Gabenor Thomas meminta kebenaran untuk mengemukakan rang undang-undang itu dalam Majlis Perundangan yang ditetapkan pada 28 Ogos 1939. Dengan demikian adalah mungkin untuk meluluskan undang-undang itu dalam bulan Oktober. Surat Gabenor Thomas bertarikh 25 Julai 1939 itu diterima oleh Pejabat Tanah Jajahan pada 3 Ogos 1939.¹⁹

Seksyen 2 Ordinan Ibu dipinda dengan menggantikan takrif "akhbar" dan "pemilik" di dalamnya dan digantikan dengan berikut:-

"Akhbar" bermaksud sebarang penerbitan mengandungi berita, perisikan, pengamatan, atau komen, berkaitan dengan berita, perisikan, dan kejadian demikian, atau kepada sebarang perkara yang menjadi minat umum, yang dicetak dalam sebarang bahasa dan diterbitkan dalam tanah jajahan untuk jualan atau edaran percuma pada waktu berkala atau tidak berkala, tetapi tidak termasuk sebarang penerbitan yang diterbitkan oleh atau untuk kerajaan.

"Pemilik" bermaksud pemilik perseorangan sebarang akhbar dan juga orang-orang, yang menjadi rakan kongsi atau sebagainya, mewakili dan bertanggungjawab bagi sebarang saham atau bahagian dalam akhbar itu di kalangan mereka dan orang lain

dan dengan demikian mewakili atau bertanggungjawab bagi lain-lain saham atau bahagian di dalamnya, dan bukan orang lain.”

Seksyen baru 6A yang bermaksud tidak ada akhbar boleh diterbitkan tanpa permit, mengandungi 8 perkara, seperti berikut:

1. Sesiapa pun tidak boleh mencetak atau memberi atau menolong dalam percetakan atau penerbitan sebarang akhbar dalam Tanah Jajahan, melainkan pemilik akhbar demikian telah memperoleh suatu permit bertulis yang ditandatangani oleh Setiausaha Tanah Jajahan yang membenarkan percetakan dan penerbitan demikian, yang permitnya, atas budi bicaranya boleh memberi, menolak atau membatalkan atau diberi tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dikenakan.
2. Tanpa prasangka kepada umumnya peruntukan dalam subseksyen sebelumnya Setiausaha Tanah Jajahan boleh mengarah yang akhbar berkenaan hendaklah dicetak dalam sesuatu bahasa yang akan ditentukan dalam permit itu.
3. Setiap permit demikian, melainkan dibatalkan, akan berkuatkuasa sehingga 31 Disember tahun ia dikeluarkan, dan boleh diperbaharui untuk tempoh 12 bulan.
4. Notis pemberian atau penarikan sesuatu permit untuk menerbitkan sesebuah akhbar akan diberikan dalam *Gazette*.
5. Majlis Gabenor boleh membuat peraturan menetapkan butiran yang harus diberikan oleh seseorang pemohon permit di bawah seksyen ini dan borang yang digunakan untuk tujuan permohonan demikian.
6. Sesuatu permit di bawah seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 3 yang berkaitan dengan mesin cetak di mana sebarang akhbar hendak dicetak.
7. Sesiapa yang tidak berpuas hati dengan sebarang keputusan Setiausaha Tanah Jajahan, atau sebarang syarat yang dikenakan oleh Setiausaha Tanah Jajahan, di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Majlis Gabenor yang keputusannya adalah muktamad.
8. Sesiapa yang melanggar peruntukan dalam seksyen ini atau gagal untuk mematuhi atau melanggar sebarang syarat yang dikenakan kepada kebenaran sesuatu permit di bawah seksyen ini adalah bersalah terhadap suatu kesalahan di bawah Ordinan itu.

Untuk menunjukkan bagaimana pentingnya perkara itu disegerakan, Gabenor T. S. W. Thomas menulis pada 31 Julai 1939, memaklumkan kepada

etiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, Malcolm Macdonald, bahawa *Singapore Herald* pada 27 Julai telah menyiarkan laporan mengenai penampalan poster tertentu di Singapura pada hal akhbar lain tidak menyiarkannya. Tindakan ini dianggap sebagai propaganda yang disengajakan dan bertujuan jahat.²²

Rang undang-undang itu dibentangkan di Singapura pada bulan Ogos 1939. Pada 2 September 1939, Pejabat Luar London, menulis kepada Pejabat Tanah Jajahan memberitahu bahawa cadangan perundangan yang memerlukan pemohon Jepun untuk lesen menerbitkan akhbar dalam bahasa Jepun merupakan pelanggaran Artikel 1 (3) dalam Persetiaan Inggeris-Jepun pada tahun 1911, melainkan akhbar-akhbar asing yang lain menerbitkan akhbar dalam bahasa pemilikinya.²³

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Pejabat Luar itu, Galsworthy dalam minitnya pada 11 September 1939 menyatakan bahawa Gabenor patut diberitahu bahawa sekatan di bawah Seksyen 6A (2) jika dikenakan kepada pemohon Jepun saja merupakan satu pelanggaran Persetiaan Inggeris-Jepun.²⁴ Seorang lagi pegawai kanan di Pejabat Tanah Jajahan, N. S. Andrews dalam ulasannya mengenai perkara tersebut berkata apa yang perlu ialah pindaan kepada Seksyen 6A(2) dalam rang undang-undang baru itu, jika betul-betul ia perlu untuk menghalang Jepun mencetak akhbar dalam bahasa lain selain daripada bahasa Jepun.²⁵ Tetapi Andrew nampak perkara itu seolah-olah sengaja diada-adakan.²⁶

Pejabat Tanah Jajahan kemudian mengirim telegram ke Singapura memaklumkan perkara yang dibangkitkan oleh Pejabat Luar itu. Gabenor Thomas ketika menjawab telegram itu menyatakan pihaknya telah memikirkan tindakan yang patut diambil berhubung dengan keadaan politik yang berkembang sejak meletusnya perang (di Eropah) dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan British dalam urusan dengan negara-negara bukan berperang. Keputusan yang terbaik ialah meluluskan rang undang-undang itu, dengan demikian akan mengurangkan komen berbanding dengan jika pembacaan kali kedua atau ketiga ditangguhkan dan pada masa yang sama memberi kerajaan Negeri-negeri Selat lebih kuasa untuk bertindak jika perlu, tetapi bukan untuk menggunakannya sehingga sekurang-kurangnya awal tahun 1940. Gabenor Thomas berharap sekalipun demikian adalah mungkin untuk mengenakan sekatan yang kecil, dan mungkin juga tidak mengenakan apa-apa sekatan langsung.²⁷

Rang undang-undang itu diluluskan oleh Majlis Perundangan pada 16 Oktober 1939. Dua perkara penting dalam ordinan yang dipinda terdapat dalam Seksyen 6A, iaitu permit diperlukan untuk menerbit akhbar, dan Setiausaha

Tanah Jajahan, boleh mengarahkan akhbar dicetak dalam bahasa yang ditetapkan dalam permit itu.²⁸

Kira-kira 30 bulan selepas itu Jepun mengalahkan British di Singapura. Apabila British kembali selepas menyerah kalah dalam tahun 1945, undang-undang yang digubal khusus untuk membendung pengaruh Jepun, terus digunakan dan dimasukkan dalam Ordinan Mesin Cetak 1948 apabila undang-undang demikian digubal pada waktu Persekutuan Tanah Melayu. Peruntukan itu terus dipakai selepas itu.

Catatan

1. CO 273/658/50616, Surat Governor SS kepada Secretary of State for the Colonies, Sedutan Surat itu:

The legislation which I desire to enact should provide that no newspaper may be issued without a licence, which licence would specify the terms and conditions upon which it is issued (one of those terms and conditions being the language of publication), and that the licensing officer should have power to refuse a licence, or to cancel it, at his discretion if any of the conditions are broken. An appeal against the licensing officer's decision might be allowed to the Governor-in-Council.

2 Ibid.

3 Ibid.

4 Ibid.

5 Ibid., Minit Edaran Colonial Office.

6 Ibid.

7 Ibid.

8 Ibid.

9 Ibid.

10 Ibid.

11 Ibid.

12 Ibid. Grant selanjutnya menulis demikian:

What we want to achieve in Malaya is sufficiently clear that is to prevent propaganda calculated (and designed as far as the Japanese are concerned) to disturb (a) the peace and good order of Malaya (b) good relations with friendly power. The latter is particularly difficult since Japan is a friendly power itself, and is nevertheless the target in Hong Kong and in Malaya of the worst bitter vituperation in the local English Press.

13 Ibid. Minit Mesyuarat di Colonial Office, London bertarikh 12 Jun 1939 bertajuk "Note: Japanese Propaganda in Singapore".

14 Ibid.

15 Ibid.

16 CO 273/658/50616, Surat Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald kepada Governor Straits Settlements, Sir T. S. W. Thomas, 20 Jun 1939.

17 Ibid.

18 CO 273/658/50616, Surat Governor Thomas kepada Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald, bertarikh 25 Julai 1939.

19 Ibid.

20 Ibid.

21 Ibid.

- 22 CO 273/658/50616, Surat Governor Thomas kepada Seceretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald, bertarikh 31 Julai 1939.
- 23 CO 273/658/50616, Surat Daripada R. Roland, Foreign Office kepada Under Secretary of State, Colonial Office, 2 Sept., 1939.
- 24 CO273/658/50616, Minit beredar (Catatan Galsworthy 11 Sept. 1939).
- 25 CO273/658/50616, Minit beredar (Catatan N. S. Andrews, 11 Sept. 1939).
- 26 Ibid.
- 27 CO 273/658/50616, Surat Governor Sir T. S. W. Thomas kepada Secretary of State for the Colonies, 26 Sept. 1939.
- 28 Straits Settlements, Printing Presses (Amendment) Ordinance 1939 (No. 8 of 1939), Seksyen 6A.

BAB 13

Rumusan

TEMPOH ANTARA TAHUN 1867-941 MENJANGKAU SATU jangka masa yang agak panjang. Dalam tempoh ini memperlihatkan Britain memperluaskan penjajahannya ke negeri-negeri Melayu. Berikutan dengannya penduduk imigran di Negeri-negeri Selat dan negeri Melayu, terutamanya di sebelah Barat Semenanjung Tanah Melayu bertambah dengan pesatnya. Negeri-negeri Melayu sudah mula terbuka untuk eksploitasi ekonomi secara besar-besaran. Kuasa kini berlegar di sekitar keadaan yang berbeza sedikit daripada tempoh sebelumnya. Keadaan politik dunia memberi kesan kepada keadaan dalam negeri, dan kuasa digunakan untuk menentukan kerajaan sentiasa dapat mengawal keadaan, dan terus memerintah.

Masyarakat Cina di Tanah Melayu (termasuk Singapura) mulai tahun 1911, iaitu selepas pemberontakan di China, mula aktif dalam pergerakan politik mempengaruhi Cina di Tanah Melayu, khususnya membentuk parti Kuomintang, yang pada tahun 1928 berjaya membentuk kerajaan di China. Kegiatan ini mendapat perhatian serius pihak British. Gabenor Clementi tidak suka kegiatan politik dan mengharamkan Kuomintang dalam tahun 1930 kerana beliau mahu kesetiaan sepenuhnya diberikan kepada kerajaan British. Pemerintahan masih belum bercorak demokrasi, walaupun dalam struktur pemerintahan Negeri-negeri Selat terdapat sebuah Majlis Perundangan, kerana kebanyakan ahli Majlis Perundangan adalah pegawai-pegawai kerajaan. Pada

mulanya cuma seorang ahli bukan kerajaan dilantik iaitu seorang saudagar berbangsa Inggeris. Bagaimanapun, kemudiannya wakil bukan Inggeris dilantik duduk di dalamnya. Di FMS, Majlis Perundangan juga ditubuhkan, tetapi ahli-ahli mula terdiri daripada Raja-raja Melayu selain daripada pegawai British. Walaupun terdapat Majlis Perundangan, Gabenor masih mempunyai kata terakhir. Dalam tempoh ini akhbar-akhbar Melayu, Cina, dan Tamil mula tumbuh, sama ada harian atau mingguan. Beberapa peristiwa berlaku yang menyebabkan kerajaan memperketatkan undang-undang berkaitan mesin cetak dan penerbitan akhbar.

Dalam tahun 1920, kerajaan telah menggunakan kuasanya mewajibkan diambil lesen untuk memiliki dan menyimpan mesin cetak, sebagai usaha untuk mengawal pergerakan Kuomintang. Bagaimanapun, syarikat yang memiliki mesin cetak yang mencetak akhbar berbahasa Inggeris dikecualikan daripada kuat kuasa pelesenan ini. Apabila kerajaan Negeri-negeri Selat berhadapan dengan propaganda Jepun melalui akhbar yang dikhuatiri mempengaruhi masyarakat Cina undang-undang digubal mewajibkan diambil permit untuk menerbitkan akhbar. Jika undang-undang mesin cetak tahun 1920 mengawal akhbar secara tidak terus, undang-undang dalam tahun 1939 membolehkan akhbar dikawal secara terus.

Dalam tempoh antara tahun 1867–1941 pengawalan akhbar ialah melalui undang-undang. Ada tiga undang-undang penting, iaitu berkaitan penerbitan hasutan, berkaitan pelesenan mesin cetak dan permit penerbitan. Walaupun “penapisan secara langsung” tidak ada, beberapa jenis penapisan lain timbul, iaitu “penapisan diri”, penapisan selepas penerbitan, dan arahan. Penapisan sendiri berlaku kerana undang-undang yang digubal melarang disiarkan sesuatu berita seperti hasutan, rahsia rasmi dan sebagainya. Penapisan selepas penerbitan ialah tindakan kerajaan membaca semua berita yang disiarkan dan memaklumkan atau mengambil tindakan terhadap penerbit berkenaan menjadi satu amalan khususnya mulai, 1930, ketika Negeri-negeri Selat di bawah pentadbiran Gabenor Cecil Clementi. Arahan pula ialah larangan yang biasanya tidak diliputi dalam undang-undang. Para pengarang diminta supaya jangan menyiarkan sesuatu berita kerana kepentingan negara. Arahan seumpamanya ialah berkenaan Kuomintang. Selain itu kerajaan juga boleh melarang maklumat dari seberang laut (tanpa adanya undang-undang), iaitu dengan hanya tidak mengizinkan maklumat itu dikirim melalui telegraf sebagaimana yang diminta oleh Agensi Berita Jerman dan Domei dari Jepun.

Dalam tempoh ini kuasa pemerintah sudah diletak jelas antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Tampuk eksekutif, yang merupakan kuasa sebenar

kerajaan, dipegang oleh Gabenor dengan sebuah Majlis Eksekutif. Majlis Perundangan lebih merupakan penyokong atau penasihat kepada kerajaan kerana komposisi anggotanya. Rakyat, dalam tempoh ini belum mempunyai hak bersuara seperti dalam sebuah pemerintahan demokrasi. Larangan terhadap penubuhan politik adalah tegas. Akhbar Inggeris mendapat kelonggaran dari pemerintah, tetapi akhbar vernakular, terutamanya akhbar berbahasa Cina diambil tindakan tegas jika tidak menurut aturan.

Bahagian berikut ini akan membincangkan zaman peralihan yang meliputi zaman pendudukan Jepun, zaman Malayan Union hingga membawa kepada tahun menjelanginya kemerdekaan.

BAHAGIAN 4

Zaman Peralihan 1942-1957

Zaman Jepun	199
Kebangkitan Melayu	209
Di Bawah Tiga Bentuk Kerajaan	219
Rumusan	237

BAB 14

Zaman Jepun

KUASA MENGALAMI PERUBAHAN YANG DRAMATIK BERIKUTAN meletusnya Perang Dunia Kedua. Kuasa yang dahulunya menjadi hak eksklusif British, kemudiannya terkeluar daripada tangan penjajah itu apabila ia tewas kepada Jepun di Malaya pada 15 Februari 1942. Walaupun kemudian British kembali ke Malaya setelah Jepun menyerah kalah, kekuasaan British sudah mula pudar dan akhirnya terpaksa mengembalikan negara ini kepada yang hak. Sebaik saja Jepun menyerah kalah, kuasa mulai dituntut oleh rakyat. Dua faktor besar yang menjadikan keadaan ini berubah, iaitu Perang Dunia Kedua dan pengenalan gagasan Malayan Union. Perang Dunia Kedua menyedarkan rakyat bahawa mereka tidak harus terus dijajah. Tetapi Malayan Unionlah yang menyatukan rakyat, khususnya rakyat Melayu, untuk mengaturkan pelan bertindak. Kedua-dua faktor ini menyebabkan rakyat membentuk pertubuhan-pertubuhan politik, untuk menghapuskan Malayan Union, dan kemudiannya menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Apa yang berlaku adalah agak aneh. Gagasan Malayan Union bertujuan untuk memberi kuasa penuh kepada British sebagai penjajah yang sebelum Perang Dunia Kedua sekadar menjadi pelindung kepada negeri-negeri Melayu, dengan merampas kuasa Raja-raja Melayu. Tetapi kemudian apa yang berlaku adalah sebaliknya. Gagasan Malayan Union telah mewujudkan satu kuasa baru, iaitu kuasa rakyat yang diwakili oleh UMNO. Parti-parti politik lain turut juga ditubuhkan, tetapi UMNO lebih berjaya.

Berikutan penghapusan Malayan Union dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu kedaulatan Raja-raja Melayu dikembalikan, dan kuasa rakyat melalui UMNO mulai menjadi sebagai satu institusi. British dan UMNO kemudiannya berkongsi kuasa, khususnya antara Ogos 1955 hingga 30 Ogos 1957 apabila kerajaan sendiri (kerajaan peralihan) berkuasa.

Tempoh antara tahun 1942–1957 ialah tempoh peralihan. Tempoh peralihan pertama ialah apabila Jepun mengalahkan British, dan tempoh peralihan kedua ialah apabila kegiatan politik bermula hingga membawa kepada kemerdekaan. Tempoh sebelum merdeka merangkumi pembentukan Malayan Union yang mendapat tentangan kuat dari orang Melayu, penubuhan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union, pemberontakan komunis dan parti-parti yang berhaluan kiri yang lebih dikenali sebagai zaman Darurat dan pembentukan kerajaan sendiri dalam tahun 1955.

Beberapa kejadian yang berlaku dalam tempoh peralihan ini menolong mencorakkan sistem akhbar di Malaysia. Yang paling utama ialah Darurat 1948. Ia menyebabkan kerajaan memperluaskan kawalan terhadap penerbitan, khususnya berkaitan dengan permit penerbitan akhbar ke seluruh negeri-negeri Melayu, yang sebelum itu hanya berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat mulai tahun 1939. Ini dilakukan melalui pewujudan sebuah Ordinan Mesin Cetak 1948 yang mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu (khususnya FMS) sebelum itu.

Bahagian ini akan membicarakan zaman peralihan menuju kemerdekaan bermula dengan zaman pemerintahan Jepun, kembalinya British dengan gagasan Malayan Union, dan seterusnya di bawah pemerintahan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Di bawah Pendudukan Jepun (1942–1945)

Tanah Melayu dan Singapura ditadbir oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua, iaitu pada tahun-tahun 1942–1945. Jepun dengan satu tindakan yang pantas telah menyerang Malaya mulai 8 Disember 1941 dan menjelang 15 Februari 1942 pertahanan terakhir British di Singapura jatuh ke tangannya. British tewas kerana membuat dua kesilapan.¹ Pertama ia menghalakan semua meriam besarnya ke arah laut kerana menyangka serangan akan dibuat dari laut, tetapi ini tidak berlaku. Yang keduanya, berdasarkan maklumat-maklumat yang diterimanya kekuatan tentera yang menyerang Malaya adalah lebih kuat daripada sebenarnya. Padahal Jepun mempunyai cuma 30,000 orang askar, sebaliknya British mempunyai 100,000 orang askar. Oleh kerana takut askarnya yang ramai akan

menjadi korban tentera Jepun yang dianggap ramai, Pemerintah Tentera British, Jeneral Percival telah mengambil langkah menyerah kalah kepada Panglima Tentera Jepun Jeneral Yamashita.² Langkah British untuk membendung propaganda Jepun di Singapura, sebagaimana yang dibincangkan lebih awal, memperlihatkan seolah-olah British bersedia untuk menghadapi apa-apa saja, namun ini tidak menghalang Jepun daripada menawan Tanah Melayu dan Singapura dalam masa yang singkat.

Era pemerintahan Jepun ini membuka satu lembaran baru dalam sejarah Tanah Melayu, yang sebelum ini dijajah oleh British. Ia memecahkan mitos mengenai kekuatan kuasa Eropah dan meletakkan Tanah Melayu dalam satu sistem dunia yang baru yang berpusat di Jepun.³ Kekalahan British di tangan suatu bangsa Asia telah membangkitkan kesedaran politik yang lebih di kalangan orang Melayu berbanding sebelum perang.⁴ Dalam masa pemerintahan Jepun dapat dilihat bagaimana dalam sekelip mata kawan menjadi lawan, dan lawan menjadi kawan. Daripada maklumat yang diperolehi oleh British menunjukkan bahawa kemenangan Jepun yang segera diperolehi melalui bantuan orang Melayu, yang menganggotai Kesatuan Melayu Muda.⁵ Selain itu Raja-raja Melayu juga tidak turut berundur bersama British dan ini dilihat oleh British sebagai satu keingkaran.⁶ Pembelotan oleh orang Melayu ini telah menyebabkan British mencari jalan bekerja sama dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang sebelum itu diharamkan. Kerja sama ini kemudiannya menyebabkan British mula menilai semula hubungannya dengan orang Melayu dan bukan Melayu yang menghasilkan gagasan Malayan Union, di mana orang bukan Melayu diberi hak kerakyatan dan penurunan kuasa Raja-raja Melayu.⁷

Tanah Melayu telah disifat sebagai “tunggang terbalik” berikutan pendudukan Jepun itu.⁸ Banyak perubahan berlaku dalam sekelip mata. Dalam tempoh singkat Jepun mentadbir negara ini ia telah mewujudkan satu sistem pemerintahan tentera yang berbeza dengan pemerintahan British sebelum itu. Dalam waktu pemerintahan Jepun akhbar dan radio menjadi alat propaganda untuk menyampaikan “berita yang betul” kepada rakyat.⁹ Bahagian ini akan cuba menerangkan sistem pemerintahan dan sistem akhbar yang wujud pada waktu Jepun.

Pentadbiran Jepun

Pentadbiran Jepun di negara-negara taklukannya di Asia Tenggara pada tahun-tahun 1942–1945 seluruhnya dikendalikan oleh tentera.¹⁰ Pentadbiran Jepun

di Malaya berpusat di Singapura. Pentadbiran Tentera Malaya (MMA) dibentuk dua minggu selepas British menyerah diri pada 15 Februari 1942.¹¹ Tumpuan utama tentera Jepun pada ketika itu ialah mewujudkan keamanan dan kenteraman awam dan mententeramkan penduduk. Tindakan terhadap mereka yang dipercayai melakukan jenayah adalah segera—mereka ditembak dan dipancung kepala dan dipamerkan di tempat awam seperti pasar dan sebagainya.¹² Polis tentera Jepun yang dikenali sebagai Kempeitai, dengan bantuan penduduk tempatan (yang dikenali sebagai tali barut) menggeledah rumah-rumah untuk mencari barang-barang curi dan mereka yang disyaki terlibat dibawa pergi untuk ditembak.¹³ Pada masa yang sama pihak tentera melancarkan operasi pembersihan terhadap elemen anti-Jepun, di Singapura dan Semenanjung, terdiri daripada personel British yang dapat mengelak dari tahanan, sukarela Dalforce Cina, kakitangan awam yang bekerja dengan British, anggota Kuomintang, dan PKM dan sebagainya.¹⁴ Tindakan pembersihan ini mengakibatkan beribu-ribu orang Cina dibunuh.¹⁵

Jepun menganggap Tanah Melayu sebagai kubu ketenteraan dan sebagai tanah jajahan dalam empayarnya. Penyelarasan yang rapat wujud dari segi personel dan dasar di Malaya dan Jepun.¹⁶ Di Tanah Melayu tentera mempunyai kuasa teragung dari segi pentadbiran.¹⁷ Selepas kejatuhan Singapura, Jepun berjanji untuk mewujudkan kerajaan sivil bagi Malaya, namun berlaku keadaan yang tidak menentu berikutan penaklukan Jepun menggalakkan Jepun untuk mengekalkan pemerintahan tentera secara terus.¹⁸

Pada satu peringkat mulai 28 Mac 1942 hingga April 1943, Tanah Melayu dan Sumatera disatukan di bawah pentadbiran Tentera ke-25 yang berpangkalan di Singapura. Bagaimanapun, ia kemudiannya dipisahkan dan ibu pejabat Tentera ke-25 dipindahkan ke Bukit Tinggi, Sumatera, dan Tentera ke-29 mengambil alih Malaya dengan ibu pejabat di Taiping, Perak. Johor diletakkan di bawah Tentera ke-7 yang beribu pejabat di Singapura.¹⁹ Mulai Oktober 1943 empat negeri bersultan, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis diserahkan kepada Thailand, di mana kerajaan Thai membentuk rejim tentera di setiap negeri yang diketuai oleh seorang Ketua Pentadbir.

Jepun memerintah Tanah Melayu sebagai sebuah tanah jajahan yang berpadu di bawah satu Kerajaan Agung diketuai oleh MMA di Singapura. Kecuali Singapura yang mempunyai seorang Datuk Bandar, negeri-negeri Melayu yang lain termasuk Melaka, Pulau Pinang, dan Seberang Perai dijadikan wilayah dan tiap satunya ditadbirkan oleh Gabenor. Pentadbiran MMA di Singapura mengeluarkan undang-undang untuk digunakan oleh negeri, selain itu Gabenor negeri boleh juga meminda undang-undang sebelum Jepun berkuasa atau

memperkenalkan undang-undang baru.²⁰ Antara undang-undang yang dikeluarkan ialah *Nan So Kan Rei* (Ordinan) No. 13, iaitu mengenai penjagaan, penggunaan yang berkesan dan kawalan perkara dan bahan penting supaya ia dapat meningkatkan kuasa peperangan, *Malai Kan Rei* (Ordinan) No. 17, iaitu mengenai Cukai Harta, dan *Nan So Kan Rei (Ordinance) No. 16*, iaitu Ordinan Kawalan Harga.²¹ Oleh kerana pada ketika ini badan perundangan tidak wujud, undang-undang ini hanya diwujudkan oleh pentadbiran Jepun.

Di peringkat pusat Pentadbiran Tentera Jepun Malaya yang beribu pejabat di Singapura diketuai oleh Somubucho (Ketua Pengarah). Ia mempunyai biro-biro pentadbiran di bawahnya. Ia juga mempunyai mahkamah. Susunan yang sama wujud di peringkat kerajaan wilayah.²² Maklumat mengenai pentadbiran kehakiman secara menyeluruh tidak diperolehi, bagaimanapun, cara pelaksanaan di peringkat wilayah mungkin boleh dijadikan contoh cara pentadbiran kehakiman pada waktu Jepun. Pada mulanya sebuah Mahkamah Khas telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada bulan Mei 2602 (1942). Presiden Mahkamah ini ialah seorang pegawai tentera yang mengetuai Jabatan Kehakiman. Penjara pula pada zaman Jepun terletak di bawah Jabatan Kehakiman. Pegawai tentera ini juga menjadi pegawai penjara. Dalam satu kes awal, perbicaraan telah diadakan di hadapan Presiden Mahkamah berkenaan yang juga pegawai tentera dan ketua penjara itu. Tertuduh didapati bersalah oleh Presiden Mahkamah itu. Keesokannya pesalah menjalani hukuman bunuh yang dilakukan oleh Presiden Mahkamah dalam tugasnya sebagai ketua penjara dengan pedang tenteranya.²³

Pentadbiran Tentera Jepun adalah keras. Kesalahan yang dikenakan adalah hukuman bunuh. Suatu dikri dikeluarkan pada 1 Mac 2602 (1942) yang disampaikan sebagai "amaran kepada orang ramai" bahawa melakukan sebarang tindakan yang merugikan tentera Jepun boleh dihukum bunuh atau hukuman berat menurut undang-undang tentera.²⁴ Antaranya ialah sebarang reaksi terhadap tentera Jepun, tindakan mengintip, merosakkan kemudahan pengangkutan, mencuri atau merosakkan senjata kepunyaan tentera Jepun, menyebabkan kegemparan orang ramai, sebarang tindakan yang bertentangan dengan matlamat tentera Jepun dengan menghalang pengeluaran atau pengedaran bahan mentah, sebarang tindakan yang membahayakan keselamatan tentera Jepun dan sebarang tindakan menghasut atau membantu sesiapa melakukan kesalahan-kesalahan yang disebutkan.²⁵

Mahkamah Khas yang dinyatakan di atas digunakan untuk membicarakan orang awam oleh Hakim Jepun di bawah Undang-undang Menjaga Keamanan dan Ketenteraman Awam (MPPOL) atau dalam bahasa Jepunnya *Chian Iji Rei*.²⁶ Kesalahan di bawah undang-undang ini terbahagi kepada empat tajuk

besar iaitu menggugat sebarang kerajaan yang ditubuhkan di bawah tentera Jepun, melakukan kekacauan dengan tujuan untuk menggugat kerajaan, memupuk atau mengedar sebarang perkara dengan tujuan untuk menggugat kerajaan, dan mengambil secara paksa sebarang harta benda orang lain, atau memperkosa wanita atau gadis.²⁷ Kesemua kesalahan ini hanya ada satu hukuman, iaitu hukuman mati.²⁸

Persuratkhabaran di bawah Pendudukan Jepun

Berikutan kejatuhan Tanah Melayu dan Singapura, pemerintah tentera Jepun menguasai percetakan-percetakan dan akhbar-akhbar di seluruh tanah air.²⁹ Akhbar-akhbar yang diterbitkan sebelum kedatangan Jepun ditutup dan akhbar baru yang dikawal oleh pemerintahan Jepun diterbitkan. Dari mula lagi akhbar diiktiraf sebagai jentera utama Jabatan Propaganda Tentera Jepun.³⁰ Secara amnya, penerbitan akhbar yang dilakukan selepas penaklukan Jepun dikendalikan di bawah penyeliaan tentera Jepun.³¹ Misalnya *Syonan Times* diterbitkan di bawah arahan Jabatan Propaganda Tentera Jepun.³² Langkah ini diambil oleh tentera Jepun kerana akhbar “merupakan alat yang paling berkuasa untuk menyampaikan pendapat serta pandangan.”³³ Akhbar adalah di bawah dominasi tentera Jepun kerana ia satu organ yang paling berkuasa untuk menyatakan pendapat, dan tentera juga mengawal senjata dan objektif militari.³⁴ Atas kehendak Ketua Pemerintah Tentera Jepun (Jen. Tomoyuki Yamashita) akhbar *Syonan Times* diterbitkan.³⁵ Dalam keluaran-keluaran berikutnya akhbar *Syonan Times* menyebut nama Masuzi Ibuse sebagai pencetak dan penerbit akhbar itu. Akhbar-akhbar lain juga dikawal rapi oleh tentera Jepun yang menurut satu rencana pengarang *Malai Sinpo* akhbar itu “bertanggungjawab terus kepada pentadbiran tentera.”³⁶ Dalam usaha untuk menjelaskan kepada para editor dasar pentadbiran tentera, persidangan para editor akhbar tempatan juga diadakan. Dalam satu persidangan demikian yang dianjurkan oleh T. Imano, Ketua Jabatan Propaganda dan Ketua Penapis bagi kerajaan Selangor, penjelasan diberikan oleh Gabenor Selangor Leftenan-Jeneral Shotaro Katayama dan juga Imano mengenai dasar pentadbiran tentera dan menekankan kepada para editor peri pentingnya menjelaskan dasar tersebut supaya tidak timbul salah faham.³⁷ *Malai Sinpo* dalam rencana pengarangnya pada 30 Jun 1944 (1944) menegaskan bahawa tugas akhbar adalah bekerja sama menjelaskan dasar pemerintah dengan sebaik mungkin.³⁸ Akhbar itu mengingatkan bahawa sesiapa yang menganggap akhbar ketika itu sama dengan akhbar sebelum perang harus menyedari bahawa keadaan telah berubah. “Keringat dan bakat mereka kini digemblengkan oleh

jentera peperangan dan mereka dianggap oleh pentadbiran tentera sebagai individu yang sepatutnya memimpin orang awam dan bukan mengikut mereka.³⁹

Menjelang ulang tahun pertama serangan Jepun ke atas Tanah Melayu sebuah persatuan akhbar yang dinamakan *Syonan Sinbun-kai* telah ditubuhkan dengan kerja sama 13 buah akhbar utama di Jepun. Tujuan utama persatuan itu ialah untuk menyelia semua akhbar di Tanah Melayu dan Sumatera.⁴⁰ Presiden agensi berita kerajaan iaitu Domei Tsushin-sha, Inosuke Furuno, ialah presiden *Syonan Sinbun-kai*. Manakala 13 akhbar utama Jepun yang bekerja sama menubuhkan *Syonan Sinbun-kai* itu ialah *Hokkai Times*, *Kahoku Sinpo*, *Godo Sinbun*, *Chugoku Sinbun*, *Tokyo Sinbun*, *Hoti Sinbun of Sikoku*, *Nisi-Nippon Sinbun*, *Kyoto Sinbun*, *Osaka Sinbun*, *Kobe Sinbun*, *Hokkoku Maninichi*, *Chubu Nippon Sinbun*, dan *Nippon Sayngyo Keizai Sinbun*. Mulai 8 Disember 1942, *Syonan Sinbun-kai* mengambil alih *Penang Sinbun* untuk menerbitkan akhbar harian berbahasa Inggeris dan Cina, menurut cadangannya sebuah akhbar bernama *Malai Nippo* akan diterbitkan di Kuala Lumpur mulai 1 Januari (1943) sebagai akhbar berbahasa Inggeris dan Cina. Di Sumatera, *Syonan Sinbun-kai* mengambil alih *Sumatera Sinbun* di Medan yang diterbitkan dalam bahasa Indonesia. Ia juga bercadang menerbitkan sebuah akhbar di Padang.⁴¹

Walaupun pengumuman awal menyatakan *Malai Nippo* yang hendak diterbitkan di Kuala Lumpur, namun akhbar yang diterbitkan dinamakan *Malai Sinpo*. Dalam rencana pengarangnya yang pertama, pada 1 Januari 1943 (tahun Jepun 2603) *Malai Sinpo* menolak tafsiran kebebasan akhbar sebagaimana yang difahami sebelumnya. Katanya, slogan kebebasan akhbar tidak mempunyai makna pada waktu itu, jika perkataan kebebasan bermaksud lesen yang tidak terbatas untuk mengatakan apa saja. *Malai Sinpo* mempunyai tanggapan yang amat berlainan mengenai tugas akhbar dalam Orde Baru. Katanya, dalam Orde Baru pendapat umum tidak wujud berasingan daripada pendapat negara. Akhbar tidak boleh wujud sebagai sebuah negara yang berasingan.⁴²

Catatan

1. L. Taylor, *A Trial of Generals* (Indiana: Icarus Press, South Bend, 1981), 85–86.
2. Ibid., 87.
3. A. J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942–1948*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Monograph no. 8, 1979, 5.
4. Ibid., 9.
5. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya* (Singapore University Press, 1983), 20.
6. Ibid., 20.
7. Ibid., 20.
8. Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down* (Singapore: Jitts and Co., 1946).
9. *Malai Sinpo*, The Enemies Favourite Propaganda Tricks: Need for accurate news, 1 Januari 1943, 1.
10. Yoji Akashi, Bureaucracy and the Japanese Military Administration, with Specific Reference to Malaya, dalam William H. Newell (pnyt.) *Japan In Asia* (University of Singapore Press, 1981), 50.
11. Cheah, 20–21.
12. Ibid., 21.
13. Ibid., 21.
14. Ibid., 21.
15. Ibid., 22–23.
16. Ibid., 25.
17. Ibid., 25.
18. A.J. Stockwell, 6.
19. Cheah, 26.
20. Sim Ewe Eong, An Account of the Japanese Occupation of the Settlement of Penang, Straits Settlements (1941–1945) with special reference to administration in the Judicial Department, *The Malayan Law Journal*, Vol 2 Jul–Dis. 1981, clx-clxxviii.
21. Ibid.
22. Cheah, 31
23. Sim Ewe Eong, clx-clxxviii.
24. Ibid., clxxii.
25. Ibid., clxxii.
26. Ibid., clxxii.
27. Ibid., clxxii.
28. Ibid., clxxii.
29. Mohamed Dahlan Masud, Umno dan Utusan Melayu, dalam *Utusan Melayu 25 Tahun*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press Limited), 1964, 141.

30. L. Horner, *Japanese Military Administration in Malaya and the Philippines* (University of Ariona: Disertasi Doktor Falsafah, 1973), 146.
31. Ibid., 146.
32. *Syonan Sinbun*, Malayan Journalism (editorial), 8 Dis. 1942, 4
33. *Syonan Times*, Our First Issue: To Our Friends – The People of Malaya (editorial), 20 Feb. 1942, 1. Ini adalah bilangan pertama. Pada keluaran berikutnya namanya dieja *Syonan Times*.
34. Ibid.
35. Ibid.
36. *Malai Sinpo*, Position of Newspapers In Wartime, 30 Jun 2604 (1944), 1.
37. *Malai Sinpo*, Administration's Policy Explained, 15 Sept. 2604 (1944), 1.
38. *Malai Sinpo*, Position of newspapers in Wartime, 30 Jun 2604 (1944), 1.
39. Ibid., 1.
40. *The Syonan Sinbun*, Syonan Sinbun Issues First Edition Today In Japanese, English, 8 Dis. 1942 (2602), 1.
41. Ibid.
42. *Malai Sinpo*, Ourselves (editorial) 1 Jan. 1943, 2. Sedutan Editorial *Malai Sinpo*, 1 Jan. 1943.

BAB 15

Kebangkitan Melayu

Kebangkitan Kuasa Politik Melayu

Jepun menyerah kalah pada 5 September, 1945. British kembali ke Malaya, dengan didahului oleh Pentadbiran Tentera British (BMA). Sehingga tampuk pemerintahan penjajah datang awal 1946, satu keadaan kemelut telah wujud. Malaya dalam keadaan kucar-kacir kerana ketiadaan pemerintah yang berwibawa. Komunis bermaharajalela membunuh orang yang dianggap bersubahat dengan Jepun semasa perang. Akhbar-akhbar sudah diterbitkan semula. Akhbar yang diwujudkan sebelum perang terus diusahakan dan diterbitkan semula, seperti *Utusan Melayu*, *The Straits Times*, dan *The Mail*. Akhbar baru juga diwujudkan. Antara akhbar baru ialah *Suara Rakyat* yang diterbitkan di Ipoh tanpa mendapatkan kebenaran, kerana para penganjurnya merasa tidak ada pemerintah pada waktu itu.¹ Akhbar ini dianjurkan oleh Ahmad Boestamam. Di pejabat akhbar *Suara Rakyat* inilah lahir pada 17 Oktober 1945 sebuah parti politik Melayu yang pertama selepas Perang Dunia Kedua. Walaupun nama parti yang ditubuhkan itu begitu hebat sekali iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) tetapi pada hari penubuhannya hanya 20 orang hadir.² Apabila ditubuhkan PKMM tidak ada hubungan langsung dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakob sebelum Perang Dunia Kedua.³ Bagaimanapun, apa yang menarik dalam parti ini ialah perlembagaan parti itu meletakkan kebebasan akhbar sebagai salah satu matlamat pentingnya.

Satu daripada mukadimah lapan perkara yang mendahului perlembagaan PKMM ialah "berjuang untuk kebebasan bersuara, akhbar, perhimpunan, dan kebebasan untuk mencari ilmu".⁴ Besar kemungkinan kemasukan prinsip ini kerana sebahagian besar para penganjurnya terdiri daripada para wartawan yang pada waktu itu berkhidmat dengan *Suara Rakyat*.

Berbeza dengan PKMM, yang penubuhannya secara kecilan, UMNO lahir secara besar-besaran. UMNO ditubuhkan dalam satu Kongres Melayu pada 1-4 Mac 1946 di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 41 pertubuhan Melayu seluruh negara dan Singapura. Piagam UMNO kemudian disahkan dalam Kongres Melayu Ketiga di Johor Bahru yang bersidang pada 11 dan 12 Mei 1946. Piagam tersebut sekadar meletakkan asas organisasi, keanggotaannya serta pelantikan para pemimpin pertubuhan itu. UMNO berkembang sedikit demi sedikit. Pada peringkat awalnya ia mengadakan mesyuarat agung sebanyak tiga kali setahun di tempat-tempat yang berlainan. Ia bermula dengan konsep perjuangan, iaitu "Hidup Melayu" pada tahun 1946, yang kemudiannya bertukar menjadi "Merdeka" dalam tahun 1951.

Pada awal penubuhannya ia tidak mempunyai lambang atau bendera. Masalah ini diselesaikan dalam perhimpunan agung di Ipoh pada bulan Jun 1946. PKMM, yang pada asalnya menyertai Kongres Melayu di mana UMNO ditubuhkan, telah keluar dari pertubuhan itu apabila cadangannya supaya bendera UMNO mengikut bendera Indonesia Sang Saka Merah Putih ditolak. Bermula sebagai pertubuhan bukan politik UMNO kemudian bertukar menjadi pertubuhan politik dengan keahlian terus dalam tahun 1947. Langkah penukaran kepada gerakan politik ini pada mulanya mendapat tentangan daripada anggota pertubuhan itu, tetapi kerana lebih ramai yang mengkehendakinya ia berjaya diluluskan juga dalam persidangan agung UMNO di Kota Bharu, Kelantan pada 11 dan 12 Mei 1947.⁵ Dari mulanya UMNO, yang mewakili suara nasionalis kanan, kelihatan lebih berkuasa. Ia dapat menggemblengkan kuasa rakyat Melayu. Sebaliknya, PKMM pula cuba menggemblengkan kuasa nasionalis kiri. Kuasa ketiga yang wujud ketika itu ialah kuasa komunis yang terletak di bawah PKM dan *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang tumbuh subur dalam masa pemerintahan Jepun.

Apabila British kembali ke Tanah Melayu, ia membawa satu gagasan yang dikenali sebagai Malayan Union. Dua prinsip asas penubuhan Malayan Union ialah penubuhan sebuah kerajaan pusat yang kuat dan pengenalan satu bentuk kerakyatan umum yang terbuka kepada semua penduduk Malaya tidak kira bangsa (kaum) yang menganggap Malaya sebagai tanah air mereka dan tempat

mereka memberi kesetiaan.⁶ Malayan Union menyatukan FMS, Negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan dua negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang yang sebelumnya terletak di bawah Negeri-negeri Selat.

Bagi British penubuhan Malayan Union akan memudahkan pentadbiran dan pemerintahannya. Singapura, yang sebelum ini adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat, diasingkan sebagai sebuah Tanah Jajahan Mahkota. Pada mulanya PKMM menyatakan persetujuan dengan rancangan itu kerana matlamat Malayan Union sesuai dengan prinsip parti itu, tetapi kemudian PKMM turut menentang gagasan itu. Malayan Union dilancarkan pada 1 April 1946 walaupun ditentang oleh orang Melayu kerana British telah mendapat apa yang dikatakan persetujuan daripada Raja-raja Melayu.

Orang Melayu sebelum ini tidak pernah menentang kerajaan secara besar-besaran seperti ini. British melihat tentangan itu sebagai suatu "revulsion against what was regarded as a disruption of sovereignty, and a fear of non-Malay domination as a result of the proposed new citizenship."⁷ Kebangkitan Melayu secara menyeluruh ini membuatkan British berfikir kembali bagaimana mencapai dua prinsip asas itu. Oleh yang demikian British berusaha mengadakan perundingan dengan Raja-raja Melayu dan pemimpin pendapat umum Melayu dengan harapan skim Malayan Union boleh diubah suai sambil menerapkan dua prinsip asas tersebut, dan pada waktu yang sama memenuhi bantahan orang Melayu.⁸ British mungkin tidak menduga gagasannya akan mendapat tentangan daripada orang Melayu. British mungkin beranggapan bahawa jika Raja-raja Melayu bersetuju, rakyat Melayu akan turut setuju. Rakyat Melayu, yang dianggap setia kepada Raja mereka, akan patuh menerima gagasan itu kerana Raja-raja mereka sudah menerimanya. Ternyata anggapan itu meleset.

Malayan Union telah menyatukan orang Melayu, yang sebelum ini berpecah-pecah mengikut negeri dan fahaman politik, ke dalam satu kesatuan yang menggerakkan mereka dalam politik. Mulai dari saat itu satu kuasa wujud, di samping kuasa pemerintah British dan kuasa Raja-raja Melayu. Kekuatan kuasa ini boleh dilihat daripada katadua yang diberikan oleh pemimpin UMNO Dato' Onn Jaafar kepada Raja-raja Melayu, iaitu mereka mesti memulaukan perasmian Malayan Union jika tidak rakyat Melayu akan meninggalkan Raja-raja mereka. Keputusan meminta Raja-raja Melayu memulaukan perasmian Malayan Union pada 1 April itu diambil dalam Perhimpunan Rakyat di Kuala Lumpur sehari sebelum Malayan Union dilancarkan. Raja-raja Melayu tidak menghadiri perasmian itu. Orang Melayu yang digemblengkan akibat daripada Malayan Union kini membentuk satu kuasa yang perlu diberi perhatian oleh British. Kuasa ini diiktiraf oleh British. Dalam membentuk satu gagasan bagi

menggantikan Malayan Union perbincangan diadakan antara para wakil kerajaan Malayan Union di satu pihak dan Raja-raja Melayu dan para jurucakap UMNO pada satu pihak.⁹ Jika sebelum ini British hanya berbicara dengan Raja-raja Melayu kini ia terpaksa berunding dengan jurucakap rakyat Melayu.

Pada hakikatnya UMNOlah yang memulakan langkah merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang diadakan dalam Persidangan Agung UMNO kedua di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946.¹⁰ Kemudian pada 24 Julai 1946, rangka perlembagaan yang disediakan oleh UMNO ini dibawa berunding dengan Raja-raja Melayu. Rang perlembagaan ini kemudian diserahkan kepada Gabenor Malayan Union Sir Edward Gent dalam satu persidangan antara Raja-raja dan Sir Edward di King's House, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Julai 1946.¹¹ Pada 25 Julai Gabenor Malayan Union melantik 12 orang menduduki sebuah Jawatankuasa Kerja—lima dari kerajaan, empat mewakili Raja-raja Melayu, dua dari UMNO dan seorang setiausaha. Dari saat ini UMNO merupakan kuasa yang mendasari pemerintahan negara. Perundingan tiga pihak ini terus berlaku hingga Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union. Apabila kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, Yang Dipertua UMNO, Dato' Onn Jaafar dilantik menduduki dalam Majlis Eksekutif Persekutuan sebagai seorang daripada "ahli tidak rasmi". Dalam tahun 1951 apabila "sistem ahli" diwujudkan Dato' Onn dilantik memegang jawatan Ahli bagi Hal-Ehwal Dalam Negeri UMNO juga menamakan ahli-ahlinya yang lain untuk menduduki dalam Majlis Eksekutif Persekutuan dan Majlis-majlis di peringkat negeri. Ini bermakna UMNO sudah mula berkongsi kuasa dengan British dari 1948 lagi. Dalam tahun 1948, UMNO berusaha supaya seorang Melayu dipilih menjadi Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Bagaimanapun, rancangan ini ditentang oleh Raja-raja Melayu kerana mereka tidak mahu seseorang rakyat mengatasi mereka. Ia dianggap satu kejagalan. Besar kemungkinan jika Raja-raja Melayu bersetuju, pemimpin UMNO akan dilantik. Bagaimanapun seorang British memenuhi jawatan itu. UMNO terus memainkan peranan penting berunding dengan British dan Raja-raja Melayu untuk membentuk Perlembagaan Merdeka.

Zaman pra-Merdeka melalui dua tempoh, walaupun singkat memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan undang-undang yang berkaitan dengan akhbar. Tempoh ini ialah tempoh Malayan Union dan tempoh pemerintahan Tanah Melayu. Kedua-dua tempoh ini meletakkan asas perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Apabila Malayan Union ditolak tidak lama selepas ia dilancarkan, perundingan ke arah pembentukan sebuah kerajaan berbentuk Persekutuan diadakan antara British, Raja-raja Melayu,

dan UMNO. Dalam persetujuan Perjanjian Persekutuan, Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi dengan sebuah Majlis Eksekutif Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan yang dipanggil Autoriti Eksekutif Persekutuan.

Di bawah Apendiks A Perjanjian Persekutuan, item nombor 48, menghuraikan perkara-perkara yang termasuk dalam kuasa Autoriti Eksekutif Am iaitu akhbar, buku, mesin cetak, penerbit, dan penerbitan. Ini bermakna soal-soal yang berkaitan dengan akhbar terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat. Sebelum ini kuasa ini terletak di bawah kuasa kerajaan Negeri-negeri Selat, kerajaan FMS dan bagi Negeri-negeri Tidak Bersekutu kuasa ini terletak dalam negeri-negeri masing-masing.

Akhbar Gembleng Penentangan *Malayan Union*

Akhbar-akhbar Melayu, khususnya *Utusan Melayu* di Singapura, *Majlis* di Kuala Lumpur dan *Warta Negara*, di Pulau Pinang telah menjadi teraju utama menggembleng dan menyedarkan orang Melayu mengenai gagasan *Malayan Union*. *Utusan Melayu*, misalnya, mempunyai pandangan yang tajam dan dapat melihat muslihat dan masalah yang akan menimpa orang Melayu jika gagasan *Malayan Union* dilaksanakan. Bagaimanapun, sebulan sebelum gagasan *Malayan Union* diumumkan, pandangan *Utusan Melayu* mengenai kedatangan British adalah berbeza sekali. Dalam keluaran pertamanya setelah Perang Dunia Kedua, pada 10 September 1945, *Utusan Melayu* memuji kembalinya British ke Tanah Melayu dan Singapura. Malah ia menulis dengan tajuk besar-besaran di kepala akhbarnya "British Berdiri Atas Keamanan, Kebebasan dan Keadilan", dalam tulisan Jawi, kerana *Utusan Melayu* diterbitkan dalam tulisan jawi. Dalam rencana pengarang muka depannya pada 12 September 1945, *Utusan Melayu* telah memberi sanjungan tinggi di atas kepulauan British.¹²

Pandangan *Utusan Melayu* terhadap British segera berubah apabila *Malayan Union* diumumkan di Dewan Rakyat British dan disiarkan dalam akhbar itu pada 11 Oktober 1945. Berita muka depan ini, adalah berita *Reuter* yang dikirim dari London melalui saluran yang diwujudkan dengan agensi berita itu pada 21 September 1945. *Utusan Melayu* memberi ruang yang besar pada berita itu di muka depan dengan tajuk besar:

Malaya akan disatukan Perlembagaan. Singapura akan diasingkan daripada tanah besar Semenanjung. Perjanjian baru akan diikat dengan Raja-raja Melayu.¹³

Pada 12 Oktober 1945, *Utusan Melayu* terus mengulas berita tersebut, mengingatkan Raja-raja Melayu supaya berwaspada dan jangan terburu-buru menerima cadangan tersebut. Rencana pengarang itu menasihatkan Raja-raja Melayu supaya mengetepikan muslihat diri supaya rakyat tidak menderita.¹⁴

Rencana pengarang *Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945 itu antara lainnya menyatakan:

Oleh sebab itu diharap dengan ikhlasnya yang pihak Sultan akan menimbang hal itu dengan halusny pada segala tentangnya, kerana apabila bersetuju sahaja dengan cadangan-cadangan itu maka nasib rakyatnya yang banyak itu bergantung kepadanya. Memikirkan muslihat diri, sekalipun diri duli yang maha mulia, mestilah diketepikan dahulu supaya rakyatnya tidak akan menderita oleh kesalahan yang boleh dan harus dielak dari mulanya.

Kita sudah melihat teladan bagaimana beberapa cadangan yang dibawa oleh pemerintah British kepada India, Ceylon, dan negara-negara lain yang lebih maju daripada Malaya dibahas dan dirundingkan bertahun-tahun lamanya, bukanlah kerana takut tipu helah pemerintah British tetapi penganjur-penganjur negara yang maju itu takutkan jahat yang timbul dari langkah dan persetujuan yang gopoh. Adalah diharapkan Sir Harold MacMicheal tidak akan meminta keputusan dengan tidak memberi cukup masa bagi pihak Sultan memikirkan cadangan-cadangan yang amat luas daripada pemerintah British itu. Sebaliknya seyogialah ia mennunjukkan kemuliaan dan kesabaran kerajaannya yang gagah itu dengan memberi kemudahan kepada Sultan itu memperolehi sebaik-baik nasihat daripada segala pihak rakyatnya sebelum membuat sesuatu.

Nasihat yang diberikan oleh *Utusan Melayu* ini dibuat sebelum MacMicheal menemui Raja-raja Melayu. Jika nasihat ini diterima mungkin sejarah Malaya berlainan sekali. Dalam muka yang sama *Utusan Melayu* menyiarkan temu bual akhbar itu dengan beberapa orang Melayu, seorang daripadanya doktor, yang menyokong rancangan Malayan Union itu yang menurut mereka ia berfaedah kepada orang-orang Melayu. Apa yang tergambar ialah reaksi awal orang Melayu terhadap gagasan itu adalah positif, tetapi *Utusan Melayu* melihatnya sebagai negatif dan menyeru orang Melayu berfikir. Pada 13 Oktober 1945, *Utusan Melayu* melaporkan ketibaan MacMicheal untuk bertemu Raja-raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan bagi perjanjian baru yang disebutkan itu. Pada 16 Oktober 1945, *Utusan Melayu* menggesa pertubuhan Melayu yang banyak ditubuhkan sebelum perang supaya segera digerakkan semula. Ia meminta para pemimpin pertubuhan itu supaya memberi buah fikiran Melayu kepada MacMicheal kerana rancangan Malayan Union itu sangat mustahak.¹⁵

Rencana pengarang *Utusan Melayu* pada 16 Oktober 1945 menegaskan:

Maka tidak peduli apakah dia fikiran itu tetapi tentulah lebih ertinya dan lebih berat ditimbangkan oleh Harold MacMicheal sekiranya ia diberitahu bahawa fikiran itu disokong oleh ahli-ahli segala persatuan itu dan bukanlah fikiran atau pandangan seseorang ataupun sesetengah puak juga.

Dari laporan-laporan kemudiannya dapat dilihat pertubuhan-pertubuhan Melayu, yang ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua, digerakkan semula di seluruh Tanah Melayu. *Utusan Melayu* juga menyiarkan apa akhbar lain kata. Pada 20 Oktober 1943, ia menyiarkan apa yang dikatakan oleh *The Straits Times*, iaitu *Malayan Union* adalah sebuah rancangan yang baik. Pada 23 Oktober 1945, *Utusan Melayu* memetik rencana pengarang *Warta Negara* yang disiarkan pada 18 Oktober 1945. Rencana pengarang yang bertajuk "Keinsafan Bagi Melayu", menyeru Raja-raja dan orang besar Melayu supaya keluar menyatukan bangsa Melayu.¹⁶

Menurut rencana pengarang *Warta Negara*, 18 Oktober 1945 yang dipetik oleh *Utusan Melayu*:

Sekarang sudahlah masanya orang-orang Melayu bangun dari kelekaan itu. Raja-raja, orang-orang besar dan pemimpin dan ketua-ketua Melayu sudahlah wajib keluar memimpin orang ramai menyatukan semangat, menyatukan faham, menyatukan perdirian Melayu. Kuat Raja kerana rakyat, kuat rakyat kerana Raja haruslah dijadikan panduan.

Setelah beberapa bulan menganjur, menggesa, menasihati, menggalak, *Utusan Melayu* akhirnya mencadangkan dalam rencana pengarangnya pada 15 Januari 1946 supaya pertubuhan-pertubuhan Melayu di Tanah Melayu mengadakan Kongres Melayu Se-Malaya.¹⁷

Rencana pengarang *Utusan Melayu* 15 Januari 1946 seterusnya menganjurkan:

Kita suka menggesa kaum Melayu bahawa masa telah menuntut mereka bersatu padu sementara jalannya telah terbentang hanya mengatur pakatan yang mengadakan satu persidangan Kongres Melayu SeMalaya itulah yang mesti dijalankan dengan seberapa segera sekarang.

Penggerak pertubuhan Melayu mestilah sedar bahawa jalan yang lebih segera bagi mencapai hajat menyatukan kaum itu tiadalah lain menyatukan segala tubuh-tubuh yang ada sekarang.

Seruan *Utusan Melayu* ini mendapat sambutan Dato' Onn Jaafar yang pada ketika itu sibuk menggembleng orang Melayu di Johor. Dato' Onn menulis surat kepada *Utusan Melayu* menyambut baik cadangan mengadakan Kongres itu, dan sambil itu beliau mencadangkan nama pertubuhan yang bakal ditubuhkan nanti iaitu Pertubuhan Melayu Bersatu (UMO). *Utusan Melayu* kemudiannya mencadangkan Persatuan Melayu Semenanjung pimpinan Dato' Onn Jaafar supaya menganjurkan Kongres itu. Akhirnya, Kongres itu diadakan di Kuala Lumpur selama empat hari mulai 1 Mac 1946, dengan dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu, termasuk dari kaum Asli. Berikutan dengan itu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malay National Organisation*, yang lebih dikenali dengan nama ringkasnya UMNO ditubuhkan.¹⁸

Tidak dapat dinafikan inilah peranan paling gemilang yang dimainkan oleh akhbar. Dapat dilihat dengan jelas bagaimana ia menggerakkan orang Melayu untuk bangun menentang suatu gagasan yang difikirkan merugikan orang Melayu. Inilah kuasa akhbar. Ia telah dapat merubah fikiran orang Melayu daripada pandangan yang positif terhadap rancangan Malayan Union itu dan menunjukkan bahawa rancangan itu sebenarnya merugikan Melayu.

Kuasa ke atas Akhbar Sebelum Merdeka

Kecuali pada waktu Pentadbiran Tentera Jepun yang tempohnya sangat singkat iaitu, bulan Februari 1942 hingga Ogos 1945, kuasa dan undang-undang British tidak putus di Negeri-negeri Selat, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu Kawalan melalui undang-undang ini berlaku sama ada di bawah BMA, kerajaan Malayan Union mulai tahun 1946, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1948 dan kerajaan Peralihan mulai tahun 1955. Ini menunjukkan di bawah kerajaan manapun perhatian berat diberikan terhadap akhbar, dan kerajaan menekankan autoritinya terhadap akhbar. Ini menunjukkan akhbar ada kuasa dan perlu dikawal selia. Bagaimanapun, sama ada autoriti itu dapat dilaksanakan dengan berkesan terletak kepada jentera kerajaan yang ada.

Langkah pertama yang dibuat oleh British ketika kembali ke Tanah Melayu ialah mengisytiharkan bahawa (BMA) diwujudkan di seluruh Malaya dan undang-undang British sebelum Jepun terus dipakai. Lord Louis Mountbatten, Pemerintah Agung Pihak Berikat, Asia Tenggara yang membuat perisytiharan itu mengumumkan bahawa beliau mengambil untuk dirinya dan pengganti-penggantinya kuasa penuh kehakiman, perundangan, eksekutif, dan pentadbiran di seluruh Tanah Melayu yang di bawah kawalan tenteranya.¹⁹ Perisytiharan itu

menyebut bahawa tertakluk kepada peruntukan sebarang pemasyhuran oleh BMA, semua undang-undang dan adat yang wujud sejurus sebelum pendudukan Jepun akan dihormati.²⁰ Ini bermakna kuasa British ke atas Tanah Melayu, yang bermula di Pulau Pinang pada tahun 1786, berkuat kuasa berterusan peringkat demi peringkat kawasan jajahan dan takluknya hingga meliputi seluruh Tanah Melayu, dan hanya berakhir apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Catatan

1. Ahmad Boestamam, *Carving the path to the summit*, Terj. W. R. Roff, (Ohio: Ohio University Press, 1979), 8.
2. Ibid., 22-27.
3. Ibid., 26.
4. Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics*, (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1985), 79.
5. *UMNO 10 Tahun*, (Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1956), 49.
6. Summary of Revised Constitutional Proposals Accepted by His Majesty's Government on 24th July 1947, *Malayan Union Government Gazette* (Kuala Lumpur, 26 Julai 1947), 16.
7. Ibid.
8. Ibid.
9. Ibid.
10. *UMNO 10 tahun*, 39.
11. Ibid., 42.
12. *Utusan Melayu*, 12 Sept. 1945, 1.
13. *Utusan Melayu*, 11 Okt. 1945, 1.
14. *Utusan Melayu*, 12 Okt. 1945, 2.
15. *Utusan Melayu*, 16 Okt. 1945, 2.
16. *Utusan Melayu*, 23 Okt. 1945, 2.
17. *Utusan Melayu*, 15 Jan. 1946, 2.
18. *Umno 10 tahun*, 18.
19. Proclamation by British Military Administration, *The Malay Mail*, Sept. 14, 1945, 1.
20. Ibid., 1.

BAB 16

Di Bawah Tiga Bentuk Kerajaan

Di bawah Kerajaan Malayan Union

Struktur pemerintahan Malayan Union memperuntukkan pengasingan kuasa kepada eksekutif (Gabenor dan Majlis Eksekutif), kehakiman dan perundangan (Majlis Perundangan.)¹ Kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim dan Hakim Mahkamah Agung yang memegang jawatan atas budi bicara Baginda dan dilantik oleh Baginda atau Gabenor. Walaupun eksekutif dan perundangan terpisah, Majlis Perundangan diketuai oleh Gabenor sebagai presiden manakala ahli lain terdiri daripada tiga orang anggota *ex-officio* (Ketua Setiausaha, Peguam Negara, dan Setiausaha Kewangan), ahli rasmi (tidak melebihi 15 orang) dan ahli tidak rasmi (tidak melebihi 21 orang). Di bawah struktur Malayan Union ini, Hakim tidak lagi menduduki dalam Majlis Perundangan sebagaimana di bawah pemerintahan Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat. Walaupun dalam Perintah Dalam Majlis Mesyuarat terdapat peruntukan Majlis Perundangan tetapi yang ditubuhkan ialah Majlis Penasihat Malayan Union mengandungi 15 orang ahli. Dalam mesyuaratnya yang pertama pada 30 April 1946, Majlis Penasihat Malayan Union telah meluluskan beberapa undang-undang.²

Anggota Majlis Penasihat Malayan Union yang hadir dalam mesyuarat pada 30 April 1946 itu ialah Gabenor (G. E. Gent), Ketua Setiausaha (A. T. Newbould), Setiausaha Kewangan (W. D. Godsall), Peguam Cara Negara (E. P. Bell), dan Penasihat Ekonomi (C. J. Pyke). Ahli-ahli lain ialah H. H. Abdool

Cader, W. G. C. Blunn, M. L. R. Doraisamy Aiyer, Kol. H. S. Lee, Dr. Ong Chong Keng, S. B. Palmer, Dr. Miss Soo Kim Lan, Dr. Tan Cheng Leng, Tan Eng Chye, dan Peguam Negara (K. K. O'Connor).

Antara langkah pertama yang diambil oleh kerajaan Malayan Union, yang dirasmikan pada 1 April 1946, ialah memastikan pengusaha mesin cetak dan penerbit akhbar mematuhi undang-undang mesin cetak dan penerbitan. Ia tidak mewujudkan undang-undang sendiri. Ia hanya mengambil undang-undang mesin cetak dan penerbitan yang sebelum Perang Dunia Kedua berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu. Undang-undang itu ialah Ordinan Mesin Cetak Negeri-negeri Selat (Bab 208), Enakmen Mesin Cetak Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Bab 89), Enakmen Mesin Cetak Johor No. 100, Enakmen Mesin Cetak Kedah No. 85, Enakmen Mesin Cetak Perlis 1351,³ Enakmen Mesin Cetak Kelantan, dan Enakmen Penerbitan Hasutan dan Mesin Cetak Terengganu 1352⁴. Kerajaan Malayan Union menguatkuasakan undang-undang itu di Tanah Melayu dengan mewartakannya pada 24 April 1946, iaitu setelah selesai urusan pembentukan kerajaan Malayan Union.⁵ Warta kerajaan itu memerlukan sesiapa yang menyimpan dan menggunakan mesin cetak untuk mencetak dokumen (yang termasuk juga akhbar) supaya memohon lesen mengikut peruntukan undang-undang yang tertulis tersebut. Keperluan-keperluan lain ialah memasukkan nama dan alamat pencetak di atas dokumen (termasuk akhbar). Adalah menjadi kesalahan untuk mengedar dokumen (termasuk akhbar) tanpa nama atau alamat pencetak. Selain itu tuan punya akhbar perlu membuat perisytiharan di dalam Daftar Akhbar mengenai akhbar yang hendak diterbitkan. Warta itu mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika pihak yang terbabit gagal mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam undang-undang yang disebutkan itu dan boleh dihukum sebagai yang diperuntukkan.

Langkah yang diambil oleh kerajaan Malayan Union berhubung undang-undang berkaitan mesin cetak dan penerbitan adalah langkah pertama ke arah menyatukan undang-undang yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua dan berkuat kuasa di negeri-negeri yang berkenaan. Langkah yang diambil oleh kerajaan Malayan Union nampak seperti langkah sementara sahaja untuk memenuhi keperluan sebuah kerajaan yang teratur. Dalam perundingan membentuk sebuah gagasan baru bagi menggantikan Malayan Union yang diadakan tidak lama selepas itu, soal-soal percetakan dan penerbitan diletakkan di bawah Kerajaan Pusat (iaitu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu). Untuk menunjukkan bahawa kawalan melalui undang-undang terhadap akhbar dianggap perlu oleh kerajaan, empat bulan selepas Kerajaan Persekutuan Tanah

Melayu dibentuk pada 1 Februari 1948, pejabat Peguam Negara sudah menyiapkan draf undang-undang yang disatukan.

Di bawah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu

Persekutuan Tanah Melayu dilancarkan pada 1 Februari 1948, bagi menggantikan Malayan Union yang ditolak oleh orang-orang Melayu. Bentuk Persekutuan telah dipilih bagi menggantikan Kesatuan. Di bawah Persekutuan satu Kerajaan Pusat ditubuhkan manakala di peringkat negeri, tiap-tiap negeri mempunyai kerajaan negeri dengan kuasa yang tertentu. Dalam perundingan ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu ternyata British lebih memberi perhatian kepada UMNO, sebuah parti yang ditubuhkan berikutan penentangan Melayu terhadap gagasan Malayan Union. Parti-parti radikal seperti PKMM, dan PKM telah dipinggirkan. Fahaman Komunis yang cuba dibendung oleh pemerintah British di Negeri-negeri Selat. dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum Perang Dunia Kedua iaitu melalui sekatan terhadap penerbitan dari luar negara yang berbau komunis gagal mencapai matlamatnya. Fahaman ini terus menular. Pada waktu penaklukan Jepun, pihak komunis berjuang menentang Jepun. Langkah ini merapatkan mereka kepada pihak British. Malah pada satu peringkat PKM menyatakan dalam satu perhimpunan ramai di Singapura kesediaan parti itu untuk bekerja sama dengan British mendirikan kerajaan demokrat di Tanah Melayu.⁶ Bagaimanapun hubungan baik pihak British dan komunis tidak berkekalan. Komunis mula menimbulkan kekacauan pada penghujung tahun 1947. Pihak komunis terus menggiatkan huru-hara beberapa bulan selepas Persekutuan Tanah Melayu dilancarkan. Sebagai usaha untuk menentang kegiatan ganas Komunis dan puak kiri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan Darurat pada bulan Jun 1948.

Sebagai langkah segera kerajaan telah mengambil tindakan, selain tindakan keselamatan lain, untuk melarang sebarang percetakan, jualan, isu, dan pengedaran sebarang dokumen dalam bentuk tulisan, yang berkecenderungan hasutan atau menaikkan perasaan untuk melakukan keganasan atau menentang sebarang undang-undang atau sebarang perintah yang sah atau bertujuan berlaku kekacauan. Perkara ini terkandung dalam Perenggan 9, Peraturan Khas (Darurat Khas 1948) yang dikeluarkan pada 16 Jun 1948.⁷

Pada 7 Julai 1948, Ordinan Peraturan Darurat 1948 telah di-perundangkan untuk memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tinggi membuat kawal selia dalam keadaan Darurat atau yang membahayakan masyarakat. Ordinan itu

mbolehkan Pesuruhjaya Tinggi membuat peraturan, meliputi penapisan, kawalan, pencegahan penerbitan, penulisan, peta, plan, foto, komunikasi, dan ala-alat komunikasi).⁸

Kerajaan mengambil langkah segera untuk memberi kuasa kepadanya mengendalikan Darurat yang melanda Tanah Melayu. Tiga rang undang-undang dikemukakan satu persatu. Rang undang-undang pertama ialah Ordinan Mesin Cetak 1948 yang dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 21 Jun 1948. Selepas itu Ordinan Hasutan 1948 dan Ordinan Peraturan Darurat (Penapisan) 1948.

Keadaan Darurat ditamatkan secara rasmi pada 29 Julai 1960 dengan membuat satu perisytiharan. Berikutan dengannya, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah diperundangan yang memperuntukkan mengenai keselamatan dalam negeri, tahanan cegahan, mencegah subversif, mengambil tindakan terhadap keganasan yang diatur terhadap orang dan harta benda.

Ordinan Mesin Cetak 1948

Undang-undang baru yang dikenali sebagai Ordinan Mesin Cetak 1948 diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 6 Julai 1948. Ia dipersetujui oleh Pegawai Tadbir Kerajaan dan Raja-raja Melayu dan diwartakan pada 19 Julai 1948. Ordinan ini dikenali sebagai Ordinan Mesin Cetak 1948 (No. 12 1948). Undang-undang berkaitan dengan mesin cetak dan percetakan dokumen dan akhbar sebenarnya sudah pun berkuat kuasa di beberapa buah negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat pada ketika itu (undang-undang yang digubal sebelum Perang Dunia Kedua dan dikuatkuasakan oleh kerajaan Malayan Union), pada umumnya mempunyai pola yang sama, kecuali dari segi perincian.⁹ Bagaimanapun, ada satu perbezaan penting antara undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu. Undang-undang di Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka, mempunyai peruntukan mengenai pengeluaran permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar; undang-undang di negeri-negeri Melayu tidak mempunyai peruntukan itu. Ini ada kena-mengena dengan keperluan peruntukan undang-undang itu. Peruntukan mengenai pengeluaran permit hanya terkandung dalam Ordinan Mesin Cetak [Pindaan 1939] (No. 38 1939) yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat. Matlamat utama peruntukan itu ialah untuk membendung pengaruh Jepun yang kelihatan aktif di Singapura. Peruntukan itu tidak diperundangan di negeri-negeri Melayu mungkin kerana keperluan untuk membendung pengaruh Jepun tidak timbul di negeri-negeri Melayu.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak menyatakan dengan jelas kenapa peruntukan mendapatkan permit untuk mencetak dan menerbit akhbar perlu dimasukkan dalam satu undang-undang yang meliputi seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Peter Bell, Pemangku Peguam Negara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sekadar menyatakan bahawa kerajaan merasa perlu untuk melanjutkan peruntukan pengeluaran permit untuk mencetak dan menerbit akhbar ke seluruh Persekutuan Tanah Melayu.¹⁰

Bagaimanapun, pada ketika itu Tanah Melayu sudah pun diancam oleh pengganas komunis. Ketika draf undang-undang itu siap pada 11 Jun 1948, keadaan Darurat masih belum diisytiharkan lagi. Bell juga menyatakan berikutan dengan tindakan melanjutkan peruntukan itu peluang diambil untuk menyatukan undang-undang percetakan dan penerbitan.¹¹ Ordinan Mesin Cetak 1948 ini bertujuan mengawal selia pemilikan mesin cetak dan percetakan dokumen dan akhbar. Seksyen 3 Ordinan itu ialah mengenai lesen memiliki mesin cetak dan seksyen 7 ialah mengenai permit mencetak dan menerbitkan akhbar.

Seksyen 3 rang undang-undang Ordinan Mesin Cetak 1948 itu antara lainnya memperuntukkan bahawa Ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atas budi bicaranya boleh memberi kepada sesiapa pun dalam Persekutuan suatu lesen untuk menyimpan dan menggunakan mesin cetak untuk mencetak dokumen dan akhbar, dan boleh pada sebarang masa menarik balik lesen tersebut sama ada secara kekal atau bagi satu tempoh yang difikirkannya sesuai.¹²

Seksyen 5, memperuntukkan setiap dokumen (dan akhbar) yang dicetak atau diterbitkan mesti dicetak dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu di muka depan atau belakang.¹³

Di bawah Seksyen 7, Ordinan itu menyatakan sesiapa pun tidak dibenarkan mencetak atau menerbit atau menolong dalam percetakan atau penerbitan sebarang akhbar di Persekutuan, melainkan pemilik akhbar itu sebelum itu telah memperoleh suatu permit yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha yang membenarkan percetakan dan penerbitan demikian. Ketua Setiausaha boleh atas budi bicaranya memberi, menolak, atau menarik balik sesuatu permit, atau memberi tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di atas permit itu termasuk mengarahkan akhbar itu di dicetak dalam bahasa tertentu, dan memerlukan pemiliknya mengikat suatu bond.¹⁴ Undang-undang mengenai syarat bahasa dan bayaran bond ini diperkenalkan dalam tahun 1939 kerana hendak membendung pengaruh Jepun. Seksyen 7 juga memperuntukkan bahawa sesiapa yang tidak bersetuju dengan keputusan atau syarat yang dikenakan oleh

Ketua Setiausaha, boleh merayu kepada Pesuruhjaya Tinggi-dalam-Majlis yang keputusannya adalah muktamad.¹⁵

Seksyen 16 memperuntukkan hukuman iaitu boleh dihukum penjara tidak lebih dua tahun atau didenda dua ribu dolar atau kedua-duanya sekali.¹⁶ Bagaimanapun, Seksyen 18 menerangkan, tindakan undang-undang hanya boleh diambil di bawah Ordinan ini dengan mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pendakwa Raya.¹⁷

Seksyen 23 memberi budi bicara kepada Pesuruhjaya Tinggi-dalam-Majlis mengarahkan, dengan menerbitkan dalam *Gazette*, untuk mengecualikan sebarang dokumen, atau sebarang percetakan, daripada operasi seluruh atau sebahagian daripada Ordinan itu.¹⁸ Peruntukan ini diperkenalkan dalam tahun 1920, dan beberapa pencetak akhbar berbahasa Inggeris dikecualikan daripada operasi sebahagian daripada Ordinan itu sehingga Perang Dunia Kedua.

Menjelang kemerdekaan, Kerajaan Persekutuan meminda Ordinan Mesin Cetak 1948 untuk meletakkan akhbar-akhbar yang dicetak di Singapura di bawah kuasa Persekutuan, jika akhbar berkenaan diedar di Persekutuan.

Ordinan Hasutan 1948

Dalam tahun 1948 juga, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggubal satu undang-undang berkaitan hasutan yang melibatkan akhbar, yang mana sesebuah akhbar menerbitkan perkara-perkara hasutan boleh digantung atas arahan mahkamah. Menurut Peter bell, Pemangku Peguam Negara, Ordinan dan enakmen yang wujud ketika itu yang berkaitan dengan hasutan walaupun pada sebahagian besarnya sama tetapi tidak memuaskan kerana mereka mempunyai peruntukan tersendiri berhubung dengan setiap negeri dan Negeri Selat dan ini tidak disesuaikan dengan peraturan perlembagaan yang baru. Oleh yang demikian, menurut Bell, matlamat utama rang undang-undang itu, berasaskan kepada perundangan yang ada, bertujuan untuk menyatukan dan menyesuaikan keadaan dengan Persekutuan ketika itu. Sebagai tambahan peluang diambil untuk memperkenalkan peruntukan untuk membolehkan mahkamah untuk menggantung penerbitan sesebuah akhbar yang menerbitkan perkara-perkara hasutan dan melarang pengedaran sesebuah penerbitan hasutan. Hukuman terhadap kesalahan hasutan juga ditambah.

Rang undang-undang Ordinan itu menghuraikan dengan terperinci apa yang dimaksudkan dengan kecenderungan hasutan dalam Seksyen 3 (1), dan menghuraikan dalam Seksyen 3(2) apa yang dianggap sebagai bukan mempunyai kecenderungan hasutan.¹⁹

Sebagaimana yang diketahui undang-undang ini bertujuan untuk membendung kebangkitan komunis tetapi ia tidak menghalang mereka dari melancarkan keganasan di seluruh negara, untuk secara rasminya selama 12 tahun.

Di bawah Kerajaan Peralihan

Kerajaan peralihan telah dibentuk di Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Ogos 1955 selepas pilihan raya pada 27 Mei 1955, di mana parti Perikatan terdiri daripada UMNO, MCA, dan MIC menang 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Sebuah kerusi lagi dimenangi oleh PAS. Sebuah Kabinet yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri telah dibentuk. Tunku juga memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Beliau dibantu oleh Bahaman Shamsuddin. Bagaimanapun, portfolio penting masih dipegang oleh British, seperti Pesuruhjaya Tinggi, Ketua Setiausaha, dan Setiausaha Kewangan.

Pindaan terhadap Ordinan Mesin Cetak 1948 dibuat pada bulan Julai 1957, sebagai persediaan ke arah negara merdeka. Rang undang-undang itu dibentangkan pertama kalinya di Majlis Perundangan Persekutuan dalam bulan April 1957. T. V. A. Brodie, Peguam Negara Persekutuan Tanah Melayu ketika itu menjelaskan bahawa Ordinan Mesin Cetak 1948 bertujuan untuk mengawal penerbitan akhbar dalam Persekutuan dengan memerlukan yang pemilik setiap akhbar yang dicetak dan diterbitkan dalam Persekutuan patut mengambil permit tahunan. Undang-undang itu juga memerlukan setiap akhbar demikian patut mempunyai nama pencetak dan penerbit di akhbar berkenaan, manakala nama dan alamat pencetak dan penerbit serta tuan punya akhbar mesti mendaftar nama mereka dan mendaftar semula jika berlaku perubahan. Bagaimanapun, kebanyakan akhbar yang beredar di Persekutuan ketika itu dicetak dan diterbitkan di luar wilayahnya (iaitu di Singapura), satu hakikat yang cenderung untuk mengalahkan dasar Ordinan itu.²⁰ Oleh yang demikian kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang itu supaya meliputi semua akhbar yang dicetak di Tanah Melayu (termasuk Singapura) jika akhbar berkenaan diedar dalam Persekutuan.²¹ Di bawah pindaan itu akhbar yang dicetak di luar Persekutuan perlu mendapat permit untuk menjual dan mengedar di Persekutuan. Ini bermakna akhbar yang dicetak di Singapura tetapi dijual di Persekutuan berada di atas kedudukan yang sama sebagaimana akhbar Persekutuan, yang mesti mempunyai permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar. Selain itu, peruntukan juga diadakan untuk memberi kuasa menggeledah dan menahan akhbar "haram" oleh pihak berkuasa polis, pos, dan kastam.

Hukuman juga dikenakan terhadap pemilikan tanpa sebab sah akhbar "haram" untuk tujuan penerbitan, jualan, atau pengedaran. Undang-undang ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 1958.

Pembentangan rang undang-undang itu telah membuka jalan bagi pihak akhbar menyuarakan pendapatnya mengenai rang undang-undang itu yang dilihat sebagai memberi implikasi terhadap kebebasan akhbar. Setakat yang dapat dipastikan cuma akhbar *The Straits Times* yang menyuarakan pendapat ini dalam beberapa editorial yang disiarkan bermula dari pengumuman mengenai rang undang-undang itu.

Undang-undang dan Kebebasan Akhbar

Soal kebebasan akhbar diberi perhatian menjelang negara ini mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Pada ketika itu kebanyakan akhbar utama dicetak di Singapura dan diedar di Persekutuan Tanah Melayu. *Utusan Melayu* masih dicetak di Singapura, begitu juga dengan akhbar-akhbar Cina dan Tamil. Bagaimanapun, *The Straits Times* telah dicetak di Kuala Lumpur mulai Jun 1956. Peluang membincangkan soal kebebasan akhbar ini terbuka apabila Kerajaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman (masih di bawah penjajah British) meminda Ordinan Mesin Cetak 1948 supaya akhbar yang dicetak dan diterbitkan di luar wilayahnya perlu mendapat permit jualan dan pengedaran, dan membuka pejabat wakil di Tanah Melayu.²² Dasar undang-undang itu menurut Peguam Negara T. V. A. Brodie, sebagaimana yang dipetik oleh *The Straits Times* dalam rencana pengarang pada 10 April 1957, ialah "kuasa untuk mengawal organ yang tidak berkongsi cara hidup dan fikiran kita."²³ Ia ditujukan kepada akhbar yang dicetak di Singapura tetapi diedar di Persekutuan. Akhbar itu juga menganggap Ordinan Mesin Cetak 1948 sebagai antara peraturan Darurat, berkata: Peraturan Darurat telah menjadi sebahagian undang-undang substantif sebagaimana ia wujud di Singapura, dan kecenderungannya ialah bukan untuk mengurangkan sekatan terhadap akhbar, tetapi untuk menambahkannya.

The Straits Times juga berpendapat pindaan itu tidak perlu, malah Ordinan asal itu yang digunakan untuk tujuan memerangi Darurat patut "dibiarkan layu dan mati."²⁴ Ia juga mempertikaikan peruntukan rayuan kepada Pesuruhjaya Tinggi-dalam-Majlis bagi mereka yang ditolak permohonan atau pembatalan permit. Ia mahu rayuan dibuat ke mahkamah kerana "hak untuk merayu kepada Pesuruhjaya Tinggi-dalam-Majlis bukanlah hak untuk merayu langsung."²⁵ Ia

berkata tidak diragukan langsung bahawa kuasa eksekutif untuk menindas sesebuah akhbar dengan satu garis pena Menteri adalah salah. Rencana pengarang itu berkata adalah perlu ada hak untuk merayu ke mahkamah. Walaupun akhbar itu sendiri tidak terjejas dengan pindaan yang hendak dilakukan oleh kerajaan kerana ia sudah dicetak di Kuala Lumpur mulai Jun 1956, selain di Singapura, ia berkata, "The Federation Government will not expect us to welcome its proposal to amend the Printing Presses Ordinance."²⁶

Seterusnya selepas rang undang-undang pindaan Ordinan itu dibentangkan di Majlis Perundangan Persekutuan. *The Straits Times* menulis satu lagi rencana pengarang bertajuk "Freedom of the Press". Ia memetik Menteri Muda Hal-Ehwal Dalam Negeri Bahaman Samsuddin, yang membentangkan rang undang itu, sebagai berkata, "Akhbar yang bebas adalah satu unsur penting dalam sebuah negara yang merdeka dan kerajaan Perikatan akan sentiasa berusaha menentukan kebebasan akhbar sepenuhnya di Tanah Melayu."²⁷ Dengan nada yang agak sinis rencana pengarang itu berkata, "Tidak ada kerajaan yang mahukan akhbarnya bebas perlu menjangka sebarang kesulitan dalam menentukan yang ianya bebas. Ia tidak perlu meluluskan undang-undang yang mengehadkan kebebasan. Ia semudah itu."²⁸ *The Straits Times* menyatakan bahawa tidak ada akhbar yang merasa seronok dengan peraturan itu, yang diterima dengan kesal kerana keadaan Darurat. Tetapi sekurang-kurangnya di Singapura pemilik akhbar mempunyai peluang merayu kepada mahkamah. Apabila S. M. Yong anggota Majlis Perundangan Persekutuan yang dilantik membangkitkan perkara itu ketika perbahasan, Menteri Muda Dalam Negeri Bahaman Shamsuddin menjawab bahawa soal itu terpaksa dipertimbangkan dengan melihat perubahan perlembagaan.²⁹

The Straits Times menyentuh mengenai Perlembagaan Merdeka yang sedang digubal khususnya mengenai peruntukan kebebasan bercakap dan menyatakan pendapat. Ia menyebut tentang pindaan yang dibuat terhadap draf perlembagaan itu, yang menurutnya dibuat tanpa amaran atau tanda. *The Straits Times* khuatir kerana di bawah cadangan Suruhanjaya Reid terdapat sekatan berpatutan kepada kebebasan akhbar kerana kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam tetapi di bawah Perlembagaan perkataan "berpatutan" telah dipotong.³⁰

Kemudian pada 3 Ogos 1957, *The Straits Times* menulis satu lagi rencana pengarang bertajuk "The Press in Danger". Kali ini ia menyebut tentang kebebasan akhbar yang tergugat di beberapa tempat di dunia khususnya yang baru mencapai kemerdekaan, seperti di Indonesia, Pakistan, India, dan Ceylon. Rencana pengarang itu menyebut mengenai kebimbangan para editor di India tentang hasrat kerajaan India untuk menubuhkan sebuah Majlis Akhbar yang

akan mempunyai kuasa yang besar dan yang tidak diperlukan ke atas akhbar termasuk hak untuk mendapatkan maklumat secara wajib daripada para wartawan. Oleh kerana ahli politik profesional dicadangkan menjadi antara anggota Majlis itu, sedikit saja imiginasi diperlukan untuk menggambarkan arah kawalan itu akan dilakukan. Di Indonesia, akhbar pada masa ini diganggu oleh tentera, yang para pegawai penapisnya membuat undang-undang sendiri. Tujuh orang pemberita telah ditangkap, dua orang wartawan asing telah diusir. Seorang editor ditangkap kerana dikatakan "menghina kerajaan" tetapi akhirnya dibebaskan selepas dibicarakan. Tetapi editor itu masih dikenakan tahanan dalam rumah oleh tentera.³¹

Bagaimanapun, rencana pengarang itu tidak menjangka bahawa serangan akan segera dilakukan terhadap kebebasan akhbar di Tanah Melayu. Para Menteri di Kuala Lumpur dan di Singapura ada menyebut tentang pentingnya akhbar yang bebas dan tentang kebebasan wartawan Tanah Melayu. Namun, menurut rencana pengarang itu, bahayanya tetap wujud. Ia menyebut tentang hilangnya jaminan kebebasan akhbar daripada Perlembagaan Persekutuan adalah satu daripada petandanya. Kemudian pindaan terhadap Ordinan Mesin Cetak yang dibuat oleh badan perundangan Persekutuan. Pindaan ini meletakkan akhbar Singapura yang dijual di Persekutuan sama dengan akhbar Persekutuan. Itulah sebenarnya tujuannya. Tetapi rencana pengarang itu mempertikaikan kedudukan itu kerana, tidak seperti di Singapura, akhbar di Persekutuan boleh ditutup dengan dikri oleh Menteri Dalam Negeri. Tidak ada rayuan terhadap tindakannya. Jika Kerajaan Persekutuan tidak suka politik sesebuah akhbar ia boleh menutup akhbar itu. Rencana pengarang itu bertanya kenapa kerajaan mahu hak ini jika ia tidak bertujuan langsung untuk menggunakan hak itu?³²

Kemudian dalam satu rencana pengarang bertajuk "This Freedom" pada 9 Ogos 1957 yang membincangkan mengenai penarikan balik kerakyatan bagi mereka yang menjalan kegiatan subversif, *The Straits Times* berkata orang berkenaan tidak perlu terlibat dengan subversif. "Adalah mencukupi jika Menteri memikir mangsanya telah menunjukkan dirinya tidak setia atau terjejas melalui tindakan atau ucapan."³³

Dalam satu rencana pengarang bertajuk "The Blow to Freedom" pada 16 Ogos 1957, *The Straits Times* menyentuh mengenai penjelasan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman mengenai penulisan semula draf Perlembagaan Merdeka berikutan kritikan terhadap isu kebebasan asasi. *The Straits Times* berkata jawapan Ketua Menteri bahawa penulisan bentuk akhir perlembagaan itu telah diterima oleh sejumlah besar penasihat undang-undang termasuk pakar penggubal undang-undang di Britain. Akhbar itu berkata, adakah Ketua Menteri bertanya,

apakah pengalaman penggubal undang-undang di Britain dalam mendraf perlembagaan kecuali perlembagaan negara-negara jajahan British. Lagipun penggubal undang-undang membuat draf yang mereka disuruh lakukan. Jika mereka disuruh membuat draf yang memberi jaminan kebebasan asasi yang tidak boleh digugat mereka akan berbuat demikian.³⁴

Rencana pengarang itu mahu Perlembagaan Merdeka memperuntukkan jaminan terhadap kebebasan asasi dan mahkamah menjadi tempat rayuan. Akhbar itu berkata ia takjub kerana Peguam Negara T. V. A. Brodie menghujah bahawa badan kehakiman yang bebas yang terasing daripada aliran politik, tidak sesuai untuk tugas ini. Hakim tidak dipilih kerana politik mereka, akhbar itu memetik kata Brodie. Selanjutnya menurut Brodie, para hakim tidak boleh halang kerana politik mereka, dan mereka juga tidak boleh dibuang kerananya.³⁵

The Straits Times mungkin satu-satunya akhbar yang paling konsisten menyuarakan pandangan mengenai kebebasan akhbar. Bila ada peluang berbuat demikian ia tidak melepaskannya. Setakat yang dapat dipastikan akhbar nasional lain seperti *Utusan Melayu* tidak membincang mengenai kebebasan akhbar apabila Ordinan Mesin Cetak 1948 (Pindaan 1957) dibahas di Majlis Perundangan Persekutuan. Peluang untuk *The Straits Times* membicarakan lagi soal kebebasan akhbar timbul apabila *The Times* (London) membuat komen mengenai kebebasan akhbar di Tanah Melayu. *The Straits Times* dalam satu rencana pengarang pada 11 Disember 1957 berkata adalah menyenangkan yang *The Times* menunjukkan minat yang tidak disangka-sangka terhadap kebebasan akhbar di Tanah Melayu.³⁶ *The Times* nampak sebab-sebab untuk berasa khuatir dalam sistem pelesenan mesin cetak dan penjualan akhbar di Persekutuan Tanah Melayu, perhatiannya ditarik kepada sebuah undang-undang yang sudah berkuasa sejak beberapa tahun dengan perubahan yang melibatkan penjualan akhbar Singapura di Persekutuan.

Dalam bulan Julai 1957 Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan pindaan kepada Ordinan Mesin Cetak memerlukan akhbar-akhbar Malaya (maksudnya Tanah Melayu dan Singapura) mesti mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri untuk jualan dan pengedaran di Persekutuan Tanah Melayu. Semua akhbar Malaya mesti mempunyai permit untuk mencetak dan menerbit, tetapi sebuah akhbar yang dilesen di satu wilayah mengedar di satu wilayah lagi tanpa sekatan. Mulai bulan depan (Januari 1958) akhbar-akhbar yang dicetak di Singapura mesti mempunyai permit penjualan Persekutuan.

Menurut *The Straits Times*, sebab-sebab perkara ini berlaku, yang nampaknya tidak kelihatan kepada *The Times*, adalah mudah. Perubahan dari segi

perlembagaan telah membatalkan andaian bahawa kedua-dua kerajaan akan sentiasa sependapat kepada akhbar. Adalah lebih berkemungkinan dibandingkan dengan sebelum Merdeka yang sesebuah akhbar yang ditolak kebenaran untuk mencetak di Persekutuan akan mendapat lesen di Singapura dan menjual di Persekutuan tanpa halangan. Jika Persekutuan hendak mengawal sebarang kawalan terhadap akhbar ia mesti mengawal pengedaran dalam Persekutuan akhbar yang dicetak di Singapura. Isu sebenarnya bukanlah pindaan kepada undang-undang itu, tetapi operasi Ordinan asal itu.³⁷

The Straits Times menjelaskan Ordinan Persekutuan itu bermula sejak 1948, yang merupakan satu daripada undang-undang pertama yang mengukuhkan Undang-undang Darurat. Ia diterima oleh akhbar-akhbar Tanah Melayu pada ketika itu sebagai satu keperluan pada masa itu, ia tidak pernah digunakan di luar konteks Darurat. Mungkin kerana sebab ini pihak akhbar telah hilang semua ketakutannya terhadap undang-undang yang pada asasnya suatu undang-undang yang tidak disukai suatu cara yang tersedia untuk menyekat kebebasan akhbar jika kerajaan yang memerintah pada waktu itu memutuskan untuk melindungi dirinya dari akhbar dan pendapat awam. Penentangan kepada sistem permit bertambah dengan mengeluarkan dari Perlembagaan jaminan kebebasan akhbar yang tidak boleh digugat. *The Times* menunjukkan bagaimana sistem permit boleh digunakan untuk menyekat "kebebasan menyatakan pendapat sebelumnya" iaitu dengan menafikan permit penerbitan kepada orang-orang yang pandangan politiknya sangat berlainan dengan pandangan kerajaan tanpa merupakan hasutan. Ordinan itu juga memperuntukkan, untuk penarikan balik sesuatu permit, dan menutup akhbar itu buat selama-lamanya atau untuk satu tempoh yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

The Straits Times sekali lagi membangkitkan soal hak untuk merayu ke mahkamah mengenai penolakan atau pembatalan permit. Kebebasan akhbar di Persekutuan adalah sepenuhnya atas budi bicara Menteri. *The Straits Times* memetik hujah *The Times* (London) bahawa sistem permit boleh diterima hanya jika ia dijelaskan bahawa kelayakan untuk meminta permit tidak ada kena-mengena dengan kecenderungan politik terhadap kerajaan. Bagaimanapun, *The Straits Times* berkata jaminan yang paling baik ialah dengan memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menyoal pertimbangan Menteri. Terpulanglah kepada beliau untuk membuktikan bahawa kebebasan menggugat kebebasan.³⁸

Ordinan Mesin Cetak (Pindaan) 1957 itu mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1958. Bagaimanapun, pada ketika itu suara memperjuangkan kebebasan akhbar nampaknya datang dari kelompok profesional saja, iaitu industri persuratkhabaran sendiri. Namun itupun nampaknya terhad kepada akhbar

berbahasa Inggeris, yang mungkin kluatir akan kehilangan kebebasan yang mereka nikmati di bawah pemerintahan kolonial. Akhbar berbahasa Melayu, yang lebih menumpukan kepada perjuangan kemerdekaan, nampaknya tidak ada memberikan suara tentang kebebasan akhbar pada ketika itu. Ketika akhbar *The Straits Times* menulis beberapa rencana pengarang mengenai kebebasan akhbar dari mula rang undang-undang itu diumumkan sehingga ia dibincangkan di Majlis Perundangan Persekutuan dan akhirnya dikuatkuasakan, semakan yang dibuat terhadap rencana pengarang akhbar Utusan Melayu tidak mendapati apa-apa ulasan mengenai rang undang-undang itu.

Soal sekatan terhadap kebebasan individu termasuk kebebasan akhbar, tidak terlepas dari pandangan Tunku Abdul Rahman ketika menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu memberi satu sidang akhbar pada 28 Ogos 1957 iaitu menjelang hari kemerdekaan. Beliau menyebut mengenai kebebasan yang dinikmati oleh rakyat di bawah pemerintahan lalu, dan berjanji akan meneruskan kebebasan demikian.

Kata Tunku Abdul Rahman dari semasa ke semasa beberapa soalan ditimbulkan mengenai sekatan terhadap kebebasan individu. Kata beliau orang-orang yang membangkitkan isu ini lupa bahawa terdapat musuh di kalangan rakyat, dan adalah perlu kerajaan mengenakan sekatan ke atas individu. Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan autoriti, tetapi jika terpaksa memerangi komunis, adalah perlu kerajaan diberi autoriti untuk mengenakan sekatan jika tidak sukarlah untuk memeranginya.³⁹

Menjelang kemerdekaan dengan tiba-tiba Kuala Lumpur menjadi satu daya penarik. Satu mini perpindahan berlaku apabila akhbar-akhbar yang beribu pejabat di Singapura, mula menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat. Utusan Melayu memindahkan ibu pejabat ke Kuala Lumpur dan beroperasi mulai bulan Februari 1958. Manakala Singapura dikekalkan sebagai pejabat cawangan. *The Straits Times* pula, yang mula mencetak di Kuala Lumpur mulai Jun 1956, dan menerbitkan *Berita Harian* pada 1 Julai 1957, walaupun banyak mempersoalkan kebebasan akhbar berkaitan Ordinan Mesin Cetak 1948 telah memindahkan ibu pejabatnya dari Singapura ke Kuala Lumpur pada tahun 1959. Bagaimanapun, pemegang sahamnya masih di Singapura dan ini menjadi satu isu besar pada awal tahun 70-an kelak. Sejauh mana pindaan Ordinan Mesin Cetak 1948 ini memainkan peranan yang menyebabkan akhbar-akhbar itu berpindah ke Kuala Lumpur sukar dipastikan. Bagaimanapun, berdasarkan persediaan awal yang dibuat oleh Utusan Melayu (yang mula menjual saham tambahan dalam tahun 1956) dan *The Straits Times* (yang telah membeli *The Malay Mail* dalam tahun 1952, mencetak akhbar itu di Kuala Lumpur dalam

tahun 1956, dan menerbitkan *Berita Harian* pada 1 Julai 1957) adalah dirasakan bahawa daya tarikan ekonomi di bawah sebuah negara merdeka adalah lebih kuat menyebabkan akhbar-akhbar itu berpindah. Pengedaran akhbar-akhbar itu di Tanah Melayu adalah lebih besar daripada Singapura. Pindaan undang-undang itu telah menolong menyegerakan langkah itu. Pihak akhbar tentulah merasa lebih selesa kerana peluang untuk mendapatkan lesen atau permit akan lebih mudah jika akhbar-akhbar itu beroperasi di Kuala Lumpur. Jika mereka terus beroperasi di Singapura, masalah besar akan timbul jika Kerajaan Persekutuan tidak memberikan lesen atau permit untuk mengedarkan akhbar berkenaan.

Catatan

1. Malayan Union Order in Council, 1946, *Malayan Union Gazette Extraordinary*, 1 April 1946.
2. Malayan Union, *Government Gazette*, 20 Jun 1946, 209.
3. Tahun Hijrah.
4. Tahun Hijrah.
5. Printing Presses Notification No. 81, *Malayan Union Government Gazette*, (supplement), 1946, 1 (2), 24 April 1946.
6. *Utusan Melayu*, 8 Nov. 1945, 4.
7. *Federation of Malaya Government Gazette* (No. 10, 1948, Kuala Lumpur, 16 Jun 1948).
8. *Federation of Malaya, Government Gazette (supplement)* (1(11), Kuala Lumpur, 10 Julai 1948).
9. Printing Presses Ordinance 1948 (No. 12 of 1948).
10. Printing Presses Ordinance 1948 (bill), *Federation of Malaya Government Gazette*, 21 Jun 1948 1(10), 889.
11. *Ibid.*, 889–890.
12. Printing Presses Ordinance 1948 (No. 12 of 1948), Seksyen 3.
13. *Ibid.*, Seksyen 5.
14. *Ibid.*, Seksyen 7.
15. *Ibid.*, Seksyen 7(6).
16. *Ibid.*, Seksyen 16.
17. *Ibid.*, Seksyen 18.
18. *Ibid.*, Seksyen 23.
19. Sedition Ordinance, 1948 (bill), *Federation of Malaya Government Gazette*, 21 Jun 1948, 894–900, 895–896. Terjemahan Sedutan Sedition Ordinance, 1948

Ada lima perkara yang disebutkan dalam 3(1) iaitu secara ringkasnya:

- (a) menimbulkan kebencian terhadap sebarang Raja (Ruler) atau sebarang Kerajaan;
- (b) menggerakkan (excite) rakyat (subjects) sebarang Raja atau penduduk sebarang wilayah dalam usaha untuk mengubah secara tidak mengikut undang-undang sesuatu perkara yang dibuat secara sah;
- (c) membangkitkan kebencian terhadap pentadbiran kehakiman di Persekutuan atau dalam sebarang negeri Melayu atau negeri Selat;
- (d) menimbulkan keresahan (discontent) di kalangan rakyat Raja England atau Raja-Raja Melayu atau terhadap penduduk Federation atau sebarang negeri Melayu dan negeri Selat; dan
- (e) memupuk rasa kebencian dan permusuhan antara berbagai kaum atau kelas penduduk Persekutuan.

Sebaliknya Seksyen 3(2) menghuraikan apa yang dimaksudkan dengan tidak mempunyai kecenderungan hasutan, iaitu:

- (a) untuk menunjukkan bahawa sebarang Raja telah dipesongkan (misled) atau tersilap dalam sebarang tindakannya.
 - (b) untuk menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam sebarang Kerajaan atau perlembagaan yang diwujudkan oleh undang-undang atau dalam undang-undang (legislation) dan dalam pentadbiran kehakiman dengan tujuan untuk membetulkan kesilapan atau kecacatan itu;
 - (c) membujuk rakyat sebarang Raja atau penduduk sebarang wilayah dalam usaha untuk menukar secara undang-undang sebarang perkara yang dibuat secara sah;
 - (d) untuk menunjukkan, dengan tujuan untuk menghapuskan sebarang perkara yang boleh membangkitkan atau mempunyai kecenderungan untuk membangkitkan perasaan kebencian atau permusuhan antara berbagai kaum atau kelas penduduk Persekutuan.
20. Printing Presses Ordinance 1948 (Amendment) 1957 Bill, *Federation of Malaya Government Gazette*, 8 April 1957, 477-481. Sedutan Pindaan Kepada Printing Presses Ordinance, 1948.; Seksyen baru 7A (1) berbunyi:
- No newspaper printed in Malaya shall be published, sold, offered for sale or distributed in the Federation unless the proprietor of such newspaper or his agent has previously obtained and there is in force a permit in writing under the hand of the Minister of Home Affairs authorising such publication, sale or distribution of such newspaper in the Federation, which permit the Minister may at his discretion, grant, refuse or revoke or grant subject to conditions to be endorsed thereon:
- Provided that nothing in this section shall affect the publication, sale, offer for sale or distribution of any newspaper in respect of which a permit had been granted under section 7.
- Seksyen 7A(4) ialah berkaitan akhbar yang dicetak di luar yang ingin diedarkan di Persekutuan. Peruntukan itu berbunyi:
- The Minister may in his discretion impose as a condition of the grant of a permit that such proprietor shall establish and maintain a place of business within the Federation or shall appoint, and shall furnish the Minister with and cause to publish in such manner as the Minister may direct a list containing the names and addresses of, persons within the Federation authorised to accept service of any notice or legal process on behalf of such proprietor or of the printer or the publisher.
- 21. Ibid., 477-481.
 - 22. The Printing Presses (Amendment) Ordinance, 1957 (No. 32 of 1957).
 - 23. Control of the Press (editorial), *The Straits Times*, 10 April 1957.
 - 24. Ibid.
 - 25. Ibid.
 - 26. Ibid.
 - 27. Freedom of the Press (editorial), *The Straits Times*, 16 Julai 1956.
 - 28. Ibid.
 - 29. Ibid.
 - 30. Freedom of the press, *The Straits Times*, 16 Julai, 1957. Sedutan editorial *The Straits Times* Mengenai Article 10 Perlembagaan:

No one suspected there was any thought on the part of the Rulers or the Alliance of abridging these fundamental guarantees. Not only the press is affected, but every political party and every citizen, for the freedom of the press is no more than the freedom of the individual. Indeed the Constitution does not make specific mention of the freedom of the press. The amendments are exquisitely simple. Article 10 of the draft constitution made freedom of speech and expression, the right of assembly and the right to form associations subject in each case "to any reasonable restriction" in the interests of the security of the State public order and public morality. In the Constitution the word "reasonable" has been struck out.

Additionally Article 4 of the Constitution provides that any law which imposes restrictions on the fundamental rights guaranteed in Article 10 cannot be questioned on the ground that Parliament did not deem these restrictions necessary or expedient in conformity with Article 10. What then is left of the Constitutional guarantee? Not very much. A majority of one vote in the legislature could secure the passage of any law violating the fundamental freedom of the individual and, of course, of the press. The Federation Government has already refused to follow the example set by colonial Singapore in 1951, and give newspaper proprietors the right of recourse to the courts when a permit to publish is revoked. What are we to make of the amendments to the draft Constitution? Is it in the Government's mind that it may have to impose restrictions that are not reasonable?

There is the Assistant Minister's assurance of the importance of a free and unrestricted press. Then why was it necessary to strike out the Reid Commission's "reasonable restriction", and moreover give Parliament the right to disregard the whole intention of Article 10? What was in the mind of the Rulers and the Government when they did this? Surely it was not anxiety on behalf of judges of the High Court, who might have to decide what was "reasonable", and what was not? The amendments are inexplicable, but there must have been a purpose behind them. More than the freedom of the press is jeopardised— if jeopardy there is. Every political party, every man who wishes to speak his mind, is vitally interested.

31. Sedutan Editorial The Press In Danger dalam The Straits Times, 3 Ogos, 1957.
That is one reason why the extraordinary changes made in the re-drafting of the Federation's Constitution are so suspect. Basically these are the rights on which the freedom of the press is founded, the right of the individual to have and to express freely his own opinion subject to the security of the State.
32. Ibid.
33. Sedutan Editorial This freedom dalam The Straits Times, 9 Ogos, 1957
Editors of newspaper are notoriously prone to disaffection. Any Government official will bear witness to that. The "disaffected" can lose their citizenship, and be deported, by an executive decision against which there can be no legal appeal. Newspapers who are disloyal and disaffected enough to resent officious policemen interfering with their photographers' activities should beware.
34. Sedutan editorial The Blow to freedom The Straits Times, 16 Ogos, 1957.
But of course the Attorney General does not think the courts are unfitted, because of their independence, to question legislation which parliament in its wisdom has approved. The Constitution is the supreme law. It provides that any law which is inconsistent with the Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void. Who else but the courts decide whether a law is repugnant to the Constitution? In rewriting the Reid draft, the Government

simply assured itself that no court and no judge shall ever question any restriction which the legislature imposes on fundamental rights. The Attorney General told the Council that we (*The Straits Times*) have gravely exaggerated. The second part of Article 4 says that no law which restricts fundamental rights can be questioned on the ground that it is inconsistent with Article 10, which says that any restrictions must be "necessary or expedient in the interest of the security of the Federation". The courts can question any other law. They cannot in any circumstances question a law which restricts personal freedom. In what way then do we exaggerate when we say the constitutional guarantee of fundamental rights has been struck out?

35. Ibid.
36. Permit to Print (editorial), *The Straits Times*, 11 Dis. 1957.
37. Ibid.
38. Ibid.
39. Ibid., 219-220.

BAB 17

Rumusan

BAHAGIAN INI MELIHAT BAGAIMANA NEGARA INI MELALUI zaman pendudukan Jepun dan perjalanan akhbar pada waktu itu, iaitu pada tahun-tahun 1942–1945. Ia juga melihat evolusi kuasa, khususnya kuasa parti politik UMNO yang memainkan peranan penting dalam penubuhan dan kemerdekaan negara ini antara tahun-tahun 1946–1957. Letusan rakyat menentang gagasan Malayan Union memberi kuasa kepada pertubuhan yang dinamakan UMNO. Kuasa yang ada kepada para pemimpin UMNO ini diiktiraf oleh British. UMNO dan Raja-raja Melayu berunding sebagai satu pasukan dengan British, malah landasan perbincangan dan perundingan dibuat oleh pertubuhan itu. Apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948, para pemimpin UMNO diberi beberapa kedudukan penting, sama ada di dalam Majlis Eksekutif atau Majlis Perundangan Persekutuan dan di peringkat negeri sebagai menteri besar atau ahli majlis negeri. Walaupun kuasa yang diberi oleh British mungkin tidak banyak tetapi peluang duduk semeja berbincang dan membuat sesuatu keputusan menjadikan ia seperti suatu perkongsian kuasa. Kuasa yang lebih banyak diperolehi selepas Pilihan Raya Umum untuk memilih seramai 52 ahli menduduki Majlis Perundangan Persekutuan.. Tempoh antara tahun 1955–1957 apabila negara ini mencapai kemerdekaan adalah yang paling penting kerana Perlembagaan Merdeka dibentuk. Perlembagaan inilah yang menjadi undang-undang asas pemerintahan negara ini.

Soal kebebasan membawa kepada tahun 1957, iaitu menjelang kemerdekaan nampaknya menjadi prihatin pengendali akhbar dan pentadbir. Walaupun demikian bukan seluruh industri akhbar memberi perhatian kepada soal tersebut. Dalam tempoh ini nampaknya belum wujud kumpulan pendesak yang memperjuangkan kebebasan akhbar. Kerajaan pada ketika itu dilihat sebagai memberi kebebasan akhbar.

Tempoh 1942–1957 boleh dipecahkan kepada tiga tempoh untuk membolehkan dilihat dengan lebih jelas percaturan kuasa antara kerajaan, rakyat dan akhbar. Tempoh yang dilihat ialah 1942–1945, 1946–1955, dan 1955–1957. Di bawah pemerintahan Jepun, kuasa berpusat kepada Tentera. Mereka adalah eksekutif, pembuat undang-undang dan juga menjadi hakim. Dalam hal yang demikian akhbar adalah dikuasai sepenuhnya oleh Jepun. Di bawah Malayan Union tiga cawangan pemerintahan iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman terdapat pemisahan. Bagaimanapun, oleh kerana eksekutif dan perundangan dikuasai oleh Gabenor, tidaklah ada pemisahan sebenarnya. Bagaimanapun, kehakiman adalah bebas. Akhbar juga adalah bebas tetapi ia terkawal oleh sekatan undang-undang. Di bawah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai 1948–1955, kedudukan dari perspektif kuasa adalah hampir sama dengan tempoh sebelumnya. Perbezaan kecil yang terdapat ialah penyertaan rakyat dalam Majlis Perundangan dan Majlis Eksekutif secara terhad. Keadaan darurat telah menyebabkan akhbar dikawal.

Bahagian berikut ini akan membincangkan mengenai sistem akhbar di bawah negara merdeka. Ia akan menyentuh mengenai beberapa peristiwa yang menolong mencorakkan sistem akhbar negara ini hingga ke zaman mutakhir.

BAHAGIAN 5

Zaman Merdeka 1957-1990

Merdeka	241
Pengambilalihan Utusan Melayu	247
Perubahan Pemilikan The Straits Times	271
Kuasa Melalui Undang-undang	289
Akhbar Dakwa Kerajaan	299
Kehakiman Di Parlimen	315
Hubungan Kuasa	337
Rumusan	353

BAB 18

Merdeka

BAHAGIAN INI IALAH MENGENAI PERKEMBANGAN YANG berlaku antara 31 Ogos 1957–1990. Selepas Merdeka, kuasa yang dimiliki oleh UMNO diperkukuhkan. Institusi-institusi yang boleh menolongnya digemblengkan, termasuk institusi akhbar. Kuasa politik yang wujud berikutan perpindahan kuasa dari British kepada UMNO (dan Perikatan), melahirkan beberapa kuasa baru, iaitu kuasa ekonomi kepada parti itu. Kuasa ekonomilah, selain kuasa politik, yang membantu UMNO (dan parti-parti lain dalam Perikatan, kemudiannya Barisan Nasional) memiliki akhbar. Bagaimanapun, bukan semua akhbar dimiliki oleh parti yang memerintah.

Kuasa akhbar, sebenarnya berpecah. Kebanyakan akhbar harian (tidak termasuk akhbar Cina) dimiliki oleh ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan parti-parti politik yang memerintah, manakala akhbar kecil, bukan harian dimiliki oleh para pengusaha yang tidak semestinya menyokong parti yang memerintah. Rakyat, sebagai satu kuasa tetap wujud. Dalam banyak hal kuasa rakyat merupakan kuasa tersembunyi ataupun kuasa terpendam yang digunakan untuk memilih parti yang akan memerintah. Setakat ini, rakyat masih mengekalkan parti yang memerintah negara ini sejak 1957. Hubungan yang baik, nampaknya wujud antara parti politik yang memerintah dan rakyat kerana parti politik yang sama atau penggantinya terus memerintah negara.

Selepas mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negara ini melalui proses pembentukan Malaysia yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah, dan Sarawak pada 16 September 1963. Bagaimanapun, Singapura menjadi sebuah negara Merdeka dalam tahun 1965. Malaysia, bersama Sabah dan Sarawak, kekal sebagai sebuah negara Merdeka dan berdaulat hingga kini.

Beberapa kejadian yang berlaku dalam tempoh ini menolong mencorakkan Sistem akhbar di Malaysia. Antaranya ialah pengambilalihan Utusan Melayu oleh UMNO dalam tahun 1961. Kemudian berlaku kejadian 13 Mei 1969 yang telah menukar corak pemerintahan dan dasar negara. Selain itu majoriti ekuiti syarikat akhbar disyaratkan dimiliki oleh rakyat tempatan. Seterusnya, peristiwa yang dikenali sebagai Operasi Lalang. Bahagian ini akan menghuraikan perubahan dan evolusi kuasa dalam tempoh 1957–1990 dengan menyentuh peristiwa-peristiwa tersebut dan beberapa perkara lain.

Di bawah Sebuah Negara Merdeka

Malaya mencapai kemerdekaan penuh pada 31 Ogos 1957. Negara yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu ketika ia diisytiharkan mengganti Malayan Union pada 1 Februari 1948, mulai 31 Ogos 1957 dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu secara rasmi. Tetapi nama Inggerisnya terus digunakan juga. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu yang pertama ketika mengisytiharkan kemerdekaan telah menggunakan nama Melayu iaitu Persekutuan Tanah Melayu walaupun dalam teks perisytiharan bahasa Inggeris. Penggunaan nama ini penting kerana ia mencerminkan perjuangan UMNO iaitu kemerdekaan dan negara yang berteraskan Melayu.

Bagi UMNO, kemerdekaan ini adalah cukup signifikan kerana ia telah berjuang sejak tahun 1946. Para anggota UMNO telah mendapat peluang sejak 1948 untuk membiasakan diri dalam pentadbiran negara di peringkat pusat sama ada di Majlis Eksekutif atau Majlis Perundangan, atau di peringkat badan perundangan negeri. Walaupun sebelum tahun 1955, ada anggota UMNO memegang jawatan Menteri dalam Majlis Eksekutif dan Menteri Besar di peringkat negeri. Selepas itu mulai Ogos 1955, Perikatan, yang dianggotai oleh UMNO, MCA, dan MIC, membentuk kabinet yang diketuai oleh Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman, walaupun British masih memegang teraju pemerintahan. Mereka telah mengambil bahagian dalam pembentukan undang-undang dan melaksanakan undang-undang lama sebelum Merdeka. Mereka seolah-olah sehati dengan sistem British. UMNO (dan Perikatan) terlibat dalam pembentukan Perlembagaan Negara. Jadi apabila Merdeka mereka sudah bersedia

untuk menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang diperlukan. Kuasa yang dahulunya dipegang oleh British kini berpindah kepada UMNO, yang berkongsi kuasa dengan MCA dan MIC. Kemerdekaan bermakna Tanah Melayu mempunyai sebuah Perlembagaan bertulis, suatu hasil rundingan antara berbagai-bagai pihak yang berminat termasuk Raja-raja Melayu.

Perisytiharan kemerdekaan yang dilafazkan oleh Tunku Abdul Rahman merupakan dokumen penting kerana melalui dokumen itulah dunia mengetahui kelahiran Malaya sebagai sebuah negara bebas, Merdeka dan berdaulat di kalangan negara-negara di dunia. Sebuah Perlembagaan telah dibentuk yang menjadi undang-undang tertinggi negara. Perisytiharan itu juga menyebut peruntukan Perlembagaan Persekutuan untuk menjaga hak dan keistimewaan Raja-raja Melayu dan hak asasi dan kebebasan rakyat dan memperuntukkan supaya Persekutuan Tanah Melayu terus aman dan makmur sebagai sebuah negara raja berperlembagaan berasaskan demokrasi berparlimen. Tunku juga memasyhurkan dan mengisytiharkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan sentiasa menjadi sebuah negara Merdeka yang demokratik dan berdaulat yang ditubuhkan di atas prinsip kebebasan dan keadilan dan sentiasa berusaha untuk kebajikan dan kebahagiaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan yang saksama di kalangan semua negara.¹

Walaupun teraju pemerintahan negara diambil alih dari British dengan aman, iaitu saluran perlembagaan, namun kelahiran Tanah Melayu adalah berlatarbelakangkan "kempen pemusnahan dan keganasan oleh pengganas komunis".² Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu lahir dengan latar belakang keadaan Darurat yang diisytiharkan dalam tahun 1948.³ Walaupun Darurat itu ditarik balik pada 31 Julai 1960, beberapa undang-undang yang berkaitan dengan akhbar seperti Ordinan Mesin Cetak 1948 dan Ordinan Hasutan 1948 yang lahir dalam keadaan Darurat itu, terus digunakan dalam zaman Merdeka dengan pindaan-pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. Malah satu daripada tindakan awal untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam dilakukan dengan memperkenalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam tahun 1960.

Selepas Merdeka pula Tanah Melayu, kemudiannya Malaysia, melalui beberapa keadaan Darurat lagi. Apabila Soekarno melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia, keadaan Darurat diisytiharkan pada 3 September 1964. Kemudian, apabila berlaku kebuntuan perlembagaan di Sarawak, Perisytiharan Darurat dibuat pada 14 September 1966, bagaimanapun ia terhad kepada Sarawak saja. Apabila berlaku rusuhan kaum di Kuala Lumpur, keadaan Darurat seluruh negara diisytiharkan pada 15 Mei 1969. Apabila berlaku krisis politik di Kelantan, Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan Darurat di Kelantan pada

tahun 1977.⁴ Bermula daripada Darurat kerana konfrontasi dalam tahun 1964 hingga sekarang empat perisytiharan Darurat masih berkuat kuasa dan belum dimansuhkan oleh Parlimen.⁵

Di belakang tirai negara yang aman, terdapat ancaman komunis, politik ekstrim dan perkauman dan pergelutan antara pemimpin-pemimpin politik yang menegangkan suasana. Beberapa orang tokoh parti politik ditangkap dalam tahun 1964, termasuk Aziz Ishak seorang bekas Menteri dan wartawan, yang dituduh cuba menjatuhkan kerajaan secara haram, dalam tahun 1976 beberapa orang tokoh politik bukan kerajaan dan kerajaan, dua daripadanya Timbalan Menteri, ditangkap kerana dikatakan terbabit dengan kegiatan komunis. Samad Ismail, seorang tokoh wartawan, dan Samani Mohd. Amin, turut ditahan kerana dikatakan terlibat. Selepas itu Peristiwa Memali dalam tahun 1985 di mana polis dan orang kampung bertempur hingga menyebabkan kematian. Paling akhir ialah peristiwa penangkapan 106 orang ahli politik, dalam kerajaan dan di luar kerajaan, aktivis hak asasi dan sosial, pengkritik sosial, pemimpin kaum, dan orang perseorangan antara 27 Oktober–14 November 1987 kerana dikatakan terbabit dengan kejadian yang boleh mengancam keselamatan negara. Empat buah akhbar *The Star*, *The Sunday Star*, *Watan*, dan *Sin Chew Jit Poh* dibatalkan permit penerbitannya mulai 28 Oktober 1987, sehingga Mac 1988.

Dalam tempoh 1957–1990, terdapat pengukuhan dan pemusatan kuasa oleh eksekutif melalui pindaan-pindaan kepada perlembagaan dan penggubalan akta Parlimen. Di peringkat politik pula, parti-parti politik yang memerintah, khususnya UMNO berupaya mengukuhkan kedudukan politik dan ekonomi parti itu. Ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan UMNO juga dapat menguasai bidang persuratkhabaran dengan pengambilalihan *Utusan Melayu* pada tahun 1961 dan Kumpulan *The New Straits Times* pada tahun 1972. Ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan parti-parti lain dalam komponen Barisan Nasional juga turut sama memiliki akhbar—MCA, *The Star*, dan MIC, *Tamil Nesan*.

Sebagaimana dalam demokrasi lain, Malaysia mempunyai tiga cabang Kerajaan, iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Ini ialah tiga kuasa yang dianggap berasingan dan boleh bertindak untuk mengawal dan mengimbangi antara satu sama lain. Kuasa keempat ialah akhbar. Kuasa eksekutif terletak kepada undang-undang yang digubalnya melalui Parlimen. Eksekutif pula adalah anggota parti dan parti pula memiliki kuasa dan bersama dengan kuasa ekonomi dalam memiliki akhbar. Evolusi kuasa ini dibincangkan dalam bahagian-bahagian seterusnya, bermula dengan pengambilan alih *Utusan Melayu* oleh ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan UMNO.

Catatan

1. Proclamation of Independence, Kuala Lumpur, 31 Ogos 1957.
2. H. P. Lee, Emergency Powers in Malaysia, dlm. F. A. Trindade & H. P. Lee, *The Constitution of Malaysia: Further perspectives and developments*: 135-156, (Singapore: Oxford University Press), 1986, 135.
3. Ibid., 135.
4. Ibid., 136.
5. T. Thomas, The Role of the Judiciary, dlm. *Reflections on the Malaysian Constitution*: 54-108, Aliran, Pulau Pinang, 1986, 67

BAB 19

Pengambilalihan Utusan Melayu

Pengambilalihan Utusan Melayu oleh UMNO

Pada hakikatnya, pengambilalihan syarikat akhbar *Utusan Melayu* oleh ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan UMNO dalam tahun 1961 ialah usaha satu kuasa untuk menguasai satu kuasa lain; iaitu kuasa politik (yang sudah menjadi kuasa kerajaan) menguasai kuasa akhbar. Akibat pertembungan dua kuasa ini seramai 115 orang pekerja Utusan Melayu di Kuala Lumpur telah mogok mulai 20 Julai 1961 selama 93 hari. Seramai 28 orang pekerja Utusan Melayu di cawangan Singapura mengikuti langkah itu kemudian. Tujuan UMNO mengambil alih Utusan Melayu ialah supaya akhbar itu lebih memihak kepadanya, manakala para pekerja Utusan Melayu pula dikatakan mahu mempertahankan kebebasan akhbar. Mereka tidak mahu dikawal oleh politik kepartian dalam menjalankan tugas mereka. Kuasa politik yang ada pada UMNO diperkukuhkan oleh kuasa ekonomi, iaitu pihak yang mengambil alih merupakan pemegang saham majoriti berbanding dengan para pekerja, yang juga pemegang saham, merupakan pemegang saham minoriti. Dua dasar bertembung dalam kejadian ini iaitu dasar asal dan dasar baru. Dasar asal Utusan Melayu ialah berjuang untuk bangsa, agama, dan tanah air yang dinyatakan dalam keluaran sulung akhbar itu pada 29 Mei 1939, sambil berikrar: "Dengan sendi yang tiga itulah akhbar *Utusan Melayu* ini berdiri dan atas itulah jua akhbar *Utusan Melayu* hidupnya dan menyabung nyawa".¹ Dasar lama ini bertembung dengan empat

dasar baru yang memberi sokongan penuh kepada parti yang memerintah yang cuba dikuatkuasakan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Editor yang baru iaitu Ibrahim Fikri Mohamed.

Ibrahim Fikri menemui para pekerja Utusan Melayu pada 10 Julai 1961 dan memaklumkan bahawa dasar baru Utusan Melayu ialah “menyokong kerajaan . . . sebarang kerajaan.”² Dua hari kemudian beliau menyampaikan dasar empat perkara untuk dilaksanakan oleh Jabatan Pengarang yang bertujuan menyokong kerajaan.

Empat Dasar Baru yang diperkenalkan oleh Ibrahim Fikri:³

- Memberikan sokongan penuh kepada parti yang memerintah, kerana itu akan lebih menguntungkan dari segi perniagaan.
- Menyiarkan berita-berita yang benar, tetapi membatasi kepala-kepala berita kepada parti-parti lain.
- Menyiarkan lebih banyak berita-berita dengan kepala-kepala berita yang besar mengenai menteri-menteri Perikatan di mana ia dapat dilakukan, termasuk kenyataan-kenyataan dasar penting.
- Menyokong Perikatan apabila perbuatan sudah dilakukan, dan mengkritik secara membina sesuatu keputusan yang buruk dibuat.

Keempat-empat dasar tersebut, pada hakikatnya diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Mei 1959 sambil mengekalkan dasar lama pada ketika Yusof Ishak masih menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang.⁴ Yusof telah mengemukakan dasar itu kepada Jabatan Pengarang, tetapi tidak dilaksanakan kerana menghadapi tentangan daripada sidang pengarang. Apabila empat dasar itu dikemukakan bagi kali kedua, para pekerja Utusan Melayu masih tetap mahu mempertahankan ikrar tahun 1939. UMNO mahu Utusan Melayu lebih memihak kepadanya sebagaimana yang jelas daripada empat dasar itu. Dalam pertembungan dua kuasa ini, pemogokan tidak dapat dielakkan. Pemogokan berlaku selepas para pekerja gagal mendapat persetujuan Lembaga Pengarah supaya dasar lama dikekalkan dan dasar baru ditolak, dan menyingkirkan Ibrahim Fikri sebagai Ketua Pengarang dan Pengarah Urusan.

Walaupun para pekerja menyatakan mereka mogok kerana mempertahankan kebebasan akhbar, namun dalam memorandum mereka kepada Lembaga Pengarah dan dalam siaran-siaran mereka kepada orang ramai mereka menyatakan ketakutan periuk nasi mereka terjejas jika *Utusan Melayu* menjadi suara UMNO, kerana akhbar-akhbar yang menjadi suara parti sebelum itu sama ada mati atau hidup segan mati tak mahu. Akhbar-akhbar terlibat ialah *Malaya Merdeka*

(kepunyaan UMNO), *Pedoman*, dan *Tegas* (kepunyaan Parti Rakyat) dan *Majlis* yang hanya menyuarakan dasar sebuah parti politik.⁵ Para pekerja memaklumkan bahawa mereka mogok kerana mempertahankan dasar bebas Utusan Melayu, memperjuangkan kebebasan persuratkhabaran, dan mempertahankan demokrasi di Tanah Melayu.⁶ Dalam makluman lain mereka menjelaskan, mereka mogok kerana “membantah *Utusan Melayu* dijadikan suara parti. Jadi suara parti bererti mengikut jejak surat-surat khabar parti yang telah berkubur ataupun yang masih hidup tetapi dalam keadaan hidup segan mati tak mahu. Bila ini berlaku bererti periuk nasi kami akan binasa”.⁷

Dua mesej yang bercanggah ini menimbulkan tanda tanya: apakah sebenarnya yang diperjuangkan—kebebasan akhbar atau periuk nasi? Jika para pekerja mengatakan bahawa periuk nasi mereka terjamin kerana kebebasan akhbar, mereka sebenarnya menggunakan kebebasan akhbar untuk kepentingan diri mereka sendiri. Tetapi tidak dapat dinafikan kepercayaan perjuangan untuk kebebasan akhbar memang wujud pekat di kalangan para pemimpin pemogokan itu. Yang lain-lain turut menyertai pemogokan itu kerana berbagai sebab, antaranya kerana kebebasan akhbar, kerana periuk nasi, dan kerana sifat setia kepada rakan sekerja atau semangat *camaraderie*. Itulah sebabnya ada pekerja yang turut mogok sehari saja, dan sebilangan lagi meninggalkan pemogokan selepas 46 hari mogok, dan pada akhirnya tinggal 73 orang saja yang mogok hingga ke akhirnya.

Sebelum pemogokan itu, UMNO dan Utusan Melayu bolehlah dikatakan berjuang untuk satu matlamat yang sama, tetapi cara yang berbeza. Malah pengasas utama UMNO, Dato' Onn Jaafar pernah menyebut bahawa UMNO tertubuh atas seruan *Utusan Melayu*. “Pada hakikatnya UMNO ialah cetusan cita-cita yang telah dipancarkan oleh *Utusan Melayu* dalam tahun 1946,” kata seorang wartawan.⁸

Apa yang berlaku ialah dalam suasana kebangkitan bangsa Melayu menentang gagasan Malayan Union, *Utusan Melayu* telah menulis rencana pengarang menyeru segala pertubuhan Melayu bergabung di dalam sebuah pertubuhan siasah yang kuat.⁹ Seruan ini disokong oleh akhbar-akhbar Melayu yang lain dan seluruh pertubuhan-pertubuhan Melayu.¹⁰ Sebagai menyahut seruan rencana pengarang *Utusan Melayu* itulah Dato' Onn menjemput pertubuhan-pertubuhan Melayu dan seluruh bangsa Melayu melalui *Utusan Melayu* untuk mengadakan satu Kongres Melayu. Akhirnya pada 1 Mac 1946, pertubuhan-pertubuhan Melayu berkongres selama empat hari di Kuala Lumpur dan terbentuklah UMNO dengan selamatnya. Kerana mengenangkan jasa Utusan Melayu, Dato' Onn telah memberitahu Kongres Melayu itu

bahawa “perhimpunan kita hari ini ialah terbit di *Utusan Melayu* dari *Utusan Melayu*.”¹¹

Walaupun UMNO dikatakan lahir daripada seruan *Utusan Melayu* ia tidaklah menjamin hubungan mesra antara UMNO dan *Utusan Melayu*. Ada laporannya yang tidak disenangi oleh UMNO. Wakil *Utusan Melayu* pernah dihalang oleh UMNO daripada membuat liputan Persidangan Agungnya di Johor Bahru pada 2–4 September 1947, dengan tidak menjemputnya “sedang surat-surat khabar lain semuanya menerima jemputan.”¹² Berita dan gambar wakil-wakil *Utusan Melayu* yang disekat oleh UMNO, menjadi berita istimewa dalam *Utusan Melayu* keesokan harinya Pertentangan *Utusan Melayu* dengan UMNO menyebabkan siarannya banyak jatuh, tetapi lama-kelamaan perhubungan itu baik semula.¹³ Masalah antara UMNO dan akhbar, yang tentunya termasuk *Utusan Melayu*, dibidas oleh Dato’ Onn Jaafar dalam ucapan terakhirnya selepas melepaskan jawatan Yang Dipertua Agung UMNO di Persidangan Agung UMNO di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Ogos 1951.¹⁴

Sedutan ucapan terakhir Dato’ Onn Jaafar Bekas Presiden UMNO:¹⁵

Dari satu masa ke satu masa, maka ada juga orang-orang Melayu kita sendiri tidak terkecuali suratkhabar Melayu tidak memperhargakan jasa atau perbuatan UMNO itu di dalam lapangan siasah, di dalam lapangan pergaulan, di dalam lapangan iktisad dan lain-lain. Melainkan golongan itu termasuklah juga—sekali lagi—saya katakan suratkhabar-suratkhabar kerap kali suka menidak-nidak ataupun mengecilkan perbuatan UMNO itu.

Aziz Ishak, seorang bekas wartawan *Utusan Melayu* dan juga bekas anggota kabinet Tunku Abdul Rahman pada tahun-tahun 1955–1962 berkata, sebelum Merdeka *Utusan Melayu* tidak saja bekerja sama dengan Perikatan dalam menonjolkan polisinya tetapi juga mempelopori penyerangan terhadap tindakan Inggeris ke atas negeri ini dan rakyatnya, terutama sekali terhadap orang-orang Melayu.¹⁶ Tetapi, menurut Aziz, setelah kemerdekaan dicapai, pemimpin-pemimpin Perikatan tidak lagi dapat menerima komen-komen dan teguran-teguran yang berpatutan oleh *Utusan Melayu* dan oleh persuratkhabaran seluruhnya.¹⁷ Ada sekali sebelum *Utusan Melayu* berpindah ke Kuala Lumpur, satu pertemuan telah diadakan antara Tunku, Pengarah Urusan *Utusan Melayu* Yusof Ishak, penasihat undang-undang *Utusan Melayu* Lee Kuan Yew. Aziz Ishak turut hadir dalam majlis jamuan malam di Residensi tempat kediaman Tunku berkaitan dengan perselisihan antara Said Zahari dan para pemimpin Perikatan. Dalam pertemuan itu satu persetujuan diperoleh berkenaan dengan peraturan-peraturan dasar yang mesti dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak,

Utusan Melayu dan kerajaan, maka pertemuan itu telah berakhir dengan penuh kegembiraan bagi kedua belah pihak.¹⁸

Pada ketika lain, Said Zahari sendiri pernah dipanggil menemui para pemimpin UMNO. Turut hadir bersama beliau dari *Utusan Melayu* ialah Yusof Ishak, Salim Kajai, dan beberapa orang lagi. Para pemimpin UMNO yang hadir ialah Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Rahman Talib, Khir Johari dan beberapa orang lagi. Menurut Said Zahari mereka dipanggil kerana UMNO tidak suka dengan cara pemberitaan *Utusan Melayu*. UMNO berkata *Utusan Melayu* berat sebelah dan sebagainya. Pihak *Utusan Melayu* meminta UMNO memberikan contoh berita berat sebelah yang dikatakan itu. Sebaliknya, pihak *Utusan Melayu* pula menunjukkan jumlah peratusan berita UMNO dan kerajaan yang disiarkan oleh *Utusan Melayu*. Menurut Said Zahari statistik itu mengesahkan bahawa *Utusan Melayu* memberikan 60 peratus ruang berita untuk UMNO dan kerajaan.¹⁹ Sementara itu Zailani Sulaiman, seorang pemberita kadet *Utusan Melayu* yang diambil bertugas terus di Kuala Lumpur dalam tahun 1956 juga menghadapi tekanan dari para pemimpin UMNO. Katanya, macam-macam tekanan dikenakan, seperti tidak mahu bekerja sama dengan *Utusan Melayu*. Zailani memberitahu bahawa wartawan *Utusan Melayu* payah menemui orang kerajaan. Beliau sendiri pernah dihalau oleh Bahaman Shamsudin (ketika itu Menteri Muda Hal-Ehwal Dalam Negeri).²⁰ Kadang-kadang tekanan disalurkan melalui Yusof Ishak yang pada waktu itu jadi Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang.²¹

Masalah ini timbul kerana sikap *Utusan Melayu*. Samad Ismail, yang pernah menjawat Timbalan Pengarang *Utusan Melayu*, berkata antara tahun 1953 hingga 1955 *Utusan Melayu* radikal betul dari segi kepengarangan, artikel, dan lain-lain lagi. Katanya, "Kita tidak tunduk, tidak mudah kena gertak dan kita tidak mengikut peraturan tertentu."²² Bila *Utusan Melayu* berpindah ke Kuala Lumpur 1958, *Utusan Melayu* masih radikal atau militan.²³ Kata Samad, wartawan *Utusan Melayu* bukan setakat wartawan tetapi berkecenderungan politik.²⁴ Mereka masih simpati kepada Parti Rakyat.²⁵ Mereka sokong UMNO tapi secara kritis.²⁶

Bagaimanapun, keradikalan dan kebebasan yang ditunjukkan oleh *Utusan Melayu* tidak disenangi oleh UMNO dan kerajaan. Khir Johari, yang menjadi Setiausaha Agung UMNO ketika pemogokan berlaku, berkata bahawa laporan *Utusan Melayu* pada ketika Malaya mencapai kemerdekaan dan setelah *Utusan Melayu* berpindah ke Kuala Lumpur tidak berat sebelah kepada kerajaan. Menurutnya kadang-kadang *Utusan Melayu* kritikal juga.²⁷ Menurut Khir memang sepatutnya pada masa itu (sekitar awal kemerdekaan) *Utusan Melayu*

menyokong kerajaan. Katanya, "Menyokong bukan bermakna secara membabi buta. Menyokong atas dasar yang boleh membawa kebahagiaan pada bangsa dan negara. Asasnya akhbar *Utusan Melayu* tidak harus digunakan untuk faedah satu golongan tertentu untuk mereka mempengaruhi orang Melayu kita."²⁸ UMNO dan kerajaan Perikatan melihat kebebasan dan keradikalan *Utusan Melayu* sebagai satu penyelewengan.²⁹

Khair Johari berkata:

Kita perhatikan bahawa *Utusan Melayu* itu mulai 1958 menyeleweng sedikit kepada satu pihak yang ingin barangkali hendak gunakan *Utusan Melayu* itu. Ada tanda-tanda bahawa ada anasir-anasir yang hendak mempengaruhi *Utusan Melayu* yang bertujuan hendak mengawal pendapat orang Melayu. Mereka tahu dari dulu kalau hendak berkuasa dalam negara ini mesti mengawal dahulu pendapat orang Melayu. Pendapat orang Melayu ketika itu bergantung kepada *Utusan Melayu*.³⁰

● Apa sebenarnya yang menyebabkan pihak UMNO dan kerajaan melihat *Utusan Melayu* sebagai menyeleweng? Masalah ini timbul dari pandangan yang berbeza bagaimana dasar kerajaan perlu dilaksanakan. *Utusan Melayu* mengkritik kerajaan kerana dasar dalam negeri dan luar negaranya. Ia juga menyuarakan pendapatnya dalam berita tentang bagaimana kemerdekaan boleh diisi. Menurut Samad Ismail pemikiran *Utusan Melayu* pada ketika itu lebih jauh ke hadapan dari parti-parti politik. Tunku Abdul Rahman hendak Merdeka saja tetapi bagaimana hendak mengisi kemerdekaan tidak tahu.³¹ Said Zahari pula berkata kerajaan Tunku Abdul Rahman tidak ada objektif atau mempunyai visi yang nyata. Tambahnya, "Soal dasar luar, bangsa, dan kebudayaan, dan ekonomi tidak ada. Pada keseluruhannya ekonomi, pertahanan negara adalah di bawah kawalan Inggeris, termasuk juga dasar luar berada di bawah pengaruh kuat Inggeris. Jadi apakah maknanya kemerdekaan."³² Said Zahari menambah bahawa untuk mengisi kemerdekaan Jabatan Pengarang di bawahnya secara perlahan-lahan memperkenalkan perkara yang bersangkutan dengan soal rakyat, dari segi bahasa, pendidikan, perkhidmatan awam, cuba mempercepatkan proses Malayanisasi yang bererti menyegerakan rakyat Malaya memegang jawatan yang besar-besar, tidak secara perlahan-lahan hingga beberapa tahun.³³ *Utusan Melayu* cuba seberapa yang boleh bersikap objektif. Kalau ada pihak parti pembangkang yang memberikan pandangan yang membina, atau membuat kritik yang membina terhadap kerajaan *Utusan Melayu* akan memberikan mereka publisiti yang luas seperti yang diberikan kepada parti Perikatan, dan ucapan-ucapan menteri kerajaan yang betul-betul menguntungkan Malaya, negara, dan kemerdekaan. Tetapi sudah tentulah perkara serupa ini tidak disukai oleh mereka.

Sebabnya bagi setengah-setengah pemimpin UMNO, kepentingan kepartian mesti diutamakan terlebih dahulu, dan sama ada disedari ataupun tidak, terdapat kuasa yang bergerak di belakang kerajaan yang tidak menyukai *Utusan Melayu* mencapai objektif-objektif itu.³⁴

Utusan Melayu berpendapat penanaman semula getah ketika mula-mula rancangan itu dijalankan lebih banyak merugikan rakyat. Tetapi penulisan itu mendapat tentangan kerajaan.³⁵ Dalam rancangan penanaman semula getah rakyat menjadi korban kerana rakyat yang mempunyai tanah diarah menebang semua pokok getah tua mereka. Jadi dari masa pokok getah itu ditebang hingga ditanam sampai mendatangkan hasil mengambil masa lebih kurang 10 tahun. Dalam tempoh itu rakyat tidak mempunyai mata pencarian, dan menanggung keluarga. Masalah ini telah disiarkan oleh *Utusan Melayu* tetapi kerajaan telah mengarahkan supaya berita yang sedemikian dihentikan.³⁶ Keadaan menjadi lebih tersekat lagi apabila pilihan raya 1959 hendak diadakan. Arahan datang melalui telefon dari Nik Hassan Abdul Rahman, Setiausaha Sulit kepada Tunku Abdul Rahman, yang mengarahkan sesuatu berita tidak boleh disiarkan.³⁷

Satu titik perubahan yang besar berlaku pada 28 Mei 1959 apabila Lembaga Pengarah memutuskan untuk melaksanakan empat dasar baru sambil mengekalkan dasar lama. Ketika itu Yusof Ishak masih menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang. Tidak dapat dipastikan siapakan yang mengusulkan empat dasar itu, iaitu sama ada ia dari UMNO, ataupun oleh Yusof Ishak sendiri yang sangat berminat untuk memajukan *Utusan Melayu* dari segi perniagaan. Empat dasar itu tidak dilaksanakan kerana tidak dipersetujui oleh sidang pengarang. Anggota-anggota sidang pengarang telah menemui seorang ahli lembaga pengarah Nordin Mohamd Sharif dan berikutan dengan itu Lembaga menarik balik empat dasar baru itu.³⁸

Peristiwa tahun 1959 ini merupakan satu "rampasan kuasa" oleh Jabatan Pengarang. Pihak Jabatan Pengarang merasa Yusof Ishak, yang ketika itu menjadi Ketua Pengarang, tidak tegas. Di kalangan orang-orang berpengaruh tekanan dilakukan melalui Yusof, yang juga Pengarah Urusan, yang mahukan *Utusan Melayu* melakukan sesuatu mengikut kehendak mereka.³⁹ Satu perjumpaan kakitangan kanan Jabatan Pengarang telah diadakan di rumah seorang sidang pengarang *Utusan Melayu* dan berikutan dengannya satu memorandum telah dikemukakan kepada Hashim Awang, Pengerusi Lembaga Pengarah meminta supaya Yusof Ishak melepaskan tanggungjawabnya sebagai Ketua Pengarang dan memberi penuh perhatian kepada pengurusan dan pentadbiran. Yusof Ishak tidak dapat menerima "pemberontakan" pekerja ini dan terus berhenti. Tempat beliau sebagai Pengarah Urusan diganti oleh Nordin Mohamd Sharif

dan jawatan Ketua Pengarang dikosongkan. Said Zahari melihat pengenalan empat dasar ini didayausaha oleh UMNO, tetapi tindakan anggota sidang pengarang menghantar memorandum kepada Lembaga Pengarah menunjukkan bahawa sedikit sebanyaknya Yusof Ishak juga terlibat tanpa mengambil kira ketidakpuasan hati para pekerja terhadap Yusof sejak Samad Ismail disingkir ke Indonesia.

Mulai awal 1961, "beberapa orang individu yang diketahui mempunyai hubungan rapat dengan parti yang memerintah" mula membeli saham Utusan Melayu dari pemegang saham.⁴⁰ Mungkin hasil daripada pembelian ini menjadikan saham majoriti jatuh ke tangan UMNO. Pemilikan saham boleh dilihat dengan lebih jelas dengan melihat perkembangan dalam pemilikan saham syarikat itu.

Utusan Melayu ditubuhkan dalam tahun 1939 dengan modal sebanyak RM12,500, RM4,000 melalui pungutan dan RM8,500 melalui dua orang kaya Melayu di Singapura, Daud Mohd. Shah dan Embok Solok.⁴¹ Kali kedua Syarikat Utusan Melayu menjual sahamnya ialah dalam tahun 1956 dalam rancangannya hendak berpindah ke Kuala Lumpur. Tujuannya ialah hendak memodenkan Utusan Melayu dengan membeli mesin cetak yang baru. Matlamatnya ialah untuk memungut sebanyak RM2 juta. Utusan Melayu menjangka dengan semangat orang Melayu yang berkobar-kobar untuk Merdeka pada ketika itu orang Melayu akan memberi sambutan kepada penjualan saham itu dan wang sebanyak RM2 juta itu dapat dipungut dalam masa satu hingga lima bulan.⁴² Malangnya cuma RM200,000 hingga RM300,000 sahaja yang dapat dipungut.⁴³

Harga kelengkapan saja berjumlah RM1 juta dan dengan demikian Syarikat Utusan Melayu terpaksa meminjam bank untuk membayar bahan-bahan seperti kertas dan alat-alat percetakan.⁴⁴ Menurut Samad Ismail berikutan penjualan saham itu kebanyakan saham telah dibeli oleh UMNO. Lembaga pengarahnya juga bertukar tangan, kebanyakannya orang UMNO.⁴⁵ Selepas penjualan saham itu kawalan syarikat itu berpindah kepada Syarikat Federal Transport di Butterworth, sebagai pemegang saham majoriti.⁴⁶ Bagaimanapun pelaburan Syarikat Federal Transport dalam Utusan Melayu adalah untuk perniagaan dan keuntungan. Walaupun Federal Transport hendak mengawal, kedudukannya jauh di Pulau Pinang dan *Utusan Melayu* di Singapura, mereka tidak dapat memberikan pengawalan yang sepenuhnya.⁴⁷ Dari segi sidang pengarang Federal Transport tidak menguasainya dan mereka tidak boleh berbuat apa-apa. Jadi terserah kepada ketua pengarang waktu itu Yusof Ishak dan Timbalannya Samad Ismail.⁴⁸

Besar kemungkinan Hashim Awang, pengerusi Syarikat Federal Transport yang juga seorang pemimpin UMNO di Pulau Pinang, memiliki saham majoriti, atas asas perniagaan bukan sebagai proksi UMNO. Jika ia pemegang proksi UMNO tentulah UMNO tidak meminta membeli saham itu darinya. Saham majoriti Federal Transport itu dibeli oleh seorang peniaga Johor yang bernama Mansor Bakri yang kemudiannya diketahui dibuat bagi pihak UMNO. Perkara ini berlaku antara tahun 1958 hingga 1961.⁴⁹ Hashim Awang ketika itu menjadi pengerusi Syarikat Utusan Melayu. Aziz Ishak dalam memoirnya menyebut bahawa "Tunku Abdul Rahman mengambil alih Utusan Melayu dengan membeli sejumlah besar saham daripada keluarga kami apabila Yusof sudah tidak dapat memikul kekusaran dan ancaman."⁵⁰ Jika ini diambil kira penjualan saham oleh Yusof dan Aziz Ishak mungkin berlaku sekitar bulan Jun 1961, apabila rampasan kuasa Jabatan Pengarang berlaku. Akhirnya, sesudah menjual segala bahagiannya di dalam Utusan Melayu, Lee Kuan Yew mengundang Yusof balik ke Singapura, setelah tinggal di Kuala Lumpur selama dua tahun, iaitu sejak tahun 1958.⁵¹

Pembelian saham ini ternyata dibuat oleh UMNO. Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Khir Johari sendiri berpendapat elok ditambah saham Utusan Melayu demi "untuk menjagai UMNO dan menjagai Utusan Melayu."⁵² UMNO telah meminta Hashim Awang (Syarikat Federal Transport) menjualkan sahamnya kepada UMNO. Tujuan pembelian saham itu bukan hendak menaikkan seseorang.⁵³ Berikutan pembelian saham itu UMNO meletak Ibrahim Fikri di Utusan Melayu sebagai memenuhi hasrat untuk menjaga UMNO dan Utusan Melayu.

Utusan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur dan beroperasi mulai Februari 1958. Perpindahan ini diselimuti dengan kontroversi mengenai kawalan yang dikenakan terhadap akhbar itu. Samad Ismail, Timbalan Pengarang akhbar itu ketika di Singapura tidak turut berpindah kerana telah dihantar oleh Yusof Ishak mewakili Utusan Melayu di Jakarta. Kontroversinya ialah sama ada Kerajaan Tunku Abdul Rahman tidak mahu Samad datang ke Kuala Lumpur. Masalahnya ialah Samad dan Yusof Ishak sudah mula renggang kerana penekanan Yusof terhadap perniagaan manakala penekanan Samad kepada sastera.⁵⁴ Pengiriman Samad ke Indonesia mungkin hanya helah Yusof untuk mengetepikan Samad supaya beliau boleh menguasai seluruh Utusan Melayu termasuk Jabatan Pengarang. Samad dikatakan tidak dikehendaki di Kuala Lumpur. Samad sendiri pernah menulis surat kepada dua orang tokoh UMNO, Senu Abdul Rahman dan Syed Jaafar Albar, bertanyakan tentang perkara tersebut, dan jawapan yang diterimanya ialah Tunku tidak ada halangan Samad datang ke Kuala Lumpur.⁵⁵ Said Zahari menggantikan tempat Samad sebagai timbalan editor. Said Zahari

sendiri percaya Utusan Melayu dibenarkan diterbitkan di Kuala Lumpur dengan syarat Samad Ismail tidak datang. Katanya, "Saya fikir Lembaga Pengarah berpendapat Utusan Melayu lebih penting oleh itu Samad Ismail terpaksa dikorbankan."⁵⁶ Said berkata kalau kerajaan sanggup meletakkan syarat sedemikian nyatalah ia adalah satu usaha hendak mengongkong Utusan Melayu.⁵⁷ Samad akhirnya datang juga ke Kuala Lumpur sebagai editor *Berita Harian* tanpa dihalang.

Apabila semua usahanya untuk mengawal secara tidak terus gagal, UMNO meletakkan Ibrahim Fikri, seorang ahli jawatankuasa tertinggi UMNO, sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang, selepas UMNO memperoleh saham majoriti. Ibrahim Fikri telah cuba melaksanakan dasar yang memihak kepada UMNO secara mendadak. Mungkin UMNO sudah tidak sabar lagi dengan sikap Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*. Mungkin juga ia merasa ia cukup kuat untuk menghadapi para pekerja Utusan Melayu. Ternyata UMNO atau Ibrahim Fikri sendiri tersalah langkah. Untuk memahami keadaan ini elok dilihat para pekerja Utusan Melayu. Hampir keseluruhan para pekerja Utusan Melayu berasal dari Singapura. Sama ada di bahagian pengarang atau percetakan. Jika mereka sanggup menolak Yusof Ishak, yang bertungkus lumus dari mula Utusan Melayu ditubuhkan kerana tidak dapat membela mereka apabila ditekan oleh pihak luar, mereka tentulah sanggup menghadapi siapa saja yang ingin mengongkong mereka. Semangat camaraderie yang kuat wujud di kalangan para pekerja Utusan Melayu inilah yang menyebabkan mereka sanggup mogok hingga tiga bulan lamanya.

Pekerja Utusan Melayu yang berasal dari Singapura turut berpindah ke Kuala Lumpur apabila akhbar itu dipindah ke Kuala Lumpur. Utusan Melayu berasal dari Singapura dan ditubuhkan oleh orang-orang Singapura. Mereka ini bersifat militan dan radikal.⁵⁸ Bila sampai di sini mereka hendak dikawal. Orang-orang itu semua merasakan mereka adalah pejuang dan berpendapat sama dengan ahli politik. Ia bermula pada tahun 1939 dan berjuang untuk orang Melayu Singapura. Ketika pemogokan kira-kira 90 peratus daripada 115 pekerja yang mogok berasal dari Singapura. Said Zahari juga berasal dari Singapura dan berkerakyatan Singapura. Soal kerakyatan ini menjadi senjata kepada pihak lawan untuk menyerang pemogok dalam *Utusan Melayu* yang diterbitkan di bawah Ibrahim Fikri. "Saya kira setiap warga negara Singapura yang bekerja di *Utusan Melayu* Kuala Lumpur tidak berhak membuat honar dalam negara merdeka Persekutuan Tanah Melayu," kata seorang penulis yang menggunakan nama samaran Teropong Ibu Kota.⁵⁹ Soal pegangan politik para pekerja juga berbangkit dalam pemogokan ini. Para pekerja dikatakan berfahaman kiri dan

menyokong parti kiri. Tetapi ini ditolak oleh pekerja Utusan Melayu. “Malah pekerja Utusan Melayu dari atas hingga ke bawah sekali sifatnya kolektif. Tiap-tiap orang yang masuk bekerja di Utusan Melayu mempunyai kesedaran untuk memperjuangkan hak orang Melayu. Kecuali cara perjuangan itu mungkin berbeza. Tetapi soal golongan kiri atau kanan tidak ada, “kata seorang yang menyertai pemogokan itu.⁶⁰

Ada juga berpendapat yang pemogokan itu berlaku kerana Said Zahari diperintahkan bertukar ke Singapura kerana tidak dapat bekerja sama dengan Ketua Pengarang yang baru. Tetapi ini dinafikan oleh para pekerja.⁶¹ Pertukaran Said hanya sampingan saja. “Pemogokan itu adalah kemuncak dari peristiwa yang berlaku dua tahun sebelumnya. Perjalanan Utusan Melayu sewaktu di Singapura adalah bebas, walaupun ketika itu telah ada undang-undang percetakan, tetapi bila berpindah ke Kuala Lumpur keadaan telah berubah. Sekatan dikenakan itu bukan secara undang-undang tetapi melalui pemberitahuan secara tidak rasmi,” kata seorang bekas pemogok.⁶² Usman Awang, seorang lagi bekas pemogok, pula berkata bahawa individu tidak boleh adakan mogok atau memberhentikan mogok. “Pemogokan mesti dibuat oleh sesuatu organisasi dan dilaksanakan oleh kaum buruh. Saya tidak fikir Said Zahari suruh mogok, orang akan mogok. Ini tidak betul dan pendapat ini seolah-olah menghina kami, kerana kami dianggap sebagai kerbau yang dicucuk hidung tidak boleh berfikir,” kata Usman.⁶³ Usman berkata: “Saya tahu benar. Saya aktif dalam Persatuan Pekerja Cawangan Percetakan Utusan Melayu. Saya rapat dengan Said Zahari. Sebelum apa-apa beliau berunding dengan saya.”⁶⁴

Selain itu ada juga tuduhan yang para pekerja Utusan Melayu dikawal oleh orang Indonesia. Tunku Abdul Rahman, pernah menyebut hal ini ketika merasmikan bangunan Utusan Melayu dalam tahun 1965. Tetapi Khir Johari menjelaskan bahawa Utusan Melayu dikawal oleh orang-orang yang bersimpati dengan Indonesia.⁶⁵ Khir Johari berkata, “Sukarno ada hantar orang dia ke sini. Dia mahu Malaysia ini menjadi sebahagian daripada Indonesia Raya. Saya bersama dengan Senu Abdul Rahman berpegang teguh kalau kita masuk Indonesia bermakna kita lari dari mulut harimau masuk ke mulut buaya.”⁶⁶ Menurut beliau kerajaan mulai sedar mengenai perkara ini dalam tahun 1958 iaitu selepas Merdeka.⁶⁷ Ditanya kemudiannya, Usman Awang berkata pendapat mengenai orang Indonesia itu tidak betul kerana para pekerja sendiri pun tidak tahu langsung tentang orang Indonesia, “Saya ingat ini satu pendapat yang aneh, dan bodoh yang mencari alasan untuk menutup kenyataan.”⁶⁸ Seorang lagi bekas pemogok berkata, “Sekiranya ia benar mestilah ada pendapat yang mempersoalkannya dengan memberi alasan-alasan yang cukup. Apa yang saya

nampak orang-orang menganggap tampuk Utusan Melayu dipegang oleh golongan kiri. Ini menyebabkan sesuatu pihak merasa takut," katanya.⁶⁹

Mengapa UMNO Menguasai Utusan Melayu?

UMNO menguasai Utusan Melayu bukan untuk tujuan perniagaan.⁷⁰ Kata Said Zahari sebagai parti kerajaan, UMNO tidak mementingkan soal perniagaan tetapi pengaruh Utusan Melayu di kalangan orang Melayu, kerana pembaca *Utusan Melayu* ketika itu 80 peratus daripadanya masyarakat luar bandar. Orang-orang inilah yang menentukan kemenangan besar Perikatan dalam pilihan raya. Orang-orang inilah yang menyokong UMNO dalam perjuangan kemerdekaan. UMNO mahu melanjutkan dasarnya yang pada pendapat Utusan Melayu sudah tentu tidak sesuai lagi. Tetapi dengan polisi mereka yang masih terlalu pro-penjajah, mereka bimbang kalau sekiranya rakyat akan menyedari dasar itu tidak menguntungkan rakyat.⁷¹ Sebelum Merdeka akhbar *Utusan Melayu* bersifat adversarial (berseteru) terhadap kerajaan, tetapi memihak kepada UMNO yang memperjuangkan kemerdekaan.⁷² Selepas Merdeka, Utusan Melayu ingin terus bersifat demikian. Kepada Utusan Melayu ketika itu memperjuang Melayu. UMNO hanyalah satu kumpulan Melayu, terdapat kumpulan Melayu yang lain dalam PAS, Parti Rakyat dan sebagainya.⁷³

Said Zahari berkata pemogokan Utusan Melayu itu adalah kemuncak pada usaha-usaha daripada pihak-pihak tertentu yang rapat dengan parti yang berkuasa iaitu UMNO untuk mendapatkan penguasaan ke atas Utusan Melayu yang diakui dapat mempengaruhi rakyat.⁷⁴ Golongan-golongan tertentu merasakan peranan *Utusan Melayu* sebagai akhbar berpengaruh tidak boleh dibiarkan terus dipimpin oleh orang-orang yang mempunyai tujuan mempertahankan kebebasan akhbar itu. Sebab ini tidak akan dapat memenuhi tujuan-tujuan politik mereka.⁷⁵

Peranan Utusan Melayu sebelum dan sesudah Merdeka berbeza sedikit—sebelum Merdeka ia menyokong perjuangan kemerdekaan—secara total. Sebelum merdeka *Utusan Melayu* berjuang menentang penjajah British, dan menyokong seluruh kuasa yang memperjuangkan kemerdekaan. Sesudah Merdeka, pada Utusan Melayu kemerdekaan yang dicapai itu bukan kemerdekaan sebenarnya. Keadaan ketika itu dianggap oleh Said Zahari "setengah masak"—banyak kuasa-kuasa Inggeris dalam ekonomi dan pertahanan. *Utusan Melayu* berharap kemerdekaan yang baru dicapai itu harus "diisi" dan bukan dengan terus bergembira kerana sudah Merdeka.⁷⁶ Menurut Said Utusan Melayu merasa

tanggungjawabnya makin bertambah besar. Pertama untuk mengikis saki-baki penjajah—jadi Utusan Melayu mengambil satu dasar yang sangat kritikal terhadap dasar luar negara, dasar pertahanan yang masih di tangan Inggeris, dan dasar ekonomi kerana penguasaan ekonomi Inggeris masih terlalu banyak. Utusan Melayu merasa Tanah Melayu waktu itu hanya Merdeka pada nama sahaja tetapi isi tidak cukup.⁷⁷ Said Zahari berkata kepada pihak British biarlah Tunku menjadi Perdana Menteri Tanah Melayu asalkan kuasa ekonomi dan sebagainya berada di tangan mereka, kalau boleh mereka mahu teruskan.⁷⁸

Khair Johari pula berkata tujuan kerajaan (maksudnya UMNO) memegang Utusan Melayu ialah untuk menyelamatkannya daripada digunakan oleh anasir-anasir yang menyebelahi Indonesia yang ingin membawa masuk negara ini menjadi sebahagian daripada Indonesia dan “tiada lain perkataan yang patut digunakan.”⁷⁹ Khir juga berkata ia bukan bertujuan menggunakan Utusan Melayu untuk membantu kerajaan dalam pilihan raya dan sebagainya, tetapi membantu kerajaan membuat sesuatu untuk kebaikan rakyat.⁸⁰ Bagaimanapun, mengenai sokongan *Utusan Melayu* dalam Pilihan Raya Umum, Rosnah Majid seorang sidang pengarang *Utusan Melayu* dalam satu Seminar di Universiti Malaya pada 2 Januari 1991, berkata pemilik Utusan (iaitu ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan UMNO) tidak mempedulikan sangat apa yang dilaporkan pada masa-masa lain, tetapi pada masa pilihan raya, *Utusan Melayu* digunakan sepenuhnya untuk membantu UMNO dalam pilihan raya.⁸¹

Tumbangnyanya Kuasa Akhbar di Utusan Melayu Lama

Pada peringkat awalnya, para pemogok Utusan Melayu itu menerima sokongan moral, bantuan kewangan, dan makanan oleh orang ramai dan pihak-pihak yang bersimpati dengan mereka. Tetapi jika mereka mengharapkan sokongan rakyat Melayu terbanyak, ataupun wakil-wakil rakyat di Parlimen, ternyata mereka tidak mendapatnya. Malah sokongan daripada para pekerja akhbar juga tidak memberangsangkan. Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) sekadar memberi sokongan moral. Liputan kejadian pemogokan ini juga tidak selalu keluar dalam akhbar. Jika tidak ada berita mengenai jawapan Menteri Dalam Negeri Dato' Ismail Abdul Rahman di Parlimen terhadap ucapan anggota pembangkang mengenai pemogokan itu, atau larangan terhadap Said Zahari dari masuk ke Malaya, atau penjelasan Tunku Abdul Rahman kenapa Said dilarang masuk, pemogokan itu seperti sudah dilupakan.

Pihak majikan telah berjaya menerbitkan akhbar *Utusan Melayu*, sehari selepas para pekerjanya mogok, dengan menggunakan para pekerja lain dan

mencetak di tempat lain. Walaupun pemogok menggelar akhbar yang diterbitkan oleh majikan sebagai "*Utusan Melayu* celup" ia merupakan satu tamparan kepada para pemogok dan melemahkan kedudukan mereka. Akhbar yang diterbitkan oleh majikan ini terus memberi paluan kepada pemogok dengan menjelaskan sudut pandangan majikan. Sudut pandangan inilah yang diketahui oleh rakyat.

Lagipun surat siaran para pemogok telah dilarang terbit oleh Kementerian Dalam Negeri setelah 20 bilangannya diterbitkan, kerana siaran itu tidak mempunyai permit penerbitan. Pihak-pihak lain juga tidak dapat memberi sokongan terbuka kerana tindakan tergesa-gesa pemogok itu telah disifatkan oleh majikan sebagai pemogokan haram. Ini mungkin kerana orang ramai "tidak tahu tentang pemogokan itu oleh sebab akhbar-akhbar tidak memberi publisiti dan tidak melaporkan kejadian itu secara adil dan penuh."⁸²

Namun demikian soal pemogokan itu telah dibangkitkan di Parlimen oleh anggota pembangkang dari parti PAS (Zulkifli Mohamad) dan Barisan Sosialis (V. David) pada 7 Ogos 1961. Zulkifli membangkitkan soal kebebasan akhbar sebagaimana yang tercatat dalam Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan. Zulkifli berkata Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman selalu bermegah-megah kepada dunia luar dan dalam negeri bahawa Persekutuan Tanah Melayu ini adalah sebuah negeri yang menjaga dan menjalankan serta memberi keluasan kebebasan akhbar.

Tetapi, apa yang terjadi kepada pekerja-pekerja *Utusan Melayu* sedikit sebanyak mencemarkan kedudukan negeri ini sebagai sebuah negeri yang mengamalkan demokrasi di dalam akhbar.⁸³ Zulkifli khuatir kerana "apabila telah mula cengkaman-cengkaman modal kepada akhbar-akhbar kebangsaan seperti ini akan berlakulah satu dasar yang apa dikatakan oleh kerajaan ini baik dan apa yang dikatakan orang lain itu tidak baik, apa yang dibuat oleh kerajaan itu betul dan apa yang dibuat oleh orang lain tidak betul."⁸⁴ Beliau mahu di negeri ini ada akhbar-akhbar yang bebas, yang tidak disekat perjalanannya oleh tekanan-tekanan lain, kerana "menahan akhbar daripada bebas itu akan menimbulkan negara kuku besi—yang akan berlawanan dengan dasar demokrasi di negeri ini."⁸⁵

V. David pula dalam ucapan penangguhannya (dalam bahasa Inggeris) berkata kebebasan akhbar di negara ini sedang terancam ketika itu berdasarkan kejadian-kejadian yang berlaku dalam beberapa minggu lalu, dan beliau khuatir sama ada akhbar-akhbar di negara ini akan dibenarkan memikir dan menulis sebagaimana yang mereka suka, sebagaimana yang mereka lakukan pada masa lalu.

Beliau berkata Utusan Melayu sentiasa di hadapan dalam mengemukakan pendapat orang Melayu. Ia banyak bertanggungjawab tentang penarikan balik Malayan Union dalam tahun 1948 dan pengembalian kuasa kepada Sultan-sultan. Ia adalah penyokong kuat parti Perikatan dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, tetapi sejak Perikatan memperoleh kuasa, akhbar itu telah menjadi agak kritikal.

David mengatakan bahawa perkara ini telah menyebabkan keadaan tidak senang di kalangan para pemimpin tertentu Perikatan, yang sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai perkaitan dalam pengambilalihan akhbar itu dan menekan kritikan terhadap kerajaan dan dasar-dasarnya. David juga berkata beliau difahamkan seorang pemimpin terkemuka dalam kerajaan telah menekan berita pemogokan dan melarang penerbitan berita demikian dalam akhbar-akhbar lain. Tekanan sebegini akan menyebabkan penekanan pada masa akan datang.⁸⁶

David juga berkata kebebasan akhbar sebagaimana yang dinikmati oleh Utusan Melayu adalah penting untuk kestabilan politik negara ini, dan jika demokrasi hendak terus hidup di negara ini, kebebasan berfikir hendaklah seiring dengan kebebasan akhbar. Katanya jika Perdana Menteri dan kabinetnya jujur menyokong kebebasan akhbar, ia patut menarik balik tekanan yang dikenakan terhadap kakitangan Utusan Melayu, khususnya kakitangan pengarangnya, dan membenarkan mereka meneruskan sebagaimana pada masa lalu.⁸⁷

Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman menyatakan bahawa kerajaan akan hanya campur tangan jika perlu kerana apa yang berlaku di Utusan Melayu adalah soal dalaman. Beliau juga menafikan soal kebebasan akhbar terjejas kerana lesen Utusan Melayu tidak ditarik balik, malah akhbar itu masih berfungsi seperti biasa.

Dalam jawapannya kepada Ahli Dewan Rakyat Dari Parti PAS, Zulkifli Mohamad Menteri Dalam Negeri Dato Dr. Ismail Abdul Rahman berkata.⁸⁸

Saya suka menyatakan iaitu pada kali ini kita bersama-samalah bersatu hati hendak mengembangkan freedom of press ini bagaimana yang dikatakan terkandung dalam Perlembagaan hari ini—fasa 10 atau Bab 10 dalam Perlembagaan. Kejadian-kejadian yang berlaku di Utusan Melayu itu, saya bersama-sama dengan dia berharap supaya penyelesaian akan hapus dengan seberapa segera dan jikalau satu masa yang patut bagi Kerajaan campur tangan, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab tentulah tidak akan terkebelakang dalam hal ini.⁸⁹

Kepada ahli Barisan Sosialis V. David Dr. Ismail berkata:

Mendengar ucapannya, seseorang mungkin berfikir bahawa kebebasan akhbar sudah tidak ada lagi di negara ini, namun pada setiap pagi apabila saya membaca akhbar pagi saya, masih terdapat akhbar yang biasa iaitu *The Straits Times* dan *Berita Harian*; dan apabila saya membaca *Press Reviews* dari Kerajaan, saya melihat semua akhbar lain masih berfungsi sebagaimana pada masa lalu. Mengenai *Utusan Melayu*, apa yang berlaku di sana adalah semata-mata hal ehwal dalamannya. Saya tidak mahu melakukan sebagaimana yang dibuatnya iaitu membawa soal parti politik ke dalam Dewan, tetapi setakat yang berkaitan dengan saya, *Utusan Melayu* beroperasi sebagaimana akhbar lain. Lesen yang dikeluarkan kepada akhbar itu masih ada kepadanya—saya tidak membatalkan sama sekali lesen itu—jadi tidak timbul soal pelanggaran kebebasan akhbar oleh Kerajaan.⁹⁰

Tamparan selanjutnya berlaku apabila Said Zahari yang ke Singapura dengan beberapa orang pemogok pada 30 Ogos 1961 untuk memungut wang derma telah dilarang masuk ke Malaya pada 3 September 1961. Perintah tegahan itu diserahkan kepada Said, warga negara Singapura, di pejabat Imigresen Johor Bahru dan diperintah pulang ke Singapura. Perintah tegahan yang ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman, atas sifatnya sebagai Menteri Luar.⁹¹

Perintah tegahan terhadap Said Zahari itu berbunyi:

Under section 9 of the Immigration Ordinance, 1959, I hereby by order prohibit permanently the entry into the Federation of Malaya Said Zahari, a citizen of Singapore, formerly of *Utusan Melayu Press*, Kuala Lumpur.

Perintah itu bertarikh 30 Ogos, 1961 iaitu pada hari Said dan rakan pemogok berlepas ke Singapura. Dalam sidang akhbar kemudian, Said berkata larangan itu amat mengejutkannya. "Setakat yang saya ingat, saya tidak pernah bertindak yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan keselamatan Persekutuan dan rakyatnya. Jika larangan itu dibuat untuk melemahkan semangat pemogokan *Utusan* saya ingin membantah."⁹²

Said Zahari dilarang memasuki Persekutuan berikutan representasi yang dibuat oleh Cawangan Khas atas sebab-sebab keselamatan, demikian menurut Kerajaan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada 4 September di Kuala Lumpur. Kenyataan itu dikeluarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Penerangan Mohamed Sopic Ibrahim, yang menyampaikan jawapan Tunku Abdul Rahman kepada Kelab Akhbar Malaya, yang Said menjadi presidennya. Pihak kelab melalui Naib Presidennya Chan Ken Sin telah menulis kepada Tunku Abdul Rahman meminta penjelasan sama ada larangan itu dibuat kerana kegiatan Said sebagai wartawan atau sebagai presiden kelab itu.⁹³

Kenyataan Pengarah Perkhidmatan Penerangan Mohamed Sopiie Ibrahim:⁹⁴

I have also been instructed to assure you that Government has not taken this action against Inche Said Zahari in his capacity as a journalist or as President of the Press Club.

Sementara itu Kesatuan Wartawan Malaya Barat pada 5 September 1961, menyatakan kebimbangan di atas tindakan kerajaan melarang kemasukan Said Zahari, sambil menambah bahawa alasan yang diberikan oleh kerajaan adalah terlalu kabur. Ia mahu kerajaan memberi sebab-sebab khusus kenapa Said dianggap sebagai membahayakan kepada kepentingan awam. Kesatuan itu merasa tindakan larangan itu bertujuan untuk memecah pemogokan para pekerja Utusan Melayu yang hendak mengekalkan prinsip asas kebebasan akhbar.⁹⁵

Kesatuan itu merasa keputusan Tunku Abdul Rahman itu adalah kerana beliau tidak diberi maklumat yang betul dan meminta beliau menimbang semula kes itu dan membatalkan larangan itu. Parti Rakyat pula dalam satu kenyataan berkata campur tangan kerajaan dalam pemogokan Utusan Melayu dengan melarang Said Zahari menunjukkan dengan jelas kerajaan memihak kepada pihak pengurusan.⁹⁶

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman enggan memberi sebab-sebab sebenar kenapa larangan dikenakan terhadap Said Zahari. Beliau memberitahu para wartawan pada 7 September bahawa jika beliau berbuat demikian seluruh jentera perisihan akan tergugat.⁹⁷

Usaha terakhir para pemogok ialah cuba menarik perhatian ahli-ahli Parlimen dengan mengadakan perhimpunan di jalan-jalan masuk ke bangunan Jabatan Kerja Raya di Jalan Maxwell tempat diadakan persidangan Parlimen pada 16 Oktober 1961. Mereka telah menyerahkan pamflet kepada ahli-ahli Parlimen yang datang menghadiri persidangan pagi itu. Langkah ini telah menyebabkan pihak kerajaan mengemukakan satu usul di Parlimen untuk memastikan laluan ke Parlimen tidak terjejas. Usul ini bertujuan memberi kuasa kepada pihak polis untuk memastikan supaya tidak ada orang akan menghalang kemasukan ahli Parlimen ke bangunan itu. Usul itu dibawa oleh Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman. Usul itu dicabar oleh beberapa orang ahli Parlimen dari Parti pembangkang seperti Zulkifli Mohamad (PAS), V. David (Barisan Sosialis) dan Lim Kean Siew (Barisan Sosialis). Lim Kean Siew berkata nampaknya usul itu ditujukan kepada para pemogok dari Utusan Melayu yang telah berpiket sehari sebelum itu. "Tetapi saya tidak nampak bagaimana mereka telah menjejaskan maruah Dewan ini."⁹⁸

Ketika pemogokan berlaku Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman enggan mengulas soal keselamatan yang dikaitkan dengan pemogokan pekerja Utusan Melayu. Tetapi empat tahun kemudian ketika merasmikan Bangunan baru Utusan Melayu pada 9 Februari 1965, beliau buat pertama kalinya menyebut bahawa “akhbar ini telah dengan terang-terang digunakan oleh pihak Indonesia untuk tujuan mereka yang jahat terhadap pemerintahan negara kita. Mereka telah berjaya mencapainya dengan cara mengupah beberapa orang kakitangan akhbar ini yang tidak jujur dan tidak taat setia kepada negeri ini.”⁹⁹

Tunku Abdul Rahman juga berkata bahawa “semenjak parti Perikatan berkuasa, kerajaan perikatan sentiasa memelihara kebebasan akhbar-akhbar dan kerja sama yang diberi oleh akhbar-akhbar dalam negara kita terutama dalam saat sekarang ini sangatlah dihargakan.” Beliau juga berjanji bahawa kerajaan Perikatan berazam akan terus memelihara kebebasan akhbar dan “saya harap akhbar-akhbar tidak menyalahgunakan kebebasan ini demi untuk kebaikan dan keselamatan negara kita.”¹⁰⁰

Hakikat ini dijelaskan oleh Chamil Wariya, seorang anggota sidang Pengarang *Utusan Melayu* yang berkata walaupun Utusan dimiliki oleh UMNO, tetapi pemiliknya tidak mengongkong atau menjadikannya sebagai suara parti semata-mata. Sebaliknya, ia dikendalikan sebagai sebuah institusi profesional. Sudah pasti ia tidak bebas untuk berbuat apa saja, tetapi usaha dibuat untuk memastikan bahawa penerbitan *Utusan Melayu* tidak tiba ke pasaran dalam bentuk sebagai akhbar propaganda kerajaan atau parti yang memerintah.¹⁰¹ Katanya, UMNO sendiri tahu bahawa sekiranya Utusan menjadi akhbar propaganda, ia tidak akan dibaca oleh sesiapa seperti yang berlaku dengan penerbitan yang bertindak sebagai suara parti politik yang lain. Apabila Utusan tidak dibaca, maka apa juga mesej yang ingin diketengahkan oleh kerajaan atau parti tidak akan berkesan.¹⁰²

Adakah para pekerja Utusan Melayu berjaya dalam perjuangan mereka? Kepada para pemogok jawapannya “ya” dan “tidak”. Mereka tidak berjaya mengusir keluar Ibrahim Fikri dari jawatan Ketua Pengarang dan Pengarah Urusan, tetapi mereka berjaya kerana pihak majikan menarik balik dasar baru empat perkara dan mengekalkan dasar Utusan Melayu yang lama. “Bagaimana mereka melaksanakan dasar lama itu terpulanglah kepada mereka,” kata Salim Kajai.¹⁰³

Pada 20 Oktober 1961 pemogokan pekerja Utusan Melayu selama 93 hari diistiharkan tamat selepas satu keputusan diambil dalam satu mesyuarat tergempar yang dipanggil oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja Cetak cawangan Utusan

Melayu. Ketua cawangan itu Tajuddin Kahar berkata para pemogok tidak guna meneruskan mogok itu kerana mereka akan hanya "menghantuk kepala di dinding".¹⁰⁴ Dalam proses pemogokan itu seramai 40 orang menyertai semula organisasi akhbar itu.

Kalah atau menang kepada para pekerja yang mogok itu tidak menjadi soal lagi kerana langkah yang dibuat oleh UMNO itu merupakan satu permulaan untuk menggemblengkan akhbar supaya pendapatnya disampaikan kepada rakyat. Sebagai sebuah parti politik yang terpaksa mendapat sokongan rakyat, ia perlu bertindak ke arah itu. Sebelum Merdeka, medan politik boleh dikatakan dikuasainya, betapa tidak akhbar juga hampir di pihaknya kerana menentang penjajah. Kemenangan 51 daripada 52 kerusi dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan mungkin memberi keyakinan bahawa hampir seluruh rakyat di belakangnya. Tetapi perubahan berlaku selepas Merdeka. Dalam pilihan raya 1959, daripada 104 kerusi yang dipertandingkan, Perikatan menang 74 kerusi, Parti Islam Semalaya (PAS) 13, Barisan Sosialis 8, Parti Progresif Rakyat 4, Malayan Party 1, Parti Negara 1, dan Bebas 3.¹⁰⁵ Bagi kerajaan negeri, Kelantan dan Terengganu jatuh ke tangan PAS. Walaupun Perikatan mendapat dua pertiga kerusi di Parlimen, tetapi dibandingkan dengan pilihan raya 1955, keputusan pilihan raya 1959 tentulah tidak menyeronokkan parti Perikatan, kerana 14 daripada kerusi yang dipertandingkan oleh UMNO tewas di Kelantan dan Terengganu. Di Parlimen, Perikatan terpaksa berhadapan dengan 30 anggota pembangkang. Mungkin keputusan pilihan raya ini mendorong para pemimpin UMNO untuk menguasai Utusan Melayu untuk memenangi kembali orang Melayu yang lari kepada PAS dan Parti Negara.

Catatan

1. Abdullah Basmeh, Utusan: Sepanjang Suku Abad Pelopor Perjuangan Kemerdekaan Bangsa Melayu. dlm Utusan Melayu 25 Tahun: 33-36, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu), 1964, 36.
2. Utusan Melayu, 11 Julai 1961, 1.
3. Memorandum Pekerja-Pekerja Syarikat Utusan Melayu kepada Lembaga Pengarah Syarikat Utusan Melayu Press Ltd., bertarikh 13 Julai 1961.
4. Memorandum Pekerja-pekerja Syarikat Utusan Melayu kepada Lembaga Pengarah Syarikat (Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press Ltd.), bertarikh 13 Julai 1961.
5. Ibid.
6. Siaran Dari Bahagian Penerangan Pekerja-Pekerja Utusan Melayu Kepada pembaca dan rakyat. bil. 18, 9 Ogos, 1961. 7
7. Siaran Dari Bahagian Penerangan Pekerja Utusan Melayu...bil. 17, 8 Ogos, 1961, 1.
8. Abdullah Basmeh, 35.
9. Ibid., 35.
10. Ibid., 35.
11. Ibid., 35.
12. Ibid., 35.
13. Ibid., 36.
14. Ucapan Dato Onn Jaafar, bekas Yang dipertua Agung UMNO pada 26 Ogos 1951. dlm. UMNO 10 Tahun. 1956, 71-78.
15. Ibid.
16. Aziz Ishak, Tamu Istimewa, Penerbit Aziz Ishak, t.th, 27.
17. Ibid., 27.
18. Ibid., 30.
19. Mashuri Zainal, Pemogokan Pekerja Utusan Melayu Dalam Tahun 1961: Satu Kajian Kes Kebebasan Akhbar di Malaysia: 268-294, Latihan Ilmiah Jabatan Komunikasi, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 1988, 291.
20. Zailani Sulaiman, temubual, 20 Mei 1992.
21. Mashuri Zainal, Pemogokan Pekerja Utusan Melayu... 313.
22. Ibid, 238.
23. Ibid., 234.
24. Ibid., 234.
25. Ibid., 235.
26. Ibid., 238.
27. Ibid., 264.
28. Ibid., 263.
29. Ibid., 264.

30. Mashuri Zainal, 264.
31. Ibid., 240.
32. Ibid., 278-279.
33. Ibid., 279.
34. Ibid., 281-282.
35. Ibid., 252.
36. Ibid., 255.
37. Ibid., 252.
38. Salim Kajai, Temubual, 29 Mei 1992.
39. Mashuri Zainal, 314.
40. Utusan Melayu Strike enters the 72nd day, *Wartawan*, (Singapore: Singapore National Union of Journalists), 1961, 1(1). 1.
41. Abdullah Basmeh, 1964. Sepanjang suku abad pelopor perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu. Dlm *Utusan Melayu 25 tahun: 33-36*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu), 1964, 34.
42. Mashuri Zainal, 328.
43. Ibid., 329.
44. Ibid., 329.
45. Ibid., 233-234.
46. Ibid., 315.
47. Ibid., 271.
48. Ibid., 271-272.
49. Ibid., 315.
50. Aziz Ishak, Tamu Istimewa. 30-31.
51. Ibid., 31.
52. Mashuri Zainal, 263.
53. Ibid., 264.
54. Bakhtiar Djamily, A. Samad Ismail, (Kuala Lumpur: Pustaka Budiman), 1985, 132.
55. A. Samad Ismail, Temubual di Jabatan Komunikasi, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), pada 23 Nov. 1988.
56. Mashuri Zainal, 273.
57. Ibid., 273.
58. Ibid., 243.
59. Mengapa Said Zahari Takut ke Singapura?, *Utusan Melayu*, 28 Julai 1961.
60. Mashuri Zainal, 253.
61. Ibid., 256.
62. Ibid., 256.
63. Ibid., 296-297.
64. Ibid., 296-297.

65. Ibid., 265.
66. Ibid., 265-266.
67. Ibid., 265-266.
68. Ibid., 297.
69. Ibid., 249.
70. Ibid., 286-287.
71. Ibid., 287-288.
72. Mazlan Nordin, Seminar Pengluasan Jurnalisme Melayu, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 18 April 1992.
73. Said Zahari, Temubual, Singapura, 2 Jun 1991
74. Ibid.
75. Ibid.
76. Ibid.
77. Ibid.
78. Ibid.
79. Mashuri Zainal, 260-267.
80. Ibid., 267.
81. Rosnah Majid, Seminar Media Massa dan Pilihanraya, Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, di Universiti Malaya, 2 Januari 1991.
82. Letter from National Union of Employees in the Printing Industry, Federation of Malaya, Utusan Melayu Branch, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1961
83. Parliamentary Debate, Dewan Rakyat, 3 Part 1 Third Session: 1346-1347.
84. Ibid.
85. Ibid.
86. Ibid.
87. Ibid, 1348-1350.
88. Parliamentary Debate, Dewan Rakyat, 3 Part I, Third Session: 1346-1351.
89. Ibid., 1350.
90. Ibid., 1350-1351.
91. Entry ban on former editor of Utusan Melayu, The Straits Times, 4 September 1961.
92. Ibid.
93. Zahari ban: 'Security reasons', The Straits Times, 5 September 1961, 1.
94. Ibid.
95. Zahari: Unions Express concern, The Straits Times, 6 September 1961.
96. Ibid.
97. That ban on Zahari - by Tengku, The Straits Times, 8 September 1961, 1.
98. Free access to Parliament, The Straits Times, 18 October 1961.

99. Tunku Abdul Rahman Putra, Ucapan Perasmian Bangunan Utusan Melayu di Sungei Besi, Kuala Lumpur, 9 Februari 1965.
100. Ibid.
101. Chamil Wariya, Industri Persuratkhabaran dengan Tinjauan Khusus Terhadap Utusan Melayu. dlm Mohd. Sarim Hj Mustajab et al. Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan: 255-267, (Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia), 1988, 266-267.
102. Ibid.
103. Salim Kajai, Temubual, 29 Mei 1992.
104. New Straits Times, 21 Okt. 1961, 1.
105. Report on the Parliamentary and State Elections 1959, (Kuala Lumpur: Government Printers), 1960, 7.

BAB 20

Perubahan Pemilikan The Straits Times

Kesan Peristiwa 13 Mei 1969

Rusuhan antara kaum telah berlaku di Kuala Lumpur pada waktu malam 13 Mei 1969, yang menyebabkan banyak nyawa terkorban. Kejadian ini berlaku selepas keputusan Pilihan Raya Umum 1969 diketahui yang walaupun Parti Perikatan dapat mempertahankan kerajaan di peringkat pusat, calon-calon parti pembangkang memperoleh kemenangan di luar dugaan. Keputusan pilihan raya peringkat Parlimen di Semenanjung Malaysia (sebelum digantung berikutan perisytiharan Darurat) Perikatan menang 66 kerusi, DAP 13, PAS 12, Gerakan Rakyat Malaysia 8, dan Parti Progresif Rakyat 4.¹ Keputusan ini menunjukkan kemenangan Perikatan merosot dibandingkan dengan pilihan raya sebelumnya dalam tahun 1964 di mana Perikatan memperoleh 89 kerusi, PAS 9, Barisan Sosialis 2, PPP 2, Parti Tindakan Rakyat 1, dan Parti Bersatu Demokratik 1. Keputusan itu juga bermakna Perikatan gagal mencapai dua pertiga kerusi Parlimen buat pertama kalinya sejak pilihan raya umum diadakan. Di peringkat negeri, Perikatan gagal menumpaskan PAS di Kelantan, hampir tewas di Terengganu, kalah di Pulau Pinang, dan tidak mempunyai majoriti di Perak dan Selangor.² Rusuhan ini menyebabkan kerajaan mengisytiharkan Darurat pada 14 Mei 1969. Antara langkah kerajaan untuk meredakan keadaan ialah dengan mengenakan perintah berkurung, iaitu mengehadkan pergerakan orang ramai. Kerajaan juga mengambil tindakan yang segera ke atas akhbar. Antaranya

ialah menggantung penerbitan akhbar, memperkenalkan undang-undang penapisan, mengharamkan pengedaran naskhah tertentu majalah dan akhbar asing yang mengandungi laporan kekacauan itu.

Semua akhbar telah digantung penerbitan selama dua hari mulai 16 Mei 1969. Keputusan menggantung penerbitan dimaklumkan kepada akhbar melalui telefon oleh seorang pegawai Jabatan Penerangan pada hari Khamis 15 Mei 1969. Notis itu berbunyi, "Kerajaan telah mengarahkan semua akhbar menggantung penerbitan yang berkuat kuasa dengan serta-merta untuk beberapa hari sehingga diberitahu kelak. Semua penerbitan dan editor diminta mematuhi arahan ini."³ Tindakan kerajaan telah dibantah oleh Ketua Pengarang Kumpulan The Straits Times, Tan Sri L. C. Hoffman yang menulis surat kepada pemangku Menteri Penerangan Hamzah Abu Samah menjelaskan bahawa kerajaan sepatutnya menggunakan akhbar dalam keadaan itu untuk menyampaikan maklumat dan bukan menggantungnya.⁴ Hamzah memanggil sidang akhbar keesokan paginya (16 Mei) memberitahu bahawa kerajaan akan mengenakan penapisan sebelum akhbar dibenar diterbitkan supaya berita-berita tidak menaikkan perasaan perkauman. Hamzah juga berkata akhbar-akhbar yang enggan menerima penapisan akan terus digantung, termasuk akhbar di Sabah dan Sarawak. Pada sebelah petangnya Pengarah Mageran Tun Abdul Razak memanggil para editor dan memaklumkan bahawa akhbar boleh dikeluarkan pada hari Ahad (18 Mei) dan satu mekanisme penapisan akan diwujudkan segera.⁵ Tun Razak juga memberitahu bahawa hanya akhbar-akhbar utama dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu, dan Tamil dibenarkan diterbitkan dan bukan akhbar-akhbar nyamuk.⁶

Kebenaran menerbitkan semula akhbar diikuti dengan undang-undang penapisan melalui Peraturan Khas Akhbar dan Penerbitan Lain 1969) yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk memeriksa sebarang perkara sebelum ia dicetak.⁷ Peraturan-peraturan penapisan ini diwartakan oleh kerajaan pada 21 Mei 1969.⁸ Menurut peraturan itu sebarang pihak autoriti yang sah boleh pada sebarang masa memerlukan pemilik, editor, pencetak, atau penerbit sebarang penerbitan, atau pemilik atau pengurus sesuatu mesin percetakan atau perniagaan percetakan, atau sebarang orang yang dalam proses untuk mencetak atau penerbitan sebarang perkara, untuk mengemukakan kepada beliau sebarang perkara yang bertujuan untuk mencetak atau menerbit bagi tujuan keselamatan dan kelulusan.⁹ Autoriti sah itu ditakrifkan sebarang pegawai di bawah kawalan pentadbiran Menteri Dalam Negeri atau sebarang pegawai polis yang tidak rendah daripada seorang inspektor atau sebarang orang yang dilantik oleh Menteri.¹⁰ Peraturan-peraturan itu terpakai juga di Sabah dan Sarawak.¹¹ Jika

autoriti sah itu berpuas hati bahan-bahan berita atau fotograf, atau sebarang perkara berkemungkinan memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara, beliau boleh mengarahkan bahan-bahan tersebut tidak dicetak atau diterbitkan.¹² Menteri boleh melarang pada amnya atau secara khusus penerbitan sebarang perkara yang beliau anggap mungkin mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam atau keselamatan negara.¹³ Beliau juga boleh melarang pengimportan dan pengeksportan sebarang bahan demikian.¹⁴ Peraturan-peraturan itu antara lainnya memberi kuasa kepada Ketua Pos Negara atau sebarang pegawai yang diberi kuasa oleh beliau untuk memeriksa sebarang bungkusan pos.¹⁵ Menurut peraturan itu mereka yang gagal mematuhi peraturan-peraturan ini mungkin boleh dihukum denda atau penjara. Pihak berkuasa pos juga boleh menolak pengiriman sebarang bungkusan pos.¹⁶ Sesiapa yang melakukan kesalahan boleh didenda sebanyak RM10,000 atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali.¹⁷

Bagaimanapun, peraturan penapisan yang diwartakan itu tidak akan dilaksanakan melainkan ia benar-benar perlu, demikian menurut Setiausaha Tetap Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar.¹⁸ Katanya, "Peraturan itu disediakan dan diwartakan untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan dalam kes yang begitu mendesak. Kita tidak akan menggunakannya seboleh mungkin. Bagaimanapun, senjata sudah ada."¹⁹ Sheikh Abdullah memberitahu bahawa setakat ini tidak ada akhbar yang menerbitkan bahan yang menjadikan penapisan perlu. Jika para editor terus mengawal diri dari membuat apa-apa yang boleh menjejaskan keharmonian kaum, tidak ada perlunya penapisan.²⁰ Peraturan yang diwujudkan oleh kerajaan itu memerlukan diwartakan tarikh kuat kuasanya sebelum ia boleh berkuat kuasa.

Majlis Gerakan Negara (Mageran) di bawah Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sebagai pengarahnya telah mengharamkan semua akhbar terbitan parti-parti politik yang diputuskan oleh majlis itu pada 22 Mei 1969. Satu kenyataan yang diterbitkan oleh Pusat Kawalan Maklumat yang ditubuhkan berikutan kekacauan itu, menyebut bahawa Mageran memutuskan untuk mengharamkan semua penerbitan oleh parti-parti politik di Malaysia. Tindakan yang sesuai telah diambil oleh Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri untuk membatalkan semua permit yang telah dikeluarkan untuk penerbitan demikian.²¹ Penerbitan-penerbitan yang terlibat ialah *The Alliance* (Parti Perikatan), *Merdeka* (UMNO), *Rocket* (DAP), dan *Gerakan* (Gerakan Rakyat Malaysia).

The Straits Times dalam rencana pengarangnya pada 23 Mei, 1969 menolak perlunya undang-undang penapisan dikuatkuasakan.²² Rencana pengarang itu berkata bahawa kuasa tambahan itu tidak diperlukan kerana para editor sudah

pun mengamalkan pra-penapisan yang dikenakan oleh para editor sendiri, selain itu ada undang-undang yang boleh dikenakan terhadap editor yang menyemarakkan perasaan perkauman, iaitu "libel hasutan".²³

Pada 23 Mei 1969 Kerajaan mengumumkan pengharaman majalah *Newsweek* dan *Time* keluaran minggu tersebut kerana mengandungi artikel yang "offensive". Bagaimanapun, majalah itu akan dibenarkan jika artikel berkenaan dibuang, kata Setiausaha Tetap Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Sheikh Abdullah Sheikh Abu Bakar.²⁴ Majalah *Time* kemudian dibenarkan selepas wakil kepada penerbit majalah itu mencadangkan kepada kementerian akan membuang artikel yang tidak sesuai kepada keharmonian kaum di Malaysia. Majalah *Time* diedarkan semula pada 24 Mei 1969 tanpa muka 21 dan 22 di bawah seksyen *World News*.²⁵ Bagaimanapun, Kementerian tidak menerima sebarang cadangan daripada wakil majalah *Newsweek*. Pada hari yang sama 23 Mei 1969, agensi Berita Bernama ketika melaporkan majalah *Newsweek* dan *Time International* keluaran terbaru telah diharamkan masuk ke Malaysia, menyebut bahawa salah satu daripada majalah itu melaporkan bahawa mayat-mayat telah diletakkan di dalam beg plastik dan digantung di sesetengah tempat.²⁶

Pengharaman pengedaran majalah-majalah yang mengandungi artikel yang dilarang oleh kerajaan dari dibawa masuk ke Malaysia telah menimbulkan satu gejala baru dalam memperoleh maklumat. Timbul beberapa orang yang berusaha membuat salinan siklostil artikel-artikel mengenai kejadian rusuhan yang diterbitkan dalam akhbar majalah antarabangsa yang diharamkan. Perkara ini mungkin serius kerana Mageran telah mengeluarkan satu kenyataan pada 9 Jun 1969 bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menyalin semula secara siklostil artikel-artikel yang diharamkan itu.²⁷

Peristiwa 13 Mei 1969 telah mencetuskan beberapa idea baru khususnya tentang politik, ekonomi dan kebebasan hak asasi. Di segi politik sebuah gabungan parti-parti politik yang dikenali sebagai Barisan Nasional telah dibentuk pada 1 Jun 1974 bagi menggantikan gabungan tiga parti dalam Perikatan, ketika Tun Abdul Razak Hussein menjadi Perdana Menteri.²⁸ Barisan Nasional telah menerima masuk beberapa buah parti politik pembangkang di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak selepas berbincang selama lebih dua tahun. Sembilan anggota komponen Barisan Nasional ialah UMNO, MCA, MIC, PAS, Gerakan, SUPP, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), dan Perikatan Sabah.²⁹ Dari segi ekonomi pula Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dengan serampang dua matanya iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dalam semua bidang kegiatan

perdagangan sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 1990. Dalam bidang hak asasi pula beberapa undang-undang yang berkaitan dengan akhbar telah dipinda. Yang paling utama ialah Pindaan Perkara 10 Perlembagaan Malaysia. Pindaan itu dibuat untuk memberi kuasa kepada Parlimen meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan bercakap demi kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam jika percakapan itu akan mempersoal keputusan berhubung dengan kewarganegaraan (Bahagian 3 Perlembagaan), Bahasa Kebangsaan (Perkara 152), kedudukan istimewa orang Melayu (Perkara 153), dan kedaulatan Raja-raja (Perkara 181).

Dari satu segi Peristiwa 13 Mei 1969 boleh dilihat sebagai satu garis pemisah dalam amalan akhbar di Malaysia. Akhbar dianggap lebih bebas sebelum 13 Mei, 1969. Dalam tempoh sebelum 13 Mei, Akta Keselamatan Dalam Negeri diperkenalkan dalam tahun 1960, yang pada waktu itu dilihat sebagai perlu kerana menentang komunis, dan penggubalan undang-undang Pengawalan Penerbitan yang diimport. Tetapi selepas 13 Mei undang-undang yang berkaitan dengan akhbar diperketatkan atau dipinda, selain daripada pindaan perlembagaan berkaitan dengan Perkara 10. Para pemimpin UMNO sering merujuk kepada 13 Mei sebagai yang harus diwaspada. Datuk Musa Hitam, ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, pernah berkata bahawa kebebasan akhbar sebagaimana yang diamalkan sebelum 13 Mei 1969 hanya berakhir dengan Darurat di negara ini.³⁰ Seperkara lagi hanya selepas 13 Mei soal kebebasan akhbar dibangkitkan dengan lebih lantang oleh parti-parti pembangkang seperti DAP, Aliran, dan Majlis Peguam berbanding dengan sebelumnya. Perkara ini berlaku mungkin kerana selepas 13 Mei, saluran untuk menyuarakan pendapat bagi pihak berminat seolah-olah tertutup, ini kerana akhbar-akhbar utama seperti *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *The Star*, dan *Tamil Nesan* dikuasai oleh ahli-ahli dan kumpulan yang rapat dengan parti-parti politik dalam kerajaan.

Dasar Pemilikan Majoriti Syarikat Akhbar oleh Rakyat

Satu lagi tindakan penting yang menolong ke arah membentuk sistem akhbar di Malaysia ialah pengambilalihan melalui penyusunan semula kumpulan akhbar The Straits Times (Malaysia) Berhad dalam tahun 1972. Sekali lagi kuasa politik bertembung dengan kuasa akhbar. Berbeza dengan kejadian di Utusan Melayu 11 tahun lebih awal, soal di The Straits Times ialah pemilikan modal

majoriti oleh rakyat Malaysia dalam akhbar tersebut. Berbeza dengan Utusan Melayu, di mana pemegang saham majoriti terpaksa mengambil masa mengumpulkan saham majoriti secara senyap-senyap sebelum dapat menguasai Utusan Melayu, di The Straits Times UMNO telah menyuarakan soal pemilikan modal ini dengan lantang sekali dalam Persidangan Agung Pemuda dan Persidangan Perwakilan dalam bulan Jun 1972. Dua bulan kemudian penyusunan semula dijalankan dan 80 peratus modal saham syarikat The New Straits Times berpindah kepada modal tempatan. The Straits Times mungkin khuatir syarikat tersebut terjejas jika ia menentang arus dan mungkin menangani peristiwa yang berlaku di Utusan Melayu. Selain pengajaran dari Utusan Melayu beberapa perkara lain juga memudahkan "penyelesaian" persoalan itu. Pada ketika itu para pekerja The Straits Times di Singapura melancarkan mogok kerana menuntut kenaikan gaji, para pekerja di Malaysia pula menyatakan simpati melancarkan kerja ikut aturan. Para pekerja mahu kerajaan mencelah. Samad Ismail, seorang tokoh wartawan, memainkan peranan di belakang tabir menjadi perantara antara kerajaan dan pengurusan.

Kumpulan akhbar The Straits Times adalah sebuah gergasi dalam operasi akhbar di Malaysia. Sebelum ini lebih 70 peratus modal saham kumpulan akhbar ini dipegang oleh pelabur Singapura. Tindakan pengambilan alih akhbar kumpulan ini boleh dikaitkan dengan politik Malaysia dan Singapura, dan juga kehendak rakyat (khususnya UMNO) untuk memastikan bahawa haluan negara ini ditentukan oleh rakyat negara ini sendiri dan tidak dikuasai oleh orang luar. Keadaan ini hampir sama keadaannya seperti dalam tahun 1957 apabila Ordinan Mesin Cetak 1948 dipinda kerana tidak mahu akhbar yang berpusat di Singapura menguasai politik Malaysia.

Kedudukan perkara ini mungkin boleh dijelaskan lagi jika ditinjau ke belakang perkembangan akhbar ini. Akhbar yang diterbitkan sejak 15 Julai 1845 adalah akhbar Negeri Selat yang terus hidup hingga kini. Walaupun ia diterbitkan dan dicetak di Singapura, pengedarannya meliputi seluruh Malaya. Menjelang Peperangan Dunia Kedua ia telah membeli beberapa buah akhbar di Malaya seperti *Penang Gazette*. Dalam tahun 1952 ia membeli *The Malay Mail*, sebuah akhbar yang diterbitkan di Kuala Lumpur sejak tahun 1896. Dalam usaha untuk menyampaikan akhbarnya lebih segera kepada para pembacanya, The Straits Times dicetak di Kuala Lumpur mulai Jun 1956. Sebahagian daripada plat akhbar ini yang disediakan di Singapura diterbangkan dengan sebuah kapal terbang yang dibeli khas untuk tujuan tersebut. Pada 1 Julai 1957, syarikat ini membuka lembaran baru apabila ia menerbitkan akhbar *Berita Harian*. Pada tahun 1959 seluruh operasi akhbar itu berpindah ke

Kuala Lumpur. Tindakan ini dikatakan memarahkan Pemimpin PAP Lee Kuan Yew yang menuduh kumpulan akhbar itu "cabut lari ke Kuala Lumpur".³¹ Singapura diberi taraf berkerajaan sendiri mulai Jun 1959 dan Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menterinya. Sebelum itu PAP adalah parti pembangkang ketika David Marshall dan Lim Yew Hock dari Labour Party menjadi Ketua Menteri di bawah pemerintahan British. Ketika PAP menjadi parti pembangkang The Straits Times mengambil pendirian yang berkonfrontasi dengan parti itu sejak ia ditubuhkan pada 21 November 1954. Parti itu dikatakan terdiri daripada "pack of jokers".³² Dalam tahun 1963, Singapura menyertai Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak membentuk Malaysia. Malaysia dan Singapura berpisah dalam tahun 1965 dan untuk beberapa lama hubungan antara kedua-dua negara itu tidaklah boleh dikatakan mesra. Oleh kerana Singapura dan Malaysia adalah dua buah negara yang berasingan, kumpulan akhbar The Straits Times (Malaya) Berhad mengambil langkah menguatkan staf pengarang di Singapura selepas 1965 untuk menerbitkan edisi yang memenuhi keperluan berlainan kedua-dua negara itu.³³ Menjelang awal 1972, staf pengarang yang lengkap telah diwujudkan di Singapura yang menerbitkan edisi berasingan. Dengan itu Singapura dan Malaysia mempunyai akhbarnya sendiri tetapi majoriti pemegang saham masih lagi di Singapura. Penyusunan semula lewat tahun 1972 menyaksikan pemilikan akhbar-akhbar kumpulan itu di Malaysia diletak di bawah sebuah syarikat Malaysia dengan saham majoritinya dipegang oleh rakyat Malaysia.

Penyusunan semula ini dibuat seperti berikut. Sebuah syarikat tidak aktif, The Caxton Press (1957) Sdn Berhad, iaitu sebuah anak syarikat The Straits Times (Malaya) Berhad, telah dijadikan jentera penyusunan semula itu dengan menukarkan namanya kepada The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Berhad pada 28 Ogos 1972. Pada tarikh yang sama modal yang dibenarkan syarikat itu ditingkatkan menjadi RM20 juta daripada RM10 juta sebelumnya, yang dibahagikan kepada 20 juta saham bernilai RM1 sesaham. Pada tarikh yang sama juga syarikat itu mengadakan perjanjian dengan The Straits Times (Malaya) Berhad di bawah sekim penyusunan semula dengan mengambil alih akhbar-akhbar Malaysia di bawah kumpulan akhbar The Straits Times (Malaysia) Berhad. Pada 28 Ogos, The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Berhad mengkreditkan sejumlah 6,739,750 saham bernilai RM1 sesaham kepada The Straits Times (Malaysia) Berhad sebagai sebahagian daripada bayaran untuk syarikat-syarikat yang dipindahkan kepadanya. Pada 14 September 1972 sebanyak 7,025,250 saham bernilai RM1 sesaham dikeluarkan kepada The Straits Times Press (Malaya) Berhad. Mulai 14 Oktober 1972, The New Straits Times Press

(Malaysia) Sdn. Berhad tidak lagi menjadi anak syarikat milik sepenuh The Straits Times Press (Malaya) Berhad apabila The Straits Times Press (Malaya) Berhad menjual 11,020,000 saham, iaitu 80 peratus daripada sahamnya kepada pembeli rakyat Malaysia.³⁴ Baki 20 peratus saham The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Berhad atau 2,755,000 terus dimiliki oleh The Straits Times (Malaysia) Berhad. Pada 20 Februari 1973 The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad menjadi sebuah syarikat awam dan namanya ditukar menjadi The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. Pada 27 Februari 1973 pemegang saham 80 peratus itu menawar untuk jualan kepada rakyat Malaysia sejumlah 3,444,000 saham atau lebih sedikit 25 peratus daripada saham syarikat itu.

Pada 16 September 1972 satu persetujuan telah dicapai antara para pengarah The Straits Times Press (Malaya) Berhad dengan Tengku Razaleigh Hamzah, ketika itu Pengerusi Pernas, berhubung dengan penjualan 80 peratus saham The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad. Para pengarah The Straits Times Press (Malaysia) Berhad telah meminta bantuan Tengku Razaleigh Hamzah untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi saham tersebut daripada kepentingan-kepentingan Malaysia.³⁵

Pengumuman yang dikeluarkan oleh The Straits Times Press (Malaya) Berhad itu berbunyi:³⁶

Para pengarah The Straits Times (Malaya) Berhad, dengan hasrat untuk memenuhi aspirasi yang berpatutan oleh rakyat Malaysia untuk memiliki majoriti saham dalam syarikat ini yang mengeluarkan akhbar terbanyak dalam bahasa Inggeris, telah membentuk The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad. Syarikat ini mengambil alih operasi akhbar-akhbar syarikat (The Straits Times [Malaya] Berhad) dalam wilayah Malaysia Timur dan Barat. Para pengarah kemudian meminta bantuan Tengku Razaleigh Hamzah untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi saham dalam syarikat ini (The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad) daripada kepentingan-kepentingan Malaysia. Persetujuan dicapai kelmarin antara para pengarah Kumpulan The Straits Times dan Tengku Razaleigh untuk menjual lapan puluh peratus stok The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad. Adalah dicadangkan yang Kumpulan The Straits Times akan mengikat kontrak pengurusan dengan Lembaga Pengarah The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Berhad. Perjanjian itu juga bertujuan supaya Encik A.C. Simmons, Pengarah Urusan Kumpulan The Straits Times terus menjadi Pengarah Urusan syarikat baru itu.

Pada 17 September 1972, The Straits Times Press (Malaya) Berhad memberitahu lebih 11 juta saham mewakili 80 peratus daripada modal berbayar

The New Straits Times dijual di bawah perjanjian yang dicapai pada 16 September pada harga \$2.80 sesaham, yang harganya ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran The Straits Times Press (Malaya) Berhad ketika mesyuarat-mesyuarat yang membawa kepada perjanjian itu bermula.³⁷

Pada 31 Januari 1973, Simmons mengumumkan penyusunan semula Kumpulan The Straits Times. Di bawah penyusunan semula itu The Straits Times Press (Malaya) Berhad, yang ketika itu beribu pejabat di Kuala Lumpur, akan memindahkan ibu pejabatnya ke Singapura melalui sebuah anak syarikat baru milik sepenuhnya The Straits Times Press (Singapore) Ltd. Operasi akhbar-akhbar kumpulan itu di Malaysia telah pun diambil alih oleh The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Berhad. Dalam laporan tahunannya kepada para pemegang saham, Simmons menghuraikan permulaan apa yang disebutnya sebagai “perubahan besar dalam hal-ehwal Syarikat”.³⁸ Pada penutup tahun kewangan dalam bulan Ogos 1972, kerajaan Malaysia—menyedari meluasnya pengedaran *The Straits Times* dalam wilayahnya dan tentang kemungkinan pengaruh akhbar itu sebagai medium cetak yang terbesar di negara itu—memutuskan bahawa adalah tidak dapat diterima bagi 70 peratus daripada modal ekuiti dimiliki di Singapura. Dengan yang demikian edisi Malaysia bagi akhbar *The Straits Times* dan *Berita Harian*, bersama dengan *The Malay Mail*, yang diedarkan hampir sepenuhnya di Malaysia diletakkan dalam sebuah anak syarikat. Sebanyak 80 peratus saham anak syarikat itu kemudian dijual kepada kepentingan-kepentingan Malaysia dengan bayaran tunai berjumlah RM30.8 juta.³⁹

Selain Kumpulan *The Straits Times* yang menyusun semula operasinya, Nanyang Press (Singapore) Limited juga berbuat demikian. Lembaga Pengarahnya telah mengumumkan langkah untuk menjual kepada rakyat Malaysia 51 peratus modal saham anak syarikat di Malaysia. Anak syarikat itu Nanyang Press (Malaya) Berhad memiliki dan menerbit Nanyang Siang Pau di Malaysia.⁴⁰

Selain dua buah syarikat akhbar itu, *Sin Chew Jit Poh*, *Shin Min Daily News*, *Sing Pin Jih Pao* juga dimiliki sepenuhnya oleh modal asing.⁴¹ Modal akhbar China Press dimiliki 96 peratus pelabur Malaysia manakala akhbar *Malayan Thung Pau* (Kuala Lumpur), *Kwong Wah Jit Poh* (Pulau Pinang), *Kin Kwok* (Ipoh) dan semua 14 buah akhbar Cina di Sabah dan Sarawak dimiliki modal tempatan.⁴²

Berikutan tekanan politik yang dikenakan oleh UMNO supaya modal daripada pelabur Malaysia lebih besar dalam akhbar-akhbar yang beroperasi di negara ini, Coates dan Dyer menyifatkan awal tahun 70-an sebagai “satu daripada period yang paling teruk dalam sejarah akhbar di negara ini”.⁴³

Langkah penyusunan semula yang dibuat oleh kumpulan The Straits Times Press (Malaya) Berhad mengambil masa cuma kira-kira satu setengah bulan

iaitu dikira dari 28 Ogos 1972 apabila The New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Berhad ditubuhkan dan penjualan 80 peratus saham syarikat itu (yang dimiliki oleh The Straits Times Press (Malaya) Berhad yang selesai dibuat pada 14 Oktober 1972. Segala langkah ini berlaku dua bulan selepas Pemuda UMNO membangkitkan usul pemilikan akhbar oleh warga asing pada 23 Jun 1972.

Tindakan kerajaan seterusnya ialah meminda Akta Mesin Cetak 1948 pada bulan Januari 1974 yang memasukkan syarat pemilikan saham terbesar rakyat Malaysia sebagai syarat pemberian permit akhbar. Tetapi ini berlaku lama selepas isu Kumpulan The Straits Times dimiliki oleh pelabur luar selesai. Kepada Kumpulan The Straits Times pindaan undang-undang sudah menjadi akademik kepadanya. Bagaimanapun, pindaan itu mungkin ditujukan terhadap akhbar-akhbar lain yang belum melaksanakan penyusunan semula pada ketika itu. Kesangsian terhadap tindakan kerajaan telah dibangkitkan oleh DAP apabila ia menentang rang undang-undang itu apabila dibahas di Parlimen.⁴⁴

Pemimpin DAP Lim Kit Siang dalam ucapannya di Parlimen, berkata:⁴⁵

DAP tidak dapat menyokong Rang undang-undang ini melainkan kita berpuashati bahawa Rang undang-undang ini bukanlah suatu Trojan horse bagi akhbar-akhbar Cina dan Tamil di Melayukan dari segi modal dan pemilikan, bahawa ia bukan suatu Trojan horse untuk anggota-anggota lain dalam Barisan Nasional untuk memperolehi secara paksaan akhbar-akhbar yang ada sekarang yang pemilikan modalnya oleh bukan rakyat Malaysia. Ketiganya, bahawa ia bukanlah suatu Trojan horse untuk melupuskan lagi kebebasan Akhbar dengan membuat akhbar-akhbar di negara ini mematuhi arahan. Justeru itu, tidaklah menjadi rahsia lagi bahawa Pernas, selepas mengambilalih pemilikan The Straits Times Press, telah menunjukkan minat untuk mengambi alih Nanyang Siang Pau. Pernas adalah UMNO juga dalam pakaian yang lain, dan saya ingin menggesa Pernas atau UMNO supaya berhenti daripada sebarang percubaan untuk memperolehi dengan secara paksaan dengan sokongan Kerajaan Nanyang Siang Pau atau sebarang akhbar Cina lain, bahawa ini bukanlah memMalaysiakan Pemilikan akhbar tetapi meMelayukan pemilikan Akhbar.

Peguam Negara Tan Sri Abdul Kadir Yusof yang menggulung perbahasan Rang undang-undang itu membidas DAP kerana membela kepentingan akhbar yang dikawal oleh orang asing dan dengan demikian membuktikan bahawa Lim Kit Siang telah diperalatkan oleh pihak dan negara lain.⁴⁶

Dewan Rakyat meluluskan pindaan kepada Akta Mesin Cetak 1948 itu pada 21 Januari 1974. Akta pindaan itu mensyaratkan modal tiap-tiap akhbar mestilah lebih banyak dipegang oleh warga negara daripada orang asing. Ketika membentangkan Rang undang-undang itu di Dewan Rakyat, Menteri Dalam

Negeri Tan Sri Ghazali Shafie berkata warganegara Malaysia sendiri sepatutnya berkuasa menentukan sikap dan dasar sesuatu akhbar tempatan dan bertanggungjawab kepada akibat-akibatnya. "Akhbar yang dipunyai dan diterbitkan oleh orang asing tidak mungkin dapat memainkan peranan yang tulen dan sebenar. Oleh yang demikian tidaklah wajar sekiranya akhbar-akhbar dikuasai oleh orang yang bukan warganegara."⁴⁷ Kajian kerajaan mendapati daripada 34 buah akhbar tempatan pada tahun 1973 hanya 13 buah dimodali 100 peratus oleh warganegara, 16 lagi dimodali oleh modal asing kurang daripada 50 peratus, manakala lima buah dimodali 100 peratus oleh modal asing.⁴⁸

Akta pindaan itu memberi kuasa kepada Menteri untuk enggan memberi atau membaharui atau membatalkan atau menarik balik bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut sesuatu lesen mengenai mesin cetak di bawah seksyen 3 atau sesuatu permit mengenai akhbar di bawah seksyen 7 atau seksyen 7A jika pada pendapat Menteri semua atau apa-apa bahagian daripada modal, syer, aset atau apa-apa jua kepentingan lain mengenai mesin cetak atau akhbar itu adalah dipunyai, dipegang atau dengan apa-apa cara dikawal oleh seorang atau orang-orang yang bukan warganegara. Akta itu juga memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan syarat yang semua modal, syer, aset, atau apa-apa jua kepentingan lain atau apa-apa bahagiannya sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, mengenai mesin cetak atau akhbar itu, hendaklah dipunyai, dipegang dan dikawal oleh warganegara sama ada pada setiap masa sepanjang tempoh lesen atau permit itu, atau pada setiap masa dari suatu tarikh yang ditentukan oleh Menteri.⁴⁹

Sementara itu ketika Rang Undang-undang itu dibentangkan di Dewan Negara, Senator Kamarul Ariffin menyeru kerajaan memastikan supaya ahli lembaga pengarah dan pengarang yang menentukan dasar penulisan sesuatu akhbar terdiri dari warganegara.⁵⁰

Pemilikan Modal: Peranan UMNO

Undang-undang yang diluluskan itu adalah hasil daripada gesaan Pemuda UMNO pada tahun 1972. Seyogianya diingat sasaran utama gesaan Pemuda UMNO pada waktu itu ialah Kumpulan The Straits Times. Perhimpunan Agung Pemuda UMNO pada 23 Jun 1972 meluluskan dengan sebulat suara yang akhbar-akhbar tempatan mesti dimiliki oleh rakyat tempatan begitu juga para kakitangannya "untuk menentukan sumbangan kewartawanan yang sesuai dengan identiti nasional".⁵¹

Usul Exco Pemuda mengenai pemilikan akhbar; itu berbunyi demikian:⁵²

Menyedari bahawa ideologi anti-nasional boleh disalurkan melalui akhbar dan memahami pentingnya kedudukan akhbar dalam sesebuah negara, khususnya dalam sebuah negara membangun, perhimpunan ini merumuskan bahawa:

- Semua pemilik akhbar (pemegang saham, rakan kongsi, dan individu) mestilah warganegara.
- Semua pekerja, termasuk mereka yang memegang jawatan pengurusan, pengarangan dan kewartawanan, mestilah warganegara, dan
- Akhbar yang tidak mencerminkan identiti nasional mestilah mengubah sikap mereka dan memahami kedudukan mereka dalam membentuk perpaduan negara dan juga identiti nasional yang tulen.

Haji Suhaimi Kamaruddin, seorang anggota Exco Pemuda UMNO, yang mengemukakan usul itu berkata bahawa dalam sebuah organisasi akhbar berbahasa Inggeris, 73 peratus daripada pemegang sahamnya adalah warganegara asing.⁵³ Walaupun Haji Suhaimi tidak menyebut nama organisasi akhbar itu, yang pasti dimaksudkan ialah Kumpulan The Straits Times.

Haji Suhaimi berkata usul itu tidak bertujuan untuk menyekat kebebasan akhbar malah mendukungnya. Pada keesokan harinya, 24 Jun 1972, usul itu dikemukakan dalam Perhimpunan Agung UMNO. Usul itu dikemukakan oleh Haji Suhaimi yang mewakili Pemuda UMNO di Perhimpunan Agung itu. Dalam ucapannya beliau telah menggartak akan mengadakan demonstrasi di hadapan pejabat akhbar Kumpulan The Straits Times jika perubahan dan tindakan tidak dilakukan. Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Tun Abdul Razak sendiri menjawab cadangan usul Pemuda UMNO itu.⁵⁴ Katanya:⁵⁵

Kerajaan menyedari keadaan dalam industri akhbar. Langkah-langkah telahpun diambil untuk memberitahu akhbar-akhbar supaya mengambil lebih ramai warganegara terutama orang Melayu. The Straits Times telah diberitahu supaya mengambil kakitangan rakyat Malaysia dan akhbar tersebut sudah mengambil langkah untuk melatih lebih ramai warganegara. Dua daripada lima pengarah the Straits Times ialah orang Melayu. Saya gembira lebih ramai rakyat, terutama bumiputra, diambil bekerja oleh the Straits Times. Kerajaan juga tidak dapat bertindak dengan tergesa-gesa terhadap usul itu kerana imej Malaysia di seberang laut akan terjejas. Usul itu akan mempunyai implikasi terhadap kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen di mana kebebasan akhbar dijunjung.

Tun Razak mahu usul itu dikemukakan kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk kajian mendalam dan akan dikemukakan untuk perbincangan dalam

perhimpunan Agung UMNO akan datang. Beberapa orang pemuda UMNO bangun menyatakan itu mengambil masa dan meminta tindakan segera. Tun Razak kemudiannya memberi jaminan kepada para perwakilan bahawa Majlis Tertinggi akan memberi jawapan dalam masa dua atau tiga bulan. Haji Suhaimi yang menggulung perbahasan itu menerima tolak ansur itu kerana katanya Pemuda UMNO mempunyai keyakinan terhadap Tun Razak. Bagaimanapun, beliau memberi amaran, "Kesabaran kami ada hadnya. Kami mahu tindakan dalam masa dua bulan. Saya tidak akan menerima sebarang alasan jika tiada tindakan diambil selepas tarikh itu."⁵⁶

Langkah Pemuda UMNO untuk mengemukakan cadangan supaya akhbar tempatan dikawal oleh rakyat Malaysia diberitahu oleh Ketua Pemuda UMNO Dato' Harun Idris pada 24 April 1972.⁵⁷ Beliau berkata ada akhbar tempatan yang dikawal oleh orang luar dan para pekerjaanya terdiri dari bukan rakyat negara ini. Menurutnya akhbar tempatan patut mencerminkan sikap rakyat negara ini—ia bukan bertujuan mendapat keuntungan semata-mata. Untuk membolehkan ini dilakukan, akhbar tempatan patut diurus dan dikawal oleh rakyat negara ini, kata Dato' Harun.⁵⁸

Langkah yang diambil oleh UMNO supaya operasi Kumpulan The Straits Times di Malaysia disusun semula juga mendapat perhatian dari pemimpin pembangkang Lim Kit Siang dari DAP. Beliau telah bertanya Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri di Dewan Rakyat pada 14 Ogos 1972, sama ada kerajaan sedar akan tidak baiknya monopoli akhbar di mana-mana masyarakat atau negara; dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk memecahkan monopoli Straits Times terhadap sebaran media akhbar bahasa Inggeris, yang membenar putar-belit maklumat untuk disalurkan kepada pembaca akhbar bahasa Inggeris dalam Malaysia.⁵⁹ Lim Kit Siang, yang sudah pasti mengikuti perbahasan dalam Perhimpunan Agung UMNO, cuba mengambil tahu apakah yang hendak dilakukan oleh kerajaan berikutan desakan Pemuda UMNO itu.

Dalam jawapan bertulisnya, Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie berkata kerajaan dan ekonomi negara tidak menggalakkan wujudnya keadaan monopoli surat-surat perkhawaran. Wujudnya *Straits Times* dan *Malay Mail* sebagai surat akhbar Inggeris yang mempunyai pengaruh besar di dalam Negara ini ialah kerana pihak-pihak lain tidak ke hadapan untuk membuka dan menjalankan percetakan surat-surat akhbar Inggeris yang lain. Menteri itu juga berkata di dalam negara yang mempunyai corak ekonomi yang berdasarkan kepada prinsip perusahaan bebas tidaklah apa-apa langkah yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap perkara ini. Hanya terpulang kepada

pihak-pihak swasta tampil ke hadapan mewujudkan dan menjalankan satu perusahaan surat akhbar Inggeris yang lain untuk memberi pertandingan kepada akhbar *Straits Times*.⁶⁰

Pembuka tirai kepada pemindahan modal itu ialah tuntutan kenaikan gaji oleh para pekerja syarikat tersebut dengan tindakan kerja ikut aturan dan gesaan oleh Pemuda UMNO supaya akhbar diambil alih.

Tindakan selepas usul Pemuda UMNO itu berjalan segera. Menurut *The Straits Times*, kerajaan memaklumkan mengenai langkah yang harus diambil oleh syarikat itu pada bulan Ogos 1972, iaitu tidak sampai dua bulan selepas usul itu dibahaskan dalam Perhimpunan Agung UMNO. Beberapa perkembangan selepas itu boleh diringkaskan seperti berikut:

Mulai 31 Ogos 1974, sebuah nama baru *New Straits Times* menggantikan nama lama bagi akhbar yang dikenali ramai sebagai *The Straits Times*. Proses perubahan ini berlaku hampir dua tahun sebelum itu, apabila pemilikan majoriti mulai dipegang oleh rakyat Malaysia. Dalam period peralihan dan penyesuaian, pengurusan telah distruktur, dan menjelang akhir tahun 1973, akhbar itu mengumumkan bahawa pengawalan dan arah syarikat itu dalam semua bidang kegiatan adalah di bawah jagaan rakyat Malaysia. Tujuan utama syarikat itu sejak perubahan pemilikan ialah untuk memberikan penerbitan utamanya gambaran Malaysia keseluruhannya, satu identiti yang jelas Malaysia, yang boleh dikenali demikian di seberang laut dan juga di dalam negeri.⁶¹ Para pemegang stok syarikat *The Straits Times Press (Malaya) Berhad* meluluskan pada 30 November 1973 untuk memansuhkan secara sukarela syarikat tersebut.⁶²

Pada 27 Februari 1973, *New Straits Times Press (Malaysia) Berhad* menawarkan 3,444,000 saham biasa RM1 sesaham pada harga RM4. Tawaran itu dibuat oleh para pemegang saham yang memiliki 11.02 juta atau 80 peratus daripada seluruh ekuiti *New Straits Times*. Jumlah 3.444 juta yang mereka jual merupakan 31.25 peratus daripada pegangan mereka dan 25 peratus daripada seluruh jumlah modal syarikat itu.

Baki 20 peratus saham yang tidak dijual oleh Kumpulan *The Straits Times* akhirnya dijual balik kepada kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengan Kumpulan *Fleet*, yang menjadi jentera pelaburan UMNO.

Satu kejadian lain yang mungkin memberi kesan terhadap tindakan UMNO dan kerajaan supaya orang asing tidak berkuasa terhadap akhbar di Malaysia ialah larangan pengedaran akhbar Kumpulan *Utusan Melayu* di Singapura mulai 22 Februari 1970. Kerajaan Singapura dalam sepucuk surat bertarikh 15 November 1969 telah meminta *Utusan Melayu* mengadakan edisi Singapura

yang dicetak dan diterbitkan dengan jabatan cetak dan penerbitan yang ditubuhkan di Singapura. Pada ketika itu Utusan Melayu mempunyai edisi Singapura yang berasingan yang bermula pada 14 Ogos 1968. Pihak syarikat Utusan Melayu mendapati sukar memenuhi permintaan itu, lalu mengadakan perundingan dengan kerajaan Singapura, dan berikutan dengan itu permit pengedarannya diluluskan pada 31 Disember 1969. Dalam pada itu syarikat itu mengambil langkah untuk membubarkan Syarikat Utusan Melayu Berhad, yang ditubuhkan di Singapura dan menggantikannya dengan Syarikat Percetakan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. Menurut Pengarah Urusan Utusan Melayu Dato' Hussein Nordin keputusan itu diambil lama sebelum surat dari kerajaan Singapura diterima. Satu mesyuarat agung luar biasa telah ditetapkan pada 21 Februari 1970.⁶³ Sambil itu pihak syarikat telah memohon kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura permit percetakan dan penerbitan atas nama syarikat baru itu jika mesyuarat agung diluluskan. Kebenaran diterima daripada kerajaan Malaysia tetapi kerajaan Singapura tidak menjawab. Apabila resolusi itu diluluskan, secara automatik permit yang diberikan kepada Syarikat Utusan Melayu Berhad tamat. Oleh kerana syarikat baru tidak diberikan permit untuk mengedar maka akhbar dan majalah terbitan kumpulan itu telah tidak dibenarkan masuk ke Singapura mulai 22 Februari 1970.

Pembeli perseorangan yang membawa masuk akhbar *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* melalui tambak Johor telah ditahan di Woodlands, akhbarnya dirampas dan dikoyak.⁶⁴ Sebanyak lima penerbitan *Utusan Melayu* terjejas dengan larangan itu iaitu *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia*, *Mastika*, *Wanita*, *Utusan Radio dan TV*. Di Singapura, Utusan Melayu melaporkan satu kempen tandatangan dicadang diambil untuk membolehkan *Utusan Melayu* dijual di Singapura. Di Malaysia ada gesaan dari cawangan UMNO supaya kerajaan mengambil tindakan terhadap tindakan kerajaan Singapura itu.⁶⁵ Utusan Melayu diharamkan kerana dikatakan membangkitkan semangat perkauman (menyemarak perasaan perkauman).⁶⁶ Tindakan balas, yang merupakan tindakan awal, ialah pembatalan permit pengedaran enam majalah Singapura di Malaysia dalam bulan Mac 1970. Majalah-majalah itu ialah *Her World*, *Fanfare*, *Movie News*, *Indian Movie News*, dan *Majalah Radio dan TV* dalam bahasa Cina.⁶⁷

Catatan

1. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri, Malaysia tahun 1969*, 41
2. D.K. Mauzy, *Barisan Nasional*, 1983, Mericans & Sons, Kuala Lumpur, 1983, 36.
3. *Sunday Times*, 18 Mei 1969.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Ibid.
7. Essential (Newspapers and Other Publications) Regulations, 1969.
8. Censorship rules are gazetted, *The Straits Times*, 22 Mei 1969, 1.
9. Essential (Newspapers and Other Publications) Regulations, 1969, Seksyen 3(1).
10. Ibid., Seksyen 2.
11. Ibid., Seksyen 2.
12. Ibid., Seksyen 3(2).
13. Ibid., Seksyen 4(a).
14. Ibid., Seksyen 4(b).
15. Ibid., Seksyen 5(a) dan 5(b), dan Seksyen 6(1).
16. Ibid., Seksyen 7.
17. Ibid., Seksyen 7.
18. *The Malay Mail*, 24 Mei 1969.
19. Ibid.
20. Ibid.
21. National Operations Council bans all party journals, *The Straits Times*, 23 Mei 1969, hlm. 1.
22. *The Straits Times*, (editorial) 23 Mei 1969.
23. Ibid.
24. *The Straits Times*, 24 Mei 1969.
25. Bernama (stensilan), 24 Mei 1969.
26. Bernama (stensilan), 23 Mei 1969.
27. Bernama (stensilan), 9 Jun 1969.
28. Mauzy, 77.
29. Ibid.
30. Musa-Freedom, Bernama (stensilan), 16 Ogos 1983.
31. A. Kadir Jasin. Perkembangan Industri Persuratkhabaran di Malaysia: Tumpuan Khusus kepada kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. dlm Mohd. Sarim Mustajab et

- al. *Akhbar dan Majalah Di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*: 241-254. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. 248.
32. Fong Sip Chee, *The PAP Story*, Singapore, t. pt., Singapore, 1979, 14. Perharian PAP pada zaman perintisnya November 1954 - April 1968.
33. The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Prospectus on the Offer for Sale of 3,444,000 shares, 27 Februari 1973.
34. Ibid.
35. *The Sunday Times*, 17 September 1972.
36. *The Sunday Times*, 17 September 1972.
37. *The Straits Times*, 18 September 1972.
38. *The Straits Times*, 31 Januari 1973.
39. Ibid.
40. New Straits Times Subsidiary, Bernama (stensilan), 4 September 1972.
41. H. Coates & F. Dyer, *The Print and Broadcasting Media in Malaysia*, Southeast Asia Press Centre, Kuala Lumpur, December 1972, 2.
42. Ibid., 3.
43. Ibid., 3.
44. Kadir takes DAP to task over Press Bill, *The Straits Times*, 22 Jan. 1974.
45. Kadir takes DAP to task over Press Bill, *The Straits Times*, 22 Jan. 1974.
46. Ibid.
47. Dewan luluskan rang pindaan mesin cetak, *Berita Harian*, 22 Jan. 1974.
48. Ibid.
49. Printing Presses (Amendment) Act (Act A223), 1974.
50. Senator Mahu Pengarang Warganegara, *Berita Harian*, 16 Feb. 1974.
51. UMNO Youths on Newspaper Ownership, Bernama (stensilan), 23 Jun 1972.
52. Ibid.
53. Ibid.
54. *Sunday Times*, 25 Jun 1972.
55. *Sunday Times*, 25 Jun 1972. The Government is well aware of the situation in the newspaper industry. Steps haven been taken to inform the newspapers to engage more citizens especially Malays. The Straits Times had already been told to Malaysianise its staff and the newspaper had taken steps to train more citizens. Two of the five directors of the Straits Times are Malays. I am happy that more citizens, especially bumiputras, have been engaged by the Straits Times. The Government could not act hastily on the resolution because Malaysia's image abroad would be impaired. The resolution would have some implications on Malaysia's position as a country practising parliamentary democracy where the freedom of the Press is upheld.
56. Ibid.
57. Harun-Newspaper (Bernama stensilan), 24 April 1972.
58. Ibid.

59. Jabatan Penerangan Malaysia, Siaran Akhbar, 14 Ogos 1972. (Dewan Rakyat - jawapan mulut).
60. Ibid.
61. Your National Paper, *The New Straits Times*, 31 Ogos 1974.
62. *The Straits Times*, 4 Dis. 1973, (iklan notis).
63. *Utusan Melayu*, 25 Februari 1970
64. *Utusan Melayu*, 23 Februari 1970
65. *Utusan Melayu*, 25 Februari 1970
66. C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1988*, 308
67. *Berita Harian*, 17 Mac 1970.

BAB 21

Kuasa Melalui Undang-undang

Perlembagaan Malaysia

Undang-undang paling tinggi dalam negara ini ialah Perlembagaan. Artikel 10 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bagi kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu. Peruntukan ini bukanlah mutlak dan ia dihadkan kepada warganegara saja. Setiap warganegara mempunyai hak kepada kebebasan bercakap dan menyatakan fikiran. Tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan sekatan yang difikirkan perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau sebahagian daripadanya, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan yang bertujuan untuk melindungi hak keistimewaan Parlimen atau sebarang Dewan Undangan Negeri atau membuat peruntukan terhadap penghinaan mahkamah, kefitnahan, atau mengapikan sesuatu kesalahan.¹

Apabila Parlimen bersidang selepas Peristiwa 13 Mei 1969, pindaan telah dibuat terhadap Perlembagaan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 yang berkuatkuasa mulai 10 Mac 1971. Di bawah pindaan itu adalah menjadi satu kesalahan hasutan atau (jika Parlimen membuat undang-undang terhadapnya) jenayah terhadap sesiapa yang mempersoalkan sebarang hak dan keistimewaan dan sebagainya, yang diwujudkan atau yang dilindungi oleh peruntukan Perlembagaan berhubung dengan kewarganegaraan, bahasa kebangsaan dan kegunaan bahasa-bahasa lain untuk tujuan bukan rasmi, terhadap

kuota untuk orang Melayu dan anak negeri Borneo dan perlindungan kepentingan yang hak bagi kaum-kaum lain, dan terhadap kedaulatan Raja-raja. Bagaimanapun, ia tidak menjadi hasutan atau jenayah bagi sesiapa mempersoalkan pelaksanaan peruntukan perlembagaan seperti hak dan keistimewaan itu.²

Kebebasan akhbar terletak di bawah peruntukan kebebasan bercakap dan menyatakan fikiran. Di bawah kebebasan bercakap ini, sebagaimana yang dinyatakan di atas adalah untuk warganegara saja. "Oleh yang demikian tidak ada apa-apa untuk menghalang Parlimen daripada membuat undang-undang untuk melarang penerbitan oleh rakyat asing," kata Prof. Ahmad Ibrahim.³ Bagi warganegara pun hak yang diberikan adalah terhad kerana hak kebebasan bercakap dan menyatakan fikiran boleh dihadkan oleh Parlimen. Artikel 4(2)(b) dalam Perlembagaan memperuntukkan bahawa kesahan sesuatu undang-undang tidak boleh dicabar atas alasan yang ia menyekat sekatan-sekatan yang disebutkan dalam Artikel 10(2). Artikel 10(1) Perlembagaan mengehadkan kuasa perundangan Parlimen, kerana Parlimen hanya boleh membuat undang-undang menyekat hak kebebasan bercakap dan menyatakan fikiran oleh warganegara, mengenai kes-kes yang dinyatakan dalam Fasal (2) artikel itu. Sesuatu undang-undang boleh dicabar jika ia tidak berkaitan dengan kepentingan atau perkara yang dinyatakan dalam Artikel 10(2), tetapi Artikel 4(2)(b) mengurangkan skop cabaran demikian.⁴

Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

Akta ini memperuntukkan keselamatan dalaman Malaysia, tahanan pencegahan, pencegahan subversif, menghapuskan keganasan terancang terhadap orang atau harta di kawasan tertentu di Malaysia, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kuasa-kuasa khas berhubung dengan Penerbitan Subversif di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri terkandung dalam Bab 3 Seksyen 22 hingga Seksyen 31.⁵

Seksyen 22 ialah mengenai kuasa menteri yang bertanggungjawab terhadap akhbar dan penerbitan untuk mengenakan larangan terhadap percetakan, penerbitan, jualan, pengedaran, atau pemilikan dokumen subversif.⁶

Seksyen 23 pula memperuntukkan tindakan yang diambil oleh menteri di bawah Seksyen 22 boleh dibantah kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa sebulan daripada tarikh perintah itu, yang keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mahkamah.⁷ Seksyen 24 kesalahan di bawah Seksyen 22 boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga

tahun atau kedua-duanya sekali, melainkan ia dapat membuktikan kepada mahkamah perkara itu dibuat tanpa autoriti, persetujuan, atau pengetahuannya.⁸

Pemilikan dokumen subversif boleh didenda hingga RM10,000 atau di penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.⁹ Sesiapa atau pemegang jawatan dalam sesebuah persatuan yang menerima dokumen subversif hendaklah menyerahkannya kepada polis, jika ia menyampaikan kepada orang lain, menerbitkan kandungan dokumen itu, adalah salah dan boleh didenda RM10,000 atau dipenjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.¹⁰

Beberapa buah akhbar telah diambil tindakan di bawah ISA. Antaranya ialah akhbar *Sangamani*, yang diterbitkan dalam bahasa Tamil dan Telegu, sebuah akhbar terbitan National Union of Plantation Workers yang dibatalkan permitnya pada 13 Jun 1968, kerana dikatakan mengancam keselamatan negara. Penolong Menteri Dalam Negeri Hamzah Abu Samah berkata terdapat bukti bahawa akhbar itu memperjuangkan pandangan sebuah parti politik di India. Akhbar itu telah diberi amaran supaya jangan berbuat demikian.¹¹

Tindakan begini diambil bukan saja terhadap penerbitan dalam negeri tetapi juga penerbitan luar. Misalnya, *Far Eastern Economic Review* keluaran 6 Februari 1972 telah dilarang masuk ke Malaysia kerana ia dikatakan boleh memudaratkan keselamatan dan perpaduan negara. Menteri Dalam Negeri Tun Dr. Ismail menjawab soalan V. David (Pekemas-Datuk Keramat) di Parlimen yang ingin tahu sebab majalah itu dilarang masuk.¹²

Akhbar nyamuk (berbentuk tabloid) biasanya lebih lantang, dan bebas daripada akhbar harian utama. Ia tidak terlepas daripada pemerhatian Kementerian Dalam Negeri. Sebuah daripada akhbar nyamuk itu ialah *Suara Rakyat*. Pada 5 Disember 1975, Kementerian Dalam Negeri memberitahu penerbitnya akhbar mingguan itu tidak boleh mengedarkan keluaran minggu itu. Ketua Pengarang Harun Hassan berkata tidak ada hitam putih mengenai arahan tersebut, dan beliau masih tidak jelas tentangnya.¹³ Pada 6 Disember, Kementerian Dalam Negeri dalam satu kenyataan memberitahu edisi minggu itu (edisi ke-12) diharamkan kerana ia boleh memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara.¹⁴ Ia diharamkan di bawah Seksyen 22.

Jumlah terbesar akhbar yang dibatalkan permitnya di bawah ISA ialah apabila Operasi Lalang dilancarkan mulai 27 Oktober–14 November 1987 dalam mana 106 orang telah ditahan. Akhbar-akhbar terlibat ialah *The Star*, *The Sunday Star*, *Watan*, dan *Sin Chew Jit Poh* yang diharamkan pada 28 Oktober 1987. Akhbar-akhbar ini diharamkan kerana menyiarkan berita yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.¹⁵ Ketiga-tiga penerbit akhbar itu merayu mengenai tindakan itu dan dibenarkan terbit semula

pada akhir Mac 1988. Akhbar itu dibenar diterbitkan semula serentak dengan pengumuman Kertas Putih kerajaan mengenai peristiwa penangkapan itu pada 23 Mac 1988. Dalam Kertas Putih bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara", Kerajaan menjelaskan bahawa keempat-empat akhbar itu begitu ghairah memuatkan dan menonjolkan berita, pendapat, dan rencana yang menyemarakkan perasaan perkauman dan melaga-lagakan pemimpin-pemimpin satu kaum atau pertubuhan dengan pemimpin-pemimpin kaum atau pertubuhan lain.¹⁶ Kesemua akhbar itu telah sengaja menonjolkan isu-isu sensitif termasuk isu pelajaran, bahasa, agama, hak masing-masing kaum, dan sebagainya, untuk memajukan kepentingan politik pihak-pihak yang memiliki atau mengurus akhbar-akhbar itu dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing tanpa menghiraukan kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam, dan keselamatan negara.¹⁷ Akhbar *The Star* diterbitkan semula tanpa Tunku Abdul Rahman sebagai pengerusi syarikat itu.

Selain mengambil tindakan terhadap akhbar, para wartawan juga diambil tindakan di bawah ISA. Tokoh paling terkemuka yang ditahan di bawah ISA ialah A. Samad Ismail, yang pada ketika itu menjadi Pengarang Urusan *New Straits Times* dan Samani Mohd. Amin, penolong editor *Berita Harian*. Samad dan Samani ditahan pada 22 Jun 1976. Pada 16 Jun dua orang wartawan *Berita Harian* di Singapura turut ditahan. Mereka ialah Hussein Jahidin, editor akhbar itu dan penolongnya Azmi Mahmud, dikatakan terlibat dalam rancangan komunis untuk menjatuhkan kerajaan Singapura. Samad dan Samani, kedua-duanya dilahirkan di Singapura, tetapi telah berhijrah ke Malaysia, masing-masing pada tahun 1959 dan 1957. Samad dikatakan menjadi ketua, manakala Samani sebagai pembantunya. Menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri, kedua-dua mereka ditahan kerana terlibat dalam kegiatan menyokong perjuangan komunis untuk mendapat kuasa politik dalam negara ini.¹⁸ Dua hari sebelum Samad dan Samani ditahan, iaitu pada 20 Jun 1976 *New Straits Times* menyiarkan pada muka depan ingatan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn kepada rakyat bahawa mereka perlu mempertahankan cara hidup mereka yang cuba dimusnahkan oleh komunis. Berucap ketika menerima Ijazah Kehormat Undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap ancaman ini.¹⁹ Pada 27 Jun 1976, Kerajaan mengumumkan rancangan tiga perkara untuk memerangi komunis, satu daripadanya ialah mengawasi elemen komunis di semua tempat termasuk pertubuhan akhbar, persatuan, dan pertubuhan.²⁰

Dalam bulan Oktober 1981 Rakan Pengurusan akhbar *Watan*, Aziz Ahmad, dan wartawannya Halim Mahmud telah ditahan di bawah ISA.

Apa yang tersiar, sama ada dari segi gambar dan berita sentiasa diawasi oleh KDN. Menurut Timbalan Menteri di Kementerian itu, Datuk Abdul Samad Idris, KDN mempunyai para pegawai yang bertanggungjawab mengkaji berita dan gambar yang tersiar di dalam akhbar-akhbar. Tujuannya semata-mata untuk mengawal supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh merosakkan dari segi keselamatan, kebudayaan, dan keperibadian negara.²¹

Para wartawan juga dinasihatkan supaya menjadi penapis sendiri. Timbalan Menteri Penerangan Shariff Ahmad berkata wartawan dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia mestilah sentiasa bertanggungjawab dan bersedia untuk mengenakan penapisan sendiri sebelum sesuatu berita diserahkan untuk diterbitkan.²² Mereka patut memupuk amalan ini khususnya apabila berhadapan dengan isu sensitif seperti bahasa Malaysia. Shariff membidas sikap sesetengah wartawan asing yang menulis artikel menurut sesuka hati mereka tanpa mempertimbangkan akibatnya.²³

Akta Hasutan 1948

Akta Hasutan memperuntukkan bagi hukuman kerana kesalahan hasutan. Seksyen 9 mempunyai kaitan langsung dengan akhbar. Seksyen itu memperuntukkan penggantungan akhbar yang mengandungi perkara-perkara hasutan.²⁴ Antara hukuman yang boleh dijatuhkan ialah melarang penerbitan masa depan akhbar berkenaan secara mutlak atau dengan bersyarat, untuk satu tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh perintah;²⁵ melarang penerbit, tuannya, editor akhbar berkenaan sama ada secara mutlak atau bersyarat daripada menerbit, mengedit, atau menulis bagi sebarang akhbar, atau menolong melalui wang, bahan, atau khidmat dan sebagainya;²⁶ mesin cetak yang digunakan untuk menerbitkan akhbar berkenaan hanya boleh digunakan dengan bersyarat, atau ia boleh dirampas oleh polis untuk tempoh tertentu.²⁷

Ordinan Kawalan Penerbitan yang Diimport 1958

Ordinan ini meminda dan menyatukan undang-undang berkaitan dengan pengimportan hasil penerbitan ke dalam Persekutuan, yang pada ketika itu terkandung dalam Ordinan Penerbitan Yang Tidak Diingini 1949, dan undang-undang Darurat tertentu.

Pindaan besar kepada undang-undang yang ada bolehlah diringkaskan seperti berikut: Undang-undang itu mewujudkan suatu jentera untuk suatu

sistem pelesenan berkaitan dengan negara tertentu, wilayah atau tempat yang mungkin disebut dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah Seksyen 4(2)(a) dengan jentera yang bersesuaian untuk pelesenan dan mendengar rayuan berkaitan dengannya.

Penerbitan yang diimport mesti—sebagaimana dengan penerbitan yang diterbitkan di Persekutuan—mempunyai nama dan alamat pencetak atau penerbit.

Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta tersebut bertujuan melindungi rahsia rasmi. Liputan apa yang dikatakan “rahsia rasmi” ini antaranya terdapat dalam Seksyen-seksyen 2(2)(a), 2(2)(b), (2(2)(c), 4, 7A dan 8.²⁸ Para wartawan mungkin terjebak dengan peraturan yang menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk memiliki atau dalam kawalannya sebarang kod rasmi rahsia, perkataan, tanda tangan kedua, atau kata kunci, atau sebarang artikel, dokumen atau maklumat.²⁹ Wartawan juga mungkin menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat daripada pegawai kerajaan, kerana di bawah Seksyen 7A, seseorang pegawai kerajaan boleh melaporkan perbuatan itu.³⁰ Kesalahan di bawah Seksyen ini ialah hukuman penjara tidak lebih daripada tujuh tahun dan denda tidak lebih sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.³¹ Adalah juga menjadi kesalahan kerana tidak memberitahu sumber maklumat rahsia rasmi.³²

James Clad, wartawan *Far Eastern Economic Review* telah didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi dalam bulan Oktober 1985. Beliau mengaku bersalah terhadap dua tuduhan memiliki maklumat rasmi yang sulit mengenai perdagangan Malaysia dengan China, dan mengaku bersalah menerima secara haram maklumat rasmi yang sulit mengenai perkembangan dalam dasar antara Malaysia dan China. Atas kedua-dua kesalahan itu Clad didenda RM10,000.³³ Selepas itu, wartawan *New Straits Times* Sabri Sharif telah didenda RM7,000 kerana melanggar Akta Rahsia Rasmi. Beliau mengaku bersalah kerana menerima sebuah dokumen rahsia rasmi yang bertajuk “Kajian Struktur Kekuatan TUDM 1984”.³⁴ Kedua-duanya hanya dikenakan denda, walaupun di bawah undang-undang itu mereka boleh dikenakan hukuman penjara. Selepas dua kes ini, kerajaan telah meminda Akta Rahsia Rasmi menjadikan kesalahan di bawah Akta ini boleh dihukum denda minimum selama satu tahun.

Selain dua kes yang melibatkan wartawan seperti di atas, ada kes lain yang melibatkan ahli politik. Dalam satu kes Datuk Dzulkifli Abdul Hamid telah

didakwa dan didapati bersalah di bawah Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi kerana menerima dan menyampaikan secara salah maklumat rasmi dan dokumen rahsia.³⁵ Seorang lagi ahli politik Lim Kit Siang didakwa di bawah Seksyen 8(1) dan 8(2) dan didapati bersalah kerana menerima dan menyampaikan secara salah maklumat rasmi.³⁶ Lim Kit Siang kemudiannya merayu kes itu dan Mahkamah Persekutuan mengekalkan kesalahan tetapi mengurangkan hukuman denda yang dikenakan.³⁷ Lim juga dituduh gagal memberitahu sumber maklumat yang diterimanya, iaitu satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1). Beliau didapati bersalah dan Mahkamah Persekutuan mengesahkannya.³⁸

Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) telah dipinda dalam tahun 1986. Rang undang-undang pindaannya dikemukakan di Parlimen sebanyak tiga kali. Dua kali pertama ia ditarik untuk dibaiki selepas mendapat bantahan daripada para wartawan dan pihak-pihak yang berminat. Antara perkara penting dalam pindaan tersebut ialah:

1. "Rahsia rasmi" ditafsirkan sebagai apa-apa surat dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungannya dan termasuklah apa-apa surat rasmi, maklumat, dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai "rahsia besar", "rahsia" "sulit", atau "terhad", oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.³⁹
2. Mewujudkan Seksyen baru 16A. Seksyen ini memperuntukkan yang perakuan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau seorang pegawai awam mengenai sesuatu surat rasmi dengan menyatakan ia suatu rahsia dianggap sebagai keterangan konklusif dan perkara itu tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan.⁴⁰
3. Mengenakan hukuman penjara minimum satu tahun. Ia melibatkan Seksyen 4(1), 7A, 7B, 8(1), 9(2), 11, 12, 13(1).⁴¹

Catatan

1. Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, (Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan), 1972, 182
2. Ibid., 182
3. Ahmad Ibrahim, Communication and Law from Malaysia Viewpoint: 62-81, dlm Abdul Razak, *Press Laws and Systems in Asean States*, Confederation of Asean Journalists Publications, Jakarta, 1985, 63
4. Ibid., 63.
5. Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82), Seksyen 22-31.
6. Ibid., Seksyen 22.
7. Ibid., Seksyen 23.
8. Ibid., Seksyen 24.
9. Ibid., Seksyen 29(1).
10. Ibid., Seksyen 29(2).
11. Bernama (stensilan), 13 Jun 1968.
12. *The Straits Times*, 18 Mei 1972.
13. *New Straits Times*, 6 Disember 1975.
14. Bernama (stensilan), 6 Disember 1975.
15. *New Straits Times*, 29 Oktober 1987, 1.
16. *Ke arah memelihara ketenteraman awam*, Kertas Perintah 14 tahun 1988, 39.
17. Ibid., 40.
18. Editors held under ISA, *New Straits Times*, 23 Jun 1976, 1.
19. Facing up to the Red threat, *New Straits Times*, 20 Jun 1976.
20. *New Straits Times*, 28 Jun 1976.
21. *Berita Harian*, 16 Feb. 1974.
22. *New Straits Times*, 15 Mei 1974.
23. Ibid.
24. Sediton Act 1948 (Act 15), Seksyen 9(1).
25. Ibid., Seksyen 9(1)(a).
26. Ibid., Seksyen 9(1)(b).
27. Ibid., Seksyen 9(1)(c).
28. Official Secrets Act (Act 88).
29. Ibid., Seksyen 8.
30. Ibid., Seksyen 7A.
31. Ibid., Seksyen 8(2).
32. Ibid., Seksyen 11(1).

33. Akta Rahsia : Wartawan didenda \$10,000, Berita harian, 15 Oktober 1985, hlm 2. Kes ini nampaknya tidak dilaporkan dalam jurnal perundangan seperti Malayan Law Journal.
34. NST Reporter fined \$7,000, New Straits Times, 24 Januari, 1986, hlm. 2. Kes ini juga tidak dilaporkan dalam jurnal perundangan.
35. Datuk Dzulkifli bin Datuk Abdul Hamid v. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 112.
36. Public Prosecutor v. Lim Kit Siang [1979] 2 MLJ 37.
37. Lim Kit Siang v. Public Prosecutor [1980] 1 MLJ 293.
38. Ibid.
39. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 (Akta A660), Seksyen 2(a).
40. Ibid., Seksyen 16A.
41. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 (Akta A660).

BAB 22

Akhbar Dakwa Kerajaan

Akhbar Mendakwa Kerajaan di Mahkamah

Pada tahun 1986, Dow Jones, penerbit akhbar *The Asian Wall Street Journal* (AWSJ) dan dua orang wartawannya telah mengambil tindakan mahkamah apabila kerajaan Malaysia membatalkan permit kerja wartawannya John Berthelsen dan Raphael Pura, dan menggantung pengedaran akhbar AWSJ selama tiga bulan mulai 27 September 1986.¹ Pada tahun 1987 pula, Aliran telah mengambil tindakan mahkamah apabila KDN menolak permohonannya selama dua kali untuk mendapatkan permit penerbitan bagi sebuah majalah yang dicadang diterbitkan dalam bahasa Malaysia. Kedua-dua kes ini boleh dilihat dari segi dua kuasa bertarung, iaitu kuasa eksekutif dan kuasa akhbar, dan diadili oleh kuasa ketiga iaitu kuasa kehakiman.² Dalam kes Berthelsen, wartawan AWSJ, Mahkamah Tinggi menolak permintaannya, tetapi Mahkamah Agung membenarkannya dan mengetepikan perintah pembatalan permit kerjanya.³ Dalam kes Aliran, Mahkamah Tinggi memberi kemenangan kepada akhbar, tetapi atas rayuan kerajaan, Mahkamah Agung memberi kemenangan kepada kerajaan.⁴ Berikutan kedua-dua kes ini, dan ketika kes Aliran masih menunggu rayuan pihak kerajaan di Mahkamah Agung, kerajaan telah mengemukakan pindaan mengetatkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada penghujung tahun 1987 memberi kuasa yang lebih dari segi undang-undang kepada kerajaan. Satu daripada pindaannya ialah keputusan Menteri menolak permohonan untuk

sesuatu permit penerbitan atau percetakan tidak boleh dibawa ke mahkamah.⁵ Walaupun Mahkamah Agung akhirnya memberi kemenangan kepada kerajaan dalam kes Aliran, Aliran akhirnya diberi permit apabila ia membuat permohonan baru selepas keputusan Mahkamah Agung itu.

Kes Asian Wall Street Journal

Pada 26 September 1986, pihak berkuasa Malaysia telah menggantung permit pengedaran *AWSJ* untuk selama tiga bulan dan mengusir dua orang wartawannya yang bertugas di Kuala Lumpur iaitu Raphael Roy Pura dan John Peter Berthelsen.⁶

Alasan kerajaan untuk membatalkan permit kerja Pura dan Berthelsen ialah:

- bahawa mereka telah gagal mematuhi Akta Imigresen 1959/1953 dan Peraturan Imigresen 1963;
- bahawa mereka gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan berhubung dengan permit kerja itu atau arahan yang ditulis di atas permit demikian;
- bahawa kehadiran mereka di negara ini adalah memudaratkan atau mungkin akan memudaratkan keselamatan negara.

Berthelsen mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi pada 2 Oktober untuk mendapatkan kebenaran melarang kerajaan daripada mengusirnya keluar. Hakim Harun Hashim telah menolak permohonannya atas alasan keputusan eksekutif adalah berdasarkan keselamatan. Berthelsen kemudiannya merayu kepada Mahkamah Agung terhadap penolakan itu. Perbicaraannya ditetapkan pada bulan November 1986. Sementara itu, Pura pula membuat permohonan yang sama di Mahkamah Tinggi pada 10 Oktober 1986 untuk perintah *certiorari* bagi mengetepikan perintah usir itu. Hakim Harun Hashim membenarkan permohonan itu sambil menarik perhatian yang pemohon telah membangkitkan fakta yang berkaitan dan soal-soal undang-undang dalam permohonannya.⁷

Pada ketika tindakan terhadap *AWSJ* dan dua orang wartawannya diambil, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad berada di New York. Dr. Mahathir memberitahu pelabur-pelabur Amerika di Hotel Waldorf-Astoria, New York pada 30 September 1986, bahawa Malaysia telah banyak bersabar dengan laporan buruk oleh akhbar asing. Beliau menarik perhatian bahawa laporan-laporan itu tidak mempunyai kaitan dengan kebenaran dan penulisannya berupa tidak seimbang dan berat sebelah.

Artikel yang dipertikaikan oleh Dr. Mahathir Mohamad ialah:⁸

1. "Malaysia's Daim Charts Path to Power", pada 24 Ogos 1984 sempena mesyuarat IMF.
2. "Malaysia's Daim Tied to Private Bank Deal", pada 30 April 1986 sempena mesyuarat ADB.
3. "Mahathir Draws Fire on Bumiputra Plan", pada 22 September 1986 sempena mesyuarat IMF.
4. "Malaysia Plan to Control Tin Led to Disaster", pada 22 September 1986 sempena mesyuarat IMF.
5. "Malaysia Co-op Seen Facing Loan Crisis", pada 25 September 1986 sempena mesyuarat IMF.
6. "Daim May Make Big Gain On Bank Sale", pada 26 September 1986 sempena mesyuarat IMF.

Dr. Mahathir juga berkata beliau tahu usaha-usaha yang akan dibuat oleh akhbar, para editor, untuk menekan kerajaan Malaysia untuk membuat itu dan ini. "Kami adalah sebuah negara kecil, tetapi kami tidak tunduk kepada sesiapa pun. Kami tidak mahu dibelasah hingga menyerah kepada tekanan begini, walaupun ini bermakna pembangunan negara kami akan terjejas. Malaysia bukanlah seperti itu. Kami akan berdiri tegak dan kami akan melawan. Kami akan melawan hingga ke akhirnya."⁹

Kata Dr. Mahathir Mohamad di New York:¹⁰

Kita telah bersabar terhadap perkara ini sehingga akhir-akhir ini kita melihat suatu tren khusus. Satu tren untuk menerbitkan artikel yang memburuk-buruk (*scurrilous*) Malaysia apabila ada majlis tertentu berlangsung. Terutamanya apabila ada sesuatu mesyuarat yang mungkin menjejaskan ekonomi Malaysia. Apabila Asian Development Bank (ADB) bermesyuarat di Manila, sebuah artikel yang cukup tidak adil kepada Menteri Kewangan telah disiarkan. Artikel itu menuduh beliau dengan berbagai kesalahan jenayah (*crimes*), dengan berbagai manipulasi, tanpa memberi apa-apa maklumat sokongan (*substantiate*). Kemudian mesyuarat International Monetary Fund (IMF) di Washington dan sebuah artikel lagi dikeluarkan dalam *The Wall Street Journal*, sekali lagi menyerang Menteri Kewangan. Artikel itu ialah berkaitan dengan hartanya, sahamnya, hubungannya dengan Perdana Menteri, bagaimana beliau dipilih, macam-macam perkara keluar; dan ia sebuah artikel yang panjang. Sudah tentu kita merasa ada artikel diterbitkan apabila Menteri Kewangan sekali lagi hadir mesyuarat IMF di Washington yang diadakan sekarang. Tetapi kali ini, saya fikir *The Wall Street Journal* mencapai kecemerlangan diri (*excelled itself*). Ia

menerbitkan empat artikel menghentam bukan saja Menteri Kewangan tetapi juga Perdana Menteri. Tidak ada yang faktual yang dilaporkan. Macam-macam cerita dibuat. Dan apa saja yang kita kata yang perlu juga disebutkan, jika ia tidak sesuai dengan pandangan *The Wall Street Journal*, ia tidak dimasukkan.

Pada hari yang sama Dr. Mahathir berucap di New York, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub berkata di Kuala Lumpur bahawa pengusiran itu ada berkaitan dengan tanggapan ancaman kepada kepentingan Malaysia. Megat Junid berkata *AWSJ* boleh dikatakan telah mensabotaj pembangunan ekonomi negara dengan mewujudkan perasaan tidak tentu di kalangan orang ramai.¹¹

Sama ada kerajaan menjangka atau tidak, tindakannya menggantungkan pengedaran *AWSJ* selama tiga bulan dan mengusir dua orang wartawannya di Malaysia menyebabkan perkara itu dibawa ke mahkamah. Setakat yang diketahui tindakan begini belum pernah diambil. Ucapan Dr. Mahathir di New York pada 30 September 1986 turut dijadikan bahan afidavit.

AWSJ yang membela dirinya atas tuduhan-tuduhan itu menafikan sebarang hasrat untuk merosakkan kepentingan Malaysia dengan artikel-artikel yang dituduh diterbitkan pada masa-masa tertentu. Ia menegaskan bahawa ia hanya menenuhi peranan akhbar, terutama dari segi kewartawanan penyiasatan dan interpretatif.¹² Dalam afidavitnya bertarikh 17 Oktober 1986 berhubung dengan permohonan Pura yang memohon kebenaran untuk memohon perintah *certiorari*, Pengarang Urusan *AWSJ* Barry Wain berkata, "Sebagai suatu perkara prinsip, saya dengan tegas menafikan yang *AWSJ* mempunyai sebarang polisi atau rancangan atau rancangan umum untuk merosakkan atau menggugat ekonomi Malaysia."¹³ Wain berkata pas kerja Pura dan Berthelsen telah dibatalkan pada 26 September 1986 atas tiga alasan. Dua alasan yang pertama mendakwa kerana kegagalan untuk mematuhi Peraturan dan Akta Imigresen dan kerana kegagalan untuk mematuhi syarat yang dikenakan berhubung dengan permit kerja itu. Kerajaan dan para pegawainya, walaupun diminta, telah tidak dapat ataupun tidak bersedia untuk mengkhususkan seksyen apakah daripada Akta atau Peraturan, atau apakah syarat, yang telah dilanggari. Kegagalan untuk mengkhusus, bersama dengan perkara-perkara yang dinyatakan kemudian, menunjukkan bahawa tidak ada langsung sokongan bagi kedua-dua alasan itu. Wain juga menolak alasan ketiga mengenai menggugat keselamatan negara, yang dianggapnya sebagai tuduhan serius dan merosakkan kepada kedua-dua wartawan itu dan juga *AWSJ*. Tidak ada penjelasan rasmi atau tidak rasmi bagaimana *AWSJ* atau para pekerjanya telah atau mungkin boleh menggugat

keselamatan Persekutuan. Wain berkata kesemua artikel yang disebut oleh Perdana Menteri untuk mewajarkan tindakan terhadap AWSJ dan para wartawannya adalah mengenai subjek yang menjadi prihatin kepada orang awam dan perniagaan, kepada rakyat Malaysia dan masyarakat perniagaan antarabangsa. Wain juga menolak dakwaan Perdana Menteri yang AWSJ telah dengan sengaja menyiarkan artikel yang disebutkan supaya terbit apabila ada mesyuarat antarabangsa dengan tujuan untuk menggugat ekonomi Malaysia.¹⁴

Pada 3 November 1986, Mahkamah Agung telah mengetepikan keputusan kerajaan membatalkan permit kerja wartawan AWSJ John Berthelsen.¹⁵ Mahkamah Agung membenarkan beliau perintah *certiorari* selepas menerima rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 1 Oktober 1986. Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas yang bersidang bersama Tan Sri Mohamed Azmi Datuk Haji Kamaruddin dan Tan Sri Eusoffe Abdoolcader berkata: "Buat masa ini adalah cukup bagi kami mengatakan bahawa kebenaran patut diberikan (untuk memohon mengetepikan keputusan kerajaan itu) dan peluang untuk mendengar diberikan kepada wartawan itu."¹⁶ (Keputusan bertulis dikeluarkan kemudian pada 19 November 1986.) Pada 30 Oktober 1986, polis telah menggeledah pejabat Peguam Muhammad Shaffee Abdullah di bawah Akta Rahsia Rasmi. Beliau telah ditahan kerana dituduh menghalang tindakan polis itu tetapi dibebaskan selepas diikat jamin RM1,000. Selepas Mahkamah Agung membuat keputusan, Param Cumaraswamy yang mewakili Majlis Peguam telah membidas langkah kerajaan terhadap Muhammad Shaffee yang dianggap sebagai gangguan dan ugutan. Majlis Peguam dalam satu kenyataan kemudiannya berkata: "Kami membantah dengan keras terhadap kelakuan (pihak berkuasa Khamis lalu di pejabat Encik Shaffee) dan meminta mereka yang bertanggungjawab supaya memberhentikan tindakan yang tidak mengikut undang-undang."¹⁷ Tindakan polis itu telah menghalang Shaffee daripada mengemukakan kertas-kertas berkaitan dengan kes itu sebelum dibicarakan, bagaimanapun mahkamah telah membenarkan perbicaraan diteruskan.

Dalam keputusan bertulis yang dikeluarkan pada 19 November 1986 beberapa perkara jelas dapat dilihat. Pertama, apabila Mahkamah Agung menerima rayuan Berthelsen ia tidak menghantar kes itu balik ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan semula. Sebaliknya Mahkamah Agung sendiri membicarakan kes itu yang sememangnya dibolehkan. Kedua, Peguam Kanan Persekutuan T. Selventhiranathan yang mewakili Ketua Pengarah Imigresen dan kerajaan telah tidak dapat "memberi jawapan yang berkesan" dan hanya sekadar merujuk pada satu autoriti, suatu kes mahkamah di England.¹⁸ Apabila hakim menunjukkan bahawa kes tersebut memberi peluang representasi,

Selventhiranathan tidak dapat mengemukakan lebih lanjut mengenai perkara itu dan beliau tidak ada apa-apa tambahan untuk dibuat.¹⁹ Ketiga, dalam penghakimannya Mahkamah Agung telah banyak menggunakan autoriti (kes-kes lalu) sama ada kes di England atau di Malaysia. Berdasarkan kes-kes yang disebutkan itu, Mahkamah Agung memutuskan bahawa perintah *certiorari* mesti diberikan untuk membatalkan keputusan membatalkan permit kerja Berthelsen.²⁰

Pada 7 November 1986 Pengarang Urusan *AWSJ* Barry Wain memberitahu bahawa kerajaan telah menerima bahawa tindakannya mengusir wartawan *AWSJ* sebagai tidak sah. "Kami sangat gembira dengan keputusan kerajaan itu," katanya. Wain berkata kerajaan memaklumkan kepada mahkamah dan para peguam *AWSJ* bahawa ia tidak akan menentang cabaran guaman oleh Pura memandangkan keputusan Mahkamah Agung mengenai kes Berthelsen.²¹

Sementara itu Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc., penerbit *AWSJ*, telah mengemukakan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan kebenaran mengetepikan penggantungan permit penerbitan akhbar itu.²²

Senarai alasan yang diberikan oleh penerbit *Asian Wall Street Journal*:²³

- Budi bicara itu tidak dijalankan secara adil;
- Dow Jones Publishing tidak dimaklumkan sama sekali mengenai sebab-sebab dan butir-butir mengenai keputusan itu;
- Ia dibuat tanpa melakukan budi bicara yang adil kerana ia dibuat dengan niat tidak baik;
- Ia dibuat atas alasan yang tidak berkaitan dan untuk tujuan yang tidak berpatutan;
- Ia tidak dibuat selaras dengan Artikel 10 Perlembagaan yang menjamin kebebasan bersuara;
- Ia dibuat tanpa mengambil kira tugas yang dikenakan terhadap Dow Jones Publishing untuk mendedahkan kejanggalan tanpa takut dan pilih kasih untuk kepentingan awam;
- Ia dibuat tanpa sebarang asas dan dibuat berlebihan dan menyalahgunakan bidang kuasa; dan
- Ia tidak berpatutan.

Penggantungan terhadap pengedaran akhbar *AWSJ* selama tiga bulan berkuatkuasa dari 27 September 1986 telah ditarik balik pada 13 November 1986. Perintah menarik balik penggantungan itu dibuat oleh Menteri Dalam Negeri. Sepucuk surat mengenai perkara tersebut yang ditandatangani oleh

Ketua Setiausaha KDN Datuk Azizan Zainul Abidin telah ditunjukkan di Mahkamah Tinggi. Sebelum itu, *AWSJ* pada 7 November 1986 telah mengemukakan satu permohonan untuk kebenaran memohon perintah *certiorari* bagi mengetepikan keputusan Menteri mengenai penggantungan itu. Permohonan Dow Jones dan wartawan Raphael Pura dijangka didengar di mahkamah terbuka pada 13 November 1986. Bagaimanapun, peguam kedua-dua belah pihak telah bertemu Hakim Harun Hashim di dalam kamar selama 30 minit. Oleh kerana perintah penggantungan telah ditarik balik, Hakim Harun Hashim tidak membuat apa-apa perintah mengenai permohonan Dow Jones tetapi memberikan kos kepadanya. Mahkamah memasukkan penghakiman persetujuan yang diminta oleh Pura. Hakim juga memerintahkan pihak berkuasa terlibat supaya membuang perkataan "dibatalkan" dalam pasport Pura.²⁴

Pada hari yang sama, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub berkata penarikan balik penggantungan permit *AWSJ* adalah kerana kerajaan menghormati keputusan mahkamah. Beliau menjelaskan bahawa permit yang diberikan itu samalah seperti permit yang diberikan kepada akhbar-akhbar lain dan ia juga bergantung kepada budi bicara serta kajian pihak kerajaan dari setahun ke setahun.²⁵

Sementara itu di New York, *The Wall Street Journal* telah menulis satu rencana pengarang memuji sistem perundangan Malaysia "Dengan memberikan perlindungan terhadap tindakan sewenang-wenangnya di pihak kerajaan, kebebasan pengadilan menolong menjamin kebebasan yang lebih luas di Malaysia," kata rencana pengarang itu.²⁶

Pada 4 Disember, 1986, di Dewan Negara, seorang ahli Dewan itu telah mengkritik KDN kerana tindakannya yang tergesa-gesa mengusir dua orang wartawan *AWSJ* dari Malaysia. Senator R. M. Jasni berkata langkah pengusiran itu patut dikaji dengan terperinci dahulu untuk mengelakkan implikasi yang tidak diingini. Katanya kerana tindakan yang tergesa-gesa itu kerajaan Malaysia telah dibawa ke mahkamah dan kalah kes itu dan media asing telah memberi laporan yang buruk mengenai Malaysia.²⁷

Satu daripada kesan berikutan kes *AWSJ* itu ialah satu pertemuan telah berlangsung antara para eksekutif kanan dan editor *The Wall Street Journal* dengan Dr. Mahathir Mohamad di New York pada 30 September 1988. Dr. Mahathir ketika itu di New York kerana menghadiri Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Pertemuan yang diminta oleh para editor dan eksekutif kanan itu bertujuan mendapatkan perspektif yang lebih tepat mengenai perkembangan sosial, politik, dan ekonomi. Dalam pertemuan itu Dr. Mahathir telah berhujah bahawa Malaysia bukan berkempen untuk laporan positif setiap masa. Kerajaan

menekankan pentingnya bagi sebuah akhbar yang berkedudukan seperti *Wall Street Journal* untuk memberi perspektif yang seimbang mengenai Malaysia. Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kerajaan tidak berniat menyekat kebebasan akhbar tetapi prinsip yang sama perlu digunakan apabila akhbar melaporkan perkembangan dalam sebuah negara membangun. Kritikan yang adil dialu-alukan. Berikutan pertemuan itu "hubungan baru yang lebih seimbang dan adil akan menjelma antara Malaysia dan *Wall Street Journal*, sebuah daripada akhbar terbesar di Amerika Syarikat," menurut Ahmad A. Talib.²⁸ Malaysia boleh mengharapkan liputan akhbar tersebut mengenai kejadian dalam negeri yang mencerminkan dengan lebih tepat dengan persekitaran dan keadaan yang ada. Persefahaman yang sama nampaknya dicapai apabila Dr. Mahathir bertemu dengan para editor kanan akhbar-akhbar British semasa beliau di London sebelum terbang ke New York.

Kes Aliran

Aliran Kesedaran Negara, sebuah persatuan yang mendakwa memperjuangkan reformasi sosial, yang berpusat di Pulau Pinang telah memohon untuk menerbitkan sebuah majalah bulanan dalam bahasa Malaysia, pada 13 November 1983. Pada ketika itu ia sudah pun mempunyai sebuah majalah bulanan dalam bahasa Inggeris berjudul *Aliran Monthly*. Bagaimanapun, permohonan untuk permit penerbitan dalam bahasa Malaysia telah ditolak oleh kerajaan pada 17 Mac 1984. Tiada alasan diberikan mengenai penolakan itu.²⁹ Pada 14 April 1984 Aliran mengemukakan rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menimbang semula penolakan itu. Pada ketika itu Akta Mesin Cetak 1948 (Semakan 1971) berkuat kuasa, dan di bawah akta ini rayuan boleh dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagaimanapun, Aliran tidak menerima apa-apa jawapan kepada rayuan itu sehingga 15 November 1986 apabila Aliran mengeluarkan satu kenyataan membetulkan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub, di Parlimen mengenai permohonan Aliran itu.³⁰ Pada 12 November 1986, Aliran mengemukakan sekali lagi permohonan, kali ini untuk menerbitkan sebuah majalah dua mingguan dalam bahasa Malaysia bertajuk *Seruan Aliran*. Pada ketika permohonan kedua ini dibuat Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 berkuat kuasa. Akta yang baru ini memberi kuasa budi bicara mutlak kepada Menteri untuk memberi atau menolak sesuatu permohonan permit penerbitan atau lesen percetakan. Peruntukan rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong yang

diperuntukkan dalam Akta Mesin Cetak 1948 (Semakan 1971) dimansuhkan. Permohonan yang kedua ini juga ditolak. Surat Kementerian Dalam Negeri bertarikh 27 April 1987 tidak memberikan apa-apa sebab.³¹ Dalam satu kenyataan, Aliran mempertikaikan kenapa permohonannya ditolak sedangkan badan-badan lain seperti PSRM, DAP, dan PAS telah diberi permit untuk menerbitkan penerbitan bahasa Malaysia.³² Presiden Aliran Dr. Chandra Muzaffar berkata penolakan itu adalah tidak adil kerana ia bercanggah dengan kebebasan bersuara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia. Penolakan itu juga mempersendakan dakwaan kerajaan bahawa ia bersikap cukup liberal dalam dasar pelesenan yang berkaitan dengan akhbar dan majalah.³³

Oleh kerana tidak puas hati dengan dua penolakan kepada permohonannya dan rayuan yang dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong tidak berjawab, Aliran mengemukakan kesnya ke Mahkamah. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 senyap mengenai rayuan ke Mahkamah. Pada 10 Jun 1987, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Aliran untuk memohon mengetepikan keputusan Menteri Dalam Negeri itu. Permohonan yang dibuat di hadapan Hakim Harun Hashim tidak dibantah oleh Peguam Kanan Persekutuan P. M. Mahaligam. Perbicaraan ditetapkan pada 15 Julai 1987. Aliran mengemukakan dua permohonan iaitu untuk perintah *certiorari* bagi mengeneipkan keputusan bertulis Menteri bertarikh 27 April 1987 menolak permohonan permit itu, dan perintah *mandamus* yang memerlukan Menteri mendengar dan menentukan dalam masa 30 hari permohonan Aliran untuk permit itu. Aliran berkata Menteri telah gagal melaksanakan budi bicara yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu untuk memberikan permit penerbitan kepada seseorang kerana beliau gagal atau tidak memberi pertimbangan kepada beberapa perkara yang diperlukan olehnya.³⁴

Sebagaimana yang dilaporkan oleh *The Star*, sebab-sebab yang dikemukakan oleh Aliran kepada mahkamah adalah seperti berikut:³⁵

- Bahawa dalam menolak permohonan itu Aliran telah dinafikan hak perlembagaannya untuk bersuara dan menyatakan pendapat;
- Bahawa Aliran tidak pernah melanggar undang-undang atau syarat permit yang diberikan kepadanya untuk mencetak dan menerbitkan majalah Inggerisnya *Aliran Monthly*;
- Bahawa Aliran adalah sebuah pertubuhan yang didaftar secara sah di bawah Akta Pertubuhan, 1966, dan bertanggungjawab serta mematuhi undang-undang dan ditubuhkan dengan tujuan untuk menjunjung Perlembagaan Persekutuan dan berdedikasi untuk mencapai keadilan, kebebasan, dan perpaduan;

- Bahawa sejak pendaftarannya pada 25 Januari 1977 Aliran tidak pernah melanggar dan tidak pernah dituduh atas sebarang jenayah;
- Bahawa Menteri gagal untuk bertindak menurut Artikel 152 Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 iaitu Aliran dibenarkan untuk menerbitkan dalam bahasa Inggeris dan tidak dalam bahasa Malaysia walaupun bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi; dan
- Bahawa penolakan itu mempunyai kesan pilih kasih kepada Aliran iaitu bercanggah dengan Artikel 8 Perlembagaan kerana persatuan-persatuan yang sama dan parti politik seperti UMNO, PAS, DAP, dan PSRM diberikan permit di bawah seksyen 6 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan untuk mencetak dan menerbitkan dalam bahasa Malaysia.

Aliran juga berkata bahawa ia telah dinafikan keadilan asasi kerana ia tidak diberi peluang untuk didengar atau dirundingi sebelum Menteri memutuskan untuk menolak permohonannya. Ia berkata Menteri bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk mematuhi undang-undang keadilan asasi. Sebagai pilihan, Aliran berkata Menteri telah gagal untuk bertindak secara adil dalam melaksanakan budi bicaranya apabila ia diperlukan berbuat demikian.

Pada 2 September 1987, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Aliran untuk perintah *certiorari* bagi mengetepikan keputusan Menteri menolak permohonan Aliran untuk mendapatkan permit penerbitan. Hakim Harun Hashim juga membenarkan perintah *mandamus* memerlukan Menteri mendengar dan menentukan, dalam masa 30 hari daripada perintah mahkamah, permohonan Aliran untuk mendapatkan permit itu. Hakim Harun Hashim dalam penghakiman lisannya berkata sesuatu permohonan permit untuk menerbitkan akhbar patut diberikan "sebagai satu perkara biasa". Katanya sikap yang sepatutnya ialah "sesiapa yang menerbit mestilah menanggung akibatnya" kerana ada undang-undang untuk menghukum jika kesalahan dilakukan, seperti Akta Hasutan dan Kanun Jenayah. Menteri Dalam Negeri boleh juga menggantung atau membatalkan permit penerbitan dan mengenakan syarat. Hakim berkata tiada alasan yang sah diberikan untuk menolak permohonan permit itu. Hakim berkata Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid Megat Ayub dalam menolak permohonan itu tidak berkata penerbitan *Seruan Aliran* adalah bertentangan dengan kepentingan awam. Ini mungkin menjadi faktor paling penting untuk menolak permohonan itu. Mengenai dakwaan Dato' Megat Junid dalam afidavitnya yang permit *Aliran Monthly* sekarang tidak menghalang penerbitan sepenuhnya dalam bahasa Malaysia, Hakim Harun berkata itu bukanlah satu alasan yang baik. Peguambela T. Thomas

mengemukakan bahawa di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, tidak ada sekatan dari segi jumlah permit yang boleh dimiliki oleh seseorang atau sesebuah badan. Thomas berkata Aliran telah dinafikan keadilan asasi kerana ia tidak diberi peluang untuk didengari atau dirundingi sebelum permohonan ditolak. Dalam afidavitnya Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar berkata persatuan itu memerlukan dua permit kerana ia berharap untuk meningkatkan kesedaran sosial di kalangan masyarakat yang bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Pada pandangan Aliran kedua-dua permit itu akan menolong dalam membentuk sebuah masyarakat yang lebih komited kepada integrasi nasional, demokrasi, dan keadilan sosial.³⁶

Pada 4 September 1987, Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid Megat Ayub ketika mengulas pembatalan keputusan Menteri oleh Mahkamah Tinggi itu berkata Kementerian Dalam Negeri akan merayu kepada Mahkamah Agung. Megat Junid berkata beliau penuh percaya apa juga keputusan Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan permohonan Aliran adalah selaras dengan undang-undang. Artikel 6 memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan permit penerbitan, menggantung atau mengenakan syarat pemberian permit. Artikel 12 menyatakan bahawa Menteri mempunyai budi bicara mutlak untuk tidak memberi sesuatu permohonan atau untuk membaharainya.³⁷

Kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid:

Apakah perlunya Akta itu memerlukan sesuatu permohonan mengisi borang, menghantar kepada Kementerian, dan polis pula menjalankan penyiasatan dan akhir sekali, membawa fail itu kepada saya untuk ditandatangani? Semua ini adalah menghabiskan masa, tenaga dan wang ringgit, katanya. Dato' Megat Junid berkata semua ini terpaksa diikuti kerana undang-undang, yang diluluskan oleh Parlimen menggariskan prosedur yang perlu. Jika mahkamah hendak menukar undang-undang, ia terpaksa pergi ke Parlimen. Mahkamah tidak boleh menukar undang-undang.³⁸

Kementerian Dalam Negeri telah mengemukakan rayuan di Mahkamah Agung pada 28 Ogos 1989. Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Omar, Hakim Mahkamah Agung Datuk Mohamad Yusof Mohd, dan Datuk Ajaib Singh menanggungkan keputusan. Peguam Kanan Persekutuan K. N. Segara mewakili Menteri dalam Negeri dan C. V. Das mewakili Aliran. Segara berkata keputusan Hakim Mahkamah Tinggi seolah-olah merampas kuasa yang ada pada Menteri Dalam Negeri untuk menguatkuasakan keputusannya.³⁹ Segara berkata Menteri Dalam Negeri

mempunyai budi bicara mutlak untuk memutuskan mengenai permohonan itu dan apa yang difikirkan terbaik sambil menambah "budi bicara itu tidak tertakluk kepada semakan mahkamah."⁴⁰ Bagaimanapun, Das pula berkata di bawah undang-undang keputusan Menteri adalah "tertakluk kepada semakan mahkamah."⁴¹

Mahkamah Agung memberikan keputusannya pada 4 Januari 1990. Ia mengekalkan keputusan Menteri Dalam Negeri menolak permohonan Aliran untuk mendapatkan permit mencetak dan menerbit majalah cadangannya *Seruan Aliran*. Dalam penghakiman sepanjang 22 muka yang ditulis oleh Hakim Ajaib Singh, mahkamah membenarkan dengan kos rayuan Menteri dan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang diberikan pada 2 September 1987. "Sebab-sebab yang diberikan oleh Hakim membatalkan keputusan Menteri Dalam Negeri adalah agak umum dan tidak cukup kuat untuk mewajarkan gangguan dengan budi bicara Menteri," kata Hakim Ajaib Singh. Mahkamah Agung berkata, Mahkamah Tinggi boleh mencelah dan mengetepikan sesuatu keputusan pentadbiran yang dibuat oleh Menteri dalam melaksanakan budi bicaranya jika ia dapat ditunjukkan hingga memuaskan mahkamah bahawa Menteri telah bertindak tanpa sebarang autoriti dan telah bertindak *ultra vires* autoritinya. Juga jika beliau telah bertindak dengan niat tidak baik atau bercanggah dengan peraturan keadilan asasi atau dengan sebarang unsur prasangka terhadap orang yang terjejas dengan keputusannya. Mahkamah Agung berkata, di bawah Seksyen 12(2) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi Menteri "budi bicara mutlak untuk menolak sesuatu permohonan untuk sesuatu lesen atau permit."⁴² Jadi melainkan ia boleh ditunjukkan dengan jelas bahawa Menteri Dalam Negeri dalam sebarang cara melaksanakan budi bicaranya secara salah, tidak adil, tidak jujur, atau dengan niat tidak baik, Mahkamah Tinggi tidak boleh mempersoalkan budi bicara Menteri Dalam Negeri.⁴³ Menteri Dalam Negeri tidak diperlukan memanggil Aliran atau mendengar representasinya sebelum membuat keputusan.⁴⁴

Pada 15 Mac 1990, Dato' Megat Junid berkata kerajaan hanya akan membenarkan Aliran menerbitkan kandungan makalahnya dalam bahasa Malaysia jika penerbitan tersebut mengandungi 75 peratus terjemahan kandungan asal bahasa Inggeris dari makalah yang sama. Dato' Megat Junid memberitahu Dewan Rakyat tindakan Kementerian tersebut bukanlah luar biasa kerana syarat-syarat yang sama juga dikenakan ke atas Utusan Melayu (M) Berhad yang memohon permit akhbar bahasa Inggeris. Menurutnya pihak beliau telah mensyaratkan jika Utusan Melayu ingin menerbitkan kandungan bahasa Inggeris, ia hendaklah juga merupakan 75 peratus dari kandungan asalnya dalam bahasa

Malaysia.⁴⁵ Dato' Megat Junid berkata demikian bagi menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) dan soalan tambahan P. Pato semasa sesi soal jawab. Katanya Aliran bagaimanapun telah diberikan permit dwi-bahasa sejak tahun 1980 dan pertubuhan tersebut boleh menggunakan permit berkenaan untuk menerbitkan kandungan bahasa Malaysia dalam makalah yang sama mengikut syarat-syarat 75 peratus seperti yang dijelaskan. Datuk Megat Junid berkata Kementerian Dalam Negeri bersedia menimbang rayuan baru dari Aliran untuk mendapatkan permit untuk menerbitkan *Aliran Monthly* dalam bahasa Malaysia dan ia akan dipertimbangkan atas meritnya sendiri.⁴⁶ Pada 17 Mac 1990, Aliran berkata ia akan mengemukakan satu permohonan baru untuk menerbitkan sebuah majalah bulanan dalam bahasa Malaysia. Setiausahanya Dr. Ariffin Omar berkata langkah itu diambil sebagai menyambut kenyataan Dato' Megat Junid bahawa Kementerian itu bersedia untuk menimbang permohonan baru untuk permit bulanan Aliran dalam bahasa Malaysia. Sambil itu Dr. Ariffin menjelaskan adalah tidak benar Aliran dibenarkan 75 peratus kandungan *Aliran Monthly* dalam bahasa Malaysia. Katanya *Aliran Monthly* adalah sebuah majalah berbahasa Inggeris untuk khalayak bahasa Inggeris.⁴⁷

Pada 21 Disember 1990 Aliran mengumumkan ia telah diberi permit untuk menerbitkan sebuah majalah bulanan dalam bahasa Malaysia. Presidennya Dr. Chandra Muzaffar berkata majalah itu akan dikenali sebagai *Majalah Aliran* dan berharap majalah itu akan terbit minggu ketiga bulan Februari 1991. *Majalah Aliran* akan berusaha membina kesedaran sosial di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan kebebasan, keadilan dan perpaduan. "*Majalah Aliran* akan bersifat bebas dan tidak memihak tetapi komited kuat untuk ke arah kebenaran," katanya.⁴⁸

Kes Aliran ini telah memberi kesan terhadap undang-undang mesin cetak dan penerbitan. Selepas keputusan Mahkamah Tinggi yang mengetepikan keputusan Menteri menolak permohonan permit oleh Aliran, kerajaan telah meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di Parlimen pada 3 dan 4 Disember 1987. Perkara ini dibincangkan dengan lebih mendalam selepas ini yang melihat perbahasan Parlimen Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (pindaan) 1987.

Catatan

1. J.P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors., [1987] 1 MLJ 134-138; [1986] 2 CLJ 409-418.
2. Persatuan Aliran Kesedaran Negara v. Minister of Home Affairs, [1988] 1 MLJ 440-442.
3. J.P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors., [1987] 1 MLJ 134.
4. Minister of Home Affairs v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara, [1990] 1 MLJ 351-356.
5. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 (Akta A684), Seksyen 13A.
6. Chan Tham Seng, The Suspension of Asian Wall Street Journal: 5-11 *Malaysian Journalism Review*, July-Sept. 1986, 5.
7. Ibid., 6
8. Ibid., 7
9. Ibid., 9.
10. Chan Tham Seng, The Suspension of Asian Wall Street Journal: 5-11 *Malaysian Journalism Review*, July-Sept. 1986, 5.
11. Ibid., 7.
12. Ibid., 7
13. Ibid., 7.
14. Ibid., 11.
15. J.P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors. [1987] 1 MLJ 134.
16. Decision to cancel journalist's work permit quashed, *New Straits Times*, 4 Nov. 1986; [1987] 1 MLJ 135.
17. Decision to cancel journalist's work permit quashed, *New Straits Times*, 4 Nov. 1986.
18. The perils of blind reference to authority, *The Star*, 23 Nov. 1986.
19. J.P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors., [1987] 1 MLJ 135.
20. Ibid.
21. Government admit journalist's expulsion was unlawful, *The Star*, 8 Nov. 1986.
22. Ibid.
23. Ibid.
24. Government lifts ban on Journal, *New Straits Times*, 14 Nov. 1986.
25. Permit AWSJ: Kerajaan hormati keputusan mahkamah - Megat Junid, *Utusan Malaysia*, 14 Nov. 1986.
26. Wall Street Journal puji sistem perundangan Malaysia, *Utusan Malaysia*, 26 Nov. 1986.
27. Expulsion move hasty, *The Star*, 4 Disember 1986.
28. Ahmad A. Talib, Journal's coverage set to improve, *The New Straits Times*, 3 Okt. 1988.
29. Aliran, *Issues of the Mahathir years*, Aliran, Pulau Pinang, 1988, 101.
30. Ibid., 101.

31. Ministry says no to Aliran again, *The Sunday Star*, 10 Mei 1987.
32. Ibid.
33. Ministry rejects Aliran's application, *New Sunday Times*, 10 Mei 1987.
34. Leave for Aliran to quash Minister's decision, *The Star*, 11 Jun 1987. [1988] 1 MLJ 440.
35. Leave for Aliran to quash Minister's decision, *The Star*, 11 Jun 1987. Lihat juga *Minister of Home Affairs v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara* [1990] 1 MLJ 351, 352.
36. Judge: Grant publishing permit automatically, *The Star*, 3 Sept. 1987.
37. Aliran Case: Ministry to appeal, *The Star*, 5 Sept 1987.
38. Aliran Case: Ministry to appeal, *The Star*, 5 Sept 1987.
39. Mahkamah Agung tangguh keputusan, *Berita Harian*, 29 Ogos 1989.
40. Court reserves judgement on Minister's appeal in Aliran case, *The Star*, 29 Ogos 1989.
41. Ibid.
42. *Minister of Home Affairs v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara* [1990] 1 MLJ 351
43. *Minister of Home Affairs v. Persatuan Aliran Kesedaran Negara* [1990] 1 MLJ 356.
44. Aliran's bid for Bahasa magazine fails, *New Straits Times*, 5 Jan. 1990.
45. Aliran dibenar dikeluarkan risalah bahasa Malaysia dengan syarat, *Utusan Malaysia*, 16 Mac 1990.
46. Aliran can still appeal anew, *New Straits Times*, 16 Mac 1990.
47. Aliran to apply again, *New Sunday Times*, 18 Mac 1990.
48. Aliran gets permit for magazine in Bahasa, *New Straits Times*, 22 Dis. 1990. Majalah Aliran diterbitkan hingga akhir 1993. Menurut *Malaysian Business*, Jan. 1 1994, Majalah Aliran ditutup kerana kurang mendapat sambutan.

BAB 23

Kehakiman Di Parlimen

Pindaan Undang-undang Mesin Cetak

Kuasa eksekutif, perundangan, dan kehakiman bertembung pada 3 dan 4 Disember 1987 di Parlimen Malaysia. Kuasa eksekutif bertemu kuasa perundangan untuk berbincang bagi menjelaskan bidang kuasa kehakiman. Isunya ialah kehakiman menggunakan undang-undang tidak bertulis ketika perbicaraan dan ini menyukarkan kerajaan dalam pemerintahan. Eksekutif mahu Mahkamah menggunakan undang-undang bertulis sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen kerana ia jelas dan pasti. Wadahnya ialah Rang Undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.¹ Sebahagian besar daripada anggota Parlimen terdiri daripada penyokong kerajaan. Eksekutif menghujah tentang kebaikan undang-undang bertulis dan keburukan undang-undang tidak bertulis. Pembangkang menentang rang undang-undang yang diminta dipinda tetapi akhirnya apabila diundi eksekutif telah menang. Bidang kuasa kehakiman dibendung, iaitu keputusan Menteri tidak boleh dicabar di mahkamah.² Begitulah gambaran yang berlaku tentang perbahasan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Pindaan Akta itu dikemukakan di Parlimen berikutan dua kes mahkamah iaitu kes pembatalan permit kerja John Berthelsen dan kes penolakan permohonan Aliran untuk mendapat permit penerbitan dalam bahasa Malaysia. Kedua-dua kes ini merupakan pendorong utama kepada pindaan itu. Dalam

perbicaraan mahkamah, Berthelsen dan Aliran menggunakan hujah dari segi keadilan asasi, iaitu pihak berkuasa patut memberi pendengaran kepada pihak terbabit sebelum membuat keputusan. Keadilan asasi, *English Common Law* dan semakan kehakiman ketiga-tiganya tergolong dalam undang-undang tidak bertulis diujahkan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, sebagai tidak sesuai untuk negara ini.

Dr. Mahathir menghuraikan dengan panjang lebar kenapa undang-undang bertulis yang diluluskan oleh Parlimen sesuai dan patut digunakan oleh mahkamah. Pandangan ini mencorakkan pindaan yang dibuat kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Antara pindaan terpenting kepada Akta itu ialah keputusan Menteri untuk menolak permohonan, membatalkan, dan menggantung lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dicabar di Mahkamah. Peluang pendengaran juga tidak diberi.

Dr. Mahathir, juga Menteri Dalam Negeri sendiri membentangkan Rang Undang-undang itu, memberitahu Parlimen bahawa pada amnya peruntukan dalam Akta itu dapat mencapai tujuannya.³ Bagaimanapun berdasarkan pengalaman pihak yang melaksanakan Akta ini dan perkembangan semasa, maka Kerajaan berpendapat beberapa seksyen dalam akta itu patut dipinda.⁴ Dalam pembentangan rang undang-undang itu Dr. Mahathir telah memberi tumpuan kepada undang-undang bertulis dan tidak bertulis.

Undang-undang Tidak Bertulis menentang Undang-undang Bertulis

Dr. Mahathir menegaskan bahawa pindaan Rang Undang-undang itu dibuat kerana kecenderungan sesetengah pihak menggunakan undang-undang yang tidak bertulis, seperti *English Common Law*, keadilan asasi, dan semakan kehakiman untuk menghalang fungsi kerajaan.⁵ Beliau menegaskan pentingnya kuasa-kuasa kerajaan dijelaskan dalam undang-undang bertulis. Walaupun Dr. Mahathir tidak menyebut di Parlimen, adalah jelas yang menyebabkan Akta itu dipinda ialah kerana kes Berthelsen dan kes Aliran. Dalam kes Berthelsen melawan Ketua Pengarah Imigresen, Mahkamah Agung membenarkan permohonan Berthelsen bagi mengetepikan keputusan Menteri terhadap pembatalan permit kerjanya atas alasan keadilan asasi dinafikan. Dalam penghakimannya, Mahkamah Agung berkata Berthelsen patut diberi pendengaran tentang kesulitan yang timbul daripada pembatalan permit kerja itu, dan selepas Ketua Pengarah Imigresen mempertimbangkan representasi

perayu, keperluan keadilan asasi telah dipenuhi.⁶ Dalam kes Aliran, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Aliran yang antara lainnya menyebut bahawa ia telah dinafikan keadilan asasi sebelum permohonannya ditolak.⁷ Dr. Mahathir berkata adalah sukar bagi kerajaan untuk menerima undang-undang yang tidak bertulis kerana kerajaan tidak mungkin tahu apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat.⁸

Dr. Mahathir kemudian menghuraikan proses sesuatu undang-undang dibuat, suatu proses yang telah ditentukan mengikut undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan. Proses itu melalui Jabatan Peguam Negara, Jemaah Menteri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di Dewan Rakyat, bukanlah satu perkara mustahil bagi pihak kerajaan menerima pandangan-pandangan ahli-ahli Dewan Rakyat, sama ada dari parti Pembangkang atau parti kerajaan, dan membuat pindaan mengikut pandangan-pandangan itu. Bahkan adakalanya pihak kerajaan menarik balik Rang Undang-undang yang dicadangkan. Selepas Dewan Negara, Rang Undang-undang tersebut dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangani.

Demikianlah proses membuat undang-undang di negara yang demokratik ini, kata Dr. Mahathir. Prosesnya tidak mudah. Undang-undang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya, dengan sesuka hati satu atau dua orang, atau dengan sesuka hati wakil-wakil rakyat yang dipilih. Tidak mudah bagi kerajaan membuat undang-undang. Tapisan demi tapisan, kajian demi kajian terpaksa dilakukan sebelum sesuatu rang undang-undang diterima sebagai undang-undang negara yang sah. Kerap kali rang undang-undang atau pindaan mengambil beberapa bulan atau tahun sebelum diluluskan.⁹

Kata Perdana Menteri Dr. Mahathir:

Jika undang-undang yang digubal dan disahkan dengan begitu payah diketepikan dengan begitu sahaja, apakah gunanya kita membuat undang-undang? Apa gunanya kita bersusah-payah memilih "legislators" atau pembuat undang-undang? Apa gunanya kita mengadakan Dewan Rakyat dan Dewan Negara? Apa gunanya kita bermesyuarat, berbincang, bertukar fikiran seperti yang ditegaskan dalam doa Dewan-Dewan ini?

Sebaliknya, kata Dr. Mahathir, ada pihak berkata bahawa tujuan sesuatu undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat tidak ada kena-mengena dengan penguatkuasaan undang-undang itu. Pihak yang mentafsir undang-undang tidak perlu sama sekali menimbangkan sebab-sebabnya undang-undang digubal. Menurut Dr. Mahathir, kata pakar undang-undang ini, yang perlu ialah pentafsir undang-undang mentafsirkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam undang-

undang. Perkataan itu adalah lebih penting daripada niat, walaupun jelas ada tujuan-tujuan tertentu yang mendorong pembentukan undang-undang itu.¹⁰

Tegas Dr. Mahathir Mohamad lagi:

Malangnya, apabila perkataan yang digunakan begitu jelas sehingga tidak mungkin disalah-tafsir, pentafsir menggantikan undang-undang ini dengan undang-undang tidak bertulis yang begitu umum sehingga boleh ditafsirkan mengikut sesuka hati pentafsir dalam kes-kes tertentu. Kadang-kadang tafsiran yang bertentangan digunakan dalam satu kes, berbanding dengan satu kes yang lain. Maka dengan itu pihak Kerajaan tidak akan mengetahui sama ada Kerajaan bertindak mengikut undang-undang ataupun tidak. Apa sahaja keputusan Kerajaan boleh dicabar oleh sesiapa sahaja dan ditolak dengan sewenang-wenangnya. Undang-undang yang tidak bertulis yang dimaksudkan ialah English Common Law, natural justice, judicial review dan sebagainya.

Dr. Mahathir kemudian menghuraikan mengenai *Common Law*. Beliau merujuk Profesor R. H. Hickling, seorang pensyarah undang-undang yang mahir dengan undang-undang di Malaysia, yang mengatakan *English Common Law* berasal dari adat resam dan falsafah orang Inggeris. Kata Dr. Mahathir, dalam konsep British, yang berasaskan kepada pertandingan sukan kegemaran mereka, setiap masalah ada dua pihak; iaitu pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa. Untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka ia diperlukan seorang pengadil dan keputusan pengadil adalah muktamad dan tidak boleh disoal ataupun dicabar. Katanya, sekali pandang cara ini amat sesuai untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Tetapi apa akan terjadi jika pengadil tersalah atau jelas ia berat sebelah? Dalam sukan, rayuan boleh dibuat kepada badan lain seperti lembaga yang dianggotai bukan semata-mata oleh pengadil-pengadil tetapi juga oleh beberapa pihak lain. Kemungkinan pengadilan yang berat sebelah berlaku dapat dikurangkan dengan cara ini.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, yang menjadi masalah ialah dalam undang-undang yang tidak bertulis orang yang didakwa tidak mungkin tahu apa yang ada dalam pemikiran pengadil. Jika pengadil membuat rujukan kepada kes-kes terdahulu di Britain atau lain-lain negara, yang didakwa tidak mungkin tahu yang mana satu kes yang akan menjadi punca rujukan. Asas kepada kes-kes yang terdahulu tidak selalunya sama. Dengan demikian maka pihak yang perlu bertindak, terutama kerajaan dalam menjalankan tugas-tugasnya, tidak mungkin tahu apakah asas yang akan mempengaruhi pihak pengadil. Amat sukar bagi sesuatu kerajaan menjalankan tugasnya jika ia tidak tahu di bawah undang-undang apa yang ia bertindak, tidak tahu ia bersalah ataupun tidak.

Semuanya bergantung kepada pengadil berkenaan, lain pengadil mungkin lain pula tafsirannya yang dibuat bagi undang-undang yang tidak bertulis ini.

Walaupun Dr. Mahathir tidak menyebutnya, tetapi dalam kes Berthelsen melawan Ketua Pengarah Imigresen, perkara yang dinyatakannya berlaku. Peguam Kanan Persekutuan, T. Selventhiranathan yang mewakili kerajaan telah diminta oleh Mahkamah Agung memberitahunya sama ada perayu (Berthelsen) patut diberi peluang pendengaran sebelum permit kerjanya dibatalkan. Dalam keputusan bertulisnya Mahkamah Agung menyebut bahawa Selventhiranathan tidak dapat memberi jawapan berkesan, sekadar merujuk satu kes, tetapi kes itu memberi peluang pendengaran, dan apabila perkara ini diberitahu kepadanya, beliau tidak dapat menghujah lebih lanjut lalu berkata beliau tidak ada apa-apa untuk ditambah.¹¹

Selanjutnya Dr. Mahathir menambah demikian juga dengan undang-undang lain yang tidak bertulis keadilan asasi boleh ditafsir dengan bermacam-macam tafsiran mengikut budi bicara pengadil yang terlibat. Di zaman dahulu, di Britain seorang yang mencuri kambing boleh dihukum gantung. Sekarang pembunuh pun tidak boleh dihukum mati. Jika hendak difikir secara logik yang semula jadi, yang betul-betul keadilan asasi ialah hutang darah dibayar darah. Kita tahu pada satu masa dahulu hubungan seks sejenis dianggap salah di Britain. Tetapi sekarang liwat tidak salah jika kedua-dua pihak bersetuju. Mungkin ini dianggap kejadian lumrah sekarang. Mungkin juga dengan *Common Law Wife* yang telah menghasilkan kesedudukan di Britain sebagai perkara lumrah yang diterima oleh masyarakat. Tetapi pemikiran yang sebegini tidak dianggap *natural* di Malaysia. Dengan itu kita sepatutnya tidak menggunakan konsep keadilan asasi British ini. Ia tidak lazim bagi kita. Lebih baik kita pegang kepada undang-undang bertulis kita.¹² Perbincangan selepas ini banyak tertumpu kepada Rang Undang-undang ini.

Semakan kehakiman pula memberi kuasa yang tidak terhad kepada pentafsir undang-undang sehingga mereka boleh menidakkan pelaksanaan atau penguatkuasaan apa sahaja undang-undang. Tiada siapa yang boleh meneka apakah hasil semakan oleh seorang pengadil kerana ia bergantung kepada budi bicara orang berkenaan. Dengan diputuskan bahawa siapa saja boleh mendakwa kerajaan, maka kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat. Setiap keputusan boleh dicabar dan mungkin ditolak. Dengan itu kerajaan tidak lagi menjadi eksekutif. Pihak lain sudah mengambil alih tugas ini.

Dr. Mahathir menjelaskan undang-undang itu dipinda kerana kerajaan yang mewakili rakyat berpendapat amatlah bahaya jika pentadbiran negara ditafsirkan mengikut budi bicara dua tiga orang sahaja. Walau bagaimana bijak

sekalipun orang-orang ini, sebagai manusia biasa mereka mempunyai perasaan yang boleh mempengaruhi fikiran dan pendirian mereka. Bukanlah satu perkara yang mustahil bahawa tafsiran dibuat bukan secara terkecuali tetapi kerana nilai dan kepercayaan tertentu yang ada dan mempengaruhi pihak pentafsir tersebut. Jika undang-undang digubal dan ditafsir oleh pentafsir undang-undang, kemungkinan pertimbangan yang mirip kepada pendirian pentafsir berkenaan akan bertambah. Apabila undang-undang yang tidak bertulis digunakan maka sebenarnya pengadil membentuk undang-undangnya sendiri dan ia tentulah akan menyokong kepada undang-undangnya.

Dalam demokrasi, tegasnya, tugas diberikan kepada tiga pihak, iaitu penggubal undang-undang, pihak pelaksana undang-undang dan dasar atau eksekutif, dan pihak pengadil. Sepatutnya pihak-pihak ini melakukan sekatan dan imbangan supaya tiada siapa pun dapat melampaui batasannya. Jika penggubal undang-undang juga pelaksana dan pengadil maka sekatan dan imbangan dalam demokrasi tidak akan dapat diamalkan. Perkara ini sudah pun berlaku di Malaysia. Oleh itu kerajaan berhajat untuk mengkodifikasikan, iaitu menentukan melalui undang-undang khusus berkenaan dengan kuasa dan tugas masing-masing bagi ketiga-tiga pihak supaya mereka dapat melakukan tugas sekatan dan imbangan dengan sempurna.

Sementara itu, kata Dr. Mahathir, kerajaan berhajat untuk membuat undang-undang yang tidak boleh disalah tafsir oleh sesiapa seperti pindaan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dengan pindaan ini pengeluar dan pengimport bahan akan tahu dengan jelas apa yang baik bagi negara dan mereka dapat mengawal diri mereka. Kebebasan akhbar bukanlah mutlak. Di mana-mana juga akhbar dikawal bukan saja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Setiap pihak mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja. Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk ini. Undang-undang seperti yang dipinda hari ini bukan hanya terdapat di Malaysia tetapi juga di negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan.

Kata Dr. Mahathir, hakikat yang perlu diberikan perhatian serius ialah kestabilan dan pembangunan negara berbilang kaum ini. Jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mungkin

mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini. Inilah sahaja yang mendorong kerajaan membuat beberapa pindaan itu.

Perbahasan Umum

Seramai 13 orang ahli Parlimen, dari pembangkang dan penyokong kerajaan membahaskan Rang Undang-undang itu. Kebanyakan penyokong kerajaan melihat Rang Undang-undang pindaan itu perlu dari segi keselamatan negara, manakala pihak pembangkang melihatnya sebagai menyekat kebebasan. Seksyen 13A mendapat perhatian utama.

Pemangku Ketua Pembangkang, Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) menyifatkan Rang Undang-undang itu sebagai amat buruk dan keras dan merupakan satu tamparan hebat terhadap kebebasan dan demokrasi di negara ini. Beliau merasa tidak ada sebab munasabah untuk menjustifikasikan pindaan itu kecuali untuk memastikan penghapusan media massa yang bebas serta mengenakan kawalan dan sekatan-sekatan ke atas penyebaran maklumat. Lee berkata pindaan yang dicadangkan jelas bertujuan mewujudkan persuratkhabaran yang kecut dan takut serta menukarkan segala penerbitan dan akhbar menjadi warta kerajaan kerana pindaan akan membolehkan kerajaan memutuskan yang sepatutnya diterbitkan dan yang tidak sepatutnya diterbitkan.

Lee berkata apabila diteliti seluruh perspektif pindaan itu maka jelaslah loceng maut bagi demokrasi dan kebebasan persuratkhabaran telah dibunyikan. Pindaan itu menghapuskan saki-baki kebebasan persuratkhabaran yang wujud selama 30 tahun ini, dan menjadikan para wartawan sebagai jurusalin kerana mereka tidak boleh lagi membuat laporan penyiasatan. Katanya, pada masa ini media percetakan dan elektronik di negara ini terpaksa menghadapi pelbagai undang-undang yang tidak demokratik dan bersifat menekan seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Maka dengan pindaan ini pukulan terakhir dan maut akan dilakukan terhadap pengaliran maklumat yang sudah pun ditekan selama ini. Oleh itu DAP membantah dan mengecam sekeras-kerasnya pindaan itu dan menyeru supaya ia ditarik balik sama sekali demi kepentingan demokrasi dan kebebasan persuratkhabaran, katanya. Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin (DAP-Seremban) yang menyifatkan kebebasan akhbar negara ini sebagai satu spesi yang menghadapi kepupusan dan dengan pembatasan yang baru ini akan menjadi kebebasan semakin lenyap.

Beliau berkata penarikan permit *The Star*, *Watan*, dan *Sin Chew Jit Poh* (pada 28 Oktober 1987 berikutan Operasi Lalang) adalah untuk mengehadkan

lagi penerbitan dan percetakan komen yang sah dari orang ramai terutama berkenaan dengan penahanan ISA yang baru berlaku itu. Orang ramai hanya dibenar membaca salinan kenyataan akhbar pihak kerajaan atau ucapan-ucapan para menteri di akhbar-akhbar yang lain di negara ini. Pembatasan ke atas kebebasan akhbar dan kebebasan bercakap adalah serupa dengan keadaan yang terdapat di dalam negara-negara komunis atau diktator. Akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah tempatan akan menjadi tidak menarik dan tawar. Orang ramai lebih suka membaca bahan-bahan bacaan yang diimport. Pendengar-pendengar radio lebih suka mendengar stesen-stesen asing, seperti BBC dan Voice of America.

Keutamaan yang lebih akan diberikan kepada siaran dunia asing, yang tidak rasmi atau siaran bawah tanah. Khabar angin akan tersebar luas dan jumlah edaran berita-berita asing yang difotostat akan bertambah di negara ini. Berita-berita asing akan dihantar melalui faksimili dan rakyat negara ini akan berebut-rebut untuk membacanya, satu situasi yang sama dengan zaman pendudukan Jepun akan wujud di mana tidak siapa memberikan perhatian kepada berita rasmi tetapi lebih rela mempertaruhkan nyawa mereka untuk mendengar berita-berita dari BBC atau Voice of America. Pembatalan permit *The Star*, *Watan*, dan *Sin Chew Jit Poh* boleh dipandang sebagai satu langkah untuk menyumbat mulut akhbar dan mengehadkan kebebasan demokratik. Selanjutnya ia akan menguatkan tanggapan bahawa Malaysia sedang menuju ke arah satu negara diktator atau negara polis.

Sebaliknya, penyokong kerajaan Hashim Safin (Barisan Nasional-Tanah Merah) menyokong sepenuhnya pindaan tersebut sambil menyifatkan ia sebagai satu langkah yang bijak untuk menjamin ketenteraman awam demi mencapai matlamat negara, agama, dan bangsa.

Wakil tunggal PAS, Haji Nik Abdullah Nik Arshad (Pengkalan Chepa) mengatakan bahawa kerajaan tamak kuasa, dan terlampau berhasrat untuk mengekalkan kuasa. Dengan sebab itu kerajaan tidak cukup dengan beberapa Akta yang ada seperti ISA, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya. Tetapi dengan pindaan itu, lebih ketara nampaknya kerajaan untuk mengepung segenap ruang kebebasan rakyat supaya rakyat menjadi kaku dan beku dalam menyampaikan sesuatu pandangan khususnya tentang kesilapan kerajaan.

Haji Nik Abdullah berkata Rang Undang-undang itu adalah reaksi Kementerian Dalam Negeri terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai kes rayuan Aliran untuk mendapat hak penerbitan dalam bahasa Malaysia. Sepatutnya Rang Undang-undang itu tidak wajar dikemukakan dalam Dewan ini terutama rayuan Kementerian Dalam Negeri untuk membatalkan keputusan

Mahkamah Tinggi itu belum diselesaikan. Apa salahnya Dewan ini menangguhkan dahulu perkara ini, katanya. "Saya nampak dengan membentangkan Rang Undang-undang ini bererti bahawa mengganggu Mahkamah untuk membuat keputusan atas rayuan Kementerian Dalam Negeri itu," katanya.¹³

Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Bebas-Kangar) berkata sekarang ini sudah terdapat berbagai-bagai undang-undang di negara ini yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk mengawal semua bentuk penerbitan. Di antaranya ialah Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Dr. Abdul Hadi Derani (Barisan Nasional-Kota Setar) berkata beliau tidak tahu di mana kerasnya peruntukan undang-undang yang bertujuan untuk menjaga kestabilan negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Katanya kerajaan perlukan tindakan dan kuasa pencegahan supaya ancaman terhadap keharmonian dan kesejahteraan keseluruhan masyarakat tidak dibiarkan bermaharajalela. Apa gunanya negara ini mempunyai undang-undang percetakan yang terlalu liberal dan bebas hingga menjejaskan ketenteraman awam. Kalau kebebasan dibenarkan seluas-luasnya maka kemungkinan negara akan kucar-kacir kerana banyak pihak yang tidak bertanggungjawab sedia menangguk di air keruh untuk kepentingan masing-masing.¹⁴

Selanjutnya Dr. Abdul Hadi Derani berkata:

Kita harus ingat bahawa negara kita ini selain menghadapi ancaman politik ekstremis juga masih diancam oleh pihak komunis. Kalau pihak Kerajaan tidak berani menggubal undang-undang yang boleh mencegah hasutan-hasutan melalui percetakan maka bermaknalah Kerajaan tidak sanggup menghadapi kenyataan sebenar. Saya berpendapat bahawa kesanggupan Kerajaan sekarang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan seperti ini adalah langkah yang reslistik. Kita jangan lupa bahawa di negara ini telah berlaku detik-detik kekeliruan di kalangan masyarakat termasuk Peristiwa 13 Mei 1969 dan juga keadaan ketegangan akhir-akhir ini iaitu dalam bulan Oktober yang lalu tanpa tindakan cepat daripada pihak Kerajaan kemungkinan keadaan yang lebih buruk akan berlaku tetapi langkah-langkah yang berani dan cepat oleh Kerajaan telah dapat meredakan keadaan dan rakyat dapat hidup dalam tenteram tanpa apa-apa kekacauan. Jadinya saya tidak faham bagaimana pihak Pembangkang tidak dapat memahami bahawa tujuan sebenar Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan ini ialah untuk menjaga ketenteraman awam.

Beliau tidak faham bagaimana pihak pembangkang tidak setuju dengan langkah-langkah bagi menjaga ketenteraman awam. "Kalau pihak pembangkang tidak berniat menyebarkan berita-berita dan tulisan-tulisan yang boleh menghasut

segolongan rakyat, maka mereka tidak akan didakwa atau disabitkan di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan ini. Kalau mereka berniat berbuat demikian, maka mereka haruslah menghadapi akibatnya," katanya.¹⁵

Shahidan Kassim (BN-Arau) telah mengajukan soalan kepada penentang usul itu termasuk pemberita: "Kalau sekiranya negara ini terjadi cetusan pergaduhan perkauman, saya rasa mereka juga tidak akan berada di sana, akhbar-akhbar juga tidak akan ada seperti sekarang."¹⁶ Mengenai kedatangan pelabur-pelabur asing beliau berkata pelabur berminat membuat pelaburan di negara yang kerajaannya kuat, kerajaan yang kukuh, kerajaan yang tidak boleh dimainkan oleh mana-mana pihak. Beliau mencabar dibuktikan kenyataan pelabur akan masuk jika negara bergaduh.

Mohd. Tamrin Abdul Ghafar (BN-Batu Berendam) berkata sudah enam tahun kerajaan Barisan Nasional bersikap liberal, bukan sahaja penulis bebas menulis, bahkan banyak permit akhbar dan majalah diluluskan kepada pemohon. Tetapi malang, penulis khasnya melalui akhbar dan majalah telah menyalahgunakan kebebasan tersebut, sehinggakan negara ini seolah-olah menjadi tempat yang tidak boleh didiami oleh masyarakat ataupun rakyat lagi. Sebab itulah kita lihat ramai rakyat telah lari daripada negara ini. Berikutan pindaan itu akhbar dan majalah dalam dan luar negara akan menuduh bahawa tidak ada lagi demokrasi di negara ini, seperti apa yang pernah berlaku apabila kerajaan memperkenalkan ISA ataupun OSA. Katanya, biar apa pun tuduhan dilemparkan, "kerana kita sahajalah yang tahu apa yang perlu dilakukan di negara kita ini untuk menentukan semua rakyat di negara ini hidup aman damai."¹⁷

Mohd. Tamrin berkata dengan terlaksananya undang-undang itu kelak ramai orang akan mengatakan bahawa penulis akhbar dan majalah tidak lagi berhak atau berupaya untuk menyuarakan perkara yang perlu ditegur. "Saya rasa bukan itu niat kerajaan. Saya rasa kerajaan akan terus memberi kebebasan kepada penulis untuk menyuarakan kritikan yang membina dan bukannya kritikan yang meruntuh, bukan kritikan yang boleh menjahanamkan sistem demokrasi yang ada hari ini."¹⁸

Penghapusan Konsep Pembaharuan

Pindaan ini melibatkan Seksyen 3(5) Akta itu dengan menggugurkan perkataan "atau diperbaharui", menurut penjelasan Dr. Mahathir, untuk mengatasi kekeliruan yang timbul dengan penggunaan rangkaian kata itu. Pindaan ini

menghapuskan konsep pembaharuan lesen dan dengan pindaan ini maka ia menjelaskan bahawa tempoh sah laku sesuatu permit ialah tempoh yang dinyatakan dalam permit itu. Seseorang pemegang permit hendaklah memohon permit baharu apabila tamat tempoh sah laku permitnya.

Mengenai pindaan ini, Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) berkata perlunya sesuatu lesen diperbaharui apabila lesen yang sedia ada tamat tempohnya adalah satu alat untuk memastikan akhbar dan penerbitan-penerbitan akan berkelakuan baik dan tidak akan membuat apa-apa laporan atau rencana yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, yang sebenarnya bermakna memudaratkan kepentingan kerajaan Barisan Nasional. Kalau tidak lesen baru tidak akan dikeluarkan.

Chua Jui Meng (BN-Bakri) berkata konsep perubahan lesen dihapuskan kerana dalam kes Berthelsen melawan Ketua Pengarah Imigresen, Mahkamah Agung telah membuat satu keputusan iaitu menggunakan "satu harapan yang munasabah". Apabila tempoh lesennya sudah mati, dia akan membaharuinya atau memohon untuk memperbaharui lesennya, dan dia ada satu harapan yang munasabah lesennya dapat diperbaharui. "Kita tidak dapat membuat satu keputusan yang muktamad iaitu kuasa yang diberi kepada Menteri tidak dapat ditafsirkan sebagai muktamad, sebab penerbit majalah atau akhbar ada harapan untuk membaharuinya," katanya.¹⁹ Sebab itu konsep pembaharuan dihapuskan dan selepas pindaan ini diluluskan oleh Parlimen, tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membuat permohonan baru dan sebab itulah dengan peruntukan ini tidak ada lagi satu harapan munasabah.

Berita yang Menggemparkan Fikiran Orang Ramai

Seksyen 7(1) menambah satu lagi sebab kesalahan yang membolehkan Menteri melarang sesuatu penerbitan jika penerbitan itu mengandungi perkara-perkara yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. Ia juga memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang hasil-hasil penerbitan masa hadapan penerbit berkenaan.

Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) menyifatkan pindaan itu sebagai subjektif dan luas sehingga boleh disalahgunakan oleh pihak berkuasa. Pindaan yang dicadangkan itu mempunyai implikasi yang begitu buruk ke atas persuratkhabaran bebas memandangkan sudah wujud kawalan ketat yang dikuatkuasakan oleh kerajaan menerusi undang-undang lain ke atas media massa dan media elektronik. Sebarang pindaan lanjut hanya akan mencekik dan mencengkang media perhubungan daripada menyampaikan maklumat kepada

orang ramai. Apa yang lebih tidak boleh dijustifikasikan ialah selain daripada melarang pengeluaran yang tidak diingini, Menteri juga boleh melarang pengeluaran masa hadapan penerbitan yang berkenaan. Ini jelas dan nyata satu reaksi berlebihan di pihak kerajaan, yang jelas tidak perlu kecuali kerajaan ingin menafikan pada keseluruhannya rakyat akses terhadap apa-apa maklumat selain daripada apa yang kerajaan sedia membenarkan.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Bebas-Kangar) membaca peruntukan Seksyen 22(1) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, ketika perbahasan dan mengatakan peruntukan itu hampir sama dengan peruntukan Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Katanya, sekarang Seksyen 7 Akta itu dicadangkan dipinda dengan memasukkan beberapa perkataan seperti berikut iaitu “. . . atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. . . .” Dan di hujung Seksyen tersebut perkataan “. . . dan hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan.” Datuk Radzi bertanya apakah yang dimaksudkan dengan perkataan-perkataan “yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai?” Beliau khawatir perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang terlalu luas, yang memberi kuasa yang terlalu luas kepada Menteri untuk melarang penerbitan semata-mata ia mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. Beliau faham bahawa tujuan kerajaan memasukkan pindaan ini adalah semata-mata untuk menyekat penyiaran berita-berita yang tidak bertanggungjawab seperti yang tersiar dalam sebuah majalah luar negeri yang menuduh kononnya Perdana Menteri Malaysia adalah antara Perdana Menteri yang terkaya di dunia. “Berita palsu seperti itu bukan sahaja menggemparkan fikiran orang ramai, bahkan menimbulkan kemarahan orang ramai terhadap majalah tersebut, tetapi dengan makna yang begitu luas dalam pindaan yang dicadangkan, saya khawatir ini akan mengongkong kebebasan akhbar menyiarkan berita-berita yang benar seperti skandal BMF, skandal Koperasi yang semestinya menggemparkan fikiran orang ramai.”²⁰ Beliau berkata para pemberita akan berasa takut untuk membongkar berita yang buruk yang berlaku di kalangan pihak pentadbir demi pengetahuan dan kepentingan orang ramai. Beliau percaya bahawa pembongkaran berita yang benar akan lebih menggemparkan fikiran orang ramai daripada berita-berita yang sengaja diada-adakan.

Penyiaran Berita Palsu

Pindaan ini melibatkan pewujudan tiga Seksyen baru iaitu 8A, 8B, dan 8C. Seksyen 8A menjadikan perbuatan menyiarkan berita yang tidak benar dengan

niat jahat sebagai satu kesalahan. Di bawah peruntukan baru ini, seseorang pencetak, penerbit dan pengarang penerbitan yang berkenaan serta penulis laporan atau makalah berkenaan boleh didakwa dan jika disabit boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali. Peruntukan 8B dan 8C memberi kuasa kepada mahkamah untuk menahan dan menggantung mana-mana penerbitan dalam keadaan-keadaan tertentu.

Dr. Mahathir menjelaskan pada masa kebelakangan ini terdapat banyak laporan yang tidak benar tersiar dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah baik yang diterbitkan dalam negeri mahupun dari luar negara. Nampaknya pihak akhbar dan majalah yang terlibat tidak menghiraukan kesan siaran berita yang tidak benar ke atas pihak atau golongan yang menjadi mangsa tindakan mereka atau kesan buruk ke atas keselamatan dan ekonomi negara. Walaupun Dr. Mahathir tidak menyebutnya, tetapi akibat daripada penyiaran berita beginilah *Asian Wall Street Journal* digantung pengedarannya selama tiga bulan dan dua orang wartawannya diusir dari Malaysia pada 26 September 1986. Peruntukan baru ini adalah bertujuan menggalakkan pihak akhbar bersikap lebih bertanggungjawab.

Di bawah Seksyen 8B, mahkamah atas permohonan Pendakwaraya, boleh memerintahkan pengharaman sesuatu penerbitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan jika orang-orang yang terlibat dengan penerbitan itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan itu. Seksyen 8C pula memberi kuasa kepada mahkamah, atas permohonan Pendakwaraya, menggantung sesuatu penerbitan sementara menanti keputusan muktamad sesuatu rayuan terhadap kes kesalahan berkenaan dengan apa-apa juga yang disiarkan dalam penerbitan yang berkenaan.

Mengenai Seksyen 8A(2) Rang Undang-undang (Pindaan) itu, Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) berkata cadangan pindaan itu bukan sahaja mempunyai implikasi terhadap kebebasan persuratkhabaran tetapi juga profesion kewartawanan. Dengan lulusnya pindaan ini, laporan-laporan bersifat kreatif dan penyiasatan tidak akan wujud lagi dalam pejabat-pejabat akhbar kerana "dengan berbuat demikian mereka akan menyalahi undang-undang."²¹ Ini disebabkan penulis berita tidak akan berjaya mendapat mana-mana pegawai kerajaan atau Menteri untuk menentusahkan apa-apa skandal penyalahgunaan kuasa, amaran curang atau rasuah berkaitan dengan rencana atau berita yang ia ingin menulis. Maka yang sebenarnya ini akan membantutkan pertumbuhan kewartawanan di negara ini.

Dengan pindaan ini, katanya, tidak ada penyunting yang berani menyiarkan rencana atau laporan yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai kecuali beliau bersedia menghadapi akibatnya.

Mengenai berita tidak benar, Chua Jui Meng (BN-Bakri) berkata pindaan itu wajar diperuntukkan. Beliau memberi beberapa contoh. Yang pertama, apabila Menteri Buruh, Datuk Lee Kim Sai, mengulas mengenai penyelewengan dalam pelaksanaan DEB, Datuk Lee telah dilaporkan sebagai membangkang DEB; kedua, mengenai pertukaran guru-guru ke sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Datuk Lee telah dilaporkan sebagai menyeru supaya Menteri Pendidikan disingkirkan dari kabinet, kenyataan demikian tidak pernah disebutkan oleh Menteri itu, dan beliau yang hadir dalam upacara berkenaan tidak mendengar Menteri menyebutnya; ketiga, ada sebuah akhbar menyebut dalam tajuk berita "MCA hendak mengutamakan bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan". Tetapi tidak ada sesiapa jua pemimpin dalam parti MCA yang menyebutkan dia hendak mengutamakan bahasa Tionghua atau bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan. Sebab itulah wajar ada satu peruntukan demikian "sebab berita tidak benar boleh menimbulkan kegentingan dalam negara kita".²²

Menteri Ganti Pegawai untuk Menolak Import Penerbitan

Pindaan dibuat kepada Seksyen 9(1) menyebut Menteri diberi kuasa menolak pengimportan ataupun menahan penghantar serahan atau mengembalikan kepada pengirim mana-mana penerbitan yang tidak diingini atas sebab-sebab yang ternyata. Di bawah peruntukan lama kuasa diberi kepada pegawai kanan berkuasa. Bagaimanapun, bagi membolehkan penerbitan yang tidak diingini ditahan untuk dikaji dan dikemukakan bagi keputusan Menteri, Seksyen 9A baru diwujudkan yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menahan penghantar—serahan sesuatu hasil penerbitan yang tidak diingini sementara menunggu keputusan Menteri.

Mengenai pindaan ini, Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) berkata pindaan ini jelaslah bertujuan mencegah kemasukan ke dalam negeri apa-apa hasil penerbitan yang memuatkan apa-apa rencana atau berita yang memudaratkan kepentingan awam, walaupun rencana-rencana dan laporan-laporan itu mengandungi kebenaran. "Pindaan ini sebenarnya bermakna bahawa pada masa akan datang mana-mana penerbitan seperti *Asiaweek*, *Far Eastern Economic Review*, *Newsweek*, *Time*, *Asian Wall Street Journal* dan penerbitan-penerbitan

lain tidak akan dibenarkan masuk ke dalam negara ini sekiranya ia menyiarkan apa-apa rencana atau laporan-laporan yang tidak baik kepada kerajaan, walaupun rencana atau laporan tersebut memuatkan apa yang benar. Dengan berbuat demikian, kerajaan ingin memastikan dua kali bahawa rakyat Malaysia dinafikan hak membawa masuk apa-apa laporan yang tidak baik kepada kerajaan bukan saja dalam media masa tempatan tetapi juga dalam hasil penerbitan asing," kata Lee.²³

Mengenai kenyataan Perdana Menteri terdapat banyak penerbitan asing yang sentiasa melaporkan berita-berita yang palsu mengenai kerajaan, Lee berkata bahawa sekiranya perkara ini benar dan sekiranya terdapat apa-apa laporan palsu dalam penerbitan berkenaan, maka kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka dan tidak perlu membuat pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan untuk menahan pengimportan penerbitan-penerbitan asing itu.

Keputusan Menteri Tidak Boleh Dicabar di Mahkamah

Pindaan ini melibatkan pewujudan dua Seksyen baru iaitu 13A dan 13B. Seksyen 13A memperuntukkan bahawa keputusan Menteri menolak permohonan, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana Mahkamah. Seksyen 13B menjelaskan bahawa peluang untuk didengar tidak akan diberi kepada sesiapa pun berkenaan dengan permohonannya mendapatkan lesen atau permit atau berhubung dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

Dr. Mahathir menjelaskan kuasa muktamad diberi kepada Menteri kerana kerap kali maklumat yang diberi kepadanya jika didedahkan kepada orang ramai akan menyebabkan kesan buruk kepada keselamatan dan kepentingan negara. Jika kes-kes seperti ini dibicarakan secara terbuka tidak dapat tidak mahkamah akan menjadi gelanggang politik. "Jika Menteri menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya, rakyat akan menentukan tindakan terhadapnya melalui saluran demokrasi yang diamalkan dalam negara ini," katanya.²⁴

Bagi Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang) pindaan 13A dan 13B amat tidak demokratik dan keras. Lee berkata cadangan pindaan ini dengan jelas memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri Dalam Negeri. Sekiranya pindaan ini diluluskan, beliau akan menjadi pendakwa, hakim, juri, dan pelaksana kerana

beliau dan beliau sahajalah boleh membuat keputusan ke atas nasib semua penerbitan di mana tiada ruang untuk menuntut keadilan. Tidak ada jalan di mana bagi seseorang penerbit untuk merayu terhadap keputusan Menteri atau diberi peluang untuk didengar kerana kuasa mutlak terletak pada Menteri Dalam Negeri untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara berkaitan dengan pemberian atau pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen atau permit bagi semua penerbitan.

Katanya, pindaan ini jelaslah ditujukan terhadap pertubuhan seperti Aliran yang mana permohonannya telah ditolak oleh Menteri Dalam Negeri. Aliran telah merayu kepada Mahkamah Tinggi dan Hakim Harun Hashim dalam satu keputusan bersejarah memerintah Menteri berkenaan memberikan permit tersebut kepada Aliran.

Datuk Radzi Shekih Ahmad (Bebas-Kangar), yang pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri berkata pindaan itu jelas satu usaha untuk mengurangkan kuasa Mahkamah. "Walaupun diperakui bahawa Parlimen berkuasa menggubal sesuatu undang-undang untuk mengurangkan kuasa pihak mahkamah dalam perkara ini, saya khuatir kuasa yang diberi kepada Menteri akan juga mengurangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Saya merayu agar pihak Kerajaan memikir semula tentang kemasukan Seksyen baru 13A dan 13B."²⁵

Bujang Ulis (Bebas-Simunjan) berkata jika kuasa Menteri di bawah Seksyen 13A muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mahkamah, maka sistem demokrasi negara ini terjejas kerana pengasingan kuasa terancam. "Kita menerima hakikat bahawa dalam sistem kita, kita ada badan perundangan, eksekutif dan badan kehakiman. Jadi sekiranya apa yang kita hendak luluskan mengandungi 13A, maka kita hanya mengambil kira eksekutif dengan badan perundangan dan melupakan badan kehakiman," katanya.²⁶

Dr. Goh Cheng Teik (BN-Nibong Tebal) meminta Menteri menimbang semula Seksyen baru 13A. "Menteri telah mengatakan bahawa demokrasi kita beralaskan kepada sistem pembahagian kuasa. Mengikut falsafah pembahagian kuasa ini tiap-tiap cawangan pemerintah mengadakan peranan masing-masing. Cawangan badan perundangan menggubal undang-undang, cawangan eksekutif menguatkuasakan undang-undang, cawangan kehakiman bertanggungjawab menyemak undang-undang yang digubal oleh cawangan badan perundangan untuk menentukan bahawa ia betul-betul secocok dengan Perlembagaan kita dan juga menyemak penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh cawangan eksekutif ini untuk menentukan bahawa ia secocok dengan undang-undang kita."²⁷ Beliau berkata cara yang lebih berkesan untuk mengatasi penyelewengan di cawangan kehakiman ialah dengan menukar hakim yang

menyeleweng mengikut prosedur yang ditetapkan, bukan mengehadkan skop cawangan kehakiman untuk menjalankan tugas penyemakan kehakimannya.

Chua Jui Meng (BN-Bakri) menyebut peribahasa di bidang undang-undang iaitu “undang-undang ialah loteri” yang bererti “ada masa kita tidak dapat menetapkan siapa yang menang atau siapa yang kalah.”²⁸ Chua berkata, dalam mentafsirkan sesuatu peruntukan undang-undang, seorang hakim mungkin membuat satu tafsiran dan seorang hakim lain membuat tafsiran yang lain. Beliau bersetuju dengan pindaan undang-undang itu. Menurut Chua matlamat pindaan itu bukan untuk berkonfrontasi dengan kehakiman. Tujuannya ialah untuk memastikan undang-undang dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada, yang disebabkan oleh dua kes iaitu kes Aliran dan kes *Asian Wall Street Journal*. “Kerajaan Barisan Nasional dalam lima enam tahun kebelakangan ini telah mempraktikkan satu dasar, satu sikap, satu ciri kerajaan yang terlalu liberal tetapi ada pihak yang tidak menilaikan sikap liberalisme itu,” katanya.²⁹

Mengenai keputusan muktamad Menteri yang tidak boleh dicabar, Chua berkata menurut fahamannya keputusan muktamad masih boleh dibawa ke mahkamah jika Menteri bertindak dengan niat tidak baik. Kalau sesuatu keputusan dibuat oleh sesiapa pun Pentadbir atau Menteri dengan niat tidak baik, Mahkamah ada lagi kuasa untuk memberikan satu *relief* atas permohonan sesiapa yang haknya dijejaskan.

Mengenai penyingkiran hak pendengaran, beliau berkata di bawah prinsip keadilan asasi, sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak berkuasa terhadap seseorang, dia mestilah terlebih dahulu memberi peluang kepada orang itu untuk didengari (*audi alteram partem*). Prinsip ini sudah digunakan beribu-ribu tahun daripada zaman Roman sampai sekarang. Beliau setuju hak itu diketepikan untuk sementara waktu untuk menyesuaikan dengan keadaan, untuk menstabilkan negara, mengutamakan ekonomi dan lain-lain. Bagaimanapun beliau berharap pada masa hadapan apabila ekonomi sudah pulih dan kestabilan negara sudah teguh, Menteri yang berkenaan menarik balik peruntukan ini dan diutamakan kembali *the right to be heard* atau *audi alteram partem*.

Bagaimanapun penyokong kerajaan Shahidan Kassim (Arau) membangkitkan soal peranan hakim dan peranan wakil rakyat. Katanya, sampailah masanya supaya apa yang telah diputuskan di Parlimen ini dihormati oleh hakim-hakim, dihormati oleh mahkamah; ahli Parlimen dipilih oleh rakyat, manakala hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. . . .³⁰ Bagaimanapun, Shahidan dilarang oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Datuk Mohamed Amin Daud daripada meneruskan hujah demikian.

Seorang lagi penyokong kerajaan, Mohd. Tamrin Abdul Ghafar (Batu Berendam) menimbulkan kejadian wartawan *Asian Wall Street Journal* yang dibatalkan permit kerjanya dan menggunakan mahkamah untuk melepaskan diri. Beliau bertanya: "Siapakah yang berkuasa di dalam negara ini, adakah Parlimen yang memutuskan undang-undang ataupun mahkamah yang kita membayar gajinya?"³¹

Timbalan Menteri Menjawab Perbahasan

Ketika menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan, Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid Megat Ayub berkata tanpa tambahan Seksyen 13A segala keputusan Menteri akan dipertikaikan oleh sesiapa saja, khususnya penerbit dan pencetak berkenaan. Seksyen tersebut adalah mustahak bagi membolehkan Menteri bertindak dengan cepat, tegas dan berkesan apabila sesuatu keadaan atau isu yang akan menjejaskan kepentingan-kepentingan negara. Kepentingan negara mestilah diutamakan oleh semua pihak dan mana-mana pihak hendaklah tidak patut bertindak sehingga menjejaskan kepentingan negara. Akhir-akhir ini ada pihak-pihak tertentu mencari jalan untuk menumpaskan tindakan kerajaan yang diambil atas kepentingan negara melalui interpretasi atau keputusan undang-undang yang tidak mengambil kira keutamaan kepentingan negara, seolah-olah kemenangan di mahkamah adalah lebih penting daripada kepentingan negara.

Mengenai kuasa di bawah Seksyen 13A yang dibangkitkan oleh Datuk Radzi, Dato' Megat berkata sebagai bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi sendiri tahu bahawa penelitian terperinci dibuat oleh para pegawai di kementerian itu sebelum sesuatu tindakan diambil.

Sebenarnya, katanya, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 menggariskan betapa seriusnya kerajaan memandang kepada keadaan-keadaan yang memaksa Akta tersebut dikemaskan dan diperkuatkan. Beberapa akhbar telah menunjukkan kecenderungan untuk menggemparkan rakyat dengan berita-berita yang tidak tepat, palsu dan lebih buruk lagi laporan-laporan yang menghasut kaum-kaum tertentu dan juga pertikaian-pertikaian daripada berita-berita dan hasutan-hasutan tersebut. Berita-berita perkauman disemaikan berselerak di sana sini. Akhbar telah hilang objektiviti dan perasaan tanggungjawab. Mereka tidak peka kepada peri mustahaknya perpaduan rakyat hendaklah dikekalkan setiap masa. Mereka telah menyalahgunakan sikap liberal kerajaan. Dalam keadaan demikian, kerajaan perlu bertindak dengan cekap dan berkesan demi kepentingan negara.

Mengenai Seksyen 8A, Megat Junid berkata mengikut Seksyen ini adalah menjadi satu kesalahan menerbitkan berita palsu dengan niat jahat. Niat jahat bermaksud menyebarkan berita yang tidak berasas atau yang terlibat itu gagal membuktikan bahawa ia telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan kesahihan berita tersebut.⁸⁷ Seksyen ini adalah sangat penting kerana akhir-akhir ini banyak berita palsu yang tidak berasas disebarkan tanpa perasaan tanggungjawab sehingga memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Adalah menjadi tujuan Seksyen ini untuk menentukan akhbar lebih bertanggungjawab. Sebenarnya kerajaan tidak nampak apa gunanya membiarkan berita-berita palsu disebar kononnya dengan alasan kebebasan bersuara.

Dato' Megat Junid membidas Lee Lam Thye yang mengutuk dan mengecam pindaan itu kerana DAP memanglah tidak mahukan keamanan, tidak suka melihat rakyat majmuk negara ini hidup aman damai. DAP lebih seronok dan ghairah melihat suasana tegang dan meruncing sentiasa, katanya. DAP lebih ghairah menggunakan isu-isu sensitif yang boleh menaikkan darah perkauman, lebih suka melihat tiap-tiap kaum negara ini mengadakan demonstrasi seperti yang dapat dilihat di tol-tol yang baru dibina.³²

Kata Dato' Megat Junid:

Kalau kita sedar akan keadaan negara kita ini adalah negara yang mempunyai berbilang kaum, berbilang budaya, berbilang agama, maka kita tahu betapa pentingnya Akta ini mesti diadakan, kerana perkara-perkara sensitif mesti kita bendung untuk menentukan bahawa keadaan negara ini benar-benar aman. Saya kadang-kadang merasa hairan mengapa ada pihak yang mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini, maka pelabur asing takut hendak datang dan banyak dibangkitkan oleh ahli parlimen ketika membahasnya. Kita tahu tanpa Akta ini hampir-hampir kita mencetuskan satu pergaduhan kaum yang dahsyat sebulan yang lepas, tetapi dengan tindakan tegas daripada Kerajaan, bendungan Kerajaan yang tegas, keadaan hari ini aman. Semua orang merasa lega, semua supermarket tidak habis dengan barang-barang yang patut dibeli, yang sebelum itu kebanyakan supermarket kekurangan bahan-bahan harian. Begitulah tegang dan cemasnya kedudukan. Dan inilah yang dikatakan boleh membawa pelaburan asing ke negara kita? Kerajaan tidak berniat jahat, undang-undang bukan untuk menindas akhbar tetapi untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa, ini adalah sangkaan ahli-ahli yang berhormat kerana mahkamah boleh menentukan sama ada sesuatu yang kita lakukan itu baik ataupun tidak baik.

Mengenai kebenaran berita, Megat Junid berkata banyak yang sengaja membuat laporan yang tidak benar, kerana ingin mencapai tujuan tertentu.

Katanya Akta itu tidak sekali-kali akan membunuh dunia kewartawanan di negara ini kerana kalau sekiranya berita itu tidak benar tindakan akan diambil, tetapi kalau sekiranya berita itu benar, undang-undang ini tidak akan mengambil tindakan apa-apa, yang perlu takut ialah mereka yang cipta cerita yang tidak betul saja.

DAP juga telah mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini maka loceng maut pun telah berbunyi. DAP sebenarnya telah berkali-kali mengatakan ayat itu tetapi DAP masih boleh mengecam kerajaan dan sekarang pun masih mengecam kerajaan, walaupun mereka mengatakan loceng maut telah pun berbunyi.

Mengenai pendedahan skandal, Megat Junid berkata jika ia benar tindakan tidak diambil, tetapi jika skandal itu direka-reka tindakan akan diambil. Misalnya, kalau skandal BMF itu sahaja yang dibangkitkan yang boleh dibuktikan bahawa wujud skandal dalam BMF, tidak mengapalah, tetapi dikaitkan dengan beberapa orang Menteri. Ini kita anggap menggemparkan rakyat. Megat Junid memberi jaminan bahawa berita-berita yang menggemparkan orang ramai akan diteliti dengan sehalus-halusnya oleh Kementerian Dalam Negeri sebelum diambil keputusan, kerana itulah amalan yang telah dibuat selama 30 tahun memerintah.

Seramai 63 ahli Dewan telah menyatakan persetujuan kepada Rang Undang-undang itu dan 15 menentang. Rang Undang-undang itu diluluskan oleh Parlimen selepas perbahasan selama dua hari. Selepas melalui proses selanjutnya, ia kini menjadi undang-undang.

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987) didapati mempunyai beberapa persamaan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 atau lebih dikenali sebagai ISA. Dari satu segi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan itu mencapai satu mercu tanda baru kerana keputusan Menteri mengenai penolakan permohonan, penggantungan dan pembatalan permit tidak boleh dicabar di mahkamah. Sebenarnya, konsep tidak boleh mencabar di mahkamah sudah pun digunakan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah Seksyen 23. Menurut Seksyen itu tuan punya penerbitan yang dilarang kerana kesalahan di bawah Seksyen 22 berhubung dengan penerbitan subversif boleh merayu kepada Yang di-Pertuan Agong, yang keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dicabar di Mahkamah.³³ Walaupun yang tidak boleh dipersoalkan itu ialah keputusan Yang di-Pertuan Agong, tetapi pada hakikatnya keputusan itu dibuat atas nasihat kerajaan.

Soal berita tidak benar atau palsu dan berita atau laporan yang boleh menggemparkan orang ramai juga sebenarnya sudah terdapat peruntukan dalam ISA iaitu di bawah Seksyen 28. Tetapi peruntukan dalam ISA ini lebih luas meliputi buku, pekeling, sebarang penerbitan bercetak dan atau apa-apa cara.³⁴

Catatan

1. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 (Akta A684).
2. Ibid., Seksyen 13A.
3. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan), Dewan Rakyat, Parlimen ketujuh Penggal Pertama 1(64) 10 Julai 1987, 38.
4. Ibid., 38.
5. Ibid., 43.
6. Journal man should have been given hearing, *New Straits Times*, 20 Nov. 1986. J. P. Berthelsen v. Director of Immigration, Malaysia & Ors., [1987] 1 MLJ 134 dan 135.
7. Judge: Grant publishing permit automatically, *The Star*, 3 Sept 1987. Persatuan Aliran Kesedaran Negara v. Minister of Home Affairs [1988] 1 MLJ 440.
8. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan), *Dewan Rakyat*. Parlimen ketujuh Penggal Pertama 1(64) 10 Julai 1987, 44
9. Ibid., 46.
10. Ibid., 47.
11. The perils of blind reference to authority, *The Star*, 23 Nov 1986. Lihat juga [1986] 2 CLJ 412.
12. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan), *Dewan Rakyat*. Parlimen ketujuh Penggal Pertama 1(64) 10 Julai 1987, 50.
13. Ibid., 100.
14. Ibid., 112.
15. Ibid., 114.
16. Ibid., 116.
17. Ibid., 132.
18. Ibid., 134.
19. Ibid., 140.
20. Ibid., 107.
21. Ibid., 58.
22. Ibid., 143.
23. Ibid., 59-60.
24. Ibid., 43.
25. Ibid., 108.
26. Ibid., 129.
27. Ibid., 129.
28. Ibid., 136.
29. Ibid., 139-140.
30. Ibid., 124.

31. Ibid., 133.
32. Ibid., 151-152.
33. Internal Security Act, 1960 (Revised 1972), Section 23.
34. Ibid., Seksyen 28.

BAB 24

Hubungan Kuasa

Tiga Cabang Kuasa Kerajaan

Terdapat tiga cabang kuasa dalam kerajaan iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Menurut Artikel 39 Perlembagaan Malaysia, kuasa eksekutif (atau Pemerintah) bagi Persekutuan terletak pada Yang di-Pertuan Agong . . . kuasa ini boleh dijalankan olehnya atau jemaah Menteri atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh jemaah Menteri. Menurut Artikel 44, kuasa perundangan Persekutuan terletak pada Parlimen yang mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kuasa kehakiman terletak pada peruntukan perhakiman (Artikel 121). Doktrin pemisahan kuasa yang tegas sebagaimana yang dikemukakan oleh ahli falsafah Perancis Montesquieu tidak terpakai di Malaysia.¹ Sebaliknya kuasa motif Perlembagaan Malaysia bukanlah kepada pemisahan yang tegas, tetapi dalam perimbangan di kalangan berbagai-bagai organ negara.² Menurut Param Cumaraswamy, ketika itu Presiden Majlis Peguam, di bawah Perlembagaan, eksekutif memerintah negara selaras dengan kerangka Perlembagaan dan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan undang-undang tersebut, apabila diperlukan, ditafsir oleh badan kehakiman. Ketiga-tiga cabang kerajaan diharap bekerja sama dengan harmoni tanpa syak-wasangka dan saling menghormati peranan masing-masing.³ Perlembagaan telah menyediakan satu skim kerajaan berasaskan demokrasi berparlimen, di mana eksekutif bertanggungjawab kepada Parlimen.

Ini bermakna pemerintahan dijalankan dengan persetujuan yang diperintah. Parlimen pula membuat undang-undang yang boleh disemak oleh kehakiman. Bagaimanapun, perimbangan kuasa ini telah terjejas kerana eksekutif menambahkan kuasanya hingga menjejaskan peranan dua cabang kerajaan yang lain. Cabang eksekutif telah mengumpulkan kuasa yang terlalu besar sejak beberapa tahun lalu dibandingkan dengan perundangan dan kehakiman, kata Cumaraswamy.⁴ Beliau menolak anggapan bahawa sebaik saja dipilih oleh rakyat, kabinet boleh berbuat apa saja. Tindakan Menteri perlu sentiasa disemak oleh rakyat melalui para wakil di Parlimen dan akhbar yang berhati-hati.⁵

Pemimpin Pembangkang, Lim Kit Siang berkata dalam keadaan sekarang fungsi perundangan Parlimen adalah tidak memuaskan kerana ia sekadar mengesahkan apa yang diputuskan oleh eksekutif untuk dijadikan undang-undang. Ini cukup tidak memuaskan kerana ia menjadikan Parlimen seperti "cap getah" kepada eksekutif.⁶ Yang menjadi rungutan pihak pembangkang, Majlis Peguam, dan badan-badan berminat seperti Aliran ialah kuasa Eksekutif semakin kuat, manakala Parlimen tidak menjalankan fungsinya, dan kehakiman pula dapat dikuasai melalui perundangan.

Kuasa kerajaan sebenarnya terletak kepada banyaknya kerusinya di Parlimen. Ia sentiasa memperolehi dua pertiga daripada kerusi Parlimen, kecuali dalam pilihan raya 1969. Tetapi pilihan raya 1969 berkesudahan dengan kekacauan. Dengan kekuatannya di Parlimen, memberi Barisan Nasional kuasa yang mantap untuk memerintah dan menukar undang-undang yang difikir perlu untuk perjalanan pentadbiran negara yang baik. Yang tidak setuju ialah parti pembangkang. Masalah yang terpaksa dihadapi ialah jika parti yang memerintah tidak memperolehi dua pertiga, ia tidak dapat menukar perlembagaan, dan dengan demikian undang-undang berkaitan juga tidak dapat ditukarkan. Undang-undang yang dikatakan keras pun tidak dapat ditukar dan akan terus digunakan. Lainlah jika parti lain dapat menguasai Parlimen dan membentuk kerajaan, dan ia mesti menang lebih dua pertiga untuk menukar perlembagaan.

Antara Kebebasan Akhbar dan Kepentingan Nasional

Pihak akhbar mahu kebebasan untuk menyatakan pendapatnya. Sebolehnya ia tidak mahu dikawal oleh kerajaan. Sejak awal Merdeka lagi, pendirian kerajaan berbeza daripada pendirian pihak akhbar. Walaupun kerajaan menyatakan ia percaya kepada kebebasan akhbar tetapi kebebasan itu bermatlamat, iaitu untuk pembangunan negara, untuk menjaga keamanan, keselamatan dan sebagainya. Kerajaan tidak mahu akhbar digunakan untuk

tujuan yang negatif. Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam tahun 1961 pernah menyatakan bahawa kebebasan akhbar adalah kebebasan dalam lingkungan undang-undang—dan tidak dilesen untuk membuat sesuka hati, tanpa mengira undang-undang.⁷ “Akhbar yang bebas ialah dan sepatutnya menjadi pengawas demokrasi, tetapi kerana akhbar mempunyai sifat khusus ini, ia juga membawa tanggungjawab yang berat,” katanya.⁸ Alasan kerajaan ialah tidak ada kebebasan mutlak di mana-mana. Para pemimpin negara kebanyakannya berpendirian begini.

Dalam tahun 1977, Datuk Hussein Onn, ketika itu Perdana Menteri Malaysia berkata kebebasan akhbar tidaklah boleh disalah erti dan digunakan dengan sewenang-wenangnya, sehingga boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara.⁹ Sewajarnya, tugas dan kewajipan akhbar, sebagaimana juga peranan dan tanggungjawab warganegara, memupuk atau melahirkan semangat persaudaraan dan persahabatan antara kaum, yang mengeratkan lagi perpaduan negara. Kepada Datuk Hussein peranan penting akhbar, di samping melaporkan berita-berita kepentingan negara dengan tepat dan cepat, ialah membimbing pandangan dan fikiran rakyat, terhadap sesuatu masalah negara, yang melibatkan masyarakat umum.¹⁰ Beliau mahu akhbar memberi galakan dan dorongan kepada rakyat supaya sama-sama melibatkan diri bagi menjayakan sepenuhnya usaha-usaha pembangunan kerajaan. Melalui saranan ini Datuk Hussein mahu melihat akhbar bekerja sama dengan kerajaan membangunkan negara.

Mengenai kebebasan akhbar, Datuk Hussein berkata, ia masih menjadi subjek perbahasan yang tidak habis-habis di negara yang baru merdeka dan membangun. Kebebasan berucap dan kebebasan akhbar adalah dua kebebasan asasi, tetapi kebebasan ini bukanlah bermakna sesiapa pun bebas untuk memfitnah orang lain, kata Datuk Hussein. Beliau percaya perbincangan dan kritikan yang bebas dan tulus ikhlas mengenai perkara-perkara yang menjadi minat umum tidak harus disekat, tetapi sampai ke satu had satu garisan patut diadakan. Tidak ada yang lebih penting daripada akhbar yang bebas yang dapat memberi komen yang jujur mengenai perkara yang menarik minat awam.¹¹ Bagaimanapun, Datuk Hussein berkata Malaysia, sebagaimana negara lain berhak menghalang pernyataan pandangan yang berunsur subversif terhadap perlembagaan yang ada atau merupakan satu bahaya kepada masyarakat. Tetapi garis yang membezakan antara berakhirnya kritikan dan bermulanya hasutan mempunyai banyak variasi.¹²

Selepas Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pimpinan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981 kerajaan membebaskan ramai tahanan ISA dan

memberi lebih banyak permit penerbitan. Sebagai contoh dalam tahun 1984 sebanyak 1,120 buah penerbitan telah diberikan oleh KDN. Menurut Setiausaha Bahagian D KDN, Awang Yaakob tidak sebuah pun penerbitan lama atau baru yang memohon permit sebelum 1 Januari ditolak.¹³ Dalam tahun 1983, daripada 1,139 penerbitan, hanya *Nadi Insan* yang digantung oleh KDN selama tiga bulan mulai bulan Oktober kerana melanggar syarat-syarat KDN.¹⁴ Awang menjelaskan bahawa Kementeriannya tidak ghairah untuk menggantung sewenang-wenangnya sesebuah penerbitan melainkan penerbitnya sudah lupa mengikut landasan yang ditetapkan oleh KDN. Katanya, walaupun akhbar mempunyai tanggungjawab terhadap pembacanya, tanggungjawab kerajaan adalah lebih besar dan bukan tertumpu pada sesuatu golongan masyarakat atau individu sahaja tetapi terhadap masyarakat seluruhnya.¹⁵ Walaupun kerajaan menyatakan ia bersikap liberal, para pengamal akhbar masih was-was mengenainya dan menunggu untuk lebih banyak bukti yang lebih tekal dan boleh dipercayai sebelum akhbar dapat menghakiminya.¹⁶ Dalam tahun 1985, Dr. Mahathir pernah menyebut bahawa beliau akan mengkaji semula dasar liberal itu kerana penyalahgunaannya.¹⁷ Dr. Mahathir berkata apabila beliau menjadi Perdana Menteri, satu daripada yang dilakukan ialah untuk bersikap liberal terhadap akhbar. Itulah sebabnya lebih banyak KDN diberikan dalam masa tiga tahun berbanding dengan tempoh 20 tahun yang lalu. Liberal yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir ialah mengenai pemberian permit penerbitan.

Malah sekatan terhadap kebebasan akhbar juga dilihat sebagai untuk melindungi wartawan daripada didakwa kerana menghasut atau memburukkan nama orang lain.¹⁸ Kerajaan tidak mahu akhbar mencetak berita atau maklumat yang hanya menyebabkan ia menanggung kesusahan, kata Menteri Luar Tengku Ahmad Rithaudeen ketika menutup Perhimpunan Agung Keenam Konfederasi Wartawan ASEAN (CAJ) di Kuala Lumpur pada 21 September 1985. Beliau berkata kerajaan juga tidak boleh mengetepikan kepentingan rakyat terutamanya dari segi keselamatan, ekonomi dan kestabilan sosial, jika kebebasan mutlak diberikan kepada akhbar.¹⁹

Sekatan tertentu yang dikenakan terhadap berita yang boleh menjejaskan keselamatan negara bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan akhbar, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Radzi Sheikh Ahmad pada 9 November 1985. Sekatan-sekatan ini adalah perlu untuk mengelakkan rahsia kerajaan terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan daripada menjadi pengetahuan umum.²⁰ Radzi juga menjelaskan bahawa sekatan yang dikenakan itu antara lainnya bertujuan untuk menghalang wartawan daripada dieksploitasi oleh sesetengah pihak tertentu untuk kepentingan mereka.²¹

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata media mesti diberikan kebebasan tetapi menekankan bahawa kebebasan ini mesti digunakan dengan tanggungjawab. Di bawah model tanggungjawab sosial, akhbar mesti diberikan hak untuk menyatakan pendapat dengan bebas tetapi ia berbuat demikian tanpa prejudis dan niat buruk.²² Dr. Mahathir juga berkata bahawa kebebasan akhbar patut mengambil tempat kedua di belakang kepentingan nasional.²³

“Tidak ada yang lebih penting daripada kepentingan negara, sekalipun kebebasan diri,” katanya.²⁴ Pada waktu yang lain, Dr. Mahathir berkata kerajaan menghadapi dilema dalam soal kebebasan akhbar. “Jika kita membenarkan kebebasan yang melampau, kesentosaan negara akan terancam dan pembangunan tergugat. Sebaliknya, jika kita bertindak untuk menyekat kebebasan akhbar, kita akan dituduh tidak demokratik. Berhadapan dengan dilema ini, kita hanya dapat meminta wartawan supaya mempunyai sifat tanggungjawab dan patriotik,” katanya.²⁵

Dalam satu majlis anjuran Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) Dr. Mahathir mengingatkan bahawa amalan demokrasi di Malaysia mestilah sesuai dengan keadaan dalam negara ini yang penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum, bahasa, agama, kebudayaan dan mereka terpisah kerana kegiatan ekonomi dan pencapaian mereka.²⁶ Begitu juga tahap pembangunan negara ini tidak sama dengan negara-negara maju. “Ketika negara maju berada di tahap membangun, mereka juga tidak mengamalkan sistem dan nilai yang mereka amalkan sekarang. Jika ada perbezaan antara amalan demokrasi negara ini dengan demokrasi negara Barat, janganlah anggap bahawa kita tidak demokratik,” kata Dr. Mahathir.²⁷

Beliau menegaskan bahawa akhbar-akhbar di Malaysia adalah bebas; bebas untuk mengkritik dan mengecam kerajaan dan bebas untuk menyokong kerajaan. Beliau menolak pendapat yang mengatakan jika akhbar menyokong kerajaan, ia tidak bebas; sebaliknya jika akhbar itu menentang kerajaan, ia dianggap sebagai bebas. Menurut Dr. Mahathir akhbar demikian menentang kerajaan kerana takut kepada pihak-pihak tertentu di luar kerajaan, atau takut ia tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual. Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas.²⁸

Katanya, kerajaan Malaysia dituduh tidak mendokong kebebasan akhbar kerana ada tiga atau empat akhbar di Malaysia yang tidak mengecam kerajaan secara melulu.²⁹ Tuduhan yang sama tidak ditujukan kepada negara-negara demokratik Barat, walaupun ada akhbar di negara-negara berkenaan ada yang menyokong kerajaan. Di United Kingdom, misalnya, ada akhbar yang pro-

Parti Buruh dan pro-Parti Konservatif. Apabila parti Konservatif menjadi kerajaan di United Kingdom, walaupun terdapat akhbar-akhbar yang pro-Konservatif, tetapi tidak ada tuduhan bahawa tidak ada kebebasan akhbar di United Kingdom. Demikian juga jika Parti Buruh berkuasa, walaupun ada akhbar-akhbar yang pro-Buruh, tidak akan ada tuduhan yang media di Britain dikuasai oleh kerajaan.³⁰ Dr. Mahathir menegaskan bahawa di Malaysia terdapat banyak akhbar yang anti-kerajaan.

Berita-berita yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang anti-kerajaan ini amatlah buruk dan merupakan sindiran. Akhbar-akhbar ini juga melaporkan pembohongan-pembohongan secara lantang. Tetapi akhbar-akhbar ini masih kekal. Adanya akhbar-akhbar seperti ini di Malaysia pun tidak menghalang orang tertentu menuduh bahawa akhbar-akhbar di Malaysia tidak bebas. Pendek kata, jika negara Barat buat apa pun mereka tidak salah. Tetapi, jika Malaysia dan negara-negara membangun yang lain buat perkara yang sama, mereka adalah salah.³¹

Beliau berkata hakikat yang sebenarnya ialah kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana, baik di negara liberal demokrat atau di negara diktator. Di negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang tertentu yang berkuasa dalam media berkenaan. Mungkin orang ini ialah tuan punya, atau pengarang atau syarikat-syarikat yang membeli ruang iklan. Yang penting ialah mereka boleh menapis berita kebenaran dan membuat laporan yang mereka suka.³² Beliau berkata bukan kerajaan sahaja yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar; pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan, dorongan populariti—semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar.³³ Beliau berkata jika ada sedikit sebanyak sekatan terhadap kebebasan akhbar, umpamanya berkenaan dengan hasutan ke arah kelangsangan atau sekatan-sekatan terhadap laporan-laporan lucah, sebabnya ialah kerana sesiapa juga tidak boleh diberikan kuasa yang mutlak. Hanya kerana sekatan ini tidak bermakna bahawa tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia.

Pemimpin-pemimpin kerajaan di negara ini tidak mempunyai kuasa yang mutlak. Rakyat boleh menggantikan kerajaan dan mahkamah juga boleh membatalkan keputusan kerajaan. Oleh itu, akhbar-akhbar di Malaysia mestilah menerima sekatan-sekatan tertentu terhadap mereka. Ia bukanlah bertujuan menidakkan kebebasan akhbar tetapi adalah untuk menjaga kepentingan negara.³⁴

Di Malaysia terdapat kira-kira 40 buah akhbar (harian, mingguan, dua kali seminggu) dan kira-kira 160 buah majalah. Yang dikuasai oleh ahli-ahli kumpulan

yang rapat dengan parti politik di peringkat nasional cuma beberapa buah seperti Kumpulan *The New Straits Times*, Kumpulan Utusan Melayu, Kumpulan *The Star* (termasuk *Tong Bao*), dan Tamil Nesan. Bagaimanapun oleh kerana sebahagian besar daripada akhbar ini merupakan gergasi dalam persuratkhabaran di Malaysia, akhbar keseluruhannya dilihat sebagai dikongkong. Tetapi ada lagi akhbar dan majalah yang dimiliki bebas seperti *Aliran*, dan akhbar parti politik seperti *Harakah* (PAS) dan *Rocket* (DAP). Malah akhbar *The Rocket* diterbitkan juga dalam Bahasa Malaysia dan Cina.

Akhbar *Watan*, walaupun penerbitnya Tan Sri Khir Johari adalah bekas seorang tokoh UMNO dan anggota Kabinet, penyiaran beritanya adalah bebas. Pemilikan oleh parti yang menyokong kerajaan tidak menghalang kerajaan untuk bertindak jika keadaan memerlukan. Contohnya, *The Star* apabila permit dibatalkan dalam operasi lalang pada 28 Oktober 1987. *Watan* juga turut hilang permitnya.

Bagaimanapun, ada juga pihak di luar kerajaan dan parti politik pembangkang yang melihat akhbar sebagai agak bebas, bersikap kritikal bebas tetapi dalam lingkungan undang-undang.³⁵ Kata Hickling:

The press is, within the limits of the law, reasonably free, independently critical, and Malaysia can take pride in *The Star* and the *New Straits Times*, in two newspapers that offer at times opposing but always responsible views.³⁶

Tanggungjawab itu, menurut Hickling, menunjukkan bahawa keperluan pelesenan tahunan boleh dimansuhkan dengan selamat, sebagaimana yang dicadangkan oleh seorang penulis kolum Dato' Mohamed Sopiee Ibrahim.³⁷ Bagaimanapun, kemungkinan tanggungjawab ini wujud berikutan wujudnya undang-undang pelesenan dan undang-undang lain tidak disebut. Prof. Nik Abdul Rashid bin Abdul Majid, dari Universiti Malaya berkata undang-undang mengenai kebebasan bercakap dan akhbar tidak akan "membunuh" pemikiran orang. "Undang-undang demikian akan hanya membunuh wartawan dan penulis tertentu yang hidup di atas laporan palsu dan putar belit yang boleh menaikkan kemarahan orang," katanya.³⁸

Undang-undang sekarang, menurutnya, tidak menghalang seseorang wartawan daripada menulis mengenai sesuatu kebenaran sekalipun ia memalukan kerajaan. Secara objektif, katanya, ia bolehlah diputuskan bahawa undang-undang adalah bertujuan untuk menjadikan penerbit, wartawan dan penulis profesional lebih bertanggungjawab, selain dari memudahkan kerajaan untuk memerintah.³⁹

Gerak Balas Akhbar

Oleh kerana akhbar dilihat sebagai satu kuasa yang boleh bertindak sebagai sekatan dan imbangan dalam sistem demokrasi, kebebasannya sentiasa diawasi dan sebarang usaha kerajaan yang boleh dianggap menggugat kebebasan dicabar dan ditentang. Pihak berminat seperti Majlis Peguam, Aliran, selain parti-parti politik pembangkang, terutama DAP dan sebagainya sering menyatakan pendapat mengenai masalah kebebasan akhbar.

Dalam perdebatan antara kerajaan dan pihak berminat ini, akhbar yang duduk di tengah-tengah terpaksa menepis serangan itu. Adakalanya akhbar sendiri dihentam oleh kerajaan dan pihak berminat kerana tidak berpendirian profesional. Ada pihak tidak bersetuju dengan sesetengah tindakan akhbar. Mereka ini mahu akhbar dapat bertindak dengan lebih bertanggungjawab kepada masyarakat. Ada usaha supaya Majlis Akhbar ditubuhkan untuk mengawasi perjalanan akhbar. Tetapi ini ditentang oleh pihak akhbar kerana mereka takut ia akan menambahkan lagi kepada kawalan terhadapnya selain kawalan yang dibuat melalui undang-undang. Tetapi akhbar juga menyedari bahawa ia bertanggungjawab kepada masyarakat. Beberapa orang editor akhbar utama telah berkumpul dan membentuk sebuah *Organisation of Newspaper Editors (ONE)*. Tujuan utama pertubuhan itu ialah untuk mengekal dan memupuk kebebasan akhbar di negara ini.⁴⁰ Ia bukanlah sebuah pertubuhan seperti Majlis Akhbar. Lanjutan daripada usaha-usaha supaya perjalanan akhbar di negara ini lebih beretika, maka satu etika untuk wartawan telah dirumuskan. Tokoh wartawan A. Samad Ismail telah membaca perisytiharan itu di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 20 Mei 1989.

Tatasusila Kewartawanan Malaysia

Mukadimah

Bahawasanya wartawan Malaysia adalah mendukung prinsip-prinsip Rukunegara dan cita-cita nasional yang terkandung di dalamnya; menyedari peranannya untuk memberi sumbangan kepada proses membina negara; menyedari kewajipannya untuk memberi sumbangan pada memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan nasional;

Menyedari peri bahayanya komunisme, perkauman dan ketaksuban agam kepada kestabilan dan keselamatan negara; menyedari pentingnya masyarakat liberal, toleran, demokratik dan peranan tradisi kewartawanan bebas dan bertanggungjawab yang berkhidmat untuk rakyat tanpa rasa takut atau berat sebelah; menyedari bahawa kewartawanan yang amanah adalah suatu asset kepada negara;

Menyedari pentingnya menegakkan nilai-nilai pekerti masyarakat yang baik dan asri; menyedari bahawa tiada sebarang sekatan boleh diadakan bagi penyertaan seseorang ke dalam profesion wartawan; menyedari kewajipan kaum wartawan untuk memberi sumbangan kepada penggubalan sesuatu dasar negara.

Maka dengan ini berpandu kepada Tatasusila Kewartawanan Malaysia yang berikut:

- Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar;
- Dalam melaksanakan tugas ini dia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritik yang saksama;
- Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar atau filem dan dokumen;
- Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar dan tepat hendaklah diperbetulkan;
- Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita;
- Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagiarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun;
- Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersita perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia;
- Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka.

Antara orang yang terlibat dalam pembentukan tatasusila itu ialah Mazlan Nordin, pengerusi Institut Akhbar Malaysia. Mazlan mencadangkan ditubuhkan sebuah badan mengandungi pengarang dan anggota masyarakat untuk menentukan supaya semua akhbar dan pertubuhan berita mematuhi dengan tegas Tatasusila Kewartawanan itu. Katanya badan itu sebaik-baiknya dipengerusikan oleh seorang hakim yang telah bersara dan sekurang-kurangnya dua orang ahli masyarakat yang terkemuka. Mazlan yang juga pengerusi Bernama berkata bahawa tujuan tatasusila itu ialah untuk meningkatkan mutu profesion dan untuk melindungi pihak akhbar dari "pesaing yang menggunakan cara yang tidak bersusila." Beliau menegaskan bahawa tatasusila itu akan juga melindungi para wartawan daripada tuduhan palsu dan prejudis. Beliau

menegaskan bahawa akhbar setakat ini adalah bertanggungjawab tetapi tatasusila yang piawai patut dirumus untuk semua dalam industri itu. Pembentukan badan itu adalah sudah lama ditunggu kerana masyarakat mestilah dimahfumkan bahawa "kita adalah suatu akhbar yang bertanggungjawab yang menolong ke arah pembinaan negara," kata Mazlan.⁴¹

Beberapa orang daripada yang terlibat dalam melahirkan etika kewartawan itu adalah orang yang sama menganggotai sebuah jawatankuasa sementara untuk membentuk badan bagi menentukan perjalanan akhbar sesuai dengan hasrat dan kepentingan negara, kira-kira 15 tahun sebelumnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan pada 18 Jun 1974 terdiri daripada 10 orang pengarang kanan termasuk Pengarang Urusan *New Straits Times* A. Samad Ismail, Pengurus Besar Bernama Mohd. Sopiie Sheikh Ibrahim, Ketua Pengarang Bernama Salleh Daud, Ketua Pengarang *Utusan Melayu* Mazlan Nordin.⁴² Pembentukan jawatankuasa adalah berikutan cadangan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bagi menentukan perjalanan akhbar sesuai dengan cita-cita kepentingan negara.⁴³

Walaupun matlamatnya amat baik, masalah penguatkuasaan tatasusila itu adalah satu perkara yang nampaknya sukar diselesaikan. Misalnya, siapakah yang akan melantik pengerusi badan pengawasnya? Jika kerajaan yang melantik ia tidak akan diterima oleh pihak akhbar, kerana pihak akhbar akan khuatir kuasa kerajaan akan mencelah di dalamnya, sebaliknya jika pihak akhbar yang dilantik, orang ramai tidak akan mempercayainya. Jika tatasusila itu dibiarkan setiap akhbar melaksanakan secara sendiri, secara sukarela, keadaan mungkin tidak berubah. Dalam jangka panjangnya, sebaik-baik jalan ialah pendidikan, pendidikan yang membawa kesedaran kepada para pemilik akhbar, pengurus dan editor serta wartawan tentang nilai tatasusila itu.

Kebebasan Akhbar dan Pilihan Raya Umum

Pilihan Raya Umum untuk Parlimen telah diadakan sebanyak lapan kali mulai tahun 1959 hingga 1990. Cuma pilihan raya dalam tahun 1969, Perikatan gagal mencapai dua pertiga kerusi di Parlimen. Dalam setiap pilihan raya, sama ada parti Perikatan atau Barisan Nasional, matlamatnya sama iaitu untuk mendapat mandat rakyat sebanyak mungkin dan melebihi dua pertiga supaya dapat membentuk sebuah kerajaan yang kuat. Apabila Perikatan gagal mencapai kemenangan kerusi dua pertiga dalam tahun 1969, usaha dibuat supaya kerajaan yang ditubuh mendapat sokongan yang lebih luas dan hasilnya pembentukan Barisan Nasional. Formula ini berjaya. Parti-parti pembangkang cuba

memecahkan kubu dua pertiga Barisan Nasional ini. Dalam pilihan raya tahun 1986, ia cuba menafikan Barisan Nasional kemenangan dua pertiga ini. Dua pertiga penting kerana dalam Perlembagaan Malaysia, sesetengah peruntukannya perlu undi dua pertiga ahli Parlimen untuk mengubahnya. DAP berharap dengan menafikan kemenangan dua pertiga ini, kerajaan Barisan Nasional tidak akan berupaya mengubah peruntukan-peruntukan tersebut.

Tetapi matlamat parti-parti pembangkang dalam pilihan raya tahun 1990 ialah untuk mengalahkan kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional. Pilihan Raya Umum 1990 adalah antara yang paling getir dipertandingkan. Buat pertama kalinya Barisan Nasional ditentang hebat oleh beberapa buah parti pembangkang yang digemblengkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, seorang bekas pemimpin UMNO. Tengku Razaleigh, yang menjadi Presiden Parti Semangat 46 telah membentuk Angkatan Perpaduan Ummah merangkumi parti-parti politik Melayu khususnya Parti Islam Se Malaysia (PAS), dan parti serpihan PAS iaitu Hizbul Muslimin (Hamim), Barisan Jelata Rakyat Malaysia (Berjasa). Tengku Razaleigh juga membentuk Gagasan Rakyat, yang menggabungkan parti-parti seperti DAP dan Parti Rakyat. Beberapa hari sebelum pengundian dijalankan, Parti Bersatu Sabah (PBS) mengumumkan keluar Barisan Nasional untuk menyertai Gagasan Rakyat. Keadaan ketika itu nampak seolah-olah Barisan Nasional akan tumbang, kerana kemasukan PBS ke dalam Gagasan Rakyat seperti memberi satu suntikan semangat kerana ia dikatakan dapat memberi 20 kerusi Parlimen Sabah kepada Gagasan Rakyat. Satu Kumpulan Pemerhati Pilihan Raya yang dibentuk oleh Urus Setia Komanwel di London telah datang untuk menjamin tiada penipuan berlaku dalam pilihan raya itu. Kuasa untuk menentukan parti mana yang akan membentuk kerajaan di peringkat pusat dan di peringkat negeri-negeri, kecuali Sabah dan Sarawak, benar-benar terletak kepada rakyat. Pada ketika ini, iaitu waktu pilihan raya, rakyat adalah raja.

Sempena Pilihan Raya Umum 1990, Gagasan Rakyat telah mengeluarkan Deklarasi bertajuk Selamatkanlah Malaysia, yang mengisytiharkan untuk menyelamatkan dan memulihkan demokrasi dan hak asasi manusia. Mengenai demokrasi ia berjanji untuk:

- * Menubuhkan suruhanjaya khas berhubung demokrasi berparlimen di Malaysia ke arah menguatkan dan mengasaskan demokrasi serta cara hidup di Malaysia yang mantap dan bahagia;
- * Mewujudkan reformasi di Parlimen dengan tujuan menjadikan Parlimen sebagai dewan perundangan dan politik yang tertinggi di negara ini, termasuk usaha memperkenalkan dan mewujudkan jawatankuasa khas bagi

perkara seperti pendidikan, tenaga manusia, kewangan, pengangguran dan guna tenaga manusia, pertahanan, hal-ehwal luar negara, dan sebagainya.

Ia juga berjanji untuk memulihkan hak asasi manusia, dan deklarasi itu menyatakan persetujuan parti-parti di bawah Gagasan Rakyat untuk:

- * Memansuhkan keempat-empat pemasyhuran Undang-undang Darurat;
- * Memansuhkan segala peruntukan keras (yang bertentangan dengan keadilan semula jadi dan hak asasi manusia) yang terkandung di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, di samping memulihkan hak dan kuasa mahkamah bagi mendengar serta memutuskan kes *habeas corpus*;
- * Memansuhkan Akta Rahsia Rasmi dan diganti dengan undang-undang baru yang memberi hak kebebasan berucap, berhimpun, dan mengadakan perkumpulan aman di kalangan warganegara Malaysia.⁴⁴

Sebaliknya, Barisan Nasional dalam manifestonya menyatakan bahawa Barisan Nasional ikhlas mengamalkan demokrasi dan berikrar untuk mendukung semua asas demokrasi melalui:

- * Pilihan raya diadakan secara bebas dan adil. Dengan itu parti pembangkang boleh memenangi pilihan raya dan sudah pun membentuk kerajaan di beberapa negeri pada masa lepas;
- * Rakyat Malaysia bebas mengeluarkan pendapat selagi ia tidak mencetuskan konflik perkauman dan keagamaan;
- * Media massa di Malaysia bebas. Ada 40 akhbar dan 160 majalah termasuk majalah luar negara diedarkan di negara ini;
- * Pihak kehakiman bebas dan pernah membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan dalam beberapa perkara;
- * Tiada siapa atau mana-mana institusi di Malaysia dikecualikan daripada kuasa undang-undang terutama perlembagaan;
- * Pertadbiran negara ini adalah demokratik, cekap, bertanggungjawab, dan adil.⁴⁵

Apabila keputusan pilihan raya diketahui, Barisan Nasional mengekalkan dua pertiga kerusi di Parlimen. Setiap kali pilihan raya akhbar memainkan peranan penting menyampaikan maklumat parti-parti politik. Akhbar-akhbar yang dikuasai oleh UMNO dan lain-lain parti Barisan Nasional lebih cenderung menyokong parti pemerintah. Malah seorang anggota sidang pengarang Utusan

Malaysia, Rosnah Majid memberitahu bahawa dalam masa pilihan rayalah akhbar itu digunakan sepenuhnya oleh UMNO.⁴⁶ Yang menariknya, satu kajian yang dijalankan mengenai pilihan raya 1990 mendapati bahawa bagi negeri-negeri yang dimenangi oleh Barisan Nasional isu yang dibangkitkan oleh media adalah sama dengan isu yang dibincangkan oleh orang ramai.⁴⁷ Tidak penting di sini kenapa rakyat menolak janji pembangkang. Rakyat membuat pilihan berdasarkan satu pakej janji bukan satu-satu isu seperti kebebasan akhbar. Yang penting ialah siapa membentuk Kerajaan Pusat selepas pilihan raya. Oleh kerana Barisan Nasional menang, ini bermakna undang-undang yang wujud sebelum pilihan raya itu terus kekal. Secara tidak langsung juga ini bermakna rakyat "boleh hidup" dengan undang-undang yang ada.

Catatan

1. Shad Faruqi, Role of the Judiciary: The Courts and the Constitution, dlm *Reflection on the Malaysian Constitution*: 109-113, (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara), 1987, 111.
2. Ibid., 11
3. Param Cumaraswamy, Role of the Executive, dlm. *Reflections of the Constitution*: 130-135, (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara), 1987, 131.
4. Ibid., 132.
5. Ibid., 171.
6. Lim Kit Siang, Role of Parliament: 122-129, *Reflections on the Malaysian Constitution*: 122-129, (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara), 1987, 125.
7. How the Press serves democracy, *The Straits Times*, 24 Okt. 1961, 16.
8. Ibid.
9. Hussein Onn, (Kuala Lumpur: ucapan ketika merasmikan kilang percetakan Utusan Melayu), pada 16 Mei 1977.
10. Ibid.
11. Ibid.
12. Ibid.
13. KDN(Bername stensil), 7 Januari 1984.
14. Ibid.
15. Ibid.
16. *The Star*, 21 Nov. 1982.
17. PM: rethink on liberal policy because of misuse, *New Straits Times*, 25 Mac 1985.
18. Sekatan akhbar untuk lindungi wartawan, *Berita Minggu*, 22 Sept. 1985.
19. Ibid.
20. Curbs on news for security reasons, *Sunday Times*, 10 Nov. 1985.
21. Radzi-Press, Bernama (stensilan), 9 Nov. 1985. Freedom with responsibility, *New Straits Times*, 19 Sept. 1985.
23. Don't run down the country, says Mahathir, *New Straits Times*, 11 Mac 1986.
24. Duty of a free press, *The Star*, 20 Nov. 1989.
25. Ibid.
26. Mahathir Mohamad, ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) (Petaling Jaya: Hotel Hilton), pada 15 Jun 1990.
27. Ibid.
28. Ibid.
29. Ibid.
30. Ibid.
31. Ibid.

32. Ibid.
33. Ibid.
34. Ibid.
35. R. H. Hickling, *Essays in Malaysian Law*, (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications), 1991, 227.
36. Ibid., 227
37. Ibid., 228.
38. Our Press laws won't repress freedom says prof., *New Straits Times*, 27 Jan. 1988.
39. Ibid.
40. Press watchdog organisation set up, *New Straits Times*, 29 Okt. 1989.
41. Call for ethics panel to hear complaints against newsman, *New Sunday Times*, 21 Mei 1989.
42. Jawatankuasa kaji badan pengawas akhbar dibentuk, *Berita Harian*, 19 Jun 1974.
43. *Utusan Malaysia*, 18 Jun 1974.
44. *Berita Harian*, 14 Okt. 1990.
45. Ibid.
46. Rosnah Majid, Seminar Media Massa dan Pilihanraya, Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya), pada 2 Januari 1991.
47. Syed Arabi Idid, *Pilihanraya 1990: Penentuan Agenda*, (Bangi: Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (akan terbit)), 168.

BAB 25

Rumusan

BAHAGIAN INI JUGA CUBA MENUNJUKKAN BAGAIMANA KUASA kerajaan, kuasa akhbar, dan kuasa rakyat berikteraksi. Hubungan antara kuasa kerajaan dan kuasa rakyat menjadi kabur kerana dalam demokrasi rakyat berkuasa memilih kerajaan.

Dalam tahun-tahun sebelum Merdeka, pada amnya UMNO mendapat sokongan akhbar dalam perjuangan. Akhbar pada ketika itu lebih bersikap berseteru dengan penjajah British. Tetapi apabila Malaya mencapai kemerdekaan, British sudah tiada. Dasar perseteruan akhbar dengan pemerintah berterusan buat seketika. Dalam pilihan raya 1959, Perikatan menang dan dapat membentuk Kerajaan, tetapi parti-parti pembangkang memperoleh banyak kerusi di Parlimen, dan dua negeri tewas di tangan parti PAS. Perjuangan untuk memenangi hati orang Melayu di Kelantan dan Terengganu pun bermula. Itulah sebabnya UMNO mengambil alih *Utusan Melayu*. Mungkin secara kebetulan Ibrahim Fikri mengetuai *Utusan Melayu*, tetapi sebagai orang Terengganu usaha untuk menawan kembali negeri itu lebih mudah. Mungkin secara kebetulan juga UMNO dapat menawan semula Terengganu tiga bulan selepas ia mengambil alih *Utusan Melayu* dan Ibrahim Fikri dipilih menjadi Menteri Besar negeri itu. Pengambilan alih *Utusan Melayu* oleh UMNO dalam tahun 1961 dengan meletakkan seorang tokoh parti telah menyebabkan pemogokan kerana para pekerja ingin mempertahankan kebebasan akhbar sambil menjaga periuk nasi.

Bagaimanapun, pengambilan alih Kumpulan The Straits Times dalam tahun 1972 berjalan dengan baik, dengan mendapat kerja sama pengurusan dan pekerja. The Straits Times mungkin khuatir kerana dalam tuntutan Pemuda UMNO ia bersedia untuk berdemonstrasi di hadapan pejabat akhbar itu. Ini akan merugikan perniagaannya. Akhirnya akhbar ini terletak di bawah kuasa UMNO.

Walaupun beberapa buah akhbar dimiliki sebahagian sahamnya oleh kalangan parti politik yang memerintah, banyak lagi akhbar yang tidak dimiliki oleh parti pemerintah. Akhbar-akhbar ini, seperti akhbar Cina dan akhbar tabloid adalah bebas menulis tertakluk kepada undang-undang negara. Yang menjadi sukar, dan melihat kebebasan akhbar sebagai satu masalah ialah mereka yang berminat menyampaikan mesej kepada orang ramai. Mereka ini ialah parti-parti politik. Mesej mereka tidak mendapat saluran akhbar-akhbar utama, jika masuk pun ia mungkin berita yang negatif terhadap parti itu, kecuali jika parti berkenaan menyatakan sesuatu yang positif terhadap kerajaan. Parti-parti seperti DAP dan PAS mempunyai akhbar sendiri. Bagaimanapun sejak akhir tahun 1991 secara rasminya mereka hanya dibenarkan menjual kepada ahli.

Jika pada waktu hendak mencapai kemerdekaan, suara memperjuangkan kebebasan akhbar dibangkitkan oleh pihak akhbar, selepas tahun 70-an dan terutamanya dalam tahun 80-an suara memperjuangkan kebebasan akhbar datang dari berbagai-bagai kumpulan berminat. Aliran, sebuah persatuan di Pulau Pinang menjadi juara memperjuangkan kebebasan akhbar, begitu juga dengan Majlis Badan Peguam. Mereka membawa fahaman bahawa sebuah negara yang merdeka dan mengamalkan demokrasi patut memberi kebebasan akhbar. Fenomena ini mungkin ada kaitan dengan bertambahnya rakyat dalam kelas menengah dan mereka lebih memberi tumpuan kepada nilai-nilai seperti kebebasan. Kebebasan akhbar menjadi satu isu penting bagi parti-parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum 1990. Parti-parti pembangkang mahu memansuhkan undang-undang yang menyekat hak asasi seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Berbanding dengan pilihan-pilihan raya lalu, Pilihan Raya Umum 1990, nampak seolah-olah parti-parti pembangkang akan menang. Parti yang mendukung kerajaan nampak seperti tiada peluang untuk mengulangi kejayaannya. Tetapi rakyat tetap memilih Barisan Nasional untuk menerajui Kerajaan Pusat dan hampir semua negeri. Rakyat tidak menghiraukan sangat tentang kebebasan akhbar. Hanya sebahagian kecil rakyat iaitu boleh menyatakan pendapat dengan baik yang mahukan kebebasan akhbar, sedangkan rakyat terbanyak merasa tidak rugi apa-apa dengan keadaan yang ada sekarang.

BAHAGIAN 6

Ikhtisar

Kesimpulan 357

Penutup 379

BAB 26

Kesimpulan

DALAM BUKU INI, SISTEM AKHBAR DILIHAT SEBAGAI TERBENTUK hasil daripada kedudukan atau konfigurasi lima kuasa iaitu eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar, dan rakyat. Untuk melihat konfigurasi ini pengkaji melihat corak pemerintahan dalam sesuatu tempoh tertentu, corak pemilikan akhbar dan kebebasannya, dan sejauh mana rakyat bebas untuk bersuara misalnya melalui pilihan raya. Dalam corak pemerintahan, penulis melihat sama ada dalam sesuatu tempoh pemerintahan itu terdapat pemisahan kuasa antara tiga cawangan pemerintahan iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Jika terdapat pemisahan sedemikian, adakah eksekutif mempunyai status yang sama dari segi kuasa atau adakah ia dapat mengawal dua cawangan yang lain, misalnya ketua eksekutif mengetuai juga perundangan, atau ketua eksekutif juga ketua kehakiman, ataupun ketua eksekutif ialah juga ketua perundangan dan ketua kehakiman.

Tempoh kajian ialah dari tahun 1806–1990, iaitu suatu tempoh hampir 200 tahun. Tahun 1806 merupakan satu mercu tanda kerana pada tahun itulah akhbar pertama di negara ini diterbitkan dan tahun 1990 ialah satu lagi mercu tanda kerana Pilihan Raya Umum kelapan di mana Barisan Nasional mendapat tentangan terhebat dari pihak pembangkang. Tempoh yang panjang ini dibahagikan kepada beberapa tempoh yang hampir menyamai tempoh pemerintahan pada ketika itu. Tempoh-tempoh berkenaan ialah 1806–1867

(Bahagian Dua), tempoh 1867–1941 (Bahagian Tiga), tempoh 1942–1957 (Bahagian Empat) dan tempoh 1957–1990 (Bahagian Lima).

Berbagai-bagai teori akhbar yang digunakan kini telah diteliti bermula dengan empat teori yang diperkenalkan oleh tiga orang sarjana Amerika yang dikenali sebagai Empat Teori Akhbar. Kelemahan utama empat teori ini ialah ia terikat dengan sistem politik atau sistem ekonomi negara. Ini menjadikan teori-teori ini terlalu tekal atau statik dan khusus kepada sesebuah negara. Betapa halnya banyak negara yang tidak menganuti sistem politik yang berkaitan dengan teori-teori itu. Selain itu penulis meneliti juga teori-teori oleh sarjana lain seperti McQuail, Merrill, Lowenstein, Nixon, dan Rugh. Hasil daripada penelitian itu penulis mendapati teori-teori yang dikemukakan oleh para sarjana tersebut mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu dan tidak boleh digunakan untuk melihat sistem akhbar di sesebuah negara seperti Malaysia.

Berdasarkan kajian itu, satu rumusan dibuat membentuk satu pendekatan yang dikenali sebagai Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa, atau ringkasnya Perspektif Kuasa. Perspektif ini meminjam doktrin pengasingan kuasa yang diperkenalkan oleh Locke dan diperkukuhkan oleh Montesquieu. Doktrin ini merangkumi tiga kuasa iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Konsep pemisahan kuasa ini terus berkembang dengan ditambah kemudiannya kuasa akhbar yang dikenali sebagai kuasa keempat yang menganggap akhbar berkuasa untuk menjadi pengimbang kepada kuasa kerajaan.

Dengan mengambil iktibar daripada banyak peristiwa yang berlaku di dunia di mana rakyat telah bertindak di luar daripada mekanisme yang ditetapkan (misalnya Parlimen), pengkaji mencadangkan rakyat sebagai satu kuasa yang patut ditambah kepada empat kuasa itu. Dengan demikian kajian ini mengambil kira lima ciri kuasa untuk membentuk Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa. Tiga ciri yang berkaitan dengan pemerintahan negara iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman tetap ada dalam semua negara, sama ada berasingan atau tidak dan ciri rakyat juga wujud dalam semua negara. Ciri akhbar di sini digunakan dalam konteks yang lebih luas, bukan terhad kepada akhbar. Dalam hal yang demikian ciri akhbar harus dilihat sebagai meliputi juga media elektronik atau saluran komunikasi yang lain. Apa yang penting ialah lima ciri kuasa ini, ataupun fungsinya, wujud dalam semua jenis pemerintahan tidak kira pemerintahan demokrasi, pemerintahan beraja ataupun pemerintahan diktator. Lima fungsi ciri kuasa ini tetap wujud, sama ada ia kuat atau lemah terletak kepada keadaan konfigurasi kelima-lima kuasa itu. Dengan mengambil kira kedudukan secara relatif kelima-lima ciri ini sistem akhbar dalam sesebuah negara bagi sesuatu tempoh pemerintahan akan dapat dikenal pasti.

Lima bulatan digunakan untuk membentuk model-model yang dapat menerangkan kedudukan secara relatif lima ciri kuasa ini. Dua jenis bulatan digunakan, bulatan besar dan kecil. Bulatan besar diandaikan berkuasa penuh atau bebas, bulatan kecil diandaikan sebagai di bawah kuasa eksekutif atau terkawal. Bulatan yang melambangkan kuasa eksekutif dijadikan sebagai tanda rujukan. Dalam hal ini bulatan eksekutif adalah satu-satunya kuasa yang kekal dengan bulatan besar, yang lain-lainnya ada yang besar dan ada yang kecil. Jika bulatan besar terletak di luar bulatan yang melambangkan kuasa eksekutif, ia bermakna kuasa itu adalah sama dari segi statusnya dengan kuasa eksekutif. Bagaimanapun jika ia lebih kecil bermakna kuasa itu dikawal oleh kuasa eksekutif. Jika ada bulatan kecil di dalam bulatan eksekutif ini bermakna bulatan yang kecil itu terletak di bawah kuasa eksekutif bukan sekadar dikawal.

Penulis telah meneliti perkembangan yang berkaitan dengan lima ciri kuasa ini dalam tempoh 1806–1990 dalam usaha untuk mengenal pasti konfigurasi kuasa dan bentuk sistem akhbar yang diamalkan dalam tempoh yang panjang itu.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1806–1867

Berdasarkan penemuan yang diperolehi dalam Bahagian Dua, tempoh 1806–1867 harus dipecah dua supaya perbincangannya dapat dibuat dengan lebih jelas. Tempoh pertama ialah antara 1806–1830, dan tempoh kedua ialah antara 1835–1867. Kedudukan antara tahun 1830–1835 tidak berapa jelas kerana ia merupakan tempoh peralihan ketika Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka diletakkan di bawah pemerintahan Presidensi Bengal.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1806–1830

Dalam tempoh pertama (1806–1830) eksekutif menguasai kehakiman dan perundangan. Ini bermakna kuasa kehakiman terletak di bawah kuasa eksekutif. Walaupun perundangan tidak wujud dalam tempoh ini, namun peraturan-peraturan tetap diwujudkan. Ini bermakna fungsi perundangan adalah terkumpul di bawah kuasa eksekutif, dan ini juga bermakna kuasa perundangan terletak di bawah kuasa eksekutif. Kuasa rakyat juga terletak di bawah kuasa eksekutif kerana rakyat pada ketika ini tidak bebas memilih kerajaan dan dikawal ketat. Malah untuk tinggal di negeri-negeri Selat, lesen yang memberi kebenaran tempat tinggal diperlukan. Bagaimanapun, akhbar adalah dimiliki oleh orang

perseorangan, kecuali sebuah akhbar iaitu *The Government Gazette of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca*, yang dimiliki oleh pemerintah di Pulau Pinang antara tahun 1828–1830.

Dilihat dari Perspektif Kuasa, tempoh antara 1806–1830, kerajaan Presidensi Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka adalah kerajaan berkuasa integrasi. Gabenornya memegang tampuk kuasa eksekutif, perundangan (lperundangan sebenar tidak ada; yang ada cuma Majlis yang tidak mempunyai kuasa perundangan) dan kehakiman. Ia berkuasa penuh ke atas akhbar kerana akhbar perlu mendapat lesen untuk diterbitkan, dan akhbar dikenakan penapisan sebelum boleh diterbitkan.

Berdasarkan huraian di atas jenis kuasa yang wujud dalam tempoh 1806–1830 ialah Kuasa Berintegrasi Mutlak (Jenis A) iaitu bagi Pulau Pinang antara tahun 1828–1830, dan Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak (Jenis B) bagi tempoh yang lain bagi Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka. Kuasa Berintegrasi Mutlak ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai empat kuasa yang lain; bentuk model—empat ciri kuasa terkandung di dalam bulatan kuasa eksekutif. Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai tiga kuasa lain dan mengawal ciri kuasa yang keempat; bentuk modelnya—tiga ciri kuasa terkandung di dalam bulatan kuasa eksekutif dan satu sahaja bulatan terletak di luar. Pada amnya, Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak (Jenis B) wujud dalam tempoh 1806–1828 di Pulau Pinang, Singapura (mulai 1824) dan Melaka (mulai 1826).

Namun demikian, satu keadaan yang unik wujud di Pulau Pinang antara tahun 1828 hingga 1830 apabila satu-satunya akhbar di Pulau itu dimiliki oleh kerajaan yang dikenali sebagai *The Government Gazette Prince of Wales Island, Singapore and Malacca*. (Akhbar sebelumnya *Penang Register and Miscellany* tidak terbit kerana lesennya ditarik balik. Berdasarkan namanya, akhbar ini dimaksudkan untuk meliputi ketiga-tiga Negeri Selat itu.) Kuasa berintegrasi mutlak wujud di Pulau Pinang saja dalam tempoh 1828–1830. Oleh yang demikian, untuk tujuan penelitian ini kedua-dua jenis kuasa ini boleh diterima. Lagipun ia tidak banyak sangat bezanya antara satu sama lain, hanya yang membezakannya ialah dari segi pemilikan akhbar, iaitu sama ada milik kerajaan atau milik swasta.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1835–1867

Bagi tempoh 1835–1867, Negeri-negeri Selat terletak di bawah kerajaan Bengal dan India (tarikh sebenarnya ialah antara 1830–1867, tetapi tempoh 1830–

1835 kurang jelas kedudukannya dan tidak ditekankan). Oleh yang demikian perhatian diberikan kepada kedudukan di India. Dalam tempoh tersebut, sistem pemerintahan di India ialah secara pemisahan kuasa, iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman diletak berasingan. Namun demikian Gabenor Jeneral iaitu ketua eksekutif adalah juga ketua badan perundangan. Kehakiman adalah berasingan, dan mengikut tradisinya, kehakiman cukup bebas. Akhbar juga cukup bebas kerana undang-undang Akta India No. XI 1835 membebaskan akhbar daripada belunggu pelesenan di bawah akta 1823. Rakyat bagaimanapun tidak ada kuasa memilih kerajaan, tetapi kerajaan mendengar juga representasi mereka, misalnya berhubung dengan Akta India No. XI 1835 di mana satu mesyuarat umum terbuka diadakan yang menggesa Gabenor Jeneral supaya memberi kebebasan kepada akhbar.

Dengan demikian kehakiman terletak di luar bulatan kuasa eksekutif. Oleh kerana perundangan masih tertakluk kepada kuasa eksekutif ia tetap terletak di dalam bulatan kuasa eksekutif. Di bawah pemerintahan India, khususnya dari 1835, kedudukan akhbar adalah lebih bebas, kerana undang-undang 1835 itu menghapuskan kawalan kerajaan dari keperluan untuk mendapatkan lesen untuk percetakan. Undang-undang Akta India No. XI 1835 hanya mensyaratkan pendaftaran pencetak, penerbit, dan pemilik mesin cetak. Sesiapa yang berbuat demikian dibolehkan menerbitkan akhbar. Ini berlaku sehingga Negeri-negeri Selat berpisah dengan India dan menjadi tanah jajahan yang berasingan yang terletak di bawah Pejabat Tanah Jajahan. Tetapi kebebasan ini hampir terbantut apabila meletus kekacauan yang dikaitkan dengan Dahagi India. Undang-undang akhbar yang mengawal akhbar (Akta India No. XV 1857) dikuatkuasakan selama setahun. Di Negeri-negeri Selat undang-undang ini tidak dikuatkuasakan. Dalam tempoh 1835–1867, akhbar di Negeri-negeri Selat menikmati kebebasan yang luas, pertama sekali kerana tiada undang-undang yang menghalangnya, dan yang keduanya kehakiman juga berkuasa walaupun tidak didapati kes yang melibatkan akhbar dalam tempoh itu.

Menjelang akhir Negeri-negeri Selat di bawah India, para editor akhbar banyak menyuarakan hasrat orang ramai, dan ia merupakan satu forum yang mewakili pendapat awam, kerana pada ketika itu tidak ada dewan perwakilan rakyat. Pendapat yang disampaikan oleh akhbar didengari dan diambil tindakan oleh pihak pemerintah.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1835–1867 ialah Kehakiman dan Akhbar menikmati kebebasan dan kedudukannya adalah setara dengan eksekutif tetapi perundangan dan rakyat masih di bawah kuasa eksekutif. Dari segi model ia boleh digambarkan seperti berikut: Bulatan yang mewakili kehakiman dan

akhbar adalah sama besar dengan bulatan yang mewakili eksekutif dan terletak di luar bulatan eksekutif, manakala bulatan yang mewakili perundangan dan rakyat terletak di dalam bulatan eksekutif. Konfigurasi kuasa ini menepati Kuasa Integrasi Tidak Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1867–1941

Berdasarkan penemuan dalam Bahagian Tiga, tempoh yang panjang antara 1867–1941 ini harus dipecahkan kepada dua tempoh iaitu antara 1867–1914, dan 1914–1941. Beberapa undang-undang yang membendung akhbar digubal dalam tempoh 1914–1941 termasuk undang-undang yang melarang penyiaran berita tertentu, mewajibkan diambil lesen untuk memiliki mesin cetak dan mewajibkan pengambilan permit untuk menerbitkan akhbar. Tempoh berikutnya ialah tahun 1942–1945 iaitu ketika Malaya dan Singapura di bawah pemerintahan Jepun.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1867–1914

Jajahan Negeri-negeri Selat diwujudkan dalam tahun 1867 dan satu daripada ciri pemerintahan baru itu ialah memastikan kuasa Gabenor dan kuasa kehakiman adalah berasingan. Sebelum itu kuasa kehakiman dan Gabenor bersekali. Undang-undang Akta India No. XI 1835 yang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat dalam tahun 1835 masih terus terpakai di bawah koloni itu. Akhbar menikmati kebebasan sehingga Oktober 1914 apabila undang-undang yang mengawal penyiaran berita tentera dikuatkuasakan berikutan Perang Dunia Pertama.

Di Negeri-negeri Selat, mulai 1867 kuasa pemerintah sudah diletakkan jelas antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Tampuk eksekutif, yang merupakan kuasa sebenar kerajaan, dipegang oleh Gabenor dengan sebuah majlis eksekutif. Majlis Perundangan lebih merupakan penyokong atau penasihat kepada kerajaan kerana komposisi anggotanya hampir keseluruhannya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam tempoh antara 1867–1914, konfigurasi kuasanya adalah seperti berikut: Bulatan yang mewakili Kehakiman dan Akhbar adalah sama besar dengan bulatan yang mewakili eksekutif dan terletak di luar bulatan eksekutif, manakala bulatan yang mewakili perundangan dan rakyat terletak di dalam bulatan eksekutif.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1967–1914 adalah sama dengan konfigurasi kuasa bagi tempoh 1835–1867.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1914–1941

Dalam tempoh ini beberapa undang-undang penting yang berkaitan dengan akhbar diperkenalkan. Undang-undang yang pertama, walaupun ia bercorak sementara iaitu *Naval and Military News (Emergency) Ordinance 1914* dan *Naval and Military News (Emergency) Enactment, 1914* diperkenalkan. Undang-undang penting yang berkaitan dengan mesin cetak dan penerbitan diwujudkan dalam tempoh ini. Selain itu undang-undang mengenai penerbitan yang berunsur hasutan juga diperkenalkan. Perubahan kepada undang-undang ini disebabkan kegiatan yang tidak disenangi oleh kerajaan berhubung dengan perjuangan kemerdekaan India. Selepas itu apabila kerajaan Negeri-negeri Selat mendapati bahawa gerakan di kalangan penduduk Cina mula menggunakan akhbar, langkah diambil supaya mesin cetak perlu dilesen sebagai usaha untuk mengawalinya.

Mulai 1915 Ordinan Penerbitan Hasutan 1915 dikuatkuasakan, dan mulai 1920 lesen diperlukan untuk memiliki dan menyimpan mesin cetak, manakala mulai 1939 permit penerbitan dikehendaki untuk mencetak dan menerbit akhbar. Langkah ini memperlihatkan kawalan terhadap akhbar. Namun demikian nampaknya kawalan ini dibuat berpilih-pilih. Ini bermakna bukan semua akhbar terjejas dengan langkah ini, cuma akhbar atau maklumat yang tidak dikehendaki saja yang terjejas. Misalnya, kawalan terhadap mesin cetak ditujukan terhadap berita yang berkaitan dengan Kuomintang, manakala kawalan terhadap penerbitan ditujukan terhadap akhbar yang berkemungkinan memberi propaganda kepada Jepun. Dalam tempoh ini akhbar berbahasa Inggeris tidak terjejas. Akhbar berbahasa Inggeris mendapat keistimewaan, tetapi akhbar berbahasa Cina dikawal ketat. Ada beberapa buah akhbar Cina yang terjejas kerana tindakan diambil terhadap pemilik mesin cetak kerana akhbar berkenaan menerbit berita anti-Jepun pada awal 30-an apabila British masih berbaik-baik dengan Jepun.

Pemerintahan masih belum bercorak demokrasi, walaupun dalam struktur pemerintahan Negeri-negeri Selat terdapat sebuah Majlis Perundangan, dan kebanyakan ahli Majlis Perundangan adalah pegawai-pegawai kerajaan. Pada mulanya cuma seorang ahli bukan kerajaan dilantik iaitu seorang saudagar berbangsa Inggeris. Bagaimanapun, kemudiannya wakil bukan Inggeris dilantik duduk di dalamnya, beberapa orang Cina bagi mewakili Singapura, Melaka, dan Pulau Pinang. Seorang Melayu dilantik ke Majlis Perundangan dalam tahun 1924. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Majlis Perundangan juga ditubuhkan, tetapi ahli-ahli mula terdiri daripada Raja-raja Melayu selain daripada pegawai British. Walaupun terdapat Majlis Perundangan, Gabenor masih mempunyai kata terakhir. Dalam tempoh ini akhbar-akhbar Melayu, China, dan Tamil mula tumbuh, sama ada harian atau mingguan.

Dalam tempoh sebelum ini, khususnya antara 1806–1830, penapisan langsung merupakan satu daripada asas kawalan, selain daripada kawalan melalui naungan (dengan pemberian pinjaman). Bagaimanapun dalam tempoh 1914–1941 pengawalan akhbar ialah melalui undang-undang. Walaupun penapisan langsung tidak ada, beberapa jenis penapisan lain timbul, iaitu penapisan sendiri, penapisan selepas penerbitan, dan arahan. Penapisan sendiri berlaku kerana undang-undang yang digubal melarang disiarkan sesuatu berita seperti hasutan, rahsia rasmi, dan sebagainya. Penapisan selepas penerbitan ialah tindakan kerajaan membaca semua berita yang disiarkan dan memaklumkan atau mengambil tindakan terhadap penerbit berkenaan menjadi satu amalan khususnya mulai 1930 ketika Negeri-negeri Selat di bawah pentadbiran Gabenor Cecil Clementi. Arahan pula ialah larangan yang biasanya tidak diliput dalam undang-undang.

Para pengarang diminta supaya jangan menyiar sesuatu berita kerana kepentingan negara. Arahan seumpamanya ialah berkenaan Kuomintang. Selain itu kerajaan juga boleh melarang maklumat dari seberang laut (tanpa adanya undang-undang), iaitu dengan hanya tidak mengizinkan maklumat itu dikirim melalui telegraf sebagaimana yang diminta oleh German News Agency dan Domei dari Jepun.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1914–1941 adalah seperti berikut. Kehakiman adalah satu-satunya kuasa yang sama taraf dengan eksekutif, manakala akhbar dikawal melalui undang-undang. Rakyat bukan saja tidak bebas ia juga tidak mempunyai kuasa dan badan perundangan juga tidak mempunyai kuasa mutlak.

Konfigurasi kuasa ini boleh digambarkan secara model seperti berikut: Dua kuasa terletak di luar bulatan kuasa eksekutif tetapi satu daripadanya kecil, manakala yang satu lagi sama saiz dengan bulatan kuasa eksekutif. Dua bulatan lagi terdapat di dalam bulatan yang melambangkan kuasa eksekutif. Bentuk ini ialah Model Kuasa Integrasi Tidak Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1942–1957

Berdasarkan penemuan dalam Bahagian Empat, tempoh dari 1942–1957 boleh dibahagikan kepada 1942–1945, 1946–1955, dan 1955–1957. Tahun 1946 merupakan tahun bermulanya kerajaan tetap iaitu pada 1 April 1946 apabila Malayan Union dimulakan. Sebelum itu negara ini diperintah oleh Pentadbiran Tentera British. Garis pemisah diambil pada tahun 1955 ialah kerana pada

tahun itu rakyat mendapat kuasa untuk memilih kerajaan sendiri. Ini berbeza dengan tempoh sebelumnya.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1942–1945

Tanah Melayu dan Singapura ditadbirkan oleh Jepun dari tahun 1942–1945. Pentadbiran Jepun dalam tempoh ini dikendalikan seluruhnya oleh tentera yang berpusat di Singapura. Jepun memerintah Malaya sebagai sebuah tanah jajahan yang berpadu di bawah satu Kerajaan Agung diketuai oleh MMA di Singapura. Pentadbiran MMA di Singapura mengeluarkan undang-undang untuk digunakan oleh negeri. Oleh kerana pada ketika ini badan perundangan tidak wujud, undang-undang ini hanya diwujudkan oleh pentadbiran Jepun.

Pentadbiran Jepun juga mempunyai sistem kehakiman. Setakat yang diketahui cara pelaksanaan kehakiman adalah keras sekali. Pemisahan kuasa kehakiman tidak wujud kerana tentera juga memegang jawatan hakim. Pentadbiran Tentera Jepun adalah keras. Banyak kesalahan dikenakan hukuman bunuh.

Dalam tempoh ini Jepun menguasai sepenuhnya penerbitan akhbar. Ia diuruskan oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Syonan Sinbun-kai. Akhbar-akhbar yang diterbitkan digunakan untuk menyampaikan maklumat yang dikehendaki oleh Jepun. Peritidak adanya kebebasan akhbar dalam masa pemerintahan Jepun diakui sendiri oleh akhbar seperti *Malai Sinpo*. Akhbar tidak boleh wujud secara berasingan daripada negara, akhbar tidak boleh berdiri di luar sebagai pemerhati bersedia untuk memusahkan tetapi tidak pernah untuk membina semula.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh ini adalah sebagaimana Model Kuasa Berintegrasi Mutlak. Semua kuasa berpadu di bawah eksekutif iaitu pemerintah tentera. Tentera memegang semua fungsi, ia mentadbir, ia membuat undang-undang, ia menghakimi dan ia juga menguruskan penerbitan akhbar.

Kebebasan akhbar tidak wujud dalam tempoh ini kerana penerbitan akhbar dikawal ketat dan hanya berita yang dibenar disiarkan oleh tentera Jepun disiarkan.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1946–1955

Tempoh 1946–1955 adalah suatu tempoh yang agak unik bagi Malaya. Walaupun rakyat negara ini masih terjajah, suara rakyat melalui bantahan terhadap gagasan Malayan Union telah menjadikan mereka satu kuasa yang diambil perhatian oleh kerajaan pada ketika itu. Dari segi hakikatnya mereka masih

dijajah, tetapi dari segi kuasa mereka bebas. Kebebasan akhbar juga wujud, bukan saja terhad kepada akhbar Inggeris tetapi juga akhbar lain, kecuali akhbar yang menyiarkan berita berkaitan komunis di mana tindakan diambil terhadap para pengarangnya.

Dalam tempoh 1946–1955 kuasa parti politik yang diterajui oleh UMNO memainkan peranan penting dalam penubuhan dan kemerdekaan negara ini. Letusan rakyat menentang gagasan Malayan Union memberi kuasa kepada pertubuhan yang dinamakan UMNO. Kuasa yang ada kepada para pemimpin UMNO ini diiktiraf oleh British. UMNO dan Raja-raja Melayu berunding sebagai satu pasukan dengan British, malah landasan perbincangan dan perundingan dibuat oleh pertubuhan itu.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948, para pemimpin UMNO diberi beberapa kedudukan penting, sama ada di dalam Majlis Eksekutif atau Majlis Perundangan Persekutuan dan di peringkat negeri sebagai menteri besar atau ahli majlis negeri. Walaupun kuasa yang diberi oleh British mungkin tidak banyak tetapi peluang duduk semeja berbincang dan membuat sesuatu keputusan menjadikan ia seperti suatu perkongsian kuasa.

Bagaimanapun, dalam tempoh ini keadaan Darurat diisytiharkan dalam tahun 1948 dan hanya berakhir pada tahun 1960. Dalam tempoh Darurat ini tindakan yang keras diambil oleh kerajaan terhadap pengganas komunis. Beberapa undang-undang yang berkaitan dengan akhbar, yang pada asasnya adalah undang-undang yang sama sebagaimana yang dikuatkuasakan pada sebelum Perang Dunia Kedua di Negeri-negeri Selat, dikuatkuasakan di Tanah Melayu. Lain-lain undang-undang Darurat juga dikenakan. Ada editor yang ditahan, termasuk A. Samad Ismail (di Singapura).

Di bawah Malayan Union terdapat pemisahan kuasa kepada tiga cawangan pemerintahan iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Bagaimanapun, oleh kerana eksekutif dan perundangan dikuasai oleh Gabenor, tidaklah ada pemisahan sebenarnya. Bagaimanapun, kehakiman adalah bebas. Pada waktu Malayan Union ini, rakyat nampak berkuasa sekali, tetapi oleh kerana kedudukannya masih tidak bebas kerana ia masih rakyat yang dijajah. Di bawah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai 1948–1955, kedudukan dari perspektif kuasa adalah hampir sama dengan tempoh sebelumnya. Perbezaan kecil yang terdapat ialah penyertaan rakyat dalam majlis perundangan dan majlis eksekutif secara terhad.

Berdasarkan cerakinan di atas model yang dapat dibina ialah seperti berikut. Bulatan yang mewakili Kehakiman dan Akhbar terletak di luar bulatan yang mewakili bulatan kuasa eksekutif. Bulatan yang mewakili kehakiman adalah

sama besar dengan bulatan eksekutif, yang melambangkan kuasa yang sama. Bagaimanapun, bulatan akhbar adalah lebih kecil. Rakyat dan badan perundangan terletak di dalam bulatan walaupun bentuknya lebih kecil, yang menunjukkan ia masih belum bebas sepenuhnya. Jenis Konfigurasi kuasa ini ialah Kuasa Integrasi Tidak Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1955 –1957

Dari segi konfigurasi kuasa, kehakiman adalah kuasa yang terasing dan bebas, Majlis Perundangan Persekutuan dikuasai oleh ahli Perikatan, walaupun terdapat ahli yang dilantik dan kerajaan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman masih tertakluk kepada kuasa pegawai-pegawai British termasuk Pesuruhjaya Tingginya. Dalam tahun 1955, rakyat telah diberi peluang memilih kerajaan sendiri, walaupun negara masih dijajah. Dari segi kebebasan rakyat adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa Darurat. Tetapi akhbar nampaknya bebas walaupun dikawal oleh undang-undang.

Tempoh 1955–1957 memperlihatkan kuasa perundangan berubah kepada parti yang menang dalam pilihan raya umum 1955, walaupun masih terdapat saki baki kuasa British. Keadaan ini agak unik kerana British masih memegang tampuk kerajaan, tetapi Ketua Menteri kerajaan itu dipegang oleh seorang rakyat negara ini iaitu Tunku Abdul Rahman Putra. Soal kebebasan akhbar membawa kepada tahun 1957, iaitu menjelang kemerdekaan nampaknya menjadi prihatin pengendali akhbar dan pentadbir. Walaupun demikian bukan seluruh industri akhbar memberi perhatian kepada soal tersebut. Dalam tempoh ini nampaknya belum wujud kumpulan pendesak yang memperjuangkan kebebasan akhbar. Kerajaan pada ketika itu dilihat sebagai memberi kebebasan akhbar.

Konfigurasi kuasa adalah seperti berikut. Satu kuasa berkedudukan setara dengan eksekutif manakala tiga kuasa lagi masih dikuasai oleh eksekutif. Dari segi model ia adalah seperti berikut. Kehakiman adalah setara dengan eksekutif, manakala rakyat dan perundangan masih terkawal tetapi tidak di bawah kuasa eksekutif. Perlu diingat bahawa tempoh ini negara masih belum merdeka. Mengikut jenis yang dikenal pasti konfigurasi ini adalah Kuasa Dominan Hampir Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1957–1990

Berdasarkan penemuan dalam Bab Lima tempoh 1957–1990 harus dipecahkan kepada beberapa tempoh seperti berikut: 1957–1969, 1969–1971, 1971–1987,

dan 1987-1990. Pemecahan ini berdasarkan kepada perubahan-perubahan atau peristiwa yang berlaku dalam tempoh tersebut yang menyebabkan konfigurasi kuasa berubah kedudukannya.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1957-1969

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Perlembagaannya menentukan bahawa terdapat pemisahan kuasa antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Dari segi konfigurasi kuasa, kehakiman adalah kuasa yang terasing dan bebas, badan perundangan iaitu Majlis Perundangan Persekutuan dikuasai oleh ahli Perikatan sehingga pilihan raya umum baru diadakan pada 1959 yang juga dimenangi oleh Perikatan. Selepas merdeka konfigurasi kuasa adalah seperti berikut, kehakiman tetap terasing dan bebas, rakyat kini sudah merdeka dan berhak memilih kerajaan yang mereka kehendaki. Tetapi rakyat tetap dikawal oleh undang-undang seperti Akta KDN yang baru diperkenalkan dalam tahun 1960. Kebebasan akhbar adalah terkawal.

Keadaan yang wujud antara 1957-1969 dapat dikenal pasti sebagai Kuasa Dominan Hampir Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1969-1971

Tempoh antara 1969-1971 ialah yang berkaitan dengan kejadian 13 Mei 1969. Berikutan kejadian ini Parlimen digantung dan pemerintahan negara dijalankan melalui Mageran yang diketuai oleh Pengarahnya iaitu Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri. Walaupun Kabinet masih ada tetapi yang lebih berkuasa ialah Mageran. Akhbar juga dikawal dengan begitu ketat sekali hinggalah diadakan undang-undang penapisan, yang diwartakan tetapi tidak dilaksanakan. Kebebasan rakyat juga terus disekat dengan menjadikan kesalahan hasutan mempersoalkan soal kerakyatan, keistimewaan orang-orang Melayu, kedudukan Raja-raja Melayu, dan soal bahasa. Kehakiman tidak terjejas pada waktu ini.

Selaras dengan keadaan yang luar biasa itu akhbar adalah dikawal ketat. Akhbar tidaklah ditapis sebelum diterbitkan, tetapi ancaman penguatkuasaan penapisan telah cukup menggerunkan pihak akhbar. Malah akhbar telah digantung beberapa hari selepas kejadian rusuhan itu. Ini juga menjadi sebagai amaran kepada akhbar apa yang akan berlaku jika mereka tidak mematuhi perintah Mageran pada waktu itu.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1969–1971 ialah seperti berikut. Hanya Kehakiman yang setara dengan eksekutif. Yang lainnya iaitu rakyat dan akhbar adalah terkawal. Sebaliknya, perundangan digantung dan tidak mempunyai kuasa.

Dari segi model ia boleh digambarkan seperti berikut. Bulatan yang mewakili kuasa kehakiman adalah sama besar dengan bulatan yang mewakili eksekutif dan bulatan kehakiman ini terletak di luar. Bulatan yang mewakili rakyat dan akhbar juga terletak di luar tetapi saiznya lebih kecil daripada bulatan eksekutif kerana ia dikawal oleh eksekutif. Bulatan perundangan terletak di dalam bulatan eksekutif.

Model yang sesuai dengan tempoh ini ialah Kuasa Integrasi Hampir Tidak Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1971–1987

Ada beberapa kejadian yang berlaku dalam tempoh 1971–1987 yang memberi kesan kepada konfigurasi kuasa. Berikutan kejadian rusuhan pada 13 Mei 1969, Akta Hasutan telah diperketatkan dan ini melibatkan akhbar. Bermula dari tahun 1972, corak pemilikan akhbar berubah. Kumpulan terbesar akhbar di negara ini iaitu *The New Straits Times* diambil alih oleh pemilik tempatan, dan sebahagian besarnya ada kaitan dengan parti yang berkuasa. Beberapa buah akhbar kemudiannya turut dimiliki oleh beberapa parti dalam komponen parti pemerintah. Parlimen dikawal oleh eksekutif melalui keanggotaan ahli partinya yang ramai melebihi dua pertiga kerusi Parlimen. Rakyat juga dikawal melalui beberapa undang-undang seperti Akta Hasutan. Perhimpunan dan kempen perlu mendapat permit polis. Cuma kehakiman yang tidak dikawal. Pengasingan kuasa tetap berkuat kuasa setakat yang berkaitan dengan kehakiman.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1971–1987 adalah seperti berikut. Kedudukan kehakiman adalah setara dengan eksekutif manakala kuasa-kuasa yang lain, iaitu akhbar, perundangan, dan rakyat adalah dikawal oleh eksekutif. Dari segi model ia boleh digambarkan seperti berikut: semua ciri kuasa terletak di luar bulatan yang mewakili bulatan eksekutif. Bagaimanapun hanya bulatan yang mewakili kuasa kehakiman sama saiznya dengan bulatan yang mewakili kuasa eksekutif. Tiga bulatan yang lain yang mewakili kuasa perundangan akhbar dan rakyat adalah lebih kecil saiznya daripada bulatan eksekutif.

Model yang sesuai dengan tempoh inilah Kuasa Dominan Hampir Mutlak.

Konfigurasi Kuasa Dalam Tempoh 1987-1990

Dalam tempoh ini ciri pemisahan kuasa wujud di antara eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Rakyat adalah merdeka dan akhbar dimiliki secara swasta. Bagaimanapun, kawalan terdapat dalam ciri-ciri kuasa lain. Kawalan eksekutif terhadap badan perundangan adalah melalui keanggotaan yang melebihi dua pertiga kerusi Parlimen. Kawalan terhadap kehakiman dilakukan melalui penetapan bidang kuasa kehakiman iaitu keputusan kerajaan berkaitan dengan akhbar sebagai muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Rakyat dan akhbar dikawal melalui beberapa akta seperti Akta Rahsia Rasmi. Tidak dapat dinafikan lebih banyak penerbitan dikeluarkan dalam tempoh ini daripada tempoh-tempoh sebelumnya. Dalam tempoh ini kebebasan akhbar wujud dalam lingkungan undang-undang.

Tempoh 1987-1990 adalah cukup singkat tetapi perubahan yang ketara berlaku yang merubah konfigurasi kuasa. Dalam tempoh ini beberapa pindaan undang-undang dilakukan oleh eksekutif melalui Parlimen. Antaranya ialah pindaan kepada Perlembagaan iaitu Perkara 121(1) yang berkaitan dengan Kehakiman.¹ Akta itu menggugurkan perkataan "kuasa kehakiman", yang digunakan sebagai kontras kepada kuasa eksekutif dan kuasa perundangan daripada fasal (1) Perkara itu. Selain itu, pindaan itu juga memperuntukkan yang dua Mahkamah Tinggi dan mahkamah subordinat hanya mempunyai bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, dan seterusnya pindaan itu memperuntukkan fasal baru (1A) yang memperuntukkan bahawa mahkamah-mahkamah tersebut tidak mempunyai bidang kuasa berkaitan dengan sebarang perkara di dalam bidang kuasa mahkamah syariah.² Menurut Suffian Hashim, boleh diujah sama ada kuasa kehakiman masih kekal pada kehakiman walaupun perkataan "kuasa kehakiman" sudah dihapuskan. Jelas beliau, di Malaysia Parlimen yang dari segi kesannya bermaksud kerajaan, boleh membuat undang-undang untuk mengurangkan bidang kuasa dan kuasa kehakiman.³ Pindaan selanjutnya dibuat terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang tidak membenarkan dibawa ke mahkamah jika permohonan seseorang untuk mendapatkan permit penerbitan ditolak oleh kerajaan. Begitu juga hak pendengaran tidak diberi kepada sesiapa jika permitnya ditarik balik atau sebagainya. Sekatan ini menjejaskan kebebasan seseorang, walaupun kerajaan mengatakan langkahnya itu mempunyai kewajaran. Selanjutnya, kerajaan melalui Parlimen telah menghapuskan hak seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk memohon *habeas corpus*. Ini bermakna seseorang yang ditahan di bawah Akta ini tidak boleh lagi pergi ke mahkamah untuk mencabar kesahan perintah yang menahan beliau.

Cabaran demikian, yang boleh dilakukan sebelumnya, boleh memalukan kerajaan hingga terpaksa untuk memberi sebab secara terbuka keputusan yang dibuat dan dengan demikian boleh menghalang kerajaan dari menahan sesiapa saja yang tidak bersetuju dengannya.⁴ Selain itu peristiwa Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas dilucutkan jawatannya dengan begitu segera dilihat oleh Suffian Hashim sebagai kebebasan kehakiman hanya wujud di atas kertas.⁵ Selain apa yang disebutkan, mahkamah berfungsi dengan bebas, maksudnya eksekutif tidak mengganggu keputusannya.

Konfigurasi kuasa dalam tempoh 1987–1990 adalah seperti berikut. Semua ciri kuasa nampaknya di bawah kawalan eksekutif. Dari segi modelnya ia boleh dilihat sebagai berikut. Empat bulatan kecil terletak di luar bulatan yang lebih besar iaitu bulatan eksekutif. Dari segi jenis yang dirumuskan sebagai Kuasa Dominan Mutlak yang ditakrifkan sebagai pengawalan oleh eksekutif ke atas empat kuasa lain; bentuk modelnya keempat-empat jenis kuasa terletak di luar kuasa eksekutif, tetapi oleh kerana masing-masing terkawal bentuknya adalah lebih kecil daripada bulatan kuasa eksekutif.

Model Kuasa Dominan Mutlak bersesuaian dalam tempoh 1987–1990.

Perbincangan Penemuan

Kajian ini telah cuba mengenal pasti sistem akhbar yang wujud antara tahun 1806–1990. Pengkaji cuba memastikan jenis sistem akhbar yang diamalkan mengikut tempoh-tempoh yang ditetapkan, berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi. Adalah difikirkan penemuan yang terpenting ialah sistem akhbar berubah antaranya, mengikut keadaan, masa, dan perubahan dalam masyarakat. Perubahan-perubahan ini menyebabkan ciri kuasa turut berubah, dan ini memberi kesan ke atas amalan sistem akhbar. Seperkara lagi kebebasan akhbar wujud dalam keadaan negara tidak merdeka, dan sebaliknya akhbar boleh terkawal dalam negara merdeka.

Perkembangan politik luar negeri, khususnya berkaitan dengan negara China, telah menyebabkan kerajaan memperkenalkan undang-undang melesen mesin cetak dalam tahun 1920 di Negeri-negeri Selat, dan 1924 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tujuannya ialah untuk mengawal penduduk Cina di negara ini (termasuk Singapura) daripada membangkitkan kekacauan. Selain itu beberapa undang-undang lain diperkenalkan seperti keperluan permit untuk menerbitkan akhbar dan Ordinan Rahsia Rasmi. Yang menariknya, pendapat yang berbeza antara pegawai-pegawai tempatan dan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan,

London mengenai pengenalan sesuatu undang-undang. Pegawai di Pejabat Tanah Jajahan merasa undang-undang akhbar yang wujud di Negeri-negeri Selat adalah keras dan tidak sesuai dengan amalan di Britain. Tetapi para pegawai peringkat tempatan, yang mungkin terpaksa menghadapi masalah yang berlaku, meneruskan juga dengan undang-undang demikian. Bagi mereka ketenteraman awam diutamakan.

Walaupun demikian dalam pemerintahan British wujud kebebasan akhbar khususnya antara antara 1835–1914. Kebebasan ini boleh dikatakan wujud di kalangan akhbar berbahasa Inggeris, kerana akhbar berbahasa lain masih belum menampakkan ia sebagai akhbar yang berkuasa, sekurang-kurangnya dari pandangan British. Hanya apabila akhbar-akhbar ini menunjukkan taring, akibat daripada gerakan rakyat (khususnya Kuomintang), tindakan terhadap akhbar diambil. Dalam keadaan berpilih ini kebebasan akhbar tetap wujud kerana British masih memberi keistimewaan terhadap akhbar berbahasa Inggeris, sehinggalah membawa ke Perang Dunia Kedua.

Soal kebebasan akhbar dalam zaman sebelum merdeka lebih diberi perhatian oleh pihak yang terlibat seperti akhbar. Penyuaran kebebasan akhbar oleh *The Straits Times* sebelum negara ini mencapai kemerdekaan lebih merupakan kebimbangan akhbar itu bahawa kebebasan yang dinikmatinya mungkin terancam di bawah kerajaan yang diterajui oleh rakyat peribumi. Sebagai sebuah perusahaan perniagaan akhbar *The Straits Times* mengambil jalan pragmatik dan dapat hidup secara harmoni dengan kerajaan British.

Soal kebebasan akhbar diberi perhatian yang lebih terutamanya dalam tahun-tahun 70-an. Ada beberapa pandangan mengenai perkara ini, antaranya kerana beberapa undang-undang diperketatkan selepas kejadian rusuhan 13 Mei 1969. Bagaimanapun, masyarakat Malaysia sudah semakin meningkat dari segi ekonomi dan dengan berkembangnya masyarakat kelas menengah desakan untuk lebih banyak kebebasan pun meningkat.

Soal ketenteraman awam ini berterusan hingga selepas Merdeka. Malaysia yang mewarisi sistem yang diamalkan oleh British, dan undang-undang yang diperkenalkan oleh British lama sebelum merdeka lagi terus digunakan dengan pindaan-pindaan yang dilakukan dari semasa ke semasa.

Hasrat kerajaan untuk membangun negara memerlukan keadaan negara yang stabil, tidak digugat oleh terlalu banyak desakan-desakan yang boleh membawa kepada gangguan usaha pembangunan ini. Ini memerlukan kebebasan akhbar dikawal. Ini jelas dilihat di bawah pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Kawalan terhadap akhbar bukanlah berlaku dalam keadaan terpencil. Kerajaan juga mahu keadaan yang harmoni di kalangan swasta

terutama di kilang-kilang perusahaan, supaya pembangunan perindustrian di negara ini tidak terancam.

Cabaran kepada akhbar pada masa depan ialah bagaimana ia boleh meningkatkan profesionalismenya. Buat masa ini usaha telah dibuat ke arah tersebut, misalnya dengan memperkenalkan tatasusila untuk wartawan Malaysia. Oleh kerana tatasusila itu masih baru, belumlah dapat dilihat sama ada ia sesuai atau tidak sebagai satu landasan untuk meningkatkan profesionalisme kewartawanan di negara ini.

Perkembangan yang bagaimanakah yang boleh dijangka pada masa depan? Kepelbagaian kaum di Malaysia akan terus menjadi satu kebimbangan kepada kerajaan, sama ada dapat melonggarkan sekatan dan kawalan yang dikenakan, walaupun negara telah dapat mencapai pembangunan yang diharapkan. Peristiwa bulan Oktober 1987 di mana 106 orang telah ditangkap menunjukkan bahawa percubaan ke arah dasar liberal (sebagaimana yang dinyatakan oleh kerajaan) hampir membawa kepada kekacauan. Walaupun babak itu akan tetap menjadi kontroversi, tetapi kejadian-kejadian kekacauan di tempat lain akan menyedarkan rakyat bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan adalah perlu untuk keamanan dan ketenteraman negara. Sebuah negara yang aman tetapi kebebasannya agak terkawal adalah lebih baik daripada negara yang bebas tetapi penuh dengan kekacauan.

Seperkara lagi ialah siapakah, atau kumpulan manakah yang akan menguasai politik negara ini pada masa depan? Jika UMNO terus menjadi tunjang kepimpinan negara, soalan berikutnya yang harus ditanya ialah siapakah atau kumpulan manakah yang akan menguasai UMNO. Pada zaman awalnya, UMNO dikuasai oleh kaum guru tetapi lama-kelamaan ia sudah diambil alih sedikit demi sedikit oleh kumpulan usahawan dan perniagaan. Kumpulan ini bolehlah digolongkan ke dalam golongan kuasa ekonomi. Oleh kerana negara ini sedang menuju kepada pembangunan ekonomi yang memberi penekanan kepada sektor swasta (penswastaan dan pengkorporatan), kumpulan ini dijangka lebih membesar dan berkuasa pada masa depan.

Jika PAS pula dapat memperluaskan pengaruhnya, idea-idea mengenai kebebasan menurut Islam juga akan menjadi saingan kepada kebebasan yang diperjuangkan oleh kumpulan-kumpulan lain seperti Aliran, dan Majlis Peguam.

Apakah yang akan terjadi apabila beberapa aliran fahaman mengenai kebebasan akhbar ini bertembung pada masa depan? Jawapan yang tepat tidak dapat diberikan pada masa ini tetapi yang pasti ialah asas apa yang akan berlaku pada masa depan sudah pun dibina pada waktu ini.

Perspektif Kuasa Sebagai Alternatif

Pendekatan Perspektif Kuasa atau nama penuhnya Perpektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa telah dirumus dan digunakan untuk mengkaji sistem akhbar di Malaysia dari 1806–1990. Untuk tempoh hampir 200 tahun itu, kajian ini telah menunjukkan perbezaan dalam sistem akhbar dari satu tempoh pemerintahan ke satu tempoh pemerintahan lain. Malah dalam sesuatu tempoh pemerintahan itu, wujud juga perbezaan. Apa yang menyebabkan perbezaan-perbezaan itu? Dengan berlandaskan Perspektif Kuasa, kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan nyata berlaku akibat perubahan konfigurasi kuasa. Misalnya, dalam tempoh awal kajian ini, beberapa ciri kuasa terletak di tangan Gabenor; (eksekutif) ini menjadikan ia cukup berkuasa dan kawalan terhadap akhbar yang sangat ketat berlaku. Manakala dalam zaman peralihan (1946–1957), kuasa rakyat yang dipimpin oleh UMNO nampak begitu kuat; walaupun rakyat masih belum bebas pemerintah mengiktiraf kuasa ini, dan dalam tempoh ini wujud kebebasan akhbar pada amnya walaupun terkawal. Bagaimanapun, ini tidak mengambil kira tindakan terhadap akhbar yang memperjuangkan fahaman komunis yang sedang diperangi ketika itu. Ini menunjukkan sesuatu sistem akhbar boleh berubah-ubah. Jika terdapat perubahan dalam konfigurasi kuasa, sistem berkenaan pun akan berubah. Dengan menggunakan Perspektif Kuasa, adalah mungkin untuk melihat bentuk sistem akhbar itu.

Keadaan ini berbeza daripada apa yang dicadangkan oleh sarjana-sarjana lain seperti Siebert et al., McQuail dan Hachten. Siebert et al. dan Hachten melandaskan teori mereka kepada sistem politik dan ekonomi. Teori yang berlandaskan kepada sistem politik atau ekonomi semata-mata, sebagaimana yang ditunjukkan lebih awal, tidak dapat mencakupi sebahagian besar daripada negara di dunia ini. Selain itu ia tidak dapat menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam sesuatu sistem berkenaan. Di sinilah terletaknya kekuatan Perspektif Kuasa iaitu keluwesannya. Perspektif Kuasa melihat ciri kuasa dan kedudukannya secara relatif dengan kuasa-kuasa lain. Perubahan dalam konfigurasi kuasa menyebabkan perubahan dalam sesuatu sistem akhbar. Perubahan dari satu sistem kepada satu sistem akhbar boleh berlaku dengan mudah, berbeza dengan teori-teori lain. Pengkaji merasa inilah sumbangan terbesar kajian ini terhadap memahami sistem akhbar dan pembentukan atau perkembangannya.

Kedinamikannya dapat dilihat dari kemampuannya untuk menyesuaikan dengan keadaan. Seperkara lagi yang tidak terdapat dalam teori-teori lain ialah perubahan-perubahan dan kejadian-kejadian yang mengubah konfigurasi ciri

kuasa yang menyebabkan berubahnya sistem akhbar. Penemuan ini dibuat hasil daripada penelitian terhadap perkembangan dalam masa hampir 200 tahun dengan mengambil kira kejadian-kejadian yang berlaku dalam tempoh tersebut. Adalah ditegaskan bahawa sistem akhbar boleh dianggap sebagai dinamik, dan konfigurasi kuasa juga boleh berubah.

Seperkara lagi penelitian sistem akhbar menggunakan Perspektif Kuasa tidak mementingkan label atau ideologi sesuatu pemerintahan kerana ia dianggap sebagai hanya tudung. Perspektif Kuasa pergi di bawah tudung itu dan melihat konfigurasi kuasa sebenar. Konfigurasi kuasa inilah yang menentukan bagaimana sistem akhbar beroperasi dalam sesebuah negara, sama ada dalam jangka pendek atau panjang.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada Malaysia. Ia seharusnya boleh diaplikasikan secara sejagat. Ini kerana lima ciri kuasa iaitu eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar dan rakyat, yang digemblengkan untuk mengkaji sistem akhbar di Malaysia terdapat juga di negara-negara lain, kerana ia merupakan kuasa yang asas. Apa yang diperlukan ialah untuk memastikan konfigurasi lima ciri kuasa ini untuk melihat kedudukan sistem akhbar di sesebuah negara. Apa yang pasti ialah Perspektif Kuasa ini memenuhi rumusan Kerlinger mengenai teori iaitu memahami, menjelas dan meramal sesuatu fenomena.

Kajian ini telah melihat lima ciri kuasa iaitu eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar dan rakyat, yang dianggap sebagai asas dalam sesuatu negara. Ia juga dirasakan dapat menolong dalam usaha mengkaji sistem akhbar di Malaysia.

Bagaimanapun, ada beberapa lagi ciri atau unsur kuasa dalam sesuatu negara yang boleh mencorakkan kuasa-kuasa yang lain. Misalnya, kuasa militari. Di sesetengah negara ia bukan saja cuba mempengaruhi pemerintahan, tetapi juga menjadi pemerintah (misalnya di Myanmar), atau di beberapa negara Afrika yang pemerintahannya diambil alih melalui rampasan kuasa. Bagaimanapun kuasa militari tidak dikaji. Kajian demikian akan memperlihatkan antara lainnya sama ada militari adalah pemerintah atau diperintah.

Dari satu sudut yang lain, hubungan kuasa antara kerajaan negeri dan persekutuan juga tidak dikaji dalam kajian ini. Satu daripada sebabnya soal hubungan antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat tidak begitu ketara berbeza. Bagaimanapun, setelah Kelantan diperintah oleh PAS, selepas pilihan raya umum 1990, hubungan ini mula nampak berbeza, terutama apabila Kelantan berhasrat menubuhkan stesen radio dan televisyen sendiri. Begitu juga dengan kerajaan Sabah yang dipimpin oleh Parti Bersatu Sabah. Pengkaji tidak mengkaji masalah ini kerana ia berlaku di luar tempoh kajian.

Selain kuasa militari, hubungan kuasa negeri dan persekutuan, pengkaji juga tidak mengkaji kuasa birokrasi dan kuasa raja. Berbanding dengan lima kuasa asas yang dikaji, kuasa-kuasa yang tidak dikaji ini tidak nampak menonjol di negara ini. Di negara-negara lain keadaannya mungkin berbeza. Selain itu perkembangan teknologi juga tidak dikaji. Secara terusnya perkembangan teknologi bukanlah satu ciri kuasa, tetapi ia boleh menjejaskan ciri-ciri kuasa yang lain.

Perkembangan teknologi yang ketara ialah satelit yang kini memancarkan siaran televisyen ke seluruh dunia dan dapat diambil siarannya dengan memiliki alat penerima. Penguasaan ekonomi ke atas kuasa politik juga tidak dikaji dalam kajian ini. Memandangkan kuasa ekonomi sedang menjadi satu kuasa yang menonjol, adalah baik jika kajian pada masa depan dapat mengambil kira kuasa ekonomi juga.

Besar kemungkinan inilah kali pertama kajian yang menggunakan Perspektif Kuasa dijalankan, sama ada di negara ini atau di tempat lain secara ini, walaupun McQuail ada menyentuhnya secara ringkas dalam bukunya. Namun penyelidikan menggunakan pendekatan sebegini nampaknya belum dijalankan. Oleh kerana kajian ini hanya mengkaji Malaysia, adalah lebih baik jika dapat kajian yang serupa dijalankan di negara lain, tanpa mengambil tempoh masa yang begitu panjang. Kajian demikian akan dapat menonjolkan ciri-ciri kuasa yang lain, yang mungkin unik bagi negara berkenaan, dan dengan demikian akan dapat memperkukuhkan lagi pengetahuan berhubung dengan pendekatan kajian begini. Selain itu, ciri-ciri kuasa yang belum dikaji dalam kajian ini seperti kuasa militari, kuasa kerajaan negeri dengan kerajaan pusat, kuasa birokrasi, kuasa ekonomi dan kuasa raja harus juga diambil kira untuk kajian akan datang.

Catatan

1. Constitution (Amendment) Act 1988 (Act A704)
2. Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Legal System of Malaysia* (2nd ed), Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., viii.
3. *Ibid.*, viii.
4. *Ibid.*, ix.
5. *Ibid.*, viii.

BAB 27

Penutup

PERSPEKTIF INTEGRASI DAN PEMISAHAN KUASA ATAU Perspektif kuasa adalah satu cara untuk melihat sesuatu sistem akhbar. Ada banyak cara lain, ataupun teori lain, untuk melihat sistem akhbar sesebuah negara. Perspektif Kuasa melihat pembentukan sesuatu sistem akhbar berdasarkan konfigurasi lima kuasa iaitu eksekutif, perundangan, kehakiman, akhbar, dan rakyat. Konfigurasi lima kuasa ini boleh memberi petanda tentang tahap kebebasan sesebuah negara. Sistem akhbar tidak boleh dilihat secara vakum: ia harus dilihat sebagai berkaitan dengan unsur-unsur yang lain. Sebab itulah Perspektif Kuasa melihat sistem akhbar dalam konteks yang luas.

Penulis percaya usaha untuk melihat atau memahami sistem akhbar akan terus dilakukan dan mungkin menggunakan cara atau perspektif yang lain. Bagaimanapun, jika usaha yang dilakukan melalui Perspektif Kuasa ini boleh menolong ke arah pemahaman demikian ini adalah satu kejayaan. Adalah juga mungkin untuk mencari jalan lain untuk mengatur konfigurasi kuasa supaya ia lebih mencerminkan sistem akhbar yang berkaitan.

Suatu perkara yang tidak dibincangkan ketika membicarakan Perspektif Kuasa ini ialah baik buruknya sesuatu sistem akhbar, yang lazimnya adalah pancaran daripada sistem pemerintahan negara tersebut. Soal baik buruk adalah soal penilaian, dan juga sudut pandangan. Sesuatu kerajaan tentunya akan melihat apa yang dilakukannya sebagai baik. Dan ia mungkin benar-benar baik.

Tetapi ada kalangan akan mempertikaikan penilaian demikian. Pihak parti pembangkang, dalam sesebuah pemerintahan demokrasi, tentunya tidak dapat bersetuju sepenuhnya dengan apa yang dijalankan oleh parti yang memerintah iaitu kerajaan. Jika parti pembangkang bersetuju seluruhnya dengan apa yang dijalankan oleh kerajaan, ia tidak ada alasan untuk hidup sebagai sebuah parti politik berasingan. Ia harus dibubarkan dan ahli-ahlinya menyertai parti pemerintah. Pihak-pihak lain juga mungkin mempunyai pandangan yang berbeza dengan pemerintah.

Seperkara lagi yang harus dilihat ialah kebebasan. Kebebasan sering dikaitkan dengan kebebasan akhbar atau kebebasan bersuara. Sebenarnya kebebasan ini boleh atau harus dilihat dengan lebih luas. Kebebasan adalah satu daripada hak asasi manusia. Ahmad Rejal Arbee merumuskan hak asasi manusia sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia kepada empat kumpulan, iaitu hak asasi sosial, ekonomi, sivil dan politik. Menurutnya keempat-empat hak ini adalah saling eksklusif. Bagaimanapun, masing-masing adalah saling bergantung dan menyokong antara satu sama lain. Rejal berkata tidak satu pun patut diberi keutamaan hingga meninggalkan yang lain. Bagaimanapun, dalam membincangkan isu hak asasi manusia, mereka yang berpendirian liberal dan dipengaruhi oleh Barat hanya menumpukan kepada hak sivil dan politik, manakala mereka yang menentang pendirian pihak liberal, bercakap dari segi memberi makanan, perlindungan, dan penjagaan kesihatan dan pendidikan kepada rakyat—iaitu hak ekonomi dan sosial patut diutamakan sebelum hak politik dan sivil boleh diberikan perhatian.

Dalam analisis terakhir negara dan rakyat yang menentukan sistem yang mereka nikmati. Walaupun ada pihak mengatakan sesebuah negara itu tidak begitu bebas, ataupun tidak bebas langsung, jika rakyat menerima sistem demikian, ini bermakna kerajaan yang menunjangi pemerintahan negara berkenaan dapat meyakini rakyatnya (melalui pilihan raya) bahawa caranya harus terus diterima. Mungkin juga rakyat lebih mementingkan hak asasi yang lain iaitu hak asasi sosial dan ekonomi, bukan hak asasi sivil dan politik. Mungkin juga cara sesebuah negara melihat masalah yang dihadapinya lebih boleh diterima berbanding dengan cara yang dilakukan oleh negara lain.

Misalnya, Malaysia khususnya dalam era mutakhir. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sering menegaskan bahawa amalan demokrasi di Malaysia mestilah sesuai dengan keadaan dalam negara ini yang penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum, bahasa, agama, kebudayaan, dan mereka terpisah kerana kegiatan ekonomi dan pencapaian mereka. Begitu juga tahap pembangunan negara ini tidak sama dengan negara-negara maju.

Ketika negara maju berada di tahap membangun, mereka juga tidak mengamalkan sistem dan nilai yang mereka amalkan sekarang. Jika ada perbezaan antara amalan demokrasi negara ini dengan demokrasi negara Barat, janganlah anggap bahawa kita tidak demokratik.

Persoalan seterusnya ialah mengenai kebebasan akhbar. Persoalan ini agak kontroversial. Pandangan tentang ini tentunya subjektif. Ada yang mengatakan akhbar di Malaysia bebas, dan ada yang mengatakan tidak bebas. Bagi Dr. Mahathir akhbar-akhbar di Malaysia adalah bebas. Katanya, bebas bukan bermakna hanya untuk mengkritik dan mengecam kerajaan tetapi juga bebas untuk menyokong kerajaan. Beliau menolak pendapat yang mengatakan jika akhbar menyokong kerajaan, ia menandakan akhbar tidak bebas; sebaliknya jika akhbar itu menentang kerajaan, ia dianggap sebagai bebas walaupun ia menentang kerana takut kepada pihak-pihak tertentu di luar kerajaan, atau takut ia tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual. Kata Dr. Mahathir, sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas.

Kerajaan Malaysia dituduh tidak mendokong kebebasan akhbar kerana ada tiga atau empat akhbar di Malaysia yang tidak mengecam kerajaan secara melulu. Tuduhan yang sama tidak ditujukan kepada negara-negara demokratik Barat, walaupun ada akhbar di negara-negara berkenaan ada yang menyokong kerajaan. Di United Kingdom, misalnya, ada akhbar yang pro-Parti Buruh dan pro-Parti Konservatif. Apabila parti Konservatif menjadi kerajaan di United Kingdom, walaupun terdapat akhbar-akhbar yang pro-Konservatif, tetapi tidak ada tuduhan bahawa tidak ada kebebasan akhbar di United Kingdom. Demikian juga jika Parti Buruh berkuasa, walaupun ada akhbar-akhbar yang pro-Buruh, tidak akan ada tuduhan yang media di Britain dikuasai oleh kerajaan.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa di Malaysia terdapat banyak akhbar yang antikerajaan. Berita-berita yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang anti Kerajaan ini amatlah buruk dan merupakan sindiran. Akhbar-akhbar ini juga melaporkan pembohongan-pembohongan secara lantang. Tetapi akhbar-akhbar ini masih kekal. Adanya akhbar-akhbar seperti ini di Malaysia pun tidak menghalang orang tertentu menuduh bahawa akhbar-akhbar di Malaysia tidak bebas. Pendek kata, jika negara Barat apa pun mereka buat adalah tidak salah. Tetapi, jika Malaysia dan negara-negara membangun yang lain buat perkara yang sama, mereka adalah salah.

Beliau berkata hakikat yang sebenarnya ialah kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana, baik di negara liberal demokrat atau di negara diktator. Di negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang tertentu yang berkuasa dalam media berkenaan. Mungkin orang ini ialah

tuan punya, atau pengarang atau syarikat-syarikat yang membeli ruang iklan. Yang penting ialah mereka boleh menapis kebenaran dan membuat laporan yang mereka suka.

Beliau berkata akhbar yang dikongkong oleh matlamat-matlamat tertentu dan pihak-pihak tertentu sehingga tidak lagi berpegang kepada kebenaran, tidaklah bebas. Janganlah ingat kerajaan sahaja yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar. Pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan, dorongan populariti—semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar.

Soal kebebasan akhbar tentunya membabitkan sekatan atau kawalan terhadap akhbar. Ada pihak melihat sekatan tertentu terhadap akhbar sebagai petanda akhbar tidak bebas. Tetapi menurut pandangan lain, sekatan terhadap akhbar perlu. Kata Dr. Mahathir, jika ada sedikit sebanyak sekatan terhadap kebebasan akhbar, umpamanya berkenaan dengan hasutan ke arah keganasan atau sekatan-sekatan terhadap laporan-laporan lucah, sebabnya ialah kerana sesiapa juga tidak boleh diberikan kuasa yang mutlak untuk mengelak daripada amalan rasuah yang mutlak. Hanya kerana kekangan ini tidak bermakna bahawa tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia.

Kata Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin kerajaan di negara ini tidak mempunyai kuasa yang mutlak. Rakyat boleh menggantikan kerajaan dan mahkamah juga boleh membatalkan keputusan kerajaan. Oleh itu, akhbar-akhbar di Malaysia mestilah menerima sekatan-sekatan tertentu terhadap mereka. Ia bukanlah bertujuan menidakkan kebebasan akhbar tetapi adalah untuk menjaga kepentingan negara.

Seperkara lagi ialah kuasa eksekutif. Jika dilihat bagaimana tidak stabilnya sesetengah negara di dunia, oleh kerana pemerintahnya tidak kukuh, negara lain mungkin akan merasa irihati melihat kukuhnya pemerintah Malaysia. Misalnya, sebuah kerajaan minoriti lazimnya tidak kukuh—anggota parlimen dari kerajaan hanya cukup untuk membentuk kerajaan tetapi tidak berupaya menguasai parlimen. Di Itali kerajaan silih berganti kerana parti politik tidak dapat membentuk sebuah kerajaan yang kukuh. Ataupun kerajaan Jepun yang dipimpin oleh M. Hosokawa, yang terpaksa bertolak ansur dengan pihak pembangkang untuk mendapat kelulusan program politiknya. India dan Pakistan juga menghadapi masalah yang hampir sama, kerana penyokong kerajaan dan pembangkang hampir sama di parlimen. Berbeza dengan Malaysia di mana penyokong kerajaan jauh lebih besar daripada pembangkang. Tidak siapa boleh mempertikaikan jika rakyat yang memilih kerajaan setiap lima tahun sekali, menerima program-program kerajaan, dan melihat kerajaan yang mereka pilih sebagai pemerintah yang adil walaupun terdapat setakatan dan kawalan dari

segi undang-undang dan sebagainya. Malah sekurang-kurangnya sebahagian besar daripada rakyat tersebut, melihat sekatan dan kawalan itu sebagai perlu dan untuk kebaikan negara.

Perspektif Kuasa hanya dapat meletakkan sistem akhbar mengikut konfigurasinya, tetapi tujuan wujudnya sesuatu sistem akhbar atau penilaian baik buruknya sesuatu sistem itu adalah di luar bidangnya.

Bibliografi

- Abdul Aziz Ishak. *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*. (Kuala Lumpur: Karya Bistari, 1987).
- Abdul Aziz Ishak. *Tamu Istimewa*. (Singapura: Penerbit Aziz Ishak). t. th.
- Abdul Razak (ed.). *Press Laws and Systems in Asean States*. (Jakarta: The Confederation of Asean Journalists Publication, 1985).
- Abdullah Basmeh. "Sepanjang Suku Abad Pelopor Perjuangan Kemerdekaan Bangsa Melayu" dlm. *Utusan Melayu 25 Tahun*. (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1964), 33-36.
- Ahmad A. Talib. "Journal's Coverage Set To Improve." *New Straits Times*, 3 Oktober 1988.
- Ahmad Boestamam. *Carving the Path to the Summit* (terj.). Roff, W. R. (Ohio: Ohio University Press, 1979).
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986).
- Ahmad Ibrahim. "Communication And Law From Malaysia Viewpoint" dlm. Abdul Razak. *Press Laws and Systems in Asean States*. (Jakarta: Confederation of Asean Journalists Publications, 1985), 62-81.
- Ahmad Rejal Arbee. "Communication Development And Human Rights: Malaysia." Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar on Communication

AKHBAR DAN KUASA

- Development and Human Rights, pada 9–11 Mei 1988 di Banglore, India.
- Akashi, Y. "Bureaucracy and the Japanese Military Administration." Dalam Newell, W.H. (ed.). *Japan in Asia*. (Singapore: University of Singapore, 1981).
- "Aliran Can Still Appeal Anew." *New Straits Times*, 16 Mac 1990.
- "Aliran Case: Ministry To Appeal." *The Star*, 5 September 1987.
- "Aliran dibenar Keluarkan Risalah Bahasa Malaysia Dengan Syarat." *Utusan Malaysia*, 16 Mac 1990.
- "Aliran Gets Permit For Magazine In Bahasa." *New Straits Times*, 22 Disember 1990.
- "Aliran to Apply Again." *New Sunday Times*, 18 Mac 1990.
- "Aliran's Bid For Bahasa Magazine Fails." *New Straits Times*, 5 Januari 1990.
- Aliran. *Reflections on the Malaysian Constitution*. (Pulau Pinang: Aliran, 1987).
- Aliran. *Issues of the Mahathir Years*. (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1988).
- Asiatic Journal*, Februari 1828.
- Asiatic Journal*, November 1829.
- Asiatic Journal*, September 1832.
- Bachtiar Djamily. *A. Samad Ismail*. (Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1985).
- Ban-lifted. Bernama (stensilan), 7 April 1983.
- Berita Harian*, 17 Mac 1970.
- Berita Harian*, 16 Februari 1974.
- Berita Harian*, "Akta Rahsia: Wartawan didenda \$10,000," 15 Oktober, 1985.
- Berita Harian*. 14 Oktober 1990.
- Bernama (stensilan), 13 Jun 1968.
- Bernama (stensilan), 9 Jun 1969.
- Bernama (stensilan), 23 Mei 1969.
- Bernama (stensilan), 24 Mei 1969.
- Bernama (stensilan), 8 Ogos 1972.
- Bernama (stensilan), 15 Oktober 1973.
- Bernama (stensilan), 6 Disember 1975.
- Birch, E. W. "The Vernacular Press in the Straits: 192–195 *JMBRAS* 4," 51–5. 42 (pt. 1) (No. 215), Ogos 1969.

- Birenbaum, A. & Sagarin, E. *Norms and Human Behavior*. (New York: Praeger Publishers, 1976).
- Board's Collection IOR F/4/581 (14155). Extract Bengal Public Consultation, 28 Ogos 1818.
- Board's Collection IOR F/4/931 (26145). Surat Herbert Compton Advocate General kepada D. Hill Ketua Setiausaha Kerajaan, 20 November 1826. dlm. Extract Fort St. George Public Consultation, 1 Disember 1826.
- Board's Collection IOR F/4/951 (26961). Extract Public Letter Bombay, 3 Disember 1825.
- Board's Collection IOR F/4/951 (26961). Extract Bombay Public Consultation, 14 Jun 1826, 9.
- Board's Collection IOR F/4/952 (27007). Extract General Surat Prince of Wales Island, 29 Ogos 1827, 13-14.
- Board's Collection IOR F/4/952 (27007). Extract Singapore Diary 14 April 1827, Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada John Prince, Residen Kaunsilor Singapura, 13 Mac 1827, 45-48.
- Board's Collection IOR F/4/952 (27007). Extract Singapore Diary 20th Feb. 1827 vide Book of Letters received from Fort Cornwallis, Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada John Prince, Residen Kaunsilor Singapura, 25 Januari 1827, 35.
- Board's Collection IOR F/4/952 (27007). Extract Singapore Diary 20 Mac. 1827, Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada John Prince Residen Kaunsilor Singapura 12 Mac 1827, 34-44.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat Balhetchet kepada Robert Fullerton, Gabenor Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, 9 Ogos 1827.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada McIntyre, 10 Ogos 1827.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat McIntyre kepada John Anderson, 17 Ogos 1827.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat McIntyre kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan, 9 Ogos 1827.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat Robert Fullerton, Gabenor Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, kepada Balhetchet, 9 Ogos 1827.

AKHBAR DAN KUASA

- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada McIntyre, 27 September 1828.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan merangkap Penapis, kepada Balhetchet, 20 September 1828.
- Board's Collection IOR F/4/1069 (29204). Extract of a General Letter to the Honorable the Court of Directors, 6 November 1827.
- Board's Collection IOR F/4/1069. Minit oleh Robert Fullerton, Gabenor Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, Enclosure No. 1 dalam surat kepada Kerajaan Agung, 7 October 1828.
- Braddell, R. St. J. *The Law of the Straits Settlements: a Commentary*. (Kuala Lumpur: Oxford Univerisy Press, 1982).
- Byrd, C. K. *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858*. (Singapore: Singapore National Library, 1972).
- Byrd, C. K. *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858*. Mansor Ahmad Saman (Pent.). (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- "Call for Ethics Panel to Hear Complaints Against Newsman." *New Sunday Times*, 21 Mei 1989.
- Carpa. *Tangled Web*. (Kuala Lumpur: Carpa, 1988).
- "Censorship Rules are Gazetted." *The Straits Times*, 22 Mei 1969, 1.
- Cetak Bernama (stensilan). 12 Disember 1974.
- Chamil Wariya. "Industri Persuratkhabaran Dengan Tinjauan Khusus Terhadap *Utusan Melayu*." dlm. Mohd. Sarim Hj Mustajab et al. *Akhbar Dan Majalah Di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangan*, 255-267, (Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988), 266-267.
- Chamil Wariya. *Umno Era Mahathir*. (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1988).
- Chan Tham Seng. "The Suspension of Asian Wall Street Journal." *Malaysian Journalism Review* 5-11. July-September 1989, 5.
- Chandra Muzaffar. *Protector*. (Pulau Pinang: Aliran, 1979).
- Chandra Muzaffar. *Freedom In Fetters*. (Pulau Pinang: Aliran, 1986).
- Cheah Boon Kheng. "Why No Research?," dlm. *Leader*, Januari 1972, 49-50.
- Cheah Boon Kheng. *Red Star Over Malaya*. (Singapore: Singapore University Press, 1983).
- Cheah Boon Kheng. *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*. (Kuala Lumpur: Singamal Publishing Bureau Sdn. Bhd., 1987).

- Cheah Boon Kheng. *Red Star Over Malaya*. (Singapore: Singapore University Press, 1987).
- Chen Mong Hock. *The Early Chinese Newspapers Of Singapore 1881-1912..* (Singapore: University of Malaya Press, 1967).
- Cheyney, E. P. "Freedom and Restraint: A Short History," dlm. Wilbur Schramm. *Mass Communications*. cetakan ke-2. (Urbana: University of Illinois Press, 1975), 203-218.
- Chin Kee Onn. *Malaya Upside Down*. (Singapore: Jitts & Co., 1946).
- Clutterbuck, R. *Conflict & Violence In Malaysia & Singapore 1945-1983..* (Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd, 1985).
- CO 273/433. Paper from Under Secretary of State for Foreign Affairs to Under Secretary of State for the Colonies: Cyper telegram to Sir R. Rodd (Rome) Pejabat Luar, November 30, 1915.
- CO 273/433. Surat daripada Pejabat Tanah Jajahan kepada India Office, 2 Mac 1915.
- CO 273/433. Surat daripada Military Secretary, India Office M. Selwyn kepada Undersecretary of State, Pejabat Tanah Jajahan, 5 Mac 1915.
- CO 273/433. Surat Lucas di India Office kepada Butler, 20 Februari 1915.
- CO 273/567/72177. Enclosure Legislative Council meeting, 25 Mac 1930: 16.
- CO 273/577/92001/7/32. Kiriman daripada Negeri-negeri Selat No. 232 bertarikh 29 April 1932. Surat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Cecil Clementi kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Sir Philip Cunliffe-Lister.
- CO 273/609/50166. Report on an Ordinance to Prevent the disclosure of official documents and information (No. 25 of 1935).
- CO 273/609/50166. Surat Gabenor T. S. W. Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. Malcolm MacDonald, 10 September 1935.
- CO 273/657/50601. Surat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil Clementi kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, 9 September 1930
- CO 273/657/50601. Confidential Despatch dari Ketua Perwakilan British Bangkok, Sir Josiah Crosby kepada Setiausaha Negara Bagi Pejabat Luar Anthony Eden, 9 Februari 1938.
- CO 273/657/50601. Draf surat Setiausaha Negeri-negeri Selat kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, yang kemudiannya diberi tarikh 17 Mac 1939.

AKHBAR DAN KUASA

- CO 273/657/50601. Memorandum Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf J. V. Cowgill kepada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Shenton Thomas, 10 Mac 1939.
- CO 273/657/50601. Surat Pejabat Luar kepada Pejabat Tanah Jajahan, 7 Mac 1939.
- CO 273/657/50601. Surat Gabenor Negeri-negeri Selat Sir T. S. W. Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald, 24 Januari 1939.
- CO 273/657/50601. Surat Gabenor Negeri-negeri Selat Sir T. S. W. Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald, 29 Mac 1939.
- CO 273/657/50601. Surat Pengurus Besar Transocean News Service Hans H. P. Melchers kepada Pemangku Ketua Pengarah Pos dan Telegraf J. V. Cowgill bertarikh 6 Mac 1939.
- CO 273/658/50616. Minit beredar (Catatan Galsworthy, 11 September 1939).
- CO 273/658/50616. Minit Mesyuarat di Pejabat Tanah Jajahan, London bertarikh 12 Jun 1939 bertajuk *Note: Japanese Propaganda in Singapore*.
- CO 273/658/50616. Surat Daripada R. Roland, Pejabat Luar kepada Setiausaha Negara, Pejabat Tanah Jajahan, 2 September 1939.
- CO 273/658/50616. Surat Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir T. S. W. Thomas, 20 Jun 1939.
- CO 273/658/50616. Surat Gabenor Sir T. S. W. Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, 26 September 1939.
- CO 273/658/50616. Surat Gabenor Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald, 25 Julai 1939.
- CO 273/658/50616. Surat Gabenor Thomas kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Malcolm MacDonald, 31 Julai 1939.
- Coates, H. & Dyer, F. *The Print and Broadcasting Media in Malaysia*. (Kuala Lumpur: Southeast Asia Press Centre, Disember 1972).
- Coleman, J. S. *Power and the Structure of Society*. (New York: W. W. Norton & Co, 1974).
- Connolly, W. (ed.). *Legitimacy and the State*. (Oxford: Basil Blackwell.
- Control of the Press (editorial, 1957). *The Straits Times*, 10 April.
- "Court Reserves Judgement on Minister's Appeal in Aliran Case." *The Star*, 29 Ogos 1989.

- Cowan, C.D. "Early Penang And The Rise Of Singapore." 1805-1832, *JMBRAS* 23(2), 1950, 58.
- "Criminal Even to Discuss Communism." *Evening Standard*, 27 Jun 1938.
- "Curbs On News For Security Reasons." *Sunday Times*, 10 November 1985.
- Das, K. (ed.) & Suaram. *The White Paper On The October Affair And The Why? Papers*. (Kuala Lumpur: Suaram, 1989).
- Das, K. *Malay Dominance: The Abdullah Rubric*. (Kuala Lumpur: K. Das Ink, 1987).
- "Decision To Cancel Journalist's Work Permit Quashed." *New Straits Times*, 4 November 1986.
- "Dewan Luluskan Rang Pindaan Mesin Cetak." *Berita Harian*, 22 Januari 1974.
- Domhoff, G. W. and Dye T. R. (eds.). *Power Elites And Organisations*. (Newbury Park: Sage Publication, 1987).
- "Don't Run Down the Country, Says Mahathir." *New Straits Times*, 11 Mac 1986.
- "Duty of a Free Press." *The Star*, 20 November 1989.
- Edelstein, A. S. *Comparative Communication Research*. (Beverly Hills: Sage Publications, 1982).
- "Editors Held Under ISA." *New Straits Times*, 23 Jun 1976, 1
- Elections In Malaysia*. (Kuala Lumpur: NSTP Research and Information Services, 1990).
- "Entry Ban on Former Editor of Utusan." *The Straits Times*, 4 September, 1961.
- Etzioni, A. *Modern Organizations*. (Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, 1984).
- "Expulsion Move Hasty." *The Star*, 4 Disember 1986.
- "Facing up to the Red Threat." *New Straits Times*, 20 Jun 1979.
- Fan Yew Teng. *Oppressors and Apologists*. (Kuala Lumpur: Egret Publications, 1983).
- Firdaus Haji Abdullah. *Kepimpinan Melayu*. (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985).
- Firdaus Haji Abdullah. *Radical Malay Politics: it's Origins And Early Development*. (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1985).
- Fong Sip Chee. *The PAP Story*. (Singapura, tiada penerbit, mungkin PAP), 1979, 14. Buku ini memerihalkan peristiwa PAP pada zaman perintisnya November 1954 April 1968.

AKHBAR DAN KUASA

- Franklin, M. A. "Freedom and Control of Communication," 887-908. Dlm. Pool I. de S., Frey, F. W., Schramm, W. Maccoby, N. Parker, E. B. (pnyt.) *Handbook Of Communication*. (Chicago: Rand McNally College Publishing Co, 1973).
- "Free Access to Parliament." *The Straits Times*, 18 Oktober 1961.
- "Freedom of the Press (editorial)." *The Straits Times*, 16 Julai 1956.
- "Freedom With Responsibility." *New Straits Times*, 19 September 1985.
- General Index of Acts, Enactment, Ordinance, Etc.* (Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Malaysia, 1980).
- Ghazali Shafie. *Malaysia: Nilai Politik & Budaya*. (Kuala Lumpur: Dinamika Enterprise, 1978).
- Ghazali Shafie. *Rukunegara A Testament Of Hope*. (Kuala Lumpur. Creative Enterprise Sdn. Bhd, 1985).
- Gibson-Hill, C. A. *The Singapore Chronicle (1824-1837)*, 1953, 175-199. *JMBRAS* 26 (pt. 1), 1953.
- Goldhamer, H. & E. A. Shils, E. A. "Types of Power and Status." *The American Journal of Sociology*, Jil. XLV September 1939 No. 2, 171-182
- Gomez, E. T. *Umno's Corporate Investments*. (Kuala Lumpur: Forum, 1990).
- "Government Admit Journalist's Expulsion Was Unlawful." *The Star*, 8 November 1986.
- "Governmentt Lifts Ban On Journal." *New Straits Times*, 14 November 1986.
- Hachten, W. A. *The World News Prism*. (Ames: The Iowa State University Press, 1981).
- Hachten., W. A. "Media Development Without Press Freedom: Lee Kuan Yew's Singapore." *Journalism Quarterly*, 66(4). Winter 1989, 822-827.
- Hall J. A. (eds.). *States In History*. (Oxford: Basil Blackwell, 1986).
- Hall, S. "Ideology And Communication Theory," dlm. D. Brenda et. al, *Rethinking Communication*. (London: Sage Publications, 1989), 1, 40-52.
- Hanharan, G. Z. *The Communist Struggle in Malaya*. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971).
- Harun-Newspaper. Bernama (stensilan), 24 April 1972.
- Heilman, M. E. & Hornstein, H. A. *Managing Human Forces in Organisations*. (Homewood, Illinois. Richard D. Irwin Inc, 1982).
- Held, D. *Models Of Democracy*. (Oxford: Polity Press, 1987).
- Hickling, R. H. Temu bual di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 14 September 1992.

- Hickling, R. H. *Essays in Malaysian Law*. (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1991).
- Honer, L. *Japanese Military Administration in Malaya and the Philippines*. (Disertasi dari University of Arizona, 1973).
- "How The Press Serves Democracy." *The Straits Times*, 24 Oktober 1961, 16
- Hussain Muhamed. *Membangun Demokrasi: Pilihanraya Di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Karya Bistari, 1987).
- Ibrahim Yaacob. *Malaya Merdeka*. (Jakarta: Kesatuan Malaya Merdeka, 1957).
- "Indian Act No. XI of 1835.," dlm. Stephen Leicester, *Straits Law Report*, 1877: 1-3. (Sama dengan yang diisytiharkan dalam tahun 1835 dalam *Singapore Chronicle* kecuali penyesuaian dengan mata wang tempatan)
- Inglis, F. *Media Theory: an Introduction..* (Oxford: Basil Blackwell, 1990).
- "Jabatan Penerangan Malaysia, Siaran Akhbar." (Dewan Rakyat-jawapan mulut), 14 Ogos 1972.
- Jackson, K. D. "Bureaucratic Polity: A Theoretical Framework for the Analysis of Power and Communications in Indonesia," dlm. Jackson. K. D. & Pye, L. W. *Political Power and Communication in Indonesia*. (Berkeley: University of California, 1978), 2-22.
- Jackson, K. D. "The Prospects For Bureaucratic Polity In Indonesia." dlm. Jackson. K. D. & Pye, Lucian W. Pye. *Political Power and Communication In Indonesia*. (Berkeley: University of California, 1978), 395-397.
- "Jawatankuasa Kaji Badan Pengawas Akhbar dibentuk." *Berita Harian*, 19 Jun 1974.
- "Journal Man Should Have Been Given Hearing." *New Straits Times*, 20 November 1986.
- "Judge: Grant Publishing Permit Automatically." *The Star*, 3 September 1987.
- Kadir Jasin, A. Perkembangan industri persuratkhabaran di Malaysia: tumpuan khusus kepada kumpulan *The New Straits Times Press* (Malaysia) Berhad. Dlm. Mohd. Sarim Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Hj Wan Rusik Wan Yusoff. *Akhbar dan majalah di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangan*. (Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988), 241-254.
- "Kadir Takes DAP To Task Over Press Bill." *The Straits Times*, 22 Januari 1974.
- "Kamunting To Help Upgrade And Expand *The Star*." *The Star*, 10 Oktober 1989.

AKHBAR DAN KUASA

- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Karim Haji Abdullah, A. A. *Samad Ismail: Ketokohan Dan Kewartawanan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- Katz, D. & R. Kahn. *The Social Psychology of Organisation*. (New York: John Wiley & Sons Inc, 1966).
- Katz, F. E. *Autonomy And Organization*. (New York: Random House).
- KDN. Bernama (stensilan). 1984, 7 Januari 1968.
- Ke arah Memelihara Ketenteraman Awam*. Kertas Perintah 14 tahun 1988.
- Kerlinger, F. N. *Foundations of Behavioural Research*. (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1964).
- Khoo Kay Kim. *Lembaran Akhbar Melayu*. (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980).
- Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1985).
- Lau, A. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. (Singapore: Oxford University Press, 1991).
- Leader*. (Kuala Lumpur: Southeast Asia Press Centre, 1972), No. 2.
- Leader*. (Kuala Lumpur: Southeast Asia Press Centre, 1974), 3(1).
- "Leave For Aliran to Quash Minister's Decision." *The Star*, 11 Jun 1987.
- Lee, H. P. "Emergency Powers in Malaysia," dlm. Trindade, F. A. & Lee, H. P. *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments*. (Singapore: Oxford University Press, 1986), 135-136.
- Leicester, S. *Straits Law Report*, tiada nama penerbit, Pulau Pinang, 1877.
- Lent, J. A. *Newspapers in Asia: Contemporary Trends and Problems*. (Hong Kong: Heinemann Asia, 1982).
- Lerner, D. *The Passing of Traditional Society*. (New York: The Free Press, 1958).
- Lerner, D. "Communications Systems and Social Systems" dlm. Wilbur Schramm. *Mass Communications*, cetakan kedua. (Urbana: University of Illinois Press, 1975), 131-140.
- Lim Kit Siang, Karpal Singh, Chandra Muzaffar, Paul Tan. *Human Rights In Malaysia*. (Kuala Lumpur: DAP Human Rights Committee), t. thn.
- Lim Kit Siang. *Time Bombs in Malaysia*. (Kuala Lumpur: Democratic Action Party, 1978).

- Lim Kit Siang. *Crisis of Identity*. (Kuala Lumpur: Democratic Action Party, 1986).
- Lim Kit Siang. *Role of Parliament: Reflections on the Malaysian Constitution*. (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1987), 122-129.
- Lim Kit Siang. *Prelude to Operation Lalang..* (Kuala Lumpur: Democratic Action Party, 1990).
- Lim Pui Huen, P. *Newspapers Published in the Malaysian Area*. (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1970).
- Loh Fook Seng, P. *The Malay States 1877-1895: Political Change And Social policy*. (Singapore: Oxford University Press, 1969).
- Lowenstein, R. L. *PICA: Measuring World Press Freedom*. (Columbia: School of Journalism, University of Missouri at Columbia, 1966).
- Lowenstein, R. L. "Press Freedom as a Barometer of Political Democracy," dlm. H. D. Fischer & J. C. Merrill. *International and Intercultural Communication*. (New York: Hastings House Publishers, 1976), 136-147.
- Lukes, S. *Kuasa: Suatu Pandangan Radikal*. terjemahan Wan Azmi Ramli. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
- Macpherson, C. B. *The Real World of Democracy*. (New York: Oxford University Press, 1966).
- Mahathir Mohamad. *The Challenge*. (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1986).
- Mahathir Mohamad. Ucapan di Majlis Makan Malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) di Hotel Hilton, Petaling Jaya, 15 Jun 1990.
- "Mahkamah Agung Tangguh Keputusan." *Berita Harian*, 29 Ogos 1989.
- Makepeace, W. E. 1921. "The Press," dlm. Makepeace, W. E., Brooke, G. E., & Braddell, R. St. J. *One Hundred Years of Singapore*. (London: John Murray). 2 jil. Jil. 2, 1921, 278-86.
- Malai Sinpo*, 1 Januari 1943.
- Malai Sinpo*, 30 Jun 1944.
- Malai Sinpo*, 15 September 1944.
- Malayan Union. Printing Presses Notification No. 81, *Malayan Union Government Gazette*, (supplement), 1946, 1 (2), 24 April 1946.
- Malayan Union. Summary of Revised Constitutional Proposals Accepted by His Majesty's Government on 24 July 1947. (Kuala Lumpur: *Malayan Union Government Gazette*), H (16), 26 July 1947.

AKHBAR DAN KUASA

- Mann, M. "The Autonomous Power of the State: Its Origins, Mechanisms And Results," dlm. Hall J. A. *States In History*. (Oxford: Basil Blackwell, 1986).
- Martin, J. L. & Chaudhary, A. G. *Comparative Mass Media Systems*. (New York: Longman Inc, 1983).
- Mashuri Zainal. "Pemogokan Pekerja Utusan Melayu Dalam Tahun 1961: Satu Kajian Kes Kebebasan Akhbar di Malaysia. Latihan ilmiah, Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988.
- Mauzy, D. K. *Barisan Nasional*. (Kuala Lumpur: Merican & Sons, 1983).
- Mazlan Nordin. "Seminar Pengluasan Jurnalisme Melayu." (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 18 April 1992.
- "MCA To Retain Equal Control Of *Star*, Ling." *The Star*, 11 Oktober 1989.
- McQuail, D. *Mass Communication Theory: An Introduction*. (London: Sage Publications, 1983).
- McQuail, D. *Mass Communication Theory: An Introduction*. Cetakan kedua. (London: Sage Publications, 1987).
- Means, G. P. *Malaysian Politics*. (London: University of London, 1970).
- Means, G. P. *Malaysian Politics: the Second Generation*. (Singapore: Oxford University Press, 1991).
- Mehra, A. *Press Systems in Asean States*. (Singapore: Asian Mass Communication and Information Centre, 1989).
- Memorandum Pekerja-pekerja Syarikat *Utusan Melayu* kepada Lembaga Pengarah Syarikat *Utusan Melayu* Press Ltd. Kuala Lumpur, 13 Julai 1961.
- "Mengapa Said Zahari Takut ke Singapura?" *Utusan Melayu*, 28 Julai 1961.
- Merrill, J. C. *The Imperative of Freedom: A Philosophy of Journalistic Autonomy*. (New York: Hastings House Publishers, 1974).
- Mills, L. A. "British Malaya 1824-1867." Singapore. *JMBRAS*. I, (pt. II), 1925.
- "Ministry Rejects Aliran's Application." *New Sunday Times*, 10 Mei 1987.
- "Ministry Says No To Aliran Again." *The Sunday Star*, 10 Mei 1987.
- Mohamed Noordin Sopiee. *From Malayan Union to Singapore Separation*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974).
- Mohamed Salleh Abas. *Kebebasan Kehakiman*. (Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1989).
- Mohamed Suffian Hashim. *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. (Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1972).

- Mohamed Suffian. *An Introduction to the Legal System of Malaysia* (ed. ke-2). (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1989).
- Mohd. Noor Abdullah. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979).
- Mohd. Sarim Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Hj Wan Rusik Wan Yusoff. *Akhbar Dan Majalah di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangan*. (Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988).
- Moir, M. *A General Guide to the India Office Records*. (London: British Library, 1988).
- Musa-Freedom. Bernama (stensilan), 16 Ogos 1983.
- Mustapha-Agency. Bernama (stensilan), 5 April 1983. Juga kenyataan Pengerusi Besar Bernama, Ahmad Mustapha Hassan, 5 April 1983.
- "National Operations Council Bans All Party Journals." *The Straits Times*, 23 Mei 1969.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Prosiding Majlis Perundangan Persekutuan. The Printing and Books Bill 1915, B48-B49.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*: 1915, 918.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Prosiding Majlis Perundangan, 1919.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15 (2), 26 Januari 1923, Notification No. 497 dan 498.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(5), 9 Mac 1923, Notification No. 1334.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(7), 6 April 1923, Notification No. 2002.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(12), 19 Oktober 1923, Notification No. 6862.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(15), 27 Julai 1923, Notification No. 4689.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(16), 10 Ogos 1923, Notification No. 4945.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(17), 24 Ogos 1923, Notification No. 5227.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 15(5), 9 Mac 1923, Notification No. 1333.

AKHBAR DAN KUASA

- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17(4), 20 Februari 1925, Notification No. 1144.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17(11), 29 Mei 1925, Notification No. 3419.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17(14), 10 Julai 1925, Notification No. 4457.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17(18), 4 September 1925, Notification No. 5675.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Legislative Council Proceedings on Printing Presses Enactment 1924, 1925: B63-65.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17 (14), 10 Julai 1925, Notification No. 4456.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 17 (16), 7 Ogos 1925, Notification No. 5096.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette* 17(23), 13 November 1925, 13. Notification No. 7439.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 18(12), 11 Julai 1926, Notification No. 3178.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 18(14), 9 Julai 1926, Notification No. 3784.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 19(19), 16 September 1927, Notification No. 5152.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 19(23), 10 November 1927, Notification No. 6264.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 20(14), 22 Jun 1928, Notification No. 3721.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *Government Gazette*. 20(22), 12 Oktober 1928, Notification No. 6439
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Enakmen No. 28 1930. *Government Gazette*. 22(27), 19 Disember 1930, Notification No. 9052.
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Enakmen No. 5 1932. *Government Gazette*. 24(11), 20 Mei 1932, Notification No. 3521.
- New Straits Times*, 21 Oktober 1961.
- New Straits Times*, Subsidiary. Bernama (Stensilan), 4 September 1972.
- New Straits Times*, 15 Mei 1974.

- New Straits Times*, 6 Disember 1975.
- New Straits Times*, 20 Oktober 1976.
- New Straits Times*, 28 Jun 1976.
- New Straits Times*, 29 Oktober 1987.
- New Straits Times*, 13 Julai 1990.
- Nixon, R. B. "Factors Related Freedom in National Press System," dlm. H. D. Fisher & J. C. Merrill, *International and Intercultural Communication*. (New York: Hastings House Publishers, 1976).
- "NST Reporter Fined \$7,000." *New Straits Times*, 24 Januari 1986.
- "Our Press Laws Won't Repress Freedom" Says Prof. (Nik Rashid). *New Straits Times*, 27 Januari 1988.
- Param Cumaraswamy, "Role Of The Executive" dlm. *Reflections of the Constitution*. (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1987), 130-135.
- Parliamentary Branch IOPR. C 43 1857-1858. Extract public letter from India, 18 Jun 1857 (No. 54).
- Parliamentary Branch IOR C 43 1857-58. Surat Jemaah Pengarah EIC (Legislative Dept) kepada Gabenor Jeneral India di Majlis bertarikh 1 Februari 1836.
- Parliamentary Branch IOR C Vol. 43 1857-1858. Surat Pengarah dan Timbalan Pengarah Jemaah Pengarah, Syarikat Hindia Timur kepada Presiden Lembaga India, 17 Januari 1823.
- Parliamentary Debate, Dewan Rakyat, 3 Bahagian 1 Sesi Ketiga: 1346-1347.
- Parliamentary Papers IOR 29 (342), 1857, Sesi 2. Surat Kerajaan India kepada Jemaah Pengarah, 4 Julai (No. 62)1857 para 1 dan 24.
- Parliamentary Papers IOR Vol. 2. 1833.
- Penang Register And Miscellany*, 26 September 1827.
- Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri, Malaysia tahun 1969*.
- "Permit AWSJ: Kerajaan Hormati Keputusan Mahkamah" -Megat Junid. *Utusan Malaysia*, 14 November 1986.
- "Permit to Print" (rencana pengarang). *The Straits Times*, 11 Disember 1957.
- Persekutuan Tanah Melayu. Essential (Darurat Khas) Pindaan (No. 2) Regulation, 1948. *Federation of Malay Government Gazette*, 1948, (Kuala Lumpur, 18 Jun 1948).

AKHBAR DAN KUASA

- Persekutuan Tanah Melayu. *Government Gazette (supplement)*. 1(11), (Kuala Lumpur, 10 Julai 1948).
- Persekutuan Tanah Melayu. *Government Gazette*. No. 10, (Kuala Lumpur, 16 Jun 1948).
- Persekutuan Tanah Melayu. Ordinan Mesin Cetak 1948, *Federation of Malaya Government Gazette*. 1(10), 21 Jun 1948, 889.
- Persekutuan Tanah Melayu. Ordinan Mesin Cetak 1948 (Pindaan) 1957 Bill, *Federation of Malaya Government Gazette*, 8 April 1957, 47.
- "PM: Rethink on Liberal Policy Because of Misuse." *New Straits Times*, 25 Mac 1985.
- Pool I. de S. "Communication Systems," dlm. Pool I. de S., Frey, F. W., Schramm, W., Maccoby, N., Parker, E. B. (eds.) *Handbook of Communication*. (Chicago: Rand McNally College Publishing Co., 1973), 2-26.
- "Press Watch Dog Organisation Set Up." *New Straits Times*, 29 Oktober 1989.
- Press-Banned (stensilan), 31 Mac 1983.
- Priolkar, A. K. *The Printing Press In India: Its Beginning And Early Development*. (Bombay: Marathi Samshodhana Mandala, 1958).
- "Proclamation by British Military Army." *The Malay Mail*, 14 September 1945.
- Perisytiharan Kemerdekaan. Kuala Lumpur, 31 Ogos 1957.
- Proudfoot, I. "A Formative Period in Malay Book Publishing" *JMBRAS* 59 part 2, No. 251, 1986, 101-132.
- Public Record Office. AIR 22/294. Colonial Office Circular to the Officer Administering the Governments of. . ., 17 Februari 1938.
- Public Record Office. AIR 22/294. Straits Settlements Attorney-General's Report on the Ordinance to provide for the punishment of sedition (No. 18 of 1938), 8 September 1938.
- Public Record Office. AIR 22/294. Straits Settlements Attorney-General's Report on An Ordinance to prevent the importation, distribution or reproduction of undesirable publications from abroad (No. 19 of 1938), 8 September 1938.
- Public Record Office. AIR 22/294. Surat A Creech Jones kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, 12 Julai 1938.
- Radzi-Press. Bernama (stensilan), 9 November 1985.
- Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan). Dewan Rakyat. Parlimen ketujuh Penggal Pertama 1(64) 10 Julai 1987.

- Ranjit Gill. *Of Political Bondage*. (Singapore: Sterling Corporate Services, 1990).
- Ratnam, K. J. *Communalism and the Political Process in Malaya*. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965).
- "*Report on the Parliamentary and State Elections 1959*. (Kuala Lumpur: Government Printers, 1960).
- Reynolds, P. D. *A Primer in Theory Construction*. (Indianapolis: The Bobbs Merrill Company Inc., 1971).
- Rivers, W. L. "The Press As A Communication System." dlm. Pool I. de S., Frey, F. W., Schramm, W., Maccoby, N., Parker, E. B. (eds.) *Handbook of Communication*. (Chicago: Rand McNally College Publishing Co., 1973), 521-550.
- Rivers, W. L. & Schramm, W. *Responsibility in Mass Communication*. (Revised Edition). (New York: Harper and Row 1969).
- Roff, W. R. *The Origins of Malay Nationalism*. (Kuala Lumpur: University of Malay Press, 1967).
- Rosnah Majid. Seminar Media Massa dan Pilihanraya, Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2 Januari 1991).
- Roucek, J. and Associates. *Social Control*. (Princeton, New Jersey: D. Van Nostrand Company Inc., 1956).
- Roucek, J. S. *Social Control*. (Princeton, New Jersey: D. Van Nostrand Co. Inc., 1947).
- Rousseau, J. J. *The Social Contract*. (New York: Hafner Press, 1947).
- Rugh, W. A. *The Arab Press: News Media and Political Process in the Arab World*. (New York: Syracuse University Press, 1979).
- Runciman, W. G. (eds.) & E. Matthews. *Max Weber: Selections in Translation*. (Cambridge: Cambridge University Press, 1978).
- Russell, B. *A History of Western Philosophy*. (Ohio: Clarion Books, 1967).
- Said Zahari. Temu bual di Singapura, 2 Jun 1991.
- Salim Kajai. Temu bual melalui telefon, 29 Mei 1992.
- Salleh Abas & K. Das. *May Day For Justice*. (Kuala Lumpur: Magnus Book, 1989).
- Sally Cheong. *Corporate Groupings in the KISE*. (Kuala Lumpur: Modern Law Publishers & Distributors 1989).
- Samad Ismail, A. Temu bual di Jabatan Komunikasi, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 22 November 1988).
- Schramm, W. (eds.). *Mass Communication*. (Urbana: Illinois University Press, 1960).

AKHBAR DAN KUASA

- Schramm, W. (eds.). "Towards a Free and Responsible Press." dlm. Wilbur Schramm. *Mass Communications*, Cetakan ke-2. (Urbana: University of Illinois Press, 1975), 613-622, 1975.
- "Sekatan Akhbar Untuk Lindungi Wartawan." *Berita Minggu*, 22 September 1985.
- "Senator Mahu Pengarang Warganegara." *Berita Harian*, 16 Februari, 1974.
- Shad Faruqi. "Role Of The Judiciary: The Courts And The Constitution," dlm. *Reflection Son the Malaysian Constitution*: (Pulau Pinang: Aliran 1987), 109-113.
- Shaw, D. L. & R. L. Stevenson. *Leaders and Conflict In The News In 'Stable' vs 'PLuralistic' Political Systems*, dlm. R. L. Stevenson and D. L. Shaw (eds.), *Foreign News and the New World Information Order*. (Ames: The Iowa State University Press, 1984), 134.
- Shonan Times.*, 20 Februari 1942.
- Siaran Dari Bahagian Penerangan Pekerja-pekerja *Utusan Melayu* kepada pembaca dan rakyat, Bil 18, 9 Ogos 1961.
- Siaran Dari Bahagian Penerangan Pekerja-Pekerja *Utusan Melayu* Kepada pembaca dan rakyat, Bil. 17, 8 Ogos 1961.
- Siaran Dari Bahagian Penerangan Pekerja-Pekerja *Utusan Melayu* Kepada pembaca dan rakyat, Bil. 18, 9 Ogos 1961.
- Siebert F. S. "Communications And Government." dlm. Wilbur Schramm. *Mass Communications*. Cetakan kedua. (Urbana: University of Illinois Press. dlm. Wilbur Schramm. *Mass Communications*: Cetakan kedua. (Urbana: University of Illinois Press, 1975), 219-226.
- Siebert, F. S. Peterson, T. Schramm, W. *Four Theories of the Press.* (Chicago. University of Illinois, 1956).
- Sim Ewe Eong. "An Account of the Japanese Occupation of the Settlement Of Penang," Negeri-negeri Selat (1941-1945), *Malayan Law Journal*. Jil. 2: clx-clxxviii, 1981.
- Sinaga, E. J. Indonesia, dlm. A. Mehra (eds.), *Press Systems in Asean States*. (Singapore: Asian Mass Communication Research and Information Centre, 1989), 27-39.
- Singapore Chronicle and Commercial Register (New Series) 13(3), 28 Mac 1933.
- Singapore Chronicle and Commercial Register, 26 September 1835, 5(37), 10 Oktober 1835 5(39).

- Singapore Chronicle*, 30 Ogos 1827. Rencana pengarang yang mengandungi notis penutupan The Prince of Wales Island terkandung dalam rencana pengarang *Singapore Chronicle* yang disiarkan semula oleh *Penang Register and Miscellany* pada 26 September 1827 dengan komennya terhadap rencana pengarang itu.
- Singapore Free Press*, 8 Oktober 1835, 1(1), 2.
- Stinchcombe, A. L. *Constructing Social Theories*. (New York: Harcourt, Brace & World, Inc., 1968).
- Stockwell, A. J. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*. (Singapore: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1979).
- Stockwell, A. J. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Monograph no. 8, 1979.
- Straits Settlements Records. NL20, A26: 33-34. Minit Fullerton bertarikh 4 Mei 1829.
- Straits Settlements Records. G/34/160 (1829). Surat J. Pattulo, Setiausaha Kerajaan kepada K. Murchison, Residen Kaunsilor Singapura, 30 November 1829.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/13. Surat Bone kepada H. S. Pearson, Setiausaha Kerajaan, 23 Januari 1806.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/13. Minit Mesyuarat Majlis, 30 Januari 1806.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/13. Surat Bone kepada H. S. Pearson, Setiausaha Kerajaan, 25 Februari 1806.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/13. Surat Bone kepada H. S. Pearson, Setiausaha Kerajaan, 29 Januari 1806.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/18. Surat Bone kepada Thomas Raffles, Setiausaha Kerajaan, 13 Oktober 1807.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/18, Surat A. B. Bone dan J. W. Court, to Thomas S. Raffles, Setiausaha Kerajaan, 13 Oktober 1807.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/49. Minit oleh William Petrie Gabenor Prince of Wales Island, 3 Mei 1815.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/49. Surat B. C. Henderson kepada William Petrie, Gabenor dan Presiden Prince of Wales Island, 1 Mei 1815.

AKHBAR DAN KUASA

- Straits Settlements Records. IOR G/34/49. Surat Henderson kepada William Petrie, Gabenor Prince of Wales Island, 19 Mei 1815.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/49. Surat James Cousens, Pemangku Setiausaha Kerajaan kepada Henderson tuan punya *Prince of Wales Island Gazette*, 20 Mei 1815.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/61. Surat William Cox kepada William Edward Phillip, Gabenor dan Presiden Pulau Pinang, 5 Mei 1817.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Keputusan Mesyuarat 2 Ogos 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Keputusan Mesyuarat 26 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Surat Cox kepada John Anderson, 25 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Surat Cox kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan, 27 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Surat William Cox kepada John Anderson, 25 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Surat William Cox kepada John Anderson, 28 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/117. Surat Cox kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan, 28 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/124. Surat Cox kepada John Anderson bertarikh 16 September 1828.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/125. Surat William Cox kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan bertarikh 4 November 1828.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/160. Surat J. Pattulo, Setiausaha Kerajaan kepada K. Murchison, Residen Kaunsilor Singapura, 30 November.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/186 (1805–1808). Surat daripada Lembaga Pengarah kepada Philip Dundas, bakal Gabenor (Governor designate), Prince Of Wales Island, 18 April 1805.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/195. Surat Lembaga Pengarah kepada Gabenor dan Majlis Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka, 30 September 1829.
- Straits Settlements Records. IOR G/34/195. Surat Jemaah Pengarah, London kepada Gabenor dan Majlis, Prince of Wales Island, Singapura, dan Melaka, 30 September 1829.

- Straits Settlements Records. IOR G/34/195. Surat daripada Jemaah Pengarah kepada Gabenor, 30 September 1829.
- Straits Settlements Records. NL9 A26: 526-532. Surat S. G. Bonham, Pemangku Residen Singapura kepada W. S. Cracroft, Setiausaha Kerajaan, 24 Mei 1826.
- Straits Settlements Records. NL10 A28. Minit Mesyuarat Majlis, 14 September 1826: 276.
- Straits Settlements Records. NL10 A28. Surat Samuel Garling, Pemangku Residen Kaunsilor Melaka kepada W. S. Cracroft Setiausaha Kerajaan Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, 30 Ogos 1826, 273.
- Straits Settlements Records. NL10 A28. Surat Samuel Garling, Pemangku Residen Kaunsilor Melaka, kepada John Henry Moore, 21 Ogos 272-273.
- Straits Settlements Records. NL10 A28: 271-272. Surat John Henry Moore kepada Samuel Garling, Pemangku Residen Kaunsilor Melaka, 21 Ogos 1826.
- Straits Settlements Records. NL10 A28: 271-272. Surat John Henry Moore Editor *Malacca Gazette* kepada Samuel Garling, Pemangku Residen Kaunsilor Melaka, 21 Ogos 1826; dan NL10 A28: 272-273, Jawapan Garling kepada John Henry Moore, 21 Ogos 1826.
- Straits Settlements Records. NL13 A32: 94-95. Surat S. G. Bonham, kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan, Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, 23 Disember 1826.
- Straits Settlements Records. NL20, A26: 33-34. Minit Fullerton, 4 Mei 1829.
- Straits Settlements Records. NL22 A63: 116-117. Mesyuarat Majlis Melaka, 24 Oktober 1829, Surat John. Pattulo, Setiausaha Kerajaan kepada Editor *Malacca Observer*, 19 Oktober 1829.
- Straits Settlements Records. NL22 A63: 124-126. Minit Gabenor Fullerton bertarih 22 Oktober 1829 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Melaka, 3 November 1829.
- Straits Settlements Records. NL22 A63: 127-138. Minit Samuel Garling bertarih 28 Oktober 1829 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Melaka, 3 November 1829.
- Straits Settlements Records. NL22 A63: 138. Minit Mesyuarat Council pada 3 November 1829.
- Straits Settlements Records. NL35 H4: 26-27. Surat W. A. Clubley, Setiausaha Kerajaan kepada William Cox, 4 Mac 1820.

AKHBAR DAN KUASA

- Straits Settlements Records. NL42 I9: 41. Surat W. A. Clubley, Pemangku Setiausaha Kerajaan kepada A. B. Bone, 1 Ogos 1811.
- Straits Settlements Records. NL43 I16: 291–293. Surat W. A. Clubley, Setiausaha Kerajaan kepada Bone, 30 November 1814 .
- Straits Settlements Records. NL44 I20. Surat W.A. Clubley Setiausaha Kerajaan kepada William Cox, 7 Mei 1817, 150–151.
- Straits Settlements Records. NL45 I22: 252. Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada John Prince Residen Kaunsilor Singapura bertarikh 3 Januari 1827.
- Straits Settlements Records. NL49 I39: 48. Surat Robert Fullerton, Ketua Pesuruhjaya Singapura, Prince of Wales Island dan Melaka kepada R. Ibbeston, Timbalan Presiden, 15 Julai 1830.
- Straits Settlements Records. NL49 I40: 55. Surat William Cox kepada R. Ibbetson, Timbalan Presiden, Prince of Wales Island, 6 Julai 1830.
- Straits Settlements Records. NL59 L19: 132–133 juga NL9 A26: 526–532. 1823. Surat John Crawford kepada Gabenor Jeneral-dalam-Majlis, Bengal, 15 Julai 1823.
- Straits Settlements Records. NL92 S25: 150. Surat C. Beadon, Setiausaha Kerajaan India kepada E. A. Blundell, Gabenor Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka, 18 Jun 1857.
- Straits Settlements Records. NL114 V23: 88–92. Pekeliling Am No 67 1857, Pekeliling kepada Pesuruhjaya Plis di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka from Officiating Secretary, I. F. A. McNair, 6 Julai 1857.
- Straits Settlements Records. NL168 Z1: 148, juga NL63 N2: 120–121. Surat John Anderson, Setiausaha Kerajaan kepada John Prince Residen Kaunsilor Singapura, 26 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. NL168 Z1: 149. Juga dalam NL63 N2: 121, Pekeliling Kerajaan Fort Cornwallis bertarikh 26 Julai 1827.
- Straits Settlements Records. NL168 Z3: 191.
- Straits Settlements Records. NL583 B2: 43. Surat daripada Bernard to Crawford, Residen Singapura, 19 Mac 1824.
- Straits Settlements Records. NL583 BB2: 44. Surat Campbell kepada Crawford, Residen Singapura, 20 Mac 1824.
- Straits Settlements Records. NL3227 A21. Penang Consultations May 1825–December 1825. Prince of Wales Island Lopran Mesyuarat Majlis Island 26 Mei, 12–13.

- Straits Settlements Records. NL3229. Penang Consultations, Surat Editor *Prince of Wales Island Gazette* William Cox kepada Setiausaha Kerajaan W.S. Cracroft, 26 April 1826.
- Straits Settlements Records. NL3229. Penang Consultations, Minit Mesyuarat Council Prince of Wales Island, 28 September 1826.
- Straits Settlements Records. NL3229. Surat daripada Editor *Prince of Wales Island Gazette* William Cox kepada Setiausaha Kerajaan, W. S. Cracroft, 26 April 1826 dalam Council Meeting Report, 28 April 1826, 267–269.
- Straits Settlements Records. NL9 A26: 256–532. Surat Crawford, Residen Singapura kepada Campbell, 20 Mac 1824.
- Straits Settlements Records. NL9 A26: 526–532. Surat daripada Campbell to S. G. Bonham, Timbalan Residen, Singapura, 23 Mei 1826.
- Straits Settlements. *Government Gazette* No. 1, 1867. Government Notification No. 1 oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 1 April 1867.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. No. 25. 19 Jun, 222–228.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. 22 Oktober. Notification No. 48: 1725.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. 26 November: 2026–2029.
- Straits Settlements. Ordinan Mesin Cetak 1920. *Government Gazette*. Notification No. 546, 26 Mac 1930, 569.
- Straits Settlements. The Printing Presses Ordinance 1920. *Government Gazette*, 9 Julai 1920. Notification No. 1200: 1184.
- Straits Settlements. Orders of the Governor In Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1920: 179. (Straits Settlements. *Government Gazette* Notification No. 1649, 14 September 1920).
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 37, 10 Januari 1923, 261.
- Straits Settlements. Ordinan Mesin Cetak 1939 (No. 8 1939), Seksyen 6A.
- Straits Settlements. *Government Gazette* Notification No. 3582. 9 Oktober 1940. (Juga dalam Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 340).
- Straits Settlements. *Government Gazette* Notification No. 4123. 27 November 1940. (Juga dalam Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 340).

AKHBAR DAN KUASA

- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 72. dlm. Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 262.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 296. dlm Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 261.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 388. dlm Straits Settlements Proclamations, and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 260.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 773. 21 Februari 1940.(Juga dalam Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 340).
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 1327. dlm Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 260.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 1779. dlm. Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 262.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 1118. dlm. Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations, and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940, 261.
- Straits Settlements. The Book Registration Ordinance 1886 (Bill), *Government Gazette* 27 Ogos 1886, 1393-1395.
- Straits Settlements. *Government Gazette*. Notification No. 1470. 10 April 1940.(Juga dalam Straits Settlements Proclamations and Orders by the Governor in Council, Rules, Regulations and By-Laws Published in the *Government Gazette* during the year 1940), 340.
- Stubbs, R. "Hearts And Minds In Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960 " (Singapore: Oxford University Press, 1989).

- "Suharto Defends Military Role In Government." *The Star*, 16 Ogos 1992, 37.
- Sunday Times*, 18 Mei 1969.
- Sunday Times*, 25 Jun 1972.
- Surat daripada Kesatuan Kebangsaan Sekerja dalam industri Percetakan. Utusan Melayu Cawangan Persekutuan Tanah Melayu kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1961.
- Susanto, A. "The Mass Communications System In Indonesia." dlm. Jackson. K. D. & Pye, L.W. *Political Power and Communication in Indonesia*. (Berkeley: University of California, 1978), 229-258.
- Syed Arabi Idid. "Malaysia." dlm. Mehra A. (eds.). *Press Systems In ASEAN states*. (Singapore: Asian Mass Communication Research and Information Centre, 1989), 41-56.
- Syed Arabi Idid. "*Media And Democratization: A View From Malaysia*." Kertas dibentangkan di Conference on Media and Democratization in Asia, (Wisconsin: Racine, Januari 1992), 24-26.
- Syed Arabi Idid. *Pilihanraya 1990: Penentuan Agenda*. (Bangi: Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (dalam penerbitan).
- Syonan Sinbun*. 1942, 8 Disember 1992.
- Tan Chee Khoon. *Without Fear or Favour*. (Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn Berhad., 1984).
- Tarling, N. "The Singapore Mutiny of 1915," *JMBRAS* Vol. 55, 26-59.
- Taylor, L. 1981. *A Trial of Generals*. (Indiana: Icarus Press, 1915).
- "Teropong Ibu Kota, Mengapa Said Zahari Takut ke Singapura?" *Utusan Melayu*, 28 Julai 1961.
- "That Ban On Zahari - by Tengku." *The Straits Times*, 8 September 1961, 1.
- "The Blow To Freedom (eds.)." *The Straits Times*, 16 Ogos 1957.
- The Malay Mail*, 24 Februari 1915, 1.
- The Malay Mail*, 24 Mei 1969.
- The Malay Mail*, 17 Februari 1915.
- The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. Prospectus on the Offer for Sale of 3,444,000 shares, 27 Februari 1973.
- The Penang Register and Miscellany*, 17 Oktober 1827, 1.
- The Penang Register and Miscellany*, 22 Ogos 1827, 2.
- "The Perils of Blind Reference to Authority." *The Star*, 23 November 1986.
- Enakmen Buku dan Percetakan 1915 (Enakmen No. 17 1915). Seksyen 2.

AKHBAR DAN KUASA

- The Printing Presses Act 1948. *Leader*. No. 2. Julai 1972, 40.
- The Star*, 29 Ogos 1974.
- The Star*, 21 November 1982.
- The Straits Times*, 16 Februari 1915.
- The Straits Times*, 17 Februari 1915.
- The Straits Times*, 11 Disember 1957.
- The Straits Times*, 23 Mei 1969.
- The Straits Times*, 24 Mei 1969.
- The Straits Times*, 18 Mei 1972.
- The Straits Times*, 18 September 1972.
- The Straits Times*, 31 Januari 1973.
- The Straits Times*, Iklan notis, 4 Disember 1973.
- The Straits Times*, 18 Februari 1915.
- The Sunday Times*, 17 September 1972.
- "This Freedom." *The Straits Times*, 9 Ogos 1957.
- Thomas, T. "The Role of the Judiciary" dlm. *Reflection on the Malaysian Constitution* (Pulau Pinang: Aliran, 1986), 54-108.
- Trindade, F. A. Lee, H. P. *The Constitution Of Malaysia: Further Perspectives And Developments*. (Singapore: Oxford University Press, 1986).
- Tunku Abdul Rahman Putra. Ucapan Perasmian Bangunan Utusan Melayu di Sungei Besi. Kuala Lumpur pada 9 Februari 1965.
- Turnbull, C. M. "Communal Disturbances in the Straits Settlements in 1857," *JMBRAS* 31 (pt. 1) (181), 1958, 94-144.
- Turnbull, C. M. *The Straits Settlements 1826-67: Indian Presidency to Crown Colony*. (Singapore: Oxford University Press, 1972).
- Turnbull, C. M. *A History of Singapore 1819-1988*. (Singapore: Oxford University Press, 1989).
- Ucapan Dato' Onn Jaafar, bekas Yang dipertua Agung UMNO pada 26 Ogos 1951. dlm. *UMNO 10 Tahun*, 1956, 71-78.
- UMNO 10 Tahun*. (Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1956).
- "UMNO Youths On Newspaper Ownership." Bernama (stensilan), 23 Jun
- Utusan Malaysia*, 18 Jun 1974.
- Utusan Melayu 25 tahun*. (Kuala Lumpur: *Utusan Melayu* Press Ltd., 1964).

- Utusan Melayu* "Strike Enters the 72nd Day." *Wartawan* 1(1). (Singapore: Singapore National Union of Journalists, 1961).
- Utusan Melayu*, 12 September 1945.
- Utusan Melayu*, 11 Oktober 1945.
- Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945.
- Utusan Melayu*, 16 Oktober 1945.
- Utusan Melayu*, 23 Oktober 1945.
- Utusan Melayu*, 8 November 1945.
- Utusan Melayu*, 15 Januari 1946.
- Utusan Melayu*, 11 Julai 1961, 1.
- Utusan Melayu*, 23 Februari 1915.
- Utusan Melayu*, 25 Februari 1972.
- "Wall Street Journal Puji Sistem Perundangan Malaysia." *Utusan Malaysia*, 26 November 1986.
- Yong, C. F. & McKenna, R. B. *The Kuomintang Movement In British Malaya 1912-1949*. (Singapore: Singapore University Press, 1990).
- Your National Paper. *New Straits Times*, 31 Ogos 1974.
- Zahari. "Ban: Security Reasons." *The Straits Times*, 5 September 1961.
- Zahari. "Unions Express concern." *The Straits Times*, 6 September 1961.
- Zulkipli bin Mahmud. *Warta Malaya: Penyambung Lidah Melayu 1930-1941*. (Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979).

Indeks

- A. Samad Ismail 179, 267, 292, 344, 346, 386, 388
Abdul Hadi Derani 323
Abdul Samad Idris 293
Ahmad A. Talib 306, 312
Ajaib Singh 309-310
Akta Hasutan 1948 9, 293, 308, 321, 323, 369
Akta India No. XI 1835 102, 106, 106, 114, 123-126, 129, 361-362
Akta Keselamatan Dalam Negeri 222, 243, 275, 290, 296, 321, 323, 326, 334, 348, 354, 368, 370, 432
Akta Rahsia Rasmi 9, 10, 144, 294-295, 297, 303, 321-322, 348, 354, 370, 432
Akta Sumbat Mulut 8, 51, 104
Aliran 7, 10, 23, 245, 275, 299-300, 306, 313, 315-317, 322, 330-331, 335, 338, 343-344, 350, 354, 373, 386, 388, 390, 394-396, 399, 402, 410
Anderson, John 65-66, 70-71, 74, 76, 78, 84-85, 90-93, 99, 387-388, 404-406
Anson 119
Aziz Ishak 244, 250, 255, 266-267
Balhetchet, William 66-67, 76-77, 90-91, 99, 387-388
Barisan Nasional 6, 241, 244, 274, 280, 286, 322-325, 331, 338, 346-347, 348-349, 354, 357
Baron de Montesquiu 18
Barry Wain 302, 304
Belfield 129, 131
Berita Harian 5, 231-232, 256, 275-276, 279, 292, 386
Berthelson, J. P. 300
Bombay 42, 44, 47-48, 51-54, 56, 58-60, 96, 102, 104, 107, 387, 400
Bone 40-41, 57-62, 67, 73, 75, 80-83, 98, 102, 403, 406
Bonham 69, 72, 77-78, 103, 405, 407
Brodie 225-226, 229

AKHBAR DAN KUASA

- Chan Ken Sin 260
 Chiang Kai Shek 176, 184
 Chua Jui Meng 325, 328, 331
 Clementi 154-159, 166, 193-194, 364, 389
 Clubley 62, 76, 83, 98, 405-406
 Cowgill 162-163, 167, 390
 Cox, William 62-67, 76, 83-84, 86-88, 91, 98-99, 101-102, 109, 404-407
 Cracroft 63, 76, 78, 98, 405, 407
 Crawford 51, 67-69, 73, 77, 406-407
 Daud Mohd. Shah 254
 Dow Jones Publishing Company (Asia) 304
 Embok Solok 254
 Empat Teori Akhbar 11, 14, 16, 358, 429
 Eusoffe Abdoolcader 303
 Four Theories of the Press 34
 Fullerton, John 43, 50, 63, 66-67, 70-71, 74, 76-77, 84-86, 92-97, 99, 101-102, 109, 113, 387-388, 403, 405
 Gagging Act 8, 104
 Galsworthy 161, 164, 182-184, 188, 191, 390
 Garling, Samuel 73-74, 85, 93-96, 98-99, 405
 Gerakan (Gerakan Rakyat Malaysia) 271, 273
 Ghazali Shafie 281, 283, 392
 Goh Cheng Teik 330
 Hachten 4-5, 10, 14-15, 34, 374, 392
 Haji Suhaimi Kamaruddin 282
 Hamzah Abu Samah 272, 291
Harakah 7, 343
 Harun Hashim 300, 305, 307-308, 330
 Harun Hassan 291
 Harun Idris 283
 Hashim Awang 253, 255
 Hashim Safin 322
 Henderson 60-62, 67, 75-76, 403-404
 Hickling 318, 343, 351, 392-393
 Hussein Nordin 285
 Ibrahim Fikri 248, 255-256, 264, 353
 India Office 42-43, 55, 75, 152, 165, 389, 397, 426
Indonesia Raya 257
 Integrasi dan Pemisahan 11, 17-19, 22, 25, 358, 427
 ISA 222, 291-292, 296, 322, 324, 334, 339, 391
 Ismail Abdul Rahman 259, 261, 263
Jawi Peranakan 122
 John Prince 70-71, 74, 78, 85, 92-93, 99, 387, 406
 Kerlinger 12, 34, 375, 394
 Kesatuan Melayu Muda (KMM) 209
 Khir Johari 251-252, 255, 257, 259, 343
 KMT 150-151, 153-155
 kuasa keempat 19, 244, 358
 Kuomintang 5, 8, 118, 133, 152-153, 155-156, 165, 193-194, 202, 363-364, 372, 411, 431
 L. C. Hoffman 272
Lat Pau 122
 Lee Kuan Yew 250, 255, 277
 Lee Lam Thye 321, 325, 327-329, 333
 Lembaga Kawalan 42-43, 50
 Lim Cheng Ean 155, 158
 Lim Kean Siew 263
 Lim Kit Siang 280, 283, 295, 311, 338
 Loch 69-71, 92, 93
 Locke 11, 18, 358
 Lowenstein 14, 24-25, 36, 358, 395
Madras Gazette 57, 58
 Mahaligam 307
 Mahathir Mohamad 300-301, 305,

- 316, 318, 339, 341, 372, 380, 395
Majlis 213, 249, 337
 Majlis Gerakan Negara 273
 Majlis Penasihat Malayan Union 219
Malacca Observer 72-74, 86, 93-96,
 99, 405
Malai Sinpo 204-207, 365, 395
 Malayan People Anti-Japanese
 Army 210
 Malayan Union 121, 195, 199, 200-
 201, 206, 210-216, 218-222, 233,
 237-238, 242, 249, 261, 364-366,
 394-396, 403, 432
 Malcolm MacDonald 144, 160-161,
 167, 172, 176, 178, 181, 183, 185-
 186, 188, 190-191, 389-390
 Mansor Bakri 255
 Martin and Chaudhary 13
 McIntyre 65-67, 76, 84-85, 87, 91,
 93, 98-99, 387-388
 McQuail 4-5, 10, 13-17, 22, 34-
 36, 358, 374, 376, 396
 Megat Junid Megat Ayub 302, 305-
 306, 308-309, 332
 Melchers 162-164, 167, 390
 Merdeka 4-5, 9, 27, 200, 210, 212,
 225, 227-230, 232, 237-239, 241-
 243, 250, 252, 254, 256-259, 265,
 273, 338-339, 353-354, 367-368,
 370-372, 432
Mingguan Perdana 7
 Mohamed Azmi Datuk Haji Kamaruddin
 303
 Mohamed Sopiee Ibrahim 262-263,
 343
 Mohd. Tamrin Abdul Ghafar 324, 332
 Montesquieu 11, 18, 337, 358
 Moore 73-74, 85, 98, 184-185, 405
 Muhamad Shaffee Abdullah 303
 Musa Hitam 275
 Naning 86, 93, 95-96
 naskhah pruf 7, 59, 64, 68, 71, 92-93,
 95
 Naungan 37, 40, 58, 61, 64, 79-
 80, 86-87, 91, 113, 121, 364
New Straits Times 5-6, 10, 244, 269,
 275-280, 284, 286-288, 292, 294,
 296-297, 312-313, 335, 343, 346,
 350-351, 369, 386, 391-393, 398-
 400, 409, 411
Newsweek 274, 328
 Nik Abdul Rashid bin Abdul Majid 343
 Nik Abdullah Nik Arshad 322
 Nik Hassan Abdul Rahman 253
 Nordin Mohamd Sharif 253
Nujum Alfajar 122
Nusantara 7
 Onn Jaafar 211-212, 216, 249-250,
 266, 410
 Operasi Lalang 242, 291, 321, 343
 Ordinan Hasutan 1948 222, 224, 243
 Ordinan Mesin Cetak 1948 8, 189,
 200, 222-226
 Param Cumaraswamy 303, 337, 350,
 399
 Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 (PKMM) 209, 221
 Parti Komunis Malaya 201, 210, 221
 Parti Negara 265
 PAS 7, 225, 258, 260-261, 265,
 271, 274, 307, 308, 322, 343, 347,
 353-354, 373, 375
 Passfield 156-158
 Pattulo 72, 93-94, 99, 403-405
 Pearson 41, 58-59, 75, 80, 403
Penang Register and Miscellany 65,
 67, 84-86, 88, -91, 97-99, 399, 409
 penapisan sendiri 50, 194, 293, 364
 Pentadbiran Tentera British 209, 364
 Peraturan Bengal 1818 49, 51, 68,
 70, 74, 92-94
 Perikatan 225, 227, 241-242, 248,
 250, 252, 258, 261, 264-265, 271,
 273-274, 346, 353, 367-368
 Perspektif Integrasi dan Pemisahan Kuasa
 17-19, 22, 25, 358, 379, 427

AKHBAR DAN KUASA

- Petrie 61, 75-76
 Presidency Madras 53
 Presidency Prince of Wales Island 43, 69, 101
 Presidency Timur 41, 43, 101
 Presidensi Madras 53
 Presidensi Prince of Wales Island 43, 69, 101
 Presidensi Timur 41, 43, 101
 Press Independence and Critical Ability (PICA) 24
 Propaganda Jepun 8, 169-172, 181, 183-185, 194, 201, 431
 Radzi Sheikh Ahmad 326, 232, 340
 Raphael Roy Pura 300
 Rivers and Schramm 35
Rocket 7, 273, 343
 Rugh 15, 358, 401
 Said Zahari 250-252, 254-259, 262-263, 267-268, 396, 401, 409
 Samad Ismail 244, 251-252, 254-256, 267, 292, 344, 346, 366
 Samani Mohd. Amin 244, 292
 Samuel Garling 73, 93-94, 98-99, 405
 Seabridge 162, 174-176, 178
 Sekolah Melayu 122
 Senu Abdul Rahman 255, 257
 Seruan Aliran 306, 308, 310
 Shariff Ahmad 293
 Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar 273
Sin Chew Jit Poh 7, 155, 244, 279, 291, 321, 322
Singapore Chronicle 57, 67, 68-74, 77, 88-89, 91-93, 98, 103, 109, 392-393, 402-403
Singapore Herald 170-176, 188, 431
 Singapura dan Melaka 40-41, 43, 65-66, 72, 84, 87-88, 102, 107
 Stuart Hall 16
 Sun Yat-sen 152, 154
 Syarikat Hindia Timur (SHT) 39, 41
 Syed Arabi Idid 4, 12, 34, 35, 351, 409, 426
 Syed Jaafar Albar 255
Syonan Sinbun-kai 205, 365
Syonan Times 204, 207
 T. Selventhiranathan 303, 319
 The Asian Wall Street Journal 7, 299
 The Hircarrah 46, 57-58
The Malacca Observer 73-74, 94
The Prince of Wales Island Gazette 3, 8, 40-41, 57, 59-60, 65, 71, 80, 83, 86-89, 114
The Star 5-7, 244, 275, 291-292, 307, 312-313, 321-322, 335, 343, 350, 390-391
The Straits Times 6, 107, 125-128, 135, 150-151, 155, 165, 173-174, 182, 209, 215, 226-231, 234-236, 262, 268, 272-273, 275-284, 286-288, 296, 350, 354, 372, 390, 392, 410
The Sunday Star 7, 244, 291
 Thomas 19, 60, 75, 82, 144, 160-161, 163-164, 167, 172, 177-178, 181-183, 186-188, 190-191, 245, 308-309, 389-390, 403, 410
Time International 274
 Tonkin 174-175, 178
 Tun Abdul Razak 272-274, 282, 339, 346, 368
 Tunku Abdul Rahman 9, 225-226, 228, 231, 242-243, 250-253, 255, 257, 259-260, 262-264, 269, 292, 367, 410
 UMNO 5-6, 199-200, 210-213, 216, 218, 221, 225, 237, 241-244, 247-256, 258-259, 264-266, 274-276, 279-285, 287, 308, 343, 347-349, 353-354, 366, 373-374, 410, 432
 Undang-undang Hasutan 118, 137
 Usman Awang 257
Utusan Malaysia 5, 275, 285, 312
Utusan Melayu 5, 206, 209, 213-

- 216, 218, 226, 229, 231, 233, 242,
244, 247, 248-257, 258-267, 268-
269, 285, 288, 310, 346, 353, 388,
396, 410-411, 432
- V. David 260-261, 263, 291
- Warta Malaya* 173-174, 397
- Warta Negara* 213, 215
- Watan* 7, 244, 291-292, 321-322,
343
- Windecker 160, 162
- Yamashita 201, 204
- Yusof Ishak 248, 250-251, 253, 254-
256
- Zailani Sulaiman 251, 266
- Zulkifli Mohamad 260-261, 263